DEWAN NEGERI PAHANG
TINGKAT 1, BLOK A,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG,
WISMA SRI PAHANG,
25503 KUANTAN, PAHANG.
TEL: 09-5126623
FAKS: 09-5161443
E-MEL: dun@pahang.gov.my

PENYATA RASMI
DEWAN NEGERI PAHANG

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
18,19, 20, 21 & 22 NOVEMBER 2019

PENYATA RASMI

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
18,19, 20, 21 & 22 NOVEMBER 2019



PEJABAT DEWAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14

HARI PERTAMA
18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

KANDUNGAN

HARI PERTAMA: 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT - MESYUARAT KE-2 PENGGAL KE-2 DEWAN NEGERI PAHANG KE-14	1
4	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	2
5	KERTAS-KERTAS DIBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2020) 2019 DN 28/2019 ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN TAHUN 2020 ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR TAHUN 2020 DN 34/2019	27
6	RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2020) 2019 BACAAN KALI PERTAMA BACAAN KALI KEDUA	 27 27
7	UCAPAN BAJET	28
8	USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR TAHUN 2020	47

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Pertama : 18 November 2019 (Isnin)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli.
Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. **Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-BadanBukan Kerajaan**	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli**	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi dan Multimedia**	-	**Bebar**
Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna**	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Encik Abd Rahim bin Muda, AMP., PKC. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan**	-	**Lepar**
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	-	**Dong**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun, SSAP., DIMP., SMP.	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP., SMP	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Tras**
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Bilut**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	-	**Ketari**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman, AAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung - **Semambu**

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Isnin	:	18 November 2019
Bersamaan	:	21 Rabiulawal 1441 Hijrah
Masa	:	9.30 pagi

Bacaan doa.

DOA

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan al-Quran]. [Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar-tukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal ‘Alamin.

PENGESAHAN PERINGATAN MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Pertama: Pengesahan Peringatan Mesyuarat.

Pengesahan Peringatan Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada 19 Ogos 2019 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

YAB. DATO’ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin membawa cadangan bahawa Peringatan Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada 19 Ogos 2019 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan, disahkan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, soalannya ialah suatu cadangan bagi mengesahkan Peringatan Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang yang Ke-14 pada 19 Ogos 2019 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan, telah pun mendapat sokongan. Sekiranya tiada apa-apa pindaan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Peringatan Mesyuarat tersebut disahkan dengan tiada pindaan.

(YB. Yang di-Pertua Dewan menandatangani pengesahan minit mesyuarat).

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan Dan Jawapan

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama mengangkat setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah S.W.T. dengan izin-Nya, kita semua dapat menghadiri Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 di Dewan Negeri Pahang pada pagi yang berbahagia ini.

Saya lihat Ahli-ahli Yang Berhormat kelihatan segar, ceria, sihat walafiat dan sentiasa bersemangat untuk terus berkhidmat pada bangsa dan tanah air. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Bilangan 2, 21, 22 dan 23 dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat, *Standing Order*, Yang di-Pertua boleh menetapkan kerusi bagi tiap-tiap ahli dan boleh mengubah ketetapan ini dari masa ke semasa sebagaimana yang baik pada pertimbangan saya. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat rasa selesa dan terus dapat menyumbang kepada Dewan Yang Mulia ini. Baiklah, untuk urusan seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Padang Tengku untuk mengemukakan pertanyaan.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, saya nak mulakan soalan ini dengan pantun.

Pagi-pagi pergi ke kedai,
Sarapan pagi sambil bersantai,
Tahniah BN menang di Tanjung Piai,
Pertanyaan saya membuka tirai.

[Berdasarkan laporan oleh Institut Kemajuan Desa (INFRA) Kementerian Luar Bandar, daerah Lipis menduduki tangga ke-21 dalam senarai daerah termiskin negara dan paling miskin di negeri Pahang. Mohon Kerajaan Negeri menyatakan apakah perancangan khusus dan projek-projek berimpak tinggi yang akan dibawa ke daerah Lipis dalam tempoh 5 tahun ini bagi mengimbangi pembangunannya agar seiring dengan daerah-daerah lain.]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Berpantun ya.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ucapkan terima kasih pada ADN Padang Tengku kerana bertanyakan soalan nombor satu dan memulakan mukadimahnya dengan pantun dengan menyebut Tanjung Piai milik Barisan Nasional dengan kemenangan yang begitu berjaya sekali. Tahniah kepada semua jentera Barisan Nasional. [Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan soalan daripada ADN Padang Tengku yang bertanyakan, yang menyatakan bahawa Lipis menduduki tangga ke-21 dalam senarai daerah termiskin negara dan er… paling miskin di negeri Pahang. Saya ingin mengambil kesempatan di sini bahawa Kerajaan Negeri Pahang sangat prihatin terhadap pembangunan seluruh kawasan ataupun di daerah negeri Pahang ini dan setiap rancangan pembangunan negeri telah disusun mengikut Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 ataupun RSN2050 dan lain-lain dokumen perancangan yang ada, meliputi segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan kawasan. Untuk makluman er… ADN daripada Padang Tengku juga, bagi perancangan di setiap daerah Rancangan Tempatan Daerah ataupun RTD Lipis 2020 telah dirangka pada tahun 2012 lagi sebagai panduan perancangan pembangunan di daerah tersebut.

Bagi merancakkan lagi pembangunan di daerah Lipis, dalam Rancangan Malaysia Ke-11, sebanyak 18 projek telah diluluskan di daerah Lipis yang keseluruhannya bernilai RM715 juta dan antara projek berimpak tinggi yang telah diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini adalah Pembinaan Projek *Central Spine Road (CSR)* dan pakej terbaru yang akan dilaksanakan adalah Seksyen 3J: Kampung Seberang Jelai, Padang Tengku ke Kampung Relong, Kuala Lipis dan sebahagian Seksyen 4A yang bernilai RM389 juta.

Projek ini meliputi kerja-kerja membina jalan baru berkembar empat lorong, dua hala sepanjang 6.95 kilometer dari Kampung Seberang Jelai ke Kampung Relong. Projek

ini telah pun bermula pembinaannya pada 26 September 2019 dan dijangka siap pada 26 September 2022. Projek *Central Spine Road* ini telah memberi impak yang besar kepada *connectivity* atau jaringan perhubungan di daerah Lipis dan juga memberikan kesan limpahan ekonomi yang sangat besar. Projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan sedikit sebanyak telah menyumbang kepada peningkatan taraf hidup penduduk di daerah Lipis ini.

Ini dapat dilihat daripada peningkatan pendapatan isi rumah. Melalui rekod pendaftaran dalam Sistem eKasih, terdapat peningkatan rekod terkeluar daripada Kategori Miskin dan Miskin Tegar dari tahun 2016 sehingga 2018 iaitu 1,155 Ketua Isi Rumah (KIR) pada tahun 2016, 1,321 Ketua Isi Rumah (KIR) tahun 2017 dan 1,380 Ketua Isi Rumah (KIR) bagi tahun 2018 yang telah terkeluar daripada Kategori Miskin dan Miskin Tegar.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Padang Tengku er… angka yang saya katakan tadi adalah sumbernya daripada Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang. Manakala bagi pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah ataupun median di daerah Lipis turut menunjukkan peningkatan sebanyak 5.5% daripada tahun 2014 sehingga 2016. Pada tahun 2014 pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah yang direkodkan adalah RM2,838.00 manakala bagi tahun 2016 adalah RM3,168.00. Ini juga… sumber ini juga diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Soalan tambahan Dato' Sri… saya nak merujuk kepada apa nama… peranan yang dimainkan oleh ECERDC ya. Satu badan yang ditubuhkan bagi er… merancang… menjana pembangunan di Pantai Timur dan juga di Mersing. Persoalan saya ialah kita di Lipis ini tak nampak sangat projek-projek yang dimainkan oleh… oleh er… ECER ini. Kalau tak silap saya ada 3 tadi Dato' er… apa… Sri MB sebut. CSR, satu lagi projek herba. Kemudian satu lagi er… *empower*. Itulah 3 projek itu. Jadi persoalan yang saya nak kemukakan yang pertamanya ialah er… peranan. Kita nak mohon, nak minta dan apakah peranan ECER terhadap pembangunan Lipis? Itu yang pertama.

Yang keduanya ialah saya nak bertanya tentang er…program-program kejayaan program-program… projek-projek er… membasmi kemiskinan. Kita tahu ada banyak projek-projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan umpamanya kita ada projek PPMS, Projek Pembangunan Masyarakat Setempat, PPP Projek Pemb…Peningkatan er… Program Peningkatan Pendapatan, Agropolitan, Rimbunan Kasih, Amanah Ikhtiar, Satu Azam. Tapi kita tak nampak sangat kejayaan kepada projek-projek ini. Dan apa yang kita tahu di antaranya ialah disebabkan oleh kemiskinan sikap yang ada pada peserta-peserta, yang mereka tak mahu keluar daripada PPRT umpamanya. Jadi soalan saya ialah apakah er… peranan dan perancangan pihak kerajaan bagi er… membangunkan dalam kontek pembangunan insan umpamanya bagi mengatasi masalah kemi… kemiskinan sikap ini? Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada ADN Padang Tengku yang bertanyakan 2 soalan. Yang pertama ialah berhubung dengan peranan ECER dan yang kedua apakah peranan dan tanggungjawab. Saya fikir soalan ini ada kaitan walaupun ada terkeluar tajuk sikit daripada Institut Kemajuan Desa Kementerian Luar Bandar, terus pergi kepada ECER, *East Coast Economic Region* ataupun Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ECER ini telah pun kalau kita lihat, dia secara berperingkat-peringkat. Sebagai contohnya Menara Teruntum yang akan kita rasmikan pada tahun depan. Kemudian Titik Tengah Temerloh, kemudian beberapa lagi projek pertanian, itu adalah hasil usaha daripada ECER dan ECER ini sebelum mengemukakan permohonan mereka kepada Kerajaan Persekutuan, akan dibincangkan dengan peringkat negeri dulu. Oleh sebab er… perkara ini secara peringkat-peringkat dan yang terkini ialah semasa mesyuarat terakhir saya dengan ECER, kita telah membincangkan supaya pembangunan-pembangunan ditumpukan di kawasan-kawasan luar bandar termasuklah di kawasan Orang Asli.

Dan insya-Allah pada hari Rabu ini, saya akan bermesyuarat dengan Perdana Menteri dengan ECER, semua Menteri Besar terlibat, kita akan *finalize* apa yang telah Kerajaan Negeri bentangkan. Maknanya peranan ini ada, tetapi untuk kita melihat secara *overnight* apa orang putih kata buat hari ini esok nak buat, tidak. Kerana dia makan masa yang… yang lama dan kita harus ingat juga bahawa kemiskinan ini adalah satu perkara yang sangat sub… subjektif. Bermaknanya kadang… kadang-kadang terpulang kepada individu tersebut untuk macam mana dia menguruskan kewangan dan sebagainya. Tetapi apa yang penting, melalui angka yang saya telah jawab tadi, di daerah Lipis ini, ketua isi rumahnya telah ramai terkeluar daripada garis kemiskinan.

Dan saya juga ingin nyatakan di sini bahawa usaha-usaha untuk er… mengatasi kemiskinan ini supaya mereka keluar daripada ke… kepompong kemiskinan ini akan terus diusahakan oleh Kerajaan Negeri dan insya-Allah dalam bajet saya pun, ada saya sentuhkan bagaimana kita untuk meningkatkan ekonomi rakyat di negeri Pahang supaya sekaligus akan mengurangkan kadar kemiskinan di negara kita. Jadi peranan dan tanggungjawab tadi sepertimana yang saya katakan tadi sudah tentulah kita memberi fokus kepada… untuk meningkatkan kehidupan masyarakat rakyat di negeri Pahang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Soalan tambahan boleh?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Er… terima kasih Dato Yang di-Pertua. Kalau sekiranya daerah Lipis dikenali sebagai menduduki tangga ke-21 antara daerah yang termiskin di negara, saya cuma nak tahu sikit kalau ada *figure* lah waktu ini, bagaimana kedudukan Kuantan dan juga Bera. Dua… dua tempat ini. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Satu soalan yang baik tapi saya tidak boleh jawab sekarang sebab tidak ada *ranking* dia. Tetapi insya-Allah saya akan minta er… BPEN akan mengemukakan senarai apa ni… semua daerah di negeri Pahang ini menduduki tangga yang ke… yang ke berapa. Tangga ke-21 ni kira tak teruk sangat la Lipis ni. Jadi kita akan kemukakan kemudian Yang Berhormat ya. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, sila wakil daripada Ketari. Soalan berikutnya.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua, saya nak balas pantun sikit boleh…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Nak balas er…

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

… pantun tadi nak balas sekejap.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

…Padang Tengku?

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Satu dua tiga empat,
Lima enam tujuh lapan,
Tanjung Piai, BN dapat,
Tahniah dan ucapan daripada Pakatan Harapan.

Tuan… Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin tanyakan soalan nombor 2.

[Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani isu korek pasir haram ini dari berterusan?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya jawab pantun dalam ucapan bajet Tuan Yang di-Pertua ya. (Ahli Dewan ketawa) Saya ucapkan terima kasih kepada YB daripada Ketari yang bertanyakan soalan adakah pengambilan pasir sungai secara haram di kawasan Ketari dan apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini. Pertama sekali saya nak bagitahu kepada Yang… Yang Berhormat, berdasarkan rekod dan pemantauan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong, tiada aktiviti pengambilan pasir secara haram di kawasan Ketari.

Bagi tahun 2019 cuma terdapat 20 pengusaha ataupun operator pasir yang masih aktif yang telah diberi kelulusan di bawah Seksyen 69 Kanun Tanah Negara iaitu Lesen Pendudukan Sementara ataupun LPS dan permit yang disatukan atau turut dikenali sebagai LPS Bercantum Permit 4B bagi menjalankan operasi pengambilan bahan batuan di daerah Bentong. Daripada jumlah keseluruhan, 20 Lesen Pendudukan Sementara yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, sejumlah 5 LPS telah diluluskan melibatkan kawasan Ketari. 2 daripada LPS yang diluluskan melibatkan pengambilan pasir sungai daripada Sungai Bentong, 2 melibatkan pengeluaran pasir sungai daripada Sungai Benus, dan 1 lagi dikeluarkan untuk pengambilan pasir sungai daripada Sungai Kelau, Mempaga.

Pemantauan oleh pihak Kerajaan Negeri terhadap aktiviti pengambilan bahan batuan, melalui jabatan atau agensi yang berkenaan seperti Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian, Pejabat Daerah dan Tanah dilakukan secara berterusan dengan kerjasama orang awam. Untuk makluman Yang Berhormat juga sepanjang tahun 2019 sebanyak 4 kes pengambilan bahan batuan dan satu kes pelanggaran Enakmen Mineral 2001 telah dikesan dan diambil tindakan peng… penguatkuasaan di bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara dan Enakmen Mineral 2001 di daerah Bentong.

Kesemua kes yang dinyatakan dalam peringkat penyediaan kertas siasatan untuk dibawa ke pihak Pejabat Timbalan Pendakwa Raya. Namun begitu tiada kes pengambilan bahan batuan secara haram atau secara tidak sah dikesan oleh pihak berkuasa melibatkan kawasan DUN Ketari setakat ini. Bagi tujuan memperkasakan dan memperkukuhkan lagi aktiviti pemantauan dan tindakan penguatkuasaan, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang. Unit ini berfungsi sebagai O*ne Stop Centre* iaitu tindakan penguatkuasaan supaya dapat dilakukan dengan lebih bersepadu merangkumi pelbagai ruang lingkup, punca kuasa dan bidang kuasa penguasaan bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih pantas, menyeluruh dan berkesan.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan. Er… Yang Amat Berhormat, er… tadi Yang Amat Berhormat ada maklumkan mengenai 20 lesen telah dikeluarkan. Itu hanya untuk daerah Bentong sahaja ataupun keseluruhan negeri Pahang?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di daerah Bentong sahaja.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih yang berhormat.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sahabat saya dari Ketari menanyakan er… pengambilan pasir sungai secara haram tapi soalan saya adalah mengenai peng… pengusaha pasir sungai di Pahang yang ada permit yang menghadapi masalah pembaharuan permit pada tahun ini. Saya difahamkan ada beberapa daerah meng…er… menghadapi masalah ini dan saya mohon penjelasan daripada kerajaan Negeri apakah masalah sebenar dan apakah perkembangan terkini? Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

ADN daripada Triang membangkitkan masalah, yang saya tahu tidak ada masalah yang besar, jadi apa masalah dia? Boleh YB beritahu tak?

YB.CIK LEONG YU MAN

Sebagai contoh di daerah Bera, beberapa pengusaha yang er… dahulunya dapat memperba… memperbaharui permit pada bulan Januari, tetapi pada tahun ini perlu tunggu er… selama enam bulan. Jadi selama enam bulan mereka tidak dapat beroperasi dan juga terpaksa membelanjakan menanggung kos gaji pekerja yang tidak bekerja. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya tidak fikir itu satu masalah yang besar, kerana baru-baru ini Kerajaan Negeri ada bercadang dan telah pun meluluskan penubuhan Pengurusan Pasir Pahang Berhad (PPBB). Jadi dalam masa penubuhan tersebut, ada beberapa perkara yang perlu diteliti dan sebagainya. Dan er… pada peringkat permulaan sebagai contohnya, PPPB ini akan er… menguruskan semua pasir di negeri Pahang ini. Tetapi setelah kita bincang balik kita dapati er… hanya Pengurusan Pasir Pahang ni… hanya ditumpukan bagi kawasan Pekan dan Rompin sahaja dan bagi daerah-daerah lain tidak terlibat. Jadi mungkin ada sedikit kekeliruan di situ, dan ini adalah perkara biasa Yang Berhormat Yang di-Pertua. Enam bulan bagi saya tak lama Yang Berhormat, sekejap sangat tu. Kira cekap dah tu Kerajaan Negeri kalau enam bulan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikutnya. Jemput Wakil dari Bilut.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 3.

[Hutan Lipur Chamang Bentong.]

a) Pada 2019, 3 kes lemas yang meragut nyawa telah berlaku di Hutan Lipur Chamang Bentong. Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil apa-apa langkah untuk menangani tragedi ini?

b) Adakah Hutan Lipur Chamang Bentong terbuka kepada orang awam setiap hari selepas kaunter pembayaran didirikan dan orang awam dikenakan bayaran masuk?

c) Sila nyatakan jumlah pendapatan Hutan Lipur Chamang Bentong sejak tahun 2017. Bagaimanakah kerajaan negeri membelanjakan pendapatan tersebut?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Taman Eko Rimba Chamang adalah salah satu daripada tempat yang menjadi daya tarikan pengunjung ke daerah Bentong. Kawasan ini amat terkenal dengan Air Terjun Sungai Perting dan seringkali menjadi lokasi orang awam menjalankan aktiviti rekreasi. Walau bagaimanapun terdapat kejadian iaitu lemas yang telah meragut nyawa ya di Taman er… Eko Rimba ini. Antara perkara-perkara yang… inisiatif yang kita telah ambil dan kita juga maklum bahawa kejadian ini berlaku adalah disebabkan sebahagian daripada pengunjung mereka tidak… tidak mematuhi peraturan yang telah kita tetapkan.

Walau bagaimanapun kita memahami bahawa kita tidak mampu untuk mengawal, mengawal keseluruhannya. Tetapi beberapa langkah pencegahan tambahan yang kita ambil seperti:-

1. Memasang sistem siaraya/pembesar suara untuk memberi amaran secara lisan dan berterusan kepada pengunjung yang memasuki kawasan larangan itu. Maksudnya jika pengunjung memasuki kawasan larangan, maka kita ada pembesar suara iaitu *speaker, loudspeaker* supaya tahu bahawa… dengan izin, bahawa kawasan tersebut kawasan larangan.

2. Memasang pagar *anti-climb* dan *barb-wire* serta papan tanda bahaya di lokasi laluan masuk ke kolam tersebut;

3. Membina pondok pengawal keselamatan *lifeguard* berhampiran dengan lokasi air terjun;

4. Menaik taraf pintu masuk utama supaya tidak mudah dirosakkan dan dicerobohi selepas waktu Taman Eko Rimba ditutup, iaitu kita hanya buka waktu 8.00 pagi hingga 5.00 petang; dan

5. Menempatkan pengawal keselamatan di pintu masuk utama mengawal keselamatan selepas waktu lawatan.

Yang Berhoramat Yang di-Pertua,

bagi soalan kedua, iaitu kita sememangnya mengenakan caj atau *fee* iaitu pintu masuk er... bagi kanak-kanak adalah er... sebanyak RM1.00 seorang. Saya ingat kita kena kaji balik ni. RM1.00 ni, besar… mahal sangat ke? Kita kaji balik. Seringgit tak ada dah seringgit ni. Tak apa, ini tak apa. Setakat ini seringgit. Tetapi kalau kita kaji ni, tadi Wakil daripada er... ADN daripada Lembah Bilut dia akan *protest* pasal naik.

Yang keduanya untuk dewasa hanya RM3.00. Nasi lemak pun RM5.00 dah sekarang ni. Bagi pengunjung luar negara ataupun er... ini bagi *foreign tourist,* kita kenakan

RM10.00 seorang, dan saya juga nak maklumkan bahawa er... kita juga er... apa nama terdapat ya, iaitu sebuah syarikat yang mereka nak buat CSR. Itu kita sedang teliti. Dan yang keempatnya, soalan yang seterusnya er... kawasan ini juga ditutup yer, selain daripada apa yang kita kenakan bayaran pemi... bayaran masuk tetapi kawasan-kawasan ini ditutup ya, ditutup iaitu pada hari perayaan dan termasuklah pada hujung tahun iaitu di musim tengkujuh. Saya juga nak maklumkan bagi soalan seterusnya bahawa setakat ini kutipan kita sehingga September 2019 adalah sebanyak RM188,504.00. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, er... saya terdapat bahawa pintu masuk telah pun ditutup dan tiada pegawai untuk mengutip tiket pada cuti awam ataupun perayaan, er... ini terpaksa, er... apa tu, pelancong terpaksa patah balik bila mereka sampai ke pintu utama tersebut. Adakah Kerajaan Negeri ataupun pihak er… tertentu pertimbang balik er... kita buka semula atau pun buka pada er… apa tu, hari perayaan ataupun cuti awam. Sekian.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri telah juga mengambil inisiatif untuk kita *privatice*kan untuk kita swastakan kawasan-kawasan yang sebegini rupa. Kerana jika sekiranya syarikat swasta ataupun pihak swasta yang melaksanakannya, sudah tentulah mereka akan mempunyai er… KPI ataupun ingin mendapat balik pelaburan yang mereka er… laksanakan. Kita akan pertimbangkan. Supaya… kerana setakat ini ianya di bawah jabatan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Kita akan pergi soalan berikut, Wakil Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

[Bahasa Arab]. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mengemukakan soalan ke-4.

> [Kes kebakaran tanah gambut sering berlaku di sekitar Kuantan, Pekan dan Rompin, sila nyatakan;
>
> a) Adakah kerajaan bercadang untuk membangunkan projek agro tani atau ladang hutan di kawasan tanah gambut bagi mengatasi pembakaran terbuka ini?

b) Adakah pihak kerajaan bercadang untuk membina tali air dan sistem pintu air berpusat bagi mencegah kebakaran di sekitar kawasan tanah gambut?]

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih rakan saya daripada Beserah yang telah mengajukan soalan berkaitan dengan tanah gambut. Jadi untuk maklumkan sebenarnya tanah gambut ni biasanya dikategorikan sebagai tanah bermasalah kerana ianya mempunyai kandungan organik yang tinggi dan er… kalau mengikut daripada er... kajian saintis tanah, dia mengatakan bahawasanya apa yang ditakrifkan sebagai tanah gambut ataupun dalam bahasa Inggerisnya *peak soil* adalah tanah yang mengandungi organik yang kadarnya atau pun peratusannya melebihi 35%. Namun er… kita sedia maklum dalam konteks pertanian, tanah gambut yang kita er… selidiki didapati mempunyai kandungan organik iaitu 75 ... melebihi 75%.

Jadi oleh kerana itu, masalahnya ialah tanah gambut ini dengan er… kandungan yang ada er... kandungan organik yang ada ni tinggi dan juga mempunyai er... nutrien-nutrien yang antaranya menggalakkan er... kebakaran iaitu *sulfer. Sulfer* ini adalah nutrien yang menggalakkan kebakaran kalau sekiranya ada tercetusnya sumber, apilah. Jadi apa yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Beserah ni adalah dua keadaan. Pertama persoalannya ialah kita nak mengawal kebakaran. Yang keduanya menjalankan aktiviti agro. Jadi oleh kerana kandungan organik yang tinggi, tanah gambut ini mempunyai keupayaan untuk memegang. Bahasa Inggerisnya dengan izin, *retain* air. Jadi air tanah gambut ni maknanya dia boleh memegang kandungan air yang tinggi.

Jadi oleh kerana itu kalau misal contohnya kita nak buat projek pertanian maka kita kena menyediakan sistem saliran. Kalau tidak nanti er… bila berlakunya hujan, jadi tanah ni dia jadi er… mengandungi air yang tinggilah *soggy* menyebabkan tanaman kita mati. Jadi, ini masalah dia. Jadi untuk buat projek agro kita terpaksa menyediakan sistem saliran yang baik supaya kita dapat menurunkan apa nama… paras air ataupun *water table* dalam er… tanah ini dan tanaman boleh tumbuh dengan baik. Namun kalau sekiranya kita menurunkan aras air ini ataupun *water table* ini, dia nya mempunyai kecenderungan kalau sekiranya ada berlaku kebakaran, dia akan merangsang kebakaran, er… ni ada orang kata dia *too extreme,* dengan izin, er… satu pihak kita hendak gunakan tanah ni untuk pertanian tapi pada masa yang sama dia juga boleh er… mendedahkan keadaan di situ er… dengan bahaya sekiranya berlaku kebakaran.

Jadi untuk menjawab soalan wakil daripada Beserah tadi, memang ada pihak… ini... pertanian melaksanakan kerja-kerja aktiviti pertanian di kawasan-kawasan gambut ini tetapi sepertimana yang saya katakan tadi, dengan memperkenalkan sistem-sistem saliran yang er… lengkap untuk membolehkan tanaman-tanaman yang diusahakan ini tidak musnah apabila berlakunya hujan yang lebat, yang boleh menyebabkan tanaman-tanaman seperti sayur-sayuran dan juga tanaman-tanaman yang sesuai antaranya ialah nenas. Tanah gambut ni dia sesuai untuk tanam nenas. Jadi kalau sekiranya terendam… lama... dia akan mati. Dan usaha ini dibuat bukan untuk menangani masalah kebakaran tetapi untuk memanfaatkan penggunaan tanah bagi pengeluaran makanan.

Yang keduanya ialah bagi menjawab soalan rakan daripada Beserah, tentang apakah usaha kerajaan ataupun sama ada pihak kerajaan ada membina er… tali air ataupun

sistem pintu air berpusat maksudnya ini sistem saliran. Sebenarnya er… melalui Jabatan Alam Sekitar, peruntukan telah disediakan dalam tahun 2018 dan 2019 yang diperuntukkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk membina apa yang dipanggil *check dam. Check dam* ni maknanya pastikan supaya kandungan air dalam kawasan tersebut tinggi bagi mengelakkan berlakunya kebakaran. Dan er… untuk itu dalam tahun 2018 sebanyak RM882,210.00 telah diperuntukkan kepada Jabatan Alam Sekitar dan peruntukan ini telah diagihkan kepada JPS.

Manakala dalam tahun 2019 sebanyak RM530,000.00 telah diperuntukkan untuk membina er… apa yang dipanggil sebagai *check dam* dengan izin, ya dan kesemuanya kalau kita lihat misal contohnya di Pekan kita ada 32 *check dam* yang dibina di Kuantan ada 59 *check dam* yang dibina dan di Rompin ada 1. Kesemuanya 92 dan juga dibina kolam-kolam takungan untuk membolehkan Jabatan Bomba dan Penyelamat mengambil air daripada kolam takungan ini apabila berlakunya kebakaran. Dan sepertimana yang sedia… saya maklumkan tadi iaitu tanah gambut ni dia punya *top layer*, lapisan atas tu ialah terdiri daripada sulfur. Bawah tu barulah *nutrients-nutrients* lain. Jadi bila berlaku kebakaran dia tak perlu ada tumbuhan di atas. Dia boleh terus merebak. Tapi kalau ada tumbuhan di atas makna dengan tumbuhan-tumbuhan itu sendiri akan musnah. Jadi itulah penjelasan, terima kasih.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan, Yang di-Pertua. Terima kasih Wakil daripada kerajaan di atas jawapan yang diberikan, cuma saya ber... saya berharap agar segala permasalahan yang dinyatakan oleh pihak kerajaan itu tadi, kita perlu menilai dan melihat bagaimana kita harus mengawal dan juga mengadakan satu sistem supaya perkara sebegini dapat kita atasi. Kita lihat apapun permasalahan yang timbul, yang pertama kadang-kadang anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat bertungkus lumus mengawal keadaan kebakaran yang begini sukar untuk dikawal kerana kedudukan muka bumi *accessibility* dengan izin, ke… tak boleh nak capai ke kawasan tersebut kerana kawasan terlalu jauh ke dalam kemudian kos untuk nak mengendalikan dan mengawal kebakaran ini sangat tinggi selain daripada pencemaran kepada penduduk sekitar.

Jadi sebab itu kita, kita berharap ada satu tindakan yang boleh kita ambil supaya tanah-tanah gambut yang kita kenal pasti ini tadi dapat digunapakai dan diselenggara dengan baik supaya *accessibility* itu dapat dica… dapat di… di… diberikan apabila berlaku kebakaran pasukan Bomba dan Penyelamat dapat pergi dengan mudah dan dapat mengawal kebakaran juga dengan keadaan yang lebih baik dan selesa. Kadang-kadang kita tengok sendiri bagaimana mereka berusaha ber… berhari-hari duduk dalam hutan gambut tersebut dalam keadaan prasarana yang tidak baik dan juga *accessibility* kawasan yang terlalu terpinggir, terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HJ MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebab itu kita dari segi aspek pertanian kita memperkenalkan apa yang dipanggil sebagai GAP, iaitu dalam bahasa inggerisnya *Good Agricultural Practices* dengan izin. Jadi mengikut kaedah ini… ini… pertanian yang baik ini, kita ada pendekatan, pendekatan. Iaitu antara lainnya kaedah-kaedah yang wajar kita aplikasikan bagi mempastikan keadaan alam sekitar tu terjaga. Jadi *culprit* dengan izin, ini… apa nama er… pelaku yang menjadi penyebab, punca kepada kebakaran ini antara lainnya ialah kerana nak mengurangkan kos iaitu bila terpaksa dia membersihkan kawasan misal contohnya, dia memerlukan kaedah-kaedah tertentu untuk mengelakkan berlakunya

kebakaran. Tetapi oleh kerana antara lainnya kaedah kebakaran terbuka ini adalah lebih murah. Jadi dia membuat ni, pembakaran.

Sebab itu dalam kontek ini mengikutkan Akta Alam Sekeliling 1974, maka dikenakan satu *penalty* yang besar iaitu mengenakan denda tidak melebihi RM500,000.00 dan juga er… akta ini memperuntukkan juga er… penjara tidak melebihi 5 tahun supaya dapat menjadi usaha pencegahan kepada pelaku-pelaku yang mungkin mempunyai niat yang tidak baik kan, kerana kesannya sepertimana rakan saya daripada Beserah nyatakan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, iaitu kos untuk menangani permasalahan kebakaran ini jauh lebih besar dan boleh memudaratkan alam sekitar dan sebagainya. Sebab itu dalam konteks ini kita mengambil pendekatan yang serampang dua mata.

Pertama, dari segi kaedah pertanian yang baik kita menyarankan supaya mengamalkan langkah-langkah yang mampan iaitu *sustainable* ini… *development,* dengan izin. Yang keduanya pencegahan dari segi alam sekitar di bawah Akta Alam Sekeliling. Sebab itu insya-Allah mudah-mudahan dengan usaha-usaha yang dibuat ini sendiri akan dapat juga memberi... er… mengekang tindakan yang tidak bertanggungjawab bagi mereka-mereka yang memikirkan keuntungan melebihi kepentingan lain. Namun er… untuk mereka-mereka yang memang ikhlas untuk bertani dan sebagainya, maka kita menyarankan supaya mereka turut serta dalam program-program evokasi yang dilaksanakan oleh pihak jabatan sama ada pertanian dan sebagainya bagi mengelakkan berlakunya bencana ekoran daripada tindakan-tindakan yang tidak bertanggungjawab. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, jemput Wakil Jengka, bagi mewakili ADN Chenor.

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD. HALIM

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mewakili Yang Berhormat daripada Chenor. Beliau petang semalam daripada Jeddah, Mekah. Malam tadi sampai, sekarang dalam perjalanan ke Dewan. Sudah melepasi Gambanglah. Insya-Allah sampai sikit lagi. Jadi *mera khayal pandra mini ki bhat* pun canggih. Dengan izin, insha Allah. Er… soalan nombor lima.

[Isu penyalahgunaan dadah.

a. Berapakah statistik terkini penagih dadah baharu dan ulangan mengikut daerah di Pahang?

b. Apakah kaedah pemulihan penagih dadah sekarang berjaya memulihkan penagih atau sebaliknya?

c. Apakah tindakan kerajaan terhadap *'port*' atau sarang-sarang penagih yang kelihatan bebas melakukan aktiviti yang tidak sihat ini.

d. Adakah golongan pelajar sekolah rendah juga terlibat dengan penyalahgunaan dadah? Kalau ada, apakah tindakan kerajaan menangani masalah ini?]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan lima yang dikemukakan oleh Wakil daripada Chenor. Ada empat soalan er… dalam soalan lima ini. Soalan pertama statistik terkini penagih dadah baharu dan ulangan mengikut daerah di Pahang. Er… untuk itu, Kuantan mempunyai 158 kes baru, 82 kes ulang; Temerloh 96 kes baru, 58 kes ulang; Raub 69 kes baru, 126 kes ulang; Pekan 104 kes baru, 63 kes ulang; Maran 82 kes baru, 40 kes ulang; Jerantut 81 kes baru, 41 kes ulang; Rompin 105 kes baru, 68 kes ulang; Bentong 63 kes baru, 31 kes ulang; Lipis 61 kes baru, 42 kes ulang dan Bera 44 kes baru, 23 kes ulang. Yang mana menunjukkan bahawa mengikut daerah-daerah di Negeri Pahang, daerah Kuantan merupakan paling ramai jumlah penagih iaitu seramai 240 orang diikuti Daerah Raub seramai 195 orang dan Daerah Rompin seramai 173 orang. Lampiran data terperinci akan dikemukakan kemudian.

Mengenai soalan kedua, apakah kaedah pemulihan penagih dadah sekarang berjaya memulihkan penagih atau sebaliknya? Ada yang berjaya, ada yang tidak berjaya. Kaedah-kaedah yang dijalankan ialah rawatan dan pemulihan termasuk Program Pembangunan Keluarga, Program Pencegahan *Relapse* ataupun berulang, Program Latihan Kemahiran Jangka Pendek (AADK) Agensi Anti Dadah Kebangsaan bekerjasama dengan Kolej Komuniti, Program Psikososial, Program-program Keagamaan, Program Integrasi dan Khidmat Masyarakat dan menunjukkan bahawa daripada bulan Januari hingga September 2019 er… 48% penagih dapat dipulihkan dan diletakkan di bawah kriteria kekal pulih.

Untuk soalan tiga, apakah tindakan kerajaan terhadap *'port*' atau sarang-sarang penagih yang kelihatan bebas melakukan aktiviti yang tidak sihat ini. Untuk makluman Sidang Dewan daripada tahun 2015 sehingga 2019, pihak Polis Diraja Malaysia telah menjalankan sebanyak 7940 operasi di kawasan-kawasan yang dikenalpasti. Begitu juga pelbagai agensi lain bekerjasama secara bersepadu untuk memantau mana-mana kawasan yang dikenalpasti sebagai *port-port* penagih dadah ini.

Untuk soalan keempat, adakah golongan pelajar sekolah rendah juga terlibat dengan penyalahgunaan dadah? Di Negeri Pahang mengikut rekod yang diberi oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pahang melalui semakan data Unit Pendidikan dan Pencegahan Dadah bermula 1 Januari 2019 sehingga 30 September 2019 mendapati tiada murid sekolah rendah di negeri ini yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pahang sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi berkaitan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia dan semua NGO dan mana-mana pihak di sangat-sangat digalakkan untuk sama-sama menjalankan kempen membanteras gejala dadah di negeri Pahang ini. Terima kasih.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, soalan. Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Soalan tambahan saya adalah, bangunan Kompleks Makmur di sebelah bangunan UTC juga menjadi tempat penagih. Saya telah dua, tiga kali bangkit dalam Sidang yang mulia ini. Sampai sekarang masalah tidak selesaikan. Apakah tindakan daripada pihak kerajaan mengatasi perkara ini. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Bangunan err… Minta ulang, bangunan kompleks…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Mamur…makmur, sebelah UTC.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Makmur oh... saya ingat Mahmud tadi. Kompleks Makmur sebelah UTC. Er… kita akan minta pihak-pihak yang berkuasa untuk menyiasat dan mengambil langkah segera. Terima kasih YB.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, Yang Berhormat.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan. Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan oleh er… untuk program pemulihan dadah ini?

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Err… untuk soalan tambahan daripada Ketari, saya ucap terima kasih. Saya tidak ada data lengkap berkenaan jumlah dan kita akan buat jawapan secara bertulis.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang di-Pertua.

Saya tertarik dengan jawapan diberikan oleh pihak Kerajaan. Kadar pemulihan penagih kalau tidak silap saya dengar tadi, 48% penagih yang berjaya dipulihkan. Bagi saya 48% tak sampai separuh daripada penagih-penagih itu yang kita mampu pulihkan berbandingkan dengan kos yang kita belanjakan untuk pemulihan ini. Jadi adakah kita menilai semula kaedah pemulihan yang kita sedang lakukan supaya kadar pemulihan tersebut boleh naik daripada 48 mungkin sampai 70, 80%. Jadi kalau ada kaedah… saya rasa kaedah ini yang perlu kita lihat selain daripada kaedah er… penguatkuasaan di peringkat *source*, di peringkat sumber dia, di peringkat pemulihan ini saya rasa perlu dinilai semula. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Sepertimana yang kita katakan, semua pihak dialu-alukan sekiranya mempunyai cadangan, pandangan, ataupun kaedah yang boleh memberikan peratus… meningkatkan peratus pemulihan penagih-penagih dadah ini. Saya kira ianya akan kita beri kerjasama dan kita akan gunapakai. Jadi sekiranya kalau YB. daripada Beserah ada kaedah yang lebih baik daripada apa yang telahpun dijalankan selama ini, saya kira boleh diketengahkan untuk kita sama-sama ambil tindakan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik. Jemput Wakil Ibam. Soalan berikutnya.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, er… saya… sebelum saya mengutarakan soalan, saya nak menjawab juga pantun daripada Ketari.

Satu, dua, tiga, empat,
Tanam nenas rapat-rapat,
Tanjung Piai BN dapat,
Tanda usaha kerja muafakat.

Yang Hormat Tuan Yang di-Pertua,

soalan saya er… nombor 6.

> [Berapakah jumlah pusat-pusat hemodialisis yang sedia ada di negeri Pahang dan apakah kriteria-kriteria untuk melayakkan sesuatu tempat itu dibina pusat hemodialisis?]

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada err… Bukit Ibam di atas soalan beliau berkenaan dengan Pusat Hemodialisis. Tapi sebab dia dah berpantun saya pun nak menumpang sekaki Dato' Sri Yang di-Pertua.

Bubuh bedak atas pipi,
Pergi dewan pakai sepatu,
PRK sudah mengkasih DAP,
Ucap tahniah gugurnya Bersatu.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er… merujuk kepada pusat hemodialisis ataupun persoalan yang dibangkitkan tentang er… berapakah pusat-pusat yang sedia ada ataupun apakah kriteria-kriteria untuk melayakkan sesuatu tempat dibina untuk pusat hemodialisis ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebanyak 42 buah pusat hemodialisis yang ada di negeri Pahang iaitu hospital Kerajaan Negeri 11 buah, klinik kesihatan 3 buah, pusat hemodialisis swasta ataupun NGO 26 buah, pusat hemodialisis polis ada 2 buah. Adapun kriteria penubuhan pusat hemodialisis ini terletak di bawah Akta er… 1998 (586) dan apa… syaratnya banyak ni tapi yang pertama sekali orang yang nak membuat itu mesti ada tempat. Yang keduanya ada orang yang pakar untuk mengendalikan pusat hemodialisis itu, doktor dan pembantu-pembantunya dan yang ketiganya, dia mestilah mendapat kebenaran awal daripada Kementerian Kesihatan dan juga dia boleh juga mendapatkan bantuan-bantuan daripada Kementerian Kesihatan. Kemudian adalah syarat-syarat *detail* yang boleh saya kemukakan kalau saya bacakan satu persatu terlalu panjang hampir sepuluh muka surat Dato' Sri Yang Di-Pertua, saya boleh panjangkan kepada er… pihak Bukit Ibam insya-Allah. Terima kasih Dato' Sri Yang Di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Soalan tambahan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan soal er… Pusat Hemodialisis ni er… dia… kita kalau mengikutnya ada 42 dan kita luas Pahang ni. Rompin juga begitu dan kawasan saya di Bukit Ibam juga sangat luas. Kalau nak kita kira daripada Bukit Ibam di kawasan saya yang luas itu daripada sempadan Segamat nak menyampaikan ke Muadzam Shah, Hospital Muadzam Shah yang ada Pusat Hemodialisis er… mengambil masa lebih kurang satu jam lebih dan juga kos dan untuk er… pengetahuan semua Yang Berhormat, kita ada kelompok yang begitu ramai yang mengidap er… yang memerlukan er…hemodialisis ini. Jadi saya melihat ada satu tempat er… tempat yang perlu yang dikirakan *centre* pada satu-satu kawasan yang luas itu.

Jadi soalan tambahan saya, apa dah… apakah Kerajaan Negeri bercadang membina Pusat-Pusat Hemodialisis, Kerajaan Negeri sendiri bercadang untuk membina Pusat-Pusat Hemodialisis ini kerana er… swasta ni kosnya sangat tinggi er… tidak mampu sebagainya untuk ditanggung oleh pesakit-pesakit. Jadi adakah Kerajaan Negeri bercadang membina pusat-pusat hemodialisis melalui anak-anak syarikat di kawasan-kawasan yang agak jauh daripada er… Hospital yang ada er… klinik-klinik kesihatan di situ? Terima kasih.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang Di-Pertua di atas soalan tambahan dan kita memang tidak dapat sangkalkan terdapat ramainya pesakit-pesakit buah pinggang yang memerlu kepada perkhidmatan hemodialisis dan juga cadangan daripada Bukit Ibam ini adalah satu cadangan yang sangat baik yang tidak mustahil kerajaan akan memandang dan menitik berat untuk sama-sama kita berganding bahu dengan Kerajaan Pusat bagi menambah pusat-pusat hemodialisis dengan mengambil kira keupayaan kewangan Kerajaan Negeri. Terima kasih Dato' Sri Yang Di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, terima kasih

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Soalan tambahan….

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat saya nak teruskan kepada soalan berikutnya.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Oh… tak boleh ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila… Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih er… Dato' Sri Yang Di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor tujuh.

[Muara sungai di sekitar DUN Beserah telah semakin cetek dan menyukarkan aktiviti harian para nelayan, sila nyatakan;

a) Apakah perancangan pihak kerajaan bagi menyelesaikan masalah ini dan bila dijangka akan dilaksanakan?

b) Adakah pihak kerajaan bersedia untuk menimbangkan cadangan pihak swasta bagi menjalankan kerja-kerja mendalamkan muara sungai tersebut? Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi sekiranya ada pihak-pihak yang berminat menjalankannya?]

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Wakil daripada Beserah yang bertanyakan soalan berkaitan dengan kecetekan er… muara sungai di kawasan Beserah. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, ada lima sungai utama di er… DUN di dalam kawasan DUN Beserah iaitu Sungai Beserah, Sungai Balok, Sungai Ular, Sungai Cherating dan Sungai Chendor.

Jadi masalah kecetekan muara sungai ini bukanlah berlaku hanya di DUN Beserah, bukan sahaja berlaku di muara-muara Sungai Pahang tetapi fenomena ini berlaku hampir di seluruh er… muara sungai utama di negara kita membabitkan er… banyak negeri dan untuk mengatasi masalah ini Yang Berhormat pun saya fikir faham, memerlukan kos yang sangat besar di dalam hal di DUN Beserah ini kita amat bersimpati dengan nasib para nelayan yang menghadapi kesukaran keluar masuk di muara-muara sungai ini khususnya er… dan usaha nak mendaratkan hasil-hasil tangkapan untuk manfaat untuk er… apa di… di er… nikmati hasilnya oleh rakyat. Sehubungan itu, er… pihak Kerajaan Negeri dalam Rancangan Malaysia Ke-12 ini telah memohon peruntukan er… melalui Kerajaan Persekutuan, khususnya untuk tiga sungai dulu Yang Berhormat iaitu Sungai Beserah er… melibatkan kos RM3 juta, Sungai Ular RM3 juta dan Sungai Balok RM3 juta.

Bagi soalan kedua Yang Berhormat, adakah pihak kerajaan bersedia untuk menimbangkan cadangan pihak swasta bagi menjalankan kerja-kerja mendalamkan muara sungai ini? Jawapannya, Kerajaan Negeri Pahang bersedia dan syaratnya er… secara *detail,* teknikalnya agak… agak apa er… kompleks. Jadi secara dasarnya kita mengalu-alukan sebarang cadangan daripada mana-mana pihak dan pihak ini perlu mengemukakan cadangan ataupun mengemukakan hasil kajian hidraulik untuk memastikan sebarang kerja-kerja yang dilaksanakan ini tidak memberikan implikasi er… hakisan tanah di kawasan-kawasan pantai. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan Dato'…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak… terus kepada… saya nak terus kepada soalan 8, Panching.

YB. ENCIK MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 8.

[Apakah status persiapan atlet-atlet Pahang menghadapi SUKMA 2020?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADN kawasan Panching yang bertanyakan tentang status persiapan atlet-atlet Pahang menghadapi SUKMA 2020. Untuk makluman Sidang Dewan, persiapan atlet-atlet di Pahang er… ketika ini sangat memberansangkan. Setelah er… selesai SUKMA Perak er… 2018 yang lalu, Majlis Sukan Pahang telah meneruskan program latihan jangka panjang bermula November 2018 sebagai persiapan menghadapi temasya er… SUKMA Johor 2020 di samping menghantar pasukan menyertai kejohanan peringkat kebangsaan. Ini bertujuan agar atlet yang masih layak untuk bertanding untuk SUKMA XX Johor dapat mengekalkan prestasi agar lebih kompetitif dan untuk makluman Sidang Dewan juga beberapa er… maklumat boleh kita kongsikan dalam Dewan ini berhubung dengan persiapan atlet-

atlet kita er… untuk SUKMA XX Johor. Pertama, bilangan atlet er… negeri Pahang seramai 582 orang er… dan pecahannya 342 lelaki dan 240 atlet perempuan. Kedua, bilangan jurulatih sepenuh masa seramai 32 orang, bilangan jurulatih sambilan pula 39 orang. Manakala bilangan pusat latihan adalah sebanyak 25 pusat latihan.

Bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan atlet yang melebihi had kelayakan umur 21 tahun, Majlis Sukan Pahang telah bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang melalui sekolah yang terpilih untuk menganjurkan program-program pemilihan bakat. Melalui program ini, pelajar yang terpilih akan diserapkan untuk menjalani program latihan intensif di bawah kendalian jurulatih Majlis Sukan Pahang dan seramai 202 orang atlet baharu er… telah dikenal pasti melalui program *Talent ID* dan *Talent Scouting* yang diadakan. Ini bagi er… menyahut cabaran *Champion Glory,* dengan izin, bagi motto er… SUKMA Johor 2020 pada tahun hadapan. Untuk mempertingkatkan program latihan sedia ada, Majlis Sukan Pahang juga telah menyusun beberapa ataupun er… menyusun semula barisan kejurulatihan dengan membuat lantikan baharu serta menambah kekuatan barisan jurulatih dengan memperbanyakan lantikan jurulatih sambilan agar program latihan akan lebih komprehensif dan berkesan.

Untuk makluman Sidang Dewan juga, bagi menambah pengetahuan aspek kejurulatihan, Majlis Sukan Pahang juga telah menghantar jurulatih untuk menyertai bengkel, kursus dan klinik kejurulatihan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Ini bagi memastikan aspek kejurulatihan dapat dipertingkatkan bagi membantu atlet mencapai kejayaan yang diharapkan. Untuk memastikan atlet sentiasa bersedia mental dan fizikal, selain program latihan berterusan, Majlis Sukan Pahang juga telah menganjurkan kem motivasi secara berperingkat dan sebanyak 3 siri kem motivasi sahsiah diri atlet dengan kerjasama Yayasan Pahang yang telah dianjurkan dan melibatkan 10 sukan seramai 125 orang atlet. Siri kem motivasi ini akan diteruskan melibatkan semua sukan yang akan menyertai SUKMA 2020 Johor secara berperingkat. Kem yang berlangsung mendapat kerjasama dan diadakan di Kem Latihan Perhutanan Negeri Pahang, Kampung Belimbing, Pekan, Pahang.

Manakala Program Pendidikan Berterusan melalui Bengkel Pemakanan Sukan, Kesedaran *Doping* dan Ujian Kercergasan turut akan diadakan bagi memastikan setiap atlet lebih peka dan menjaga disiplin masing-masing. Dalam hal ini, beberapa program, untuk makluman Sidang Dewan, telah diatur dan dilangsungkan juga bagi er… memperkasakan atlet-atlet serta jurulatih kita. Pertama Bengkel Periodisasi Sukan, Klinik er… Psikologi Sukan, Bengkel Pemantapan Kejurulatihan dan Pegawai Majlis Sukan Pahang, Bengkel Kecederaan Sukan dan Anti-Doping serta Kursus Sains Sukan Tahap 1 dan Tahap 2. Beberapa siri mesyuarat dan perjumpaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sukan turut diadakan bersama Persatuan Sukan Negeri, jurulatih, agensi terlibat seperti Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Yayasan Pahang dan Jabatan Belia serta Sukan turut diadakan.

Ini memastikan segala perancangan dan mengatur dan persediaan ke arah SUKMA Johor 2020 dapat mencapai satu titik persamaan iaitu menjadikan kontinjen negeri Pahang yang mantap dan kita akan cuba er… berbincang lagi dengan beberapa agensi untuk dilibatkan bersama untuk terus memberi sokongan yang padu kepada atlet-atlet kita pada masa akan datang dan untuk akhirnya juga makluman Sidang Dewan, baru-baru ini kita di Majlis Sukan Pahang telah mengadakan MoU bersama Syarikat Fit Lion dari Singapura yang telah bersetuju untuk menaja 6 orang atlet SUKMA negeri Pahang selama setahun serta atlet akan menerima insentif berjumlah RM300.00 sebulan dan untuk tambahan pembelian makanan sukan ataupun *supplement* tajaan bermula 2019 sehingga 2020. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. ENCIK MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Soalan tambahan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat, yang pertama, apakah jenis sasaran sukan untuk emas dan perak untuk sukan SUKMA 2020 dan yang kedua adakah terdapat atlet-atlet daripada negeri Pahang yang mewakili negara ke Sukan SEA di Filipina pada hujung tahun ini? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

Kepada ADN Panching yang bertanyakan er… adakah di kalangan atlet-atlet kita dari segi er… sasaran untuk mencapai pingat emas memang ada, dan kita er… banyak acara-acara seperti er… angkat berat, memanah dan juga acara menembak serta bowling dan er… kita untuk makluman sidang Dewan juga tidak hanya bergantung kepada sukan-sukan ini secara *total* kerana kita er… telah membuat kaji selidik bahawa negeri-negeri dalam er… Malaysia hari ini kalau dulu satu ketika duduk di peringkat yang akhir dengan kita tapi hari ini seperti Sabah dan beberapa negeri-negeri yang lain Sarawak telah melonjak naik. Kerana apa? Kerana persediaan-persediaan atlet yang er… begitu baik dari semasa ke semasa, sama ada dari segi kejurulatihan yang disediakan sama ada dari segi pemakanan kepada atlet-atlet dan juga kursus-kursus serta penghantaran atlet-atlet tersebut telah er… melonjak naik dan er… bersaing rapat dengan er… acara-acara yang kita telah ungguli dalam mencapai er… pingat emas pada ketika ini.

Jadi kita telah er… melihat perkara ini secara mendalam dan kita perlu er… menggarap acara-acara lain yang sebelum ini mendapat perak dan sebagainya untuk kita ketengahkan dan beri latih tubi yang lebih er… baik supaya kita tidak bergantung kepada angkat berat, er… memanah, menembak, boling dan sebagainya dan er… kita harap perkara ini berlaku dan di dalam SUKMA Perak yang lalu, boling sebagai contoh sebelum ini tak pernah kita mendapat orang kata err… tidak mendapat apa ni emas tapi baru-baru ini kita dapat emas. Ha… ini satu pencapaian yang baik ya. Jadi kita perlu bersaing dengan lebih kuat dan er… lebih ke depan untuk er… memperbanyakkan acara-acara yang boleh kita dapatkan sasaran emas ini.

Manakala penglibatan ataupun penyertaan atlet-atlet sukan negeri Pahang untuk er… SEA Games di Filipina pada er… hujung tahun ini yang akan bermula pada 5 sehingga 12 haribulan Disember ini, er… kita memang ada. Atlet kita akan terlibat secara langsung ke kejohanan tersebut dan saya yakin er… pihak MSP juga telah menguar-uarkan kepada sidang Dewan sebelum ini dan juga kepada barisan ADN-ADN ya, kita jemput jika dapat bersama untuk memberi sokongan kepada atlet-atlet kita semasa temasya ini berlangsung dan saya mengucap ribuan terima kasih kepada ADN Panching kerana memberi keprihatinan kepada perkara ini dan kita yakin bahawa penyertaan kita pada kali ini di Philippines, insya-Allah akan membuahkan hasil khususnya dari segi err… untuk mendapatkan pingat emas dan kita perlu ingat bahawa penyertaan atlet-atlet ini er… memerlukan kos yang tinggi ya dan kita pada kejohanan yang lepas sebagai tambahan kepada ADN kawasan Panching di Gold Coast baru-baru ini, kita… saudara Azrul Wafiy telah mendapat pingat emas dan telah memecahkan rekod saudara Amirul Hamizan kalau ketika itu saudara Amirul Hamizan memecahkan rekod 115 kilogram tetapi Azrul Wafiy telah pecahkan rekod kebangsaan 117 kilogram. Yang ini kita mengharapkan supaya penyertaan atlet-atlet seperti acara

angkat berat, memanah, menembak akan mendapat sasaran pingat emas yang akan datang, insya-Allah. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baik, kita beralih kepada soalan berikut. Jemput Wakil dari Tras.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 9.

> [Sila nyatakan jumlah peruntukan pembangunan yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Raub di kawasan DUN Tras pada tahun 2018 dan 2019?]

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua yang telah memberi laluan kepada saya bagi menjawab pertanyaan ahli daripada Tras iaitu mengenai jumlah peruntukan pembangunan yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Raub di kawasan DUN Tras pada tahun 2018 dan 2019. Mengikut rekod untuk tahun 2018 dan 2019, Pejabat Daerah dan Tanah Raub telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri Pahang bagi maksud pelaksanaan projek-projek kecil dan pemberian bantuan dan sumbangan kepada Ahli Mesyuarat Kerajaan ataupun sebagai penyelaras dan juga Ahli Dewan Negeri … Dewan Undangan Negeri… yang pembangkang tu, maknanya Kerajaan Negeri memberi. Peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk kawasan DUN Tras adalah seperti berikut.

Pada tahun 2018, sebanyak RM30,000.00 telah diberi kepada ADN Tras dan pada tahun 2019 sebanyak RM180,000.00 telah diberi kepada… telah disalur kepada Pejabat Daerah dan Tanah Raub. RM30,000.00 kepada ADN Tras dan RM150,000.00 kepada penyelaras ADN Tras dan senarai terperincinya bolehlah diberi kepada Ahli Tras err… jika… jika perlu. Sebab kalau nak bacanya panjang, ada 5-6 helai. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Ya, soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Satu soalan.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya sebagai pembangkang, kami memang menghargai Kerajaan Pahang kerana menyalurkan peruntukan RM30,000.00 kepada setiap ADN pembangkang. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pahang dan saya nak tanya itu yang penyelaras kepada setiap DUN yang bukan Barisan Nasional, adakah ini ada satu senarai siapa adalah penyelaras itu? Terima kasih.

YAB. DATO' DRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional ini sangat prihatin walaupun kawasan tersebut tidak dimenangi oleh Barisan Nasional, Kerajaan Negeri telah melantik penyelaras dan penyelaras ini biasa… lazimnya daripada kalangan ADN-ADN dan kita memberikan sedikit peruntukan. Semua kawasan yang Barisan Nasional kalah iaitu 9 campur 8, 17 ada penyelaras. Maknanya, kalau YB nak tahu kita boleh bagi nama senarai. Jadi sebelum saya duduk Yang Berhormat seperti mana saya janji tadi saya nak jawab pantun YB daripada Ketari.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada elaun Yang Berhormat? Tak ada.

YAB. DATO' DRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dua tiga kucing berlari,
Tertangkap seekor di rumah Mat Nor,
Ucapan tahniah YB Ketari dah beri,
Bila lagi YB nak masuk UMNO?

(Ahli Dewan ketawa)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dah jawab YB? Baiklah, kita pergi kepada soalan berikutnya, ADN Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 10.

[Pembangunan negara telekomunikasi telah didirikan di kawasan Pahang yang kebanyakkannya terletak di kawasan padang perumahan dan juga padang sekolah. Ianya juga berkemungkinan akan menjejaskan kesihatan dan keselamatan penduduk sekitarnya.

a. Berapakah menara telekomunikasi yang didirikan di negeri Pahang pada tahun 2016 hingga September 2019? Sila senaraikan tempat yang telah didirikan.

b. Adakah ianya melibatkan pemilik tanah dalam kontrak perjanjian ini? Jika YA: Berapakah kadar sewaan yang dikenakan? Sila huraikan.

c. Berapakah jarak menara yang sepatutnya dari kawasan kediaman?]

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Merujuk kepada soalan Teruntum, berapakah menara telekomunikasi yang telah didirikan di negeri Pahang pada tahun 2016 sehingga September 2019. Untuk pengetahuan Teruntum dan Sidang Dewan sebanyak 341

struktur telekomunikasi telah didirikan semenjak 2016 hingga September 2019 dan err… untuk pecahan daerah-daerahnya Kuantan sebanyak 87 buah, Pekan 31, Rompin 22, Maran 27, Bera 28, Temerloh 24, Bentong 45, Raub 17, Cameron Highlands 3, Lipis 28 dan Jerantut 29. Semua tempat yang didirikan menara telekomunikasi ini sudah tentu akan melibatkan pemilik-pemilik tanah dan er... kadar sewaan yang dikenakan bergantung kepada lokasi, *access* kepada tapak menara dan keluasan tapak. Sebagai contoh, tanah pertanian di luar bandar kita kenakan lebih kurang RM500.00 hingga RM1,000.00 sebulan. Tapak tanah PBT RM700.00 hingga RM1,200.00 sebulan, di atas bangunan, er... *rooftop structure,* dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua RM1,000.00 hingga RM2,500.00 sebulan.

Merujuk soalan nombor, yang C. Berapakah jarak menara yang sepatutnya dari kawasan kediaman? Sebagaimana garis panduan yang telah ditetapkan pada tahun 2002 oleh Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jarak minima di antara menara telekomunikasi dan premis kediaman adalah sejauh 30 meter. Sekian terima kasih.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan.

YB. ENCIK SIM CHONG SIANG

Tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Terima kasih Yang Amat... Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... Yang di-Pertua.

Soalan tambahan. Bagaimanakah pembinaan dan kawasan pembinaan menara telekomunikasi ini dipilih dan dirancang?

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan-kawasan yang dipilih ini adalah bergantung kepada kesesuaian dan ini telah... kajian ini akan dibuat oleh pihak SKMM dan er... setelah itu akan dirujuk kepada Majlis Daerah untuk dilaksanakan er... menara telekomunikasi ini, sekian.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. ENCIK SIM CHONG SIANG

Soalan Tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Satu soalan ya.

YB. ENCIK SIM CHONG SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Adakah kontraktor dalam masa memohon er... tempat dirikan menara ini mengambil kesempatan cara yang senang seperti di kawasan padang sekolah, padang taman perumahan juga yang tadi er... Wakil Kerajaan kata bumbung bangunan atas kedai itu tidak melebihi 30 meter.

Soalan kedua saya. Adakah pemeriksaan berkala dijalankan untuk memastikan kadar pendedahan kadar gelombang kepada orang awam di dalam lingkungan piawaian jika telah dilakukan, adakah laporan tersebut dikongsi kepada pihak awam? Terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Hormat Yang di-Pertua,

Minta tolong Teruntum ulang semula soalan nombor 1 tadi. Bumbuh ke bumbung?

YB. ENCIK SIM CHONG SIANG

Bumbung, atas kedai.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Ulang semula, ulang semula soalan.

YB. ENCIK SIM CHONG SIANG

Bumbung atas kedai yang tidak melebihi 30 meter.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya minta Teruntum ulang semula soalan itu.

YB. ENCIK SIM CHONG SIANG

Adakah pihak kontraktor masa memohon mengambil kesempatan, senang, secara senang okay di kawasan seperti padang sekolah, padang taman perumahan dan juga bumbung yang tadi saya sebutkan tidak melebihi 30 meter.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Semua Yang Berhormat... untuk makluman Sidang Dewan, semua menara-menara yang akan didirikan ini telah sudah tentu dibuat kajian terlebih dahulu oleh pihak SKMM bukan kontraktor yang mohon. SKMM akan tentukan tapak dan kesesuaiannya dan er... untuk makluman Sidang Dewan er... teknologi komunikasi mudah alih ini dia menggunakan *radio frequency* dan tergolong dalam kategori senarai tidak mengion NR… NIR, *Non-Ion Radiation* dan *Ion Radiation* dan dia tidak mempunyai tenaga yang mencukupi untuk mengganggu struktur molekul atau sel-sel tubuh manusia.

Jadi pendedahan jangka panjang tidak akan mengakibatkan kerosakan kepada tisu badan untuk makluman. Dan ujian tahap pencemaran atau *radio frequency, RF* dengan izin, Yang Berhormat Yang di-Pertua, dikendalikan oleh Agensi Nuklear Malaysia di seluruh negara dan mendapati bahawa radiasi di kawasan sekitar pemancar adalah amat rendah dan berada pada tahap yang selamat. Sekian.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik terima kasih.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menempohkan persidangan ini pada pukul... sekarang dan kita akan sambung semula pada jam 11.00 pagi. Saya mohon maaf kerana masa untuk kita minum kita agak pendek oleh kerana kita akan mendengar... oleh kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membentangkan Rang Undang-undang Bekalan 2020 pada pukul 11.00 pagi. Saya tempohkan persidangan ini dan berharap Yang Berhormat... Ahli-ahli Yang Berhormat akan masuk semula dalam Dewan pada jam 11.00 pagi. Mesyuarat ditempohkan. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan pada jam 10.49 pagi]

[*Persidangan disambung semula*]

RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang Perbekalan (2020) 2019 DN 28/2019
Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 2020
Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2020 DN 34/2019

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mengemukakan Rang Undang–undang Perbekalan (2020) 2019.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2020) 2019 dibaca bagi kali yang kedua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan ini menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyampaikan ucapan belanjawan bagi tahun 2020. Silakan Yang Berhormat.

UCAPAN BELANJAWAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BAGI TAHUN 2020

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan inayah-Nya kita dapat hadir ke Mesyuarat Penggal Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Yang Ke-14 yang bermula pada hari ini. Pada sidang kali ini insya-Allah, saya akan membentangkan Belanjawan Negeri Pahang Darul Makmur bagi tahun 2020.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Dalam Belanjawan 2020, Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sejumlah RM297 bilion. Di mana RM241 bilion adalah untuk Perbelanjaan Mengurus, sementara RM56 bilion adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan ini tidak termasuk simpanan luar jangka berjumlah RM2.0 bilion. Di bawah Peruntukan Pembangunan Sektor Ekonomi menerima agihan sebanyak RM31.0 bilion bersamaan 10.4% yang merangkumi pengangkutan, perdagangan, industri, tenaga kemudahan awam dan pertanian. Sektor Sosial akan menerima sejumlah RM15.0 bilion iaitu 5.1%. Manakala bagi Sektor Keselamatan diperuntukkan sebanyak RM6.5 bilion bersamaan 2.2% dan Sektor Pentadbiran Am sebanyak RM3.3 billion bersamaan 1.1%.

Kutipan Hasil Negara dijangka mencecah RM244.5 bilion pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak RM11.2 bilion berbanding tahun 2019 tanpa mengambil kira dividen khas PETRONAS sebanyak RM30 bilion. Dalam pembentangan belanjawan 2019 yang lalu, Kerajaan Pusat telah mengumumkan perkongsian 50% hasil kutipan bagi cukai pelancongan yang akan diterima sebagai hasil kepada Kerajaan Negeri. Alhamdulillah, negeri Pahang telah menerima RM7.86 juta daripada keseluruhan kutipan cukai pelancongan tahun 2018 yang berjumlah RM15.72 juta.

Kerajaan Negeri disarankan untuk menggunakan pemberian ini bagi maksud penyelenggaraan dan penyediaan kemudahan pelancongan, promosi, pemasaran destinasi pelancongan. Kerajaan Negeri merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas kelulusan beberapa projek. Antaranya ialah peruntukan RM810 juta untuk hal-hal berkaitan kebajikan peneroka FELDA seluruh negara yang akan dimanafaati oleh 43,124 peneroka serta anggota FELDA di Pahang. Peruntukan sebanyak RM69.5 juta kepada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau dikenali sebagai East Coast Economic Region Development Council untuk meningkatkan lagi taraf infrastruktur Pelabuhan Kuantan.

Pinjaman bagi tiga projek untuk mengatasi masalah bekalan air di kawasan Perindustrian Gebeng, Semambu dan Raub bernilai RM637 juta dan membina klinik-klinik kesihatan baharu termasuklah sebuah di Cameron Highlands. Sehubungan dengan kelulusan projek-perojek ini, Kerajaan Negeri ingin mengucapkan terima kasih

kepada Kerajaan Persekutuan dan berharap kerjasama baik ini dapat diteruskan dalam usaha untuk membangunkan ekonomi negeri dan yang paling penting adalah kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Menurut Laporan Buletin Suku Tahunan 2019 oleh Bank Negara, ekonomi Malaysia secara keseluruhannya merekodkan pertumbuhan stabil 4.9% dalam tempoh suku tahun pertama dan ke-2 2019. Sehingga 15 November 2019 Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM588 juta berbanding sasaran yang ditetapkan sebanyak RM 703.80 juta iaitu pencapaian sebanyak 83%. Kerajaan Negeri menjangkakan sehingga hujung tahun ini sasaran 90% kutipan hasil yang telah disasarkan akan dapat dicapai berdasarkan *trend* kutipan hasil terutamanya hasil tanah. Dalam tempoh yang sama Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM537 juta berbanding sasaran yang ditetapkan sebanyak RM679.46 juta iaitu pencapaian sebanyak 7.8% untuk perbelanjaan mengurus. Bagi Perbelanjaan Pembangunan pula sebanyak RM36 juta telah dibelanjakan berbanding dengan sasaran RM71 juta bersamaan dengan pencapaian prestasi 51%. Kerajaan Negeri juga berjaya menunjukkan lebihan dari bulan Ogos hingga kini, kita berjaya mencapai penjimatan yang ketara sekaligus menunjukkan kedudukan ekonomi Pahang dalam keadaan baik dan sihat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat, Belanjawan 2020 akan menyediakan peruntukan berjumlah RM 739.8 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM120.75 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan. Belanjawan 2020 adalah Belanjawan Pengembangan dan dengan memberi tumpuan kepada perbelanjaan infrastruktur dan peningkatan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM22.70 juta daripada jumlah yang telah Kerajaan Negeri peruntukan pada Belanjawan tahun 2019. Daripada RM120.75 juta perbelanjaan pembangunan tersebut, sejumlah RM85.55 juta akan menggunakan pembiayaan secara langsung, manakala baki RM35.20 juta adalah daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi membiayai Projek Bekalan Air.

Daripada jumlah RM739.89 juta yang diperuntukkan untuk Perbelanjaan Mengurus, RM332.4 juta adalah untuk emolumen. RM165.48 juta untuk perkhidmatan dan perbekalan. Manakala sebanyak RM229.96 juta adalah untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap. Sebanyak RM7.6 juta diperuntukkan untuk perbelanjaan lain dan RM4.3 juta untuk pembelian aset. Anggaran Perbelanjaan Mengurus untuk 2020 meningkat sebanyak RM60.43 juta atau 8.9% berbanding tahun 2019. Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri dijangka mengutip hasil sebanyak RM744.02 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM 40.22 juta atau 5.71% berbanding anggaran tahun 2019. Kutipan hasil tahun 2020 dijangka diperolehi daripada hasil tanah sebanyak RM417.79 juta, hasil perhutanan sebanyak RM165.50 juta, hasil hair… air sebanyak RM3.7 juta, geran Kerajaan Persekutuan sebanyak RM94.2 juta dan lain-lain hasil sebanyak RM62.76 juta. Kutipan hasil negeri dijangka akan mengalami peningkatan melalui pelaksanaan yang lebih bersepadu bagi kutipan cukai, premium dan hasil baharu bagi hasil tanah, hasil hutan dan duti hiburan. Kesimpulannya, belanjawan 2020 menganggarkan kutipan hasil negeri adalah sebanyak RM744.02 juta manakala perbelanjaan mengurus dijangka sebanyak RM739.89 juta dengan lebihan RM4.13 juta. Walau bagaimanapun, jumlah sebenar bergantung kepada prestasi kutipan hasil dan perbelanjaan pada tahun 2020.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Rancangan Malaysia Ke-11 yang bermula pada tahun 2016 akan berakhir pada tahun 2020 kini memasuki fasa terakhir ke arah mencapai status negara maju yang bertemakan pertumbuhan berpaksikan rakyat memberi tumpuan kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Negeri Pahang merupakan negeri yang menyumbang secara konsisten kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ataupun KDNK. Pada tahun 2018, negeri Pahang merekodkan nilai KDNK bagi tahun 2018 berjumlah RM56.2 bilion berbanding RM54.6 bilion pada tahun sebelumnya. Pahang mencatatkan KDNK sebanyak 4.4% berbanding purata KDNK Nasional sebanyak 5%. Sektor perkhidmatan meningkat 6.5% disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan lain dan perkhidmatan kerajaan. Sektor pembuatan kekal positif dengan merekodkan pertumbuhan 5.8% didorong oleh subsektor bahan kimia dan produk kimia. Walau bagaimanapun, sektor pertanian bertumbuh perlahan pada kadar 1.2% selepas mencatatkan peningkatan kukuh 9.3% pada tahun 2017 dipengaruhi oleh subsektor kelapa sawit yang menyusut pada -5.2%.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri akan sentiasa menitikberatkan keseimbangan di antara keadaan ekonomi dan kesejahteraan rakyat selaras dengan *tagline "Maju Terus Pahang"* dan *"Pahang 1st"*. Pada masa yang sama juga Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk meningkatkan kutipan hasil dan sentiasa mengamalkan perbelanjaan secara berhemah untuk mengelakkan defisit fizikal. Belanjawan 2020 memberi fokus kepada tiga strategi utama. Pertama, melonjak ekonomi ke arah negeri berdikari, kedua memperkasa perkhidmatan dan modal insan, ketiga mensejahterakan kehidupan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Strategi pertama melonjak ekonomi ke arah negeri berdikari. Kerajaan Negeri Pahang sentiasa komited bagi meningkatkan hasil negeri dan telah mensasarkan kutipan hasil sebanyak RM1 bilion dalam tempoh tiga atau empat tahun yang akan datang. Bagi meningkatkan kecekapan kutipan hasil, Kerajaan Negeri juga telah menetapkan prestasi petunjuk utama kutipan hasil sebanyak 90%. Bagi mencapai tujuan tersebut, pelbagai inisiatif sedang dirangka antaranya ialah memperkemaskan sistem penyampaian dengan memperkenalkan langkah-langkah proaktif yang akan meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri, sekali gus mencapai hasrat kerajaan untuk menjadi negeri berdikari.

Pentadbiran Negeri Pahang sentiasa berusaha meningkatkan hasil dengan mengurangkan ketirisan. Antara inisiatif yang telah diambil adalah penubuhan beberapa Unit Khas di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang iaitu Unit Kutipan Balik Hasil, Unit Petugas Khas Hasil dan Unit Tender Khas. Selain itu, beberapa langkah proaktif telah diambil termasuk yang melibatkan kutipan duti hiburan. Pada tahun 2018, kutipan duti hiburan adalah RM9.6 juta sehingga 15 November 2019, duti kutipan hiburan telah mencecah RM15 juta, jumlah ini dijangkakan meningkat pada tahun 2020 apabila Kerajaan Negeri mensyaratkan agar bayaran duti hiburan perlu dijelaskan terlebih dahulu sebelum lesen hiburan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pengemaskinian prosedur ini dijangka dapat meningkatkan kutipan hasil negeri dan PBT.

Untuk memperkasakan penguatkuasaan, sebanyak RM1.9 juta telah diperuntukkan pada tahun ini bagi pembelian jentera berat iaitu 2 unit *excavator* dan 2 unit *backhoe* dan 1 unit *safeloader* untuk melaksanakan kerja-kerja penguatkuasaan dan pemusnahan bangunan tanpa izin di atas tanah kerajaan. Perolehan jentera ini adalah

komitmen Kerajaan Negeri dalam menangani kes-kes pencerobohan yang secara tidak langsung dapat membendung ketirisan hasil negeri. Sebanyak lima operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan yang melibatkan pelbagai agensi sepanjang tahun 2019 antaranya Ops Tanglung, Ops Lombong Empat, Ops Tebas, Ops Ronda dan Ops Lombong Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang. Sejak tahun 2018 sehingga Oktober 2019, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah membawa 9 kes kesalahan hutan untuk pertuduhan di mahkamah dan telah memenangi kesemua kes tersebut. Pesalah telah dijatuhi hukuman denda dan penjara sebanyak RM764,000.00 telah berjaya dikutip sebagai denda dan penalti pelbagai kesalahan hutan.

Selain daripada mengurangkan ketirisan melalui penyelarasan semula kadar duti hiburan dan memperkasakan kaedah kutipan. Kerajaan Negeri juga telah menyemak semula kadar fi dan permit untuk aktiviti-aktiviti di Taman Negara. Sejak 70 tahun beroperasi, ini adalah kali pertama kadar-kadar ini disemak semula. Kadar baru ini dilihat mampu menjamin kelestarian alam semulajadi serta kelangsungan kepelbagaian flora dan fauna selain daripada menambah pendapatan negeri. Kerajaan Negeri juga akan memperkenalkan Cukai Katil sepertimana yang dilaksanakan di Pulau Pinang dan Cas Warisan di negeri Melaka.

Majlis Tanah Negara Ke-71 pada 14 Disember 2015 telah mengarahkan semua negeri supaya menyemak semula kadar cukai tanah di negeri masing-masing. Sehubungan dengan itu, semakan cukai di bawah Seksyen 101 Kanun Tanah Negara 1965 yang melibatkan 700,000 hak milik sedang giat dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada industri berat, perniagaan dan estet. Kali terakhir semakan kadar cukai tanah dibuat adalah pada tahun 2007. Semakan dibuat agar kadar yang dikenakan adalah lebih saksama, seragam dan teratur sejajar dengan pembangunan semasa serta peningkatan nilai harta tanah. Kadar baru ini akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2020.

Namun begitu, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, Kerajaan Negeri akan memastikan pindaan kadar cukai tanah yang dikenakan tidak akan membebankan golongan berpendapatan rendah. Ini sebaliknya lebih mensasarkan kepada syarikat-syarikat besar, contohnya bagi pemilik tanah berkeluasan 101 hektar bersamaan 250 ekar dimana cukai semasa yang dikenakan sebanyak RM235,000.00 setahun sedangkan keuntungan bersih tahunan pemilik tanah tersebut adalah sebanyak RM55 juta setahun. Maka dengan kadar cukai baru Kerajaan Negeri akan mengutip RM5 juta setahun. Ini akan memberikan impak kenaikan hasil yang sangat besar kepada Kerajaan Negeri selari dengan kadar keuntungan yang diperolehi oleh pemilik tanah. Kerajaan Negeri memberi jaminan kadar kenaikan cukai tidak akan membe… membebankan pemilik tanah pertanian iaitu kelapa sawit, getah, teh, koko, kopi, dusun dan hasil hutan yang berkeluasan 4 hektar bersamaan 10 ekar ke bawah. Dengan pelaksanaan kadar baru ini, Kerajaan Negeri menganggarkan kutipan cukai pada tahun 2020 tidak termasuk pengeluaran hak milik baru adalah sebanyak RM617 juta berbanding kutipan cukai tanah sedia ada iaitu RM192 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM425 juta setahun.

Kerajaan Negeri juga mengambil inisiatif mewujudkan Pengurusan Pasir Pahang Berhad. Pada bulan pertama Pengurusan Pasir Pahang Berhad beroperasi, Kerajaan Negeri telah menerima hasil daripada pengeluaran pasir melalui Lesen Pendudukan Sementara bercantum permit sebanyak RM4 juta. Adalah dianggarkan hasil pengeluaran pasir pada tahun 2020 sebanyak RM26 juta. Penubuhan daerah kecil Gebeng yang berkeluasan 20,297 juta… yang berkeluasan 20,297 hektar bersamaan 50,155 ekar dan daerah kecil Genting, yang berkeluasan 6,668 hektar bersamaan

16,478 ekar juga akan menambahkan pendapatan langsung pe… kepada Kerajaan Negeri melalui perubahan semakan pindaan kadar cukai tanah.

Pada tahun 2020, dianggarkan daerah kecil Gebeng menyumbang hasil sebanyak RM200 juta setahun manakala daerah kecil Genting akan menyumbang hasil sebanyak RM2 juta setahun. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan pengeluaran industri penternakan melalui pengkomersialan rizab padang ragut Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Sebanyak 73 kawasan yang melibatkan jumlah keluasan 3,784 hektar bersamaan 9,350 ekar telah dikenal pasti untuk dimajukan.

Selain daripada mengelakkan tanah terbiar diceroboh dan disalahgunakan, rizab padang ragut berkenaan akan dipajakkan secara tender terbuka untuk memberi peluang kepada pelabur yang menawarkan harga yang terbaik di samping dapat membantu pengeluaran ternakan ruminan di negeri Pahang dengan menggunakan teknologi moden. Sehingga kini, terdapat 4 kawasan yang sedang diproses untuk dipajakkan di daerah Pekan dan Kuantan.

Pelaburan dari dalam dan luar negeri adalah penting untuk negeri Pahang. Setiap pelaburan sudah pasti akan memberikan kesan limpahan positif kepada negeri dan rakyat melalui penyediaan peluang pekerjaan kepada penduduk terutamanya dalam sektor perindustrian sama ada tenaga buruh mahir ataupun separuh mahir. Meningkatkan KDNK negara dan menjamin pertumbuhan ekonomi yang pesat, negeri Pahang telah berjaya mencapai beberapa kemajuan dalam pertumbuhan ekonomi. Pelaburan swasta di Pahang terus berkembang dengan sebahagian besarnya dipacu oleh kerjasama antara Kerajaan Persekutuan melalui ECERDC dan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek berimpak tinggi dan kerja-kerja infrastruktur awam.

Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri mengambil peluang untuk menarik kemasukan pelabur-pelabur baharu dengan melaksanakan beberapa misi perdagangan. Sebelum misi perdagangan diadakan, Kerajaan Negeri terlebih dahulu akan mengkaji potensi menarik pelaburan di negara-negara berkenaan termasuk dari segi faedah yang akan diperolehi kerana kita tidak mahu usaha yang dilakukan adalah sia-sia tanpa sebarang hasil.

Dalam tempoh Januari sehingga Jun 2019, pelaburan tempatan dan pelaburan asing di negeri Pahang mencatatkan nilai RM6.44 bilion. Ini melibatkan pelaburan di bawah *Malaysian Investment Development Authority*, ECERDC dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang. Pada tahun 2019, antara misi perdagangan yang telah Kerajaan Negeri jayakan adalah Misi Perdagangan ke Belgium, Belanda, Singapura dan terkini ke China. Insya-Allah selepas ini Kerajaan Negeri akan mengkaji peluang sektor pertanian di Thailand terutamanya dalam penggunaan teknologi moden.

Forum Pelaburan Pahang 2019 yang telah berlangsung di Singapura pada 1 Ogos 2019 yang lalu, Kerajaan Negeri Pahang telah berjaya menarik pelaburan kira-kira RM1.134 bilion apabila menandatangani 11 memorandum persefahaman dengan beberapa syarikat di Singapura. Antara pelaburan komited berimpak tinggi ialah MoU yang telah ditandatangani bersama Syarikat Hercules Technology Sdn. Bhd. yang akan melabur sehingga RM450 juta melibatkan 3 projek berlainan.

Projek-projek itu ialah RM200 juta untuk membangunkan pusat pembekalan simen konkrit dan RM200 juta bagi pembinaan kilang bio-komposit, manakala RM50 juta bagi penubuhan pusat latihan. Kawalan kualiti dan pensijilan produk yang akan beroperasi di kawasan perindustrian Gebeng. Pihak syarikat dijangka akan menandatangani

perjanjian usaha sama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang pada tahun hadapan.

Selain itu, syarikat lain yang berminat untuk menjadikan negeri Pahang sebagai destinasi pelaburan adalah Syarikat Zhong Hai Resources Group Private Limited dengan jumlah pelaburan berjumlah RM400 juta untuk membangunkan kawasan seluas 654 ekar di Muadzam Shah, Rompin sebagai ladang solar. Bagi status terkini pelan perniagaan bagi usaha sama ini telah dirangka dan selanjutnya cadangan bagi mewujudkan terma perkongsian antara syarikat dengan PKNP akan dilakukan dalam masa yang terdekat.

Pahang juga dijangka akan menerima pelaburan daripada IBN Corporation Private Limited berjumlah RM100 juta bagi projek pembinaan kolam takungan dan pembekalan air terawat bagi memenuhi keperluan seluruh kawasan Genting. Dengan pembekalan air terawat ini, IBN akan menjadi pelengkap kepada kawasan yang tidak mampu dibekalkan oleh Genting Utilities and Services Sdn. Bhd.

Pahang juga bakal menerima kemasukan pelaburan dari China berjumlah RM1.386 bilion ekoran termeterainya memorandum persefahaman antara Kerajaan Negeri dengan 6 syarikat dari negara tembok besar tersebut. Keenam-enam syarikat tersebut ialah ND Paper Berhad dengan pelaburan RM522.2 juta yang akan membina kilangnya di Bentong bagi pengeluaran kertas dan pulpa. Syarikat TNP Power Sdn. Bhd. dengan nilai pelaburan berjumlah RM341.74 juta bagi membina kilang di Taman Perindustrian Kuantan Malaysia - China ataupun MCKIP 1 Kuantan untuk penjanaan bersepadu tenaga dan haba.

Syarikat lain adalah China Travel Service Meizian Company Limited yang melibatkan jumlah pelaburan RM200 juta bagi menwujudkan Eco Tourism City di Bukit Tinggi Bentong. Zhong Ying Resources Regeneration Technology Sdn. Bhd. dengan RM122.4 juta nilai pelaburan bagi projek pengeluaran kertas dan hawa plastik di MCKIP 1. Bagi tujuan pelaburan ini, Zhong Ying Resources telah pun mendapat lesen pengilang daripada MIDA. Seterusnya, Wuxi Jinxie Industrial Company Limited dengan nilai pelaburan RM100 juta bagi projek pembinaan turbin angin untuk menjana tenaga di Pulau Tioman, Rompin dan akhirnya Power China Construction Group dengan nilai pelaburan RM100 juta bagi pembinaan kilang pengeluaran panel solar untuk kediaman di kawasan perindustrian Gebeng, Kuantan.

Bagi menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri untuk terlibat secara langsung dalam projek pelaburan yang baru, Kerajaan Negeri mencadangkan untuk menetapkan 1% *golden share* diberikan kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan dan 5% *preference share* ataupun syer keutamaan diberikan kepada syarikat berkaitan Kerajaan Negeri ataupun *State GLC* seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang dan sebagainya yang akan ditentukan oleh pihak kerajaan.

Taman Perindustrian Malaysia China-Kuantan ataupun MCKIP akan terus menjadi taman industri utama negeri Pahang. Pelabur utama ialah Alliance Steel Sdn. Bhd. ataupun ASSB yang telah pun menjalankan pengeluaran percubaan dengan kapasiti pengeluaran produk besi keluli antara 25 hingga 50%. Kilang ASSB ini dijangka memulakan pengeluaran sepenuhnya pada tahun 2020 dengan kapasiti 3.5 juta tan setahun. Pelaburan ASSB di MCKIP telah menawarkan 3,789 peluang pekerjaan yang mana 2,874 orang atau 75% adalah pekerja tempatan. Antara pelaburan lain yang komited dan berpotensi tinggi di Taman Perindustrian Malaysia China-Kuantan ialah Dongguan Jianhui Paper Company Limited bagi projek pengeluaran kertas dan pulpa

dengan jumlah pelaburan RM3.35 bilion dan dijangka menyediakan sekurang-kurangnya 2,000 peluang pekerjaan. TNP Power Sdn. Bhd. dengan pelaburan bernilai RM250 juta dalam projek melibatkan tenaga dan haba dan Migao Private Limited iaitu projek dalam bidang pembuatan baja potash bernilai RM300 juta. Jumlah pelaburan yang diluluskan di MCKIP dari tahun 2016 sehingga tahun 2019 adalah sebanyak RM8.279 bilion majoritinya melibatkan pelabur-pelabur dari negara China.

Melihat kepada impak positif yang akan diterima dari segi limpahan ekonomi, ianya dijangka akan dapat membantu merancakkan lagi pembangunan dan penggunaan Pelabuhan Kuantan melalui Projek *East Coast Rail Link* ataupun ECRL. Selain pembinaan sebuah stesen penumpang berhampiran Pelabuhan Kuantan yang akan dinamakan sebagai *Station Kuantan Port City 1*. Satu laluan kereta api kargo ke dalam kawasan operasi Pelabuhan Kuantan akan turut dibina dalam fasa 2 projek tersebut. Apabila siap kelak, laluan kereta api ini akan menghubungkan Pelabuhan Kuantan ke Pelabuhan Klang yang bakal mewujudkan *land bridge* yang dijangka dapat meningkatkan mobiliti kargo di antara kedua-dua pelabuhan. Projek yang melibatkan laluan yang menghubungkan 5 buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu dan Kelantan ini dijangka akan siap sepenuhnya pada Disember 2026.

Ini menunjukkan betapa Kerajaan Negeri amat serius dan komited untuk terus bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan apa jua pelaburan yang dibuat akan terus berjaya. Antara usaha yang dilaksanakan adalah dengan menyediakan segala prasarana industri yang terbaik dan persekitaran yang kondusif bagi memenuhi keperluan pihak pelabur. Ini termasuklah 2 projek bagi mengatasi masalah bekalan air di kawasan Perindustrian Gebeng dan Semambu telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM619 juta. Dengan pelaksanaan projek bekalan air ini maka sistem bekalan air akan menjadi lebih baik.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Pelabuhan Kuantan sedang berusaha meningkatkan keupayaan, kecekapan dan kapasiti pengendalian Pelabuhan Kuantan dengan kerjasama ECERDC dalam melaksanakan perancangan untuk membesarkan Pelabuhan Kuantan yang telah dimulakan sejak tahun 2013. Pembesaran ini merangkumi pembinaan… pembinaan terminal baharu laut dalam atau *New Deep-Water Terminal* serta kemudahan-kemudahan lain berkaitan. Antaranya pembinaan pemecah ombak sepanjang 4.7 km, pembinaan tangki air untuk bekalan air ke Pelabuhan Kuantan, pembangunan infrastrutkur jalan raya… jalan raya baru melibatkan pembinaan *trumpet interchange* dipintu utara Pelabuhan Kuantan dan pembinaan prasarana yang berkaitan. Pembinaan *New Deep-Water Terminal* ini dapat meningkatkan kapasiti pengendalian kargo daripada 24 juta tan setahun kepada 50 juta tan setahun. Sejak memulakan operasi pada Mac 2019, *New Deep-Water Terminal* telah mengendalikan kargo mineral sebanyak hampir 3.5 juta tan atau purata 500,000 tan sebulan atau 30% daripada jumlah pengendalian keseluruhan Pelabuhan Kuantan.

Ia juga telah membuka laluan baharu kepada kapal-kapal yang lebih besar sehingga 150 *displacement tonne* berbanding hanya 53,000 *displacement tonne* sahaja sebelum ini. Kemasukan kapal-kapal yang lebih besar dapat membuka peluang untuk menjadi pelabuhan pilihan yang utama di Asia Timur dan lebih berdaya saing berbanding hanya menjadi pelabuhan sokongan sebelum ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Industri pelancongan dijangka akan terus berkembang pada tahun 2020 terutamanya melalui kempen Visit Malaysia 2020 yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan

Seni dan Budaya bagi meningkatkan sasaran kedatangan pelancong ke Malaysia seramai 30 juta pelancong antarabangsa. Pada tahun 2018, Negeri Pahang merupakan destinasi yang teratas yang dikunjungi pelancong domestik iaitu seramai 9.2 juta pelancong. Angka ini meletakkan negeri Pahang sebagai penerima pelawat domestik tertinggi diikuti negeri Johor dan negeri Perak. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri menyasarkan ketibaan seramai 15 juta pelancong domestik dan dijangka akan menerima limpahan pelancong terutama di destinasi-destinasi seperti di Cameron Highlands, Kuantan, Genting Highlands, Pulau Tioman dan destinasi-destinasi lain.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM6 juta bagi memperku… memperkukuhkan industri ini melalui pembangunan infrastruktur untuk menarik pelaburan swasta di kawasan yang berpotensi seperti Mossy Forest di Cameron Highlands, pintu masuk kedua ke Taman Negara Merapoh dan Taman Negeri Endau, Rompin.

Kerajaan Pahang juga komited untuk melindungi dan melestarikan hidupan liar dengan mempertingkatkan lagi pewujudan Koridor Hidupan Liar dibeberapa daerah seperti Raub, Temerloh dan Lipis. Ini amat penting bagi membolehkan pergerakan hidupan liar yang lebih bebas dan selamat serta mengelakkan kepupusan setempat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Umum mengetahui, di bawah Kerajaan Negeri setiap daerah telah pun mempunyai rumah rehatnya sendiri yang mempunyai nilai sejarah dan estetika yang diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Kerajaan Negeri melihat ini sebagai salah satu peluang untuk penjenamaan semula rumah-rumah rehat ini. Dengan itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju memperuntukkan sebanyak RM4.4 juta bagi kos baik pulih dan peralatan bagi kesemua rumah rehat yang terlibat. Urusan penjenamaan semula rumah rehat ini akan dipertanggungjawabkan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang.

Pada masa ini, Negeri Pahang dihubungkan dengan secara terus ke negara jiran Singapura melalui perkhidmatan penerbangan Firefly, Scoot, Air Asia dan Malaysia Airlines dengan kapasiti 975 tempat duduk dalam seminggu. Bagi meningkatkan lagi pelaburan serta pelancong dari negara China, Kerajaan Negeri dalam perbincangan bersama Guangxi Beibu Gulf Airlines bagi penerbangan terus dari Naning, Kuantan, Singapura dan sebaliknya. Langkah ini diharap dapat meningkatkan kedatangan pelancongan ke Negeri Pahang dan sekali gus meningkatkan ekonomi tempatan sejajar dengan peningkatan penggunaan Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah.

Kerajaan Negeri turut melihat kepentingan muzium dalam konteks pengekalan warisan, pendidikan dan sektor pelancongan. Mulai 2019, Perbadanan Muzium Negeri Pahang sedang menaik taraf Muzium Seni Pahang dan bangunan bekas Pejabat Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser di Kuantan kepada Muzium Sultan Haji Ahmad Shah. Perbadanan Muzium Negeri Pahang dengan sokongan Kerajaan Negeri juga akan sentiasa menambah baik dan mengemas kini maklumat-maklumat berkaitan dengan pameran di dalam galeri-galeri sedia ada, mempelbagaikan program dan aktiviti bagi menarik minta pengunjung. Antara program yang telah dijalankan seperti program bermalam di muzium dan *The Young… The Young and Our Heritage* iaitu mewujudkan mini muzium di sekolah yang terpilih.

Tenun Pahang Diraja merupakan tradisi menenun sejak berabad lalu, yang memperlihatkan secara halus hubungan di antara tradisi menenun ini dengan alam sekitar yang mencerminkan pemikiran serta jiwa rakyat masyarakat Pahang. Eratnya

hubungan dan ikatan antara raja dan rakyat seperti jalinan antara benang loseng dan pakan. Jika tiada salah satunya maka kain tenun yang cantik tidak akan dapat dihasilkan. Begitulah simboliknya hubungan antara raja dengan rakyat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah memainkan peranan yang penting bagi memartabatkan Seni Tenun Diraja Pahang ini. Peranan dan usaha baginda dalam membantu serta mengangkat martabat Tenun Pahang Diraja keperingkat yang lebih tinggi telah membuahkan hasil dengan tertubuhnya Institut Kemahiran Tenun Pahang Diraja Tengku Ampuan Besar Meriam bertempat di Pulau Keladi, Pekan yang bertujuan untuk melahirkan golongan muda yang berketerampilan serta menjadi penenun mahir di dalam Institusi Tenun Pahang Diraja. Bagi memperkasakan lagi industri Tenun Pahang Diraja, Kerajaan Negeri berhasrat agar hari Khamis minggu pertama setiap bulan dijadikan Hari Tenun Pahang Diraja. Maknanya setiap hari Khamis bulan pertama kena pakai baju… kain tenun Pahang. Jadi kepada rakan-rakan yang tak ada, bolehlah beli ya. Yang tak ada duit, boleh minta dengan Exco Pelancongan. (Ahli Dewan ketawa).

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Bagi sektor pertanian, pada tahun 2020 Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM9.23 juta bagi memartabatkan industri pertanian melalui Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pengairan dan Saliran. Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan program pembangunan industri asas tani dan buah-buahan dengan memperuntukan sebanyak RM5 juta secara keseluruhannya untuk membantu Jabatan Pertanian Negeri Pahang dalam usaha meningkatkan pengeluaran bahan makanan, terutamanya buah-buahan dan sayur-sayuran untuk keperluan rakyat. Selaras dengan hasrat pucuk pimpinan Kerajaan Negeri yang ingin melihat negeri Pahang sebagai pengeluar utama bahan makanan di negara ini, Jabatan Pertanian akan membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan ataupun TKPM yang terbesar bagi sayur-sayuran dan tanaman kontan seluas 80 hektar bersamaan 200 ekar di daerah Kuantan. Sebanyak RM1.3 juta disediakan pada tahun 2020 bagi Projek TKPM ini antaranya termasuklah di TKPM Jelai, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM250,000 untuk menambah baik kemudahan dan penyelenggaraan di kawasan projek pertanian berkenaan.

Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan RM4.9 juta untuk Program Pembangunan Ruminan dan Projek Rintis Tenusu bagi memastikan pembangunan industri ternakan ditingkatkan sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri bagi mencapai hasrat sebagai pengeluar utama ternakan dan makanan negara. Latihan kepada petani turut dilaksanakan bagi mempelbagaikan kemahiran petani dan pengusaha industri asas tani. Justeru itu, sebanyak 414 kursus dan latihan telah dirancang sepanjang tahun 2020 dengan penglibatan seramai 8280 orang petani di negeri Pahang.

Pembangunan industri pengeluaran makanan berasaskan ternakan terutama dalam industri ruminan iaitu pedaging dan tenusu boleh menjadi sumber kekayaan baharu bagi negeri Pahang. Nilai pengeluaran ternakan bagi negeri Pahang pada tahun 2018 hampir mencecah RM1.47 bilion dimana komoditi daging, ayam merupakan penyumbang utama iaitu RM711 juta. Ianya diikuti pengeluaran sarang walit berjumlah RM463 juta, telur ayam RM123 juta, daging lembu dan kerbau sebanyak RM108 juta. Susu RM17.8 juta dan komoditi lain berjumlah RM47.2 juta.

Kerajaan Negeri memperuntukan sebanyak RM450,000.00 bagi sektor perikanan yang meliputi 3 projek pemuliharaan sumber perikanan darat iaitu RM150,000.00 untuk khidmat perkembangan *aquaculture,* RM100,000.00 diperuntukkan bagi

program pembangunan komuniti nelayan darat dan RM200,000.00 untuk pengurusan sumber perikanan marin secara mampan. Selain itu sejumlah RM1.2 juta telah disediakan bagi membaiki menaik taraf Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri, daerah dan pusat veterinar termasuk kuarters yang telah uzur bagi memastikan keselesaan kepada pelanggan dan kakitangan terjamin. Ini termasuklah kerja-kerja menaik taraf pusat sumber genetik ternakan Bukit Kajang, Raub dan PSGT Lepar, Kuantan dengan kos RM600,000.00 bagi menghasilkan baka lembu Kedah-Kelantan dan Brahman yang berkualiti dan untuk diagihkan kepada penternak.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sumber hutan merupakan aset semulajadi yang terpenting dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negeri. Pengurusan hutan memerlukan kebijaksanaan bagi mengimbangi permintaan pasaran terhadap pelbagai keluaran dan perkhidmatan hutan yang sentiasa berubah. Jumlah keluasan hutan di Negeri Pahang sehingga Oktober 2019 adalah seluas 2.05 juta hektar bersamaan 6 juta ekar atau 57% daripada keluasan tanah negeri yang bersaiz 3.6 juta hektar bersamaan 8.8 juta ekar. Sektor perhutanan akan terus memainkan peranannya sebagai salah satu penyumbang utama kepada hasil Kerajaan Negeri. Sehingga 15 November 2019, pungutan cukai hasil hutan adalah sebanyak RM80.7 juta. Sektor ini akan terus menjadi salah satu penyumbang utama kepada sumber pendapatan negeri dengan jangkaan sumbangan hasil bagi tahun 2020 berjumlah RM165 juta melalui kutipan premium, royalti dan caj-caj lain.

Projek-projek teras dan utama akan terus diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan sektor perhutanan merangkumi projek pembangunan berlandaskan penghutanan semula, penanaman semula dan pemulihan hutan. Dalam meningkatkan usaha bagi kutipan hasil hutan, Kerajaan Negeri juga akan terus memberi keutamaan kepada pembangunan untuk aktiviti memulihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan, air dan tanah untuk memastikan pengekalan dan penggunaannya secara terurus dan terancang. Projek-projek yang berkaitan dengan eko-pelancongan dan biodiversiti hutan akan terus dijalankan bagi memastikan aspek kestabilan dan pengekalan alam sekitar terpelihara. Usaha Kerajaan Negeri dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam semulajadi dan khazanah biodiversiti diteruskan dengan perancangan ke arah penggubalan Enakmen Biodiversiti Negeri Pahang. Enakmen ini dirangka bagi melindungi kepentingan negeri dan rakyat daripada kehilangan hasil penyelidikan serta pengetahuan turun-temurun kepada orang luar tanpa memberi apa-apa pulangan kepada pihak yang sepatutnya.

Bagi usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di Pahang, Kerajaan Negeri telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan *Carbon Trading* bersama sektor korporat. Memorandum ini bertujuan untuk menjalankan kajian bersama bagi melihat potensi penjanaan pendapatan baharu melalui penggunaan *Carbon Credit* di kawasan-kawasan konservasi di Negeri Pahang di samping menilai keupayaan terhadap potensi pelaksanaan projek bagi memelihara dan memulihara alam sekitar.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Strategi kedua iaitu memperkasakan perkhidmatan dan modal insan. Dalam usaha memantapkan pentadbiran Kerajaan Negeri, Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah ataupun PPSAS sedang dibangunkan yang bakal menggantikan Wisma Sri Pahang yang telah berusia 49 tahun. Semua pentadbiran kerajaan akan dikelompokkan dalam satu kawasan yang lebih terancang bagi memudahkan rakyat berurusan dan di

samping mempercepatkan sistem penyampaian. PPSAS ataupun Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah akan menjadi ikon terbaharu Negeri Pahang dengan reka bentuk bangunan kompleksnya diinspirasikan daripada Jata Negeri. Ia juga mengaplikasikan teknologi hijau demi penekanan kepada pemuliharaan alam sekitar. Tarikh pemilikan dan pembinaan projek ini bermula pada tahun 2016 dan dijangka akan siap pada tahun hadapan.

Pahang Corporation Sdn. Bhd. merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri yang ditubuhkan pada 21 Mac 2019. Ia memainkan peranan sebagai satu badan komersial khas yang bertanggungjawab memantau, menyelaras dan menjalankan kerjasama strategik dengan badan-badan berkanun negeri di samping menilai cadangan-cadangan pelaburan agar Kerajaan Negeri mendapat pulangan terbaik. Pahang Corporation kini sedang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan pembaharuan dalam pengurusan aset-aset kerajaan bagi tujuan peningkatan kecekapan dan mengurangkan perbelanjaan modal dan kos selenggara. Contohnya menerusi model Penyumber Luaran *Fleet* Kenderaan Kerajaan, melalui model pengurusan yang baharu, Kerajaan Negeri tidak lagi perlu membuat perolehan kenderaan yang baharu tetapi hanya membayar kos penyewaan kenderaan tersebut. Dengan ini, Kerajaan Negeri tidak perlu menanggung kos selenggara yang tinggi dan semakin meningkat setiap tahun.

Kerajaan Negeri juga melalui anak syarikatnya, PahangGo telah pun membangunkan platform kutipan hasil negeri secara digital. Bayaran bil utiliti, cukai dan pembayaran kompaun kini boleh dibuat melalui aplikasi *mobile* dan portal. Dengan adanya platform ini, rakyat akan lebih mudah untuk membuat semakan tunggakan dan seterusnya membuat pembayaran. Usaha ini akan meningkatkan kutipan kompaun yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebanyak 20% menjelang tahun 2020. PahangGo juga akan mewujudkan pusat pengumpulan data berpusat dengan menempatkan pelayan ataupun *server* dan pangkalan data untuk agensi kerajaan dan PBT di satu lokasi. Langkah ini akan membolehkan pemeriksaan bertindih ataupun *cross checking* dilakukan bagi setiap urusan. Selain itu, dalam meningkatkan mutu pengurusan Kerajaan Negeri, PahangGo dipertanggungjawabkan untuk memoden dan mendigitalkan sistem pengurusan kerajaan melalui sistem yang lebih terkini dan memudahkan rakyat.

Antara inisiatif yang sedang dibangunkan ialah sistem parkir secara *mobile* di mana 50 ribu petak parkir milik sebelas PBT akan diuruskan secara digital yang merupakan salah satu pilihan kepada kaedah pembayaran parkir menggunakan kupon pada ketika ini telah boleh dimuat turun bermula 23 Oktober 2019. Kerajaan Negeri juga menubuhkan satu Unit Antarabangsa untuk membina jaringan strategik dengan agensi-agensi di peringkat antarabangsa bagi tujuan pembangunan kapasiti, sumber manusia, peluang pelaburan dan perniagaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang sentiasa komited dalam meningkatkan perkhidmatan sistem penyampaian kerajaan demi kesejahteraan rakyat. Penubuhan Daerah Kecil Muadzam Shah dan Daerah Kecil Jelai adalah bukti kesungguhan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan pengukuhan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat. Selain bertindak sebagai barisan hadapan jentera kerajaan dalam memudahcara penyampaian dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan kepada masyarakat setempat sama ada daripada kawasan bandar mahupun luar bandar. Inisiatif ini dibuat bagi memastikan tadbir urus dan perkhidmatan yang lebih berkesan dan cepat dapat disalurkan kepada rakyat. Kerajaan Negeri dalam Sidang Dewan ini

akan membentangkan kertas penubuhan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands yang bertujuan untuk merancang pembangunan di daerah Cameron Highlands selain bertindak sebagai agen pelaburan di daerah tersebut. Selain itu juga, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands ini akan merangka, merancang dan mengawal pembangunan kawasan tanah tinggi secara bersepadu dengan mengekalkan kelestarian tanah tinggi dan mengambil kira keperluan pembangunan ekonomi meliputi pelancongan, pertanian dan penempatan. Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands ini kelak akan mengolah semula sistem lesen pendudukan sementara bagi aktiviti pertanian dengan cara pajakan jangka pendek dan secara tidak langsung dapat membangunkan sosio-ekonomi setempat.

Pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang dalam kajian untuk menubuhkan semula Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka yang telah dibubarkan secara rasmi pada 1 November 2000. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri menyokong cadangan penubuhan semula DARA dan LKWJ dengan syarat peruntukan tahunan bagi tujuan pengurusan dan pembangunan wilayah berkenaan perlu disalurkan oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar atau agensi Persekutuan lainnya, sama seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah ataupun KEDA, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah ataupun KETENGAH, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ataupun KESEDAR, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) dan Lembaga Kemajuan Pulau Pinang (PERDA), manakala pentadbirannya hendaklah tidak menghakiskan kuasa dan kawalan negeri ke atasnya. Kaedah terbaik bagi pelaksanaan cadangan ini juga hendaklah dirunding dengan pihak negeri sebelum dimuktamadkan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Pengurusan Komuniti Kampung yang sedang hangat diperkatakan sekarang ini adalah merupakan perantara di peringkat akar umbi yang akan menyalurkan maklumat, dasar-dasar kerajaan, permasalahan atau aduan rakyat kepada pihak-pihak yang berkuasa dan berkaitan terhadap sesuatu isu yang timbul. MPKK telah ditubuhkan atas persetujuan bersama antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan sebelum ini telah berjalan dengan baik dan harmoni. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk mewujudkan MPKK Persekutuan yang berasingan. Ini merupakan langkah yang ke belakang.

Tindakan ini hanya akan mewujudkan jurang persefahaman antara dua organisasi yang akan memecah belahkan penduduk kampung. Sekiranya Kerajaan Persekutuan meneruskan langkah menubuhkan MPKKP, Kerajaan Negeri tidak akan teragak-agak untuk menubuhkan semula Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung bermula pada 1 Januari 2020 dengan peruntukan RM7 juta. [Ahli Dewan menepuk meja] Kalau dulunya, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung tapi kalau MPKKP ditubuhkan, kita tukar keselamatan kepada kemakmuran yang menjadikan Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung. Walau bagaimanapun, kita berharap supaya MPKKP ini tidak …apa ni… ditubuhkan lah ya... supaya MPKK yang ada sekarang diteruskan. Sebab sekarang ni dah berjalan elok dah. Tak ada masalah, di kampung pun harmoni, jadi kalau sekiranya ditubuhkan juga yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tahu lah macam mana *standard* Kerajaan Pakatan Harapan yang ada pada hari ini, tujuan nya adalah tidak lain tidak bukan untuk me… memecah belahkan masyarakat di luar bandar kalau sekiranya mereka tubuhkan juga MPKKP ini.

Bagi sektor pendidikan, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang turut menyediakan Biasiswa Sekolah Rendah dan Biasiswa Sekolah Menengah kepada murid di seluruh negeri Pahang. Sepanjang lebih 3 dekad, jumlah bantuan pendidikan dan kebajikan yang telah dike… dikeluarkan adalah lebih RM1.2 bilion melibatkan 1.4 juta penerima. Sejak diperkenalkan pada tahun 2001, Biasiswa Sekolah Rendah telah memanfaatkan 108 ribu murid dengan implikasi kewangan berjumlah lebih RM74 juta. Diperingkat sekolah menengah, Biasiswa Sekolah Menengah yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM290 juta dan telah dimanfaatkan seramai 169 ribu murid.

Bagi tahun 2020, agihan biasiswa ini akan memberi manfaat kepada 49,720 pelajar penerima Biasiswa Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah dengan peruntukan berjumlah RM23.59 juta. Yayasan Pahang juga akan memperuntukkan RM5 juta bagi meneruskan pemberian Geran Bantuan Pelajar ke IPT secara one-off kepada 11,000 anak Pahang yang berjaya melanjutkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran.

Program Pendidikan Agama akan terus memberi fokus kepada pengukuhan pendekatan ajaran Islam bagi melahirkan generasi yang mempunyai jati diri dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran transformasi dan arus globalisasi. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM114 ribu bagi membiayai Program Kelas Tahfiz Bistari di Sekolah Kebangsaan Tg. Gahai, Kuala Lipis dan RM27 ribu bagi Program Pengajian al-Quran dan Fardu Ain Remaja di FELDA Sungai Koyan bagi tahun 2020.

Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sebanyak RM3 juta bagi pembayaran elaun kepada 350 orang guru kelas al-Quran asrama yang bertanggungjawab mendidik para pelajar sekolah rendah dan menengah yang tinggal di asrama seluruh Negeri Pahang sama ada di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri, mahupun di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Menengah Kebangsaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah membangunkan sistem e-Munakahat yang melibatkan kos berjumlah RM929 ribu yang mempunyai fungsi lebih terperinci bagi memastikan setiap urusan penceraian dan permohonan khidmat nasihat direkodkan dengan lebih berkesan. Kerajaan Negeri kini dalam melaksanakan proses pengimejan digital bagi sijil nikah, cerai dan rujuk dengan kerjasama Percetakan Nasional Malaysia Berhad yang dimulakan awal tahun 2019.

Bagi melahirkan pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri yang lebih kompetitif, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM72.6 juta dalam belanjawan tahun 2020 bagi memperkasakan misi pendidikan bagi melahirkan pelajar aliran agama yang lebih kompetitif. Ini termasuklah emolumen guru Sekolah Menengah Agama Negeri berjumlah RM30.77 juta, elaun guru agama dan al-Quran asrama berjumlah RM4.32 juta dan RM37.55 juta bagi bekalan dan perkhidmatan.

Bagi menyediakan persekitaran yang kondusif kepada semua pelajar, RM3 juta juga telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2020 bagi tujuan penyelenggaraan bagi semua Sekolah Menengah Agama Negeri di Pahang. Bagi memperkasakan ilmu falak, Kerajaan Negeri juga turut memperuntukkan sebanyak RM558 ribu bagi perolehan peralatan falak dan percetakan buku sukatan Kokurikulum Falak Sekolah Menengah Agama Negeri bagi melahirkan pelapis sebagai penyambung, pengembang serta pengamal ilmu falak yang memenuhi piawaian pihak berkuasa kepada generasi yang akan datang.

Kerajaan Negeri melalui Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah juga telah mengambil inisiatif dengan menjadikan pusat rujukan dalam memperkasakan tulisan jawi dan Pusat Akademik Hadis sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sehingga kini, KUIPSAS telah menawarkan 28 program asasi sehinggalah ke peringkat Sarjana dan akan berkembang ke peringkat PhD pada tahun 2020. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak… Kerajaan Negeri juga memperuntukkan bagi tahun 2020 sebanyak RM832 ribu untuk pembangunan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah bagi tujuan langganan buku jurnal, menambah baik kemudahan asrama, pemberian Geran Pembangunan dan Penyelidikan Inovasi, Pembangunan Akademik Kakitangan serta naik taraf infrastruktur rangkaian kawasan setempat.

Kerajaan Negeri melalui inisiatif Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang akan terus menyedia… menyediakan latihan kemahiran dengan menekankan aspek pembangunan modal insan yang berkualiti, berkemahiran dan berpengetahuan serta relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan. Selain itu, Pahang Skills telah menandatangani MoU dengan 12 syarikat antaranya Lynas Malaysia Sdn. Bhd., MKRS Bumi Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang dan lain-lain bagi menjalin kerjasama strategik dalam mem… dalam membentuk sumbangan kepakaran atau mesin peralatan serta melatih tenaga kerja mahir dalam bidang khusus yang amat diperlukan dalam industri.

Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri telah mem… memperuntukkan RM1.18 juta bagi tujuan penggantian, naik taraf, selenggara peralatan makmal sedia ada dan makmal baru, penyenggaraan bangunan dan kampus.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang telah membuat inisiatif memperkenalkan Program Buat Kerja Sekolah. Inisiatif ini berikutan maklum balas dan keluhan oleh ibu bapa kepada pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang bahawa masih ramai anak-anak yang tidak menyiapkan kerja sekolah. Program ini juga mendapat kerjasama erat daripada Jawatankuasa Penasihat Perpustakaan yang telah melibatkan seramai 13,350 orang pelajar turut serta dalam program ini di seluruh daerah dalam negeri Pahang.

Matlamat daripada Program ini adalah untuk membantu pelajar membuat kerja sekolah dengan selesa di perpustakaan serta dapat membantu pelajar memperolehi bahan yang diperlukan dari koleksi sedia ada dan internet. Selain itu, melalui program ini juga pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang dapat bekerjasama dengan ibu bapa dalam menggalakkan anak-anak mereka membuat kerja sekolah di perpustakaan sekaligus memanfaatkan kemudahan yang ada.

Pihak Kerajaan Negeri juga komited untuk melaksanakan transformasi perkhidmatan awam ke arah *people centric* serta meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Bagi mencapai hasrat ini, penggunaan teknologi maklumat perlu digarapkan bersekali dan disimulasikan dalam proses kerja semasa demi menghasilkan penyampaian perkhidmatan yang memenuhi ekspektasi pelanggan dan rakyat.

Pihak Kerajaan Negeri akan memperuntukkan tambahan sewaan rangkaian sebanyak RM1.6 juta bagi menghubungkan pejabat-pejabat kerajaan di daerah dan mukim dengan ibu pejabat masing-masing menggunakan sambungan rangkaian internet yang lebih baik bagi membolehkan semua penyampaian perkhidmatan dapat

dilaksanakan. Bagi memastikan capaian ini dapat berfungsi dengan baik, pembaharuan lesen-lesen perisian *Information and Communications Technology (ICT)* juga perlu dilaksanakan di mana peruntukan adalah berjumlah RM1.5 juta akan disediakan. Bagi tahun 2020, peruntukan sebanyak RM1.7 juta akan disediakan bagi menaik taraf kapasiti simpanan data di Pusat Data Utama Negeri, naik taraf server di Pusat Pemulihan Bencana, penggantian *infrastructure switch* rangkaian di 14 Pejabat Agama Islam Daerah dan 18 buah Sekolah Menengah Agama Negeri serta penggantian kemudahan ICT di kaunter-kaunter kutipan hasil yang telah dikenalpasti. Dengan peningkatan kapasiti rangkaian dan penggunaan perisian yang terkini ini, diharapkan penyampaian perkhidmatan agensi-agensi Kerajaan Negeri akan menjadi lebaik… lebih baik dan produktif.

Selain dari itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan penubuhkan Unit Komunikasi dan Media Negeri Pahang ataupun UKOMP sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan imej Kerajaan Negeri melalui strategi penyampaian maklumat perkhidmatan yang cepat dan berkesan. Melalui UKOMP, penyalur… penyaluran maklumat dari pihak Kerajaan Negeri akan dapat disampaikan kepada kumpulan sasaran dengan lebih pantas, tepat dan berkesan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sudah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menjaga kebajikan rakyat. Dalam keadaan situasi kewangan yang sedia ada, Kerajaan Negeri akan tetap meneruskan usaha dan program pembangunan untuk mensejahterakan kebajikan rakyat dengan meneruskan bantuan kepada golongan yang memerlukan seperti Orang Kelainan Upaya, pesakit kronik, ibu tunggal yang miskin dan anak-anak yatim.

Bagi tahun 2020, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diperuntukkan sejumlah RM13.71 juta untuk penerima Bantuan Am. Seramai 3,808 orang akan terus mendapat manfaat daripada peruntukan tersebut dengan kadar bantuan RM300.00 sebulan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan terus memperuntukkan maksimum RM1000.00 kepada mangsa bencana alam yang layak melalui Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka Negeri Pahang.

Kerajaan Negeri juga sentiasa prihatin dan mengambil berat berkaitan perkembangan aktiviti sukan dengan memastikan program pembangunan sukan negeri dirancang dan dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

Untuk menghadapi SUKMA ke-20 pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah 200 juta… RM2 juta… Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM2 juta sebagai persediaan atlet. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan RM120 ribu bagi pembelian 3 unit perahu layar di bawah Majlis Sukan Pahang. Sebanyak RM200,000.00 juga telah diperuntukkan pada tahun 2020 bagi tujuan penyelenggaraan dan pembaikan kemudahan sukan. Golongan belia akan terus diperkasakan dengan pelbagai aktiviti dan program yang dapat membentuk jati diri. Mereka akan dibentuk dengan acuan yang berteraskan pelbagai kemahiran, pengetahuan dengan menampilkan semangat patriotisme yang tinggi bagi menghadapi cabaran globalisasi di samping menjadi penyumbang utama pembangunan sosial dan ekonomi negara.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri juga turut memberi perhatian kepada Pembangunan Orang Asli dengan pelaksanaan program-program pembangunan infrastruktur asas, peningkatan intelek dan pendidikan, dan pengupayaan ekonomi kepada semua lapisan masyarakat. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Unit Orang Asli bagi memantau 262 buah Kampung Orang Asli yang menempatkan hampir 76,697 orang penduduk. Ianya berfungsi sebagai agen penyampaian perkhidmatan dan maklumat dari Kerajaan Negeri kepada penduduk Orang Asli selain mengurangkan keber… kebergantungan Kerajaan Negeri kepada Agensi Persekutuan seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Selain itu juga, usahasama Kerajaan Negeri dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri bagi penanaman durian di kawasan rizab Orang Asli sebagai satu usaha bagi meningkatkan pendapatan dan tahap ekonomi Orang Asli sedang diusahakan. Jabatan Perhutanan dalam proses mengenal pasti kesesuaian tapak lokasi yang dipilih.

Kerajaan Negeri juga bersetuju meneruskan Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Orang Asli untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar ajaran Islam kepada masyarakat Orang Asli. Kurikulum PETAMA telah diiktiraf dan dinaiktaraf mengikut keperluan pembangunan sumber manusia negara.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Wanita merupakan tulang belakang kepada pembangunan bangsa dan agama. Justeru, peranan yang dimainkan oleh wanita adalah penting dalam pembentukan keluarga, perpaduan, pembangunan masyarakat dan negara. Bagi memastikan usaha ini lebih fokus, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju mewujudkan Unit Pembangunan Wanita yang akan merangka pelan tindakan bagi memastikan keterlibatan dan membolehkan capaian komunikasi kepada akar umbi dapat dibuat dengan cepat dan tepat. Majlis Pembangunan Wanita Pahang di peringkat Parlimen turut akan diwujudkan di mana peruntukan sebanyak RM140,000.00 disediakan bagi menampung perbelanjaan penubuhan majlis ini. Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita di peringkat Parlimen akan dipilih daripada wanita-wanita yang aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan berkongsi kesungguhan dalam memperkasakan peranan wanita. Ini idea Yang Berhormat ADN daripada Kuala Sentul.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri terus memberi penekanan yang serius ke atas pembangunan di setiap pelusuk daerah untuk terus mendapat kemudahan terbaik. Kesejahteraan ekonomi yang berterusan adalah sasaran utama yang bakal memberi manfaat hampir 1.67 juta penduduk di Negeri Pahang.

Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan berjumlah RM120 juta bagi memacu agenda pembangunan dengan membiayai lebih daripada 150 projek, sejumlah RM85 juta akan menggunakan pembiayaan secara langsung, manakala baki RM35 juta adalah daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi membiayai Projek Bekalan Air.

Bagi memberi impak terus kepada golongan sasaran, sejumlah RM23 juta telah diperuntukkan bagi pelbagai projek pembangunan antaranya adalah projek kecil negeri, projek khas kampung serta projek kecil yang berupaya meneruskan momentum pembangunan masyarakat luar bandar di samping menjamin pentadbiran daerah yang berkesan.

Perumahan merupakan Sektor Utama yang sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Negeri dalam memastikan usaha menyediakan rumah mampu milik dan berkualiti untuk dinikmati oleh rakyat. Melalui Projek Rumah Mampu Milik iaitu PR1MA Pahang, sehingga Oktober 2019, 17 projek yang telah lengkap *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* iaitu bersamaan dengan 3842 buah rumah yang siap diduduki oleh rakyat di seluruh Negeri Pahang.

Kerajaan Negeri juga turut mengambil kira golongan yang berpendapatan rendah dengan memperkenalkan Projek Rumah Makmur yang menawarkan rumah teres setingkat mampu milik berharga RM80,000.00 bagi isi rumah yang berpendapatan di bawah RM5,000.00 sebulan. Sehingga 31 Oktober 2019 sebanyak 21 projek dengan jumlah rumah sebanyak 7,088 unit rumah telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuh (7) daerah.

Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri mensasarkan sebanyak 1,000 buah unit PRIMA Pahang akan dapat disiapkan dan 2,000 tawaran rumah yang merangkumi projek PR1MA Pahang dan Rumah Makmur.

Dalam pembentangan belanjawan tahun 2019 yang lalu, Kerajaan Negeri telah meluluskan penubuhan Tabung Perumahan Rakyat Pahang. Sebagai permulaan, tabung ini telahpun mula menerima sumbangan iaitu sebanyak hampir RM216,000.00 bagi tahun pertama. Nilai ini dijangkakan akan bertambah sehingga RM6 juta pada tahun 2020.

Tabung Amanah Bencana Kerajaan Negeri diwujudkan untuk membantu mangsa-mangsa bencana dari aspek keperluan asas rumah, pakaian, persekolahan dan pengangkutan, selain itu, ianya turut digunakan untuk penyelenggaraan dan pembaikian rumah dan premis yang terlibat dengan bencana. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM441,000.00 untuk membantu mangsa-mangsa yang ditimpa bencana. Selain itu, sebagai contoh bagi persediaan menghadapi musim tengkujuh ini, Kerajaan Negeri juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM2 juta kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk perbelanjaan menghadapi bencana.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Negeri Pahang merupakan negeri yang mempunyai sumber air yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Namun begitu, bagi pembekalan air bersih kepada rakyat, sumber air ini perlulah dirawat terlebih dahulu dan dengan kadar tarif sedia ada. Sehingga 31 Mei 2019, Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) menanggung kos operasi dan pentadbiran sebanyak RM300 juta setahun. Erti kata yang lain, pihak PAIP beroperasi dengan kerugian sebanyak RM25 juta sebulan.

Sungguh pun begitu, Kerajaan Negeri juga amat merasai keluh resah rakyat berkenaan gangguan bekalan air yang sering berlaku, contohnya di daerah Temerloh dan Raub. Bagi memastikan rakyat Negeri Pahang mendapat bekalan air yang berkualiti dan berterusan, Kerajaan Negeri bercadang untuk meliberalisasikan industri perkhidmatan bekalan air di mana langkah ini akan memberikan lebih banyak pilihan kepada pengguna dan menghasilkan tarif yang lebih berdaya saing.

Ketika ini, Kerajaan Negeri sedang memperhalusi beberapa cadangan daripada pemain-pemain industri berkenaan seperti Ranhill Holdings Berhad, YTL Power International Berhad dan Salcon Berhad yang menunjukkan minat untuk melabur di Pahang. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diteliti dengan rapi bagi memastikan

kepentingan Kerajaan Negeri terpelihara dan rakyat memperoleh manfaat yang sepatutnya.

Kerajaan Persekutuan memberikan persetujuan supaya pinjaman Kerajaan Persekutuan berkaitan bekalan air diambil alih daripada Kerajaan Negeri dan di inovasikan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Kerajaan Negeri tidak akan bertanggungjawab ke atas pinjaman tersebut. Melalui penstrukturan ini, pinjaman bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar yang berjumlah RM1.01 billion akan dihapuskira dan baki pinjaman ini akan ditanggung semula oleh Pengurusan Air Pahang (PAIP) secara sewa pajakan selama 45 tahun.

Bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pahang telah memperuntukkan lebih RM1.019 bilion untuk melaksanakan projek pembangunan fasiliti kesihatan sebanyak 26 projek sambungan dan empat (4) projek baharu terdiri daripada dua (2) projek hospital baru, lapan (8) Projek naiktaraf Hospital, (14) projek Klinik Kesihatan dengan kuarters, dua (2) Projek Klinik Kesihatan sahaja, dan tiga (3) Projek Pembinaan Kuarters dan satu (1) Projek Klinik Pergigian.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan terus berusaha supaya kadar Indeks Jenayah di Negeri Pahang berada dalam keadaan terkawal. Antara program yang telah dirangka bagi meneruskan usaha pada tahun 2020 bagi membendung kejadian jenayah dan masalah sosial di kalangan masyarakat Pahang adalah OPS RUMAH SELAMAT di musim perayaan dan Program Pencegahan Jenayah yang dijalankan di peringkat sekolah dan kampung-kampung. Melalui program ini diharapkan pihak masyarakat dapat memberikan kerjasama kepada polis, insya-Allah kadar jenayah akan dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengambil kesempatan untuk menyembahkan setinggi-tinggi junjung kasih ke sisi Sultan Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Di sebalik komitmen dengan urusan seharian selaku Raja Pemerintah untuk negara yang bersemayam di Istana Negara, hal-hal berkaitan negeri tumpah darah Baginda di Negeri Pahang Darul Makmur sentiasa dekat dihati.

Oleh sebab itulah juga, apabila rakyat jelata di negeri ini ditimpa musibah dan bencana, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berkenan bercemar duli menziarahi serta menitahkan bantuan segera dilaksanakan oleh pihak-pihak berkenaan khususnya Kerajaan Negeri.

Dengan ini, Kerajaan Negeri sendiri sentiasa sahaja bersiap-siaga dalam apa jua keadaan sekali pun dan ini tentunya baik demi kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat jelata. Menjunjung kasih, Tuanku.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

'Kapal tidak akan mampu belayar tanpa nahkhodanya, kapal tanpa pembantu juga tidak akan mampu memacu arah tujunya, begitulah moleknya hubungan kerjasama dan kebergantungan sesama kita'.

Dengan ini saya mewakili pihak Kerajaan Negeri ingin mengucapkan terima kasih kepada kesemua rakan-rakan Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri dan kesemua Ahli-ahli Dewan Negeri sama ada daripada kerajaan, rakan-rakan ADN PAS menerusi gagasan Muafakat Nasional, mahupun pembangkang, yang telah memberikan kerjasama baik semasa kita berada pada persidangan Dewan ini.

Tidak lupa juga sekalung tahniah atas segala jasa dan pengorbanan penjawat awam selaku jentera pelaksana kepada segala dasar dan pembangunan negeri. Penjawat awam diibaratkan tulang belakang kerajaan dan pencapaian yang kita kecapi sehingga kini tidak akan dapat diperolehi tanpa komitmen yang jitu, tanpa mereka pincanglah urus tadbir negeri.

Marilah kita bersatu padu,
Tekadkan hati berganding bahu,
Agenda Pembangunan telah diseru,
Kini tibalah masa yang ditunggu-tunggu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sukacita saya ingin mengumumkan bahawa, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM750.00 (ahli dewan tepuk meja) kepada kesemua kakitangan kerajaan tanpa peng… pengecualian gred, kerana pencapaian yang kita perolehi hari ini adalah hasil usaha padu kita semua. Dengan kata lain Yang Berhormat Yang di-Pertua semua penjawat awam negeri Pahang ini daripada gred yang setinggi-tingginya sampai yang serendahnya akan mendapat sebanyak RM750.00 (Ahli Dewan tepuk meja). Seramai 8,000 penjawat awam akan menerima manfaat tersebut dan pembayaran dibuat pada bulan Disember ini. Jumlah peruntukan untuk Bayaran Khas Kewangan ini adalah sebanyak RM6 juta. (ahli dewan tepuk meja)

Untuk makluman juga, pemberian Bantuan Khas Kewangan ini bertambah berbanding dengan tahun lepas yang berjumlah RM500.00 dan insya-Allah, pada tahun yang mendatang, sekiranya prestasi kewangan negeri bertambah kukuh, tidak mustahil Kerajaan Negeri akan memberikan Bantuan Khas Kewangan ini dengan lebih lagi, ataupun dengan bahasa mudahnya 'bagi tetap bagi, sikit banyak cerita lain'. (Ahli Dewan ketawa)

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Harapan Kerajaan Negeri ialah agar pemberian ini dihargai semua, dan dapatlah juga kita sama-sama memahami akan falsafah 'Jika berbelanja janganlah sampai boros, dan jika berjimat janganlah sampai kedekut'.

Kepinggir hutan bersama rakan
Memungut petai berpapan-papan
Selesai sudah saya bentangkan
Belanjawan negeri tahun hadapan (ahli dewan tepuk meja)

Memungut petai berpapan-papan
Sesudah pungut pulang ke rumah
Belanjawan negeri tahun hadapan
Mohon bahaslah dengan berhemah (ahli dewan tepuk meja)

Sesudah pungut pulang ke rumah
Peraih dah tunggu di dalam lori
Mohon bahaslah dengan berhemah
Demi kemuliaan Dewan Negeri

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya dengan ini membentangkan Belanjawan 2020 dan saya mohon mendapat sokongan semua, insya-Allah. Saya mohon mencadangkan. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada sokongan?

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon izin menyokong cadangan itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang ini telah dicadang dan disokong untuk dibaca untuk kali yang kedua. Sebelum perkara ini dibuka untuk dibahaskan sukacita saya menarik perhatian Yang Berhormat sekalian kepada Peraturan 66 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negeri dimana perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini mestilah ditangguhkan sekurang-kurangnya 1 jam. Oleh itu saya bercadang perbahasan atas Rang Undang-undang ini akan dimulakan pada hari esok, Selasa, 19 November 2019 dan akan dibahaskan bersekali dengan Usul Anggar… Anggaran Pembangunan Dan Perbekalan Air 2020 yang akan dibentangkan sebentar lagi. Sekarang mesyuarat beralih kepada agenda selanjutnya.

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2020

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat: Usul. Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2020, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang membawa cadangan.

YAB. DATO' HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk bawa satu usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi,

"Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan Seksyen 9 Akta Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dan mengikut ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan Dan Kumpulan Wang Perbekalan Air dengan ini bersetuju meluluskan Anggaran Perbelanjaan bagi 2020 daripada kumpulan wang tersebut itu sebagaimana yang ditetapkan di dalam rang anggaran perbelanjaan Bahagian 2 dan 3 2020 yang dibentangkan di dalam persidangan ini. Kertas DN 34/2019."

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya berharap agar usaha yang saya bentangkan ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sokongan.

Yang Berhormat. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan menempohkan perbahasan usul ini untuk dibahaskan bersama-sama Rang Undang-undang Perbekalan 2020 (2019) pada hari Selasa 19 November 2019. Sebelum saya menempohkan persidangan ini, seperti sukacita saya memaklumkan menjemput semua ahli-ahli Yang Berhormat ke jamuan tengah hari di Tingkat 7, Bilik Gerakan Negeri, selepas ini dan seterusnya ke Taklimat Pembangunan dan Pelaburan Negeri Pahang selepas itu. Persidangan ditempohkan dan akan disambung semula pada hari esok, Selasa, 19 November 2019 jam 9.30 pagi. Sekian terima kasih. Assalamualaikum WBT.

[Persidangan ditempohkan jam 12.40 tengah hari]

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14

HARI KE-2
19 NOVEMBER 2019 (SELASA)

KANDUNGAN

HARI KE-2: 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	1
4	PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2020/2019) DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2020	22
5	SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2020/2019) DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2020	47

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Ke-2 : 19 November 2019 (Selasa)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli.
Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. **Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-BadanBukan Kerajaan**	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli**	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi dan Multimedia**	-	**Bebar**
Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna**	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Encik Abd Rahim bin Muda, AMP., PKC. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan**	-	**Lepar**
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	-	**Dong**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun, SSAP., DIMP., SMP.	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP., SMP	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Tras**
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Bilut**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	-	**Ketari**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman, AAP.

Encik Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff@Ahmat, AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung - **Semambu**

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Selasa	:	19 November 2019
Bersamaan	:	22 Rabiulawal 1441 Hijriah
Masa	:	9.30 pagi

DOA

Bacaan doa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan dalam bahasa Arab]. [Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun, dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandu pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Pertama: Pertanyaan dan jawapan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera dan Selamat Pagi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, kita bersyukur Kehadrat Allah SWT pada pagi ini kita dapat bersama-sama lagi sekali dengan Keizinan-Nya, berada di Dewan ini bagi menjalankan tugas Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada pagi yang berbahagia ini. Saya mengucapkan terima kasih pada Ahli Yang Berhormat yang telah pun dapat hadir pada masa yang telah ditetapkan.

Baiklah, untuk meneruskan aturan urusan Mesyuarat yang seterusnya, saya menjemput Wakil dari Triang untuk mengemukakan pertanyaan. Silakan.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
saya mohon izin kemukakan soalan 1.

> [Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap tanah tanpa izin yang diusahakan oleh pekebun kecil tempatan di Paya Lang agar pihak kerajaan negeri dapat memungut hasil dan pekebun kecil dapat terus mengusahakan tanah untuk menyara hidup sekeluarga?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat Pagi dan Selamat Sejahtera. Terima kasih kepada ADN kawasan Triang kerana telah bertanyakan soalan berkenaan dengan tanah tanpa izin yang diusahakan di er… yang diusahakan oleh pekebun kecil di Paya Lalang. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk menimbangkan memberi milik kepada er… tanah yang diusahakan secara haram tersebut kepada agensi-agensi kerajaan dan seterusnya Kerajaan Negeri akan memajakkan tanah berkenaan kepada mana-mana pihak yang berminat yang difikirkan sesuai tertakluk kepada prosedur dan syarat-syarat yang sedia ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dipersilakan, ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. CIK LEONG YU MAN

Boleh saya dapatkan agensi-agensi Kerajaan yang berpotensi untuk diberikan hakmilik dan sekiranya pajakan er… akan diberi kepada pihak yang berminat, adakah pekebun kecil tempakan… tempatan akan diberi keutamaan?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Kerajaan Negeri akan mengkaji dan meneliti terlebih dahulu mana-mana agensi kerajaan yang ada potensi dan mempunyai kedudukan kewangan yang mencukupi, ada kemahiran dan ada pengalaman untuk dipertimbangkan tanah ini diberikan kepada mereka.

Dan er… Kerajaan Negeri juga boleh mempertimbangkan er… sekiranya untuk diberi milik kepada individu-individu tetapi tidak diberi secara terus dan kita mungkin memberikannya kepada PSK ataupun *SSI*. Apa ni… *State Secretary Incoporated* dan kita akan pajakkan. Maknanya Yang Berhormat jangan bimbang, tetapi yang lebih pentingnya Yang Berhormat kena bagi tahu kepada pekebun-pekebun kecil di Paya

Lalang, Kerajaan Negeri sangat bertimbang rasa, sangat baik hati kerana tidak dan belum lagi menguatkuasakan tanah tersebut yang telah diusahakan sekian lama dan insya-Allah, kita akan mengambil tindakan secara berhemah dan mengikut prosedur yang ada supaya tanah ini dapat diusahakan dan dalam masa yang sama kita boleh menjimat ketirisan yang sepatutnya Kerajaan Negeri kutip hasil tetapi oleh sebab dia buat tanpa apa ini… dibuat secara haram Kerajaan Negeri kehilangan hasil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan. Er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri sebab saya mewakili pekebun-pekebun kecil di Paya Lang er... mengucapkan terima kasih kerana memang er... belum ada penguatkuasaan yang dijalankan walaupun mereka mengusahakan tanah. Tapi untuk makluman Kerajaan Negeri, saya percaya bahawa golongan pekebun kecil ini amat mengalu-alukan peluang pajakan yang boleh diberikan daripada Kerajaan Negeri dan kalau dari segi pengalaman dan kemahiran, saya percaya merekalah yang paling layak sebab mereka telah mengusahakan tanah...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan apa ya, soalan.

YB. CIK LEONG YU MAN

Kerana asalnya… *sorry*.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Apa isunya?

YB. CIK LEONG YU MAN

Ok, jadi…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terus pada soalannya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Saya berharap…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terus pada soalannya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Saya berharap…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak payah huraikan lagi.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya cuma berharap bahawa keutamaan diberikan kepada pekebun kecil tempatan dan saya percaya mereka sudi memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri Pahang sebab mereka cuma... cuma nak cari makan sahaja. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Pertama sekali saya nak jawab sama-sama kasihlah sebab YB. kata terima kasih kepada Kerajaan Negeri kan. Bukan kepada saya, kepada rakan-rakan semualah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Yang keduanya, harapan YB. itu, sama juga harapan Kerajaan Negeri, sama saja. Yang Berhormat jangan bimbang kerana setakat ini Kerajaan Negeri tidak pernah menzalimi mana-mana pekebun-pekebun haram dan setiap tindakan yang diambil adalah mengikut peraturan dan prosedur yang ada.

Dan er… berkait dengan pekebun kecil di Paya Lalang ini, kita akan buatkan secara berhemah dan kita akan ambil pendekatan yang sehabis baik kerana kita juga memikirkan kalau sekiranya mereka tidak bercucuk tanam di sini ataupun tidak mengerjakan ladang ini, kita kena fikir juga apakah alternatif untuk diberikan kepada mereka. Jadi er…Yang Berhormat jangan bimbang, bagitahu kepada mereka Kerajaan Negeri pada bila-bila masa sahaja akan er… mendekati mereka ataupun mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa er... tidak memberi notis yang sepatutnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Tuan Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikutnya. Saya jemput Wakil dari Luit.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, soalan saya pertanyaan nombor 2. Terima kasih.

[Apakah status tanah di negeri Pahang bagi menjayakan Projek *ECRL*?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ADN Kawasan Luit yang bertanyakan soalan status tanah di Negeri Pahang bagi menjayakan *ECRL.* Untuk makluman Yang Berhormat daripada Luit, anggaran keluasan tanah yang terlibat dengan projek *ECRL* di Negeri Pahang adalah seluas 978.771 hektar dengan pecahan seperti berikut:

i) Tanah milik Kerajaan / Tanah Kerajaan Negeri (379.184 hektar)
ii) Tanah Milik (542.58 hektar)
iii) Tanah Rizab Hutan (44.074 hektar) dan
iv) Tanah Kerajaan Persekutuan (12.929 hektar)

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Luit juga, proses pengambilan balik tanah-tanah milik yang terlibat dengan jajaran projek *ECRL* telah dimulakan sejak 30 Oktober 2019 yang melibatkan tanah-tanah milik dalam daerah Kuantan selepas ditangguhkan sementara pada 3 Julai 2019.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Berhormat, soalan berikut, Wakil dari Cheka.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3.

[Pada tahun 2018, negeri Pahang merupakan negeri No. 1 yang menarik paling ramai pelancong.

1. Berapakah ramai pelancong yang melawat setiap daerah di Pahang?
2. Daerah mana yang menunjukkan peningkatan yang paling tinggi, dan mengapa?
3. Apakah usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan lagi perusahaan pelancongan di Pahang?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Terima kasih kepada rakan kita dari Cheka. Er… mengikut angka ya, pada tahun 2018 sememangnya seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam Ucapan Belanjawan bahawa negeri Pahang telah pun diisytiharkan sebagai negeri nombor satu dari segi kunjungan pelancong domestik er… kalau nak dibandingkan negeri-negeri yang lain. Kita nombor satu. Saya… Saya nak maklumkan bahawa kalau mengikut dari segi daerah ya. Mengikut dari segi daerah, daerah Bentong er… 8 juta tetapi 8 juta ini ianya…ianya termasuklah ya, termasuklah Bukit Fraser er… Bentong er… sendiri kemudian Bukit Tinggi dan Janda Baik dan Came… er… Genting Highlands. Dia bukan hanya satu Genting Highlands sahaja. Kemudian er… daerah Kuantan 2.4 juta, daerah Cameron Highlands 1.5 juta, daerah Rompin 3 perpuluhan er... 3 ratus… 370 ribu, daerah Temerloh 3 ratus… 280 ribu, er... Jerantut 230 ribu, Raub 175 ribu, Pekan 67 ribu, er... Lipis er… 54 ribu, Bera 28 ribu dan Maran 10 ribu.

Saya nak maklumkan bahawa cara kita mengutip data ini adalah hanya kepada pelancong-pelancong yang bermalam. Yang tidak bermalam, *day tripper* siapa yang pergi hari-hari ini, kalau kita kutip itu, lebih berganda kerana kalau kita tengok sebagai contohnya. Saya amik contoh di Temerloh, sebagai contoh, di tempat saya. Yang Berhormat er… ADN Kuala Semantan, dia tau pasal kawasan tu orang datang tempat dia makan patin. Kita boleh tengok kalau hari hujung-hujung minggu ni terutama sekali Pekan Sari ini akan datang ramai orang daripada Kuala Lumpur, daripada Kuantan datang ke Pekan Sari kemudian makan patin pelbagai-bagai terutama sekali mereka

yang mempunyai motosikal besar dan juga mempunyai kereta-kereta yang laju ini kerana dia nak *test drive* daripada Kuala Lumpur ke Temerloh er... sejauh lebih kurang satu jam.

Dan yang keduanya saya nak maklumkan bahawa daerah ya, yang menunjukkan peningkatan adalah daerah Bentong er… dan er… dan ini…. dan juga kawasan-kawasan er… dan Janda Baik…. seperti Janda Baik yang berkonsepkan resort alam semulajadi dan menyumbang kepada peningkatan agro tourism. Er… juga yang keduanya adalah er… daerah Cameron Highlands dan er…dan er… dari segi…dari segi usaha, insya-Allah Kerajaan Negeri akan terus berusaha ya untuk mempastikan kerana kita tahu bahawa tiga belas kalau mengikut angka kita, 13.431 juta orang yang datang ini, ianya menyumbang kepada perbelanjaan pelancong. Ini bukan pendapatan Kerajaan Negeri ya. Perbelanjaan pelancong sebanyak 10 billion ringgit. Ini satu angka yang besarlah dari segi… dari segi KDNK. Terima kasih.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Okay, soalan tambahan er… Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah dengan perancangan untuk mengenakan cukai katil. Bilakah ia akan dilaksanakan?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sebenarnya cukai katil ini kita… sebenarnya kita kena… dia ada dua sama ada cukai katil atau cukai bilik. Walau bagaimanapun seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam er… Ucapan Belanjawan adalah kita…kita…kita apa namanya melihat bagaimana negeri-negeri seperti Pulau Pinang dan Melaka telah pun melaksanakannya dan ada negeri-negeri yang lain yang ianya melaksanakan tetapi melalui Majlis Perbandaran atau pun Majlis-majlis Daerah masing-masing. Ada cukai yang dikenakan.

Pada Kerajaan Negeri Pahang bahawa kita tahu, bahawa kita mempunyai 35,000 bilik di seluruh negeri Pahang, 35,000 bilik di seluruh negeri Pahang dan kita tahu bahawa hotel-hotel, *homestay-homestay* er… apa namanya kemudahan Air BNB ini, mereka sememangnya kalau nak… mereka…untuk mereka buat promosi sendiri, kemungkinan mereka tidak mempunyai keupayaan. Yang melaksanakan adalah Tourism Pahang ya iaitu Majlis apa namanya… Perbadanan ataupun Tourism Pahang… Majlis… Perbadanan Bukit Fraser yang sekarang ini kita namakan sebagai Tourism Pahang kerana kita tidak boleh pakai perkataan pelancongan.

Kerajaan Negeri tidak dibenarkan oleh Kerajaan Pusat memakai perkataan pelancongan sebab itu kita menggunakan Perbadanan Bukit Fraser dan kita telah er… *branding*kannya sebagai Tourism Pahang untuk kita melakukan promosi ini, berterusan dan dalam masa yang sama apabila kita melakukan promosi ini maka

apabila mereka datang ke mari, mereka akan tidur atau pun mereka akan er… menginap di tempat-tempat er… yang terdapat di situ.

Jadi sebab itulah kita rasakan bahawa makin hari kita rasakan bahawa kita… kita perlukan dan juga penambahbaikan dari segi…dari segi…dari segi infrastruktur ataupun dari segi apa namanya… *accessibility* dan lain-lain lagi. Kemudahan-kemudahan yang lain, *signage* dan lain. Jadi wajar untuk kita mengenakan sedikit ya, cukai. Ianya sangat rendah ya. Mungkin RM5, RM4, RM3, RM2, RM1. Mungkin begitu. Dia tak… dia tak banyak. Dia mungkin rendah kerana Kerajaan Pusat telahpun mengenakan cukai tetapi itu hanya kepada er… pelancong luar Negara dan kita pun mendapat manafaat itu. Jadi insya-Allah kita akan er… kita bercadang untuk kita memulakannya pada tahun hadapan. Insya-Allah, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Er…saya nak tanya tentang kemusykilan sayalah tentang kehadiran pelancong khususnya di Lipis iaitu pada tahun 2018, Bangladesh… Bangladesh sebanyak 140, 2019, 122. Kemudian Indonesia 113, 2018; 2019, 211. Ini angka yang diberikan oleh Pengarah Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Pahanglah kepada saya. Persoalannya saya, saya musykillah orang Bangladesh ini. Sama ada dia datang melancong atau pun ini merupakan pekerja yang datang bekerja di sini sebab kalau melancong, dia…dia belanjakan duit dia di sini. Kalau apa nama ni er… dia datang bekerja, maknanya ambik duit daripada sini bawa keluar. Jadi persoalan saya di situ, jadi apakah dia ni pelancong ataupun sebenarnya bukan pelancong? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kaedah kita mendapat data ini, pertamanya mereka yang menginap di tempat-tempat penginapan hotel, *homestay* dan sebagainya. Dan sudah tentu mereka akan er… apa namanya mereka akan er… memberikan identiti atau pun kad pengenalan diri iaitu pasport mereka untuk kita ambil. Kita… kita… kalau mereka ada permit kerja itu, bukan pelancong. Yang hanya kita anggap pelancong, mereka yang mempunyai pasport yang mereka daftarkan di hotel, motel atau pun resort. Ha… itu kaedah dia. Tapi saya ingat mungkin dia suka jugalah pada Wakil Rakyat di sana, agaknyalah. Sebab itulah Bangladesh ramai pergi ke… apa nama pergi ke Padang Tengku. [Ketawa]. Lipis di Padang Tengkulah, insya-Allah.

Jadi kaedahnya berbeza. Jadi sebab itulah, angka yang kita dapat ini. Sebagai contoh ya, saya nak amik satu contoh ya. Sebagai contoh er… bagaimana *detail*nya kaedah kita er… mendapat angka-angka ni. Sebagai contohnya kita ambil Ukraine. Ukraine, Ukraine pada tahun… melancong ke Kuantan ya, Ukraine pada tahun 2017 yang datang 75 orang. 2018, 7 orang. Maknanya begitu *detail* kaedah kita. Kerana apa, kita nak pasti bahawa angka tersebut. Lelaki, perempuan itu kita tak…tak…tak ni. Insya-Allah lepas ini, kita mungkin… jantinanya apa. [Ketawa] dan *profession*, kerjaannya apa.

Jadi begitu *detail*, sebagai contoh, saya nak amik satu lagi contoh, Albania. Dua ribu…ini ke Kuantan ya, 2017, 3 orang. Tapi ini Dato' Sri Yang Amat Berhormat

Menteri Besar, ini mungkin kita kena pegi Albania ni, 2018 ada peningkatan 27 orang. Kalau kita pegi mungkin dia akan jadi 270 orang. [Ketawa]. Jadi, insya-Allahlah. Ha… boleh. ADN Padang Tengku dah pegi Kazakhstan kan. ADN Padang Tengku? Dah pegi dah. Kazakhstan… Kazakhstan ke Kuantan, ya. Tahun 2017, 42 orang, tahun 2018 menurun tinggal 17 orang ha… jadi insya-Allah tahun 2020 dia ramai, insya-Allah. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan berikutnya, saya jemput Wakil dari Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua. Saya mohon izin kemukakan soalan nombor 4.

> [Memandangkan Kerajaan Negeri bercadang untuk meletakkan pensijilan myGAP Pahang sebagai syarat kepada para pekebun setelah Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands berjaya ditubuhkan, apakah usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan efisiensi permohonan myGAP? Adakah kerajaan bercadang untuk mempermudahkan proses permohonan myGAP?]

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Yang Berhomat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Soalan yang dibangkitkan oleh ADN daripada Tanah Rata ialah berkaitan dengan pensijilan myGAP. Jadi untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Dato' Sri Yang Di-Pertua, myGAP ini adalah merupakan satu skim pensijilan yang dirangka oleh Jabatan Pertanian untuk memberikan pengiktirafan kepada ladang-ladang yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik ataupun dalam Bahasa Inggeris dia *Good Agricultural Practice*. Jadi tu sebab dia jadi myGAP. Berkonsepkan Amalan Pertanian Baik, berkonsepkan mesra alam sekitar, menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja bagi menghasilkan produk berkualiti, selamat dan sesuai untuk dimakan, dan er… apakah sebenarnya kelebihan pensijilan ini? Kelebihannya ialah hasil produk pertanian berkualiti dan selamat dapat dimakan oleh pengguna.

Yang keduanya produktiviti pengeluaran dapat dipertingkatkan, kebajikan pekerja ladang terjamin, hasil pertanian dapat bersaing di pasaran domestik mahupun di peringkat antarabangsa. Kemudian er… kelebihannya ialah memelihara alam sekitar dan juga mengurangkan penggunaan racun makhluk perosak. Jadi ini er… manfaatnya. Jadi, bagi menjawab soalan Tanah Rata, bagi meningkatkan lagi pengesanan atau keberkesanan pengamalan… amalan perladangan yang baik ini, kerajaan melalui Jabatan Pertanian serius memberikan kesedaran melalui kempen konsultasi penyeliaan pengurusan ladang di tanah rendah dan juga tanah tinggi, pengesanan sisa baki racun melalui pensampelan sayur serta latihan yang berterusan serta lawatan pemantauan projek secara berkala yang akan dijalankan bagi mendapatkan maklum balas dan penyelesaian kepada sebarang isu berkaitan dengan pensijilan ini.

Jadi untuk meningkatkan lagi bilangan ladang yang menerima pensijilan myGAP ini, pihak Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk memperkasakan lagi iaitu tenaga er… penyelia dan cadangannya adalah untuk er… menambah lebih kurang dalam 20 orang pegawai secara kontrak bagi membantu peningkatan akreditasi ladang-ladang termasuk di Cameron Highlands.Dan untuk makluman Dewan Yang Mulia ini

keseluruhan er… sebenarnya keseluruhan er… ladang-ladang yang er… mempunyai sijil myGAP ini ialah 532 di seluruh negeri Pahang. Manakala di Cameron Highlands kita ada 25 setakat ini.

Namun er… terdapat 20 permohonan yang baru yang er… sedang diproses dan er… untuk itu, insya-Allah er… kita lihat permohonan-permohonan baru di seluruh negeri Pahang kesemuanya ada 298 ya, dan er… kini Jabatan Pertanian telah membuat penambahbaikan. Kalau dahulunya proses er… untuk meluluskan sijil myGAP ini memakan masa selama er… dua tahun… dua tahun, tapi kini dengan apa yang diperkenalkan sebagai Ezi myGAP, permohonan er… untuk memproses sijil myGAP ini telah pun dipercepatkan dan kini dijangka memakan masa selama hanya 3 bulan, insya-Allah. Dan mudah-mudahan dengan usaha yang baik ini dengan kerjasama daripada semua pihak, petani, pegawai-pegawai, Jabatan Pertaian dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat termasuk Wakil-wakil Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini, kita mengharapkan kita akan dapat mempertingkatkan lagi bilangan ladang-ladang yang mempunyai sijil myGAP demi untuk kepentingan masyarakat negeri dan negara, insya-Allah.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua dan juga er… ADN Kerajaan. Saya di sini er… ingin menanyakan bahawa, adakah isi myGAP ini mekanisme ini hanya khususnya untuk Kerajaan Negeri Pahang ke ataupun untuk seluruh Malaysia? Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ezi myGAP ini adalah untuk seluruh Malaysia, untuk seluruh Malaysia dan er… dia sebenarnya ini adalah satu er… ini proses er… peningkatan kalau dahulunya er… Dato' Sri Yang di-Pertua er… sebelum myGAP ini, ada satu skim dipanggil Skim Amalan Ladang Baik Malaysia ataupun SALM yang telah diperkenalkan dalam tahun 2002 dan er… selepas itu er… ditambah baik menjadi myGAP ya. My er… *Good Agricultural Practice.* Kemudian sekarang ini kita er… ataupun pihak Kerajaan telah mempertingkatkan lagi er… proses ini dan menaik taraf sebagai Ezi myGAP. Makna dia percepatkan dan ianya merangkumi er… seluruh negara, insya-Allah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil dari Tahan.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, pertanyaan saya nombor 5.

> [Berapakah jumlah pusat pemulihan dadah yang terdapat di negeri Pahang dan berapa jumlah penghuninya? Adakah terdapat pusat pemulihan yang diuruskan oleh orang persendirian dan berapakah jumlahnya?]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan nombor 5 yang dikemukakan oleh ADN Tahan. Terdapat 6 buah pusat pemulihan dadah di negeri Pahang yang kita perolehi ya, yang

diuruskan oleh cawangan pengurusan Institusi Bahagian Rawatan Perubatan dan Pemulihan, AADK Malaysia sehinga 7 Oktober 2019. 6 pusat pemulihan dadah tersebut ialah PUSPEN, Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik ya, PUSPEN Gambang. Jumlah penghuninya 215 orang. PUSPEN Raub 364 orang, PUSPEN Sungai Ruan 230 orang, PUSPEN Benta 311 orang, PUSPEN Karak 172 orang, Klinik *Cure & Care* Jerantut 125 orang, menjadikan jumlah keseluruhannya ialah 1,417 orang. Dan terdapat 3 NGO yang menguruskan Pusat Pemulihan Dadah Persendirian yang mana jumlah *client* bagi setiap pusat pemulihan seperti berikut, yang diuruskan oleh er... DIC Malaysia er... terdapat di Casa Villa Batu 5, 18 orang, Casa Villa Sungai Soi 41 orang, Casa Vista 1 Jalan Teluk Sisek 20 orang, Casa Vista 2 Lorong Sri Teruntum 136, 20 orang, Casa Femina Jalan Tok Sira 22 orang. Yang diuruskan oleh Geha Body Care Centre Batu 12 Jalan Gambang, 10 orang. Diuruskan oleh Persatuan Kebajikan Karisma Malaysia di Kampung Lamir Pekan sebanyak 8 orang. Jadi jumlah keseluruhannya ialah 139 orang. Terima kasih Dato Sri di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Ya?

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Soalan tambahan. Merujuk kepada er… tiga NGO yang mengendalikan ataupun menguruskan berkenaan dengan pemulihan er… dadah ini, saya nak tanya adakah Kerajaan Negeri ada menyalurkan dana ataupun bantuan kepada mereka?

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Setakat ini dana sebenarnya diuruskan oleh pihak JKM yang mana JKM ada menyalurkan geran ya, kepada er… pusat-pusat ini. Namun begitu er… dari semasa ke semasa atas permintaan, Kerajaan Negeri sedia membantu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima Kasih Yang Berhormat. Soalan berikutnya saya jemput wakil dari Chini.

YB. DATO' ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Dato' Sri Yang Di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 6.

> [Apakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan pemilikan sijil halal di restoran-restoran di negeri Pahang kerana ia penting bagi memastikan kualiti penyediaan makanan termasuk kandungan dalam makanan digunakan itu adalah bersih, selamat dan semestinya mengikut syarak.]

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato Sri Yang Di-Pertua

Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada sahabat saya daripada Chini yang bertanya tentang er… sijil halal. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan pemilikan sijil halal di restoran-restoran di Negeri Pahang kerana ia penting bagi memastikan kualiti penyediaan makanan termasuk kandungan dalam makanan yang digunakan.

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Memanglah sijil halal ini menjadi satu perkara yang sangat penting dan juga diminati dan diambil berat oleh orang ramai bahkan menjadi impian oleh setiap pembekal. Namun demikian perkara ini memang diambil serius oleh Kerajaan Negeri Pahang melalui urusetianya iaitu Jabatan Agama Islam Pahang. Jabatan Agama Islam Pahang sebagai pemudah cara.

Namun demikian, dasar-dasarnya dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia iaitu JAKIM. Dari semasa ke semasa, JAIP akan mengadakan kempen penjelasan keperluannya sijil halal ini diambil dan dipohon oleh restoran-restoran yang dibuka di negeri Pahang. Namun ia adalah satu perkara yang berbentuk bersifat sukarela oleh restoran itu, bukan satu ketetapan yang dilazimkan ataupun diwajibkan. Terima kasih Dato' Sri Yang Di-Pertua.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Nampak wakil dari Tanjung Lumpur.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Er… kita lihat ada restoran-restoran yang mengelirukan. Makna nampak macam muslim tapi bukan. Jadi tanya pada pihak kerajaan er… dah berapa tangkapan ataupun tindakan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan terhadap restoran-restoran sebegini.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Sebenarnya men… mendapatkan sijil halal daripada JAKIM dan Jabatan Agama Islam adalah bersifat sukarela. Seandainya restoran berkenaan tidak mendapatkan sijil halal, kita tidak apa… ada hak untuk menangkap mereka kerana disebabkan tidak memiliki sijil halal. Tetapi kalau mereka berdusta bertopengkan er… sijil halal yang dikeluarkan oleh JAKIM sedangkan dia tidak mohon, ini adalah satu kesalahan dan boleh kita mendakwa mereka. Cuma setakat ini kita belum ada data yang apa kita menangkap sebagaimana berlaku di setengah tempat. Terima kasih Dato' Sri Yang Di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima Kasih. Seterusnya saya jemput wakil dari Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan saya peluang yang kedua untuk kemukakan soalan nombor 7 di dewan yang mulia ini. Terima kasih.

> [Kekerapan runtuhan tanah berkemungkinan bertambah pada musim hujan terutamanya di tempat tinggi. Selain penyenggaraan dan pembaikan cerun,

adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan teknologi canggih seperti teknologi *Artificial Intelligence* (AI) yang mampu mengesan tanah runtuh secara lebih tepat, pantas dan efektif sebelum ianya berlaku?]

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Terima kasih er… memberi saya ruang untuk menjawab soalan yang ditanya oleh ADN Tanah Rata. ADN Tanah Rata bertanyakan soalan berkaitan dengan penggunaan teknologi canggih seperti *Artificial Intelligence* (AI) dalam menangani masalah cerun runtuh.

Untuk makluman Sidang Dewan yang dimuliakan, kaedah pemantauan cerun yang dilaksanakan oleh pihak Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR Ibu Pejabat Kuala Lumpur adalah er… dilaksanakan secara *visual* melalui format laporan *Incident Report* er… melalui ataupun yang dibawa oleh pihak JKR Daerah. Pihak JKR juga walau bagaimanapun sedang menjalankan pengumpulan data cerun di jalan persekutuan dengan menggunakan teknologi *drone* ataupun er… *LIDAR* . Dalam masa yang sama juga pihak Kerajaan er… sedang mengkaji bagaimanakah untuk meningkatkan penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) ini dan ianya masih diperingkat kajian bergantung kepada peruntukan yang ada.

Walau bagaimanapun, Dato' Sri Yang Di-Pertua, soal *Artificial Intelligence* (AI) ini sangat subjektif. *Artificial intelligence* (AI) ini dalam erti kata lain juga orang sebut sebagai *machine intelligence,* dengan izin, *how intelligence,* ataupun sejauh manakah bijaknya mesin-mesin ini sangatlah subjektif dan kerajaan dalam proses untuk meningkatkan kebijaksanaan mesin-mesin ini. Terima kasih Dato' Sri.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan… ok. Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua, ok er… Yang Berhormat baru-baru ini berlaku tanah runtuh di jalan er… di Genting Highlands jalan menuju ke Amber Court. Jadi saya ingin bertanyakan kepada pihak Kerajaan Negeri apakah tindakan yang diambil pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan perkara ini kalau boleh tidak berulang lagi kerana sekarang musim hujan, dan kita lihat pembangunan di Genting Highlands sekarang semakin banyak dan setiap hari banyak pembangunan yang berlaku dan apakah tindakan dari pihak PBT sendiri er… dan Pihak Kerajaan Negeri untuk mengawal dan er… situasi ini berulang? Kerana kita tahu er… keadaan di sana er… memang mendapat liputan luas daripada pihak media akibat tanah runtuh tersebut. Walaupun bukan jalan utama, tetapi ia kita perlu mengambil berat juga dan kita tidak mahu kehilangan nyawa akibat tanah runtuh yang berlaku dimana-mana sekarang. Itu sahaja.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Sehingga kini saya belum lagi mendapat laporan penuh daripada Cawangan Kejuruteraan Cerun berkaitan dengan insiden yang berlaku. Walau bagaimanapun, laporan awal melaporkan bahawa kemungkinan besar insiden ini berlaku berpunca sistem saliran yang tidak sempurna. Bagi pihak Kerajaan Negeri, kita sememangnya er… bukan sahaja dalam kes ini, kita sentiasa memastikan penguatkuasaan dijalankan supaya penyelenggaraan cerun-cerun ini termasuklah penyelenggaraan

dari segi kebersihan longkang, sistem saliran dan sebagainya dibuat dari masa ke semasa.

Dalam hal ini sebenarnya jalan yang dimaksudkan itu, Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua, baru sahaja er… kita daftarkan di bawah Sistem MARRIS dan insya-Allah bermula daripada tahun ini dan tahun seterusnya, kita akan tingkatkan lagi penyelenggaraan. Walau bagaimanapun, selain daripada apa yang diusahakan oleh pihak JKR dan pihak-pihak berkuasa yang lain, kita kena faham juga keadaan geografi di negara kita ini, adakalanya kita menerima kadar hujan yang luar biasa dan itulah juga sebenarnya yang berlaku di jalan Amber Court yang dimaksudkan oleh Ketari itu Yang Berhormat Dato' Sri di-Pertua. Terima Kasih.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Soalan tambahan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ok. Sila.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya mendapati bahawa kebanyakan runtuhan tanah yang berlakunya adalah di tepi jalan raya dan kerana ini, kerajaan terpaksa menanggungkan kos yang begitu banyak khususnya di daerah Cameron Highlands pada tahun ini. Kerajaan telahpun membelanja sebanyak RM2 juta untuk membaikpulih cerun dan jalan raya disebabkan runtuhan tanah.

Jadi adakah… saya nak tanya adakah faktor-faktor risikonya berlaku runtuhan tanah ni di ambil kira dalam pembinaan jalan raya yang baru untuk pada masa yang akan datang untuk mengelakkan runtuhan tanah ini berlaku? Sebab kita tengok kita lihat perbelanjaan untuk membaik pulih lebih… lebih tinggi daripada kos yang lebih tinggi daripada membina satu jalan yang baru. Terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri' Yang Di-Pertua,

Sememangnya kejadian cerun runtuh ini bukan sahaja berlaku di tepi jalan raya, di dalam hutan, diceruk-ceruk kampung juga berlaku, tetapi soalan Yang Berhormat ini berkaitan dengan cerun runtuh di jalan-jalan raya. Apa yang berlaku sememangnya membawa atau memberikan kos yang besar kepada kerajaan dan sebenarnya dari segi reka bentuk er… pembinaan jalan-jalan kita yang membabitkan pemotongan cerun ini Yang Berhormat, sentiasa kita ambil kira tentang keselamatan para pengguna dan kaedah yang dilaksanakan oleh JKR Malaysia ini bukanlah kita buat secara persendirian, tapi hasil daripada penyelidikan, perkongsian pengalaman dengan negara-negara lain di seluruh dunia dan masalah cerun runtuh juga dalam erti kata lain Yang Berhormat juga terpaksa dihadapi oleh pengurusan-pengurusan jalan di luar-luar negara dan berkaitan dengan A*rtificial Intelligence* (AI) Yang Berhormat er… cadangkan itu sebenarnya negara-negara luar juga sedang mengkaji.

Antara negara-negara yang banyak meningkatkan penggunaan A*rtificial Intelligence* (AI) dalam pengurusan cerun adalah negara Hong Kong. Sebagai contoh Yang Berhormat kita tahu negara Hong Kong ini sangat kecil untuk pembangunan dia

terpaksa potong banyak cerun bukan sahaja untuk jalan, untuk pembinaan bangunan jadi mereka dah semakin banyak menggunakan kaedah *Artificial Intelligence* (AI) ini. Tetapi seperti yang saya sebutkan di awal jawapan tadi penggunaan A*rtificial Intelligence* (AI) ini sebenarnya pembangunannya menelan kos yang sangat besar tapi walau bagaimanapun saya percaya kerajaan akan berusaha untuk menambah baik sistem yang ada.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima Kasih Yang Berhormat. Soalan berikut saya menjemput wakil dari Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT, Dato' Sri Yang Dipertua,

Soalan saya, saya tujukan kepada Exco Belia dan Sukan. Soalan saya, soalan nombor 8.

> [Sering kali dalam kejohanan sukan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa, terdapat atlet-atlet Pahang yang telah gagal dalam ujian doping. Nyatakan langkah-langkah proaktif Kerajaan Negeri dan persatuan-persatuan sukan dalam memastikan setiap atlet yang membawa cabaran negeri Pahang dalam mana-mana kejohanan khususnya Temasya Sukan Malaysia (SUKMA JOHOR 2020) yang akan datang bersih daripada sebarang pengambilan bahan yang terlarang (bebas doping).]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

Terima kasih kepada ADN Padang Tengku yang banyak kali juga er… sebelum ini er… sangat berminat untuk bertanyakan tentang hal-hal berkaitan dengan sukan. Terima kasih sekali lagi.

Untuk persoalan yang berhubung kait dengan *doping* yang dibangkitkan oleh ADN Padang Tengku, er… saya ingin menjawab bahawa Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Pahang amat memandang serius dalam masalah *doping* di kalangan atlet-atlet di negeri ini. Bagi memastikan para atlet negeri Pahang tidak lagi terlibat dengan masalah kegagalan ujian *doping*, Majlis Sukan Pahang telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam memastikan setiap atlet yang membawa cabaran negeri Pahang dalam mana-mana kejohanan khususnya yang terdekat ini, sama ada di *SEA Games* ataupun di SUKMA JOHOR 2020 agar bebas daripada isu *doping*.

Doping ini untuk makluman sidang Dewan, adalah pengambilan bahan terlarang oleh para atlet untuk menambahkan tenaga dan *performance* dengan izin, dalam mana-mana kejohanan ataupun kejuaraan yang diceburi. Dan perkara ini kalau dirujuk di Malaysia, kita ada satu agensi namanya ADAMAS ya, iaitu *Anti-Doping Agency of Malaysia* yang mana er… terletak di bawah *National Anti-Doping Organization* ataupun NADO dan keseluruhan er… agensi-agensi ataupun pihak ini adalah di bawah *World Anti-Doping Agency* ataupun WADA yang telah er… negara kita Malaysia er… memperakui dengan mengadakan perjanjian er… di Copenhagen, Denmark pada 2003 yang lalu.

Untuk makluman Sidang Dewan juga, bagi atlet yang telah terpalit dengan masalah *doping* ini, Majlis Sukan Pahang telah mendapatkan laporan penuh berkaitan kes *doping* tersebut dari pihak persatuan yang terlibat dan pihak Agensi Anti-Doping Malaysia ataupun ADAMAS, melalui laporan yang telah diterima, satu perbicaaran dalaman telah dijalankan yang melibatkan atlet, persatuan dan jurulatih bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkenaan kes *doping* tersebut. Bahkan di pihak Majlis Sukan Pahang juga kita telah mengambilkira sekiranya perkara ini berlaku, kita akan membuat pemotongan elaun dan juga er… beberapa tindakan yang serius dan berat ke atas er… sama ada atlet, jurulatih ataupun persatuan-persatuan ataupun kelab sukan.

Seterusnya, bagi langkah pencegahan masalah doping ini, Majlis Sukan telah merangka dan merancang beberapa program yang berkaitan yang melibatkan persatuan sukan, atlet dan jurulatih negeri Pahang. Majlis Sukan Pahang telah menganjurkan Bengkel Anti-Doping yang melibatkan atlet-atlet dan jurulatih negeri Pahang dan bengkel ini telah dikendalikan sendiri oleh pihak ADAMAS.

Selain itu, Majlis Sukan Pahang juga telah menetapkan '*Pre-Test Doping*' 6 bulan sebelum temasya SUKMA JOHOR 2020 berlangsung. Perkara ini kadang kala berlaku untuk makluman sidang Dewan, pengambilan barang terlarang ini oleh atlet kadang kala dia mengambil atau membelinya dari sumber *online.* Jadi ini di luar kawalan pihak-pihak tertentu. Ujian ini akan melibatkan sukan-sukan yang berisiko tinggi dalam penyalahgunaan barang-barang terlarang dalam sukan terutamanya er… acara berbasikal, olahraga dan juga angkat berat yang mana mereka mengambil makanan tambahan bagi atlet-atlet yang terbabit.

Di antara sukan yang akan menjalani ujian ini adalah sukan angkat berat khususnya. Ujian ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh pihak ADAMAS. Majlis Sukan Pahang melalui Unit Kejurulatihan Sains Sukan akan memberi didikan secara berterusan bahkan kita juga mengadakan bengkel-bengkel kaunseling kepada atlet-atlet dan juga jurulatih supaya kesedaran ini sentiasa mereka er… ambil perhatian dan mengelak daripada tindakan-tindakan berkaitan kes *doping* tersebut.

Dan berkenaan *doping* kepada atlet serta jurulatih, ini Majlis Sukan sentiasa er… memberi peringatan yang keras agar tidak terlibat sama sekali. Kempen kesedaran berkenaan penyalahgunaan barangan terlarang di dalam sukan akan dilaksanakan secara berterusan melalui *template*, *banner-banner* dan aplikasi-aplikasi media sosial.

Majlis Sukan sekali lagi akan mengawal sepenuhnya bagi pembelian dan pembekalan makanan tambahan atlet. Setiap pembelian dan pembekalan makanan-makanan tambahan tersebut akan dirujuk dahulu dengan pihak ADAMAS bagi memastikan kandungan makanan tambahan yang dibekalkan mematuhi senarai bahan terlarangan yang dikemaskini oleh Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS). Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Saya melihat isu ini, isu yang agak besar. Misalnya tahun 2018 apabila kita er… dah memperolehi pingat-pingat kena ditarik balik dan ini bukan sahaja menjejaskan kedudukan kita dalam senarai apa nama ni… er… *ranking* sukan kita tetapi juga menjatuhkan maruah dan selalu sangat atlet-atlet Pahang ini terlibat.

Soalan saya ialah, apakah hukuman yang er… sewajarnya, saya lihat benda ni bukan setakat kepada… kepada apa nama… atlet tetapi juga kepada jurulatih dan pihak pengurusan juga. Saya fikir er… perlu ada satu er… taklimat ataupun kursus khas sejak daripada awal lagi, mungkin kesedaran kepada er… anak-anak muda, kesedaran kepada pelajar-pelajar mesti dibuat diperingkat awal.

Jadi, saya nak tanya di sini, apakah langkah-langkah dan juga er… perkara yang dibuat oleh Pihak Kerajaan dalam usaha menyekat masalah ini sejak daripada awal lagi?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADN Padang Tengku atas keprihatinan tersebut dan kita mengakui bahawa er… persoalan *doping* ini bukanlah suatu perkara yang mudah dan kita mengambil serius er… untuk tindakan-tindakan yang akan diambil ke atas atlet dan juga jurulatih serta persatuan kelab itu sendiri. Bahkan menurut Datuk Ramlan, Pengarah ADAMAS Malaysia dan juga Timbalan… Nishel Kumar, ADAMAS Malaysia juga kadang kala terlepas pandang perkara ini di mana kadang kala atlet-atlet ini dia mempunyai banyak er… kejohanan-kejohanan ya, di luar negara, dalam negara dan sebagainya.

Kadang kala pengambilan barang-barang terlarang ini sepatutnya mereka memang sedari, promosi demi promosi, larangan demi larangan telah diperkatakan, telah diuar-uarkan tetapi namun… namun masih jugak berlaku. Bahkan kita di Malaysia, Malaysia pada 2018 di SUKMA Perak memang terkena satu atlet angkat berat er… akan kes *doping* ini, bahkan di Komanwel pun ada satu ya, yang melibatkan kes doping ini.

Dan merujuk kepada Majlis Sukan, tindakan yang kita ambil ialah dengan menggantung elaun mereka dan juga err… jurulatih bukan setakat atlet, jurulatih pun kita tekankan supaya mereka, biar jadi satu *teamwork* ya. Jangan… makna lepas tanggungjawab mereka supaya perkara ini terus mendapat mandat oleh pihak berkait… berkaitan untuk mencegah supaya perkara ini tidak menular.

Dan sebagaimana yang saya katakan tadi, er… contoh atlet kita yang di SUKMA Perak er… yang lalu ya, mereka membeli… membeli makanan tambahan ini dari sumber *online.* Bahkan bila kita *check* balik senarai er… makanan tambahan tersebut, kita lihat ADAMAS ini tidak merekodkan er… barang terlarang itu dalam satu kategori barang terlarang. Bahkan dia baharu sahaja, selepas berlaku kes doping baru menyenaraikan balik barang tersebut. Hah… ini satu perkara yang perlu kita ambil tahu juga bahawa kadang kala ADAMAS ini, dia perlu merekodkan keseluruhan er… makanan-makanan tambahan. Bahkan kalau kita tengok hari ini, makanan tambahan yang diambil oleh atlet pelbagai di pasaran, di pasaran maya yang mana kita kadang kala tidak terkawal dengan pembelian-pembelian secara *online* ini.

Jadi, sekali lagi dalam Persidangan Yang Mulia ini, kita akan mengambil maklum perkara ini dan kita akan mengambil tindakan yang sekeras-kerasnya serta er… memberi er… pemakluman di peringkat sekolah-sekolah, "apa itu *doping*" yang berbahaya dan terlarang diambil oleh para atlet dari sejak awal lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tadi Wakil Kerajaan mengatakan tindakan tegas diambil bukan kepada pemain yang terlibat dengan *doping* tetapi juga jurulatih, pengurus. Saya harap jangan diambil tindakan ke atas Exco Belia dan Sukan sudahlah. Terima kasih. (Ahli Dewan ketawa).

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Baiklah kita pergi kepada soalan berikutnya, jemput Wakil dari Jengka.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 9.

> [Apakah langkah Kerajaan Negeri Pahang dalam menyelesaikan masalah penempatan Orang Asal di Sungai Kiol yang tidak mempunyai pemilikan tanah dan rumah kecil yang masih berkongsi beberapa keluarga?]

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua yang memberi laluan kepada saya untuk menjawab pertanyaan daripada Ahli Damak mengenai penempatan Orang Asli di Sungai Kiol yang tidak mempunyai tanah, pemilikan tanah dan juga rumah, dan rumah pun masih berkongsi beberapa keluarga. Mengikut rekod Jabatan Kemajuan Orang Asli ataupun JAKOA Negeri Pahang, perkampungan Orang Asli Sungai Kiol, Jerantut telah mendapat kelulusan pada Mesyuarat MMK Ke-30 iaitu pada 15.11.2017 untuk diwartakan di bawah Seksyen 6 (1) Akta Orang Asli 1954.

Setakat ini pihak JAKOA belum mendapat peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja pengukuran sempadan. Maknanya dah lulus, tinggal lagi nak ukur sempadan aje. Bagi keperluan pembinaan rumah PPRT, pihak JAKOA telah menyenaraikan cadangan-cadangan bina baru rumah PPRT untuk tahun 2020. Sebenarnya sebelum pada ini pun tiap-tiap tahun kita akan menyenaraikan er… cadangan bagi membina rumah baru bagi mendapatkan peruntukan dan kelulusan daripada Kementerian ataupun Jabatan Orang Asli tetapi pelaksanaan ini, ianya bergantunglah kepada kelulusan dan juga peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Boleh soalan tambahan?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dari mana ni? Oh… dari mana ni tak nampak. Saya tak…

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Dari sini, Ketari.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Oh ya, nampak, dak… warna sama je macam dinding je. Pakaian tu…Okay, sila.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Boleh ya Tuan Yang di-Pertua?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Minta maaflah, sila.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Okay, soalan tambahan. Bolehkah saya dapatkan senarai kawasan Orang Asli yang er… telah lulus untuk diwartakan? Itu sahaja. Untuk kawasan-kawasan lain.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih Wakil daripada Ketari. Untuk makluman setakat ini, lebih daripada 7,000 hektar yang telah kita wartakan sebagai rizab Orang Asli. Tinggal lagi untuk nak senaraikan kampung-kampung itu, saya rasa saya bercadang untuk bertulislah dan sebanyak 8,000 hektar lagi dalam proses. Proses ini adalah kerana ia melibatkan sedikit peruntukan. Bukan sedikit tapi kalau di Pahang saja saya dimaklumkan oleh pegawai JAKOA memerlukan lebih kurang RM80 juta untuk membiayai kerja-kerja pengukuran yang mana ianya mesti mendapat pelan ataupun *pre-comp* ini daripada juruukur yang bertauliah. Jadi yang inilah yang kita minta peruntukan daripada Pusat tetapi setakat ini tak dapat lagi. Jadi kita ansurlah setakat yang mana yang boleh lagi. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, berikutnya saya jemput Wakil Teruntum mewakili Semambu.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengemuk… mengemukakan soalan untuk rakan saya. Soalan nombor 10.

> [Sila maklumkan perkembangan terkini tapak pelupusan sisa kekal (PDF) Lynas. Berapa tapak dikenal pasti? Adakah tapak muktamad telah diputuskan?]

YB. ENCIK RAHIM BIN MUDA

[Ayat al-Quran]. Yang Berhormat Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dimuliakan. Sebelum saya menjawab soalan ini, saya tengok dah dua hari Semambu tak ada. Mungkin ada kempen ke, saya tak pastilah ya. Ini ada sikit pantun saya nak bagi kepada Semambu.

Siakap senohong gelama ikan duri,
Manifesto bohong rakyat kena kencing berdiri.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, pihak Kerajaan Negeri ada menerima beberapa lokasi daripada pihak Lynas untuk memohon tapak untuk PDF, *Permanent Disposal Facilities*, sisa-sisa daripada Lynas. Setakat ini, kita baru dapat permohonan dan perkara ini akan dirujuk kepada agensi yang berkaitan terutamanya kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar serta Perubahan Iklim untuk memastikan kesesuaian tapak ini untuk dijadikan sebagai tapak PDF dan sepertimana yang sedia telah maklum, Perdana Menteri kita pun saya ingat telah mengumumkan bahawa bersedia untuk membantu Lynas untuk…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Tadi saya, Dato' Sri MB bagitahu, sedap pulak pantun yang dibaca oleh Wakil bukan er… Wakil Kerajaan tadi. Tapi sebenarnya 15,000 yang kita menang di Tanjung Piai itu ada satu pantun lagi. Er… Wakil Kerajaan nak dengar? Kalau nak dengar, saya bacakan. Yang di-Pertua Dewan nak dengar? Boleh? Saya izinkan?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh, izinlah.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Hah, saya baca ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Satu pantun ajalah.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Kalau tuan pergi memancing,
Jangan lupa membawa umpan,
Kalau tuan tak nak kena kencing,
Jangan undi Pakatan Harapan.

Itu yang kita menang 15,000. (Ahli Dewan menepuk meja)

YB. ENCIK RAHIM BIN MUDA

Er… Lanchang, saya nak ringkaskan. Sebenarnya pihak Kerajaan Negeri telah meneliti berdasarkan kepada peraturan-peraturan dan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh agensi berkaitan untuk memastikan tapak yang dicadangkan oleh Lynas ini sama ada kita ber… menerima atau sebaliknya dan ini akan mengambil sedikit masa dan sebelum saya mengakhiri jawapan ini, ini ada satu pantun lagi.

Tanjung Piai, Pekan Nenas,
Teh tarik, tauhu bakar,
Kalau cerita pasal Lynas,

Jangan dengar pakar auta,
Kena percaya cakap pakar.

Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya er… adalah adakah Kerajaan Negeri bersedia memberi kebenaran kepada Lynas untuk membina PDF? Soalan seterusnya, jika ada, apakah syarat yang ditetap oleh pihak Kerajaan kepada Lynas? Sekian.

YB. ENCIK RAHIM BIN MUDA

Untuk makluman saya telah jelaskan tadi. Kita baru terima permohonan daripada Lynas. Agensi-agensi yang berkaitan, Lembaga Tenaga Atom dan jabatan-jabatan di peringkat Federal akan memutuskan sama ada tapak yang dicadang ini sesuai atau tidak. Kita belum lagi memutuskan dan terpulang kepada er… kerana negeri akan akur segala keputusan yang dibuat oleh Kementerian berdasarkan kepakaran-kepakaran dan juga peraturan-peraturan yang sedia ada.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Satu lagi.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Bolehkah saya tahu apakah… lokasi manakah yang dicadang oleh pihak Lynas? Sekian.

YB. ENCIK RAHIM BIN MUDA

Untuk makluman, kita baru menyemak, kita belum memutuskan lagi dan kita akan meneliti tapak-tapak yang, yang sedang dicadangkan.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan. Jadi Kerajaan Negeri belum jawab lagi tapak manakah yang dicadangkan oleh Lynas?

YB. ENCIK RAHIM BIN MUDA

Belum lagi. Kalau Triang bersetuju, kita boleh hantar ke Triang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan 10 pertanyaan dan jawapan. Saya ucapkan terima kasih kepada

pihak Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam suasana yang penuh harmoni dan ceria.

Baiklah saya bercadang untuk kita menempohkan persidangan kita pada pagi ini untuk minum pagi dan persidangan kita akan disambung semula pada pukul 11.00 pagi. Persidangan ditempohkan. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan jam 10.29 pagi]

[Persidang disambung semula]

PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2020/2019) DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2020

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kedua: Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2020/2019) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Dan Perbekalan Air 2020.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Dan Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada hari semalam 18 November 2019 dan telahpun mendapat sokongan. Rang Undang-undang Dan Usul ini akan dibuka untuk dibahas. Sukacita saya memaklumkan bahawa setiap Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi masa 15 ke 18 minit untuk perbahasan. Saya berharap Yang Berhormat bolehlah menggunakan masa tersebut bagi menyampaikan hujah-hujah yang wajar disampaikan. Oleh itu, saya menjemput Yang Berhormat daripada Sungai Lembing ya untuk membawa, menyokong Rang Undang-undang dan Usul tersebut untuk berucap. Sila Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.
Bismilahirrahmanirrahim [Bacaan dalam Bahasa Arab]

Pertamanya, saya mengucapkan berbanyak-banyak syabas, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang diatas ucapan ataupun penyampaian Bajet Belanjawan Pahang 2020. Daripada segi inti pati ucapan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, dapatlah kita gambarkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang mempunyai keazaman yang penuh untuk mentadbir negeri Pahang untuk mempastikan bahawa negeri Pahang berjalan lancar dan seiring sepertimana yang kita harapkan selama ini. Walaupun kita tahu pada masa sekarang ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dua sahaja negeri yang jadi negeri pembangkang iaitu negeri Perlis dan negeri Pahang. Macam manapun bagi saya, sudah tentulah negeri Pahang, er… disamping itu juga negeri Terengganu ya dan juga negeri Kelantan pun menjadi negeri pembangkang lah kepada kerajaan yang ada pada masa sekarang ini. Jadi er... sudah tentu bagi saya, negeri Pahang er… menjadi er... teropong yang besarlah kepada pihak Kerajaan Pusat, nak tengok macam mana kemampuan, kemantapan pemerintahan Kerajaan Negeri Pahang ini dalam kita mentadbir rakyat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap mudah-mudahan kita, negeri Pahang ini akan mencapai kutipan lebih daripada RM1 bilion setiap tahun insya-Allah. Kalau kita tengok semalam yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang tak mustahil pada masa akan datang ini, tahun depan, tahun 2021 dan seterusnya, kita berharap mesti hasil kutipan Kerajaan Negeri Pahang ni masuk dalam *ranking* RM1 bilion ke atas. Sekarang ni kita tahu negeri-negeri yang maju Selangor, Pulau Pinang dan Johor ya banyak penghasilan dia terutama sekali dari segi industri, pendapatan negeri masing-masing melebihi daripada RM1 billion. Jadi *target* kita, kita mesti mensasarkan RM1 bilion keatas. Macam mana nak capai? Itulah antara langkah-langkah, pendekatan-pendekatan yang diambil oleh er… Kerajaan Negeri

bagi mempastikan keadaan ekonomi dan juga kesejahteraan rakyat Negeri Pahang ini adalah selaras dengan *tagline* kita iaitu "Maju Terus Pahang" dan juga *"Pahang the 1st"*. Itu yang penting sekali.

Saya juga mengalu-alukan bahwa kerajaan Tuan Yang di-Pertua sentiasa mengamalkan perbelanjaan secara berhemah untuk mengelakkan defisit fizikal. Kita tahu Belanjawan Tahun 2020 memberi fokus kepada tiga strategi utama iaitu pertamanya melonjak ekonomi ke arah negeri yang berdikari. Yang kedua memperkasa perkhidmatan dan juga modal insan. Yang ketiga, mensejahterakan kehidupan rakyat. Antara sektor ataupun bidang-bidang yang kita boleh perkemas, pertingkatkan lagi untuk mempastikan ataupun menambahkan lagi hasil pendapatan Negeri Pahang ini kita, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri melalui bantuan Kerajaan Pusat telah membina atau mendirikan beberapa buah empangan-empangan untuk memberikan er… keperluan air yang mencukupi untuk rakyat dan juga untuk pembangunan.

Kalau di Kuantan contoh dia Empangan Remen Chereh di Sungai Lembing. Asas... asalnya pembinaan Empangan Remen Chereh di Sungai Lembing adalah untuk menampung bekalan air di Bandar Kuantan termasuklah juga di kawasan industri Gebeng untuk 30 tahun yang akan datang. Malangnya, kalau kita tengok keadaan yang ada sekarang ini mungkin tak sampai, mencapai sasaran. Jadi itulah, dengar bunyinya kita nak meng*import* air daripada Terengganu, kita merancang nak membina takungan air yang baru dan lain-lain lagi.

Untuk pengetahuan Yang di-Pertua, Empangan Remen Chereh kalau penuh dilepaskan air, saya kira mungkin 12 jam hingga 20 jam baru sampai ke Empangan Kobat, mungkin 60% ke 70% daripada air Empangan Remen Chereh itu sebelum sampai ke Empangan Kobat, dia pergi ke seluruh anak-anak sungai, saliran-saliran yang ada. Jadi tak sampai terus kepada sasaran. Jadi saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri walaupun pihak Kerajaan Pusat dah meluluskan RM600 juta lebih peruntukan untuk er... supaya projek ataupun bandar industri di Gebeng mencukupi keperluan air dan juga di beberapa tempat yang lain, mesti kita cuba berusaha membuat satu saliran ataupun saluran menyalurkan air itu daripada Empangan Remen Chereh tepat sampai ke Empangan Kobat barulah sampai ke Bandar Kuantan, ini menunggu beberapa dulu jam Tuan Yang di-Pertua.

Saya berharap dalam hal ini pihak Kerajaan Negeri er… dapat memohon kepada Kerajaan Pusat supaya kita mendapatkan bajet untuk membina semula... membina salu... saliran... saluran air daripada Empangan Remen Chereh ke Empangan Kobat ataupun untuk air bandar Kuantan. Selain daripada itu, sememangnyalah sepertimana yang kita tahu bahawa 80% Tuan Yang di-Pertua, air hujan yang turun negeri Pahang ni melepas ke laut. Jadi sepatutnya 80% daripada air terutamanya air hujan yang turun tu dapat kita tampung dia melalui pembinaan empangan ataupun takungan-takungan yang besar, jadi mudah-mudahan masalah bekalan air di Bandar Kuantan ataupun di negeri Pahang ini dapat kita selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, disamping itu juga...

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua, mohon saya mencelah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sungai Lembing. Kejap, kejap.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Saya minta maaf apa... saya ingin memberikan pandangan awal atas cadangan dan pemerhatian Sungai Lembing memandangkan Sungai Lembing adalah ADN yang dekat dengan permasalahan ini saya rasa wajar saya berikan pandangan asas supaya perbahasan kita seterusnya tak lari daripada perkara pokok ini. Err… cadangan Kerajaan Negeri Pahang untuk membeli air mentah, air terawat daripada Terengganu bukanlah kerana faktor kekurangan bekalan semata-mata. Dari segi jumlah bekalan air Yang Berhormat Dato' Sri di-Pertua, sebenarnya Empangan Chereh sepertimana yang disebutkan oleh wakil Sungai Lembing tadi masih mencukupi. Sebenarnya daripada awal kewujudan ataupun pembangunan empangan itu kita tidak pernah melepaskan air daripada empangan sehinggalah berlaku kejadian ban pecah di Empangan Kobat.

Jadi untuk menampung er… air di empangan itu yang tak cukup dan juga disebabkan kemasukan air masin, air laut maka terpaksa kita melepaskan, dalam erti kata yang lain, selepas kejadian itu bermula daripada tarikh siapnya Empangan Kobat ataupun siapnya kerja-kerja pembaikan Empangan Kobat sehingga ke hari ini, kita masih belum melepaskan. Tapi kenapa kerajaan memikirkan untuk kita membeli air terawat daripada Terengganu kerana model yang kita ada pada hari ini adalah *intake* kita hanyalah untuk sebahagian besar bandar Kuantan ini, kita menyedut air di Empangan Kobat dan kita proses di loji rawatan air Semambu dan juga Bukit Ubi dan untuk dihantarkan air ke kawasan Pahang Utara, kita hanya ada satu *line,* dengan izin Yang di-Pertua, hanya ada satu saluran sahaja. Maknanya lebih kurang er… lebih 40 kilometer saya fikir daripada apa… Kobat sampai ke Chendor Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Jadi sebarang gangguan ataupun hanya untuk tujuan perhentian operasi untuk tujuan penyelenggaraan sekalipun, dah ada gangguan. Jadi bila paip panjang Yang Berhormat kita nak mengisi balik paip yang dah kosong itu kerja-kerja *pumping* juga menelan kos yang sangat besar, jadi untuk itu kita memikirkan kena ada sumber dari arah lain. Jadi erti kata yang lain, apabila kita ada dua sumber itu nanti Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sekiranya kita terpaksa memberhentikan operasi di Semambu, kita ada alternatif daripada belah apa ni… er… Gebeng ataupun di belah Chendor itu untuk masuk ke negeri Pahang.

Ini Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah kita anggap satu perkara yang luar biasa sangat ataupun seolah-olah ini kita tengok satu kelemahan Kerajaan Negeri, tetapi hakikatnya ada banyak lagi usaha-usahasama antara negeri antara operator-operator air negeri yang berlaku di antara negeri di Malaysia ini. Er… sebagai contoh Kelantan juga mendapat bekalan air daripada Terengganu dan Lembah Klang juga, Selangor, Kuala Lumpur juga mendapat apa… bekalan air daripada Pahang. Ini adalah kita kena tengok masalah ini secara keseluruhan tapi yang penting di sini pihak PAIP sedang mengusahakan satu kaedah penyampaian perkhidmatan bekalan yang stabil dan cekap dari segi kewangannya Dato' Sri. Terima kasih.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, terima kasih.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Dato' Yang di-Pertua,

Er… penjelasan hujah daripada pihak Kerajaan Negeri itu jangka pendek. Jangka panjangnya, kita Pahang, kita tahu er… mempastikan hutan kita sentiasa kekal dalam 60 - 70% untuk mempastikan bekalan air di Pahang dan juga dibeberapa buah negeri semenanjung ini kekal tidak kering kontang. Jadi untuk wawasan ataupun jangka panjangnya, pihak Kerajaan Negeri juga perlu memikirkan er… kita membaik pulih menambahkan lagi kemudahan apa yang ada di takungan-takungan ataupun empangan-empangan air dan kita bina lagi beberapa takungan-takungan air di seluruh negeri Pahang ini di pada masa yang akan datang, tak payahlah kita membeli ataupun mengimport air daripada negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada itu juga saya mohon bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri. Dulu sebelum PRU-14, Kerajaan Pusat ada janji nak bagi atau memberi peruntukan sebanyak RM200 juta kalau tak silap saya er… isu tuntutan saguhati petroleum kalau tak silap saya. Jadi saya nak tahu macam mana perkembangannya pada masa sekarang ini. Kerajaan dah tukar… adakah kerajaan baru ini ada memberi peruntukan yang tersebut. Saya juga berharap kalau kita tahu ya, negeri Terengganu telahpun mendapat imbuhan daripada petroleum Kelantan pun menyusul atau dah dapat saya tak pasti, saya juga berharap sebab negeri Pahang termasuk dalam jajaran petroleum tu supaya pihak Kerajaan Pusat dapat juga memberi kepada Kerajaan Negeri Pahang macam bentuk pampasan ataupun saguhati. Dengan cara ini dapatlah kita negeri Pahang berdikari sepertimana yang di dalam ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada itu, baru-baru ini berlaku kebakaran di bandar Sungai Lembing. Sungai Lembing ini "*El-Dorado Timur".* Jadi kita tahu hasrat Kerajaan Negeri Pahang dari dulu lagi nak mengangkat Sungai Lembing ini sebagai satu daripada *Living Museum*, muzium hidup. Jadi dengan berlaku kebakaran pada baru-baru ini ada satu deretan bangunan dan juga rumah kediaman habis terbakar. Bukan habis terbakar sahaja Yang di-Pertua, er… mayat sepasang suami isteri pun, isteri rasanya jumpa tangan je sikit, er… cebisan tulang tangan sementara suaminya tak dapat dijumpa langsung dia punya cebisan-cebisan mayat tersebut. Ya… tulang ada sikit je.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang masa mula-mula sekali hari kebakaran tersebut. Kemudian keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, ada beberapa hari berikutnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja kita dah berjanji kepada rakyat terutamanya kepada mangsa-mangsa kebakaran tersebut bahawa baginda akan mengambil perhatian mengenai er… pertamanya kehilangan rumah akibat kebakaran tersebut, yang keduanya kedai-kedai yang terbakar.

Dalam hal ini kita tahu bahawa rumah dan kedai-kedai tersebut er… daripada segi hak milik tanahnya adalah di bawah… masih lagi dalam er… di*gazzet*ekan sama ada di bawah warisan ke, di bawah Majlis Perbandaran Kuantan ataupun pentadbiran tanah Kuantan kita belum mendapat jelas lagi. Tapi tanah itu bukan tanah siapa-siapa. Tanah di bawah pentadbiran kerajaan. Dalam hal ini, untuk kita memajukan dan juga

menjaga kebajikan er… nasib bagi mereka-mereka yang terlibat, saya merayu kepada Kerajaan Negeri pertamanya bagi yang *homeless,* dengan izin, tak ada rumah tu, cepat-cepat kita sediakan… tapak pun kita dah sediakan di satu kawasan di Kampung Seberang. Jadi kita berharap supaya sama ada pemberian tapak ataupun kita bina semula oleh pihak Kerajaan Negeri ataupun kita bina dengan bantuan NGO ataupun mereka-mereka yang kaya untuk kita er… memulihkan semula kehidupan mereka, Tuan Yang di-Pertua. Jadi daripada segi pembangunan semula bandar Sungai Lembing ini saya berharap er… melalui ECER ataupun BPEN dan lain-lain lagi, kita bangunkan semula kawasan-kawasan yang terlibat tapi menepati era kolonial bagi bangunan-bangunan yang ada di kawasan Sungai Lembing.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu juga er… nasib peniaga-peniaga kecil. Kalau di bandar Kuantan ini kita tau orang Melayu terutama sekali mereka yang berniaga kecil tak mampu nak menyewa ataupun membeli kedai ataupun gerai-gerai di bandar Kuantan. Dengan kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri, satu idea pendekatan yang sungguh berkesan dan membantu peniaga-peniaga kecil iaitu *car boot sale*. Kita tengok *car boot sale* di Taman Tas, *car boot sale* di Jalan Mahkota Kuantan ini adalah salah satu contoh yang terbaik, di mana mereka-mereka yang tak mampu er… berniaga ya, tak memerlukan… tak mampu menyediakan modal yang besar tapi boleh berniaga di er… membuka bonet kereta Tuan Yang di-Pertua, ataupun bagi mereka yang ada kemampuan membeli van ataupun trak berniaga atas trak. Ini adalah satu daripada langkah yang proaktif daripada pihak Kerajaan Negeri membantu mereka-mereka bagi menambahkan pendapatan.

Kita tahu pada masa sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, jelas bahawa suasana ekonomi memang merundum. Orang-orang yang berniaga, gerai-gerai makan kalau di Kuantan ini bukan semua gerai yang makan yang sentiasa penuh er…dengan pelanggan-pelanggan. Ada setengahnya muram. Jadi er… bagi sayalah Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya rakyat ingin berniaga di tepi-tepi rumah ataupun di kawasan-kawasan er… yang tak mengganggu lalu lalang orang ramai, saya minta pihak Kerajaan terutama sekali er… Majlis Perbandaran Kuantan, nanti tak lama lagi dah nak jadi bandar raya, bagi peluang pada mereka. Jangan kita er…nampak je orang mem… membuka perniagaan, terus kita ambil tindakan suruh mereka tutup sedangkan mereka itu tak cukup pendapatan untuk menanggung keluarga, kita bagi lesen pada dia orang. Kalau kita nampak tempat yang sesuai, bagi lesen. Jangan sekejap sekejap ambil tindakan, tutup sana tutup sini, rampas sana, rampas sini. Itu tindakan yang tidak betul pada masa sekarang ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua,

Disamping itu juga, saya juga ingin membangkitkan berkenaan dengan er… suasana ataupun keadaan di FELDA di kawasan saya, iaitu saya juga mohon pihak kerajaan, saya tahu memang ada dalam perancangan supaya disiapkan cepat rumah generasi kedua di FELDA Bukit Sagu. Dulu sebelum PRU ke-14 memanglah kita janji macam-macam ya, kepada peneroka-peneroka tapi pada sampai sekarang ini tak selesai lagi. Jadi saya berharap dengan pendekatan yang baru ini projek rumah tersebut dapat disiapkan. Mana-mana Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan tidak mampu, tak cukup kewangan untuk membina rumah-rumah generasi kedua, kita bagi kepada anak-anak FELDA tu lot tapak rumah dulu buat sementara ini.

Disamping itu juga Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya di Gugusan FELDA Bukit Sagu sampai sekarang ini geran untuk peneroka-peneroka tersebut, masih lagi belum

diperolehi. Jadi saya berharap nanti pihak Kerajaan bagi jawablah bila geran bagi peneroka-peneroka di kawasan FELDA Bukit Gususan Sagu itu akan dapat sebab mereka dah menunggu terlalu lama walaupun sekiranya kita bagi geran tu pun kadang-kadang ada masalah, jadi dah timbullah pada masa sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, dalam geran peneroka-peneroka FELDA ini di kaveatkan ada nama-nama orang lain pula dalam geran tersebut. Bukan saja di Bukit Goh berkaitan dengan bauksit tapi di tempat-tempat lain mungkin ada, mungkin di tanah ke ladang dipajakkan kepada orang-orang yang berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Disamping itu juga isu bauksit. Jadi kita tahu Tuan Yang di-Pertua bauksit ini juga sebenarnya salah satu daripada er… unsur-unsur yang boleh menjana ekonomi, menambahkan pendapatan Kerajaan Negeri. Nilai bauksit yang ada di Bukit Goh di Bukit Kuantan dan juga di kawasan RTP di bandar Kuantan, di Gebeng ya masih banyak lagi Tuan Yang di-Pertua. Kata ba… mungkin dua atau tiga billion. Kalau tempoh moratorium di Bukit Goh diangkat semula, er… kita jangka 10 tahun baru habis, Tuan Yang di-Pertua er… bauksit tersebut. Jadi dalam hal ini saya merayu, saya menyeru kepada pihak Kerajaan Negeri sebaik saja SOP di bandar Gebeng nampaknya di kawasan Gebeng tak ada masalah berkaitan dengan urusan bauksit ini, cepat-cepatlah kita angkat moratorium itu, kita mulakan semula perlombongan bauksit di Bukit Goh ramai peneroka-peneroka yang menderita, ramai peneroka-peneroka yang bergantung kepada anak-anak Tuan Yang di-Pertua, sebab ladang dah tak ada, bauksit dah tutup. Jadi mereka nak makan er… bergantung kepada bantuan daripada anak-anak mereka yang masing… apa yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, kita tak mahu sepertimana berlaku pada masa-masa lepas, kontraktor ataupun pemaju-pemaju lombong 80% keuntungan, peneroka tuan-tuan punya tanah 20% sedikit saja.

Jadi pada masa yang akan datang, kita mengalu-alukan kerajaan negeri melantik PKNP sebagai agensi tapi pastikan bahawa mereka yang tanah… yang tuan punya tanah yang ada bauksit tu betul-betul dapat menikmati hasil mereka, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dulu kadang-kadang orang tengah ataupun gangster yang boleh dapat beratus-ratus ribu sebulan *collection,* tapi tuan tanah ada yang dapat RM10,000.00…RM20,000.00…RM50,000.00 ada yang seorang dua yang dapat satu ataupun RM2.0 juta, ha…yang satu dua juta itu yang pandai, bolehlah hidup sampai pada masa sekarang, tapi bangaimana nasib mereka yang dapat 20…30,000 ladang dah tiada. Ada setengah tu korek-korek tak ada bauksit pula. Tuan Yang di-Pertua, kena kencing je… [ketawa] saya tak mahu tuduh sapa-sapa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya berharaplah hanya pemantauan mestilah berjalan dengan baik. Daripada segi pengeluaran bauksit, pastikan jangan ada debu merah. Saya difahamkan, saya adalah orang berjumpa dengan saya daripada segi pemaju dia kata dia ada satu pendekatan er… daripada segi pengeluaran bauksit tu cara perlombongan kering Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau sekarang ini perlukan air yang banyak dan debu-debu basah dan lain-lain lagi ada satu pendekatan *modified* mesin daripada negeri China, jadi kita dapat mengeluarkan bauksit secara kering. Jadi macam mana betul atau tidak betul dapat mengeluarkan bauksit secara kering tu boleh pihak kerajaan ataupun pihak jabatan-jabatan yang berkaitan kita panggil dia orang nak buat demonstrasi macam mana supaya kurang masalah debu yang berlaku.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa dah sampai Yang Berhormat, Yang Berhormat masa dah

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Tuan Yang di-Pertua

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh menggulung sikit lagi lah

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Itulah… saya orang kata ganas sekali ini Tuan Yang di-Pertua

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dah masa dah sampai

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Ya… Jadi saya sekali lagilah mengucapkan banyak terima kasih er… dan juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas pembentangan bajet dan dengan ini saya mohon menyokong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya…nampak ini Padang Tengku

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya nak mulakan dengan pantun. Dato' Sri MB tadi tanya saya ada pantun dak.

Pahang negeri ditadbir Barisan
Tak suruh rakyat menanam buluh
Tahniah MB atas pembentangan
Bajet Pahang terbaik dan menyeluruh

Sekalung budi buat MB
Dirakam seluruh warga Padang Tengku
Bertambah makmur seluruh negeri
Semoga maju terus Pahang maju

Sedap sungguh si ikan siakap
Makan pula dikedai Mak Janda
DAP PH kata Pahang nak bankrap
Rupa-rupanya hasil naik berganda-ganda
(Ahli Dewan tepuk meja)

Alhamdulillah saya diberikan kesempatan untuk bersama-sama membahaskan

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dah habis pantun

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Bajet yang telah dibentangkan oleh yang

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baru nak mula… sila

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ha… cukuplah tiga. Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan di dalam Bajet itu kita melihat bagaimana Kerajaan Negeri Pahang telahpun menggariskan beberapa garis panduan yang er… dapat menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha kita untuk mencapai er… *tagline* merealisasikan Pahang maju er… 2020-2025. *Headline* yang dibawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu "tiada janji, lihat bukti" telah membuktikan bahawa kepimpinan yang cemerlang telah ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama-sama dengan barisan EXCO dan juga pegawai kerajaan, maka telah berjaya menyanggah tohmahan yang dibuat oleh setengah-setengah pihak yang mendakwa bahawa kerajaan Barisan Nasional ini hanya boleh kekal dalam tempoh tiga bulan sahaja. Ternyata sebarang tohmahan dinyatakan itu telah dapat disanggah dengan baik dan bukti pencapaian terbaik telah ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Misalnya contoh yang terbaik ialah bagaimana Kerajaan Negeri Pahang tidak menagih simpati atau terpaksa berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan umpamanya ialah untuk menyelesaikan masalah gaji sebagaimana yang berlaku di negeri-negeri yang lain tetapi prestasi kewangan negeri Pahang begitu membanggakan sehingga Yang Amat Berhormat sendiri telah mengumumkan bantuan khas kewangan kepada penjawat-penjawat awam tanpa mengira gred dengan kadar yang lebih tinggi RM750 berbanding dengan yang mampu dilakukan oleh Kerajaan Pusat. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang sebenarnya berada dilandasan yang tepat. Justeru itu, dikesempatan ini saya ingin membawa beberapa perkara yang ada kaitan dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar khususnya isu-isu yang berada di kawasan saya.

Yang pertama ialah saya nak berbincang tentang lonjakan ekonomi bagi membasmi kemiskinan khususnya di daerah Lipis. Dalam soalan saya di hari yang pertama, saya telah menyatakan bahawa laporan daripada Institut er… Kemajuan Desa (INFRA), Lipis merupakan kedudukan yang ke-21. Bera ada tanya, Bera nombor berapa? Saya cari-cari senarai tak dalam senarai 25 yang saya ada ini tak ada Bera lah. Tapi kalau saya boleh baca daripada 20 senarai er… 25 senarai ini… yang nombor satu ialah Pekan. Bukan Pekan… Pakan…

YB. DATO' HAJI FADIL BIN OSMAN

Dato' *Speaker*, boleh saya sikit?

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ya…

YB. DATO' HAJI FADIL BIN OSMAN

Boleh?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh sikit.

YB. DATO' HAJI FADIL BIN OSMAN

Kalau tengok daripada dasar fizikalnya kalau bandingkan Bera dengan Lipis tu, rasanya Bera maju lagi rasanya. Mungkin kalau Lipis tu dapat nombor satu Bera bawah lagi rasanya, minta kerajaan nantilah ulas.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Sebab tu saya senaraikan sini. Kalau tidak saya tak bawa kalau Lipis dah maju saya tak bawa kat sini, saya bawa sebab Lipis memang nombor 21. Pakan di Sarawak tu nombor satu, Togod tak pernah saya dengar ini kam… apa… daerah ini. Di Sabah Pitas nombor tiga, Lubok Antu nombor empat, nombor lima Song, nombor enam Kenawit, nombor tujuh Simunjan, nombor lapan Selangau, nombor sembilan Jeli, nombor sepuluh Dora… Daro… nombor sepuluh Daro, nombor sebelas Julau, nombor tiga belas Kota Marudu, tiga belas Kuala Krai, empat belas Gua Musang, Saratok lima belas, enam belas Merudung, tujuh belas Kapit, Pasir Mas lapan belas, sembilan belas Yan, dua puluh Kudat, dua puluh satu Lipis.

Dua puluh dua Pasir Puteh, dua puluh enam Baling, dua puluh empat Tanah Merah, dua puluh lima Asajaya. Bera bagus lagi. Ini menunjukkan tuan-tuan, puan-puan Lipis perlu diberikan perhatian nombor satu dalam Pahang tercorot. Justeru itu, tuan-tuan saya mengharapkan dengan kehadiran Menteri Besar berasal daripada Lipis haa… ini akan memberikan satu harapan baru kepada penduduk-penduduk di Lipis khususnya. Ini biasalah tuan-tuan puan-puan kalau kita tengok Dato' Yang di-Pertua, Tun Razak jadi Perdana Menteri dia bangunkan Pahang, Jengka hutan belantara dia bangunkan. Tun Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri universiti ini… Jitra dalam hutan belantara maka hari ini kita amat yakin Menteri Besar akan membuat sesuatu untuk daerah Lipis. [Ahli dewan tepuk meja]

Justeru itu, persoalan saya ialah saya nak tanya…

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

(gangguan audio)…tapi dalam waktu yang sama saya ucap tahniah dalam Bajet semalam MB dah berikan tahfiz di Lipis dan juga pengajian-pegajian agama kalau dapat apa… nak tahu orang yang memberi kategori itu?

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Saya dapat daripada awal daripada INFRA Institut Penyelidikan Kemajuan Desa. Di situ ada pakar-pakar penyelidikan dan sebagainya itulah angkanya ya maka kita dapat angka-angka itu yang lain itu saya jawab bertulislah kalau nak tahu mengenai kategori-kategori kalau tidak nanti (Ahli Dewan ketawa) kalau tidak nanti *point* saya ini banyak lagi ini haa… habis disitu je, saya sambung Dato' Sri…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dato' Yang di-Pertua,

Maka saya nak tanya, adakah satu pelan dasar strategik bagi daerah Lipis umpamanya kita nak hidupkan balik semula IDP. Kalau di dalam kertas dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyebutkan uar-uarnya bagi mendirikan semula apa nama ni… DARA dan juga Jengka. Jadi kita di Lipis ini tak ada agensi yang membangunkan kalau boleh IDP itu ditengok balik semula sebab hasil-hasil pertanian infra-infra pertanian er… sebenarnya banyak lagi yang hari ini terbengkalai dan tidak diselenggarakan dengan baik itu.

Kemudian saya nak bertanya pula tentang projek-projek berimpak tinggi. Saya ada tanya dalam soalan tapi saya dukacita jawapan itu saya kira tidak menjawab er… apa projek impak tinggi, hanya disebutkan projek-projek yang ada di Lipis. Di Lipis buat jambatan, yang impak tinggi ini bagi saya dia memberikan hasil, pulangan dari segi pekerjaan dan pendapatan *per capital* yang lebih tinggi kepada daerah Lipis. Dalam senarai yang saya ada er… saya hanya dapat memastikan tiga er… program berimpak tinggi yang pernah dibawa oleh er… apa ni… ECERDC iaitu yang pertama ialah Projek Kluster Herba di Kampung Chegar Perah, yang kedua Jalan Raya CSR dan juga yang ketiga ialah projek er… Bina Insan Empower.

Saya nak sebut kluster ini… kluster… projek kluster halia… er… apa nama ni… herba ini telah wujud sejak tahun 2010. Tetapi hingga sekarang tuan-tuan, walaupun disebut di dalam apa laporan itu er… perbelanjaan sebanyak RM21 juta dibelanjakan akan memberikan peluang kepada pekerjaan sebanyak 20… 80 pekerjaan dan 36 usahawan er… apa nama ni… er… peladang akan diwujudkan menjelang tahun 2020. Tahun 2020 ini er… sebulan je lagi. Tapi apa yang saya dapat maklum dan saya pergi sendiri tengok di kawasan berkenaan sendiri Dato' Sri Yang di-Pertua, hanya ada 17 orang pekerja je, iaitu 7 lelaki 8 perempuan. Semua kerjanya ialah kerja-kerja buruh ini dengan gaji hari sekitar RM50 ke RM60. Jadi saya… saya nampak kita di Lipis dulu bukan main seronoklah fuh… ECER sebut projek berimpak tinggi. Jadi kita tengok rupanya indah khabar pada rupa. Dah nak sampai waktu dah tetapi itulah angkanya.

Jadi dimana er… usaha-usaha ataupun kejayaan program ini. Saya nak cadangkan kepada apa nama… Exco Pertanian khususnya pertama kita pastikan bahawa program ini, apa herba ini er… menepati matlamat sebenar. Kalau nak kerja sebanyak 880,000…80,000… 80 orang… 80 orang bagi saya tak besar pun. Kalau 800 orang barulah besar. Haa… pastikan ianya benar manfaat. Kemudian membanyakkan peluang kepada pene… pekerja… pekerjaan kepada penduduk setempat, melahirkan pembekal-pembekal tanaman herba dengan mengusahakan tanah masing-masing. Inilah diantara janjinya dulu. Dia kata orang kampung tanam di tanah masing-masing, kemudian dijual kepada… diambil oleh syarikat berkenaan, tetapi ini tak berlaku. Melahirkan usahawan peladang er… apa nama ini… daripada… daripada belia-belia tempatan dan seterusnya ialah menjadikan projek itu sebagai apa ni… perangsang kepada pemangkin kepada pembangunan setempat.

Hari ini kita lihat kita ia semacam gajah putih saja dan seterusnya kita nak minta supaya peranan yang lebih besar dimainkan oleh Pegawai Pertanian Daerah. Hari ini sebenarnya bila kita tanya dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, sekarang nama Mesyuarat Penyelarasan Daerah ya er… kita tanya Jabatan Pertanian, Pegawai Pertanian tak boleh nak jawab sebab dia sendiri tak boleh masuk, dia sendiri tak terlibat. Dia kata ini urusan er… negeri dan sebagainya. Jadi saya kira ini satu tidak begitu kena patutnya ada satu pegawai yang memang ada di Pegawai Pertanian

Daerah ataupun Pegawai Juruteknik mukim yang mungkin boleh melihat perkara ini. Itu berkaitan dengan projek er… kluster herba di Chegar Perah.

Yang keduanya ialah jalan raya lingkaran CSR, yang kita tahu diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dah berada di beberapa pakej dan pakej di antara er… Merapoh ke Kechau Tui telahpun digunakan sejak 2 tahun yang lalu. Tetapi setakat hari ini kita tak nampak impak kepada projek itu. Dia hanya setakat menyebabkan orang nak pergi cepat ke Kelantan. Tak ada pun tempat-tempat untuk merancakkan pembangunan, pelabur tak datang. Ini saya akan bercakap pasal pelabur nanti. Pelabur tak ada datang ke sebelah sana er… begitu juga tuan-tuan er… Tuan Yang di-Pertua, saya nak beritahu orang nak berehat pun tak ada. Jadi peniaga-peniaga nak berniaga pun tiada. Dulu er… orang berniaga di bibir-bibir jalan di sepanjang laluan lapan itu sekarang ini mereka terpaksa tutup perniagaan ataupun membuka perniagaan di bibir-bibir jalan. Jadi saya nak syorkan kepada… kepada apa nama ni… kerajaan cuba lihat sejauh mana kehadiran CSR ini dapat merangsang pelabur untuk datang ke 2 pusat perindustrian yang ada di pinggir CSR itu iaitu industri… kawasan industri Kechau Tui… Kechau Tui dan juga Kawasan Perindustrian Sungai Temau. Tadi saya sebutkan… wujudkan… kita nak tanya bila kawasan R&R rehat dan rawat ini akan diwujudkan bagi menyediakan ruang niaga kepada apa nama… penduduk-penduduk tempatan?

Saya difahamkan bahawa, JKR dan juga ECERDC tidak meletakkan, tidak memasukkan peruntukan bagi menyediakan ruang-ruang niaga ini. Jadi, mungkin saya nak minta peranan ini dapat dimainkan oleh PKNP umpamanya untuk membina apa nama… kawasan tu dah ada tempat tapaknya tapi belum ada bangunan yang ada. Mungkin kalau tak dapat PKNP, Majlis Daerah, mungkin juga Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan boleh membina apa nama ruang-ruang niaga untuk peniaganya. Faedahnya akan memberikan peluang-peluang perniagaan yang saya sebutkan tadi, mengatasi masalah pengguna berhenti tidur di bibir-bibir jalan dan amat berbahaya dan ini memang berlaku setiap musim perayaan penuh kereta di bibir jalan itu berehat kerana tak ada tempat, kemudian dia makan-makan, bila makan dia buang sampah.

Baru ini, Dato' Sri Yang di-Pertua, diuarkan. Bukan baru inilah, boleh kata tiap-tiap musim perayaan di apa ni… tular gambar longgokan-longgokan sampah di sepanjang apa nama lebuh raya CSR itu sehingga begitu popular Padang Tengku khususnya. Saya apa ni… *review* dan juga apa nama ni kongsi. Saya pernah keluarkan di dalam *Facebook* saya. Orang yang berkongsi tu banyaklah kerana apa yang dikeluarkan oleh apa ni Majlis pun lagi banyak yang dikongsikan sampai beratus-ratus pihak yang berkongsi sehingga popular betullah pada masa itu.

Jadi, kita nak minta dan dapat mengatasi masalah peniaga yang saya sebutkan tadi dan juga boleh mereka berhenti berehat dan sebagainya. Itu berkaitan dengan projek apa nama ni… CSR atau berimpak besar yang disebutkan di… di kawasan saya. Satu lagi iaitu projek pembangunan modal insan *empower*, yang ini saya tak nak komen sangat, dia berjalan dengan baik, melahirkan apa nama usahawan-usahawan. Tinggal lagi mungkin pihak er… Exco Usahawan boleh membantu mereka bagaimana untuk er… terus menjayakan dan menghidupkan apa nama perniagaan yang telah mereka buat. Tapi dengan ini saya nak minta juga supaya saya nak cadangkan supaya apa ni… ECERDC ini supaya lihatlah sikit tingkatkanlah peranan mereka di Lipis. Umpamanya mereka boleh masuk ke dalam memainkan peranan untuk membangunkan Lipis sebagai bandar pelancongan warisan dan budaya.

Kita tahu Lipis ialah bekas ibu negeri Pahang, mesti banyak sejarahnya. Ada 14 buah bangunan sejarah, ada batu kosong dan tak pernah… yang tak ada di tempat yang lain, kita ada tangga 100, kemudian bangunan stesen hari ini telah terjejas akibat kita nak buat stesen baru, maka warisan itu agak terjejas sedikit. Begitu juga jeti, kita nak minta ECER cuba tengok, boleh buat jeti dan juga pulihkan rumah rehat yang… rumah rehat ataupun rumah rakit yang satu ketika dulu menjadi apa nama ini… ikon kepada bandar Lipis itu dan itu cadangan. Saya juga mencadangkan supaya bandar Kuala Lipis ini dimasukkan sebagai tapak warisan kebangsaan.

Saya tak… tak berhajat nak masuk dalam tapak warisan dunialah, dapat masuk dalam tapak warisan kebangsaan di bawah Akta 645 Akta Warisan dan Akta Warisan Kebangsaan pun cukup kerana dengan ini kita akan dapat peruntukan kewangan bagi memulihara apa nama… bangunan-bangunan yang ada. Saya nak ucapkan terima kasih khususnya kepada Yayasan Pahang yang memilih salah satu daripada bangunan warisan Pahang Club itu untuk dijadikan er… satu pusat pendidikan kanak-kanak saya difahamkan, di daerah Lipis. Banyak lagi bangunan-bangunan yang tertinggal. Kemudian kita nak minta ECER dan juga agensi-agensi tertentu memberikan penekanan kepada pembangunan eco… pembangunan *eco-tourism* iaitu Taman Negara Relau, Taman Rimba Kenong, Gua Merapoh, Gua Sai, gua di… gua di Chegar Perah.

Baru ni saya nak ucapkan terima kasih, kita jumpa satu produk baru bersama dengan Pengarah Pelancongan, Kesenian dan Budaya Negeri Pahang. Kita rentas Sungai Tanum dan kita jumpa apa nama ini kawasan yang cukup menarik untuk berkayak dan saya telah serahkan gambar ini kepada Exco… Exco Usahawan, yang bila saya tunjukkan beliau tertarik dan mungkin akan wujud usahawan-usahawan pelancongan di kawasan berkenaan.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, saya nak juga menyentuh tentang satu lagi perkara iaitu isu-isu tanah persekutuan yang tidak dimajukan. Daripada rekod saya, ada 6 kementerian yang menjadi penyumbang terbesar kepada tanah-tanah persekutuan yang tidak dibangunkan. Yang pertama: MINDEF, yang kedua: KDN… ada jumlah ini tapi saya tak nak baca KT… , kemudian yang ketiga KPN, KMN, KPI ini Kementerian Pengajian Tinggi dan kemudian JPN. Ini adalah agensi-agensi yang mempunyai tanah apa nama ni… besar di Pahang dan tidak dimajukan.

Justeru itu, saya nak menyentuh satu isu yang terus berkait dengan tanah ini iaitu kes UiTM, tanah UiTM yang telah saya bangkit beberapa kali di Dewan Yang Mulia ini iaitu yang kita berikan pada tahun 2009 lagi. Tapi kita dengar-dengar ada ura-ura nak buat ladang pula dah. Kita bagi suruh buat apa nama ni masukkan pelajar. Jadi, berikan impak pekerjaan dan orang ramai datang kuasa… apa nama beli di Lipis akan meningkat. Kalau nak buat ladang, kita boleh bagi Yayasan Pahang, kita boleh bagi ke PKPP, kita boleh bagi ke mana-mana agensi yang baikan… berkaitan. Tapi kita nak dapatlah kepastian khususnya daripada Exco Pendidikan, cuba dapatkan maklumat apa sebenarnya yang dia nak buat selain daripada apa yang saya ini bukan apa nama maklumat yang tepat ni tetapi kita dengar hujung-hujung telinga menyatakan nak buat ladang untuk menambahkan pendapatan apa nama… kepada universiti sebab sekarang universiti dah terpaksa mencari sumber dan dananya sendiri, maka dimangsakanlah apa nama… projek yang kita cadangkan untuk membangunkan di daerah Lipis.

Jadi, itu di antara yang saya nak sebutkan. Begitu juga saya mengharapkan er… kebetulan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjaya menarik pelabur-pelabur sebagaimana yang disebutkan daripada China, daripada Singapura datang ke tempat

kita. Jadi apa salahnya diagihkanlah juga, kita tengok daripada belanjawan yang dikemukakan Dato' Sri, dia banyak sangat ke sebelah ke sebelah Pahang Timur ni, jadi kita di sebelah Pahang Barat terima kasihlah ada di Bentong tu. Tapi tak sampai ke sebelah Raub, Lipis ni. Kita ada 2 pusat perindustrian itu yang pertama ialah apa nama ni… Kawasan Perindustrian Kechau Tui seluas 262.82 ekar yang telah dibuka sejak tahun 1989 yang lalu. Maknanya berapa tahun dah 20 lebih tahun dah tapi hanya 2 syarikat sahaja yang ada membuka kilang di sana.

Jadi, dengan saya kira tak padanlah dengan tempoh 20 tahun beroperasi, tidak ada syarikat yang datang melabur. Jadi kita harapkan diagihkanlah juga di kawasan kawasan ini... kawasan perindustrian ini ialah apa nama ni er… dia berasaskan kepada perkayuan sedangkan kita tahu banyak benda-benda yang baik yang boleh dibawa. Dulu saya ada cadangkan apa nama… kilang buluh kalau tuan-tuan, er… Dato' Sri Speaker ingat, saya cadang sebelum menteri perusahaan apa ni utama sebut pasal buluh, saya dah sebut dalam Dewan Yang Mulia ini tapi saya tak suruh tanam buluh, saya suruh ambil buluh-buluh yang memang ada senaraikan dalam, dalam apa nama ni hasilan bab kayu tu selain daripada meranti, merbau, buluh tu juga disenaraikan sebagai bahan-bahan apa… yang bernilai. Sebab kalau kita pergi ke Jelai, er... Dato' Sri apa nama kawasan Dato' Sri MB memang kiri kanan kampung Orang Asli tu buluh je. Di kawasan Padang Tengku pun tak kurang daripada buluh. Jadi, kalau boleh cari, pergi ke China tengok macam mana apa nama industri mereka itu ha bawa ke Padang Tengku, kalau projek-projek lain yang tak boleh dibuat. Itu di antara cadangan yang saya nak kemukakan kepada Dewan Yang Mulia ini. Kemudian juga er… saya difahamkan bahawa…

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Minta laluan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Padang Tengku, MB ingin menambah.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Semasa kita mencari pelabur-pelabur asing ini, kita tidak pergi secara buta tuli. Kita buat kajian, kita jumpa ini kerja-kerja pentadbiran yang diketuai oleh Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri. Kita tak nak pemergian kita ke Singapore, ke Naning, China, tidak mendatangkan hasil. Jadi kita bincang, apa yang boleh kita bagi, dia pula bagitahu kita apa yang boleh dia bagi tawaran kepada kita. Kita tunjuk dia tempat termasuklah Kawasan Padang… ADN Padang Tengku. Kita tunjuk, ini kawasan perindustrian dan dia pun datang juga melihat hantar orang dia datang melihat. Dia kata, kami nak melabur di Pahang dan tempatnya hendaklah di MCKIP, RM90 juta contohnya. Macam mana di Kechau Tui ini? Jauh sangat dia kata, mungkin selepas inilah. Jadi kawasan YB tu memang dihati saya sebenarnya. (Ahli Dewan menepuk meja) Bukan kita lupa, tidak. Jadi saya hara per… YB… Padang Tengku bersabar sikit. Kita akan usahakanlah ya. Selepas ini kita nak pergi ke Thailand dan kita bawa juga kawasan Padang Tengku tu. Kalau sekiranya pelabur daripada sana sesuai, berminat nak pergi ke Padang Tengku kita bawa ke sana. Ya, er… bawa sekali Padang Tengku.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bawa sekali…

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Lepas ini kawasan saya orang Lepih juga ya, jangan lupa ADN Padang Tengku kita bawa ke Thailand. Tulah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Elok Padang Tengku bersabar sikitlah.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Okay, saya sebenarnya amat percaya dengan kewibawaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sebab itulah saya bercakap di sini er… supaya er… apa nama ni… kita sama-sama membangunkan. Sebab memang hasrat orang Lepih cukup, cukup besar. Bila Menteri Besarnya berada daripada Lipis. Hah tu satu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Orang yang bercakap tu kecik aja.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Tak pe jiwa besar tak apa. Okay. Saya nak berikan isu yang seterusnya Dato' Sri Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan kesejahteraan rakyat iaitu perumahan bagi rakyat termiskin. Saya nak ucapkan tahniah dari segi kerajaan kita er… buat rumah PR1MA, buat Rumah Makmur dan saya dengar ada sekarang ni pula rumah kepada pegawai-pegawai kerajaan er… tapi itu mungkin dapat menangani isu permintaan kepada orang-orang yang berpendapatan yang agak tinggi ataupun sederhana. Bagaimana dengan er… apa nama, apa nama kumpulan miskin kumpulan rendah ni, kumpulan B40. Er… jadi saya nak tanya apa kedudukan status apa nama perumahan di… di Tanjung Jambu? Sebab dulu er… MB pun ada cakap dengan saya semasa di Tanjung Gahai buat perumahan itu. Dia jawab yang tu jangan kacau. Tanjung Jambu jangan kacau dia kata.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Minta laluan YB. Yang ni saya jawab teruslah, Yang Berhormat Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Padang Tengku, berkenaan dengan rumah er… mampu milik ini saya telah dimaklumkan oleh pihak kementerian, KSU, di Pahang ni hanya satu sahaja projek yang diteruskan iaitu di Temerloh. Yang lain-lain adalah projek er… sambungan. Jadi buat pada masa ini di Tanjung Jambu itu tidak dapat di teruskan oleh Kerajaan Persekutuan yang ada pada hari ini. Tetapi kalau Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional yang dahulu tu, saya pasti ianya diteruskan. Jadi cara yang terbaik kita kembalikan daripada PH ke BN, insya-Allah Tanjung Jambu tu akan diteruskan.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Insya-Allah kita tunggu, bukan lama sangat lagi. Perkara ini insya-Allah akan berlaku. Saya nak sebutkan mana permintaan yang cukup baik, cukup tinggi di kawasan DUN Padang Tengku ni umpamanya dalam tempoh 2015 sampai 2019, kita dah buat apa nama ni… swasta dah buat beberapa kawasan perumahan, Taman Perumahan Tempoyang Sejahtera, Taman Telemin Indah, Taman Tempoyang Idaman, Taman Tempoyang Damai, Taman Telemin Indah 2 yang sebenarnya er… semua laku

harganya di antara RM200,000.00 sampai RM390,000.00 tetapi laku. Tapi yang laku itu maknanya orang-orang yang ada duit ajalah. Sebab itu saya mintakan kerajaan memikirkan er… projek-projek perumahan er… rakyat ini letak jugalah setakat ini er… apa nama ni… kita tak nampak lagi projek-projek ini akan wujud di kawasan PadangTengku selain daripada Tanjung Jambu yang saya sebutkan tadi.

Kemudian saya nak er… tanya juga tentang apa nama… usaha untuk mengatasi masalah permintaan Rumah PPRT di bawah apa nama ni er… kerajaan Pembangunan Luar Bandar ya, kerajaan… Kementerian Luar Bandar. Kalau ikut senarai e-Kasihlah, di Lipis ini bermula dari tahun er… 2000… 2000 apa nama 2013 sampai sekarang ini, kita mempunyai senarai menunggu yang cukup… cukup tinggi, 217 yang menunggu. Dan boleh kata tiap-tiap bulan ada sahaja permohonan-permohonan baharu. Sedangkan er… apa yang kita tau er… Kerajaan Persekutuan melalui agensi Giat MARA hanya mampu er… membina, memberikan 10 ataupun 12 buah perumahan dalam satu-satu apa nama kah er… daerah. Dan kita di Lipis baharu ini dapat 10.

Tapi itupun dalam tempoh 2018 er… Mei 2018 memerintah, sampai ke sekarang hanya 2 biji, 2 buah rumah je yang hanya dapat dibuat. Yang lain tu semua… kita er… nak taulah apa masalahnya Giat MARA nampak begitu er… sukar untuk melaksanakan er… projek ini. Saya nampak salah satu sebabnya dia tukar kepada IBS ni. Bila tukar ke IBS sebab dulu kita dah buat Projek IBS ni. Bila IBS nak buat di taman macam di Kuantan boleh, sebab dia boleh bawak barang *puzzle* itu dia dan kemudian projek mesti besar-besaran. Tapi macam rumah di kampung-kampung yang sebiji yang rumahnya duduk dalam lembah, duduk dalam paya, duduk dalam becoh kan ini memang payah nak bawak dengan kenderaan dan er… kereta yang perlu. Jadi kita nampak kena kaji balik semula…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Padang Tengku dah habis dah? Tengok banyak lagi tu. Saya ingat elok Yang Berhormat ya. Yang terakhir.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Tadi disebut oleh Sungai Lembing ya, Sungai Lembing. Saya nampk isu rumah terbakar ni, bila dia terbakar nak… nak ganti balik semula. Sebab sekarang kena masuk dalam senarai rumah… rumah eKasih ini. Kadang-kadang atas ihsan MUIP, kita dapatlah buat rumah itu. Tapi tak semua dapat macam itu. Di tempat saya ada dua, tiga rumah yang macam ini yang terpaksa menunggu, kita dana tak ada. Ada di sini tabung apa nama ini… Tabung Amanah Bencana. Kalau boleh mungkin masukkan dalam tabung bencana inilah. Sebab saya percaya rumah ini tak… kes di Sungai Lembing tu mungkin kes terpencillah. Habis sekalikan dak, tapi yang apa nama ni tempat-tempat lain ni mungkin terbakar setahun cari sebiji yang terbakar ini tak banyak. Jadi kalau boleh perkara ini dapat di…apa nama dilihat.

Dan akhirnya saya nak projek perumahan desa… Pertu… Pertubuhan Desa Berchang yang pernah saya sebutkan. Jadi PKNP saya nak minta supaya projek ini… perumahan di sini dapat disegerakan. Saya ingat itu sahaja apa nama ni ucapan saya dan saya akhiri dengan ucapan

Terima kasih daun keladi,
Tahniah kepada MB,

Terima kasih atas peluang diberi,
Saya menyokong bajet negeri.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Cheka… Cheka tadi. Yang Berhormat Tanjung Lumpur selepas Cheka, Yang Berhormat.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Belanjawan Negeri Tahun 2020. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjaya memperoleh persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk menghapus kira pinjaman bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar yang berjumlah RM1.01 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya nampak satu *trend* yang baharu dalam Dewan kita di mana apabila kita isu-isu yang dikeluarkan oleh Wakil Rakyat ini, terus diberi respon segera oleh pihak Kerajaan Negeri. Saya rasa ini satu tanda baik di mana selalunya kami menunggu jawapan semasa pengulungan tetapi kadang kala ada pulak jawapan yang tidak diberi. Oleh itu, saya memang puji atas *respon* yang diberi oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menarik perhatian Dewan tentang penggunaan tulisan jawi pada papan iklan premis perniagaan, papan tanda bangunan, papan tanda tunjuk arah di negeri Pahang ini. Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Ke-15/2019 pada bulan Jun telah bersetuju agar pengunaan tulisan jawi pada papan iklan, premis perniagaan, papan tanda bangunan, papan tanda tunjuk arah di seluruh negeri Pahang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020. Kegagalan menambah tulisan jawi akan menyebabkan pembaharuan lesen tidak diluluskan dan peniaga dikenakan denda… RM250. Ekoran daripada perintah pelaksanaan tersebut, Dewan-dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Negeri Pahang telah menerima banyak respon daripada para peniaga.

Pada prinsipnya peniaga akur dengan perintah ini kerana penggunaan tulisan jawi ini akan membawa kebaikan dari segi peliharaan bahasa dan budaya untuk generasi sekarang dan generasi akan datang. Peniaga mengalu-alukan penggunaan tulisan jawi di papan tanda bangunan kerajaan dan papan tanda tunjuk arah. Walau bagaimanapun memandangkan keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan, disusuli dengan kenaikan cukai pintu, ramai peniaga menghadapi krisis kewangan malah menanggung kerugian dalam urusniaga maka pelaksanaan pengunaan tulisan jawi dalam papan iklan di premis perniagaan pastinya membebankan lagi para peniaga.

Tuan Yang di-Pertua,

Peniaga cina percaya kepada Feng Shui, mereka percaya bahawa papan tanda perniagaanlah satu faktor yang menentukan jaya atau gagalnya urusniaga mereka. Tambahan pula, susun atur ataupun ruang di papan iklan yang sedia ada memang tiada ruang yang mencukupi untuk menambah tulisan atau *sticker* tulisan jawi.

Oleh itu, para peniaga meminta kelonggaran daripada pihak kerajaan, yang pertama penggunaan tulisan jawi hanya dikuatkuasakan pada permohonan lesen baru ataupun papan iklan yang baharu mulai 1 Januari 2020. Yang kedua, pihak Kerajaan Tempatan memberikan kredit kepada peniaga yang ingin menukar papan iklan yang baharu sebagai satu sokongan terhadap kos penggantian papan iklan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang memang berjiwa rakyat dan menjaga kesejahteraan rakyat. Oleh itu saya bagi pihak peniaga bagi seluruh rakyat negeri Pahang untuk merayu agar kelonggaran itu diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Pusat telah mengumumkan akan menubuhkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan (MPKKP) di semua kampung tradisional di negeri Pahang. Tindakan ini pastinya akan membawa kesan negatif kepada kebaikan dan keharmonian kampung tradisional. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana akan menubuhkan semula jawatankuasa dulu ialah JKKK iaitu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung tapi ikut kepada belanjawan negeri itu nama baru ialah Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung (JKKK) dimana peruntukan sebanyak RM7 juta telah diluluskan. Dalam hal yang sama menurut media massa Kerajaan Pusat juga akan menubuhkan MPKKP di enam puluh dua (62) buah Kampung Baru Cina di seluruh negeri Pahang mulai 1 Januari 2020.

Ini bermaksud, masalah yang akan timbul di kampung tradisional pasti akan berlaku di Kampung Baru Cina ini. Oleh itu, saya meminta Kerajaan Negeri bertindak adil dan proaktif juga menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung Baru di 62 buah Kampung Baru Cina di negeri Pahang mulai 1 Januari ini walaupun er… RM 7 juta untuk kampung tradisional Kampung Baru Cina ini RM2 juta pun cukup lah. Oleh itu langkah ini akan membuktikan bahawa Kerajaan Negeri selama ini memang tidak mengamai… mengabaikan kepentingan dan kebaikan Kampung Baru Cina di seluruh negeri Pahang ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Di Kampung Kuala Kechau penduduk menggunakan jambatan gantung di Sungai Kechau. Di Kampung Orang Asli Temetong pula mereka mencari nafkah melalui jambatan gantung di Sungai Temetong. Di Kampung Binjai pula, jambatan besi ini digunakan untuk mereka ke sekolah dan juga ke bandar. Ketiga-tiga jambatan ini apabila hujan tidak berhenti-henti selama beberapa hari, pasti akan ditenggelami air. Oleh itu, saya minta pihak yang berkenaan apabila ada peluang untuk pembinaan ketiga-tiga buah jambatan ini sila dahulukan kerana keselamatan penduduk kampung ini memang sangat-sangat membimbangkan kami.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Kuala Lipis ialah hospital berpakar selain Hospital Temerloh dan Hospital Kuantan di negeri Pahang ini. Tetapi Hospital Kuala Lipis yang memberi perkhidmatan kesihatan untuk penduduk di Pahang Barat iaitu Lipis, Raub dan Bentong masih tiada satu mesin MRI. Dulu dikatakan sudah dapat kelulusan, tetapi sampai sekarang apabila permohonan dikemukakan, pihak atasan menjawab bahawa penggantian dan penambahan MRI ini hanya untuk hospital berpakar yang lebih besar. Bagi kami maksudnya ialah Hospital Temerloh dan Hospital Kuantan. Tetapi negeri

Pahang ini besar, orang Lipis nak datang ke Kuantan atau Temerloh ini memang susah. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjaya mendapat Balai Bomba Mini di Sungai Koyan, ada Pusat Hemodialisis di KK Sungai Koyan, kalau kita berkesempatan untuk dapat satu MRI di Hospital Kuala Lipis, memang penduduk sekitar kawasan ini akan ucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Taman Eko-rimba Kenong ialah tempat tarikan pelancongan dan juga merupakan rizab hidupan liar yang terbaik di Malaysia. Memandangkan Kerajaan negeri Pahang telah menerima RM7.86 juta daripada kutipan cukai pelancongan tahun 2018, saya meminta Kerajaan Negeri memberi peluang kepada penduduk Kuala Kenong ini agar Taman Eko-rimba Kenong ini di*promote*kan lagi supaya penduduk tempatan mendapat ruang dan peluang untuk melibatkan diri secara aktif.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memuji usaha Kerajaan Negeri yang menitikberatkan keseimbangan di antara keadaan ekonomi dan kesejahteraan rakyat, meningkatkan kutipan hasil dan mengamalkan perbelanjaan secara berhemah untuk mengelakkan defisit fiskal. Oleh itu, sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua Ketua Jabatan di semua agensi Kerajaan kerana tidak kira yang berpangkat tinggi ataupun kakitangan bawahan memberi kerjasama dan bantuan yang begitu baik kepada saya. Jadi saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Cheka. Sila dari wakil Tanjung Lumpur

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalamualaikum WBT [Ayat al-Quran]

Pertama-tama saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua di atas kesempatan untuk sama-sama terlibat di dalam perbahasan ucapan Belanjawan Negeri Pahang 2020. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas pembentangan tersebut yang saya sifatkan sebagai satu belanjawan yang menyeluruh dan begitu juga sebagaimana yang terdapat dalam Penyata Kewangan 2018 pada mukasurat 8, yang mana di sana ada carta 3 iaitu prestasi akaun hasil disatukan daripada 2014 sehinggalah 2018. Jadi sepanjang saya menjadi wakil rakyat pada tahun 2013. Jadi er… pada 2014, 2015, 16, 17 dan 18, inilah kali pertama saya melihat er… bajet negeri Pahang betul-betul *surplus*lah. Maknanya ada lebihan yang lebih kurang dalam hampir RM14 juta. Hampir RM14 juta lah RM13.28 juta kot, lebih kurang macam itu. Jadi er… jambatan Sungai Deraka tu tak buat lagi, ada RM1juta lebih, boleh-bolehlah kot sejuta lagi tu. [ketawa]. Dan kemudian begitu juga apa er… pada tahun ini, pembentangan bajet juga disebut sebagai *surplus* lebih kurang RM4.1 juta. Jadi diharapkan er… capai matlamat dan mudah-mudahan dapat lebih lagi daripada… daripada itu. Jadi tahniah lah kepada pihak Kerajaan Negeri.

Dan seterusnya, er… Sidang Dewan pada kali ini juga ada sedikit perubahan berwajah baru sedikit lah kerana berlakunya pertukaran kerusi er… tempat duduklah. Jadi untuk makluman, sebab malam tadi saya pun ada baca Sinar *Online* kot daripada Ketari dan Teruntum yang menyebut tentang perubahan kerusi ini. Jadi pertama, saya nak sebut

bahawa er… perubahan kerusi ini kami tak minta pun. Dia di bawah kuasa… bidang kuasa Dato' Sri Yang di-Pertua. Jadi kalau Ketari ke Teruntum, dia nak duduk depan ini, tak apa saya boleh duduk belakang, tak ada masalah [Ahli Dewan ketawa] Dan yang kedua, kalau dia nak duduk depan lagi dia terima pelawaan Dato' Sri MB semalam masuk UMNO. [Ahli Dewan menepuk meja] Jadi masuk UMNO ini barangkali boleh jadi Exco. Jadi boleh duduk sebelah MB terus. [Ahli Dewan ketawa] Er… dan begitu. Dan kemudian ada sedikit…

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sekiranya YB daripada Ketari menerima pantun saya semalam itu, YB Ketari bukan duduk sebelah saya, saya nampak duduk sebelah YB daripada Tanjung Lumpur. [Ahli Dewan ketawa] Betul tak Tuan *Speaker*?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Hah… betul. [Ahli Dewan ketawa]

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Allah. Saya sebenarnya malu Dato' Sri…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Tanjung Lumpur… Tanjung Lumpur, sebenarnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, dia dah tahu maksud dia itu dan dia sengaja ditunjukkan di sini. Sebenarnya nak duduk sebelah dia.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Baik. Dan begitu juga ada ditimbulkan sedikit er… kata kalau UMNO betul-betul ikhlas dalam Muafakat Nasional ini, makna kena menerimalah dua ataupun tiga orang Wakil Rakyat PAS sebagai Exco dalam Kerajaan Negeri. Jadi cuma saya nak maklumkan sebagai er… Wakil pada pihak PAS Pahang, yang mana pihak kami tidak bersedia untuk menerima sebarang jawatan di dalam kerajaan sehinggalah kepada PRU Yang Ke-16 er… Yang Ke-15. Dan selepas daripada itu pun kami tidak buat sebarang keputusan semuanya berada dalam ilmu Allah mengikut kepada kepentingan-kepentingan semasa pada masa itu.

Dan begitu jugalah kita melihat… [Ahli Dewan menepuk meja] sebab Muafakat Nasional ini tuan-tuan sekalian, bukan sahaja dia adalah kerjasama politik, dia juga merupakan kerjasama dari sudut pentadbiran kerana prinsip Muafakat Nasional itu dibina di atas [Bacaan dalam Bahasa Arab] ini kita tegur-menegur dalam er… kita bantu-membantu, tolong-menolong di dalam perkara ketakwaan kepada Allah SWT. Sebab itu sebelum daripada itu baik PAS, UMNO dan khususnya Muafakat Nasional, kita dihentam di segenap penjuru yang mengatakan bahawa ini adalah muafakat yang bersifat rasis, bersifat perkauman dan sebagainya. Tetapi Tanjung Piai telah membuktikan bahawa kami tidak rasis, bangsa-bangsa lain juga tetap mendapat er… mendapat tempat dalam arena politik tanah air, insya-Allah tuan-tuan sekalian. [Ahli Dewan menepuk meja]

Sementelah lagi pula, Islam sememangnya mengambil berat dalam soal menjaga er… hubungan sesama… sesama manusia *Hablum Minannas*. Jadi sebenarnya jangan bimbanglah makna Muafakat Nasional ini bukan ditubuhkan untuk er… isu perkauman tetapi ia lebih bersifat untuk memelihara negara, menjaga negara, menjaga negeri kepada yang lebih baik, insya-Allah. Jadi muslimin dan muslimat dan Ahli-ahli Dewan yang dikasihi, jadi seterusnya saya juga apa… suka untuk ketengahkan sedikit apa er… BMF, itu bahasa Inggerislah dengan izin, er… *Buy Muslim First* ataupun kempen membeli produk-produk Muslim. Yang mana ini juga er… menimbulkan pelbagai kebimbangan dan pelbagai bentuk polemik datang mengatakan bahawa kita juga rasis dalam isu ini.

Sebenarnya kita kena faham yang pertama er… kempen BMF ini bertujuan untuk seimbangkan er… seimbangkan ekonomi di antara orang Islam ataupun Melayu dengan bukan… bukan Islam. Yang keduanya, er… rakan-rakan yang bukan Islam perlu juga memahami bahawa kita sebagai orang yang beriman, orang Islam, kita terikat dengan halal dan haram, kita terikat dengan hukum-hukum agama sebab kita dalam Islam ini tuan-tuan sekalian, ada Nabi SAW ada menyebut [Bacaan dalam Bahasa Arab] “Seseorang hamba itu dia tidak akan mencapai darjat ketakwaan selagi mana dia tidak meninggalkan sesuatu yang tidak berdosa tetapi bimbang ada dosa di dalamnya”. Makna perkara yang syubhah pun er… mesti dititik berat oleh umat Islam kerana perkara yang syubhah itu jika dilakukan boleh menghalang ketakwaan kepada Allah SWT, apatah lagi perkara yang diharamkan oleh Allah SWT [Bacaan dalam Bahasa Arab] “Daging yang tumbuh daripada sesuatu yang diharamkan, maka api neraka itu terutama kepadanya”.

Maka di atas sebab itulah kita melihat BMF ini dia tertumpu kepada produk-produk harian, produk-produk makanan kerana bertujuan untuk pemeliharaan di dalam perkara tersebut. Jadi jikalau sekiranya masyarakat bukan Islam er… inginkan saingan dari sudut pengeluaran produk ini, maka dia kena er… jaga sungguh-sungguhlah. Maka dia pastikan keluaran dia tu baik, halal, menepati syariat Islam dan menepati aspirasi umat Islam itu sendiri. Jadi dia tidak bertujuan untuk kita boikot, sebab kalau tuan-tuan sekalian kalau atas batang tubuh saya ini sendiri pun ada produk Muslim, ada bukan. Kalau kot ini *confirm* dah Cina buat, memang bukan… bukan Muslim dah pun er… kasut tuan-tuan… sebab kita tidak… tidak boikot. Saya sebut ini berulang sebab kita dituduh begitu dan di waktu yang sama juga saya mengharapkan pihak Kerajaan Negeri juga turut terlibat…

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

… di dalam kempen…

YB. CIK LEONG YU MAN

MInta laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Silakan. Sila.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tidakkah Wakil dari Tanjung Lumpur fikir kita semua adalah warga Malaysia. Tidakkah lebih baik sekiranya kita mempromosikan produk buatan Malaysia tidak mengira kaum dan bangsa. Sekiranya untuk memenuhi er… keperluan pasaran halal, saya percaya bahawa kerajaan selama ini ada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditentukan dan saya percaya bahawa pengguna boleh memilih er… apa itu, produk harian yang ada sijil halal dan pada masa kini negara kita me… mengalami er… terlalu banyak kekecohan di antara kaum. Pada masa ini sebagai pemimpin, tidakkah kita bertanggunjawab untuk mempromosikan produk buatan Malaysia supaya perpaduan di antara rakyat Malaysia dapat dieratkan?

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Terima kasih atas pertanyaan rakan saya daripada Triang. Er… kita sebagai orang Muslim, yang pertama-tama kita nak adalah halal. Ini adalah halal. Jadi, walaupun ianya produk Malaysia tetapi jikalau di sana adanya keraguan di dalam produk-produk tersebut. Saya mengambil beberapa contohlah, yang saya kira perlu kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang bukan beragama Islam ambil perhatian sebab berlaku boleh katakan setiap kali raya berlaku. Bila beli ayam, tak disembelih er… tunjuk dalam gambar tidak disembelih. Saya tak sebut mana-mana pasar raya tetapi kalau nak pergi, boleh la pergi sekarang. Saya tahu lah pasar raya mana-mana er… kita terlibat. Jadi tidak dijaga, syariat islam tu tidak di… dipelihara, tidak dijaga. Itu kita pun tahu bagaimana dia letak gambar apa… tukang sembelih itu, letak orang lain, er… letak orang islam, tetapi yang sembelih tu kadangkala bukan Islam. Er… ini pun saya ada tempat dan saya ambik gambar…

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh minta laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Er… berkaitan dengan kempen *BMF* ni, er… *BMF* ya… *Buy Muslim First*. Pada rakan-rakan *non-Malays*, *non-Muslim*, tak perlu bimbang. Sebab saya ambik contoh di Raub saja lah ya. Bila kempen *BMF* ini dibuat, *benefit* ramai kaum-kaum cina pun datang jumpa saya, india jumpa …. *very good* dia kata. Sebab Pasar Raya Tong Fatt pun turunkan harga, pasar raya lain pun turunkan harga, Pasar Raya Darul Makmur pun turunkan harga, jadi *benefit* kepada semua. Soal halal haram tadi, Yang Berhormat Tanjung Lumpur dah menerangkan, itu pasal makanan, bersih, halal, haram. Tetapi kempen *BMF* ini kesannya, seronok semua orang. Harga turun, peniaga-peniaga tidak lagi mengambil untung yang lebih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Terima kasih. Jadi itu… itu sedikit ulasan er… terima kasih la diatas ulasan tersebut dan memang responnya begitu daripada rakan-rakan yang lain er… dan kita juga melihat berlakunya apa er… satu peningkatan er… dari sudut produk. Kalau kita lihat ada kedai yang bukan islam pun, dia telahpun mula menjual produk-produk yang… produk-produk keluaran daripada Islam. Minta maaf la saya sebut sebab sebelum daripada ini, produk-produk islam ni dia letak bawah je, bawah kepala lutut. Kena yang gendut tu memang tak boleh nak cari lah produk Islam.

Makna berlakunya ketidakadilan didalam… didalam apa… er… memasarkan barangan umat Islam di pasar raya yang bukan islam. Itu belum kira lagi er… sebab kita dah siasat habis, ada daripada kalangan pasar raya yang bukan islam, bila nak masuk produk Islam ini, ke dalam pasar raya dia, jadi dia letakkan dengan harga yang mahal, bayaran yang… yang mahal kepada… kepada pengusaha-pengusaha Islam er… menjadikan er… agak sukar lah nak masuk ke pilihanraya… dah la diletak dibawah dan sebagainya. Maka timbullah isu *BMF*.

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan…

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Ya… ya…

YB. CIK LEONG YU MAN

Er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya tetap berasa bahawa pengguna ada hak dan kebebasan untuk memi… memilih barangan yang hendak dibeli. Pendidikan boleh diberikan kepada pengguna. Pendidikan juga boleh diberikan kepada peniaga. Sebagai pemimpin, kita bertanggungjawab sebab saranan seperti ini seolah-olahnya akan memecahkan perpaduan dikalangan rakyat Malaysia. Saya rasa, perpaduan rakyat Malaysia *first*. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Minta laluan Yang Berhormat boleh.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Minta izin orang tua beri pandangan sikit. Saya ucap tahniah kepada er… ahli dari Tanjung Lumpur dan juga terima kasih atas penerangan yang jelas. Saya berharap ahli daripada Triang dan juga mereka yang sependapat dengannya memahami bahawa yang dikempenkan untuk membeli barangan Muslim ialah mengenai produk halal haram dan kebanyakkannya ialah barang-barang makanan. Bukan soal benda-

benda lain, bukan soal memboikot kedai besi, kedai simen, tidak. Ianya tumpukan kepada barang makanan. Sebab kita tidak mahu ada er… syubhah dalam hal makanan tadi, barang yang mungkin tidak disembelih, barang yang mungkin telah dicampur dengan arak dan sebagainya. Saya ingat penerangan dari ahli Tanjung Lumpur sangat jelaslah. Saya ingin mengucapkan tahniah, terima kasih… terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila… ya.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Baik, terima er… terima kasih pada Dato' Sri Diraja. Er… tutuplah pasal *BMF* ni. Jadi secara kesimpulan… dah rakan saya juga pun… bukan orang… orang lain. Jadi kalau nak kira er…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Kawan lama tu. Kawan lama…kawan lama.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Kawan lama, sama-sama… bukan sama-sama sepenggal, sama-sama… sama-sama dua penggal. Er… jadi diharapkan, kita sama-sama menjaga er… menjaga kalau nak berniaga soal barang makanan dengan orang Islam ini, jaga soal halal haram itu. Itu yang paling… paling penting.

Dan er… seterusnya, er… lepas *BMF*, ada sikit lagi nak sebut soal PDM er… PDM, Pasar Raya Darul Makmur yang kita lihat er… Pasar Raya Darul Makmur ini adalah satu pasar raya yang er… sepatutnya er… saya gunakan perkataan sepatutnya mengambil kesempatan er… bersungguh-sungguh dengan kempen *BMF* ini untuk menyediakan produk muslim sebanyak… sebanyak mungkin, dan saya kira pihak PDM mesti melihat teguran daripada netizen yang sangat… yang sangat banyak, terutama pelanggan banyak tegur soal kekurangan barangan, itu satu. Yang kedua, pelanggan kata pergi kat PDM pun sama je, tak ada pun produk muslim. Kalau ada pun sikit sangat dia kata. Er… terlalu sedikit. Maknanya pihak PDM mesti aktiflah untuk cari produk muslim sebanyak mungkin untuk er… dipasarkan er… dipasarkan di apa… di pasar raya PDM.

Jadi diharap pihak pengurusan PDM bukan saja dapat pertingkatkan kualiti perkhidmatan dan mesti juga dijadikan sebagai pasaraya alternatif bagi umat Islam. Dan begitu juga cadangan saya yang lalu supaya kalau boleh PDM ini buka kiosk-kiosk kecil dibawah pengurusan PDM di masjid-masjid di seluruh daerah negeri Pahang er… bagi tujuan supaya er… masyarakat umat Islam di seluruh negeri dapat alternatif untuk membeli barangan Muslim. Dan kemudian isu seterusnya, selagi tak bunyilah kan. Dia ada bunyi habis 15 (ketawa). Ada sikit lagi, isu penagihan dadah. Sebab kawasan saya ini, tuan-tuan sekalian yang telah diwartakan sebagai pusat paling kritikal, ada tiga kawasan.

Pertama, Tanjung Lumpur, kedua, Kempadang dan ketiga, Tanah Putih Baru. Ini semua DUN Tanjung Lumpur la ini. Ini semua DUN Tanjung Lumpur. Pening juga wakil rakyat dia tu er… untuk apa… menguruskan penagih dadah. Dan saya kira negeri Pahang masih belum ada er… satu pusat rawatan alternatif secara Islam. Sebab kalau

saya pergi ziarah di tempat lain, di Selangor ada dua tiga tempat, di Terengganu ada di Basung dan sebagainya. Iaitu satu rawatan er… secara Islam, secara keseluruhan yang lebih er… kepada membentuk rohiah dan membentuk rohani er… yang mana saya melihat ada… ada kejayaan-kejayaan disana. Dan kemudian saya juga er… merasakan bahawa penagih dadah ini dia tidak bol… tidak boleh diubati dengan jangka masa yang pendek. Dalam tempoh setahun ataupun dua tahun.

Kalau kita lihat di Penjara Penor, tuan-tuan sekalian, bangunan yang tinggi-tinggi tu dibina oleh banduan, ertinya mereka ini ada kemahiran dan sebagainya dan begitu juga penagih dadah. Boleh tak kerajaan fikirkan satu er… keadaan, situasi, kita bina perkampungan, komuniti untuk penagih dadah sahaja, yang didalamnya juga disediakan er… sediakan seperti kilang-kilang dan sebagainya supaya boleh menghasilkan pendapatan sendiri dan tidak menggunakan bajet daripada kerajaan. Saya… saya… saya rasa boleh perkara tersebut, tetapi memanglah diperingkat awal memang bajet dia besar dan perlu kepada penjagaan yang… yang begitu…begitu rapi.

Baik yang terakhir, sedikit isu tempatan lah er… isu tempatan. Pertama nak sebut yang tadi lah, yang apa… jejantas itu, lama dah… belum masa Kerajaan Pusat, kerajaan lama hari itu lulus dah, tapi apa tu… tak ada pula… apa… bajet tak ada. Kemudian, sekarang ni, kerajaan yang baru er… jadi kita haraplah sebab memang jalan dia cukup bahaya, jadi jejantas itu memang er… sangat diperlukan kepada terutama sekali daripada sebelah Sungai Deraka ini untuk ke sekolah sebab dia melintasi Sekolah Menengah Tanjung Lumpur. Diharaplah kerajaan dapat ambil perhatian er… sekali lagi untuk bina jejantas tersebut.

Kalau diorang nak *u-turn* tu daripada Kampung Deraka itu ke Yayasan Pahang itu cukup jauh. Dengan orang kampung, kita fahamlah… dia naik motor pun tak pakai topi keledar, (ketawa) baju pun tak pakai kadang, itu orang Tanjung Lumpur la itu (ketawa). Kawasan saya la tu… baju pun tak pakai. Kadang kala kita nak halang pun tak... tak... tak boleh. Er... jadi kita perlu… Kemudian yang kedua dah lama dah apa tu… *traffic light* depan Yayasan Pahang itu, kena langgar hari itu, dah bertahun dah tak... tak... tak diletakkan yang... yang baru. Memang bermasalah di tengah tu. Terutama bagi orang yang datang daripada Yayasan Pahang tu, dia tak boleh nak nampak nak ke kanan atau pun nak kiri tak nampak sebab apa... er... *traffic light* tu putus dah. Dah tak ada. Jadi putus tu lama sangat putusnya tak bersambung-sambung.

Jadi mudah-mudahan pihak Kerajaan ambil perhatian dan satu lagi ialah, ini pun satu isu lama dan kita pun dulu ada jumpa dengan...di Pejabat Daerah pun saya ada sebut iaitu penghadang jalan di antara Kampung Sungai Isap ke Sungai Isap Murni yang sangat hampir. Hanya sekaki dua jer dengan longkang besar. Dan kebetulan di situ pula, kalau air pasang memang orang tak akan nampak. Antara jalan dengan longkang besar. Jadi kereta pernah jatuh dalam longkang, motor pun pernah jatuh dalam longkang. Jadi saya kira pihak kerajaan kena ambil perhatian dan dulu kita ada panggil JKR datang. Jadi kos dia, dia kata dalam RM38,000.00. Sedangkan peruntukan yang diberi kepada ADN yang terbaru baru ni, hanya RM30,000.00. Jadi tak cukuplah er... RM8,000.00 itu.

Jadi minta perhatian sebab ni, sekarang ni dah masuk musim banjir. Bila musim banjir memang tak nampak longkang besar tu. Kereta boleh jatuh. Motor boleh jatuh. Hanya lebih kurang dua kaki dengan gigi jalan, er... longkang besar, sungailah, taraf sungailah bukan taraf longkang. Jadi saya kira cukup sekadar tu, dan saya mengucapkan terima kasih di atas er... membenarkan untuk saya menyertai er… perbahasan pada hari ini. Assalamualaikum WBT. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menempohkan persidangan kita bagi pagi ini, dan kita akan sambung semula pada jam 2.30 petang. Persidangan ditempohkan. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan pada jam 12.51 tengahari]

[Persidang disambung semula]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Sambungan Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2020) 2019 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2020.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. Persidangan kita disambung semula. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan, rakan – rakan Ahli Yang Berhormat sekalian. Kita masih lagi di atas perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan usul yang telah dikemukakan kepada kita dan pada petang ini kita akan menyambung perbahasan Rang Undang-undang dan Usul Perbekalan Air ini. Saya jemput, sila Bilut.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan di-Pertua.

Salam Sejahtera. Pertamanya, saya ingin merakamkan terima kasih ke atas memberi kesempatan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 2020 (2019). Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2019 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada pagi Isnin. Pertama sekali, pertanian merupakan sektor yang penting bagi negara kita. Saya berpendapat bahawa, memandangkan Pahang merupakan negeri yang terbesar dalam Semenanjung Malaysia, peruntukan yang lebih banyak perlu diagihkan untuk sektor pertanian supaya menjadikan Pahang sebagai negeri pembangunan pertanian yang tercemerlang di Malaysia.

Kami memahami bahawa kerajaan telah membelanja... belanja banyak dalam sektor pertanian terutamanya dalam kerja-kerja penyelidikan. Kerajaan juga telah melaksanakan rancangan-rancangan untuk membangunkan sektor pertanian. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa, setakat hari ini bilangan golongan tani masih boleh diperting... dipertingkatkan lagi dan sektor pertanian masih mempunyai potensi untuk berkembang lagi. Saya berharap pihak kerajaan boleh menimbangkan, merancang dan menggalakkan integrasi antara pertanian dengan masyarakat setempat. Pihak Kerajaan boleh mengenalpasti tanah pertanian yang sesuai dan melibatkan penduduk setempat dalam kegiatan pertanian.

Melalui rancangan tersebut, industri petanian boleh berintegrasi dengan komuniti tempatan dan hal ini boleh memperkembangkan kemahiran dan kepakaran er… anak negeri dan sektor pertanian supaya industri pertanian boleh dimajukan lagi. Rancangan tersebut ber... bertujuan menjadikan Pahang sebagai negeri produk pertanian... produk pertanian yang utama dalam Malaysia. Menjana pertumbuhan ekonomi Pahang serta menjamin pendapatan anak negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pertanian organik merupakan *trend* terkini dalam industri pertanian. Pertanian organik bukan saja mesra eko-sistem tetapi merupakan menambah nilai produk tanian. Saya berharap Kerajaan Negeri boleh menggalakkan kegiatan pertanian organik melalui insentif supaya memajukan kegiatan pertanian organik dalam negeri. Meningkatkan produktiviti serta menjamin pendapatan golongan pertanian.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Kedua. Ribut taufan dan banjir melanda Bentong kebelakangan ini walaupun kedua-dua merupakan fenomena alam. Kerajaan Negeri mempunyai tanggungjawab untuk melancarkan mekanisme tindak balas bencana supaya membantu mangsa-mangsa untuk menghadapi bencana alam tersebut. Saya berpendapat bahawa pusat tindakbalas perlu diwujudkan dalam setiap daerah atau bandar untuk menghadapi pelbagai bencana alam. Pusat tindakbalas tersebut juga perlu mendirikan *hotline* 24 jam supaya penduduk setempat boleh menghubungi pusat tindakbalas tersebut apabila dilanda oleh bencana alam. Ahli pusat tindakbalah... tindakbalas tersebut juga perlu bersiap sedia supaya menghadapi pelbagai keadaan kecemasan dengan serta merta selepas menerima laporan serta menguruskan mangsa bencana. Lebih-lebih lagi pada akhir tahun, banjir kemungkinan tinggi untuk melanda kawasan timur sebagaimana kata pepatah 'sediakan payung sebelum hujan'. Kerajaan Negeri perlu mewujudkan pusat tindakbalas dengan segera sebagai langkah awal untuk bersiap sedia sebelum berhadapan senario sebenarnya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Ketiga. Dalam era internet ini, hampir kesemua bidang berkait rapat dengan servis internet. Oleh demikian, kelajuan internet berperasan… berperanan *significant* dalam masyarakat kini. Telekom Malaysia telah melancarkan perkhidmatan jalur lebar Unifi. Kelajuan Unifi telah menunjukkan kenaikan jika dibandingkan dengan perkhidmatan sebelum ini. Selanjutnya sejak tahun 2016, Telekom Malaysia membekalkan jalur lebar Unifi di kawasan Bentong sejak tahun 2016. Merujuk jawapan yang diberikan kepa… kepada saya pada bulan Ogos dalam Dewan Undangan Negeri, perkhidmatan Unifi dibekalkan di 40 kawasan di Bentong dan jumlah ini akan tambah 3 dalam bulan Disember tahun ini. 25 lagi kawasan akan dilengkapi oleh perkhidmatan Unifi pada tahun 2020 hingga tahun 2023.

Walau bagaimanapun berdasarkan senarai kawasan yang dibekalkan oleh Dewan Undangan Negeri, banyak kawasan pekan... bandar lagi seperti Sungai Marong, Taman Saga, Taman Ketari dan lain-lain tidak dibekalkan perkhidmatan Unifi. Saya berpendapat, Telekom Malaysia perlu mempertingkatkan kelajuan jalur lebarnya serta memperluaskan capaian perkhidmatan supaya rakyat negeri mampu menikmati, menikmat… perkhidmatan jalur lebar yang berkualiti baik.

Isu yang terakhir. Projek perlombongan pasir amat biasa dinampak dalam Bentong. Malangnya, banyak kerja perlombongan pasir tidak dijalankan mengikut regulasi yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Pihak-pihak yang tertentu gagal mematuhi peraturan ataupun *procedure* operasi yang *standard* semasa menjalankan perlombongan pasir. Hal ini telah menyebabkan pencemaran persekitaran yang serius terutamanya pencemaran sungai. Saya dan pasukan saya telah melakukan pepe… pemeriksaan mengejut terhadap tapak pengorekan pasir di Gunung Raja, Jalan Chamang. Dan men... dan mendapati bahawa syarikat pengorekan pasir tersebut bukan saja gagal mematuhi syarat permit yang telah ditetapkan, maka syarikat tersebut berani memandu jentera ke tengah sungai untuk menjalankan pengorekan pasir.

Hal ini selanjutnya mencemarkan ekosistem sungai. Keadaan ini masih berlarutan dan operasi pengorekan pasir tersebut masih dijalankan sampai hari ini. Saya ada bawa gambar (sambil tunjuk gambar) yang telahpun saya diambil pada masa tersebut. Inilah keadaan, inilah keadaan setakat ini. Sampai hari ini keadaan ini sama juga. Jadi saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri mesti mem... membatal permit pengorekan pasir tersebut dan menyemak semula semua permit pengorekan pasir dalam negeri.

Pemeriksaan mengejut harus dilakukan terhadap semua operasi pengorekan pasir dalam negeri dan ia hendak dihenti serta merta sekiranya didapati telah menyebabkan pencemaran sungai dan persekitaran. Langkah ini penting bagi mengelakkan syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab dan tersebut terus menyebabkan pencemaran.

Kerajaan Negeri harus men… menetapkan peraturan dan *procedure* yang lebih ketat untuk mengawal, untuk mengawal selia kerja-kerja operasi pengorekan pasir serta harus meningkatkan penguatkuasa. Hal ini penting kerana pencemaran sekiran… persekitaran boleh berlaku dalam masa yang singkat tetapi pembinaan semula persekitaran memerlukan usaha dan masa yang panjang. Oleh demikian, kami perlu menetapkan peraturan dan rekolasi yang berkenaan dengan serta merta untuk membenteras kegiatan sedemikian. Itu sahaja daripada saya. Satu kali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Dewan Negeri yang lain. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Beserah, terima kasih.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Er… terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian didalam membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020, 2019 sekali dengan anggaran Perbelanjaan Pembangunan Dan Bekalan Air untuk tahun 2020.

Er… pertama sekali saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana kali pertama saya dapat buku ucapan Yang Amat Berhormat ada tulisan jawi. Satu langkah yang baik dan juga satu komitmen bukan sekadar kita retorik ataupun bercakap tetapi kita melaksanakan mengikut amalan dalam memperkenal dan juga [Ahli Dewan menepuk meja] memperkasakan tulisan jawi.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam Pembentangan Ucapan Belanjawan Tahun 2020 pada hari semalam telah memberikan satu indikasi ataupun petanda yang baik untuk Negeri Pahang ke arah membentuk satu kerajaan yang mampu untuk berdiri di atas kaki sendiri, *sustainable,* er… dan juga *self sustain,* kita berdaya saing dan juga berdaya untuk mem… membiayai dan menguruskan negeri ini berdasarkan sumber dan pendapatan daripada dalam negeri ini.

Pembentangan yang diberikan fokus kepada… oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada tiga perkara iaitu dengan memperkasakan ekonomi supaya nega… Negeri Pahang dapat berdiri berdikari. Kemudian fokus yang kedua, memperkasakan perkhidmatan dan juga modal insan. Fokus yang ketiga, mensejahterakan kehidupan rakyat.

Saya ingin mengambil beberapa perkara sahaja daripada belanjawan ini sebagai perkara yang ingin saya bahaskan. Yang pertama sekali er… pihak negeri telah mensasarkan kutipan hasil kerajaan akan mencecah RM1 bilion dalam tempoh tiga hingga empat tahun yang akan datang. Saya rasa ini adalah merupakan satu sasaran yang baik yang boleh dijadikan sebagai motivasi kepada kerajaan dan juga seluruh

agensi-agensi kerajaan untuk sama-sama berusaha agar negeri Pahang mencecah pendapatan RM1 bilion tiga tahun daripada sekarang.

Beberapa perkara dan tindakan yang telah digariskan oleh kerajaan juga dilihat boleh memberikan satu cahaya yang… yang cerah untuk membolehkan negeri Pahang ini memperolehi pendapatan sepertimana yang disasarkan dan sepertimana yang sahabat saya Yang Berhormat Tanjung Lumpur menyatakan tadi. Pertama kali selepas laporan audit daripada Ketua Audit Negara keluar untuk tahun 2018. Pertama kali Kerajaan Negeri Pahang mencatatkan lebihan penerimaan berbandingkan dengan perbelanjaan pada tahun 2018. Maka saya ucap tahniah kepada seluruh jentera agensi, kakitangan dan juga Kerajaan Negeri Pahang di atas usaha yang sangat baik ini [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Cuma dari sudut kita nak mem… membina ekonomi dan fokus untuk mencapai pendapatan RM1 billion, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan juga harus memberikan penekanan terhadap kemajuan Digital Ekonomi. Dalam pembentangan Perbelanjaan Negara yang dibentang oleh Menteri Kewangan pada bulan lepas, telah memberikan peruntukan yang agak besar. Hampir RM75 juta diberikan peruntukan untuk pembinaan infrastruktur dan juga geran padanan kepada mereka yang terlibat dalam membangunkan Digital Ekonomi.

Untuk makluman Dewan, *digital economy* telah menjadi satu ledakan yang besar dalam ekonomi baru dunia hari ini dan *digital economy*, ekonomi digital ini telah menyumbang pada tahun 2016 sebanyak 2.9 trilion US Dollar dalam pendapatan dunia, RM2.9 trilion US Dollar untuk tahun 2016. Dan telah melibatkan sebanyak 3.2 bilion er… *online population* seluruh dunia 3.2 bilion. Dan mengikut angka yang diberikan oleh er… Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, purata rakyat negara ini, mereka mempunyai capaian kepada internet dan juga er… perkhidmatan telekomunikasi adalah sebanyak 79% dan saya yakin *number*, nombor ini juga sama dengan yang ada di negeri Pahang pada masa ini.

Bermakna, secara kasarnya pasaran yang ada untuk penduduk Negeri Pahang dalam *digital economy* sahaja tidak kurang daripada 900 ribu orang. Rakyat negeri Pahang 1.67 juta. 70% ataupun 80% memiliki capaian internet dan juga menggunakan er… teknologi telekomunikasi dan sebagainya. Bermakna, pasaran ini besar dan pasaran ini mampu untuk menguasai pendapatan dan juga memberikan sumbangan ekonomi yang besar kepada negeri Pahang. Sebagai contoh, Kerajaan telah memulakan langkah sangat baik dan positif dengan memperkenalkan "PahangGo" sebagai satu platform untuk nak memudahkan orang ramai, rakyat membayar dan juga berurusan dengan kerajaan dan juga memberikan pulangan dari sudut kutipan yang lebih baik dan berkesan bagi pihak kerajaan.

Cadangan saya "PahangGo' ini seharusnya kita manfaatkan dengan lebih luas kerana dia boleh jadi satu platform untuk pemasaran IKS di Negeri Pahang. Sebagai contoh, daripada 2.9 trilion US Dollar perkem… pendapatan daripada *digital economy* 2016, 34% adalah datang daripada daripada *e-commerce* ataupun dagangan berbentuk elektronik. Bermakna dengan platform yang sedia ada "PahangGo" ini, kita sediakan juga ruang untuk IKS, Industri Kecil Sederhana, pengusaha-pengusaha yang… yang er… kecil dan bersendirian, individu yang berniaga menggunakan platform *e-commerce* "PahangGo" untuk memasarkan produk mereka secara *online*, secara dalam talian. Dan ini akan memberikan bukan sekadar bantuan dari sudut pemasaran

kepada IKS dan individu yang berniaga. Ia juga boleh beri pulangan kepada "PahangGo" kepada Kerajaan Negeri Pahang itu sendiri.

Maka saya berharap didalam *frame work* atau dalam rangka untuk mencapai RM1 bilion pendapatan, RM1 bilion dalam tempoh tiga tahun Kerajaan Pahang perlu menggubal atau mengeluarkan satu polisi atau dasar Digital Negeri Pahang supaya kita tidak ketinggalan dari sudut mem… me… terlibat sama dan juga meraih manfaat daripada perkembangan *digital economy* ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Begitu juga saya ucap tahniah kepada Kerajaan di atas inisiatif dan juga begitu er… agresif un… dalam menarik pelabur-pelabur luar untuk datang melabur ke negeri Pahang. Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini sahaja, dinyatakan bahawa kerajaan telah berjaya menarik RM1.36 bilion mengesahkan RM1.36 bilion pelaburan yang berjaya dibawa masuk.

Dan keseluruhan sepertimana pembentangan yang diberikan semalam kepada Ahli-ahli Dewan, Kerajaan telah berjaya menarik pelabur asing untuk melabur dalam negeri ini untuk tempoh tiga tahun adalah sebanyak RM57 bilion daripada 2016 hingga 2018. Nilai RM57 bilion ini seharusnya memberikan sedikit lonjakan kepada pendapatan negeri sekiranya kita uruskan pelaburan luar ini dengan lebih baik dan berhemah.

Contohnya, pendapatan negeri kita untuk tiga tahun kebelakangan ini adalah *stagnant,* dengan izin, adalah hampir sama. Daripada 2016 sampai 2018 dalam lingkungan RM600 juta ke RM700 juta satu tahun. Sedangkan kita berjaya menarik pelaburan luar RM57 bilion. Bermakna pelaburan luar yang datang tidak mampu untuk nak menaikkan pendapatan negeri kita. Oleh itu langkah yang dicadangkan oleh Kerajaan Pahang harus dilaksanakan iaitu, setiap pelabur luar yang ingin melabur dan juga menjalankan kegiatan mereka dalam negeri Pahang perlu ada kepentingan daripada syarikat ataupun anak syarikat Kerajaan Negeri Pahang.

Jadi cadangan supaya er… mewajibkan 5% sekurang-kurangnya *preferred shared,* saham keutamaan diberikan kepada GLC perlu dilaksanakan. Bukan sekadar untuk mencadangkan. Kerana apa? Kerana kita juga perlu dapat manafaat daripada pelaburan yang datang daripada luar. Dibimbangi sekiranya kita tidak mengambil peluang ini atau tidak mempunyai kepentingan, kita bimbang ia akan menjadi satu er… medan atau satu tempat yang mana pelabur luar hanya datang, buat untung dan akhirnya akibat dan kesan tidak ada langsung kepada…kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Pahang. Selain daripada, kita faham pelabur luar menyediakan peluang pekerjaan er… peluang perniagaan lain dan sebagainya tapi kepada Kerajaan Negeri ianya juga harus ada satu er… manfaat kebaikan yang boleh kita dapat hasil daripada pelaburan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara ketiga yang ingin saya ter… sentuh untuk mencecah dan mencapai pendapatan RM1 bilion, dalam tempoh tiga tahun daripada sekarang, kita perlu lebih giat dan agresif di dalam mempersiapkan dan juga menyediakan prasarana terbaik untuk me… menarik pelancong-pelancong supaya boleh hadir. Dengan adanya cukai pelancongan 50% daripada pendapatan pelancongan… cukai pelancongan dipulangkan kepada Kerajaan Negeri, Pahang sebenarnya mempunyai satu *advantage,* dengan izin. Satu kelebihan berbandingkan dengan negeri-negeri lain kerana struktur muka bumi kita yang begitu banyak kelebihan.

Kita ada laut, kita ada sungai yang besar yang panjang, kita ada hutan yang…yang luas dan juga cantik, kita ada tanah tinggi, kita ada tanah rendah, kita ada gua, kita ada macam-macam er… produk pelancongan yang boleh diberikan, yang boleh kita *exploit* semaksima mungkin untuk menarik pelancong dengan pakej-pakej yang menarik, dengan rangsangan-rangsangan dan promosi yang hebat dan yang paling penting adalah persiapan prasarana, kemudahan-kemudahan asas seperti laluan, jalan, tempat tinggal, tempat rehat dan semua sekali ini termasuklah kemudahan keselamatan para pengunjung dan pelancong perlu diberikan keutamaan.

Dan juga perlu ada satu er… tindakan drastik dan agresif diambil supaya kedatangan pelancong ke dalam negeri Pahang ini akan dapat menarik pelancong lain. Kita akan gunakan *marketing* berdasarkan kepada *experience*. Masing-masing mereka akan berkongsi pengalaman yang baik dan menarik dan akhirnya akan berjaya menarik rakan mereka, saudara mara mereka untuk sama-sama hadir untuk melancong di Negeri Pahang. Dan kita jangka Pahang boleh mencapai dari sudut pelancongan itu lebih daripada 100 juta dalam tempoh 3 tahun daripada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin juga menyentuh tentang langkah yang telah disebut bahawa pembentukan daerah kecil Gebeng, kawasan saya. Saya ucap ribuan terima kasih di atas inisiatif yang diberikan oleh pihak Kerajaan dan juga melihat kepentingan kawasan Gebeng ini dijadikan satu kawasan yang tumpuan, diberikan sedikit layanan yang berbeza berbanding dengan kawasan-kawasan lain kerana dijangka dalam belanjawan kali ini dibentangkan, daerah kecil Gebeng ini bakal menyumbang RM200 juta setahun kepada Kerajaan Negeri Pahang. Bermakna bila kita mengisytiharkan kawasan Gebeng ini sebagai daerah kecil yang boleh menyumbang sebanyak RM200 juta, maknanya lebih kurang 20% daripada pendapatan er… daerah dan juga 2% daripada pendapatan negeri kalau kita sasarkan 1 billion itu, ianya adalah merupakan satu sumber yang sangat besar dan *significant* untuk diberikan tumpuan. Cuma saya berharap agar er… dengan tertubuhnya ataupun dengan terbentuknya daerah kecil Gebeng ini, ia harus sama naik dan sama padan dengan kemudahan dan keadaan di kawasan Gebeng itu sendiri.

Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan pergi ke kawasan tersebut, ianya adalah merupakan kawasan pelaburan *international*. Banyak orang luar er… *expatriate*, pegawai-pegawai dagang, mereka berkunjung ke kawasan tersebut. Tetapi dari sudut er… prasarananya, jalanrayanya, longkangnya, lampu jalannya, jambatannya, tidak mengambarkan sebagai *first class investment area,* dengan izin. Tidak menunjukkan bahawa ianya merupakan satu kawasan tumpuan. Jadi saya berharap satu fokus diberikan kepada kawasan Gebeng ini sesuai dengan kita nak membentuk sebagai satu daerah kecil. Segala prasarana utama perlu dinaiktarafkan dengan segera kerana kita bimbang dia akan merencatkan perkembangan kawasan tersebut dan yang paling kita er… bimbang adalah dia akan memberikan im… pandangan yang negatif terhadap usaha yang Kerajaan Negeri cuba laksanakan.

Yang kedua, di…di… kita sedia faham dengan memperkenalkan er… ka… daerah kecil Gebeng ini, beberapa cukai dan *fees* akan disemak semula. Jadi saya berharap segala bentuk kenaikan cukai yang ingin dikenakan kepada kawasan Gebeng ini dan kita difahamkan tidak akan melibatkan kediaman, kawasan pekebun kecil petani dan sebagainya, hanya industri berat dan juga perniagaan.

Namun tidak semua perniagaan, tidak semua peniaga yang berniaga di kawasan Gebeng itu mempunyai pendapatan dan pulangan yang sepertimana kita gambarkan.

Sebahagian besar adalah merupakan pengusaha-pengusaha kecil. Mereka kedai… buka kedai makan, buka kedai runcit, *workshop* dan sebagainya yang kecil-kecilan ini. Sebab itu kita tidak mahu cukai dinaikkan, kita pandang sama rata atau *take for granted*, semua sama. Sebab industri… dia duduk dalam kawasan industri. Betul tetapi perniagaan mereka tidak sepertimana industri besar.

Kita tidak boleh samakan peniaga kecil ini, kedai-kedai kecil ini dengan kilang dan industri-industri besar dari sudut mengenakan cukai. Kena lihat latar sosio ekonomi setiap peniaga di kawasan tersebut supaya dia berlaku adil kepada peniaga-peniaga tersebut. Kita bimbang sepertimana yang berlaku di jiran kita, di er… KSB, *Kemaman Supply Base.* Apabila er… berlakunya kenaikan sewaan dan sebagainya, semua yang menyewa dalam kawasan tersebut ambil keputusan keluar daripada kawasan KSB, menyewa di luar dan juga berniaga di luar daripada kawasan tersebut. Akhirnya, dia banyak premis-premis yang dibuat oleh er… kerajaan juga dibiarkan kosong kerana ketidakmampuan mereka untuk bayar cukai, bayar sewa, dan sebagainya. Akhirnya KSB hanya dioperasi oleh yang besar sahaja. Tidak ada ruang untuk peniaga-peniaga kecil.

Jadi adalah diharapkan daerah kecil Gebeng ini, bukan sekadar mampu untuk menjana pulangan kepada Kerajaan Negeri dengan lebih baik dan berkesan. Dia juga mampu memberikan kesejahteraan dan keadilan kepada pengusaha dan peniaga-peniaga yang ada di situ pada hari ini yang berniaga hanya sekadar berniaga kecil dan juga secara er… pukul rata atau secara puratanya pendapatan mereka masih lagi di bawah…di bawah paras RM3000.00 sebulan. Oleh itu segala bentuk kenaan cukai, *fees* dan sebagainya yang ingin dikenakan di kawasan daerah kecil Gebeng ini, saya harap dia perlu mengambil kira tentang kemampuan dan juga kebolehbayaran segala er… segala bentuk bayaran yang dikenakan kepada mereka.

Dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap agar hasrat kerajaan untuk mencapai pendapatan RM1 bilion melalui … sekali lagi, saya tertinggal satu perkara yang penting juga yang saya perlu sentuhkan juga di sini, selain daripada Kerajaan Negeri harus mengubal satu dasar atau satu polisi digital ekonomi, kita juga harus melihat perkembangan belia dalam digital ekonomi berbentuk sukan, *e-sport*. Saya pernah bercakap di dalam Dewan ini dan pernah bersikap sinikal tentang *e-sport* kerana kita tidak nampak nilainya. Namun pada hari ini kita tidak boleh menolak bahawa itulah kehendak dan kemahuan belia dalam keterlibatan dalam *e-sport* ini dan *e-sport* menyumbang kepada perkembangan ekonomi dalam teknologi dan juga digital hari ini.

Cuma kita tidak ada lagi satu er… dasar yang betul-betul jelas tentang *e-sport* ini sehingga ramai pengusaha yang tidak dapat meneruskan usaha mereka kerana mereka disamakan dengan *cyber café,* disamakan dengan er… hiburan pusat hiburan dan akhirnya mereka ditohmah dengan perkara yang tidak sepatutnya dan ini merencatkan atau membantutkan perkembangan *e-sport* dalam bentuk digital dan kehendak belia pada hari ini. Jadi saya harap juga dalam proses kita nak mengembang dan meningkatkan pendapatan, kita juga harus melihat bagaimana belia-belia ini kita dapat libatkan mereka dalam kegiatan yang baik. Mereka… kita dapat sama-sama menaikkan mereka dan juga sama-sama menyumbang di dalam pembangunan er… keperibadian dan juga ekonomi negeri tersebut kepada belia.

Jadi dengan itu Dato' Sri Yang Di-Pertua, saya ucap terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada Kerajaan Negeri di atas Pembentangan Bajet yang saya harap dan saya kira sangat meyeluruh dan diharapkan agar segala yang dirancang dipermudahkan Allah S.W.T, seterusnya negeri dan rakyat Negeri Pahang ini sentiasa berada dalam

lindungan keberkatan dan rahmat Allah S.W.T saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Beserah. Sila Semantan.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Sebelum er… saya mulakan ucapan saya, saya nak bepantun sikit Dato' *Speaker.*

Kalau berani biarlah berpada,
Agar molek dipandang abang,
Pembentangan bajet penuh berfakta,
Perubahan tempat duduk pula dipandang orang.

Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker*, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Barisan Ahli Exco Kerajaan Negeri Pahang….

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Pasal dia sebut pasal tempat duduk tu, kita pun tertarik juga ya, tentang tempat duduk tu. Rupa-rupanya saya tak sangka, rupa-rupanya pembangkang ini dia ada rindu merindui pada PAS ni rupanya (ketawa). Dia rindu pasal bila tengok orang tu lari, rindu sebenarnya. Terima kasih.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker,*

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya bersama dalam perbahasan pada hari ini. Saya mulakan perbahasan ini dengan ucapan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas Pembentangan Bajet 2020 pada hari kelmarin. Cuma saya nak menasihatkan pihak pembangkang dalam Dewan Yang Mulia ini, supaya menjadi pembangkang yang bijak. Janganlah buat PC hanya kerana nak komplen mengenai perubahan kedudukan dalam Dewan sebab ianya adalah kuasa mutlak Yang Di-Pertua Dewan di bawah Perkara 2.2 Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri.

Pasal dilantik Exco biarlah Yang Amat Berhormat Menteri Besar buat keputusan. PAS pun dah nyatakan pendirian, DAP pula sibuk pasal kami. Saya nak pesan, kalau nak jadi Exco marilah *join* kami dulu tunjukkan bijaksana dan bertanya kalau tidak tahu, sebab kita diperhatikan oleh masyarakat luar di sana. Kami baru sahaja berkahwin, dalam tempoh berbulan madu buat masa ini, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker*,

Belanjawan Negeri kali ini sekali lagi merupakan belanjawan lebihan kira-kira RM4.13 juta dengan jangkaan kutipan hasil kira-kira RM744.02 juta berbanding jangkaan perbelanjaan kira-kira RM739.89 juta. Dengan penekanan kepada 3 perkara utama iaitu melonjak ekonomi ke arah negeri berdikari, yang kedua memperkasakan

perkhidmatan dan modal insan, yang ketiga mensejahterakan kehidupan rakyat. Saya boleh nyatakan dan boleh menyifatkan bahawa bajet ini sangat realistik dan berhemah untuk mencapai hasrat yang telah digariskan.

Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker*,

Dalam usaha Kerajaan menjadi sebuah negeri yang berdikari yang berpendapatan tinggi, kerajaan telah membuat perancangan bijak dengan pelaksanaan langkah proaktif terhadap pendapatan melalui cukai-cukai dan duti-duti yang di samping itu mengurangkan ketirisan. Tindakan memberi penumpuan kepada industri berat, perniagaan dan estet dalam semakan semula kadar cukai… cukai tanah tanpa membebankan Golongan B40 dan pemilik tanah pertanian di bawah 10 ekar merupakan satu tindakan cakna oleh kerajaan memandangkan mereka sememangnya sudah terhimpit dengan suasana ekonomi sekarang. Tahniah kepada Kerajaan Negeri.

Misi pelaburan yang menarik pelabur merupakan satu perkara yang diharapkan dapat menjadi salah satu sumber pendapatan yang membantu kerajaan telah terbukti dari Januari hingga Jun 2019. Kadar pelaburan tempatan dan pelaburan asing mencatatkan angka RM6.44 bilion. Forum pelaburan 2019 yang dilihat berjaya dan mencatat 11 MOU dengan kemasukan RM1.134 bilion. Saya mengharapkan pada tahun 2020 angka itu akan meningkat sesuai dengan usaha berterusan pihak kerajaan dan cadangan menetapkan 1% golden syer dan 5% golden syer kepada GLC untuk semua pelaburan baru.

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Pengukuhan sektor perhutanan dengan jangkaan hasil RM165 juta pada tahun 2020 adalah suatu yang baik memandangkan Pahang adalah sebuah negeri yang kaya dengan hutan. Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker*, Pahang tidak ketinggalan dalam arus kemodenan dan dunia digital. Melalui aplikasi 'PahangGo' dalam urusan perkhidmatan kerajaan dan kutipan hasil. Saya merasakan aplikasi ini perlu dipromosikan dan diaplikasikan kepada semua rakyat Pahang terutamanya kepada kakitangan kerajaan, guru-guru, pelajar-pelajar dan mereka ingin akses dengan kerajaan. Mudah kata benda dah ada, kita kena gunakan.

Yang Berhormat Dato' *Speaker*,

Penubuhan Daerah Kecil Muadzam Shah dan Daerah Kecil Jelai merupakan langkah yang baik untuk mereformasikan pengurusan pentadbiran kearah yang lebih berkesan. Saya ingin mencadangkan penubuhan Daerah Kecil Kuala Krau kerana ia merupakan satu… dan lebih berfokus. Saya juga ingin mencadangkan agar satu kajian dilakukan untuk melihat kewajaran keperluan ini.

Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker*,

Yayasan Pahang tidak pernah ketinggalan dalam pendidikan anak Pahang dengan jumlah angka yang besar iaitu RM23.59 juta untuk memanfaatkan 49,720 anak pelajar diharapkan merupakan satu pelaburan untuk melahirkan pelapis masa hadapan. Namun baru ini kita digemparkan dengan kes buli di maahad tahfiz, yang menyebabkan kematian. Manakala tahfiz tersebut dikatakan tidak berdaftar. Saya merasakan Kerajaan perlu melihat dari sudut-sudut tertentu untuk membantu sekaligus memastikan pengusaha tahfiz berdaftar untuk memudahkan penyaluran bantuan dan pemantauan dan lain-lain perkara.

Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker*,

Tabung Amanah Bencana yang telah mencacat… mencatat perbelanjaan sebanyak RM441 juta. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan khasnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana masyarakat di DUN Kuala Semantan telah menikmati manfaat ini. Bukan setakat itu sahaja, kehadiran pemimpin kerajaan dan bantuan awal yang diberikan sangat lekat dalam ingatan mangsa-mangsa. Contohnya, kejadian ribut di Kampung Haji Ali Temerloh, Yang Amat Berhormat hadir turun padang melawat mangsa walaupun kejadian belum pun sampai 24 jam. Tahniah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker*,

Pendirian kerajaan terhadap isu penubuhan MPKK Persekutuan tubuh semula JKK. Sekiranya Kerajaan Pusat tetap dengan pendirian mereka jelas bahawa kita menjaga pemimpin akar umbi di kampung yang merupakan kakitangan kita dalam mentadbir kampung. Kita jaga masyarakat kita dari perpecahan. Saya nasihatkan Kerajaan PH supaya cukupkan dahulu kuota ahli mereka yang belum penuh dalam MPKK sebelum mahu menubuhkan MPKKP.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Bagi pihak 8 ribu kakitangan awam. Saya daripada semalam telah menerima mesej *WhatsApp* daripada rakan – rakan yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri. Yang saya rasakan inilah bantuan khas kewangan yang melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM6 juta untuk mereka tanpa mengira gred. Bakal menerima bantuan khas kewangan sebanyak RM750.00 seorang. Semoga dengan belanjawan negeri ini akan dapat terus memakmurkan negeri dan mensejahterakan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Akhirnya, saya ingin sampaikan rintihan daripada orang kawasan saya. Jajaran baru ECRL yang melibatkan Tanjung Batu, Temerloh. Penduduk tidak menentang pembangunan tetapi mengharapkan rintihan dan bantahan mereka didengari. 5 September 2017, penduduk telah membantah laluan jajaran baru kerana ianya tidak selari sepertimana pembentangan semasa pendengaran awam Mei 2017.

Pada 2 Oktober 2017, pihak Malaysia Rail Link itu (MRL) memaklumkan untuk melakukan kajian sebelum memuktamadkan jajaran laluan ECRL melibatkan Kampung Tanjung Batu ini dan berjanji bahawa 29 buah rumah yang terlibat tidak akan termasuk di dalam jajaran tersebut. Bantahan dilakukan kerana jajaran ini melibatkan penempatan padat penduduk di tanah warisan, kawasan kubur lama dan dan melibatkan kawasan penternakan ikan sangkar. Apa yang dimahukan oleh penduduk, bahawa jajaran itu perlu dilencongkan sedikit agar ia tidak mengenakan tanah warisan yang melibatkan 29 keluarga tersebut dan kini jajaran ECRL melalui Kampung Tanjung Batu telah dimuktamadkan tanpa mengira bantahan daripada penduduk kampung dan tanpa memanggil untuk pendengaran awam sebelum keputusan dimuktamadkan.

Saya melihat bantahan penduduk mempunyai alasan dan fakta yang kukuh bagi mengubah sedikit jajaran agar tidak melibatkan 29 buah rumah tersebut. Saya menyeru dan memohon kepada Kerajaan Negeri agar meminta pihak MRL ataupun

CCCC melakukan kajian semula bagi memastikan menang–menang bagi kedua-dua pihak. Saya mohon perkara ini dapat perhatian daripada pihak Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Sebelum saya menutup dan mengakhiri ucapan saya, saya ada tiga pantun lagi.

Balik ke rumah membawa kawan,
Tanda persahabatan berjabat tangan,
Belanjawan berkesan rakyat didahulukan,
Melonjakkan ekonomi itulah sasaran.

Ukhuwah dierat salam diberi,
Tidak kira darjat ataupun bangsa,
Pembentangan berhemah penuh berbudi,
Negeri makmur rakyat sejahtera.

Adat dijunjung harmoni dipelihara,
Santun menutur alunan bahasa,
Hasil kemakmuran dikongsi bersama,
Pahang maju rakyat sentosa.

Sekian wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warhmutullahi wabarakatuh. Saya dengan ini menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bulan Febuari bulan Mac,
Thank you very much

Semantan. Sila Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Salam sejahtera dan selamat petang kepada Ahli-ahli Dewan Negeri yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan Negeri Pahang bagi tahun 2020. Pertama kali saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dengan berjaya mengamalkan pendekatan perbelanjaan secara berhemah dan jimat sekaligus memastikan ekonomi Pahang dalam keadaan yang baik dan sihat.

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai Wakil Rakyat dari kawasan Cameron Highlands, saya menyambut baik usaha pihak kerajaan bagi menubuhkan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands ataupun disebutkan PKCH. Saya difahamkan bahawa tujuan utama penubuhan perbadanan ini adalah untuk mengisi *vacuum* kuasa pentadbiran, khususnya untuk pengawalan pembangunan sector pelancongan dan juga pertanian di kawasan luar bandar supaya satu pembangunan yang bersepadu dan mampan boleh dilakukan. Dengan penubuhan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands ini, saya mengharapkan segala pelaksanaan dasar kerajaan di daerah Cameron Highlands ini boleh

dipermudahkan dan urus tadbir dan penyampaian perkhidmatan kerajaan setempat yang lebih berkesan dan cepat juga dapat disalurkan kepada rakyat setempat.

Namun begitu, saya juga mengharapkan satu urus tadbir perbadanan ini boleh dilaksanakan dengan lebih telus tanpa pukal kepada rakyat setempat dengan tujuan mengurangkan perselisihan faham antara satu sama lain dan penduduk di Cameron Highlands sebenarnya mereka… kebanyakan mereka telah tahu tentang penubuhan perbadanan ini. Namun kebanyakan mereka tidak tahu bagaimanakah perbadanan ini menjalankan tugasnya? Bagaimanakah perbadanan ini struktur urus tadbirnya?

Bagaimanakah misi dan tugas Pihak Berkuasa Tempatan misalnya… khususnya Pejabat Daerah dan Tanah dan juga Majllis Daerah Cameron Highlands ini di bawah perbadanan ini? Ataupun bagaimanakah mereka bekerjasama ataupun selaras dengan perbadanan ini? Adakah kemungkinan berlakunya pertindihan kuasa antara agensi-agensi Kerajaan Tempatan sehingga menjejaskan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat setempat. Adakah juga bolehkah ini berlaku perbadanan ini terlalu berkuasa sehingga menjadi satu badan gergasi yang tidak terkawal dan bagaimanakah semak dan seimbangnya dengan izinnya, *check and balance*.

Semua soalan tersebut tertanya-tanya di kalangan masyarakat setempat termasuk saya juga sebab saya juga tidak tahu. Oleh itu saya juga tidak mampu menjelaskan dasar kerajaan ini walaupun secara prinsipnya saya menyokong usaha kerajaan menubuhkan perbadanan ini. Oleh itu saya mengharapkan kerajaan supaya boleh memberikan maklumat yang lebih terperinci mengenai penubuhan perbadanan ini dengan soalan–soalan yang saya bangkitkan tadi kepada masyarakat setempat supaya mereka lebih memahami bagaimanakah perbadanan ini berfungsi. Sebab kita tahu hari ini sudah November dan perbadanan ini akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2020, 1 bulan lebih sahaja.

Oleh itu, ada wajarnya rakyat setempat boleh memahami bagaimanakah perbadanan ini beroperasi. Saya di sini memohonlah kerajaan supaya boleh menjelaskan ataupun memberikan lebih banyak maklumat kepada rakyat setempat dan dalam Kertas Rang Undang–undang Penubuhan Perbadanan Cameron Highlands ini, yang akan dibentangkan dalam Sidang Dewan ini, saya juga tertarik dengan juga perkara–perkara bawah yang Rang Undang–undang ni bawah Fasal 20, Perenggan C dengan D. Di sini dia ada tulis; membeli, menukar, membahagi, menyimpan, memproses, memindah milik dan menjual semua keluaran pertanian dan keluaran sampingannya dan perenggan D; membeli, mengimbang, membahagi, memindah milik, menyewakan atau sewa dan menjual benih, baja, jentera, jentarik, perkakas dan peralatan pertanian.

Saya tertariklah sebab saya rasa hairan, adakah perbadanan ini juga berhasrat melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti pertanian ataupun dalam aktiviti pemasaran er… hasil produk pertanian ke? Saya rasa hairanlah [gelak] dan dalam Ucapan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Isnin telah juga menyentuh bahawa Kerajaan akan mengulas semula sistem Lesen Pendudukan Sementara ataupun T.O.L ataupun L.P.S bagi aktiviti pertanian dengan cara pajakan jangka pendek di daerah Cameron Highlands melalui Perbadanan ini.

Saya er… pemasalahan… pelaksanaan dasar ini sesungguhnya membawa kebaikan kepada pengusaha kecil pertanian di Cameron Highlands dan secara langsung akan membangunkan sosioekonomi di setempat dan juga negara. Saya di sini juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat

Menteri Besar kerana telah membawa pembaharuan tanah pertanian ini yang telah ditunggunya sudah lama oleh penduduk tempatan.

Walau bagaimanapun, pekebun-pekebun tersebut di Cameron Highlands mereka juga tertanya-tanya bahawa dengan adanya pajakan tempoh jangka pendek ini. Jadi apakah kadar kutipan hasil tanah yang baru ini, mereka tanya-tanyalah, saya ni juga tak boleh jawab. [gelak]

Jadi adakah pihak Kerajaan bersedia berbincang bersama NGO-NGO tempatan ataupun wakil-wakil pengusaha pertanian di… masyarakat setempat untuk membincangkan perkara kadar bayaran sewa ini dan bilakah dasar ini boleh dilaksanakan? Kerana buat sementara ini, saya difahamkan bahawa L.P.S ataupun T.O.L ini tidak akan… tidak akan di… tidak dibaharui oleh Pejabat Daerah buat sementara ini.

Dan secara tidak langsung membawa impak… *impact* untuk aktiviti lain sebab katanya er… satu lesen, lesen… lesen kenderaan mengangkut sayur iaitu bertaraf LKM Cameron Highlands ini sebab untuk memperbaharui ataupun memohon satu lesen LKM ini, salah satu syarat keperluan, syarat wajib adalah dia kena tunjukkan T.O.L kepada er… Jabatan Pengangkutan Jalan.

Hah… ya dan buat sementara ini, er… Kementerian terpaksalah membekukan syarat ini, sebab buat masa sekarang mereka tiada T.O.L yang er… yang aktiflah. Sebab buat masa… buat masa sekarang Pejabat Daerah telahpun tidak mengeluarkan ataupun membaharui lesen L.P.S yang baru dan inilah mereka nak tahu, bilakah dasar ini boleh dilakukan dan saya mengharapkan dasar Kerajaan ini boleh dilakukan secepat mungkin sebab ada mempengaru… memberi impak dengan dasar-dasar Kerajaan yang lain.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sempena dengan kempen *Visit Malaysia* 2020 yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya, negeri Pahang yang mempunyai banyak destinasi pelancongan, juga pastinya, nescaya menarik lebih ramai kedatangan pelancong khususnya juga di daerah Cameron Highlands. Dan dengan adanya pulangan cukai pelancongan, saya di sini juga mengharapkan pihak Kerajaan supaya boleh memberikan keutamaan dalam pembangunan dan penaiktarafan infrastruktur di beberapa tempat dalam kawasan Cameron Highlands. Antaranya termasuknya er… membaikpulih jalan masuk ke Mossy Forest, iaitu jalan Gunung Brinchang dan juga membaikpulih jalan Pos Lin… Lojing di mana jalan ini merupakan jalan masuk ke Cameron Highlands dari arah Gua Musang, dari arah Lojing, iaitu kita menyambut pelancong datang dari negeri Kelantan dan Terengganu.

Kedua-dua cadangan ini, saya difahamkan oleh Jabat… er… JKR Daerah bahawa cadangan ini telahpun mereka memanjangkan kepada peringkat negeri dan juga peringkat er… kementerian dan saya disini memohon er… supaya pihak Kerajaan boleh memberikan keutamaan untuk dua-dua cadangan ini supaya er… boleh kita sebenar er… Tahun *Visit Malaysia* 2020 menjanakan lebih banyak pendapatan dan memberikan satu imej yang bagus kepada pelancong-pelancong ke negeri Pahang.

Dan saya juga mengharapkan Kerajaan boleh menambah bina bangunan letak kereta dan juga menawarkan perkhidmatan *shuttle bus* di kawasan Cameron Highlands dengan adanya Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands ini supaya er… khususnya di destinasi-destinasi pelancongan bagi mengelakkan pelancong mereka

suka meletakkan kereta di bahu-bahu jalan buat masa sekarang, tapi masalahnya adalah sebab tempat letak kereta tak cukup.

Oleh itu, saya disini juga mengharapkan supaya pihak Kerajaan boleh menambah binakan lebih banyak er… bangunan tempat letak kereta yang bertingkat di kawasan khususnya di destinasi *hot spot*.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Dan baru-baru ini saya juga dihubungi oleh sebuah NGO Alam Sekitar bahawanya terdapat satu projek pembangunan yang berisiko tinggi yang mungkin memusnahkan kawasan tadahan air yang membekalkan air minum kepada 70% penduduk di Cameron Highlands.

Saya disini, saya… saya tiada apa-apa buktilah *black and white* tentang projek itu sebab saya dihubungi oleh NGO Alam Sekitar itu. Oleh itu, saya er… membangkitkan perkara di Dewan Yang Mulia ini untuk supaya menarik perhatian Kerajaan bagi mengelakkan bencana… bencana-bencana alam yang tidak diingini. Saya dimaklumkan oleh NGO tersebut bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan satu cadangan pembangunan Taman Agro Bersepadu Cameron Highlands di atas Tanah Kerajaan seluas 150 ekar di kawasan Kuala Terla, Mukim Ulu Telom, Daerah Cameron Highlands yang mereka mendakwa kawasan itu merupakan satu kawasan tadahan air.

Saya di sini juga dengan rendah diri, saya mengharapkan pihak Kerajaan supaya boleh melihat semula adakah perkara ini benar? dan kalau benar, saya mengharapkan Kerajaan supaya boleh mengkaji semula kelulusan projek pembangunan tersebut demi kebaikan dan kepentingan semua di Cameron Highlands.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tahun 2020 akan menjadi satu tahun yang mencabar untuk kita semua memandangkan ekonomi negara dan dunia yang tidak menentu. Saya disini semoga Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2020 ini boleh membawa hasil yang manis untuk semua rakyat Pahang dan membolehkan negeri Pahang terus makmur.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini, untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan Kerajaan, agensi dan Badan Berkanun Kerajaan dan juga pihak Kerajaan dan juga Ahli-ahli Dewan Negeri yang saya hormati dan sama-sama kita menjayakan negeri Pahang. Pahang Terus Maju. Sekian, terima kasih.

Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Tanah Rata. Sila Luit, Luit.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Assalamualaikum WBT.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Pertama izinkan saya baca sepotong ayat al-Quran [Bacaan Ayat al-Quran]. "Ingatlah ketika Tuhan-Mu berfirman kepada Malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan Kalifah di muka

bumi, “Mereka berkata: Mengapa Engkau hendak menjadikan Khalifah di bumi itu. Orang yang membuat kerosakan kepadanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui”. [Bacaan ayat al-Quran]

Haa… ini, minta Yang Berhormat tafsir sendirilah ya, semoga saya mendapat pahalalah baca al-Quran ini, walaup ada pelat-pelat Maran sikit tu [gelak]

Tuan Yang di-Pertua,

Pertamanya saya nak ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang berjaya membentangkan Bajet yang saya lihat sangat baik ya, untuk tahun depan dan juga nampak realistik dalam semua aspek. Sebab kita merujuk kejayaan tahun lepas, sudah tentu kami, ataupun saya yakin dan percaya atas kemampuan Kerajaan yang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato’ Sri untuk terus mentadbir dan Maju Terus Pahang.

Namun demikian, barang diingat juga bahawa terdapat juga kekangan dalam melaksanakan rancangan-rancangan kerajaan, kekangan sana sini, kecil besar sebagainya, semasa atau sedang atau semasa usaha-usaha ini sedang dijalankan. Sudah tentu terdapat ketirisan, program bertindih, maklumat-maklumat *R&D* semua yang tidak lengkap, tidak efisien dan juga berlaku juga pembaziran-pembaziran dalam proses perlaksanaan itu kerana kita dapat melihat ada rekod-rekod sejarah yang lepas. Rekod Kerajaan Pusatlah, Yang di-Pertua, ada kegagalan-kegagalan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ya, atas sebab-sebab yang kita sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, ada faktor besar juga dalam kegagalan proses projek kerajaan ini iaitu *stakeholder engagement*, dengan izin ya. Kita tengok dalam ICU, Jabatan Perdana Menteri ya beberapa tahun dahulu, namun ini adalah faktor besar. Sebab itu semalam saya ada juga bertanya kepada timbalan… Dato’ Timbalan SUK tentang *stakeholder engagement* ini. Namun demikian kita dalam usaha murni Kerajaan, saya percaya banyak wang akan dibelanjakan untuk melaksanakan program-program untuk manfaat kepada kita penduduk di negeri Pahang ini dan saya rasa ada satu keperluan yang perlu saya sarankan di sini ya kerana saya lihat di depan saya ini ialah pasukan pemerintah orang-orang Islam belaka, cuma dia tak sebut aje kerajaan Islam Pahang, dia sebut kerajaan UMNO Negeri Pahang, Barisan Nasional.

Jadi apa kiranya kalau kita cadangkan dapat pihak kerajaan meng*’upgrade’*kan arahan-arahan yang bersifat keagamaan. Saya rasa tak ada masalah langsung sebab 100% kepimpinan-kepimpinan negeri Pahang ini terdiri daripada orang-orang yang saya rasa memang sangat berpengetahuan dalam bidang agama ini dan saya percaya mereka-mereka ini orang-orang yang beriman. Beriman ini maknanya percaya kepada benda ghaib kan, benda ada rahmat, ada berkat sebagainya. Jadi kita sampaikan mesej, mesej-mesej agama, arahan-arahan agama ini kepada penduduk-penduduk dan anak negeri kita yang bukan saja menjadi tanggungjawab kepada pemerintah er… tanggungjawab kepada Allah, tapi juga menyambung tugas Rasulullah ini. Insya-Allah kalau dapat dilaksanakan ini saya percaya negeri kita ini akan lebih mendapat keberkatan dan kerahmatan daripada Allah SWT.

Macam saya sendiri pun umur dah 58. Pergi masjid daripada kecil, tolak 10 tahun tak pergi masjid pasal kecil sangat, jadi 48. Kali 12 bulan kali 4 minggu, saya ingat 2,000 lebih kalilah saya dengar khutbah. Oleh kerana mungkin khutbah itu tak ada nilai-nilai,

arahan, nilai-nilai apa ini… ataupun kelemahan saya itu lain ceritalah, ya. Jadi mesej saya kalau boleh tempat-tempat begitu, arahan-arahan itu dijadikan arahan rasmi ataupun separa rasmi ataupun kita buatlah macam mana, supaya perintah agama ini menjadi satu budaya baru di negeri Pahang ini. Sebab kita yakin rahmat akan turun daripada Allah Taala bila mana kita terutama pemimpin kerajaan yang lebih hampir kepada Allah SWT.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Saya nak rujuk juga kawasan sayalah. Saya nak mengharap sangat daripada pembentangan belanjawan dan semalam kita ada kesempatan melihat pembentangan apa ini RSN, Rancangan Struktur Negeri, Negeri Pahang. Saya percaya DUN Luit daerah Maran khususnya masih ketinggalan dalam perancangan-perancangan yang dibentangkan, terutama kalau tengok dari segi pendidikan, dari segi ekonomi, dari segi agama, dari segi infrastruktur juga. Saya nak sebut sekali lagi bandar purba di bandar Maran itu. Daripada tahun lepas dah saya cakap bandar purba itu. Tahun ini nampak hutan makin besar dah. Kalau tak silap saya, sikit hari esok ada binatang buas pula dalam tu. Jadi yang itu saya minta lagilah sekali lagi dalam Dewan ini minta perhatian daripada Kerajaan Negeri kita permodenkanlah balik bandar purba yang ada dalam bandar Maran itu.

Selain daripada itu, perkara-perkara lain yang secara umumnya kita di Luit juga memerlukan peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk setempat. Juga ada masalah-masalah perumahan terutama kepada generasi kedua, masalah makan pun ada di Maran ini. Orang lain makan nasi, ada orang Maran 82 orang ya, kalau ikut daripada Yang Berhormat Kuala Sentul sebut semalam, makan dadah pula. Orang lain makan nasi elok-elok, dia makan dadah. Ada di Maran juga. Jadi ini semua faktor-faktor yang kita kena ambil kira ya. Elok juga kita sebut makan dadah ini, sebab saya rasa mungkin kita kepekaan kita lain sikit. Kalau Dato' Sri Yang di-Pertua ya, kalau kita tengok cucu kita ambil duit syiling kita tak marah, tapi kalau dia nak makan duit syiling itu melompat kita, tok ki dia. Menunjukkan bahayanya duit syiling itu kepada cucu kita. Jadi dadah itu juga. Kita biasa sebut pengambilan dadah… pengambilan dadah. Tak ada orang kisah pun, sekali kita sebut makan dadah pula ya, kita hambat terus budak makan dadah ini.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Dan di tempat saya juga ada juga isu-isu baru yang timbul sekarang ini. Ada klinik-klinik desa nak ditutup. Tak tahulah mungkin ada fakta-fakta daripada justifikasi daripada jabatan-jabatan berkenaan. Ada juga perpustakaan desa pun nak ditutup. Jadi saya rasa khuatir pula. Dalam keadaan kita membangun, nak Maju Terus Pahang ini, ada pula agensi-agensi kerajaan nak menutup-nutup pulak dia punya peranan-peranan dia di kampung-kampung kita. Jadi ini mohon sangat perhatian daripada pihak kerajaan agar ini tidak berlaku juga. Sebab saya bimbang juga, akhirnya tidak ada apa yang tinggal di Luit. Jangan Wakil Rakyat pun tutup sudah.

Tuan Yang di-Pertua,

Satu lagi isu juga yang suka nak sebut di sini ialah kadar cukai pintu. Saya dapat juga er… maklumat-maklumat daripada bukan sahaja penduduk tempatan tapi juga daripada sahabat-sahabat di luar kawasan, di bandar-bandar sebagainya dan kita mohon juga kerajaan tengok balik apa ini… kadar cukai yang dikenakan kepada rakyat kita, penduduk kita di negeri Pahang ini. Walaupun kita percaya ada pertimbangan-pertimbangan, rasional-rasional daripada kadar yang ditentukan itu, tapi kita ibaratkan

macam bawa keretalah, Yang Berhormat Menteri Besar bawa bas, kita naik ke belakang, selesalah. Nak 'nyampai' ke Jelai itu banyak jalan ya, naik bukit, turun bukit. Ada masa kena brek. Yang brek inilah yang kita maksudkan. Tengok balik cukai itu macam mana. Kalau dapatlah kita carikan satu kadar yang kita kira selesalah untuk orang err… penduduk negeri Pahang membayar cukai-cukai itu.

Saya juga tak lupa juga nak mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan. Dalam pembentangan pembangunan dan pelaburan negeri Pahang semalam, saya tengok ada satu cadangan projek berimpak tinggi di Maran iaitu pembangunan bandar baru Maran di susur keluar ECRL, *Industrial Promotion Zone*. Memang sedap dengar, bunyi pun sedap. Kalau orang kampung dengar pun haih, *promotion zone* ini. Dia boleh bayangkan ada menara-menara besar. Tapi suka saya nak rujuk balik pengalaman kita yang lepas. Saya masih simpan satu buku lagi, Pelan Struktur Pembangunan Daerah Maran. Dalam tu jelas ditulis Maran akan menerima limpahan ekonomi daripada Lembah Klang setelah mana lebuh raya siap. Jadi sekarang dah 30 tahun, jadi kita tak nampak lagi limpahan-limpahan itu dan perkataan ini saya dah sebut dalam pembentangan saya pada sidang-sidang yang lepas.

Jadi ini, saya tekankan lagi supaya agar Kerajaan Pahang dapat melihat kembali kedudukan Maran terutamanya di DUN Luit untuk menerima limpahan-limpahan ekonomi yang boleh memberi manfaat kepada penduduk. Merujuk balik kepada Rancangan Struktur Negeri Pahang 2020, jadi kami berharaplah kalau betul bandar Maran, pembangunan bandar Maran tadi untuk dibuat di simpang apa ni… ECRL itu, kita harap dapatlah ya kerajaan melaksanakan dengan mengumpul maklumat-maklumat yang lebih tepat, relevan dan *reliable,* dengan izin, supaya perkara ini dapat direalisasikan, ya. Ambillah pertimbangan-pertimbangan yang sebenar sebab kita pengalaman lepas ada juga keputusan-keputusan pembangunan negeri ini dibuat atas keputusan politik seperti apa… Padang Tengku tadi, Menteri Besar… Kuala Lipis nak kena buat banyak di Kuala Lipis, tak aci sebenarnya begitu ya. Hah, sebab Menteri Besar itu Menteri Besar kome juga. Dia pun Menteri Besar juga untuk orang Maran juga ya. Orang lain tak nak ke? Tepuk sikit [Ahli Dewan ketawa]. Jadi baru dapat. Jadi Menteri Besar Tanjung Lumpur dan Luit [Ahli Dewan ketawa].

Jadi kita berharap lah agar kerajaan lebih profesional dalam apa ni membuat keputusan-keputusan pembangunan negeri ini dan penghargaan dan terima kasih khusus juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga kepada ni, *special* khusus, istimewa kepada penyelaras DN Luit ya, YB. Kuala Sentul yang saya percaya banyak memberi sumbangan selepas kita 5, 600 hari kita jadi Wakil Rakyat di Luit ini, kita telah menerima kemudahan-kemudahan. Yang pertamanya, yang kita tunggu-tunggu di Luit ini Hospital Daerah Maran telahpun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan saya percaya ada peranan-peranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga penyelaras ya ADN Kuala Sentul...

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mencelah sikit sebelum Luit habis.

Saya rasa sedih juga bila kata ada bandar purba tadi dan disebutkan juga limpahan pembangunan ke Bandar Maran apabila siapnya lebuhraya. Harus kita ingat bahawa dari segi sistem penyampaian perkhidmatan kita ini bukan semuanya di bawah bidang kuasa dan kawalan kerajaan negeri, kita juga tertakluk kepada beberapa keputusan yang dibuat oleh persekutuan. Dalam hal limpahan Yang Berhormat, kenapa dia tak melimpah di Maran itu? Kerana dia saluran tersumbat dekat Gombak, tiap-tiap kali hujung minggu tersumbat situ jadi mengalir pun tidak goner nak harap ke melimpah.

Dalam erti kata lain Dato' Sri Yang di-Pertua kita sedang mengusahakan supaya masalah kesesakan di Genting Sempah itu, di Tol Gambak itu dapat diatasi supaya kalau tak melimpah di Maran pun, lajulah alirannya, insya-Allah.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kerajaan. Tak apa, saya dengar kereta terbang nak ada tak lama lagi. Lusa siap ya? Insya-Allah akan dapat lah limpahan ekonomi ke Maran melalui lori terbang dan kereta terbang. Ketawa? Saya tak ketawa, saya serius [Ahli Dewan ketawa].

Tuan Yang di-Pertua,

Saya nak ulang balik penghargaan saya dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan penyelaras DUN Luit ya dan kita juga menghargai kerja-kerja selama ini daripada Wakil Rakyat-Wakil Rakyat yang terdahulu ya, memang Luit dulu ni memang Barisan Nasional lah. Jadi kita tak nafikan usaha-usaha mereka itu yang akhirnya kita dapat menerima beberapa kemudahan dengan Hospital Daerah Maran telah disebut, Masjid Kampung Lubuk Paku, asrama, Sekolah Menengah Agama ya, saya ingat yang terbaru ini mesin dialisis nak hantar juga ke Pusat Kesihatan Maran. Tak boleh sebut banyak sangat, esok takut tak dapat pula dah, cukup setakat tu dulu ya, dan juga yang terbaru pun kita dapat juga seorang Pegawai Daerah yang baru. Selamat datang ya Encik Sharuddin Jali. Katanya pengalaman dalam perumahan elok sangat lah kita ada bandar purba kat Maran itu [Ahli Dewan ketawa] boleh lah saya duduk bersila dengan tuan Pegawai Daerah lepas ini.

Jadi saya pun tak banyak nak cakap lah Tuan Yang di-Pertua er... cuma saya nak bagi tahu keyakinan saya bahawasanya saya akan di Luit akan terus mendapat kemudahan-kemudahan daripada pihak Kerajaan Negeri sebab saya percaya kerajaan negeri Dewan Undangan ni dia tak bubar dalam masa terdekat ni, dia bubar pun mungkin cukup iddah 5 tahun, jadi saya ada 3 tahun lagi untuk menerima kemudahan-kemudahan yang akan datang. Kalau nak cakap Parlimen takut juga, takut hari ini kita minta, esok bubar Parlimen langsung tak dapat projek.

Jadi saya ingat er... akhir sekali saya... Hah, sebelum saya terlupa tadi Sungai Lembing ada sebut juga Kelantan, Terengganu. Saya nak membayangkan sebenarnya hasrat saya ini kalau boleh Negeri Pahang ni menjadi negeri yang terbaik di Pantai Timur walaupun kita dengar Kelantan ada rekod-rekod baik dia dan saya percaya Negeri Pahang boleh lebih cemerlang daripada Kelantan dan Terengganu dan kami, saya rasa kawan-kawan sahabat-sahabat saya yang ada sebelah pembangkang ini, pembangkang ni ada dua jenis juga, satu pembangkang mesra kerajaan, satu pembangkang kadang-kadang mesra kerajaan ya dan kami akan sentiasa membantu supaya kita letakkan Pantai Timur Kelantan, Terengganu *benchmark* itu kita *up* lagi supaya lebih cemerlang lagi dengan apa ni seperti keputusan-keputusan jawatankuasa audit, Jabatan Audit Negara. Kalau boleh kita dapat atasi Kelantan dan kita akan kerjasama menyokong usaha-usaha kerajaan yang baik itu.

Saya rasa sekadar itu dulu. Pantun juga? Tak ada pantun kali ni, saya nak bersyair tapi saya malu pula [Ahli Dewan ketawa]. Jadi saya, akhir sekali saya mengambil kesempatan untuk berdoa lah, berdoa dan berharap usaha gigih kerajaan ya, bukan sahaja maju terus Pahang tapi menjadikan negeri terbaik, insya-Allah. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Luit. Dijemput Jengka. Jengka.

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Bismilahirrahmanirrahim. Assamualaikum WBT dan selamat petang.

Alhamdulilah, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan *Speaker,* Dato' Sri Timbalan yang memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan Pahang 2020 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat semalam lebih kurang satu jam, lebih sikit-sikit dan saya rasa bila saya berpindah ke sini rasa lebih jelas dengar berbanding saya duduk di hujung sana. Jadi saya ingat isu pindah kerusi ini tidak menjadi isu, rupanya dia jadi juga. Tak apalah tapi Yang Berhormat Tanjung Lumpur dah pelawa kalau nak duduk depan pun silakan ya. Saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membentangkan satu Bajet lebihan *surplus* er... sebanyak RM4.13 juta.

Sama dengan Bajet tahun lepas yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat juga Bajet *surplus* dan dari segi praktikalnya Alhamdulilah, kita sudah melihat bahawa er... dari segi praktikalnya pun dia menjadi Bajet *surplus* sebanyak RM13 juta dan telah di audit oleh Jabatan Audit. Terima kasih, tahniah saya ingat boleh jadi MB lama lagilah kot insya-Allah ya. Jadi Bajet untuk tahun 2020 yang meletakkan... mensasarkan RM4.13 juta sebagai lebihannya, saya yakin dari segi pelaksanaannya insya-Allah Bajet ini akan terbukit menjadi *surplus* sebagaimana yang dijangkakan dan yang akan diusahakan dan er... sepanjang kami bertemu dengan GLC Kerajaan Pahang ini seperti PKPP yang kita berjumpa, melihat kesungguhan mereka untuk meneroka beberapa projek baru seperti Durian Musang King yang saya difahamkan di China harganya RM300.00 satu kilo.

Jadi kita harapkan insya-Allah sekiranya ini berjaya dengan kelapa pandan nya dan sebagainya ia juga akan memberikan pulangan yang banyak kepada Kerajaan Negeri Pahang insya-Allah. Ini menunjukan bahawa pertumbuhan ekonomi Negeri Pahang berada dalam keadaan stabil walaupun kita melihat bahawa harga komoditi pertumbuhan ekonomi negara, pertumbuhan ekonomi er... luar sangat *slow,* tetapi Alhamdulilah sehingga dapat menstabilkan sehingga dapat er... mendatangkan pulangan yang banyak kepada kerajaan negeri.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya amat bersetuju dan insya-Allah berusaha membantu Kerajaan Pahang yang meletakkan tiga strategi utama bagi meningkatkan pendapatan negeri dan mengelak daripada defisit fiskal. Kami daripada PAS dalam perkara yang memberikan keuntungan dan kemajuan kepada Kerajaan Pahang, insya-Allah kita akan bersama sama ada dari segi idea dan tenaga kita akan beri insya-Allah. Tiga strategi yang disebut oleh rakan-rakan saya yang bercakap sebelum saya melonjak ekonomi, ke arah negeri berdikari, memperkasa perkhidmatan dan modal insan, mensejahterakan kehidupan rakyat.

Dalam kita berusaha untuk menjadikan Pahang sebagai sebuah negeri yang berdikari dengan kita menjangkakan pendapatan dalam tiga empat tahun ini pendapatan RM1 bilion. Besar tu RM 1 bilion insya-Allah kita akan capai. Sekarang pun sudah kepada RM700 juta. Kalau kita lihat kepada pembentangan kerajaan Melaka baru-baru ini mereka yelah satu negeri yang kecil lebih kepada perbelanjaan negeri Melaka dalam

RM300 juta lebih, kita Pahang dalam sekarang sudah meningkat kepada RM700 juta dan Pahang kerajaan negeri dalam targetnya untuk meningkatkan pendapatan RM1 billion dalam masa tiga empat tahun ini, insya-Allah akan tercapai dan kita sangat gembira dengan perkara ini.

Namun ada beberapa perkara yang ingin saya menyentuh er… dalam isu ini iaitu dalam kesungguhan kerajaan ingin meningkatkan pendapatan, jangan sampai golongan B40 yang berpendapatan rendah itu tertekan khususnya dengan kenaikan cukai yang bagi mereka ia sangat melampau. Umpamanya saya sebut ya, ini sebagai peringatan saja, umpamanya cukai pintu kediaman yang dikenakan kepada golongan B40 lebih kurang keluasan rumah mereka dalam 3000 *plus-plus* kaki persegi, kalau dulu cukai kediaman mereka setahun ialah RM32.00 lebih kurang. Tapi yang terbaru kita lihat ialah dia meningkat kepada RM253.00. Ini er… terlampau tinggi dan perlu disemak kembali adakah tersilap tulis atau bagaimana Wallahhualam. Tapi perlu dinilai semula supaya golongan B40 ini tidak merasakan tertekan terlalu tertekan dengan dalam keadaan kerajaan gembira mendapat pulangan hasil yang sangat banyak.

Yang kedua, saya ingin tekankan ialah tadi kita lihat dalam belanjawan yang dibentangkan ini. Saya tidaklah pakar ekonomi tapi dalam… oleh kerana saya er… dalam bidang agama maka saya ingin bercakap dari sudut bidang agamalah. Kita dalam Kerajaan Negeri dalam Dewan Undangan Negeri ini ada er… dia panggil er… ada pelbagai lapisan, pelbagai lulusan, jadi saya bercakap dari sudut agama. Dari sudut er… kutipan hasil duti hiburan. Nampak ada peningkatan berbanding tahun lepas. Tahun lepas kita dapat mengutip dalam RM9.6 juta duti hiburan. Dan tahun ini kita dapat November, kita dapat mengutip dalam RM15 juta satu… tahniahlah. Satu peningkatan yang memberikan hasil yang banyak kepada Kerajaan Negeri.

Apa yang ingin saya sentuh di sini ialah er… supaya kita bergerak ke arah yang lebih baik. Yang lebih penting ialah kita mencari keredhaan Allah bukan kita mengundang kemurkaan Allah sebagaimana yang saya pernah sentuh dalam Dewan ini pada tahun lepas, bahawa kerajaan Pahang ini kena pergi lebih kepada keberkatan dan lebih kepada apa yang Allah suka iaitu saya pernah sebut bahawa Kerajaan Pahang tidak lagi meluluskan premis judi. Dan ucapan saya itu disambut oleh Yang Amat Berhormat dan memberikan komitmen bahawa Pahang tidak akan meluluskan premis judi yang baru.

Alhamdulillah. Jadi dalam duiti hiburan ini, kita Pihak PBT, Pihak Berkuasa Tempatan tidak hanya boleh bukan sahaja melihat kepada kemasukan dan keuntungan tapi mestilah melihat kepada keberkatan juga. Bukan semata-mata untuk untung tetapi kita nak jugak kepada keberkatan. Saya buat satu contohlah di tempat saya di Jengka contoh. Kadang-kadang dia ada pertandingan tarian zumba, zumba ke aerobik lebih kurang. Dia ada pertandingan itu ya, dalam keadaan sudah ada fatwa dikeluarkan bahawa ia adalah haram. Saya didatangi oleh beberapa er… kelablah yang nak buat tarian ini contohnya. Dia jumpa dengan saya, saya kata er… boleh buat tapi *indoor* secara tertutup sebab kita perempuan. Mana ada orang perempuan berzumba beraerobik pakai baju kurung, ada? Jaranglah tapi dia pakai baju ketat yang menampakkan bentuk tubuh. Dia turut menggerak dan berjoget dan dikelilingi oleh orang lelaki. Jadi ini tidak dikehendaki oleh pandangan syarak.

Jadi dari sudut PBT yang memberikan kebenaran contoh nak buat di dataran jam, di padang dan sebagainya. Seharusnya dia mesti merujuk dulu kepada Jabatan Agama. Saya bertanya kepada jabatan agama, adakah garis panduan dalam hiburan seumpama ini yang telah ditetapkan jabatan agama? Kata mereka ada. Jadi kena ada

satu kerjasama antara PBT dalam nak meluluskan lesen kebenaran er… untuk mencari keuntungan kena ada kerjasama dengan pihak jabatan supaya kita ber… supaya kita mencari keuntungan yang diberkati. Kalau itulah kita dapat laksanakan insya-Allah, kita akan dipandang oleh Maha Pencipta sebagaimana yang disebut oleh Allah di dalam al-Quran (Bacaan dalam Bahasa Arab). "Kalaulah penduduk sebuah negara sebuah negeri itu beriman, bertakwa yakni dalam pentadbirannya berasaskan kepada iman kepada takwa melihat perkara yang benar, dia buat di mana dia buat, kalau itu kita ikut Allah berjanji" (Ayat al-Quran) "kami kata Allah akan buka keberkatan rezeki baik daripada langit dan daripada bumi". Barangkali Pahang kalau sekarang ada 48 lombong biji besi barangkali bertambah kepada 50 ke 60. Ada tujuh er… lombong er… apa ni emas, barangkali akan bertambah. Jadi ini janji daripada Allah SWT, insya-Allah. Saya kira…

YB. CIK LEONG YU MAN

Mintak laluan. Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham atau ada keliru sikit boleh tak saya mintak YB untuk mengulang sekali lagi pandangan ataupun pendirian YB tentang golongan wanita yang beraerobik di dataran.

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Triang yang bertanya. Jadi saya bercakap dari sudut pandangan Islamlah. Dari sudut pandangan yang bukan Islam, kita tidak ada paksaanlah (Ayat al-Quran) "bagi kamu agama kamu, bagi kami agama kami". Jadi kita tidak campur urusan mereka yang bukan Islam ini. Mereka boleh merujuk kepada pakar-pakar mereka tok sami, bapa, father Kristian dan sebagainya. Tapi saya sebut dari sudut Islam, Islam ini dia ada terkenal dengan adab, dia terkenal dengan hukum agama dalam mendidik manusia.

Jadi orang perempuan dari sudut Islam dia tak boleh er… pakai ketat contohnya, dari sudut aurat contohnya, dia tak boleh pakai ketat. Ketat itu maksudnya apa? Maksudnya ialah pakai pakaian yang melambangkan tubuhnya, melambangkan tubuhnya. Er… kalau dan dia tak boleh er… apa ini mendedahkan aurat itu di khalayak ramai, apa tah lagi senam aerobik dan zumba ini dia berjoget-joget dan disertakan dengan muzik er… *heavy* yang terlalu berat dan kita pun tahu benda itu. Jadi dia akan menaikkan keghairahan kepada mereka yang melihat. Jadi kita bimbang menda itu boleh menyemarakkan gejala maksiat yang tak dapat kita bendunglah.

Sebagai contoh saya di Jengka lah, saya sebut di Jengka. Bila ada pembangunan baru di Jengka, dia panggil Bandar Kedua Bandar Pusat. Walaupun saya Jengka ini pernah tahun 1999, wakil rakyat daripada PAS ketika itu Dato' Tuan Ibrahim pernah bahas di Dewan ini supaya ada satu daerah Jengka, tapi memang tak luluslah. Nanti mati pulak Maran tu, dahlah bandar purba (Ahli Dewan ketawa). Jadi okaylah kita bersedialah berada dalam Maran. Bila naik bandar baru, Jengka tanah dia pun mahal sekarang. Dah ada universiti, ada MYDIN sikit lagi. Sekarang bila dah naik apa ni …bandar kedua, Bandar Jengka saya lihat dalam pelan itu ada *mini cinema*. Saya tak boleh halang, jadi saya sebut saya jumpa dengan pemaju, saya kata saya sebagai Wakil Rakyat saya tak setujulah, tapi kalau buat juga saya tak boleh buat apa.

Sebab bagi saya dia seolah-olah kita menyediakan satu *port* kepada anak muda ini dia tengok wayang dalam pukul 12.00 malam berduaan, akhirnya dia balik, dia tengok filem yang menaikkan nafsunya akhirnya berlakunya zina, yang kita bimbangi dan kita

dengar dalam hadis Nabi bila anak zina ini terlalu ramai maka Allah tarik keberkatan itu. Yang ini yang kita nak jaga. Jengka ini di bawah seliaan Menteri agama kita Dato' Sri Kerdau kita, insya-Allah. Baik, jadi saya ingat sebagai akhirnya…

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya rasa selesa di Jengka ini bila ada YB Shahril, ustaz kita.

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Baik er… sebagai akhirnya Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat yang telah dibentangkan semalam. Sekian Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB YANG DI-PERTUA

Jengka, sila Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Salam hormat dan salam sejahtera. Saya berasa amat berbesar hati kerana diberi kesempatan mewakili suara rakyat untuk membahas perbelanjawan di Dewan Yang Mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Seperti yang diketahui bahawa pada bulan November dan Disember adalah musim tengkujuh di kawasan perairan pantai timur. Pada 5 tahun yang lepas, pihak berkuasa telahpun melakukan aktiviti mengorek pasir di Sungai Galing untuk mengelakkan berlakunya banjir kilat. Pada kali ini saya ingin mencadangkan sekali lagi kepada Jabatan Perairan dan Saliran Negeri Pahang untuk mengorek pasir di Sungai Galing bagi mengelakkan banjir kilat berlaku. Supaya bencana banjir tidak berulang seperti tahun 2014 di mana banjir besar berlaku telah tenggelamkan bandar Kuantan dan di samping dapat memastikan rakyat Kuantan berada dalam keadaan selamat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Pada 5 September 2019 saya telah mengadakan satu lawatan di Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah. Kita sudah sedia maklum bahawa ramai pelancong dari luar dan juga orang tempatan yang menggunakan perkhidmatan penerbangan domestik dari lapangan terbang tersebut. Di sini saya ingin mengajukan soalan kepada pihak yang bertanggungjawab sampai hari ini mercu tanda ikon Pahang seperti papan logo di *Visit* Pahang Malaysia masih mempaparkan mercu tanda tahun 2017 dan 2018 yang masih kelihatan di pintu masuk utama di lapangan terbang tersebut, sedangkan kita sekarang sudah berada di hujung tahun 2019. Kenapakah pihak yang terlibat tidak mengambil berat dan mengemaskini mercu tanda dan mempromosikan tempat *Visit* 2019 dan juga tempat *Visit* 2020. Sepatutnya diperlukan ditukar dan dikemaskini kerana ia adalah salah satu perkara yang mencerminkan imej pelancong dan kebudayaan di negeri Pahang. Saya berharap pada tahun yang akan datang tidak akan berlaku perkara seperti ini dan pihak yang berkenaan sentiasa peka dengan isu ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kita semua sudah sedia maklum bahawa setiap hari purata manusia yang membuang sampah semakin meningkat. Syarikat yang menguruskan tapak pelupusan sampah yang terletak di kawasan Gebeng itu adalah Gading Senggara Sdn Bhd. Saya telah difahamkan pada hari Ahad waktu operasi hanya dibuka dari 8.00 pagi sampai 3.30 petang sahaja dan menyebabkan lori-lori sampah menunggu giliran lori berbaris terlalu lama untuk membuang sampah di tempat tersebut. Saya memohon memanjangkan waktu operasi tersebut dari 8.00 pagi hingga 7.30 petang dengan mengikut waktu kerja biasa iaitu pada hari Isnin sehingga Sabtu. Ini supaya kita boleh mengelakkan kesesakan lori yang beratur menunggu giliran. Ini juga supaya tidak membahayakan pengguna jalan raya yang lain yang berulang alik di sekitar kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' yang di-Pertua,

Pada 16 Oktober 2019, saya telah mengadakan satu perjumpaan bersama Pengarah LKIM, NEKMAT, PNK, Persatuan Perikanan di Pejabat LKIM Pahang. Ia membangkitkan tentang isu mengenai bekalan air batu untuk menyimpan hasil laut yang tidak mencukupi pada bulan Ogos, September dan juga Oktober. Ianya disebabkan hasil laut pada bulan itu meningkat 3 kali ganda daripada kebiasaannya. Saya juga telah dimaklumkan bahawa NEKMAT Kuantan telah menghasilkan pengeluaran air batu tersebut dan dari rekod hasil jualan air batu mereka sering mengalami kerugian lebih kurang RM400 setahun. Di sini saya ingin mencadangkan jabatan yang berkaitan memberi peluang membuka tender kepada syarikat lain supaya memastikan nelayan mendapat bekalan air batu yang mencukupi pada musim tersebut dan agar kerajaan tidak mengalami kerugian.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Memang tidak dapat dinafikan gaya hidup yang sibuk dan tabiat pemakanan yang tidak sihat telah menjadi pembunuh senyap dalam kalangan yang tidak mengambil berat akan kesihatan jantung mereka. Dari sumber maklumat tentang kesihatan yang diperolehi, memaklumkan bahawa pembunuh utama adalah penyakit jantung. Purata keseluruhan ramai pesakit yang perlu mendapatkan rawatan jantung setiap hari… setiap tahun dan di kawasan pantai timur kira-kiranya lebih kurang 1,500 kes yang terlibat. Di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk menubuhkan satu Pusat Jantung Pantai Timur di sekitar Kuantan supaya para pesakit yang berdekatan di negeri-negeri Pantai Timur tidak perlu bergerak jauh ke IJN, Institut Jantung Negara Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Dari susulan mesyuarat bersama PAC yang lepas, saya telah difahamkan kebanyakan jabatan kerajaan tidak dapat memberi hasil mutu kerja yang berkualiti dan ianya mungkin disebabkan oleh kekurangan tenaga pegawai di jabatan-jabatan tertentu. Oleh itu saya mewakili Ahli Jawatankuasa PAC mencadangkan kepada pihak kerajaan dapat menambahkan bilangan pegawai yang berkualiti supaya segala siasatan dapat diselesaikan dengan sempurna dan menjamin mutu kerja yang baik di jabatan-jabatan kerja kerajaan berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua

Menunjukkan kenyataan dari Majlis Perbandaran Kuantan yang mengeluarkan notis pada 5 haribulan November 2019, di mana pihak MPK membatalkan potongan 75% diskaun lesen iklan berlampu dalam kawalan kawasan MPK. Alasannya dari hasil

pemantauan pihak MPK mendapati lebih kurang 80% premis perniagaan mengambil kesempatan di atas diskaun tersebut tetapi tidak mematuhi syarat bagi menjalankan papan tanda premis perniagaan tersebut pada waktu yang ditetapkan oleh MPK dan diaba… diibaratkan seperti peribahasa yang berbunyi "kerana nila setitik, habis susu sebelanga" dan disebabkan premis lain tidak mengikut peraturan, semua lain yang turut kena akibatnya. Di sini saya mohon agar pihak MPK dapat mengemukakan angka hasil pemantauan yang dikatakan tidak mengikut sistem er… dan saya berharap pihak berkenaan dapat mengkaji semula perkara ini untuk kebaikan semua, dengan itu terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Teruntum.

YB. ENCIK WOO CHEE WAN

Salam sejahtera (berdehem) *sorry*… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kerana diberi peluang ucap di Dewan Yang Mulia ini. Bekalan air bersih di negeri Pahang masih menjadi satu isu yang hangat yang belum diatasi. Air merupakan satu keperluan asas selain daripada makanan dan tempat kediaman. Oleh itu ia adalah sangat-sangat penting. Sehubungan itu, walaupun kita mempunyai 2 tasik semulajadi jadi yang besar iaitu Tasik Bera dan Tasik Chini serta dalam lingkungan Banjaran Titiwangsa, seharusnya bekalan air bersih tidak akan menjadi masalah tambahan pula kita mempunyai sungai yang paling panjang di Semenanjung Malaysia iaitu Sungai Pahang bahkan kita mampu menjual air kepada negeri Selangor.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan faktor-faktor yang disebut tadi, sepatutnya negeri Pahang ini tidak kurang sumber airnya. Jadi dimana letak masalahnya? Adakah terdapat banyak paip bocor yang mengakibatkan bekalan air tidak kesampaian ke rumah kediaman? Kemungkinan besar paip bocor ini tidak dikesan. Dalam kawasan saya, taman seperti di villa di Taman Bukit Bendera, Taman Mentakab dan Taman KSM khasnya rumah yang berkedudukan tinggi mengalami gangguan air. Pada hari siang bekalan air langsung tiada. Bekalan air hanya ada pada tengah malam, itupun bukan semestinya kadang-kala… kadang-kala terputus juga. Secara… secara langsung kehidupan mereka diganggu dan juga emosi dan kesihatan mereka akan terjejas. Banyak aduan telah dibuat dan PAIP juga diberi kerjasama secukupnya tetapi masalah masih belum diatasi sampai masa kini. Saya sebagai wakil penduduk di kawasan ini merayu pihak berkenaan dapat menyelesaikan isu ini dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada masalah bekalan air…

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Boleh saya er… sikit beri maklumbalas tentang apa yang dibangkitkan oleh Wakil daripada Mentakab. Wakil daripada Mentakab er… berkongsi faktor er… sumber air yang ada di Pahang, kita ada 2 tasik, kita ada sungai panjang tetapi ada satu perkara atau satu faktor lain yang harus kita kira. Dahulunya masalah air Yang Berhormat, memang bukan masalah yang besar kepada penduduk dunia, lebih-lebih lagi negeri

Pahang kerana… sebab itu ada pepatah melayu mengatakan "sambil menyelam boleh minum air". Tetapi hari ini Yang Berhormat, air yang di… apa… diletak di atas meja pun adakalanya kita kena fikir banyak kali adakah air itu bersih dan selamat untuk diminum? Jadi untuk mengatasi masalah ini sebenarnya kos untuk kita memproses air ataupun merawat air daripada air mentah sampailah kepada air yang boleh kita minum dengan selamat ini semakin besar. Satu perkara ringkas Yang Berhormat, untuk saya kongsikan adalah istilah ekonomi *softskill* ataupun ekonomi bidangan. Jadi kalau meniaga punya orang YB, dia… dia mudah fahamlah. Pasal apa Yang Berhormat kerana kita di Pahang ini bagi setiap 1 kilometer perkhidmatan bekalan air disampaikan, kita hanya ada 124 akaun ataupun rumah ataupun kedai ataupun kilang maknanya akaun pengguna ya.

Berbanding dengan beberapa negeri di Malaysia ini, kita jatuh nombor yang paling corot dari segi bilangan akaun per kilometer berbanding dengan Pulau Pinang Yang Berhormat ya. Di Pulau Pinang 1 kilometer ada 385 akaun, di negeri Pahang 1 kilometer Yang Berhormat ya, 124. Jadi di negeri Pahang ini Yang Berhormat er… tadi… ber… hari semalam pun Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menjelaskan bahawa operasi kita menyampaikan perkhidmatan bekalan air negeri Pahang ini PAIP terpaksa menanggung kerugian RM23 juta sebulan kerugiannya ya. Sebahagian besarnya adalah untuk kos *pumping* sebahagian besarnya dan sebahagian besarnya juga adalah untuk kita mengatasi masalah kebocoran dan sebagainya.

Jadi kalau tadi Yang Berhormat bila saya sebut 385 ke atas itu maksud Yang Berhormat kepadatannya sangat tinggi dan kita negeri Pahang akaun-akaun kita adalah banyaknya domestik, yang mana puratanya pengguna membayar pada… pada kadar er… RM15.00, RM25.00, RM35.00 itu puratanya sebulan. Berbanding dengan kalau kita ada banyak akaun-akaun yang apa… apa pemegang akaunnya terdiri daripada peniaga, kedai-kedai, pekilang, itu memberikan hasil yang lebih banyak. Jadi ringkasnya kalau kita boleh faham ekonomi *softskill* itulah masalah yang terpaksa dihadapi oleh er… Pengurusan PAIP Pahang dan hari ini juga ingin saya berkongsi dengan Dewan kita telah er… berunding ataupun er… diminta berunding oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk mengkaji balik tarif air di negeri Pahang ini. Ini bukan kita suka-suka tapi sampai masanya ada kemungkinan kita terpaksa menaikkan tarif air ini ya. Jadi itu sahaja er… buat sementara silakan teruskan Yang Berhormat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, sila teruskan.

YB. ENCIK WOO CHEE WAN

Terima kasih penjelasan daripada pihak Kerajaan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah bekalan air, rumah terbiar dan tanah terbiar dekat kawasan perumahan juga merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh penduduk. Kerajaan perlu menetapkan satu peraturan yang baru dan ketat untuk memastikan tuan tanah menjaga kebersihan tanah milik mereka supaya tidak akan membawa pelbagai masalah kepada penduduk disekitarnya. Banyak aduan yang saya terima tentang rumah dan tanah terbiar menjadikan kawasan habitat haiwan termasuk ular, monyet, biawak dan tikus. Saya pernah menerima kes-kes monyet masuk ke rumah kediaman mencari makanan, menyelongkar tong sampah mengakibatkan sampah bertaburan. Selain daripada itu kadang kala monyet menjadi ganas dan cuba menyerang penduduk. Nasib baik tiada kes kecederaan berlaku. Terdapat satu kes

dimana rumah terbiar di Taman Lincang telah menjadi belukar. Beberapa… beberapa kali aduan sudah dibuat kepada MPT tetapi kes ini belum diselesaikan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Difahamkan bahawa, semua *signboard* atau papan tanda iklan hendaklah mempunyai tulisan jawi mulai 1 hari bulan Januari 2020 di negeri Pahang. Banyak pandangan dan pendapat telah saya terima dari peniaga ataupun pe… pekedai. Mereka berpendapat bahawa kalau boleh janganlah… janganlah laksanakannya atau memberi kelonggaran. Lebih-lebih lagi dengan ekonomi yang tidak begitu baik masa kini. Justeru itu saya merajuk… merayu pihak kerajaan supaya dapat mempertimbangkan pandangan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Negeri Pahang merupakan negeri yang paling banyak dikunjung pelancong di Malaysia pada tahun 2018, syabas dan tahniah diucapkan. Tambahan pula pada tahun ini muncul satu destinasi baru iaitu Titik Tengah Semenanjung yang menelan perbelanjaan RM11.78 juta di daerah Temerloh. Pastinya tempat ini akan menjadi satu tarikan baru dan harap-harap dapat memberi kesan positif kepada penduduk berhampiran. Menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020 ini saya berharap negeri Pahang dapat mengekalkan sebagai negeri yang paling diminati dan dikunjungi pelancong sama ada… sama ada dari rakyat Malaysia sendiri mahupun pelancong dari luar negara.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga… juga ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak kerajaan kerana sudi memberi bantuan khas kewangan sebanyak RM750.00 kepada kesemua kakitangan kerajaan tanpa mengira gred. Bantuan khas ini tepat pada masanya. Sekian, terima kasih.

YB.YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Mentakab. Sila, Muadzam Shah.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Terima kasih Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin melafazkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, saya diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2020 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari semalam. Saya yakin bahawa dengan kewibawaan pentadbiran dan pengurusan di bawah Kerajaan Barisan Nasional yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Bajet kali ini menitikberatkan keseimbangan di antara keadaan ekonomi dan kesejahteraan rakyat selaras dengan *tagline* 'Maju Terus Pahang' dan 'Pahang 1st' sebagai cogan kata pemangkin yang menggambarkan negeri Pahang sentiasa berada teratas dalam aspek kemajuan dan kesejahteraan negeri sebagai agenda utama.

Bajet yang dibentangkan semalam juga telah memfokuskan kepada 3 strategi utama. Yang pertamanya melonjak ekonomi ke arah negara berdikari, yang keduanya

memperkasa perkhidmatan dan modal insan dan yang ketiganya mensejahterakan kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Kalau kita menyorot kembali Bajet 2019 yang dibentangkan pada tahun lepas, pihak Kerajaan menyediakan peruntukan berjumlah RM679.46 juta perbelanjaan mengurus dan RM98.05 juta untuk perbelanjaan pembangunan dan pada masa itu, Kerajaan dijangkakan mampu mengutip hasil sebanyak RM703.80 juta. Manakala pada tahun… manakala pada Bajet 2020 yang dibentangkan semalam, peruntukan telah meningkat kepada RM739.89 juta dan perbelanjaan mengurus er… untuk perbelanjaan mengurus, ini bererti peningkatan sebanyak RM60.43 juta dan RM120.75 juta bagi perbelanjaan pembangunan dan peningkatan sebanyak RM22.7 juta dan jangkaan… jangkaan hasil pendapatan negeri RM774.02 juta bererti peningkatan sebanyak RM40.22 juta.

Ini jelas membuktikan bahawa sekali lagi rakyat dikencing oleh Pakatan Harapan apabila menyatakan Kerajaan Negeri Pahang di bawah Kerajaan Barisan Nasional hanya mampu bertahan selama 3 bulan selepas pilihan raya 2018 sepertimana yang diungkapkan sahabat saya daripada Padang Tengku tadi.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan Exco, pegawai-pegawai kerajaan yang bekerja keras dan inisiatif yang dilakukan membawa pelaburan dalam sektor… pelbagai sektor seperti industri pelancongan, pertanian dan ternakan ke negeri Pahang, alhamdulillah.

Saya dan warga dalam DUN Muadzam Shah berdoa ke hadrat Illahi semoga Yang Amat Berhormat Menteri Besar diberi kesihatan dan kekuatan untuk terus menerajui Kerajaan Negeri Pahang dan mengucapkan terima kasih atas usaha membawa pelaburan berjumlah RM400 juta untuk membangunkan kawasan seluas 654 ekar di Muadzam Shah sebagai ladang solar. Saya percaya ini akan memberi peluang pekerjaan dan menggalakkan lagi sumber ekonomi kepada masyarakat Muadzam Shah dan sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Baru-baru ini rakyat di Muadzam Shah telah dikejutkan dengan berita tentang adanya hasrat pihak pengurusan Universiti Tenaga Nasional ataupun UNITEN untuk menutup Kampus Sultan Haji Ahmad Shah, Muadzam Shah. Sesungguhnya kewujutan… kewujudan UNITEN bukan sahaja menjadi obor penyinar dunia pendidikan setempat malahan dengan kapasiti yang mampu menempat… menempatkan seramai 4,000 pelajar terbukti telah berjaya menjadi salah satu perangsang ekonomi di Muadzam Shah selama 19 tahun sejak tahun 2000. Sehubungan dengan itu, warga Muadzam Shah meletak harapan tinggi dan yakin terhadap kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menangani isu ini dan memastikan UNITEN ini terus kekal di bumi Muadzam Shah walaupun jumlah pelajarnya hanya tinggal lebih kurang 1,000 lebih pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam Sidang Yang Mulia ini, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan pusat yang telah menyediakan kawasan Tanaman Kekal Pengeluaran

Makanan di Malaysia atau ringkasnya TKPM. Muadzam Shah juga tidak ketinggalan daripada menerima manfaat daripada projek ini dengan wujudnya kawasan TKPM seluas 173 hektar atau 427 ekar dan diusahakan oleh 27 orang peserta dengan tanaman nangka madu. Tetapi saya ucap terima kasih bukan kepada kerajaan yang ada sekarang ini tetapi ialah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang lalu.

Kerajaan hari ini… Tuan Yang di-Pertua, Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam telah memperuntukkan RM9.23 juta bagi sektor pertanian. Ini membuktikan pihak kerajaan melihat kepentingan pengeluaran bahan makanan untuk keperluan rakyat di negeri Pahang dan seterusnya menjadikan negeri Pahang sebagai pengeluar utama bahan makanan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin memaklumkan pada pertengahan bulan lepas, iaitu bertarikh 12, 13, 14, 15, 16 Oktober selama 5 hari berturut-turut, kawasan tanaman nangka madu ini telah dimusnahkan oleh serangan gajah liar sehingga mengakibatkan kerugian yang amat besar kepada para peserta. Saya sendiri telah turun padang melawat kawasan tersebut bersama Pegawai Pertanian Daerah Rompin untuk menyaksikan sendiri kesan serangan gajah liar tersebut. Untuk makluman Yang di-Pertua, sebelum ini pun berlaku serangan tetapi tidaklah seteruk pada tarikh tersebut.

Walau bagaimanapun, pada tahun ini serangan gajah ini membabitkan tanah apa… kawasan seluas 50 hektar ataupun 124 ekar dan membabitkan peserta yang terkena serangan gajah ini lebih kurang 15 peserta dan pokok tanaman yang… yang dikena serangan gajah ini di antara 3 hingga 6 tahun. Di mana kebanyakannya semua telah mengeluarkan hasil dan anggaran kerosakan untuk 5 hari itu sahaja lebih kurang RM7 juta dan satu jumlah yang besar dan saya baru dapat maklumat tadi… sebentar tadi daripada pihak Pegawai Pertanian Daerah Rompin, hari Sabtu baru ni pun er… masih lagi apa ini… diserang lagi gajah liar er… dan telah memusnahkan sebanyak 150 pokok.

Jadi, hasil lawatan daripada… hasil daripada lawatan kerja saya tersebut saya dapati antaranya punca-punca ialah parit gajah yang tidak diselenggarakan dengan baik dan tiduk… tidak mengikuti spesifikasi Jabatan PERHILITAN. Pagar gajah juga tidak diselenggara dan tidak berfungsi dan ada yang tidak berfungsi dan lebih serius lagi saya percaya gajah-gajah ini masuk adalah akibat daripada penebangan hutan yang telah menyebabkan gajah-gajah ini jadi gajah gelandangan. Kalau di bandar, orang gelandangan, di hutan gajah pula jadi gelandangan oleh kerana tidak ada tempat mereka untuk makan, gajah-gajah ini jadi dia musnahkan makanan di er… ladang-ladang apa ini… nangka madu ni.

Jadi, saya berharap perkara ini mendapat perhatian serius kerana ia menyebabkan pendapatan peserta terjejas menyebabkan kontrak pemasaran dengan pihak yang dijanjikan tidak dapat dipenuhi dan terbatal dan lebih menyedihkan lagi mereka ini semuanya membuat pinjaman ratusan ribu ringgit dengan pihak bank dan terpaksa membayar hutang, sedangkan pendapatan mereka dari ladang tersebut sudah tiada lagi dan nak menanamkan semula nangka-nangka ini memerlukan modal yang besar lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

Di kesempatan ini juga saya ingin menyampaikan suara dan keresahan tentang permasalahan pengguna jalan raya laluan Muadzam Shah ke persimpangan ke Leban

Chondong kerana jalan ini sudah terlalu lama tidak diselenggara secara menyeluruh. Kalau ada pun hanya secara tampalan-tampalan di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Sedangkan jalan ini adalah menjadi laluan utama daripada Pantai Barat ke Pantai Timur. Saya berharap rungutan rakyat ini mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menyentuh tentang prospek sektor pelancongan di negeri Pahang. Saya mengucapkan tahniah atas usaha barisan pihak kerajaan yang membawa Pahang sebagai negeri pelancongan. Walau bagaimanapun masih banyak lagi kawasan-kawasan yang ada potensi untuk diketengahkan sebab negeri Pahang ini luas. Banyak khazanah alam semula jadi yang boleh dijadikan tarikan pelancongan sepertimana yang sahabat daripada Beserah er... ucapkan tadi. Saya percaya kawasan-kawasan ini er... lebih cepat diketengahkan lagi sekiranya setiap daerah... setiap daerah ada unit-unit pelancongan dan tidak hanya bergantung kepada Perbadanan Bukit Fraser ataupun *Tourism* Pahang untuk mempromosikan kawasan-kawasan pelancongan.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya semua PBT, semua PBT perlu wujudkan unit-unit pelancongan di daerah-daerah masing-masing. Kecuali yang daerah yang sudah ada contohnya seperti di Kuantan. Dengan wujudnya unit-unit pelancongan ini maka bolehlah unit-unit ini mengumpul maklumat pelancongan, membantu memberi khidmat nasihat kepada pengusaha-pengusaha kecil di kawasan luar bandar dan seterusnya unit-unit ini dapatlah bekerjasama dengan Tourism Pahang untuk tujuan promosi dan seterusnya. Saya percaya bila banyak pusat pelancongan dibuka ianya juga akan meningkatkan hasil pendapatan PBT dan seterusnya kerajaan.

Akhir sekali, saya dengan penuh rasa sedar dan rasa bertanggungjawab bagi sama-sama membantu dalam memacu ekonomi Kerajaan Negeri. Dengan ini mohon menyokong. Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualakum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Muadzam Shah. Sila, Bukit Ibam yang terakhir pada petang ini.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan er... Rang Undang-undang Perbekalan dan Belajawan 2020 yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita pada hari semalam. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat kerana berjaya mengutip RM500... Kerajaan Negeri, mengutip RM588 juta er... pada 15 November 2019 iaitu 83% daripada sasaran yang saya yakin dengan kerjasama semua pihak er... sasaran RM703 juta er... 703.8 er... RM703.08 juta itu dan tercapai er... menjelang hujung tahun ini. Insya-Allah.

Saya ingin menegaskan bahawa, dalam apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya amat tertarik kepada er... pemulihan, pemuliharaan er... pemulihan hutan. Yang Amat Berhormat dan juga Tuan Yang di-Pertua dan sidang Dewan, hutan ini sangat penting sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh

Yang Amat Berhormat kita. Ia antaranya adalah sumber pendapatan bagi negara kita. Negara dan juga negeri Pahang khususnya. Jadi saya er... amat tertarik kerana hutan ini perlu dipelihara. Jadi saya tahu sumber pembalakan itu adalah penting bagi kita. Tetapi Yang Berhormat saya er... mencadangkan bahawa kita beri usaha untuk mengeluarkan balak sahaja. Tetapi bukan pemilikan tanah... bukan pemilikan tanah. Jadi dengan cara ini dapatlah kita memelihara hutan itu secara berterusan supaya di masa akan datang kalau sekiranya kita beri pemilikan tanah kepada mereka-mereka yang mendapat konsesi balak itu, dimasa akan datang tidak adalah hutan lagi. Sebab saya cukup yakin dan percaya, selepas mereka mendapat er... tanah ini, pemilikan tanah akan bertukar dengan ladang-ladang kelapa sawit dan juga lain-lain. Jadi kita tak tau anak-anak cucu cicit kita nanti tak kenal apa dia pokok balak yang yang nama kuing ker keruing ker, meranti. Hah, jadi itu sangat penting bagi kita.

Dan selain daripada itu juga, ia perlulah diberi perhatian berhubung dengan pembalakan ini yang penguatkuasaannya sangat perlu. Ia bukan lagi melibatkan er... sekali sekala tetapi perlulah dibuat secara berkala, dan berterusan kerana kita cukup yakin mereka-mereka yang berusaha untuk mengambil balak secara haram ini mempunyai strategi yang sangat er... kata orang sangat strategik untuk tahu bagaimanakah kita er... ketikanya er... mereka-mereka yang menjalankan er... memantau pembalakan ini, samada atau tidak atau operasi itu dilaksanakan atau tidak. Jadi yang paling penting kita... saya er... mengharapkan supaya ia tidak *leaking* lah er... operasi itu ke pengetahuan mereka. Ini sangat penting kerana saya menghadapi er... masalah yang sangat besar di DUN Bukit Ibam yang saya rasa cukup yakin dan percaya semua orang tau bahawa hutan simpan di er... Bukit Ibam ini sangat besar dan luas dan ia menjadi er... perhatian semua pihak.

Seterusnya saya ingin merakamkan ucapan tahniah juga kepada er... Yang Amat Berhormat kerana er... telah er... terima kasih juga kerana telah er... berusaha menubuhkan Unit Pembangunan Wanita yang ideanya kita er... dimaklumkan daripada Yang Berhormat Dato' Sri ADN Kuala Sentul. Tahniah. Dan saya percaya ini adalah dengan peruntukan RM140,000.00 setahun ya, er... jadi saya cukup yakin dan percaya ia mampu menjaga kebajikan er... kepada semua wanita-wanita bukan sahaja dari segi program-programnya tetapi yang lebih penting dan luas adalah kebajikan mereka yang sebahagian besarnya er... mungkin kita dapat hulurkan kepada ibu-ibu tunggal dan juga wanita-wanita muda kita yang menjalankan perniagaan-perniagaan mereka er... secara kecil-kecilan. Dan ini sangat penting kerana mereka ini adalah sebahagian besarnya penjana ekonomi kita terutamanya di saat ini, Yang Amat Berhormat.

Seterusnya er... saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih er... kepada er... Yang Amat Berhormat kerana telah membawa pelaburan Syarikat Zhong Hai Resources Group dengan peruntukan RM400 juta sebagaimana yang dimaklumkan oleh rakan saya daripada Muadzam Shah iaitu meliputi 654 hektar er... dia sebenarnya bersebelahan sahaja dengan DN saya di Bukit Ibam. Jadi harapan saya dengan adanya ladang solar ini maka ia dapat melimpahkan er... nikmatnya kepada penduduk khususnya di Bukit Ibam terutamanya di kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli. Sebagaimana yang terdahulu, saya pernah maklumkan bahawa antara kawasan-kawasan Orang Asli yang tidak ada er... bekalan apinya setelah sekian lama adalah Kampung Melangkap Dalam. Jadi harapan saya setelah dekat ini, itu tidak lagilah jadi igauan er... bagi semua Wakil-wakil Rakyat bagi DUN Bukit Ibam hinggalah ke saya. Itulah harapan saya. Insya-Allah.

Dari segi pelancongan saya ingin er... menyentuh er... pelancongan ini juga melibatkan er... kata pulangan yang kita dapat terima daripada Kerajaan. Dan saya

mengharapkan supaya pulangan itu dapat kita perluaskan lagi ke kawasan-kawasan lain. Kalau sebelum ini kita dah tau dah selalunya bila sebut untuk peruntukan pelancongan ini akan meliputi pelancongan di daerah-daerah yang telah dikenalpasti. Pulau Tioman, er... Cameron Highlands dan juga tempat-tempat lain tetapi perlu sebagaimana rakan saya juga sebut, perlulah kita er... teruskan er... peruntukan yang telah kita dapat itu.

Baru-baru ini saya telah diberi peluang, terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Kuala Sentul untuk mewakili beliau ke mesyuarat er... Mesyuarat Pelancongan dan juga warisan, Kebudayaan dan Warisan di Putrajaya. Dan saya dapati di situ, setiap negeri yang er... yang ada dalam itu, mereka menyediakan satu er... tempat iaitu setiap pintu masuk er... ke negeri itu, mereka bangunkan, mereka bangunkan supaya ia menjadi satu apabila orang masuk sahaja di situ dah tau dah ini kawasan negeri masing-masing dan mereka menyediakan segala kemudahan bagi pelancongan di setiap pintu masuk itu.

Jadi setidak-tidaknya kita ada pintu masuk yang utama kalau dari Kuala Lumpur ke Bentong memanglah tiada siapa yang tahu di situ ada Janda Baik, di situ semua ada, kalau dari Terengganu kita ada Beserah kita ada semua. Tetapi pintu masuk daripada kawasan Negeri Sembilan, untuk masuk ke kawasan saya juga di Muadzam Shah, kita tiada apa-apa di situ. Tidak ada tanda… mercu tanda untuk kita jadikan satu tarikan bagi pelancongan. Begitu juga dari Segamat melalui Selancar. Jadi saya mengharap setidak-tidaknya menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2020 dan juga Tahun Melawat Pahang ini kita bina lah…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang di-Pertua mohon laluan. Saya nak tanya ADN Ibam, Tasik Biru berada di kawasan DUN Ibam?

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Ya

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Adakah dia berpontensi untuk dijadikan kawasan pelancongan?

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Ya. Saya… terima kasih YB. Tioman, selain daripada itu itulah yang telah dimaklumkan dulu saya pernah bercakap tempat-tempat lain iaitu antaranya Tasik Biru, saya terima kasih Dato' Sri kerana memberi *highlights* kepada Tasik Biru ini.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Minta laluan sedikit Yang di-Pertua,

Mengantuk sikit ni. Jadi saya… itu yang saya nak memaklumkan di Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri sekarang ini hasil daripada lawatan misi perdagangan ke Singapura dan pertemuan saya dengan Menteri Luar Singapura Doktor Vivian, dua kali. Antara yang dibangkitkan oleh beliau ialah untuk penduduk Singapura, pelabur-pelabur untuk datang ke negeri Pahang ini. Mereka kata selama ini mereka melalui Kuala Lumpur pergi Pulau Pinang dan

sebagainya tetapi mereka berminat untuk datang ke Pahang, tetapi masalah apa ni perjalanan. Selain daripada kita sedang berusaha mendapatkan Beibu Airlines, InsyaAllah SS, Dato' Sri Setiausaha Kerajaan akan pergi berbincang dengan CEO Beibu Gulf Airlines ini. Mereka juga telah membangkitkan soal *connectivity,* jalan darat daripada Singapura ke Kuantan dan semalam kita ada berbincang, benda ini masih peringkat awal lagi dan kita telah berbincang beberapa opsyen lah. Sama ada kita nak upgrade jalan sekarang ini, kita buat lebarkan dan sebagainya masih belum diputuskan. Cuma saya nak bagitau di dewan yang mulia ini bahawa, usaha-usaha untuk menaiktaraf kawasan di sebelah Rompin, Bukit Ibam ini sedang diusahakan dan menjadi masalahnya sebab jalan tu tak berapa elok, itu menyebabkan orang kurang sikit nak datang ke sebelah sana dan banyak ke sebelah sini. Jadi jangan bimbang sangatlah tapi bukanlah maknanya yang dirancang pada hari ini akan dapat dibuat dalam masa sehari dua, dia mengambil masa setahun dua tahun ataupun tiga tahun, yang penting perkara ini ada dalam pengetahuan Kerajaan Negeri. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Itu antaranya lah yang saya sebenarnya yang saya nak *highlight*kan tapi Yang Amat Berhormat dah maklum terima kasih banyak-banyak tetapi oleh kerana itu antaranya ialah kita telah mendapat daripada domestik sahaja 9.2 juta. Jadi itu dia daripada di sini saya ingat domestik ini ialah mereka tidak naik kapal terbang pun, itu yang banyak. Tetapi apapun saya perlukan… apa yang diperlukan ialah kawasan untuk kita menyediakan tempat pelancongan itu dan juga hentian bagi mereka antara Segamat di Selancar ke Kuantan dan juga daripada Negeri Sembilan iaitu di Serting melalui Bukit Ibam.

Jadi saya mengharapkan kita ada satu kawasan rehat di situ supaya dapat dibina kerana ia bukan sahaja melibatkan keadaan yang kata orang tidak selesa, seperti yang mana Yang Amat Berhormat maklumkan tadi jalan yang tidak elok, tetapi juga keselamatan laluan di situ. Iaitu kita dapati di situ gerai-gerai yang dibina di tepi jalan ini tidak mencerminkan dan tidak menarik hati pelancong-pelancong kita. Jadi harapan saya sekiranya kita ada lebihan peruntukan daripada pelancongan ini, bolehlah kita bina di situ gerai-gerai yang kata orang seragam, sama ada melalui PBT kita ataupun lain-lain agensi kerajaan yang boleh untuk membantu dalam usaha kita menyediakan satu tempat dan prasarana yang betul selain daripada keselamatan pemandu-pemandu di sini. Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh berhubung kait tentang penubuhan daerah kecil Muadzam Shah.

Yang Amat Berhormat, saya sangat mengalu-alukan penubuhan ini tetapi kerana ia bukan sahaja memudahkan rakyat di dua DUN iaitu DUN Muadzam dan DUN Bukit Ibam tetapi juga ia melibatkan kos yang tinggi bagi mereka untuk berurus ke Rompin. Dan sehubungan dengan itu, penubuhan kecil daerah Muadzam Shah ini juga perlu dilihat berkaitan sama juga dengan masalah kesihatan. Jadi saya mengharapkan supaya kita Hospital Muadzam Shah… minta maaf yer YB. Muadzam, Hospital Muadzam itu di*upgrade* kerana dia adalah hospital yang telah lama, Dato' Sri…dia dah lama dan ia adalah menjadi kegunaan daripada dua DUN, DUN Ibam dan DUN Muadzam Shah dan mereka tidak ada… walaupun ada doktor pakar tetapi doktor pakar yang datang kata orang bukan berada dalam seminggu ada dua tiga kali datang, tetapi ia memberi satu impak yang agak negatif sikit kepada penduduk-penduduk kita kerana apabila tidak ada pakar mereka akan dihantar ke Segamat.

Kemudian kalau yang kritikal akan dihantar ke Segamat atau di Kuantan tetapi di Segamat… di Kuantan tidak begitu bermasalah. Apabila dirujuk ke Johor Baharu,

Hospital Johor Baharu, jadi ini menimbulkan satu masalah yang sangat besar bagi penduduk-penduduk di dua-dua DUN ini iaitu ia dengan kos yang sangat tinggi untuk mereka pergi ke Johor Baharu, jadi harapan saya supaya ia dapat dilaksanakan dan juga perlulah satu lagi melibatkan hemodialisis sebagaimana yang saya, saya mencadangkan supaya ia diadakan di Bandar Tun Razak.

Jadi berhubung dengan Bandar Tun Razak ini Yang Hormat Tuan Yang di-Pertua dan juga sidang dewan, kita kalau menyebut bandar ni di Pahang Tenggara ini iaitu penubuhan… kita lihat ia… orang akan melihat bandar ini. Tetapi di bandar di tempat saya ada Bandar Melati, ada Bandar Kota Shahbandar, ada Bandar Pewirajaya dan bandar-bandar Tun Razak. Bandar Tun Razak di Jengka, Yang Berhormat kita ya, bersyukur kerana bandar kita dia sampai takut bandar itu jadi terlebih bandar. Tetapi bandar di Tun Razak ini saya Yang Berhormat-Yang Berhormat dah sampai kan yang Yang Amat Berhormat dan sampai itu la yang bandar, di dewan itulah bandar, cantik itulah bandar.

Jadi harapan orang di situ supaya bandar itu dapat dikategorikan bandar, tak bandar besar, bandar kecil jadilah. Bukanlah mereka kata sebagai pekan koboi sahaja. Tapi kalau hari ini kita harapkan supaya pembangunan itu dapat di… kalau dilimpahkan rahmatnya ke Bandar Tun Razak sekali. Jadi disitulah bertumpunya generasi muda kita di Felda-felda, sebab dia meliputi di situ ada lima Felda di Bandar Tun Razak. Jadi Bandar Tun Razak di tengah-tengah dan juga kampung tradisional di situ. Seterusnya saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat dan juga Yayasan Pahang kerana terus membantu anak-anak murid kita dan juga rakyat kita di sini juga dalam menghadapi persiapan persekolahan anak-anak kita. Cuma harapan saya supaya kalau boleh ia dapat diawalkan, adalah lebih baik dalam bulan 12 ini Disember kerana kita hari itu buat bulan dalam bulan dah awal tahun jadi awal tahun ni persiapan telah disediakan jadi apapun terima kasih banyak-banyak, ini harapan-harapan ibu bapalah kalau boleh er… supaya ia dapat dipercepatkan itu lebih baik.

Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan er… yang tidak terhingga dan tahniah jugalah kerana er… Yang Amat Berhormat amat prihatin tentang er… sekolah-sekolah agama kita. Dan dengan elaun yang tinggi untuk guru-guru al-Quran di sekolah-sekolah agama. Tetapi apa yang perlu saya ingat ialah er… yang perlu saya peringatkan adalah kita perlu juga melihat sekolah-sekolah agama SAR KAFA. SAR KAFA ini kalau kita tengok Yang Amat Berhormat Tuan Yang di-Pertua juga ya, SAR KAFA kita ada juga sebahagiannya yang menumpang di sekolah tetapi ada juga yang dibangunkan secara er… kata orang persendirian, yang mendapat dana daripada derma-derma, sumbangan-sumbangan er… daripada masyarakat setempat dan SAR KAFA ini er… kalau kita tengok keadaannya amat memerlukan bantuan. Jadi harapan saya ianya dapat diberi perhatian dan saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana telah meluluskan permohonan saya untuk menda… memberikan sedikit sumbangan kepada SAR KAFA Keratong 4. Terima kasih banyak-banyak.

Berhubung dengan keselamatan dan er… ini bekalan air, saya ingin juga merakamkan ucapan terima kasih kepada er… PAIP yang begitu pantas mengambil inisiatif dan juga tindakan er… ketika kawasan saya menghadapi kriktikal air er… ketika itu yang mana kekeringan di Loji Kampung Rekoh. Dia kering betul Yang Amat Berhormat dan itulah saya rasa berkaitan juga tentang dengan hutan yang perlu kita jaga. Kerana Loji Kampung Rekoh itu memerlu… dia dapat daripada hujan yang daripada Sungai Pukin dan di situ kita dapati kurang dah er… hutannya. Jadi itulah antara impak yang kita… negatif yang kita dapat di sini.

Dan juga saya mengharapkan selain daripada itu perlulah pihak er… Tuan Yang di-Pertua, pihak PAIP melihat supaya kita tidak berlaku ketirisan er… air. Kalau boleh tengoklah mana yang perlu ditukar, tukarlah kalau tak dapat terus er… panjangnya pendek sikit-sikit pun jadilah sebab rakyat ini dia nak tengok benda itu buat. Er… dia besar mana pun dia tak kisah. Janji ada… ada perubahan dalam pentadbiran itu. Jadi er… saya juga melihat bahawa perlu ada perubahan kalau ini Loji Sungai Rekoh itu, Loji Air Rekoh itu menampung er… akaun yang sangat besar ya, hampir 2,000 akaun kita hari itu. Er… jadi dia… saya juga berharap kalau boleh kita asingkan er… di Perantau Damai. Perantau Damai bolehlah ke er… dia alihkan ke Kampung er… Gadak… Loji Gadak. Sebab Loji Gadak hanya menampung air di… untuk bandar Muadzam Shah dan juga Kedaik, sedangkan Loji Kampung Rekoh itu menampung yang begitu besar daripada Selancar… Gugusan Selancar sampailah ke Bandar Tun Razak meliputi Chanis juga er… dan juga er… Perantau Damai.

Itu harapan saya, apa-apa pun terima kasih er… kepada PAIP dan saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Guai kerana Kampung er… Kampung Keladan di Kampung Aur itu er… telah… [ketawa] Semua orang senyum saya asyik nak sebut Kampung Keladan je. Jadi Kampung Keladan setelah puluhan tahun er… tak ada air bersih daripada air paip, ada air bersih tetapi melalui air kesihatan tapi hari ini er… projek untuk Kampung air er… air Kampung Keladan itu telah dilaksanakan hanya er… Tuan Yang di-Pertua, ianya melalui Kampung Aur Sebelah er… Seberang. Kampung Aur Seberang pergi ke Kampung Keladan er… tetapi Kampung Aur Seberang itu tak dapat er… air ini, paip air.

Jadi kalau harapan saya Tuan Yang di-Pertua dan juga er… Yang Berhormat Guai er… saya cukup yakin dan percaya Yang Berhormat Guai mampu mengatasi masalah yang sikit je kan. Jadi nak lalu Sungai Aur tu pun dah lepas, jadi ini kira dah lepas ke er… Kampung Aur Seberang ini kira Alhamdulillah. Jadi sikit sahaja untuk er… sampai. Jadi orang Kampung Aur Seberang itu kata kenapa pula paip itu lalu kat kampung dia tapi dia tak dapat air, dapat kampung sebelah. Jadi ini er… saya percaya Yang Berhormat mampu mengatasi dan juga dengan bantuan er… tenaga muda daripada PAIP, kita mampu merealisasikan er… harapan puluhan tahun rakyat kita di situ.

Seterusnya, er… saya ingin merakamkan ucapan terima kasih juga er… kepada Yang Amat Berhormat kerana berhubung dengan polis tadi. Cuma Yang Amat Berhormat, saya mengharapkan kalau kita dah bagi peruntukan kepada polis ini, cuba kita tengok sikit tentang kedudukan kuarters-kuarters polis ini, ya. Jadi kalau ada er… sedikit lebihan-lebihan peruntukan kita itu, tengoklah kuarters-kuarters mereka sekali. Jadi mereka ini antaranya yang telah bekerja keras untuk memastikan keselamatan kita, kesejahteraan, keselesaan rakyat untuk tidur dengan lena. Tetapi kalau mereka sendiri kuartersnya tak berapa nak selesa, tentulah ini tak adil bagi kita. Jadi mereka ini tak kiralah kita panggil apa pun, siang malam pun dia datang meronda.

Jadi harapan saya itu kita perlukan perhatian kepada mereka. Begitu juga tentang keselamatan yang telah diperuntukkan yang er… Tuan Yang di-Pertua ya, iaitu berhubung dengan bomba. Jadi bomba ini saya nak maklumkan er… dia ada di Muadzam Shah sahaja. Di Muadzam Shah sahaja ada bomba dan balai bomba di Muadzam Shah itu meliputi er… bukan sahaja untuk Muadzam Shah yang luas tetapi meliputi DUN Bukit Ibam. Jadi satu kawasan yang luas, yang sangat er… kecil dia punya apa ini… dan jauh kedudukannya. Maknanya kalau bahasa orang tempat saya itu nak menyampai kalau dah terbakar ini, kalau nak menyampaikan itu rentung je, ya dah rentung baru bomba boleh sampai. Jadi untuk pengetahuan dia sudah ada tapak bomba yang telah disediakan dan yang telah diwartakan di situ, dah ada pun tapak itu. Hanya perlukan bajet sahaja untuk er… kita melaksanakannya. Jadi harapan saya

supaya dia ada di Bandar Tun Razak. Bila di Bandar Tun Razak dia berada tengah-tengah antara er… Selancar… DUN di bawah DUN Muadzam Shah dan juga DUN Bukit Ibam iaitu dia berada di er… boleh meliputi dua-dua DUN ini. Itu harapan saya supaya dan juga harapan semua untuk ia menjadi satu kenyataan bagi penduduk di dua DUN ini. Seterusnya Yang Berhormat saya juga er… Tuan Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Panjang lagi Yang Berhormat?

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Er… ada masa lagi ke?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa ada tapi satu minit sahaja.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Sedikit sahaja lagi. Satu je. [ketawa] Ya Berhubung dengan er… TNB. TNB ini, saya er… saya memang menghadapi satu kata orang kena kaji betul-betul la kan, selama setahun ini iaitu berhubung dengan er… Simpang Kota Bahagia. Simpang Kota Bahagia er… nak keluar ke dulu Lebuh Raya Kuantan-Segamat, dinamakan Lebuh Raya Tun Abdul Razak mula-mula dulu. Er… mula-mula dulu itulah lebuh raya paling besarnya, jadi kebanggaan kita orang. Tapi hari ini er… lebuh raya itu namanya simpang itu tidak lagi er… apinya tak menyala sangat dah lama dah. Jadi kalau kita tak perasan kalau orang tak biasa, orang yang luar kalau mengikut daripada er… lalu daripada Bera, jalan dalam Bera itu ke Bandar Melati dan melalui Simpang Kota Bahagia itu, kalau mereka tak biasa mereka akan terus sahaja ke depan. Sebab gelap gelita di simpang itu. Sedangkan simpang itu boleh pergi ke Segamat dan juga ke Muadzam Shah dan ke Kuantan.

Jadi harapan saya supaya pihak-pihak yang berkenaan ini sebenarnya dia menjadi satu macam er… pertelingkahan orang ini kata PBT, orang ini kata JKR. Jadi harapan saya sesiapa yang bertanggungjawab tentang… [ketawa] tentang lampu di Simpang Kota Bahagia itu, harap dapatlah ditengok. Itulah harapan saya Yang Amat Berhormat, sekali lagi saya mengucapkan tahniah atas apa yang telah Yang Amat Berhormat laksanakan sepanjang tempoh ini dan harapan saya semuanya akan dapat melimpah rahmat-Nya pada seluruh rakyat di negeri Pahang ini. Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong er… Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Bukit Ibam. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada hari ini seramai 14 orang telah mengambil bahagian. Kita berharap pada hari besok ada beberapa orang lagi Ahli Yang Berhormat akan mengambil bahagian. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menempohkan persidangan kita pada petang ini dan persidangan kita akan disambung semula pada hari esok, Rabu jam 9.30 pagi. Persidangan ditempohkan.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 5.11 petang*]

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14

HARI KE-3
20 NOVEMBER 2019 (RABU)

KANDUNGAN

HARI KE-3: 20 NOVEMBER 2019 (RABU)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	1
4	SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2020) 2019 DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2020	18

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Ke-3 : 20 November 2019 (Rabu)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, - **Tioman**
SSAP., DIMP., PPA.
Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-BadanBukan Kerajaan

Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli**	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi dan Multimedia**	-	**Bebar**
Yang Berhormat Encik Abd Rahim bin Muda, AMP., PKC. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan**	-	**Lepar**
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	-	**Dong**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun, SSAP., DIMP., SMP.	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP., SMP	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	-	**Muadzam Shah**

Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Tras**
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Bilut**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	-	**Ketari**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman, AAP.

Encik Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff@Ahmat, AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli.
Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah,
DSAP., DIMP. - **Pulau Tawar**
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna

Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung - **Semambu**

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan

Hari Rabu	:	20 November 2019
Bersamaan	:	23 Rabiulawal 1441 Hijrah
Masa	:	9.30 Pagi

Bacaan Doa

DOA

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah (bacaan al-Quran). [Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagian meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin Ya Rabbal alamin.

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Pertama: Pertanyaan dan Jawapan

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi.

Ahli-ahli Yang Amat Berhormat sekalian, Alhamdulillah, marilah kita mengangkat setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT pada pagi ini kita masih lagi dikurniakan kesihatan yang baik, dan dapat bersama-sama hadir untuk kita meneruskan persidangan pada pagi ini. Baiklah, untuk sebagaimana biasa untuk urusan mesyuarat pada pagi ini soalan dan jawapan, saya menjemput Wakil dari Damak. Ya, sila.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

[Ayat al-Quran]. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua soalan saya nombor 1.

> [Mohon penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai cadangan penanaman Agro (Ladang Hutan) Lot PT 9965 milik MENTIGA CORP di Kampung Batu Balai Mukim Ulu Cheka yang berisiko memberi ancaman kepada sumber air utama penduduk?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

[Ayat al-Quran]. Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Er… soalan nombor satu. Sememangnya pihak Mentiga Corporation ya, sedang… pihak Mentiga Corp. sedang menunggu iaitu untuk mendapatkan ulasan daripada Jabatan Parit dan Saliran, begitu juga EIA, untuk mendapatkan kelulusan EIA. Jika sekiranya kita meneruskan usaha untuk kita menanam iaitu ladang hutan. Jadi sekarang ini, sekiranya tanah tersebut lebih daripada er... jumlah yang tertentu, maka kita perlu mendapatkan er... EIA ataupun daripada Jabatan Alam Sekitar. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kepada soalan seterusnya saya menjemput Wakil dari Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kemukakan soalan 2.

> [Sila senaraikan jenis bantuan Kerajaan Negeri untuk membantu ibu tunggal di Pahang.]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk menjawab soalan 2, er... jenis bantuan untuk membantu ibu tunggal ini memang tidak ada bantuan yang khusus ataupun peruntukan khas bagi golongan ibu tunggal. Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa kerjasama baik dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat mahupun er… pihak zakat ya, bagi golongan ibu tunggal miskin Muslim untuk kita sama-sama membantu mereka menyalurkan bantuan.

Dan kita juga berkerjasama erat dengan NGO yang menjaga hal ehwal ibu tunggal di negeri Pahang ini iaitu Persatuan Kebajikan Ibu Tunggal Malaysia Cawangan Pahang. Jadi, er... dan kita juga membantu secara tidak langsung er... anak-anak er… ibu tunggal yang memerlukan bantuan dari segi pelajaran melalui Yayasan Pahang.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan. Okay, adakah ada program-program yang meningkatkan ekonomi untuk ibu tunggal ini supaya mereka tidak hanya bergantung kepada bantuan seperti JKM, zakat dan juga Persatuan Ibu Tunggal ini?

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Ada. Banyak sekali sebenarnya program-program yang dianjurkan er... mengikut persatuan yang saya sebutkan tadi dan juga JKM sendiri ada menganjurkan program-program. Er... Jabatan Pertanian juga ada ya. Banyak agensi-agensi yang menjalankan program bersama dengan ibu tunggal untuk menaikkan er… ataupun meningkatkan taraf ekonomi ibu-ibu tunggal ini.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik. Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikutnya. Saya jemput Wakil dari Tanjung Lumpur.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3.

[Mohon jawapan dari pihak kerajaan perkara demam denggi.

a) Mohon pihak kerajaan kemukakan jumlah keseluruhan di negeri Pahang yang telah menghidapi demam denggi, berapa jumlah kematian dan kritikal 2019.

b) Nyatakan juga daerah/kampung/taman/kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan yang paling ramai dihinggapi demam denggi.

c) Apakah tindakan dan perancangan pihak kerajaan untuk menangani masalah kawasan kritikal pembiakan nyamuk Aedes?]

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Waalaikumusalam WBT. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Tanjung Lumpur. Iaitu berkaitan dengan status er… denggi yang berlaku di negeri Pahang. Soalan daripada Tanjung Lumpur sebenarnya bukan satu, tiga. Yang pertama apakah statusnya? Yang kedua di manakah tempat berlakunya? Dan yang ketiga apakah tindakannya daripada Jabatan Kesihatan Negeri Pahang.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sememangnya Kerajaan Negeri merasa sedih dan dukacita di mana situasi apa, denggi ini pada tahun ini agak meningkat jika dibandingkan dengan tahun 2018. 2018 kita hanya memiliki 765 kes. Namun pada tahun ini meningkat kepada 2,093 kes. 67 daripadanya kes kritikal dan 8 daripadanya kes membawa kepada kematian.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Memanglah keadaan ini er... menjadi satu sikap yang serius oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pahang dan juga beberapa tindakan telah diambil. Lokasi-lokasi pun telah dikenal pasti seumpamanya di Taman Balok Pine, di Kuantan terdapat 32 kes. Taman Pelindung Damai, Kuantan 31 kes. Taman Seri Mahkota Jaya Utara, Kuantan 27 kes,

Taman Temerloh Jaya, Temerloh 25 kes, Taman Bukit Rangin, Kuantan, 23 kes, Flat Kampung Pak Mahat, Kuantan 22 kes, Taman Gali Tengah, Raub 18 kes, Kampung FELDA Bukit Goh Kuantan 18 kes, FELDA Jengka 12 Jerantut 15 kes, Bangunan LKNP Bandar Baru Chenor, Maran 14 kes dan kesemua inilah yang kita dapat menghasilkan jumlah seperti yang saya sebutkan di awal tadi.

Er...Bagi pihak Jabatan Kesihatan telah berusaha segigih mungkin dan juga Kerajaan Negeri juga berusaha membantu melalui NGO-NGO untuk bekerjasama memastikan kempen-kempen ke taman-taman, ke kampung-kampung, ke kawasan-kawasan perumahan, kesedaran kepada masyarakat-masyarakat setempat betapa kesihatan perlu dijaga dan juga kebersihan perlu di... apa, ambil berat.

Namun demikian, perkara ini agak sukar untuk mendapat kesedaran orang ramai dan kita memerlukan bantuan semua pihak sama ada rakan-rakan ADN sendiri dan juga badan-badan yang terdapat di taman-taman sama ada KRT, MPKK, JKK er...pihak masjid dan sebagainya dan juga apa sahaja NGO untuk sama-sama menggemblengkan tenaga, sebagaimana yang telah kita maklumkan seperti kempen-kempen, gotong-royong dan juga er... apa namanya rumah ke rumah.

Dalam waktu yang sama kita mengadakan aktiviti er... Kempen Cari Dan Musnah tempat pembiakan nyamuk aedes er... bersama penduduk setempat dan juga ianya bertujuan untuk membersihkan lokasi-lokasi yang terdapat kawasan pembiakan nyamuk aedes ini. Dalam waktu yang sama jika seandainya kempen telah diberikan, kesedaran telah di apa er... di.. er... sampaikan kepada orang ramai dan juga gotong-royong telah dilaksanakan, masih lagi juga berlaku maka sudah tentulah pihak berkuasa akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya sama ada er... penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 dilaksanakan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila Wakil Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya ada soalan tambahan kepada pihak kerajaan. Er... daripada senarai yang disebutkan tadi, kebanyakannya adalah daripada kawasan saya Balok Pine, Pelindung dan sebagainya. Memang diakui pada tahun ini er... kawasan Beserah ada beberapa isu ataupun kes berkaitan dengan denggi. Namun kita ucap terima kasih kepada Jabatan Kesihatan, Kuantan terutama sekali yang telah berusaha keras untuk membenteras dan juga mempastikan denggi ini tidak terus menjadi satu wabak. Namun apa yang perlu kita lihat dan pihak kerajaan rasanya perlu menilai keadaan, ada tiga keadaan. Yang pertama, dari sudut pendidikan kesedaran di peringkat sekolah lagi. Yang kedua, penglibatan penduduk setempat.

Apabila gotong-royong dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan dan juga KRT atau MPK… MPKK dan sebagainya, didapati penduduk setempat kurang cakna ataupun kurang mengambil penyertaan. Menjadikan agensi lebih ramai daripada penduduk setempat. Dan ini merupakan satu kegagalan apabila kita tidak mampu memberikan kesedaran kepada penduduk setempat mengambil tindakan proaktif membantu.

Yang ketiga adalah dari sudut prasarana itu sendiri. Kebanyakan kawasan-kawasan yang dilanda ataupun wabak denggi ini kawasan yang perumahan lama. Yang telah

lama, yang mana longkangnya telah pecah, tersumbat, kawasan er… jalannya juga berlubang, berlopak dan boleh jadi kawasan takungan, menjadi tempat pembuangan dan sebagainya.

Jadi kalau sekiranya pihak kerajaan boleh mengatasi kemudahan prasarana ini dengan lebih baik dan menyediakan kawasan yang, yang sesuai untuk pembuangan sampah dan sebagainya, maka saya rasa dia boleh memberi… membantu mengurangkan kebarangkalian untuk berlakunya wabak denggi ini. Tapi yang paling penting kesedaran penduduk setempat agensi atau institusi surau, masjid perlu memainkan peranan penting untuk beri kesedaran terutama sekali orang Islam, tentang menjaga dan memelihara persekitaran dan juga, dan juga kesihatan ini. Kita harap para pengkuliah diberikan slot untuk dalam sudut kesihatan dan kesedaran menjaga kebersihan. Terima kasih.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya bagi pihak kerajaan mengalu-alukan pandangan daripada rakan saya daripada Beserah yang memang benar terkadangkala masyarakat setempat ini agak sukar bila ajak keluar bergotong-royong. Mungkin dia bimbang tangan mereka kotor, tetapi dia tidak takut mereka akan dijangkiti oleh penyakit yang boleh menyebabkan mereka musnah dan binasa. Ini sudah tentu perlu kepada kita semua berganding bahu. Saya tidak akan apa… menyangkal cadangan daripada rakan saya Beserah untuk memasukkan dalam teks-teks khutbah Jumaat supaya kesedaran ini dibangkitkan supaya orang sedar mesti menjaga kebersihan.

Dan ini juga telah terkadangkala telah disebutkan konsep annazafah di dalam apa khutbah itu sendiri. Namun demikian kita yakin juga bukan saja di masjid-masjid, di tempat-tempat ibadat yang bukan Islam juga perlu berperanan. Sebab yang pengotornya ini bukan, bukan sahaja orang-orang yang Islam, yang bukan Islam kadang-kadang ada juga pengotor, lebih habat lagi kadang-kadang tu Dato' Yang di-Pertua.

Jadi benda ini perlu diambil tindakan yang bersama dan juga perlu apa… bersepadu setiap pihak supaya janganlah kotor sangat, apa… air bertakung, tempat berniaga makan minum tu tak bersih, tempat penyembelihan tak bersih. Benda ni memang betul sangatlah, saya bersetuju rakan saya daripada Beserah dan insya-Allah kita akan ambik cakna. Begitu jugalah soal pendidikan. Kita yakin perkara ini melalui Yayasan Pahang, kita bolehlah sedikit sebanyak memberikan pandangan tapi melalui Jabatan Pelajaran kita akan suarakan perkara ini di Kementerian Pelajaran supaya hal-hal perkara ini dipertingkatkan lagi, diperhebatkan lagi untuk kesedaran orang ramai. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Sila, soalan berikutnya, okay Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon kemukakan soalan 4.

> [Terdapat 3 jambatan di jalan persekutuan 10 (dari Triang ke Mengkuang), salah satunya di Paya Lang telah dinaik taraf, dan dua lagi masih sempit dan

merbahaya. Sila nyatakan rancangan kerajaan untuk menaik taraf dan melebarkan dua jambatan tersebut demi memelihara keselamatan jalan raya.]

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Wakil daripada Triang bertanyakan mengenai projek naik taraf jambatan di Jalan FT 10 iaitu Jalan Temerloh-Gemas. Terima kasih Triang. Untuk er… makluman Triang dan juga Sidang Dewan, sebenarnya di kawasan yang dimaksudkan oleh Triang ni ada 3 jambatan yang agak sempit yang dibina mengikut spesifikasi lama.

Untuk makluman Triang, cadangan untuk menaiktaraf ini telah lama dipohon, sebelum ini kita ada 3 dan sebenarnya 1 daripadanya telah dinaiktaraf. Yang belum dinaiktaraf adalah Seksyen 90.6 dan 90.4. Cadangan untuk naiktaraf ini telah diangkat dalam Rancangan Malaysia Ke-11 tetapi peruntukan masih belum diluluskan dan kita sekali lagi akan mengangkat cadangan ini untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Yang Berhormat. Soalan berikutnya saya jemput Wakil dari Sabai.

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Dato' Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 5.

[Isu peranan kerajaan negeri dalam pembangunan masyarakat Orang Asal.

(a) Apakah sumbangan kerajaan negeri kepada JAKOA?

(b) Apakah projek-projek yang dirancang untuk menangani isu rumah PPRT/Rumah Mesra Rakyat yang amat terhad untuk menyelesaikan masalah Orang Asal yang masih tidak mempunyai rumah sesuai untuk diduduki?]

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, yang memberi laluan kepada saya bagi menjawab pertanyaan daripada Ahli Sabai berkenaan peranan Kerajaan Negeri dalam pembangunan masyarakat Orang Asli dan tajuk kecilnya, ataupun soalannya, apakah sumbangan Kerajaan Negeri kepada JAKOA?

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang sentiasa bekerjasama dan menyokong penuh segala usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi menjaga kebajikan ramai lebih kurang 89,375 Orang Asli di Negeri Pahang. Ini dibuktikan melalui kerjasama, usaha dan kejayaan bersama antara Kerajaan Negeri dan pihak JAKOA dalam projek pembangunan infrasosial. Antaranya Program Bantuan Rumah iaitu bina baru dan juga baik pulih, menyedia… penyediaan kemudahan asas, iaitu Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Keduanya, bagi pewartaan Tanah Rizab Orang Asli seluas 7,156 hektar telah pun diwartakan. Manakala 8,571 hektar dalam proses pewartaan. Bagi mempercepatkan lagi proses ini, pihak Kerajaan Negeri ketika ini sedang meneliti cadangan untuk mewartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965. Sebelum ini ianya di bawah Seksyen 6 & 7 Akta Orang Asli 1954.

Ketiganya, Kerajaan Negeri juga pada April 2019 telah menubuhkan Unit Hal Ehwal Orang Asli di bawah Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan dan isu-isu berkaitan Orang Asli dalam negeri Pahang. Unit ini selain melaporkan dari masa ke semasa secara terus kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ia juga melaporkan segala perancangan dan isu-isu berkaitan Orang Asli di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang.

Bagi soalan kedua mengenai projek-projek yang dirancang untuk menangani isu Rumah PPRT, Rumah Mesra Rakyat yang amat terhad untuk menyelesaikan masalah Orang Asal ataupun Asli, yang masih tidak mempunyai rumah sesuai untuk diduduki. Bagi Program Rumah Mesra Rakyat dan PPRT yang diwujud… diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai rumah tetapi mempunyai tanah sendiri untuk membina rumah. Program ini dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad yang memproses daripada peringkat permohonan sehinggalah rumah atau projek itu siap.

Keduanya, bagi menyelesaikan masalah rumah Orang Asli yang masih tidak mempunyai rumah, Jabatan Kemajuan Orang Asli mempunyai projek pembangunan yang menyediakan tempat kediaman bagi penempatan Orang Asli. Ini berpandukan kepada peruntukan ini jika ada. Secara umum, pembinaan rumah PPRT untuk masyarakat Orang Asli akan disalurkan mengikut keperluan dan keutamaan kepada golongan miskin tegar, mudah miskin, miskin, ibu tunggal, bilangan tanggungan dan tahap sosioekonomi.

Bagi menangani isu permintaan perumahan Orang Asli, JAKOA berpandangan juga merancang seperti berikut; Mohon pertambahan peruntukan yang sedia ada perlu ditingkatkan. Kadang-kadang walaupun kita dengar kerajaan meluluskan sebanyak 100 biji rumah untuk Orang Asli, tetapi ianya sebenarnya masih tidak cukup. Tetapi kalau saya ka… kaji seratus biji rumah ini dengan RM35,000.00 yang biasa. Kalau dalam hutan lagi mahal, mungkin meningkat sampai RM50,000.00 ianya telah melibatkan lebih kurang RM3.5 juta. Seratus biji sahaja, kalau nak dua ratus biji, tiga ratus biji kalilah. Jadi ianya… kita merancanglah mencadang untuk menambah ini peruntukan ini bagi keselesaaan Orang Asli.

Keduanya, membuat pendekatan kolaborasi *Corporate Social Responsibility* ataupun *CSR* dengan agensi-agensi berkepentingan seperti pihak TNB, JKR dan sebagainya. Ini termasuklah projek-projek khas perpindahan penduduk kampung. Dan ketiganya meningkatkan sumber ekonomi Orang Asli yang berkemampuan untuk membina rumah sendiri yang selesa seperti melibatkan dalam bidang keusahawanan dan juga perladangan ataupun pertanian. Sekian terima kasih Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua,

Saya mengamati jawapan yang diberikan oleh pihak Kerajaan tadi. Saya mendapati bahawa perkara-perkara yang dia sebut adalah perkara-perkara berkaitan perumahan, kebajikan dan sebagainya. Tapi perkara yang berlaku kebelakangan ini ialah berkenaan dengan terabainya anak-anak Orang Asli di sekolah. Er…. saya dimaklumkan bahawa anak-anak Orang Asli sama ada sekolah menengah ataupun sekolah rendah. Kami telah… selah… telah tidak mendapat apa-apa bantuan daripada pihak Kerajaan.

Jadi adakah er…. pendidikan ini di luar bidang tanggungjawab Kerajaan Negeri er… yang menyebabkan kita tahu sekarang ini Kerajaan Pusat yang memerintah ialah Kerajaan Pakatan Harapan dan memang Ahli-ahli Yang er…. Wakil Rakyat daripada Kerajaan Negeri dilarang langsung ataupun mengambil tahu perkara berkaitan dengan sekolah. Tapi itulah aduan dan juga, dan juga laporan yang saya terima anak-anak terabai di dalam pendidikan. Sama ada dari segi penghantaran ke sekolah, tambang untuk bas, sama ada tinggal di asrama dan sebagainya. Mohon penjelasan.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebagaimana biasa sebelum pada ini, boleh dikatakan pendidikan masyarakat Orang Asli ini ditanggung 100% lah oleh Kerajaan yang putusnya Kerajaan Persekutuan di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli. Tetapi sejak kebelakangan ini, banyak peruntukan-peruntukan telah dipotong sebagaimana yang dibangkitkan oleh Pulau Manis. Baru-baru ini, pada tahun le… pada tahun ini peruntukan membawa anak-anak daripada kampung sekolah ini dipotong.

Jadi sebab itulah boleh kata ramai di antara anak-anak Orang Asli ini yang tak pergi sekolah. Mereka ini dahlah orang kata lemah sikit nak pergi sekolah, dengan memotong peruntukan itu, lagi ramailah anak-anak Orang Asli. Walau bagaimanapun kita telah pun berbincang berusaha er… untuk memastikan supaya pengangkutan anak-anak Orang Asli daripada kampung-kampung yang berdekatan itu diteruskan dan setakat ini berjalanlah sikit-sikit. Maknanya walaupun duit itu lambat dapat, tetapi ianya er… sikit-sikitlah kita mengatasi masalah ini. Itu sahaja Yang di-Pertua.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila Semantan.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Terima kasih Dato' Sri Pengerusi. Program er…. rumah PPRT ataupun Rumah Mesra Rakyat er…sekarang ini seperti tidak wujud lagi ya. Bukan sahaja soal perumahan, bahkan di kawasan saya ada dua penempatan Orang Asli yang paling kritikal adalah bekalan air di er…Kampung Paya Mengkuang dan er…. kita telah mencadangkan kepada PAIP agar dia dibina *booster* kerana kawasan itu melibatkan kawasan yang

tinggi dan er…. walaubagaimanapun alhamdulillahlah terima kasih kepada PAIP menyediakan *Septic Tank* untuk er…. bekalan air tetapi ianya begitu terhad. Soalan saya, apakah usaha pihak Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini? Terima kasih.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih Wakil daripada Kuala Semantan. Mengenai masalah air er…mungkin ianya mungkin masalah-masalah setempat yang tertentulah. Saya tak pastilah Kuala Semantan ini sama ada di kalangan perkampungan masyarakat Orang Asli yang di mana kemudahan itu di… di… diberi oleh pihak PAIP. Ada juga… kebanyakan perkampungan Orang Asli ini kita tidak menggunakan perkhidmatan ini… PAIP ini.

Kita menggunakan air bersih yang dibiayai oleh kesihatan tapi bukan air bersih, air bukit dia panggil. Jadi maksud Kuala Semantan mungkin ia menggunakan perkhidmatan PAIP. Memang pada hari ini sedikit sebanyak masalah PAIP ini tidak dapat ini membekalkan dengan pelbagai apa ini masalah. Sebagaimana kekurangan bekalan kepada penduduk-penduduk setempat ini.

Jadi ianya berpandu pada er…. kes-kes tertentu, kes-kes tertentu. Macam di Kuala Semantan ini mungkin ada Loji Rawatan Air ataupun tangki yang tidak mencukupi yang bagi menyampaikan kepada penduduk setempat. Jadi ini terpulang cara kepada pihak PAIP sama ada nak menambah tangki ataupun nak menambah *booster* kan. Ianya berpandu kepada itu laporan daripada yang ini…pengadu-pengadu yang ini setempat. Dia *general*, umum yang tadi. Itu sahaja, terima kasih**.**

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Soalan tambahan satu lagi. Ya. Saya ini.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Semantan, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas nak tambah.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada Semantan. Saya ingin menambah sikit apa yang telah dijelaskan oleh er… Wakil Kerajaan yang bertanggungjawab ke atas Pembangunan Luar Bandar. Kawasan yang dimaksudkan oleh Kuala Semantan tadi adalah satu kawasan perkampungan yang agak *remote*, dengan izin jauh sedikit. Yang ini jugalah perkara Dato' Sri Yang di-Pertua, saya cuba jelaskan semalam kepada Mentakab. Isunya *Economic Softskill. J*adi untuk makluman Sidang Dewan, bagi bekalan air luar bandar, maknanya untuk menghantar air ke pedalaman seperti kampung-kampung Orang Asli dan kampung-kampung pedalaman er… pembangunannya disediakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar ataupun sebelum ini Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW).

Pada dasarnya sememangnya er…. Kerajaan Persekutuan memberikan satu peruntukan yang besar er… untuk menyediakan perkhidmatan bekalan air ini dan kita sangat hargai. Tapi walau bagaimanapun modal, modal apa ini perkhidmatan bekalan

yang kita buat itu. Dia bu… dia bersifat apa satu er… *network* ataupun jaringan yang sangat besar. Maksudnya dalam erti kata lain er… dengan bilangan pengguna yang kecil ataupun akaun pengguna kecil dengan pelaburan yang besar, kos penyelenggaraan yang… yang juga besar, maka ini yang, masalah ini menyebabkan perniagaan PAIP tidak mendapat pulangan modal. Bukannya tidak mendapat keuntungan, tidak mendapat pulangan modal.

Jadi kalau kita nak fikirkan Dato' Sri Yang di-Pertua, kos untuk meneruskan… menguruskan air di Pahang ini, kos untuk memba... membayar pemba... pembaca meter pun bagi setiap meter itu sangat besar. Kerana apa, satu kilometer itu ada 124 buah rumah sahaja. Jadi untuk mengira 124 buah rumah ataupun kedai ini mengambil masa yang panjang. Sedangkankan kalau di kawasan-kawasan bandar yang ber... yang penduduknya berkepadatan tinggi er…. mungkin kalau kondominium ataupun apartmen yang tinggi, Dato' Sri Yang di-Pertua, dia baca meter dibawah sahaja.

Jadi dalam segala hal sebenarnya, kos untuk kita menguruskan kos air di Pahang ini sangat tinggi. Kaitannya Dato' Sri Yang di-Pertua, kita sepertimana mana yang saya sebutkan masih dalam proses perundingan diperingkat akhir untuk menandatangani perjanjian pengstrukturan semula perkhidmatan bekalan air ini. Dua perkara yang menjadi er…. pertimbangan pokok kita adalah pertamanya, berapa banyak persekutuan boleh mengurangkan apa… satu jumlah yang disifatkan sebagai hutang? Hutang itu yang macam tadilah. Nak menyambungkan paip daripada Temerloh, Seberang Temerloh tu sampai Cherok Puting sampai ke Kampung Pangkuan Ladang. Itu sebagai contoh ya, sangat besar.

Jadi sebenarnya bukannya… kita nak cakapkan ketidakcekapan pekerja PAIP itu tetapi perlaburannya sangat besar, kos operasi sangat besar. Jadi kita berharap er…. jumlah-jumlah perbelanjaan seumpama ini yang disifatkan sebagai hutang oleh Kerajaan Persekutuan ini, bolehlah dihapus kira dengan kadar yang lebih besar. Jika idak, jika tidak maka selepas daripada ini, perkhidmatan bekalan air Pahang ataupun PAIP ini akan terpaksalah menaikkan sa… tarif air ni ke satu tahap yang lebih tinggi untuk menampung kos-kos operasi ini. Inilah dilema yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Pahang Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada EXCO Luar Bandar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya Semantan ada..? Jelas ya. Terima kasih kita beralih kepada soalan berikut. Jemput Wakil dari Tras.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya. Saya mengemukakan soalan nombor enam.

[Sila nyatakan kawasan yang diliputi oleh UniFI setakat hari ini di daerah Raub.]

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Tras kerana telah mengemukakan soalan. Yang pertamanya, soalannya berbunyi; sila nyatakan kawasan yang diliputi oleh UniFI setakat ini di daerah Raub? Er… sehingga bulan September tahun ini, perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi atau UniFI yang disediakan oleh Telekom Malaysia Berhad telah meliputi hampir 53% di kawasan berpenduduk di daerah Raub.

Di antara kawasan-kawasan itu adalah, yang pertama SK Raub, Taman Amalina Lestari, Kampung Sempalit, Rumah Murah Sempalit, Taman Emas Sempalit, Taman Sempalit Aman, Taman Sempalit Baru, Taman Sempalit Indah, Taman Sempalit Jaya, Taman Sri Raub, Kampung Sempang Baru, Taman Mutiara, Sekolah Kebangsaan Chung Ching, Sekolah Kebangsaan Methodist, Pusat Perdagangan Raub, Taman Sentosa, Taman Amalina Saujana, Taman Impian Villa, Pusat Perniagaan Raub, Taman Bukit Idaman, Perniagaan Inderapura, Masjid Abu Bakar, Taman Bestari, Taman Intan, Taman Mewah, Taman Permai, Taman Raub Jaya Dua, Lima dan Enam, Taman Seri Wawasan dan Taman Wawasan. Walau bagaimanapun, setakat ini hanya 40% sahaja kadar langganan yang disewa daripada Unifi ini. Sekian.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tahu, sebenarnya ada berapa kontraktor yang pasang ini UNIFI di daerah Raub ataupun di Pahang? Sekian, terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Er… setakat ini bilangan kontraktor, sejumlah bilangan kontraktor tidak dapat kita berikan secara terperincilah dan jawapan tersebut akan kita berikan secara bertulis.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Bertulis Yang Berhormat ya. Baik, soalan berikutnya saya jemput Wakil dari Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Hormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 7.

[Pusat jualan gajet dan peralatan teknologi maklumat (IT) MARA Digital Mall di Plaza Gambut Kuantan.

a) Bilakah pusat berkenaan beroperasi secara rasmi dan bilakah ianya ditutup? Apakah faktor pusat jualan gajet itu ditutup?

b) Apakah pihak kerajaan mempunyai perancangan lain untuk 'menghidupkan' semula pusat berkenaan pada masa akan datang? Apakah rancangan itu?

c) Berapakah kerugian yang dialami bermula dari pusat tersebut beroperasi sehingga ianya ditutup?]

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Okay, Kerajaan.

YB. ENCIK ABD. RAHIM BIN MUDA

[Ayat al-Quran] [Berdehem]. Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dimuliakan, saya menjawab bagi er…er… Pulau Tawar.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan.

YB. ENCIK ABD. RAHIM BIN MUDA

Er…Pulau Tawar dia tak berapa sihat sikit pagi ini. Sebelum saya menjawab soalan ini, saya ingin menerangkan sedikit sebanyak berkaitan dengan keadaan ekonomi semasalah. Sejak PRU-14, saya rasa tak ada cerita yang…adalah cerita yang baik tapi dari segi ekonomi ini saya rasa merudum ya. Huru-hara. Er… beberapa industri er… saya rasa dah hampir…kalau tak bankrap pun, mungkin perniagaan tidak berapa menggalakkan, dari segi perniagaan yang tidak menguntungkan, harga barang meningkat sedangkan kos kehidupan pun juga makin meningkat. Cuma yang turunnya saya rasa harga minyak sawit, tak habis-habis lagi ini, hujan yang turun ya. Jadi jawapan saya ini berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Teruntum ya.

MARA Digital Mall kalau ikut pada rekod yang saya dapat ini. MARA Digital Mall Kuantan ini, tak sampai dua tahun telah berkubur ya. Inilah kata, bila… setelah PRU 14 kebanyakan bisnes, saya pun dapat aduan juga sebagai EXCO er… berkaitan dengan… Kerajaan Tempatan dapat aduan perniagaan yang tidak memberangsangkan ketika ini. Mungkin salah satu faktor yang menyebabkan MARA Digital Mall. Kalau ikut di… beroperasi 1 November 2017 dan ditutup secara rasminya pada 1 Jun 2019. Tak sampai dua tahun ya. Baru nak merangkak dah tutup. Jadi beberapa faktor yang menyumbang kepada masalah er… penutupan Digital Mall MARA di Jalan Gambut ini.

Pertama faktor pasaran industri ICT yang menguncup memberi kesan kepada MARA Digital. Seperti sedia maklum, platform pembelian atas talian yang tersedia seperti LAZADA, Shopee, Mudah.com dan sebagainya telah mengubah corak pembelian pengguna. Ini beberapa faktor yang menyumbang kepada penutupan MARA Digital Mall di Kuantan. Tempat lain saya tak berapa pasti ya. Yang kedua, pemain industri ICT iaitu Celcom, Digi, Maxis, U Mobile, UniFI dan lain-lain membuat penawaran langsung kepada pengguna dengan menawarkan pakej istimewa terus kepada pengguna sama ada secara *online* ataupun *offline*. *Offline* ini menjual di kedai-kedailah, dan yang ketiganya pembekal utama dalam industri ICT yang memberikan harga kompetitif kepada pembekal langsung ataupun *direct dealer* dengan menawarkan produk secara terus atas talian memberikan persaingan yang begitu sengit. Yang keempatnya adalah pasaran semasa ICT yang mengikut musim dan *trend* ini telah mengubah minat dan gelagat pembeli yang memberi kesan kepada status terkini MARA Digital.

Saya dah rujuk beberapa artikel sebenarnya pembelian dalam talian ini lebih kurang dalam 20–30% sahaja. Tidak melibatkan sampai angka yang besar dan sikit sebanyak ini memberi kesan sebenarnya. Kalau MARA Digital Mall di…di Kuala Lumpur ya, Jalan Tuanku Abdul Rahman, dia ada kedai Ustaz. Ya memang *very*… memang popularlah ya. Tapi mungkin faktor-faktor yang telah dinyatakan er…mungkin menyebabkan perniagaan ICT ini yang MARA Digital Mall ini er… menyebabkan tidak boleh nak dengan izin, *survival.* Menyebabkan menjejaskan apa ini… perniagaan dan sebagainya.

Tapi sebaliknya apabila kita merujuk kepada syarikat-syarikat yang lain yang berada di Kuala Lumpur, mereka masih terus berkembang ya…berkembang dan meninggalkan MARA ini. Ini satu perkara yang patut pihak Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab pada MARA untuk memastikan peniaga-peniaga dibawah MARA

ini perlu diberikan perhatian dan dapat bersaing dengan peniaga-peniaga lain yang lebih maju dan lebih ke depan berbanding dengan peniaga-peniaga di MARA.

Soalan yang kedua berkaitan dengan apakah kerajaan mempunyai perancangan untuk 'menghidupkan'? Seperti sedia maklumkan, MARA ini bawah Kerajaan Persekutuan bukan bawah Kerajaan Negeri. Mungkin Kerajaan Negeri ini boleh *facilitate,* dengan izin, membantu peniaga-peniaga untuk er… berniaga bagi meneruskan perniagaan mereka dan pihak MARA akan membuat satu kajian, analisa berkemungkinan ataupun *feasibility study,* dengan izin, bagi memastikan ianya dapat memberi manfaat kepada usahawan-usahawan ICT yang terlibat ya.

Saya rasa kalau pasaran melalui *online* lebih menjadi pilihan kepada pengguna dan MARA pun harus jugalah bersaing dengan menggunakan kaedah yang sama untuk menarik 20 atau 30 peratus pasaran jualan melalui *online*.

Dan bagi menjawab soalan yang ketiga, berapakah kerugian yang dialami bermula dari pusat tersebut beroperasi sehingga ianya ditutup? Er... MARA Digital adalah kedai konsep di bawah program MARA. Kerugian adalah atas jumlah tunggakan sewa yang gagal dibayar. Ini adalah apabila perniagaan tidak dapat dijalankan dengan baik, pendapatan tidak… tidak dijana dengan baik menyebabkan tunggakan sewaan dan ini boleh menjejaskan peniaga-peniaga. Itulah beberapa soalan yang dikemukakan oleh Sim dan saya nak tutup ni satu pantun ringkas je.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Berhormat, okay.

YB. ENCIK ABD. RAHIM BIN MUDA

Sayur kailan er… [Ketawa] lupa dah. [Ahli Dewan ketawa]. Sayur kailan, biji selasih, sekian, terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Jawab pantun? YB. nak jawab?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Er… bukan…bukan. Nak Tanya soalan lagi.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Soalan lagi? Tapi Yang Berhormat, ini Yang Berhormat Wakil Kerajaannya mewakili… mewakili Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, mungkin saya ingat cukuplah ya kerana Pengerusi tak… nak jawab pantun ke nak soalan tambahan. Tak payah Yang Berhormat ya. *Next time* lah. Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah soalan terakhir kita. Saya jemput Wakil dari Panching.

YB. ENCIK MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya memohon untuk mengemukakan soalan nombor 8.

[Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Sungai Pandan,

a) Apakah status bagi baki-baki rumah yang terbiar?
- adakah akan dibaik pulih atau dibina baru?

b) Berapa bilangan rumah yang masih dibuka untuk dimohon.]

YB. ENCIK ABD. RAHIM BIN MUDA

[Ayat al-Quran]. Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian. Bagi soalan yang dikemukakan oleh Ahli daripada Panching. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan sebenarnya saya dan Panching dan beberapa agensi termasuk MPK, JKR, JPS, Bahagian Perumahan SUK telah membuat lawatan pada… tak silap saya bulan tujuh tahun ini er… sebagaimana perkara yang dibangkitkan oleh Panching ya. Sehingga kini masih terdapat 1,200 unit buah rumah yang rosak dan masih belum dibaiki di PKR Sungai Pandan, di mana 800 nya adalah telah mula diduduki dan kita ada lagi kekosongan ya… di kawasan P… P…PAKR Pandan ini.

Untuk makluman pihak Kerajaan Negeri telah menerima er… permohonan daripada beberapa syarikat untuk membaik pulih rumah yang terbengkalai ini sebanyak 1,200 unit yang terbengkalainya hampir… hampir 20 tahun ya. Dah ditenggelami banjir saya ingat tahun paling teruk pada tahun 2013 ya 2014, 2013 dan 2014 di kawasan ini dan hasil daripada lawatan er… pegawai-pegawai yang terlibat, agensi-agensi yang terlibat telah membuat er… keputusan bahawa er… 1,200 unit rumah ni yang ma… yang masih terbengkalai ini tidak sesuai lagi di… di… dibaiki kerana faktor-faktor kerosakan dalaman ataupun kerosakan luaran terutamanya yang melibatkan kerosakan di bawah er… tanah ya, sistem perpa… apa ini pembentungan, sistem er… perpaipan dan sebagainya.

Jadi Kerajaan Negeri telah menimbangkan untuk supaya er… pembaikan 1,200 unit rumah ini diberhentikan dan ada cadangan juga daripada pihak Kerajaan Negeri untuk membina baru kawasan ini terutama kawasan ini adalah melibat… terlibat dengan kawasan yang sensitif dengan banjir ya. Belakang itu Sungai Pandan sahaja dan jadi apabila musim beginilah boleh menyumbang kepada risiko dan untuk mengelakkan er… keselamatan apabila dibaiki diduduk nanti boleh menjejaskan pengguna, jadi Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk err… membangunkan semula kawasan ini dengan… dengan apa ni konsep dan matlamat yang samalah. Saya ingat itulah sahaja. Sekian.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tanjung Lumpur, sila.

TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Kalau kita lihat di Negeri Pahang ini ada beberapa kuarters lah JKR ke kuarters guru dan sebagainya yang kita lihat terbiar, terbengkalai dan sebagainya. Adakah pihak Kerajaan Negeri er… bercadang untuk baik pulih rumah ini dan kemudian dijadikan sebagai Rumah PAKR, PPRT dan sebagainya yang saya kira terbiar begitu, begitu

membazir seperti di Rompin itu, beberapa tingkat. Jadi minta penjelasan daripada pihak Kerajaan.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih YB. er… Tanjung Lumpur. Sebenarnya pihak Kerajaan Negeri sekarang ini sedang merangka satu konsep perumahan baru dikenali sebagai Rumah Penjawat Awam Pahang ya. Er… Rumah Penjawat Awam Pahang ini yang kita bukan *rebranding,* sebab saya difahamkan Kerajaan Persekutuan dah tak ada program lagi dah rumah untuk Penjawat Awam. Jadi sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang bertanggung jawab kepada kakitangan awam, sepertimana yang telah diumumkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar er… Jelai, telah memberi peruntukan bagi Penjawat Awam dengan memberi peruntukan sebanyak RM750 untuk pembukaan sekolah, jadi Kerajaan Negeri juga memandang bahawa Rumah Penjawat Awam ini perlu ya.

Jadi kita telah mengenal pasti beberapa lokasi di bandar untuk membina Rumah Penjawat Awam er… mungkin pada tahun hadapan er… dengan mengambil alih kuarters-kuarters kerajaan yang terbengkalai er… seperti Kuarters Pejabat Tanah, Pejabat Hutan er… dan sebagainya yang terletak di bawah milik Kerajaan Negeri. Manakala bagi kuarters-kuarters yang terbengkalai saya difahamkan yang paling banyak kuarters guru ya betul Tanjung Lumpur, ya? Kuarters guru bukan sahaja di Kuantan di tempat-tempat yang lain saya rasa tetapi ianya di bawah tanah di bawah Kerajaan Persekutuan. Jadi kita tak… tak boleh nak baik pulihlah ya. Itu tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Tetapi kuarters-kuarters terbengkalai di bawah Kerajaan Negeri yang ini kita akan usahakan untuk membina rumah-rumah Penjawat Awam manakala untuk er… Rumah Murah ini memang kita ada sebagai mana saya ingat dimaklumkan oleh Jelai, Yang Amat Berhormat Menteri Besar peruntukan daripada Tabung Perumahan Rakyat yang telah kita usahakan kita akan membantu walaupun sedikit… er… peruntukan ini kecil. Bila kita hasil kecil kita akan membaiki secara kecil-kecil lah, jumlah yang banyak nanti insya-Allah, kita akan bangunkan dan er… kita juga memohon supaya pihak Kerajaan Persekutuan juga membantu ya.

Saya difahamkan setelah mesyuarat dengan er… pihak Kementerian, masalah utama adalah masalah kekurangan dana peruntukan. Ini banyak dapat aduanlah terutamanya seperti rumah syarikat er… Rumah Mesra Rakyat SPNB yang banyak geran telah diserahkan tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana masalah kewangan. Inilah saya katakan tadi, keadaan ekonomi yang merudum menjejaskan kesejahteraan rakyatlah. Itu sahaja. Sekian terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. ENCIK MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Yang Di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. ENCIK MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Saya mohon soalan tambahan. Daripada 800 er… rumah yang boleh diduduki ini, saya lihat ada beberapa banyak lagi bilangan rumah yang er… belum er… siap sedia untuk dimasuki dan masalah *wiring,* pintu sehinggakan er… rumah-rumah tadi menjadi tempat untuk budak-budak penagih dadah dan sebagainya. Itu yang pertama, dan apakah tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut kerana kita lihat bagaimana banyaknya permintaan-permintaan daripada golongan berpendapatan sangat rendah ya terhadap er… rumah kos rendah ini?

Yang kedua, kepada pemilik-pemilik yang tidak er… mampu bayar dan saya rasa er… saya pun banyak terima aduan juga daripada pemilik ini. Apakah tindakan Kerajaan dan apakah er… Kerajaan akan er… menghalau mereka keluar dan seandai Kerajaan menghalau mereka keluar adakah Kerajaan akan segera menggantikan er… dengan pemilik yang baru.

Yang ketiganya, berkenaan dengan 1,200 er… biji rumah yang terbengkalai yang saya kira satu kerugian besar sebenarnya bagi Kerajaan dan juga bagi rakyat yang kita lihat hari ini, cadangan Kerajaan untuk membina rumah er… PR1MA dan juga Rumah Makmur sangat baik tetapi Rumah Kos Rendah yang menjadi er… impian juga sebenarnya bagi golongan pendapatan rendah ini untuk duduki er… kalau dapat di… dikaji semula mungkin ada mana-mana syarikat yang sanggup untuk mengeluarkan kos seluruhnya dan er… Kerajaan Negeri hanya er… apa memberi milikan semuanya diuruskan oleh er… *developer* dan juga pihak bank. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih er… Panching. Saya rangkumlah jawapan ketiga-tiga soalan tadi berkaitan dengan baki yang ada setakat ini kita ada 800 unit dan kita masih ada lagi pemohon yang memohon rumah di PKR Pandan ini. Er… masalah yang kita hadapi sebagaimana yang diterangkan oleh Panching tadi, masalah tunggakan bayaran.

Setakat pada ini satu Pahang yang tak pasti di Panching, tetapi satu Pahang ini kita hampir RM9 juta tertunggak. Masalah ba… er… tunggakan bayaran ini adalah sebenarnya sikap ya. Pegawai-pegawai saya dah datang melawat, kita bagi notis tetapi kita tak pernah halau seperti negeri di utara itu lah menghalau mereka yang tak bayar ini. Kita tak pernah halau. Kita bagi notis sepuluh kali notis pun ada ya. Er… bila kita tengok di rumah kereta ada dua, Astro saya tak tahulah ada piring Astro itu, makna dia berkemampuan sebenarnya tetapi masalah kita, kita Kerajaan yang berhemah kita bagi nasihat bayar.

Ada satu kes daripada mula sewa tak pernah bayar hampir RM26,000.00. Bila keluar notis, telefon saya… saya kata okay bayarlah. Kita bagi kelonggaran dia boleh bayar. Kita ugutlah sikit, ugut je, tapi tidak lah sampai nak menghalau kat jalan tidur, kat jalan tidur kat KOMTAR dan sebagainya. Adalah satu tempat tu di utara semenanjung (ketawa). Jadi er… kita akan usahakan supaya 1,200 unit ini akan diusahakan. Sebab tu kita memerlukan dana yang banyak anggaran saya rasa hampir RM50 juta untuk membaik pulih saya rasa dan kita perlu bekerjasama dengan pihak swasta.

Mana-mana syarikat swasta yang bersedia membantu untuk er… membantu rakyat sebenarnya dapat mengurangkan bebanan Kerajaan Negeri. Sebabnya tanggungjawab Rumah Rendah ini ataupun rakyat… rumah pendapatan rendah ini atau rumah murah adalah tanggung jawab Kerajaan Persekutuan ya sebenarnya. Kita

membantu menyediakan tanah dan sebagainya. Memang projek PKR Pandan adalah projek Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri cuma menyediakan tanah.

Dari segi dana kita akan dapatkan. Er… mungkinlah kita ada kaedah kita sendiri untuk memenuhkan Tabung Perumahan Rakyat ini insya-Allah saya rasa kita cukup tabung ini kita akan membantu dan kita meminta jugalah supaya mereka yang liat membayar ini saya ingat YB. Panching sendiri boleh nasihat, keluar sikit dua, tiga hadislah saya rasa (ketawa) tazkirah supaya mereka sedar hutang kena bayar wajib dibayar dan bayaran ini adalah untuk kita membaik pulih. Kita anggarkan sebanyak 5,000 unit… RM5,000.00 untuk membaik pulih rumah yang sedia ada untuk diduduki melibatkan *wiring* dan sebagainya, ya. Jadi itu adalah bebanan yang Kerajaan Negeri tanggung. Insya-Allah kita akan usahakan supaya perkara ini dapat manfaat kepada kita semua. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat cukup dulu Yang Berhormat. Masa pun dah sampai untuk kita berehat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan Pertanyaan dan Jawapan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Wakil-wakil Kerajaan ya kerana suasana kita pada pagi ini berjalan dengan lancar dan begitu cepat sekali dengan penuh tertib. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan ini untuk kita minum pagi dan persidangan kita akan disambung semula pada pukul 11.00 pagi. Sebelum itu ada sedikit pesanan, Gunung Tahan Gunung Benom, lepas ini kita minum. (Ahli Dewan ketawa) Persidangan ditempohkan. Terima kasih.

[*Persidangan ditempohkan jam 10.21 pagi*]

[*Persidangan disambung semula*]

PERBAHASAN RANG UNDANG–UNDANG PERBEKALAN (2020) 2019 DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2020

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Sambungan perbahasan Rang Undang–undang Perbekalan (2020) 2019 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2020.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi di dalam perbahasan Rang Undang–undang Perbekalan (2020) 2019 dan usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2020. Rang Undang-undang dan Usul ini telah dibentang pada 18 November 2019 dan dibahas pada 19 November 2019 dan disambung semula pada hari ini.

Pada hari semalam seramai 14 Wakil-wakil telah mengambil bahagian. Saya bercadang untuk memberi peluang dan ruang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sehingga ke sesi petang ini bagi mengambil bahagian dalam perbahasan. Masa yang diberikan sepertimana biasa dalam tempoh 15 ke 18 minit. Baiklah, sekarang saya buka untuk perbahasan, sila Wakil daripada Damak.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan laluan kepada saya untuk memulakan bicara pada pagi ini. Saya mengucapkan jutaan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas pembentangan Belanjawan 2020 Negeri Pahang yang telah dibentangkan baru-baru ini. Meskipun media melaporkan keadaan ekonomi Malaysia kekal kukuh, namun realiti yang kita lihat ialah majoriti masyarakat dalam negara kita dan khususnya negeri Pahang berada dalam keadaan yang resah akibat daripada tertekan dengan kos sara hidup yang meningkat dan juga pendapatan rakyat yang berkurangan sama ada peniaga, penternak, petani, nelayan dan lain-lain.

Di samping itu, kenaikan cukai berlipat ganda juga memberikan impak negatif khususnya kepada rakyat-rakyat yang susah. Justeru, harapan saya agar Kerajaan Negeri benar-benar dapat menrealisasikan tiga fokus yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang iaitu yang pertama melonjakkan ekonomi ke arah negeri berdikari. Kedua, memperkasakan perkhidmatan dan modal insan dan yang ketiga mensejahterakan kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga mengajak agar kita sama-sama mewujudkan keharmonian kaum di dalam negara kita khususnya negeri Pahang. Kerana jika sebaliknya yang berlaku hasrat daripada belanjawan ini tidak akan berlaku. Mungkin akibat daripada diskriminasi ataupun perpecahbelahan yang berlaku di kalangan masyarakat kita. Justeru itu, perkara-perkara yang sensitif contohnya dalam isu agama, dalam isu yang berkaitan dengan istana dan seumpamanya tidak perlulah pihak kita masukkan dalam FB ataupun diucap di dalam ceramah-ceramah khususnya di kalangan pemimpin-pemimpin masyarakat.

Bagi kita umat Islam, Allah SWT telah memberikan panduan kepada kita. Jadi saya minta izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua untuk membacakan al-Quran.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

[Bacaan ayat al-Quran]. Yang bermaksud "Dan janganlah kamu memaki sembahan-sembahan yang mereka sembah selain daripada Allah SWT kerana mereka nanti akan memaki dan menghamun Allah Taala dengan melampaui batas tanpa pengetahuan, demikianlah kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka kemudian kepada tuhan mereka lah mereka akan kembali lalu dia memberitakan kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan".

Saya ingin mengingatkkan sebagai contoh, baru-baru ini ada pihak yang mempersendakan pakaian Tuan Guru Presiden Parti Islam Se-Malaysia iaitu memakai jubah dan serban. Bagi saya, pakaian ini bukan lah pakaian yang boleh dipolitikkan kerana bagi kami umat Islam ini adalah pakaian sunnah. Justeru itu, perkara-perkara seumpama ini tidak perlu kita sebut sama ada dalam ceramah politik baik bagi orang Islam ataupun yang bukan Islam supaya kita dapat hidup dalam keadaan yang harmoni.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam kesempatan ini saya ingin membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan pembangunan infrastruktur khususnya dalam DUN Damak. Antaranya ialah yang pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri secara khususnya kerana banyak pembangunan dan kemudahan yang telah disediakan dan saya juga sangat berterima kasih kerana urusan kami di Jerantut ini dipermudahkan dengan kerjasama daripada penjawat-penjawat awam di sana.

Jadi antara lain saya ingin mengesyorkan iaitu agar diwujudkan Pejabat Urusniaga Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun JPJ di daerah Jerantut. Kerana buat masa ini warga Jerantut berurusan di Jengka dan juga di Temerloh sedangkan Jerantut ini adalah negeri yang terluas dan banyak kawasan-kawasan pedalaman yang mana menyukarkan penduduk kampung untuk berurusan sekiranya tidak ada pejabat urusniaga Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun JPJ. Yang ada sekarang ialah Stesen Penguatkuasa JPJ Jerantut sahaja.

Kemudian, yang kedua saya ingin membangkitkan soal Hospital Jerantut. Walaupun ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, jadi saya harap Kerajaan Negeri dapat juga mengusahakan. Bukan untuk mewujudkan hospital baru tapi menaik taraf hospital yang sedia ada bagi memberikan keselesaan kepada penduduk setempat. Ini adalah kerana, 5 wad yang sedia ada hanya memuatkan 77 buah katil dan telah lama dan uzur dan tidak mampu menampung bilangan pesakit yang ramai dan keadaan wad yang tidak ber*aircond.* Jadi ini… kurang memberikan keselesaan lah kepada pesakit.

Saya dimaklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Bin Tun Abdul Razak, bekas Perdana Menteri pada 25 April 2018 telah melancarkan projek naik taraf Hospital Jerantut. Dengan penambahan 30 buah katil dan pembinaan bangunan tambahan Jabatan Kecemasan dan Trauma dengan kos keseluruhan projek

mencecah RM 35.8 juta. Jadi projek ini sebenarnya telah disambut baik oleh penduduk Jerantut kerana akan memberikan kemudahan kepada lebih kurang 92 ribu penduduk di Daerah Jerantut dan er… mengikut maklumat yang saya perolehi projek ini akan mula beroperasi pada 2020.

Namun demikian, sehingga ke hari ini kita tidak dapat menerima apa-apa khabar berita mengenai projek ini. Justeru itu, saya harap pihak Kerajaan Negeri kalau boleh mengusahakan agar projek ini dapat diteruskan. Kemudian seterusnya ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan khususnya di kawasan DUN Damak, iaitu memohon Kerajaan Negeri agar lebih peka mengenai tanah rizab untuk kemudahan awam yang dibangunkan khususnya di kawasan bandar agar tidak sewenang-wenangnya diberikan geran kepada pihak pemaju. Ini jika berlaku akan mengurangkan aset berharga Kerajaan Negeri dan menyebabkan kemudahan-kemudahan awam tidak dapat dibangunkan dengan sebaiknya untuk manfaat orang ramai.

Seterusnya saya juga ingin er… bangkitkan dan sebagai satu bentuk soalan berkenaan status pembangunan semula Bandar Baru, belakang pasar ayam di Jerantut yang sehingga ke hari ini tidak dibangunkan dan kawasan itu sudah mula naik lalang dan hutan. Jadi saya harap nanti bolehlah kalau dimaklumkan apakah status projek ini. Seterusnya saya juga berharap pihak Kerajaan bertegas dalam isu *procedure* pembinaan rumah burung walit di tengah bandar dan juga kawasan padat penduduk kerana didapati ada pihak yang membangunkan sarang-sarang burung walit ni di tengah bandar dan saya rasa ia melanggar *procedure* yang telah ditetapkan. Ini kalau boleh bertegas lah dengan pemaju-pemaju rumah burung walit ini.

Dan yang berikutnya ialah berkenaan dengan Kampung Sungai Jan iaitu adalah kaw… satu kawasan padat penduduk yang mana majoritinya adalah kaum Tionghua. Jadi, Kawasan saya ini pun ramai kaum Tionghua. Alhamdulillah ya, walaupun orang kata kami ni daripada Parti Islam Se-Malaysia ni ya macam-macam, tapi di kawasan saya mereka, saya berikan tumpuan juga dan hari ini saya harap pihak Kerajaan dapat membangunkan kawasan ini kerana Kampung Sungai Jan ini adalah laluan utama penduduk khususnya ke… ke daerah Lipis. Namun demikian, apa yang saya lihat dari segi jalan, longkang tidak diuruskan dengan baik dan perumahan juga serta kedai tidak disusunkan dengan sebaiknya. Jadi dia tidak memberikan satu imej yang baik, Jerantut sebagai Bandar Taman Negara.

Seterusnya saya berharap juga agar pihak kerajaan dapat memastikan satu lokasi yang strategik terutamanya di jalan Temerloh–Jerantut berhampiran Jerantut bagi menyediakan pusat ataupun gerai-gerai bagi menempatkan peniaga-peniaga Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bagi memasarkan produk-produk mereka kerana setakat hari ini walaupun jalan Temerloh–Jerantut ini jalan utama, pelancong-pelancong yang akan datang ke Taman Negara tetapi tidak ada satu kawasan yang mempromosikan produk-produk tempatan seperti kraf tangan, batik, sambal hitam dan lain-lain.

Dengan mewujudkan gerai-gerai ini, dengan kemudahan yang mungkin dari sudut surau, tandas dan seumpamanya dia akan memberikan peluang menambah pendapatan dan pekerjaan khususnya kepada golongan ibu tunggal yang telah dibangkitkan pada sesi pagi tadi. Kerana bagi kita umat Islam, kalau kita baca kitab Riyadus Solihin, Nabi SAW sebenarnya memang mengkhususkan dan sangat mengambil berat soal ibu-ibu tunggal ini. Jadi, seterusnya boleh kita bantu golongan Orang Kurang Upaya dan juga anak-anak muda yang mungkin er… terhad dari sudut sumber pendapatan mereka.

Kemudian er… berikutnya, yang terakhir er… berkaitan dengan DUN Damak ini. Saya mohon sekali lagi walaupun telah dijawab oleh Lanchang tadi berkaitan dengan projek er… pertanian di Batu Balai, saya harap pihak kerajaan dapat memandang serius isu pembangunan kawasan-kawasan yang berkaitan dengan sumber air bersih ya khususnya di kawasan Ulu Cheka dan juga Batu Balai. Kerana ada makluman yang saya dapat bahawa kawasan-kawasan ini sedang ada pihak-pihak tertentu yang memohon untuk dibangunkan sedangkan kawasan yang telah saya bangkit persoalan yang pertama di awal pagi tadi, sebenarnya kawasan tersebut adalah kawasan yang akan dibangunkan itu adalah kawasan sumber air utama dan di situ ada Sungai Teralang yang menjadi sumber kepada loji air Batu Balai.

Jadi kalaulah dibangunkan bimbang dia akan merosakkan ekosistem dan juga sungai utama penduduk ini dan untuk makluman…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Insya-Allah saya akan menjawab semasa saya menggulung. Lebih *detail* lagi tentang er… apa namanya perkembangan ataupun apa yang telah er… sedang diambil tindakan oleh Kerajaan dan juga syarikat yang memohon dan juga perkara-perkara yang melibatkan rakyat di kawasan tersebut. Insya-Allah saya akan jawab semasa penggulungan.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Terima kasih di atas keprihatinan Lanchang dan juga pihak kerajaan dan saya ingin maklumkan juga ada satu kampung iaitu Kampung Sempadan. Ia sempadan dengan DUN Benta ya. Jadi kampung tersebut 100% menggunakan sumber air sungai ini ataupun air bersih. Jadi saya ucapkan terima kasih di atas keprihatinan pihak kerajaan.

Dan akhir sekali yang ingin saya bangkitkan di sini ialah soal memartabatkan Islam. Allah SWT berfirman [Bacaan dalam Bahasa Arab] yang bermaksud: "Orang-orang yang kami berikan peluang untuk berkuasa (memerintah) di atas bumi ini, mereka mendirikan solat, menunaikan zakat, menyeru kepada perkara-perkara yang baik dan mencegah daripada perkara-perkara yang mungkar, dan bagi Allah lah kembalinya segala perkara."

Semoga, insya-Allah kita menghayati ayat ini sebagai sumber rujukan kita dalam mentadbir Negeri Pahang Darul Makmur ini dan suka saya ingatkan Nabi SAW juga telah bersabda: [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Maksudnya: "Semua kamu ini adalah pemimpin dan semua di kalangan pemimpin ini akan ditanya oleh Allah SWT dan pemerintah itu ketua negara ataupun negeri adalah pemimpin dan mereka akan ditanya tentang rakyat mereka".

Jadi, mudah-mudahan kita menginsafi kedudukan dan tugas kita di sini supaya kita dapat menjalankan tugas dengan baik.

Saya ingin ambil kesempatan di ruang yang terhad di hujung ucapan saya ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih khususnya kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana telah merealisasikan Titah Yang Di-Pertuan Agong Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Ahmad Shah khususnya dalam soal memartabatkan tulisan Jawi di negeri Pahang ini seluruhnya.

Dan saya ucapkan tahniah, inilah buat pertama kali tak silap sayalah, tulisan Jawi er… ditulis pada Buku Belanjawan kita dengan begitu cantik. Jadi saya harap ini dapat diperluaskan lagi dan mudah-mudahan insya-Allah usaha Kerajaan ini di… diberkati oleh Allah SWT.

Cuma dalam memartabatkan tulisan Jawi ini, saya harap pihak kerajaan boleh merujuk kepada pakar-pakar kerana Jawi ini dia berkaitan dengan "khat". Di sana ada macam-macam "khat". Ini boleh tanya Kerdau lah, dia pakar dalam bidang ini.

Jadi kalau boleh, dirujuk kepada pakarnya supaya tulisan Jawi itu tidak ditulis hanya daripada komputer. Kadang-kadang kita memandang pun tak cantik tetapi kalau digunakan "khat", di negeri Pahang ini ada Persatuan Khat Negeri Pahang dan salah seorangnya adalah pengajar di Kuliah Sultan Abu Bakar, Pekan iaitu Ustaz Abdul Karim yang cukup halus dan cantik tulisannya.

Jadi, boleh kita jadikan tempat rujukan kita, kerana saya bimbang nanti ada mungkin tersalah… tersalah tulis, contoh, ya beri contoh, contohnya ada setengah tempat kita terjemahkan Bahasa Inggeris itu ke dalam Jawi. Contohnya: "*welcome*", *welcome* tu dia tulis "wau, ya, lam, kaf, min". Kerdau boleh terjema… boleh baca sikit "wau, ya, lam, kaf, min" ar…

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tak syoklah, kita doa tiap-tiap hari mintak jauh daripada api neraka.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Jadi "*welcome*' kalau terjemahkan tadi "wai, lu, kum" jadi "wail lu kum" tu maksudnya nega… neraka wail bagi kamu. Jadi kalu boleh yang *English* tu tak payah kita terjemahkan ke dalam Jawi, kekalkan dengan *English*, kalau Cina kekalkan dengan Cina tapi tulisan kita, kita tulis dalam tulisan Jawi.

Kemudian yang keduanya, rentetan daripada kes terbaru yang berkaitan dengan Sekolah Tahfiz, jadi saya harap Kerajaan Negeri dan saya ucapkan terima kasih melalui Bajet yang telah dibentangkan, banyak peruntukan kepada pembangunan institusi agama dan saya harap juga sekolah-sekolah Tahfiz yang ada di negeri Pahang yang begitu banyak juga diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri ya, khususnya dari slot bimbingan supaya sekolah-sekolah Tahfiz persendirian ini dapat mendaftarkan sekolah mereka dan sekiranya ada syarat-syarat yang tidak dipenuhi, pihak Kerajaan dapat memberikan sedikit kelonggaran memberi masa supaya syarat-syarat itu dipenuhi. Kerana apa? Kerana dengan wujudnya sekolah tahfiz ini, dia akan dapat jugak membekalkan tenaga modal insan dan juga mengundang keberkatan dalam negara kita. Insya-Allah.

Dan er… akhir sekali, saya ingin er… bertanya nanti mungkin boleh dijawablah berkaitan dengan dapatan kajian yang telah dibuat oleh Majlis Ugama Islam Pahang dengan kerjasama UMP, Universiti Malaysia Pahang berkaitan dengan pandangan rakyat negeri Pahang mengenai cuti pada hari Jumaat.

Saya difahamkan, kajian ini telah tamat, jadi kami harap dapat didedahkan apakah dapatan daripada kajian tersebut.

Akhir sekali, berapa kali akhir dah ini Yang di-Pertua ya, akhir sekali…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Empat kali akhir dah Yang Berhormat…

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Akhir ini, pantun juga insya-Allah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha… okay lah.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Wahid, Ithnin, Thalaatha, Arba'ah,
Khomsah, Sittah, Saba'ah, Thamaaniah,
Muafakat Nasional itu cukup indah,
Kerana disitulah rahsia kekuatan ummah.

Sekian, Assalamualaikum WBT. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Waalaikumussalam WBT. Terima kasih Wakil daripada Damak. Ya, saya persila Wakil daripada Peramu Jaya.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, memberi ruang dan peluang untuk saya berucap pada pagi ini. Pada tahun er… 2020 jangkaan kutipan hasil adalah sebanyak RM744.02 juta. Pungutan hasil tersebut, sumber utamanya adalah daripada hasil tanah iaitu RM417.79 juta yang merangkumi 56.2% daripada hasil pungutan. Keduanya, daripada hasil hutan RM165.5 juta merangkumi 22.2% daripada hasil… kutipan hasil. Ketiganya ialah pada sumber air meliputi RM3.77 juta iaitu 0.5%. RM62.76 juta lain-lain hasil yang meliputi 8.4% dan tidak lupa… dilupakan geran Kerajaan Persekutuan RM94.2 juta yang merupakan 12.7% daripada hasil pada tahun 2020. Jika kita tidak mengambil kira lain-lain hasil, Negeri Pahang telah memperolehi bonus. Bonus dari segi cukai pelancongan yang diperolehi pada tahun er… 2018, RM7.86 juta. Jadi saya menganggarkan RM7 hingga RM9 juta hasil tahunan adalah merupakan bonus kepada Kerajaan Negeri Pahang.

Mengambil ki… teori akauntansi, aliran tunai yang sihat adalah merupakan aliran tunai masuk yang dapat menampung aliran tunai keluar secara berimbang dan wujud *surplus*. Saya begitu bangga melihat pencapaian ini seolah-olah wujudkan satu *surplus*. Meskipun tidak besar tapi yang pentingnya dari segi berniagalah ianya tidak merugikan negeri, masih wujud sedikit keuntungan. Aliran wang tunai ini ibarat tubuh kita. Tubuh kita, kita ada unsur darah. Darah ini adalah merupakan sel darah merah, darah putih, platelet, plasma dan pigmen merah itu merupakan hemoglobin.

Kita ibaratkan sel darah ini adalah merupakan sumber-sumber Kerajaan Negeri yang diperolehi daripada hasil-hasil tahunan. Jadi, jika ianya sihat, maka sihatlah kedudukan kewangan negeri ini. Sekejap, terlipat pula dah (membuka lipatan kertas). Sumber pertama yang tidak boleh kita abaikan ialah tanah. Kita tidak boleh wujud

ketirisan dan kehilangan hasil kerana bukan kita tidak cekap tetapi kita terlepas pandang unsur-unsur tertentu yang mengakibatkan kita kehilangan hasil yang paling-paling penting hasil tradisional Kerajaan Negeri ini.

Oleh itu, Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri memainkan peranan lebih aktif. Bukan saya kata tak aktif, saya kata lebih aktif agar penerokaan tanah haram secara berskala besar ini dapat kita bendung. Saya amat menyokong penubuhan Unit Khas Penguatkuasaan agar perkara ini dapat kita kuat kuasakan agar hasil Kerajaan Negeri tidak hilang.

Keduanya, saya memohon pihak kerajaan mengkaji semula tanah-tanah yang berskala besar yang telah pun diberikan kepada agensi-agensi Pusat yang tidak digunakan. Ini merupakan satu keluasan yang amat besar kalau kita bandingkan keseluruhan negeri Pahang. Kerajaan hilang banyak hasil di situ. Jadi, saya berharap bahawa rundingan yang sewajarnya dapat diadakan dengan pihak-pihak berwajib agar kita dapat meningkatkan hasil dan dengan kita mengambil usaha untuk kita membaiki hubungan kita dengan Pusat. Pada masa yang sama kita tidak mahu juga Pusat membiarkan milik mereka terbiar begitu sahaja tanpa hasil kepada Kerajaan Negeri.

Saya amat bersyukur kerana PahangGo memainkan peranan yang penting dan saya berharap PahangGo ini dapat dipercepatkan perluasan liputan ke semua daerah agar rakyat mudah bayar cukai dan perkara ini amat penting kerana kadang-kadang rakyat susah nak pergi, nak untuk membayar cukai ke pejabat tanah. Saya ambil contoh yang paling… paling mudah, Pulau Tioman. Pulau Tioman duduk di lautan samudera, di tengah lautan samudera. Kalau ada kemudahan ini, maksudnya hasil cukai itu dapat dipertingkatkan dengan bayaran berbentuk maya ini. Saya juga ingin mencadangkan agar Unit Hasil, Pejabat Tanah dapat menggunakan kemudahan yang ada terutama di Pejabat Daerah.

Saya memahami bahawa pergerakan Unit Hasil ke satu tempat ke satu tempat memakan kos yang tinggi tetapi kita ada kemudahan Pejabat Penghulu yang boleh kita manfaatkan dan kita dapat meminimakan kos dan pada yang masa yang sama kita dapat memanfaatkan peranan Pejabat Penghulu itu untuk kita sama-sama membantu meningkatkan hasil daripada tanah ini.

Saya juga ingin mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri dapat memberikan insentif-insentif tertentu kepada Pejabat Tanah yang dapat memungut hasil mengikut KPI masing-masing. Inisiatif ini bagi saya amat penting kerana ini mengiktiraf kerja keras mereka dan pada masa yang sama mereka juga dengan rela hati dan penuh semangat nak membantu Kerajaan Negeri menyumbangkan atau meningkatkan hasil negeri pada masa yang sama manfaat juga mereka dapat kecapi. Keduanya ialah tentang hutan…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Boleh minta laluan?

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Ya, boleh… boleh. Jemput Pulau Manis.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya rasa Peramu Jaya seharusnya menjelaskan terus secara terus teranglah dalam Dewan Yang Mulia ini, apakah perkara-perkara yang perlu diberikan kepada Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah dalam kejayaan mereka yang memberansangkan semasa memungut hasil-hasil ini? Supaya jelas di sini kita nampak di antara contoh-contoh insentif yang dikata patut diberikan itu tadi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Peramu Jaya.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Terima kasih sahabat saya Pulau Manis. Pulau Manis dia saja bertanya, sebenar dia tahu. Banyaklah insentif-insentif yang boleh kita berikan. Salah satunya ialah kita bawa mereka melancong. Bagi mereka seronok sikit, contohnyalah. Tapi tak perlu saya ulas panjanglah, takut tak sempat masa Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya, hutan. Hutan ini daripada hasil premium, royalti dan lain-lain caj. Jadi err… kalau mengikut Akta Perhutanan Negara 1984, dari aspek penguatkuasaan, kita perlu pertingkatkan kerana perkara ini amat penting untuk menjaga sumber hasil utama kita. Oleh sebab itu, di dunia moden ini, saya mencadangkan juga kepada Kerajaan Negeri melalui Pejabat Hutan agar kita dapat menggunakan *drone* berperimeter tinggi untuk kita mengenal pasti kawasan-kawasan yang terlibat. Walaupun kosnya agak tinggi buat permulaan, tetapi keuntungannya jangka masa panjang adalah amat-amat besar.

Keduanya, sama juga macam saya katakan tadi bahawa saya memahami bahawa penguatkuasaan tidak dapat dijalankan sepenuhnya tanpa ada kerjasama rakyat. Jadi saya cadangkan juga agar kerajaan dapat menyediakan insentif kepada pelapor-pelapor yang melaporkan terhadap aktiviti pembalakan secara haram ini. Bentuknya, kita fikirlah apa yang sesuai dan apa yang penting ialah mereka ini dapat membantu kita untuk kita membanteras pembalakan haram yang merugikan hasil Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu, saya telah bangkitkan, saya ingat dua tiga… dua kali dalam Dewan ini juga iaitu negeri Pahang ini kalau kita ingin suatu kejayaan yang lebih besar dari sumber hasil balak, kita perlu ada industri hiliran yang mampu meningkatkan ekonomi negeri dan rakyat. Oleh itu, saya lagi sekali mencadangkan dan ini kita mungkin boleh cari pelabur dari luar negara contohnya, kita balak kita terus keluar, keluar pada Pahang dalam bentuk asal. Kita tidak buat setengah siap, sepenuh siap dan sebagainya. Ini merugikan, ini terah… telah dialami oleh Thailand. Negara Thailand dahulu mereka mengeksport balak mentah, mentah ini maksudnya dalam bentuk asal. Mereka rugi, rugi dari segi tidak ada industri hiliran di Thailand itu sendiri. Sekarang ni Thailand dia dah buat segala balak-balak dia, dia proses dan jadi bahan-bahan perabot dan sebagainya dan untungnya adalah lebih besar daripada mengeksport balak itu secara bentuk asalnya.

Jadi saya sarankan agar kita dapat buat kilang, maaf dengan izin Dato' Yang di-Pertua, *knock down furniture,* ini kerana IKEA sendiri, setahun IKEA dapat menjual *knock down furniture i*ni*,* RM10 billion. Boleh bayangkan? Itu sebab IKEA ini kalau kita lihat perabot-perabot ini bukanlah kayu bagus sangat, dia bukan buat kayu chengal dan sebagainya, ini perabot kayu biasa tetapi *value added* nya itu adalah tinggi, nilai tambah itu adalah tinggi.

Seterusnya Dato' Sri Yang di-Pertua, menyedari bahawa negeri Pahang ini kaya dengan mineral dan galian. Saya mendapat sumber daripada data asas negeri Pahang 2017. Lombong besi 48, lombong emas 7, *manganese* 1, timah 5 ini tidak termasuk bauksit lah. Jadi saya berharaplah agar kita ini dapat mengimplimentasikan sesuatu yang baik daripada contoh negara lain. Kalau kita lihat negara lain perlombongan ini betul hasil kepada kita tapi pada masa yang sama kita perlu ada satu konsep di mana pemulihan balik.

Saya pernah melawat satu tempat saya lihat lombong bijih besi dia tidak seperti lombong bijih besi kita di sini, lombong di sana bila dia korek dan sebagainya, ditanam balik pokok dia nampak balik macam asal, 4-5 tahun dah nampak seperti asal. Walaupun pokok itu tidak se… besarlah tetapi telah nampak keadaannya telah pulih. Itulah kita harapkan untuk generasi kita akan datang untuk kita memperolehi pendapatan yang berterusan.

Saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar kita wujudkan *special vehicle,* untuk kita jadikan sebagai *anchor* untuk kita mengendalikan perlombongan ini. Saya ambil contoh *bauksit*, kita perlu ada satu agensi kerajaan maaf, bukan agensi kerajaan, agensi kerajaan dah ada PTG. Kita perlukan *special vehicle* ini seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang untuk sama-sama membantu untuk mempastikan bahawa hasil kita tidak tiris.

Menyentuh tentang air pula saya mendoakan agar kawasan Hutan Simpan Negeri Pahang yang berjumlah 2.05 juta hektar ini yang meliputi 57% daripada keluasan negeri Pahang ini dapat kita kekalkan untuk kegunaan kawasan tadahan dan juga saya berharap kerajaan negeri teruslah berjuang dan teruslah berjuang untuk kita dapat apa yang kita nak iaitu istilah *carbon credit* ini kerana kita adalah sebuah negeri yang banyak menyimpan hutan simpan dan akhirnya kita tidak menebang hutan tersebut dan kita tidak dapat hasil sedangkan sumbangan kita kepada oksigen negara begitu besar.

Jadi terus berjuang bagaimana kita berjuang cukai pelancongan berjuanglah juga untuk *carbon credit* ini. Insya-Allah saya penuh yakin dan percaya dengan perjuangan ini, kita akan berjaya insya-Allah.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Hah, jemput.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Nak, nak menyampuk sikit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Wakil Kerajaan.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Peramu Jaya bercakap tentang berjuang. Sememangnya perjuangan ini amat mencabar. Sebagai contoh er... kita ini bukan sahaja mengekalkan hutan ini untuk simpanan air, kita tapi turut juga membantu Lembah Klang dalam menangani er... apa ini kekurangan bekalan air di sana melalui Perjanjian Penghantaran Bekalan Air Mentah Selangor sebagai contoh. Tapi dalam pada nak berjuang ini, kita dulu mensasarkan perjuangan kita untuk dapat lebih RM400 juta er... sebagai pampasan di atas pengorbanan hutan kita yang kita tidak boleh membalak dua pusingan dan kita juga terlepas apa peluang untuk membangunkan aktiviti pertanian tapi malangnya jumlah yang kita dapat hanyalah lebih kurang RM86 juta.

Jadi ini saya berharap kita sama-sama dalam Sidang Dewan Yang Mulia ini, kita sama-sama fikirkan bagaimanakah er… pengorbanan kita ini boleh kita mendapat pulangan yang sewajarnya Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay, Peramu Jaya.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Terima kasih daripada pihak kerajaan.

Seterusnya saya nak sentuh tentang kawasan saya sikitlah. Saya bersyukurlah kerana kerajaan negeri telah mewujudkan Pengurusan Pasir Pahang Berhad. Terbaiklah ya, kerana ianya dapat mewujudkan kehilangan ketirisan dan meningkatkan hasil negeri. Cuma saya nak sentuh satu, saya dah bangkit perkara ini dalam beberapa Sidang Dewan yang lepas, iaitu saya mohon jasa baik agar pulau jadian berhampiran Jambatan Sultan Abu Bakar itu dapat kita ambil tindakan sewajarnya.

Saya dah jelaskan bahawa masalah jambatan ini ialah sekarang, pada keadaan sekarang, daripada paras air ke lantai jambatan tu cuma tinggal 3 hingga 4 meter saja. Boleh bayangkan kalau hujan lebat, kalau berlaku banjir besar, segala sampah-sarap, pokok-pokok tumbang dan sebagainya menekan jambatan tersebut, ia akan jadi seperti di Kelantan. Jambatan akan runtuh dan kita mesti faham bahawa Jambatan Sultan Abu Bakar itu adalah merupakan satu jambatan yang dibina oleh JKR dan jambatan bertol antara terawal di Malaysia. Umurnya saya ingat dah 40 lebih tahun, jadi bukan sayangkan je pada jambatan tu satu, yang keduanya saya risaukan esok kalau jambatan tu tak ada, laluan orang Pekan sebelah sungai sana hendak ke Kuantan boleh, tapi kena melalui Pulau Manis, dah jauh.

Jadi saya berharaplah ya di situ ada 2 juta metrik padu pasir yang perlu kita segerakan untuk membolehkan laluan air berjalan lancar dan jika berlaku banjir, kita dapat sedikit sebanyak mengawal. Kuasa runtuh tu itu Allah SWT punya kerja, itu kita tak boleh nak buat apa. Kalau Allah kata runtuh, runtuh. Tetapi ikhtiar kita ini saya sebut dalam Dewan ini kalau berlaku apa-apa kepada jambatan tersebut tanggungjawab saya, saya dah buat. Kalau Tuhan tanya saya, saya dah buat tanggungjawab itu. Bukan marah tak, marah tak boleh ini menceritakan keadaan sebenar.

Seterusnya, saya nak sentuh juga *oil and gas* Tanjung Agas. *Oil and gas* begitu lama, jalan... rangkaian jalan dah buat, dah siap. Paip junjung... paip junjung… apa Bahasa Melayu paip junjunglah. tangki air. S*ubstation* TNB dah buat. Ini semua dah lengkap, tetapi masalah kita sekarang di kawasan itu tak apalah kita dah masa terlalu lama kita simpan, masalah utama ialah infra-infra yang ada di dalam itu telah terhakis. Saya tahu ini sebab saya dulu duduk Kementerian Kewangan, banyak peruntukan telah disalurkan.

Saya sayang kepada projek itu bukan sahaja sayang kerana apa. Kerana sekarang ni hakisan telah kuat di kawasan itu. Dulu ada satu *roundabout,* orang melayu *roundabout,* orang putih panggil *roundabout* juga. *Roundabout* yang ada, pusingan bulat itu pun sekarang dah masuk ke air, boleh bayangkan berapa banyak peruntukan esok untuk kita baik pulih.

Jadi saya mengharapkan lah agar pihak berwajib khususnya PKNP dan Kerajaan Negeri membantu untuk ambil tindakan bukan nak apa kita perlu mengambil tindakan mengawal dahulu, nak selesai mungkin kosnya tinggi, mengawal dahulu. Jadi er... Dato' Sri Yang di-Pertua,

Buah langsat buah dokong,
Saya mohon menyokong.

Daun kunyit daun selasih
Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih lah Peramu Jaya ya. Pantun yang penuh bermakna. Ya. Wakil Ketari, sila.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Terima kasih.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-yang berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Sebelum itu saya berpantun dulu nak balas pantun er... Yang Amat Berhormat Menteri Besar tapi tak ada pula hari ni.

Berkereta ke GPO mencari songket,
Gentingnya tinggi janganlah gayat,
Baiknya saya terus bersama roket,
Demi manfaat negeri dan rakyat.

Terutamanya saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah berjaya membentangkan Belanjawan Negeri Pahang beritahun 2020. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Belanjawan Negeri Pahang 2020.

Kita dapat lihat anggaran hasil daripada cukai hasil hutan akan bertambah sekali ganda pada tahun 2020 daripada RM81 juta kepada RM165 juta. Adakah ini bermaksud akan ada lebih banyak hutan di negeri akan ditebang? Yang Amat… Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyebut tentang Enakmen Biodiversiti. Bilakah

enakmen ini akan dibentangkan? Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga sedang melihat peluang *carbon trading* dengan izin dan *carbon credit* dengan izin, yang saya lihat satu usaha yang dapat menjamin kelestarian alam sekitar kita. Tahniah diucapkan.

Dalam satu perkara, kita lihat pada masa yang sama Kerajaan Negeri mencadangkan menaikkan kadar cukai tanah terhadap pemain-pemain industri. Berapakah kadar kenaikan cukai ini? Kerana kita lihat peningkatan hasil cukai yang mendadak kepada RM192 juta kepada RM617 juta. Harapnya kadar kenaikan cukai yang dirancang ini tidak membantutkan usaha-usaha untuk kita menarik dan mengekalkan pelabur di negeri kita.

Mengenai rancangan penubuhan daerah kecil Gebeng dan daerah kecil Genting, saya rasa Kerajaan Negeri perlu melakukan kajian yang lebih lanjut mengenai rancangan ini dan kesannya terhadap daerah yang sedia ada dan Kerajaan Negeri. Jika dikatakan daerah kecil Gebeng dapat menambah RM200 juta kepada hasil negeri, namun daerah kecil Genting hanya RM2 juta. Mungkin jelas ada kebaikan yang besar untuk Gebeng dijadikan daerah kecil namun manfaat daripada Genting lebih kecil dan mungkin lebih baik jika dikekalkan dalam daerah Bentong sedia ada.

Tahniah juga kepada Kerajaan Negeri kerana dapat mencatat dan menarik pelabur-pelabur asing ke dalam negeri Pahang. Sudah tentu ini akan dapat menambah peluang pekerjaan untuk warga negeri dan meningkatkan ekonomi negeri. Namun saya berharap walaupun kita berusaha menarik lebih banyak pelabur untuk masuk saya harap supaya semua pelaburan adalah pelaburan yang berasaskan pekerjaan yang bermutu tinggi dan kilang-kilang yang akan dibina melalui proses kajian impak kepada alam sekitar.

Antara pelaburan baru yang masuk adalah pelaburan RM200 juta di Bukit Tinggi, Bentong di bawah kawasan Ketari. Kawasan ini merupakan kawasan alam sekitar yang sensitif. Kita tidak mahu walaupun ekonomi kita semakin maju, namun kita mengabaikan kelestarian alam sekitar kita. Namun saya menyambut pelaburan baru ini ke Bukit Tinggi dan diharap pihak Kerajaan Negeri dapat berkongsi perincian tentang pelaburan ini dengan pihak saya. Terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri kerana tidak melupakan Ketari, saya juga bersedia menghubungkan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dalam hal-hal yang berkeperluan.

Seterusnya saya menyambut baik kepada fokus Kerajaan Negeri terhadap sektor pertanian. Sektor pertanian bukan sahaja penting kepada pengeluaran makanan namun semakin hari menjadi ekonomi yang berhasil tinggi juga. Namun saya lihat perkembangan pada sektor ekonomi… namun saya lihat perkembangan terhadap sektor pertanian ini sepatutnya diperluaskan kepada daerah-daerah di seluruh Pahang dan bukannya fokus kepada daerah seperti Kuantan, yang dirancang untuk diadakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan.

Kuantan sudah banyak industri berat negeri ini… Kuantan sudah banyak industri berat, negeri ini luas tanahnya. Sepatutnya kita memberikan peluang kepada kawasan-kawasan lain, daerah-daerah lain. Jadi bagi program-program pertanian ini dan program pertanian yang lain termasuklah yang berasaskan ruminan, peluang patut dibari… diberikan kepada seluruh kawasan-kawasan lain dalam daerah-daerah negeri Pahang.

Seterusnya berkenaan dengan Projek Perumahan PR1MA Pahang dan Rumah Makmur. Saya berharap rancangan pembinaan rumah pada tahun 2020 dapat

mengambil kira kawasan Ketari dan Bentong. Harap dia dapat dikongsi perancangan Kerajaan Negeri terhadap perumahan mampu milik di kawasan Ketari dan Bentong khususnya. Dan jika belum ada perancangan saya ingin memohon untuk Projek Perumahan PR1MA, dan Rumah Makmur untuk kawasan Ketari dan Bentong.

Berkenaan penggunaan Dana Amanah Rumah, adakah dana ini digunakan semata-mata untuk membina rumah atau boleh dilanjutkan kepada skim dan sewa beli rumah? Apakah mekanisma yang digunakan dalam menggunakan Dana Amanah ini? Tidak salah juga saya rasa jika Kerajaan Negeri dapat memperluaskan skop dana amanah ini termasuklah membantu golongan B40 membaiki rumah mereka yang uzur dan rosak.

Seterusnya saya mendapati bahawa anggaran perbelanjaan untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turun sedikit pada tahun 2020. Sedangkan perbelanjaan untuk semua bahagian hampir semuanya naik. Saya berharap mendapat kepastian terhadap perkara ini. Mengenai jumlah penerima bantuan bulanan JKM, kita mahu tahu… bagi pihak Ketari, kita mahu tahu sikit jumlah ini semakin bertambah ataupun menurun.

Kita lihat walaupun banyak program-program berasaskan ekonomi dilakukan oleh Kerajaan Negeri, namun program-program kebajikan dan inisiatif-inisiatif yang berdasarkan kebajikan rakyat agak kurang. Yang Amat Menteri… Yang Amat… Yang Amat Menteri Besar… Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyebut, kalau berbelanja janganlah boros. Saya ingin menambah jika Kerajaan Negeri mahu belanja, berbelanjalah lebih kepada golongan B40. Saya juga lihat agenda pemerkasaan…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Nak mencelah

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Wanita juga kurang…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua, mohon mencelah sikit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Ketari, Pulau Manis nak mencelah.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ini nak jawab pantun Ketari, boleh? Nak jawab pantun, nak jawab pantun dia bukan nak kacau dia, nak jawab pantun dia aje.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Lepas tu karang dia jawab pula.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Biarlah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bolehlah sekali.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Boleh ya?

Ke simpang Pelangai membeli songket,
Ke Janda Baik mencari buah letop,
Nampaknya Ketari bersama roket,
Tapi dengar-dengar roket dah nak meletup.

(Ahli Dewan ketawa)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Saya sambung perbahasan saya, bukannya pantun. Seterusnya, saya juga lihat agenda pemerkasaan wanita juga seperti kurang diambil berat oleh pihak Kerajaan Negeri. Harap dengan penubuhan Majlis Pembangunan Wanita Pahang di peringkat Parlimen dapat merancakkan lagi program permerkasaan wanita di negeri Pahang. Tahniah diucapkan kepada Exco Wanita kerana telah menaikkan idea seperti ini. Namun begitu, saya juga berharap bahawa organisasi ini tidak melibatkan wakil daripada parti-parti kerajaan semata-mata tetapi melibatkan daripada parti pembangkang dan juga wakil NGO.

Di sini saya juga ingin merakamkan sembah tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang baru-baru ini telah menerima Anugerah Ikon Kraf 2019 pada Majlis Kraf Dunia (WCC). Paduka baginda telah memainkan peranan yang penting dalam sektor kraf terutamanya dalam memartabatkan dan mempromosi Tenun Diraja Pahang. Saya juga ingin memuji usaha Kerajaan Negeri yang terus mempromosikan Tenun Diraja Pahang dengan Hari Tenun Diraja Pahang, tetapi saya berharap kita jangan lupakan tentang saudara-saudara kita di penjara Bentong yang turut menyumbang kepada Tenun Diraja Pahang.

Melihat kepada isu yang melibatkan MPKK, JKK dan MPKKP, saya berharap Kerajaan Negeri akan terus berhubung dan bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk memastikan penye… penyelesaian yang lebih baik dapat dicapai. Di peringkat atas pentadbiran dan tentang urusan ekonomi dan kewangan, kita boleh lihat kerjasama yang baik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dan jadi harapnya kerjasama menang-menang juga dapat dihasilkan untuk isu pentadbiran komuniti masyarakat ini.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua,

Ini serius ini, tadi main-main aje pantun ini.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pantun lagi ker

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Bila berkaitan dengan isu MPKK dan MPKKP. Sehingga kita, pihak kerajaan merancang untuk kembali semula kepada asal kita iaitu dengan JKKK. Saya nak maklumkan bahawa, sebenarnya apa yang telah diperjelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kena faham jelas-jelas. Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan bahawa, semasa Kerajaan PH memerintah, dia membatalkan JKK tapi dia ganti dengan baru MPKK. Kita bersetuju dengan syarat yang ditetapkan iaitu setiap MPKK, setiap MPKK hendaklah diselitkan dengan lima jawatankuasa tambahan terdiri daripada orang-orang daripada PH.

Tapi sehingga ke hari ini, kita tak nampak. Bukan kita pula nak cari jawatankuasa daripada PH, dia yang menyarankan nak selit, selitlah, lima itu tadi. Kita ada berapa ratus 159, er…berapa ratus MPKK kita ada ha… 400… 400 lebih. Jadi sekarang ini setiap MPKK selit lima, tak ada masalah. Tapi sehingga ke hari ini saya dimaklumkan tak ada seorang pun nak selit. Jadi sekarang ini timbulnya ialah daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri PH itu, ada kat Kuantan ini, dia yang sibuk-sibuk, dia mengatakan nak selit, kita semua sedia menerima. Itu untuk makluman Ketari. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Terima kasih Pualau Manis. Dah habis dah? Saya dah nak habis dah sebenarnya ni.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Teruskan la, habiskan.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Yang terakhir, er… saya berharap untuk dewan… sidang dewan yang seterusnya Yang Amat… Yang di-Pertua, saya mohon supaya diadakan *live* er… sidang dewan ini supaya bukan setakat er… di sini saja.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, ada dalam makluman saya.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Alright, terima kasih. Baiklah akhir kata pantun penutup. Ha… tak menjawab yang itu.

Berjalan ke Ketari bersama sahabat,
Pekannya makmur tidak pesat,
Belanjawan 2020 rakyat manfaat,
Tahniah, tahniah negeri terima kasih pusat.

Sekian terima kasih. Assalamualaikum

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Ketari. Untuk makluman Yang Berhormat Ketari tadi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar berada di Putrajaya, menghadiri satu mesyuarat penting bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Baiklah, seterusnya, jika ada lagi Ahli Yang Berhormat ingin mengambil bahagian dan nampak Tahan tadi bersedia. Wakil Tahan…boleh, sila.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

(Ayat al-Quran) Assalamualaikum WBT dan selamat sejahtera. Yang dihormati Dato' Sri Yang di-Pertua, barisan Exco, rakan-rakan ADN, ketua-ketua jabatan, seluruh pemerhati yang dirahmati oleh Allah SWT sekalian. Alhamdulillah, pertamanya saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua kerana telah memberi laluan kepada saya bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan ucapan Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Isnin yang lalu.

Bagi saya ucapan atau Belanjawan yang dibentangkan ini adalah satu Belanjawan yang bersifat menyeluruh yang kita mengharapkan agar segala er… perkara yang telah dibentangkan dapat diterjemahkan sehingga manafaatnya dirasai oleh seluruh rakyat jelata.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengambil kesempatan ini untuk er…menyebut ataupun menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan ucapan belanjawan dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan isu tempatan di DUN Tahan itu sendiri. Pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di atas keprihatinan dalam beberapa perkara menjadi *expect* yang melibatkan golongan belia di bawah strategi kedua iaitu memperkasa modal insan. Terima kasih saya ucapkan kepada kerajaan di atas peruntukan RM2 juta untuk persediaan atlet SUKMA 2020 yang akan berlangsung di Johor pada tahun hadapan.

Semoga peruntukan yang diberikan ini akan menaikkan semangat 528… 582 atlit Pahang yang akan mengambil bahagian tersebut. Seterusnya, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang juga memperuntukkan er… sejumlah er…peruntukan untuk pembelian 3 unit perahu layar dan juga RM200,000.00 untuk penyelenggaraan dan pembaikan kemudahan sukan iaitu lebih daripada bajet tahun lepas yang hanya memberi sebanyak RM130,000.00 sahaja.

Kemudian saya juga nak bertanya berkenaan dengan peruntukan yang telah dikeluarkan pada er… September tak silap saya, September yang lalu iaitu peruntukan sebanyak RM100,000.00 untuk menaiktaraf Stadium Darul Makmur bagi membolehkan mendapat sijil pematuhan kod er…CCC atau CF. Saya nak tanya adakah er…sijil itu telah diperolehi ataupun masih lagi dalam proses menaiktaraf?

Seterusnya selain daripada kita mengambil berat berkenaan dengan soal penyelenggaraan dan juga pembaikan kemudahan sukan, saya juga mengharapkan agar pihak Kerajaan Negeri juga mengambil berat berkenaan dengan aspek pemakaian patuh syariah kepada atlet-atlet kita terutamanya kepada atlet-atlet yang

beragama Islam. Kerana Islam tidak melarang kita bersukan bahkan Nabi SAW bersabda (Ayat al-Quran) “Sesungguhnya orang beriman yang kuat lebih disukai oleh Allah SWT berbanding dengan orang beriman yang, yang lemah”. Cumanya dalam kita nak mengharumkan nama negeri dengan penglibatan atlet-atlet kita untuk mencapai kemenangan dan juga kejayaan, kita juga kena mengambil kira soal pahala dosa dan juga aspek keberkatan daripada Allah SWT.

Sebab itu, saya nak sebut Islam er… mengangkat kedudukan orang perempuan ini amat tinggi. Sebab itulah selepas daripada lahirnya Rasulullah SAW di tengah masyarakat Arab Jahiliah yang pada ketika itu, masyarakat Arab Jahiliah menganggap perempuan ini sebagai simbul seks semata-mata dan juga orang panggil manusia yang berada di kelas bawahan. Lahirnya Rasulullah SAW dengan Islam yang dibawa telah mengangkat martabat perempuan dan juga martabat wanita itu sendiri.

Maka kita melihat perkara ini mesti diberikan er…perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri. Kemudian saya juga nak mengesyorkan ataupun mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya kita mewujudkan apa yang dinamakan sebagai kebitaraan sukan… kebitaraan sukan. Kalau sebelum ini er…kita yang banyaknya kebitaraan makanan.

Bila, bila disebut Termerloh, ikan patin. Bila sebut Lipis sambal hitam. Bila sebut Rompin, udang galah. Dah…bila sebut Bentong rendang Tok’Ki. Bila sebut Jerantut gulai rong. Itu kebitaraan makanan. Kita nak kalau boleh kita diwujudkan kebitaraan sukan. Contoh Rompin dikenali sebagai orang panggil er… sukan angkat berat. Angkat berat bila sebut Rompin, angkat berat dan segala fasiliti angkat berat pun ada di Rompin, saya dimaklumkan. Jadi kalau boleh kita minta Kerajaan Negeri juga berikan perhatian kepada perkara tersebut.

Seterusnya pada bajet kali ini, pada bajet yang, yang lalu, saya melihat ada peruntukan sebanyak RM260,000.00 yang diberikan er…disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri er…Menteri Besar yang pada bajet yang lalu RM260,000.00 untuk pengurusan kepada Majlis Belia Pahang dan juga Majlis Belia Daerah diseluruh negeri. Cumanya adakah jumlah RM260,000.00 itu mencukupi untuk er… dimanfaatkan oleh belia di negeri Pahang dan saya juga melihat kepada er…Belanjawan yang dibentangkan Isnin baru ini, kalau saya tidak silap saya tidak nampak satu angka khusus yang disebut dalam Belanjawan untuk diberikan kepada belia.

Saya tak tahulah adakah er… panggil er… ada er… belanjawan ataupun ada er… diselitkan di mana-mana bahagian namun saya meneliti er… belanjawan ini dan saya tidak nampak adanya satu amaun ataupun jumlah yang khusus diperuntukkan untuk memperkasakan golongan belia di negeri Pahang. Jadi…

YB. DATO’ SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Wakil Kerajaan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Er… untuk makluman kepada ADN Tahan berhubung dengan isu peruntukan oleh Kerajaan Negeri kepada Majlis Belia Negeri mahupun badan gabungan er… serta er… kelab-kelab belia di kalangan NGO. Memang kita saban tahun kita ada peruntukan tersebut. Bahkan pada er… Pilihan Raya sebelum kekalahan er… Kerajaan Barisan Nasional, kita Kerajaan Negeri memberi peruntukan kepada Jabatan Belia sahaja hampir RM450,000.00 dan er…

Dan selain daripada itu juga kita turut memberi peruntukan er… sebagai contoh pada er… tahun yang lalu ataupun tahun ini sejumlah RM260,000.00 kepada Majlis Belia Negeri dan RM150,000.00 kepada er… badan gabungan namun proses untuk er… penyaluran peruntukan tersebut oleh pihak Kewangan Negeri secara berperingkat dan untuk mengatakan khusus atau tak khusus tu kita tengok kepada *case by case* er… peruntukan untuk disalurkan kepada pihak Majlis er… Belia Negeri dan insya-Allah atas er… saranan dan juga cadangan oleh ADN Tahan kita ambil maklum perkara ini dan insya-Allah kita akan perkemaskan saluran-saluran peruntukan ini dari semasa ke semasa.

Bahkan itu yang kita er… perolehi data untuk saluran peruntukan kepada Majlis Belia Negeri dan juga badan gabungan. Sedangkan peruntukan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada badan-badan NGO ataupun belia-belia ini er… lebih er… ratusan ribu ringgit. Bahkan kepada penggal yang lepas er… dibawah peruntukan Exco Belia sahaja RM1 juta lebih kepada badan-badan sukan sebagai contoh la NGO-NGO er… dan juga kelab-kelab yang lain.

Jadi begitu juga kepada er… Exco-exco barisan Exco Kerajaan Negeri juga memberi peruntukan-peruntukan kepada er… belia-belia dan juga NGO-NGO. Begitu juga pada Yang Berhormat-yang berhormat kawasan, saya lihat banyak kalau kita er… datangkan senarai data-data tersebut peruntukan-peruntukan tersebut jutaan ringgit disalurkan kepada belia-belia ini cuma tinggal lagi er… saya akan mohon pada pihak Kewangan Negeri untuk menyenaraikan sepenuhnya nanti untuk kita bagi kepada ADN Tahan dan kita uar-uarkan dalam Dewan insya-Allah, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Terima kasih er… Tioman. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

Saya teruskan er… perbahasan saya er… merujuk kepada er… muka surat 34 ucapan belanjawan ini iaitu dibawah tajuk membentuk er… belia berdaya saing. Saya ingin mencadangkan selain daripada kita memberikan er… apa tu perhatian kepada belia-belia kita er… dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan aktiviti sukan dan juga kemahiran. Kita juga perlu memberikan er… pendedahan kepada mereka berkenaan dengan er… aktiviti yang berkaitan dengan kepimpinan. Sebab itulah dalam Dewan Yang Mulia ini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri boleh mewujudkan Sidang DUN Belia sebagaimana kita ada er… Parlimen Belia Malaysia saya nak mencadangkan supaya kita wujudkan Sidang DUN Belia yang kita boleh peruntukan satu jumlah untuk kita meraih ataupun kita…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat er… DUN Tahan terima kasihlah. Itu pun dalam makluman urusetia Dewan. Cadangan Yang Berhormat tadi memang dalam makluman urusetia Dewan. Yang Berhormat jelas?

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Terima kasih banyak-banyak kepada Dato' Sri Yang di-Pertua, saya teruskan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kalau melihat kepada stas… statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, er… kadar pengangguran bagi negeri Pahang telah menurun daripada 2.9% pada tahun 2017 kepada 2.6% beritahun 2018. Kadar ini adalah lebih rendah berbanding dengan purata nasional sebanyak 3.3%. Pada tahun 2019 setakat bulan Januari hingga bulan Jun sebanyak 6… sebanyak RM6.44 bilion pelabur asing yang telah masuk ke negeri Pahang. Saya cuma ingin er… bertanya daripada pelaburan yang masuk, beberapa ba… beberapa banyakkah peluang pekerjaan yang telah dihasilkan melalui pelaburan-pelaburan ini dan adakah belia negeri Pahang ini mendapat manfaat er… daripada pelaburan yang masuk.

Kemudian saya juga er… ingin er… menyebut berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengan Projek Rumah Makmur. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah memperkenalkan Projek Rumah Makmur sebagai salah satu daripada usaha untuk er… memberikan er… akses perumahan mampu milik kepada golongan sasaran iaitu golongan berpendapatan rendah dan juga sederhana.

Namun begitu saya ingin meminta supaya pihak kerajaan boleh membuat sedikit penambahbaikan terhadap program ini khusus untuk golongan belia kerana apa walaupun kita ketahui er… Rumah Makmur ini er… nilainya ataupun harganya er… RM80,000.00, namun di sana masih ada lagi golongan belia yang sukar untuk menyediakan deposit ataupun mendapatkan pinjaman bank. Oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mempertimbang… mempertimbangkan skim sewa beli untuk Projek Rumah Makmur bagi golongan belia ini.

Dato'Sri Yang di-Pertua,

Yang seterusnya saya nak menyebut berkenaan dengan er… apa yang dihadapi oleh golongan belia kita di zaman kelembapan ekonomi masa kini. Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan memperkasakan semula RTP er… melalui PKPP memperkasakan semula RTP dan mungkin boleh mewujudkan RTP-RTP yang baru dengan memfokuskan er… penanaman kelapa matag sebagai contoh, yang mempunyai permintaan yang tinggi selain boleh menjadi… menjana ekonomi kepada Kerajaan Negeri sekali gus kita menggunakan sumber alam yang… yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T, akhirnya manfaat rakyat khususnya kepada golongan belia akan dapat tercapai.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya saya ingin menyambung sedikit lagi berkaitan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan er… DUN saya sendiri iaitu di DUN Tahan. Isu yang pertama iaitu isu yang berkaitan dengan er… gangguan er… binatang-binatang liar secara khususnya adalah gajahlah. Gajah yang er… ada 3 kampung dalam DUN Tahan ini

yang selalu dimasuki oleh gajah. Pertama Kampung Pagi, yang kedua Kampung Paya Garok dan yang ketiga Kampung Gol di Kuala Tahan.

Untuk rekod, Kampung Pagi ini dia er… dia melibatkan er… paip air yang menjadi sumber air bukit kepada… kepada penduduk di Kampung Pagi kemudian Kampung Paya Garok untuk rekodlah, untuk tahun 2019 ini, di Kampung Paya Garok lebih 10 kali gajah masuk berhampiran dengan kampung. Di Kampung Gol rekod 2019 men… menca…mencatitkan 41 kali… 41 kali gajah masuk ke dalam kampung.

Keadaan ini memberikan er… gangguan kepada penduduk kampung khususnya soal keselamatan, di samping gajah-gajah yang liar ini masuk dan memusnahkan tanaman-tanaman penduduk. Adakah… saya nak bertanya adakah er… pihak negeri… er… Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan er… sebarang pampasan kepada penduduk-penduduk yang terlibat er… dengan er… kerugian akibat daripada gajah-gajah yang membuat er… yang masuk ke dalam kampung tersebut? Ianya adalah berpunca tak lain tak bukan apabila habitat mereka diganggu dan juga dikacau melalui… melalui penerokaan dan juga pembalakan yang berlaku. Oleh kerana itu saya mengharapkan er… agar projek-projek pembalakan khususnya dalam DUN Tahan yang berhampiran dengan kawasan er… Taman Negara…

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Mohon mencelah sikit. Saya cadang yang gantirugi itu tadi minta dengan Lanchang sebab gajah di Kuala Gandah itu bawah Lanchang. Yang kedua ada satu lagi Luit… dia beritahu, kalau boleh gajah di Kuala Gandah tu ada sorang tu nama, ada seekor itu nama Pian. Jadi, dia minta tukar nama lain, Luit mintalah.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Terima kasihlah Wakil daripada Tanjung Lumpur. Kita bukan bagi peruntukan yang diserang gajah, kita hanya tangkap gajah sahaja. Nama Pian mungkin kita boleh tukar ke nama John Travolta kot.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan er… terima kasih banyak-banyak kepada rakan-rakan daripada PERHILITAN yang tak kira malam menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan gajah. Namun, apa punca sebenarnya kepada berlakunya perkara ini adalah daripada pembalakan dan juga penerokaan tanah yang berlaku di kawasan tersebut. Oleh kerana itulah, saya minta Kerajaan Negeri supaya boleh meneliti semula segala permohonan pembalakan yang berada di kawasan berhampiran dengan kampung-kampung yang tersebut.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, mohon mencelah sikit. Nak tanya ADN Tahan pernah tak berhubung dengan pihak PERHILITAN tanya gajah tu dari mana? Adakah gajah itu hak yang sama sumbernya di Ibam ke? Boleh bertanya tak pihak PERHILITAN? Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya tak pernah tanyalah PERHILITAN tentang gajah tersebut tapi gajah-gajah yang berada di kawasan Kampung Gol terutamanya adalah gajah daripada hutan Taman Negara sendiri. Kerana Kampung Gol dengan hutan Taman Negara jaraknya 2 kilometer yang dipisahkan oleh Sungai Tembeling sahaja. Jadi, ini isu dia. Jadi saya mengharapkan agar perkara yang berkaitan dengan pembalakan ini diberikan perhatian serius oleh pihak Kerajaan Negeri.

Seterusnya, saya nak sebut berkenaan dengan isu yang kedua iaitu isu Orang Asal yang berada di dalam DUN Tahan. Di, di dalam DUN Tahan ini ada lebih kurang 11 kampung Orang Asal yang berdaftar dengan JAKOA. Isunya ialah isu berkenaan dengan masih ramai lagi di kalangan Orang Asal ini yang tiada memiliki dokumen pengenalan diri… ramai lagi. Jadi, walaupun bila saya pergi rujuk, ada dah masuk 2, 3 kali ambil maklumat, ambil maklumat, tapi sampai sekarang masih lagi belum memperolehi dokumen pengenalan diri. Saya tak tahu adakah proses ataupun bagaimana yang menyebabkan perkara itu berlarutan sampai ke hari ini.

Seterusnya yang ketiga berkenaan dengan isu banjir kilat. Dua lokasi yang apabila hujan turun 1 jam, 2 jam akan menyebabkan banjir kilat berlaku. Pertama di kawasan FELDAPadang Piol. Di kawasan er… di kawasan FELDAPadang Piol di Jalan Melur. Bila berlaku hujan, hujan yang lebat turun sejam, 2 jam akan berlaku banjir kilat yang akan melibatkan 20 buah rumah. Ini perkara yang sentiasa berlaku yang menyebabkan penduduk-penduduk di kawasan Jalan Melur, FELDAPadang Piol sangat rasa susahlah bila berlakunya hujan yang lebat. Ini adalah berpunca daripada, pertama: kawasan perumahan tersebut rendah; yang kedua: sungai-sungai sempit sebab sisa pertanian dan juga sampah; yang ketiga: *culvert* yang ada, yang sedia ada adalah kecil. Maka penyelesaiannya ada, cumanya saya nak minta pada Kerajaan Negeri supaya untuk menyelesaikan perkara-perkara ini boleh diberikan sedikit peruntukan untuk kerja-kerja tersebut.

Yang seterusnya yang keempat, saya nak ringkas-ringkas sikit Yang di-Pertua, yang keempat iaitu masih lagi berkenaan dengan isu air dan juga jalan. Saya harap Guai tak bangun. Kalau Guai nak bercakap pun dalam penggulungan sebab Guai dah respons banyak tempat yang juga er… membangkitkan isu yang sama. Cuma saya nak kena sebut juga isu ini. Isu air di Kampung Mat Daling di Kampung Pulau Besar. Saya tahu Guai akan jawab, tapi saya awal-awal lagi saya *block* dia…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya lah Yang Berhormat…

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Isu air ini… saya alhamdulillah dalam bulan lepas, saya bersama-sama dengan PAIP Jerantut. Saya ajak pegawai PAIP dengan juga *team* dia untuk bersama-sama dengan saya pergi berjumpa dengan masyarakat apa itu… Kampung Pulau Besar. Kita ada dialog, kita buat dialog untuk mencari penyelesaian jangka panjang dan juga jangka pendek kepada isu tersebut, kerana apa? Sehingga hari ini, isu air semakin meruncing kerana apa mereka hanya menggunakan air sungai. Air sungai yang ada memang sangat tercemar yang menyebabkan bila mandi tu berkepuh. Tau berkepuh? Bila mandi berkepuh. Kemudian bila mandi, gatal. Jadi, air itu digunakan untuk makan,

minum, selain daripada untuk mandi. Untuk makan minum, basuh beras, nak memasak itu la air dia tapi terpaksa kerana apa? Tidak ada pilihan. Maka kita bimbang kalau kita biarkan keadaan ini berterusan, akan datang benda lain pulak. Penyakit Kolera pulak, macam-macam penyakit yang akan menyebabkan berlaku kematian yang kita tidak ingini. Oleh kerana itu, saya minta panggil pihak kerajaan mengambil serius juga perkara ini untuk masa yang akan datang.

Yang kedua isu jalan. Jalan ini saya nak fokus kepada jalan di satu kampung, Kampung Batu Balak. Pegawai Daerah pun dah pernah sampai ke situ alhamdulillah. Isu jalan, jalan tu macam biasa jalan tanah merah. Baru-baru ini berlaku runtuhan kepada orang panggil hakisan kepada jalan tersebut dan saya ucap terima kasih kepada pihak JKR dan juga pihak PBT yang mengambil langkah yang segera bagi menyelesaikan ataupun bagi menangani masalah tersebut. Namun, apa yang dibuat itu hanyalah bersifat sementara.

Maka saya mengharapkan agar perkara ini juga diberikan perhatian kepada… oleh Kerajaan Negeri dan saya ucap juga terima kasih kepada pihak PBT yang juga bersama-sama dengan saya untuk berusaha buat kertas kerja dan bagai-bagai lagi untuk angkat perkara ini ke Kementerian Luar Bandar, alhamdulillah. Mudah-mudahan usaha bersama itu akan mewujudkan satu hasil yang baik kepada manfaat rakyat insya-Allah. Yang terakhir sekali…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, sila yang terakhir.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Yang terakhir sekali Yang di-Pertua, iaitu isu berkenaan dengan penjualan arak di Taman Negara. Baru-baru ni pada 8 November, saya dapat 1 salinan surat bantahan daripada MPKK Kuala Tahan berkenaan dengan isu penjualan arak di Taman Negara. Isunya, pertama: penduduk di Taman Negara di Kuala Tahan, Taman Negara itu 90% lebih adalah orang Melayu Islam. Yang kedua: kawasan pelancongan tersebut berhampiran dengan kawasan kediaman penduduk berhampiran dengan kawasan masjid, kawasan sekolah, kawasan klinik.

Jadinya, kebimbangan ibu bapa apabila berlakunya apa itu ada penjualan arak yang banyak. Jadi, saya tak fikirlah pelancong-pelancong yang datang ke Taman Negara ni nak minum arak sangat. Jadi, mungkin saya mencadangkan agar dikaji semula lesen yang diberikan kepada penjualan arak di Taman Negara itu. Kalau kata ada 3 sekarang, dikurangkan… kalau tak perlu lagi bagus tapi kalau perlu buat lah satu, tak perlu banyak-banyak yang akhirnya kerana apa? Hari ini alasan daripada penduduk kampung MPKK buat bantahan kerana apa… banyak…

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Mohon mencelah sikit…

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Saya… saya tak bagi, *last* sebab Yang di-Pertua kata *last* dah. Sebelum Yang di-Pertua cabut *mic* saya ni…

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Yang Berhormat… … Yang Berhormat Tahan, 1 minit lagi.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Last… jadi kebimbangan penduduk kampung MPKK dan juga pihak masjid, pihak komuniti ialah kerana apa? Kerana apabila berlakunya penjualan yang secara terbuka, ada kedai-kedai runcit yang disewa kepada orang lain, jual, tulis pada cermin *beer here.* Ada tulis pulak makna iklannya. Jadi, sekarang ni dah banyak jumpa tin-tin arak tu di tempat-tempat awam. Oleh kerana itulah penduduk-penduduk kampung buat bantahan dan kita harap pihak kerajaan mengambil serius di atas bantahan ini. Kerana apa? Ianya demi untuk memelihara generasi anak muda di kawasan Taman Negara terutamanya. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan pada kali ini. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kita. Saya mohon menyokong. Sekian terima kasih. Assalamualaikum WBT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Waalaikumsalam. Terima kasih Yang Berhormat Wakil daripada Kuala Tahan. Ya, kita ada sedikit lagi masa sebelum kita menangguhkan Persidangan ini dan saya nampak Ahli Yang Berhormat daripada Pelangai. Berdiri dan duduk, berdiri, duduk barang kali ada sesuatu hendak menyampaikan ucapan juga. Ya, sila Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2020. Saya mengambil masa insya-Allah tidak lebih dari 5 atau 7 minit.

Pertama sekalinya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membentangkan er… Bajet yang sangat baik, mantap. Dan saya bergembira mendapat tahu bahawa Bajet kali ini, Bajet yang *surplus*. Dan selain daripada itu, ada peningkatan kutipan hasil. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya mengetuai rombongan ataupun misi pelaburan ke luar negara dan berjaya mendapat komitmen walaupun dalam bentuk MoU tetapi er… jumlah pelaburan yang ditarik insya-Allahnya adalah tinggi.

Saya hanya mengingatkan er… kerajaan, bahawa dalam kita cuba menambah hasil negeri, kita jangan pula er… menyusahkan rakyat dan juga menakutkan pelabur-pelabur. Saya ucap tahniah kerana tanah di bawah 10 ekar tidak dikenakan sebarang *quit rent* atau cukai tahunan tambahan. Saya pernah mencadangkan dahulu supaya cukai tahunan untuk tanah dibawah 10 ekar ini juga dinaikkan sebab arwah ayah saya mempunyai beberapa bidang tanah di Janda Baik dan saya lihat sekeping er… geran itu RM8.00 setahun, RM4.00 setahun, jadinya sangat sikit. Mungkin kita boleh naikkan RM15.00, RM20.00 tetapi janganlah naikkan sampai RM150.00, RM250.00 satu geran.

Ini boleh dikaji mungkin untuk Bajet yang akan datang. Oleh sebab kita telah pun er… menaikkan er… sikit sebanyak cukai di er… kawasan Perindustrian Gebeng. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengambil langkah memanggil segera pihak yang terlibat ataupun disebut *stakeholders* ataupun istilah Bahasa Malaysia, Bahasa Melayunya er… apa pemegang taruh… pemegang taruh.

Kita kena *enggage* dia orang. Sebab saya dapat tahu kadar kenaikan agak tinggi. Saya takut pelabur-pelabur nanti mengambil keputusan yang drastik dan mungkin merugikan kita. So *I suggest that the State Goverment through the barriers relevant department to meet the stakeholders. See them, with them in Gebeng explain to them why we need to raise taxes because we need the money to administer the State*. Jadi kita kena er… berhemah supaya bukan sahaja hasil dapat dikutip tetapi juga ianya tidak membebankan sesiapa.

Saya ingin juga menarik perhatian sedikit tentang itu soal arak, soal BMF. Masalah kita ini, kita ada media sosial. Saya sendiri tidak bersetuju kalau misalannya orang Islam berkempen memboikot barang-barang orang bukan Islam. Itu saya tidak setuju. Tetapi kalau ianya berkaitan dengan makan minum, itu saya setuju 100% seperti yang telah diterangkan oleh Ahli daripada Peramu semalam, penerangan yang agak jelas. Dan saya ingin er… Tanjung Lumpur. Peramu kita menangkan, Peramu kita dah menang. Jadi saya tak nak menyebut kawasan yang kita kalah.

Tetapi apa-apa pun sekarang telah jadi kawasan kita, sahabat baik. Kalau kita ambil pakaian Ahli dari Tanjung Lumpur, *jaket, kot* orang bukan Islam buat, serban itu gaya aja serban Islam, kain tu bukan orang Islam buat. Kasut, stoking, seluar dalam. Yang betul-betul syariah *compliance* ini, betul-betul halalnya ialah makanan dan minum itu sahaja.

Jadi Ahli Tanjung Lumpur risau kalau kita ke kedai yang syak, makan minumnya yang halal tidak, itu. Yang ini saya setuju kerana kita mengikutkan perasaan boikot-boikot. Maka kalau orang Cina pula, yang *control* sepenuhnya *hardware, shop* dan sebagainya dia tak nak jual simen kepada orang Melayu. Tak nak jual besi kepada orang Melayu apa akan jadi contohnya?. Jadi kita sepatutnya walaupun telah disalah faham oleh rakyat, kita mesti main peranan menerangkan sebagaimana telah dijalankan dan dibuat oleh Ahli daripada Tanjung Lumpur tadi seperti menerangkan bila *Buy Muslim First* itu bukan kita boikot, kita hanya mementingkan perkara mengenai halal haram.

Yang keduanya er… tentang er… jualan arak di er… Kuala Tahan. Saya tak pernah pergi tengok, tapi kalau bercampur aduk dengan kedai orang kampung ini saya ingat tak berapa kena la. Kalau nak buat, buat betul kedai arak. Bagi orang India, orang Cina menjualnya. Orang India, orang Cina bukan Islamlah. Kalau orang India, orang Cina er… orang Islam, serupa orang Melayu Islam janganlah bagi menjual. Tentukan tempat yang khas.

Kita kena ingat, kita ini ada 30 juta rakyat Malaysia. Orang Melayu ni 60 juta aja. Maksud saya 60% sahaja. Makna 18 ke 20 juta orang Melayu Islam, yang lain bukan Islam. Kita kena juga bagi muka kepada orang bukan Islam ini. Dia nak berjoget ke, dia nak berkaraoke ke. Asalkan jangan menganggu kita. Kalau ibarat kata mereka nak berkaraoke jangan ganggu orang sembahyang dekat masjid, itu maksud saya. Kita ini er… negara berbilang kaum.

Kemenangan Barisan Nasional Tanjung Piai ini tidak boleh juga kita nak dijadikan lagu hari-hari. Megah, bangga, takbur. Ini sebenarnya anugerah Allah untuk mengingatkan kita semua dan Barisan Nasional mesti menunjukkan bahawa dia untuk semua. Jangan jadi sebagai contohnya ada parti komponen, bukan ini politik, bukan politik Dato' Yang Berhormat Yang di-Pertua, tetapi kita ada sini sebab politik. Kena cakap juga sikit. Tak bolehlah UMNO *acting like a big brother you know, shouldering elbowing the other brothers away* tak boleh. Buli-buli tak boleh.

Itu sebabnya MCA dengan Gerakan, dengan MIC tak dapat sokongan kaum mereka. Sebab nampak mereka takda peranan apa-apa. *So* dengan kemenangan Barisan Nasional Tanjung Piai ini, mereka sepatutnya bersikap terbuka. Kita sebutkan kita ni untuk semua bangsa, untuk semua kaum. Barulah orang dapat bagi sokongan kepada kita.

Dan er… *I Just*… *sorry*lah, minta maaf Tuan Yang di-Pertua saya pun kena melatih Bahasa Inggeris juga, sebab saya kelas Bahasa Inggeris, pastu kekadang orang panggil berceramah Bahasa Inggeris. *We must remember there is a different between by-election and general election. By-election dan general election is a different big game, ball game altogether, it's not… it's not the same*, lain. Dia lain. Jangan ingat menang PRK kita… 4 PRK kita berturut-turut menang jangan.

Yang mustahak esok PRU. Dalam PRU ini kita ada nampak tanda-tanda Pakatan Harapan sepenggal tu dah ada, kuat sangat. Maknanya menunjukan dia orang ini sepenggal saja. Jadi kita bersiap, kita nak ambil alih balik. Mengambil alih balik kena buang tabiat lama, kena buang perangai buruk yang lama, siapa kita nak tonjolkan. Itu yang penting. Makna buat keinsafan kepada saya dan kawan-kawan *backbenchers* termasuklah rakan-rakan dalam kerajaan termasuklah Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Saya tidak lupa juga untuk mengambil kesempatan er… memberikan sedikit pujian kepada kepada Tuan Yang di-Pertua menjalankan tugas dengan er… tekun. Bukan senang nak menjadi Ketua Dewan ini, kita boleh keluar masuk…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Dato' Sri, Yang Berhormat, macam gaya nak mengulung pula dah cara ucapan Yang Berhormat itu tadi. Okay silakan. Mengulung pula dah. Okay sila.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Bila menyebut *Speake*r tu, nak mengulunglah. (ketawa) Maknanya *the Speaker has a done very good job* (Ahli Dewan menepuk meja) *Yes he has discharged his function fairly, judiciously* kerana sebagai *Speaker* macam hakim adil saksama. Maknanya kalau walaupun ahli… Tuan Yang di-Pertua daripada parti yang sama dengan parti memerintah, tetapi kalau ada Ahli-ahli Barisan Nasional yang mencelah atau menanya soalan tak tentu masa, ditolak juga. Maknanya Tuan Yang di-Pertua bukan er… menolak ahli-ahli penyokong kerajaan saja. Apabila beliau memberikan peluang tiga kali kepada Ahli dari Ketari bertanya, orang lain tak boleh bertanya, Ahli Ketari boleh bertanya, makna adalah sebabnya, (Ahli Dewan Ketawa).

Makna sebabnya paling jelasnya kerana Ahli Ketari pandai, dia menanya waktu pagi. Kita Ahli Kerajaan, saya nampak hari itu dari Kemayan bertanya kita dah nak minum air baru bertanya soalan. Kalau saya jadi speaker bukan setakat tak bagi bertanya saya suruh keluar je. Jadi begitulah maknanya saksamanya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sekali lagilah saya ucapkan tahniah pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga kepada Ahli-ahli Kerajaan yang telah memberikan sokongan kepada Menteri Besar dan kita semua Ahli Dewan sepatut memberi sokongan yang padu Menteri Besar yang menjalankan tugas dengan err … penuh komitmen dan err … melawat ke setiap tempat, berjumpa semua orang.

Ini salah satu perkara yang baik dan insya-Allah *if you carry on meeting the people, getting to know their problems, strength to solve their problem,* insya-Allah, Allah Taala akan bagi kita menang lagi dan kita akan bentuk kerajaan, dan Tuan Speaker boleh duduk atas itu sehinggalah Tuan Speaker tak berapa daya.

Yang Hormat Yang di-Pertua,

Terima kasih banyak minta maaf kalau … kalau ter… tersalah … salah terusik. Sebenarnya Tuan Speaker boleh mengarah saya keluar kalau nak halau, tapi dia segan jugalah sebab saya orang tua. Yang Hormat Yang di-Pertua, terima kasih banyak bagi peluang, minta maaf kalau ada kesalahan dalam kata-kata dan sekali lagilah saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan saya mohon menyokong. Terima kasih. (Ahli Dewan menepuk)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN,

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya rasa elok saya mengambil kesempatan ini untuk er… melihat ataupun memaparkan sedikit hasil daripada ucapan perbahasan Yang Berhormat DUN Pelangai. Ada dua tiga perkara yang boleh kita kongsikan bersama. Yang pertama, Yang Berhormat bercakap memerhati kepada Yang di-Pertua, ini contoh yang sebenarnya ucapan dalam dewan, tadi saya *highlights* ada Yang Berhormat berucap memandang ke ADN Tioman sahaja, contohnya. Sepatutnya pandang sedikit ke Yang di-Pertua.

Yang kedua, Yang Berhormat ADN Pelangai tadi bercakap tanpa teks. Ini sepatutnya kita berucap berlatih menyampaikan hujah-hujah tanpa ada teks. Walaupun kadang-kadang kita terbabas juga. Mana ingat kita bercakap tak tau, nampak juga tadi. Yang ketiga cakap dengan jelas dan terang, ini satu benda yang baik, yang boleh kita belajar. Ada juga Bahasa inggeris dengan izin, dan sebagainya. Yang keempat, ada unsur-unsur menetapi masa, dia minta lima enam minit, walaupun terlebih juga tadi, lebih dari enam minit juga tadi saya tengok tapi menghampiri juga … janji yang diberikan tadi ... ini yang baik. Selain daripada itu… selain daripada itu, isi-isi pun bernas, baik … yang boleh kita kongsikan menjadi teladan kita bersama.

Mandi laut mandi sungai,
Terima kasih ADN Pelangai.

Jadi ...

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Hormat Yang di-Pertua saya nak tanya …

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN,

Ya, silakan

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Dari segi komen tadi, saya ingat itu satu, satu ulasan yang baik kepada Ahli-ahli Dewan supaya kita dapat belajar sebagai contohnya kita tak boleh macam ni, teks boleh baca tapi di bawah, tak boleh dilihat begini, (menunjuk contoh sambal pegang kertas) Cumanya kalau sekiranya Yang Hormat Yang di-Pertua aa… mana menanda kertaslah untuk memberi markah, maknanya ADN dari Pelangai ni dia A ker A+?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN,

A, ADN Lanchang…. A, ADN Lanchang… Lancang, A+ ADN Pelangai lah…
(Ahli Dewan ketawa)

Kita sama-sama berseloroh, terima kasihlah semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Masa telah sampai ke penghujung. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seramai lima orang telah mengambil bahagian yang telah pun menyampaikan hujah-hujah yang baik dan cukup bernas. Saya bercadang untuk memberi peluang ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin membahaskan titah di… ucapan Rang Undang-undang sehingga ke sebelah petang nanti. Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah bercakap dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Saya bercadang untuk menempohkan sidang belah pagi dan kita akan sambung semula pada pukul 2.30 petang. Persidangan ditempohkan, terima kasih.

[*Persidangan ditempohkan jam 12.36 tengah hari*]

[*Persidangan disambung semula*]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Sambungan Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2020) 2019 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2020.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalammualaikum WBT dan Selamat Petang. Persidangan kita disambung semula. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan, Rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi di atas Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul yang telah dikemukakan kepada kita dan pada petang ini, kita akan menyambung Perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul ini. Saya jemput Yang Berhormat. Sila Chenor.

YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN SHAK

[Bacaan dalam Bahasa Arab] [Ayat al-Quran] Assalammualaikum WBT [Bacaan dalam Bahasa Arab] Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih kepada barisan Exco, rakan-rakan Ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan dan seluruh yang hadir pada petang yang bahagia ini. Pertama-tama saya bersyukur kepada Allah SWT diberikan peluang untuk berucap dan juga mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan Belanjawan Bajet Negeri Pahang. Jadi alhamdulillah, saya melihat… dan saya melihat strategi yang disusun dalam belanjawan ini yang melibatkan yang pertamanya berkenaan dengan negeri yang berdikari, ke arah negeri yang berdikari, memperkasakan perkhidmatan dan juga modal insan dan yang ketiganya mensejahterakan kehidupan rakyat.

Di mana dalam modal insan ini, Allah SWT telah menyebut dalam al-Quran dalam firman-Nya [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Di mana Allah SWT bersumpah “Demi masa, sesungguhnya manusia berada dalam keadaan rugi melainkan empat manusia yang tidak rugi. Yang pertamanya, manusia beriman kepada Allah yang percaya, yang yakin kepada Tuhan. Yang keduanya, manusia yang beramal soleh, yang melakukan kerja-kerja yang baik yang tidak menyalahi peraturan dan juga undang-undang negara termasuklah juga tidak menyalahi perintah Allah SWT. Yang ketiganya, manusia yang berpesan-pesan dengan kebenaran, yang berpegang kepada kebenaran dan juga yang keempatnya manusia yang sentiasa bersabar dalam berhadapan dengan segala ujian”.

Jadi apabila kita melibatkan menyebut berkenaan dengan modan insan, maka sudah tentulah pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam mendidik manusia ketika Allah SWT memerintahkan Bani Israel untuk berperang, berhadapan dengan musuhnya. Mereka enggan, lalu Allah SWT memerintahkan Nabi Musa AS bawa kaum ini, 40 tahun duduk di padang pasir er… Gurun Sahara, semata-mata untuk menukar masyarakat yang degil kepada masyarakat yang… yang baik.

Maka proses itu memainkan peranan yang… yang begitu lama. Jadi mendidik manusia ini sangat susah. Imam Syafie Rahimahullah Ta'ala menyatakan [Bacaan dalam Bahasa Arab] “Mentadbir dan juga mendidik manusia sangat susah, lebih sukar daripada mendidik dan mentarbiah manusia er… mentarbiah haiwan”. Maka kerana itulah untuk menjadikan manusia ini menjadi modal insan yang baik, maka sistem pendidikan dan seumpamanya er… perlu dikuatkan untuk mewujudkan atau menjadikan er… masyarakat-masyarakat yang berintegriti, masyarakat yang taat dan

patuh kepada perintah dan juga undang-undang. Maka kerana itulah er… dalam bajet ini, saya melihat bahawa er… kerajaan yang begitu prihatin untuk pendidikan ini, maka sudah tentulah mewujudkan peluang-peluang pendidikan yang lebih-lebih lagi mendidik manusia menjadi manusia yang baik melalui sistem dan juga silibus yang baik.

Maka kerana itulah saya menyokong dengan wujudnya bantuan-bantuan kepada sekolah agama negeri dan juga saya mewakili bagi DUN Chenor ini. Di Chenor ini ada sebuah sekolah agama. Jadi apabila kita menyebut sekolah, dia bergantung kepada guru dan juga er… pelajar. Bila takrif ataupun definisi berkenaan dengan sekolah ini dia mesti ada pelajar, mesti ada guru. Kalau ada pelajar sahaja tak jadi, dia mesti ada guru. Kalau guru sahaja, tak ada pelajar pun tidak menjadi. Maka kerana itulah kebajikan guru dan juga pelajar ini diambil kira.

Maka kerana itulah, er… saya mengharapkan perlu kerajaan buat kajian terhadap er… guru-guru ASPA yang gaji mereka ataupun elaun mereka, kalau boleh dinaikkan sedikit dalam suasana perbelanjaan yang makin meningkat pada hari ini, maka begitulah juga er… guru-guru, kebajikan guru-guru yang lain er… termasuk guru KAFA dan seumpamanya. Dan begitulah juga berkenaan dengan pembangunan sekolah. Saya juga mencadangkan ataupun minta supaya dibuat satu kajian terhadap sekolah agama ini yang permintaannya begitu tinggi tetapi penempatan itu tidak berapa banyak, menyebabkan ada masanya er… pelajar-pelajar yang telah pun berdaftar ataupun mengambil ujian terpaksa ditolak kerana masalah asrama dan seumpamanya.

Jadi, saya mencadangkan supaya Sekolah Agama Chenor itu ditambah lagi asramanya. Mungkin 4 tingkat ke berapa tingkat untuk menampung er… masyarakat yang inginkan anaknya mendapat pendidikan agama. Dan di samping itu juga, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang menubuhkan Tabung Bencana dalam suasana er… pada bulan Oktober yang lalu, Alhamdulillah er… beberapa orang mangsa ribut pada 29 Oktober yang lalu, telah pun menerima bantuan er… daripada kerajaan yang telah pun mana mereka telah ditimpa er… ribut di daerah sekitar Bukit Lada Kampung Awah, FELDAAwah.

Jadi ucapan terima kasih kepada er… Kerajaan Negeri yang begitu prihatin dan termasuklah juga berkenaan dengan banjir. Kita sedia maklum bila bulan 11, bulan 12, bulan 1, bulan 2 ini… ini diantara tempoh banjir. Er… Chenor di antara perkampungan yang banyak er… di tepi-tepi tebing sungai ini. Maka kerana itulah beberapa kajian yang dibuat di antara lain. Banjir ini memanglah kita tidak dapat nak tolak kerana ia kerja Allah SWT tapi dalam masa yang sama er… berjaga-jaga dan juga memberi perkhidmatan yang baik di samping menyalurkan bantuan-bantuan dan saya ucapkan terima kasih kepada agensi-agensi yang terlibat yang sejak daripada bulan lepas lagi telah pun bertungkus-lumus untuk berhadapan er… dengan banjir khususnya di daerah Chenor.

Dan di samping itu juga, saya melihat bahawa er… Simpang Kampung Awah itu dijadikan tempat yang sangat baik, strategik. Kalaulah dijadikan er… di kawasan itu sebahagian daripada pengumpulan er… barang-barang IKS ataupun industri kecil. Barang-barang keluaran produk-produk Muslim, yang kalau boleh er… dijadikan *One Stop Centre* maknanya satu tempat di mana barang-barang ini dikumpulkan er… khususnya di er… Pekan Awah itu ada pasar lama itu yang tidak digunakan ya saya kira masih lagi kosong. Kalaulah dijadikan situ tempat untuk persinggahan kebetulan pula dia pertembungan dengan Tol Chenor itu yang merupakan sebahagian kesibukan

manusia yang kalaulah dijadikan situ tempat untuk memperkenalkan juga produk-produk er… buatan Bumiputera.

Dan juga saya mengambil peluang ini juga untuk menyatakan bahawa kerajaan juga mesti melihat er… berkenaan dengan cukai-cukai lah. Cukai-cukai ini sebahagian er… daripada perbelanjaan kerajaan tapi dalam masa yang sama saya teringat kepada seorang mufakir daripada India er… Maulana Abu Hasan Al Nadwi… Abu Hassan Ali An Nadwi menyatakan bahawa kerajaan ini dia ada dua. Satu, kerajaan hidayah, dan satu kerajaan jibayah. Kalau hidayah, kerajaan yang mendapat petunjuk, mengikut petunjuk daripada Allah SWT dan satu lagi kerajaan jibayah. Jibayah ini kira kerajaan yang semua cukai. Hidup manusia di atas cukai. Maka kerana itulah keseimbangan diantara [batuk] cukai yang tidak membebankan manusia. Kerana manusia kita tahu sepertimana kalau pepatah ada menyatakan bahawa kamu boleh paksa manusia er… kamu boleh paksa kuda masuk ke dalam air, tetapi kalau kuda tu tidak mahu minum air, kamu tidak boleh paksa.

Maka kerana itulah, manusia begitulah juga. Mungkin kita boleh keluarkan amaran, notis dan seumpamanya tapi kalau dia tak nak bayar kot macam mana pun, maka mereka [batuk]… maka susah. Sebab dia berkelahi je dengan kerajaan seumpamanya. Maka dengan sebab itulah, dalam keadaan yang sedia ada ini, kita mengharapkan bahawa cukai-cukai yang tidak membebankan rakyat dalam masa yang sama juga negara juga mesti ke arah kebajikan supaya dia dapat [batuk] memberikan kesenangan dalam masa yang sama rakyat juga dapat memberi bantuan kepada kerajaan dalam mereka menjalankan kehidupan sebagai rakyat di negara ini.

Jadi saya kira cukup dululah ucapan ini, saya tak bercakap panjang. Mudah-mudahan Allah SWT memberikan perjalanan bajet ataupun belanjawan ini menuju kepada sasarannya dan mudah-mudahan mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Dengan itu saya mohon menyokong. Assalamualaikum WBT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Sila kalau ada Ahli Yang Berhormat berucap. Sila, Kemayan.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

[Ayat al-Quran], Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, selamat petang. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana sudi memberi izin ke saya untuk bersama-sama dalam er… dalam mengulas ucapan bajet yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat… Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 2 hari yang lepas.

Saya tidak bercadang untuk bercakap panjang, cuma ada beberapa perkara yang perlu disentuh berkenaan dengan bajet dan juga pasal hal kawasan saya. Macam mana sekalipun, kita amat berbangga dan ucapkan terima kasih dan sekalung tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Besar. Saya tak ingat nak berucap tadi, tapi tengok dah tak ada orang ini, serupa "tangkap muat" juga lah (ketawa). Dalam keadaan er… Kerajaan Negeri yang bersungguh-sungguh untuk menjayakan negeri Pahang kita ini, kita juga ambil kesempatan mengu… mengucapkan… merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan diatas kelulusan… di atas beberapa projek yang di antaranya berkenaan dengan peruntukan yang telah diberikan kepada pihak FELDA ye, lepastu… RM10 juta.

Keduanya, peruntukan sebanyak RM69.5 juta daripada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Dan yang ketiganya, bekalan air kawasan perindustrian Gebeng, Semambu dan Raub. Saya boleh katakan bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, merupakan sebuah bajet yang berhemah dan yang seimbang dan juga mesra rakyat di mana bajet ini bertemakan pertumbuhan berpaksikan rakyat, iaitu dengan memberi tumpuan kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Dalam bajet ini juga, Kerajaan Negeri sepertimana yang kita tahu semua mengambil maklum, *tagline* Kerajaan Negeri Pahang adalah "Maju Terus Pahang" dan juga "*Pahang 1st"* dan dalam bajet ini, dia fokus kepada 3 strategi utama. Yang pertamanya melonjakkan ekonomi ke arah negara berdikari. Keduanya memperkasa perkhidmatan dan modal insan. Ketiganya er… mensejahterakan kehidupan rakyat.

Dato' di-Pertua,

Komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan dalam masa 3 ke 4 tahun ini mencapai sasaran RM1 billion pendapatan adalah amat-amat dialukan dan diucapkan ribuan tahniah. Ini adalah satu wa… wawasan yang cukup baik yang dikatakan yang mungkin selama hari ini tak terfikir ya. Mungkin terfikir tapi pelaksanaannya… mungkin ada kekangan. Cumanya dalam ucapan saya ini, saya nak menyentuh sedikit tentang kutipan duti hiburan. Saya ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan berkenaan kutipan duti hiburan ini, dalam bentuk hiburan bagaimana yang diistilahkan… yang diistilahkan hiburan itu, dari segi lesen hiburan ini? Mungkin berkaitan dengan judi, arak ataupun sebagainya dan juga di manakah ikon itu diletakkan? Er… Saya minta pihak kerajaan boleh mengulas sedikitlah tentang perkara itu.

Dan seterusnya berkenaan dengan cukai tanah ya, di mana telah disebut sebagai contohnya, er... contoh di sini er… semakan cukai dibawah Seksyen 101 Kanun Tanah Negara 1995, yang melibatkan kira-kira 700 ribu hakmilik yang selama ini tak pernah disemak. Dah lama sangat dah tak disemak dan er… kutipan hasil akan di… akan dilakukan ke atas tanah-tanah yang lebih daripada 10 ekar ke atas. Yang ini dijangkakan kita boleh dapat keuntungan pendapatan cukai sehingga RM400 juta.

Seterusnya Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengulaskan tentang permasalahan di kawasan saya lah. Pertama, saya nak sentuh tentang lalat. Saya tengok sekarang ini, pembiakan lalat di kawasan saya juga di… mungkin di kawasan-kawasan lain di… di negeri Pahang ini cukup ketara. Pembiakan lalat ini terlalu hebat diperkatakan. Kadangkala itu, kalau kita hadir dalam majlis-majlis kenduri kahwin contohnya. Orang kata apa, halau lalat tu, se… selak lalat boleh jumpa nasi, begitu perumpamaannya.

Dan kadang-kadang kita merasa malulah dalam er… keadaan begini sebagai tuan rumah ya, bila lalat penuh di kawasan kita, di majlis kita, kita akan rasakan suatu keadaan yang tak selesa. Dan di bawah… di bawah Enakmen Perladangan Unggas 2005, saya rasakan di dalam enakmen ini cukup untuk kuatkuasa dijalankan contohnya. Saya mencadangkan kalau sekiranya ada kekurangan dari segi enakmen tersebut, minta Kerajaan Negeri tolong perhatikan, dikemaskinikan dan kalau boleh dikuatkuasakan.

Perkara ini terlalu lama Dato'… Dato' Yang di-Pertua, dan seharusnya Kerajaan Negeri kena selesaikan perkara ini sebaik mungkin. Saya bersangka, punca lalat ini membiak adalah kerana faktor alam sekitar yang tercemar. Salah satu punca pencemaran tersebut adalah mungkin… mungkin er… daripada reban ayam, ya. Sebagai contohnya Dato' Yang di-Pertua, contohnya tempoh pengeluaran ayam daging. Ia makan masa selama 30 ke 42 hari ya, untuk mengeluarkan seekor ayam

yang cukup saiznya lebih kurang 2.3 kilogram seekor, yang mana seekor ayam ini akan mengeluarkan lebih kurang 3.5 kilo najisnya, tinja sehari… seekor sehari.

Cuba bayangkan kalau reban itu ada lebih pada seribu ekor, cukup banyak najisnya yang dikeluarkan. Dan najis ini akan mengeluarkan satu bau yang agak kurang selesa, yang mana ia menghasilkan gas ammonia ya, NH_3 dan juga *hydrogen sulfide* H_2S. Yang mana yang baunya akan...akan menarik minat untuk lalat ni ber... datang dan juga berkembang. Kita dalam sektor ternakan er… ayam ini, kita dapati yang *self-sufficient level* dia adalah lebih daripada mencukupi dan saya rasakan tak perlunya pertambahan reban-reban ayam lagi di negeri Pahang ni dan juga di Malaysia.

Sebagai contoh yang diberikan oleh pihak Veterinar, Jabatan Veterinar, kita dua kaedah reban ayam dibenarkan, ya. Pertama secara tertutup dan keduanya secara terbuka. Dan kalau pengusaha tu buat secara terbuka, dia ada kaedah yang sepatutnya diamalkan supaya tidak menghasilkan pembiakan lalat yang besar.

Yang keduanya Dato' Yang di-Pertua, saya nak menyentuh tentang bekalan air di perkampungan orang asli di tempat saya. Asalnya dulu, bekalan air ini diselenggarakan oleh pihak *Rossington.* Tetapi malangnya pihak *Rossington* ini gagal melaksanakan tugas, dan telah pun saya difahamkan telah pun ditamatkan perkhidmatannya. Jadi sistem bekalan air di perkampungan asli ini terbengkalai, terbengkalai begitu saja dan sistemnya rasa saya masih elok lagi dan saya cadang kepada pihak Kerajaan Negeri, supaya mengambil alih. Mengambil alih sistem bekalan air tersebut dan saya… maknanya pihak Kerajaan Negeri harus pergi ke tempat-tempat ini membuat analisa ataupun membuat satu perkiraan tentang apa yang perlu, sistem apa yang perlu dibaik, dikemas kini.

Mungkin ada sikit-sikit kerosakan ya, yang perlu diperbaiki, dan setengah-setengah kampung itu Dato' Sri, bekalan elektrik telah pun dibekalkan. Tetapi sistem asalnya adalah sistem enjin diesel ya, enjin diesel. Tetapi banyak kebanyakan kampung-kampung ini ada bekalan elektrik. Sepatutnya saya rasa tak perlu lagi kita am… meneruskan sistem enjin diesel tersebut, kita boleh tukar kepada elektrik *supply* dan kita minta mohonlah kepada Kerajaan Negeri untuk ambil berat perkara ini dan cuba selesaikan.

Dan seterusnya saya nak cerita sikit pasal Lynas. Aktiviti Lynas dan baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan, yang lesen Lynas di Gebeng, tempat kita ini disambung enam bulan lagi dan keduanya sistem-sistem Lynas ini akan diletak di tempat kelulusan kekal di dalam negeri kita. Dan di sini saya mengesyorkan pada Kerajaan Negeri, pasal apa kalau ikut pada penyelidikan yang dibuat oleh pakar-pakar mengatakan radioaktif, kadar radioaktif yang dikeluarkan oleh Lynas ni, adalah amat minima dan tidak membahayakan penduduk.

Jadi adalah, saya mencadangkan adalah elok sekiranya, kalau betullah sistem Lynas ini nak dikebumikan di negeri kita, ini adalah satu sumber pendapatan baru. Kita… kita bukan mengambil kesempatan, tetapi alang kepalang ya, alang kepalang semua negeri tak nak terima dan benda ini jadi isu besar kita kenakan sewa yang agak lumayan. Ya, ha... kita maknanya kita ada sorong tarik kita. Cukup-cukup Dato' Sri, bagi saya, selama ini kita berkorban. Contoh, saya bagi contoh, RAMSAR. Kawasan tadahan air kita. Di Kawasan tadah… RAMSAR tadahan air segala pokok-pokok hutan ini tak boleh tebang. Kita jaga pokok-pokok hutan ini.

Sedangkan hutan ini adalah sebahagian daripada hasil Kerajaan Negeri yang tak dapat ya, kita beri kerjasama kita tak dapat apa. Begitu dengan Lynas ini. Alang

kepalang hendak... nk kebumikan sisa di ke… negeri kita, kita kena caj yang sebaik-baik mungkin yang boleh menjamin kita, menjamin rakyat kita ini boleh disejahterakan ya, kenakan maksimum kalau boleh.

Saya nak sentuh sikit tentang MPKK. Nak tukar kepada MPKKP. Kemudian ada cita-cita di negeri misal kata tak boleh berunding Kerajaan Pusat, kita akan teruskan dengan JKKK. Ini adalah satu-satu bagi saya, satu pendekatan yan bagus oleh Menteri Besar kita dan kita tak boleh tunduk ya, kita tak sepatutnya tunduk kepada desakan yang bukan-bukan oleh kerajaan... kerajaan pusat. Kerana selama ini, macam sahabat saya dari Pulau Manis bercakap pagi tadi, tak ada masalah sebenarnya. Dah tubuh MPKK itu, dan kita pun dah tubuhkan tapi malangnya wakil daripada pihak PH tidak tampil. Dia nak lima orang, tetapi sampai sekarang kita tunggu lima orang tak wujud.

Jadi buat apa, kita bukan masalah kita lagi. Masalah sekarang ini, masalah daripada wakil PH yang tak bagi kerjasama kepada kita. Jadi saya rasakan pendekatan Kerajaan Negeri supaya tidak tunduk desakan menteri supaya MPKKP ini diwujudkan, adalah tepat, ya. Dan ini salah satu, dan kalau kita benarkan ini salah satu cara Pakatan Harapan untuk memecahbelahkan masyarakat supaya dapat lebih lagi *political mileage ya*, dan *political mileage* sebenarnya adalah… saya ni bila tak cukup tidur ini, ngantuk ni dia cakap dia telo. [ketawa]. Itulah maknanya m...pertahankan keputusan kerajaan negeri tentang ya, tentang JKKK.

Keduanya, ketiganya ke berapa tak tahu, keempatnya. Saya nak sentuh sikit pasal perubahan tempat duduk di kalangan Ahli Dewan ini. Jadi tiga hari lepas ya, cerita pasal perubahan tempat duduk ni selepasnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi, membentangkan bajet ya, semasa kita rehat minum, kita pun dikejutkan. Saya terkejut juga, rupanya jadi isu besar. Rasanya Ahli Dewan rasanya tak besar, tapi isu besar jadinya. Di mana pihak-pihak pembangkang tu, PH kita telah berkumpul dan memberikan *press statement* mengatakan tak puas hati ya, kerana kedudukannya diubah. Sepatutnya bila berjumpa dengan r*eporter*, berbincang tentang bajet.

Ini perkara kecil, perkara remeh. Macam yang sahabat kita daripada Tanjung Lumpur bercakaplah. Kalau sudi katakan tak puas hati duduk di sana, silakan ke sini kan. *Joint* kerajaan. Betul tu Tanjung Lumpur cakap itu. Sepatutnya bincangkan pasal bajet, ulasan bagi pembentangan bajet, bagus tak bagus, sepatutnya bagaimana bajet di Kerajaan Pahang ini, untuk penambahbaikan lagi. Bukan membincang pasal tempat duduk. Kecil sangat benda remeh. Jadi bagi saya Dato' Yang di-Pertua, ahli-ahli pembangkang yang ada dalam Dewan ini tak cukup matang. Tak cukup matang tak cerdik Tuan Yang di-Pertua. Itu pasal kalau kita tengok kalau di Dewan Negeri pun dia orang tak cerdik, macam nana nak pergi berjuang kat Parlimen. Itu pasal kita tengok di Parlimen sekarang ini, kalau Ahli-ahli Parlimen daripada Kerajaan PH, semuanya mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang kita boleh katakan bengong…

YB. EN CHOW YU HUI

Mencelah. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tahu YB. Kemayan, apakah masalah kami jawab kepada *reporter* bahawa tempat-tempat kedudukan sudah tukar? *So,* kami nak tanya status, adakah PAS adalah sekarang salah satu *member* kerajaan atau tidak? Ini sahaja.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Dato' Yang di-Pertua,

Dari isu tempat duduk ini, Dato' Yang di-Pertua dah cakap. *Speaker* cakap hari tu adalah kuasa sepenuhnya Speaker untuk menentukan duduk... saya pun boleh diarahkan suruh duduk sana, kalau S*peaker* arah duduk sana saya duduk sana. Kalau keluar, saya keluar. Maknanya saya taatnya *Speaker.* Walaupun *Speaker* kadang-kadang tiga kali saya bangun, tiga kali saya bangun nak celah, nak Tanya, soalan tambahan, speaker *tak* bagi, *Speaker* lebih layan Ketari. [Ahli Dewan ketawa] Ha.

Kalau Ketari tak payah berdiri sambil duduk jer. Soalan tambahan.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Sebab Ketari tanya soalan yang betul, yang tidak merapu-merapu jadi eloklah teruskan perbahasan yang baik dengan jelas daripada cakap benda yang tak betul.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Kesimpulan dia, walaupun saya dilarang bercakap, dilarang berdiri, saya tetap men... apa ini, berdiri teguh di belakang Speaker. Ha....(Ahli Dewan tepuk meja). *So*, pihak sana jangan layan sangat. Kadang-kadang saya terasa. Bila saya bangun suruh duduk, bila saya bangun suruh duduk. Tapi kalau orang sana bangun! *On*! Jadi tak adil. Jadi kami di sini, dia duduk di barisan ini kadang-kadang kecil hati juga...

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, minta laluan. Baru-baru tadi Wakil dari Kemayan dia cakap dia taat kepada *Speaker,* tapi lepas tu dia cakap keputusan *Speaker* tidak adil. Apa, apa cerita lagi.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Dato' *Speaker,*

Kita ini macam anak-beranak. Saya lebih bergurau. Dengan *Speaker* sementelah duduk sebelah saya ha... mana saya berani, saya bergurau, ya *Speaker* ya. Tak apalah kita bercerita…

YB. DATIN SHAMSIAH BINTI ARSHAD

Minta laluan, minta *Speaker*?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATIN SHAMSIAH BINTI ARSHAD

Beginilah, setahu saya, er... Ketari ini memang daripada mula dia duduk di belakang, kan? Tapi semua orang nampak dia je. Jadi duduk belakang ni lebih jelas orang tengok daripada saya duduk di depan ini ha. (Ahli Dewan ketawa) Terima kasih.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato'… Dato' *Speaker,*

Saya pun menumpanglah, mencelah. Sebenarnya masalah apa ni Dato' *Speaker* tidak beri laluan kepada kami di sini. Perkara tu kecil je. Tapi masalah yang kami pertikaikan ialah pada hari semalam *Speaker* menyebut "Hah! Sapa, sapa bertanya ini, sapa bertanya ini". Sebab apa, Ketari sepatutnya hormat Dewan untuk mohon laluan berdiri dulu, kemudian tekan butang, menyala merah, *Speaker* nampak. Ini dalam duduk. Dia tak bangun pun. Itu yang kami perhatikan. Maknanya dia duduk tapi *Speaker* buat tanya "Sapa ni, sapa tanya ini! Oo… Ketari… silakan" itu yang kami marah. Bukan kami tak ikut dan tak akur pada *Speaker.* Jadinya keadanya begitu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Mungkin *Speaker* memandang banyak sebelah kiri, agaknya. (Ahli Dewan ketawa) Tak apa nanti kita bagi keutamaan kepada yang, YB.-YB. yang sebelah kanan sana.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Tapi minta maaf *Speaker* ya, tanya sikit ya, tapi *Speaker* tak juling kan? (Ahli Dewan ketawa) Mana tau juling kiri? Tidak ya?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay teruskan.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Teruskan. Saya nak sentuh sikit tentang bencana alam yang sering berlaku, baik di kawasan saya ataupun di kawasan-kawasan lain, kawasan-kawasan sahabat saya, terutamanya bila terlibat kebakaran, rumah terbakar. Sebuah rumah tu kalau nak duduk kalau dengan harga sebuah rumah PPRT, saya rasa mungkin dekat RM50,000.00. Itu rumah PPRT, ya. Tapi kalau kejadian berlaku rumah terbakar terus, orang kampung ini, bermasalah nak mengumpul duit sebanyak RM50,000.00 nak bina satu rumah baru.

Jadi saya mintak Kerajaan Negeri fikirkan penyelesaian yang paling sesuai yang agak berkesan, contohnya saya cadangkan syor diadakan insuran berkelompok. Hah, fikirkan kaedah itu, macam mana, saya tak tahulah. Fikirkan tentang isu berkelompok benda… apabila berlakunya kebakaran, jadi tuan punya rumah ni adalah, hah, adalah, ikhtiar ada, adalah harapan dia untuk memiliki rumah baru, sebuah rumah. Apabila sekarang ini kadang-kadang bila jumpa Wakil Rakyat, kita setakat berapa je yang boleh kita tolong. Dan kalau kita berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun, setakat berapa je yang boleh kita tolong.

Jadi nilai sebuah rumah itu, nilai pertolongan kita yang beri pada mangsa bencana tak memadai, ya. Mungkin dengan peneroka FELDA mungkin dia, dia sikit kebaikan, kelebihan yang saya tahulah dululah. Sekarang tak tahulah kot sekarang FELDA tak ada duit. Kalau dulu FELDA sendiri ada insuran berkelompok. Kalau terjadi malapetaka, pihak FELDA ada insuran dia. Maknanya harapan itu adalah di kalangan mangsa. Yang kita risau ni melibatkan kampung tradisional. Minta Kerajaan Negeri fikirkan perkara ini. Berapa minit Yang di-Pertua?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

1 minit.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Oh... 1 minit lagi. Nak cerita tentang Tanjung Piai ini…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

1 minit…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Tanjung Piai ini, kurang-kurangnya kalau 14 hari di sana, kurang-kurangnya di sini 40 minit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dah lebihlah 20 minit.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Oh… 20 minit?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dah lebih 20 minit saya bagi…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Dato' Sri *Speaker,*

Kisah Tanjung Piai ini, kita pun tak jangka. Semua orang tak jangka. Yang kita beroleh kemenangan besar…

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Boleh saya…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Berapa minit?

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Dato' Sri *Speaker,* Tanjung Piai ini dah habis, dah menang pun, teruskan bahas tentang negeri Pahang sajalah. Tak payahlah sebut negeri lain.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Okay, okay, okay. Dato', ada orang terasa ye. Tak apa Dato' kita menang besar. Bila kita menang besar, ramai orang takut sekarang ini. Tambah tadi Dato' Sri DiRaja…

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Mencelah lagi?

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Ha mencelah. Nampaknya tadi yang, yang… Yang Berhormat Pelangai berucap masa itu mungkin YB. Kemayan tiada dalam Dewan la saya rasa, kerana YB. Pelangai telah pun beritahu teguran kepada…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Ini tuduhan fitnah. Ha, tengok. Pakatan Harapan suka menfitnah. Masa Dato' Sri DiRaja bercakap saya di sini. Saya dalam keadaan mengantuk, saya celik mata saya tau tak.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Ya, itu sebab saya, saya, saya juga rasa mengeliru kerana YB. Pelangai berada di sini, berucap tentang Tanjung Piai juga. Dia dah beritahu semua pihak dah, dah lepas dah semua, er… apa tu, pihak mana-mana pun jangan er… apa tu, sombong tentang keputusan ini. Sekian.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Saya Dato'… Dato' *Speaker,* saya tak sombong. Dan kita semua di belah kerajaan yang memerintah tak sombong. Dan kita rasa bangga, kita menang besar di Tanjung Piai, inilah gambaran petunjuk mengatakan kerajaan PH yang ada sekarang ini kerajaan sepenggal. Jadi yang ada sekarang ini, wakil-wakil PH hati-hatilah, ya kalau perlu siapkan diri, siapkan diri. Terutama Ketari. Ketari kalah.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Kemayan nak datang Ketari ke? (Ahli Dewan ketawa) Datanglah, saya jemput. Kita boleh makan dekat Lemang Tok Ki. Terima kasih Kemayan.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Dia cakap apa? (Ahli Dewan ketawa) Ajak apa tadi? (Ahli Dewan ketawa)

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Saya ajak makan dekat Lemang Tok Ki.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Oh saya, saya seram sejuk. (Ahli Dewan ketawa) Saya seram sejuk Dato' *Speaker.* Tapi, tak apalah. Nanti kita *pm* tepi. (Ahli Dewan ketawa)

Dato' *Speaker,* akhirnya. Eh! Ada lagi. Sikit lagi. Saya tangkap muat ini. Er... tak apalah, saya rumus jelah ya. Dan umusan saya dalam bentuk pantun. Boleh ya Dato' *Speaker*? Pantun saya pertama;

Dari Bera ke Tanjung Piai, (elergic Piai ni…)
Singgah Pontian beli nenas madu,
Sungguhlah hati hancur berkecai,
Melihat PH kuat menipu.

Dan keduanya,

Ketari memang wakil tunggal,
Orang kuat parti DAP,
Tak lama lagi akan kena tinggal,
Setelah habis pati diberi.

Sekian. Wabillahi taufik. Saya menyokong Usul ini. (Ahli Dewan menepuk meja)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Kemayan. Sila, Pulau Manis. Saya bagi keutamaan Pulau Manis hari ini, sebab saya pandang sebelah kanan. (Ahli Dewan ketawa) Sila.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang dan ruang laluan untuk sama-sama kita membahaskan ucapan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Isnin yang lalu. Pertamanya saya merakamkan ucapan tahniah dan berbangga di atas kehebatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kita, yang kita kasihi yang dapat meneruskan legasi kepimpinan yang telah diturunkan oleh mantan kita yang masih ada bersama-sama di Dewan ini, Dato' Sri Diraja saya tahu banyak membimbing kita semua.

Jadi, tahniahlah saya kepada Yang Amat Berhormat yang begitu prihatin sekali terhadap pembentangan bajet terutamanya untuk memastikan rakyat Pahang berada di dalam keadaan sejahtera, aman, makmur. Walaupun kita salah satu ataupun sebuah negeri yang sekarang ini agak janggal memerintah di Pahang tetapi berkuasa di Pusat adalah kerajaan lain, Kerajaan Pakatan Harapan.

Yang keduanya, saya merakamkan juga ucapan tahniah kepada Ketua-ketua Jabatan. Saya tahu sebenarnya bukan senang Ketua-ketua Jabatan untuk mentadbir negeri yang dibawah Kerajaan Barisan Nasional tetapi dipusatnya di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Tetapi di atas kebijaksanaan masing-masing yang telah mentadbir Negeri Pahang ini sejak lebih daripada 61 tahun yang lalu. Insya-Allah, dengan kepimpinan yang telah ditunjukan, kita sama-samalah membangunkan er… penduduk-penduduk atau rakyat Pahang.

Dato' Yang di-Pertua,

Saya sebenarnya mula-mula tidak juga rancang untuk cakap kerana saya ini bercakap berdasarkan kepada *mood*. *Mood* di dalam Dewan. Biasanya saya apabila mendapat *mood* daripada pihak rakan-rakan pembangkang kita di sebelah sana, yang… yang mengapi-apikan ataupun, atau membawa satu perkara yang kita rasa patut kita bahaskan, patut kita sanggah baru *mood* saya datang. Tapi dalam sehari, dua ini berpuluh-puluh dah pantun. Saya nampak ya, Ketari memang hebatlah sebab Ketari ini walaupun dia… tadi saya kata khabar dia tak lama lagi nak pecah er…tapi dia *steady* lah.

Dato' Yang di-Pertua,

Perkara yang pertamanya yang saya nak tegur ialah ataupun nak nyatakan dalam Dewan ini ialah berkenaan dengan kebajikan. Kebajikan Orang Asli seperti yang saya sebut dalam masa mencelah waktu soal jawab pagi tadi. Memang jelas dan nyata bahawa keadaan pada hari ini ya, saya tahu sahabat saya daripada Pejabat Pendididkan Pahang ada sini.

Saya nak beritahu ramai penduduk-penduduk Orang Asli datang ke rumah ataupun datang ke pejabat YB. Kawasan menyatakan mereka dalam kesempitan. Mereka tidak dilayan lagi seperti dulu. Mereka tidak ada lagi orang kata bayaran *transport*, kenderaan untuk membawa mereka ke sekolah. Tak ada van dah, tak ada bas dah, dan kemudian begitu juga mana-mana yang duduk di sekolah-sekolah berasrama pun sekarang ini dah duduk dikampung. Tak ada pihak dah yang sanggup untuk menghulurkan bantuan membayar yuran asrama. RM1.00 sehari saja, sebulan RM30.00. Ini pun PH tak boleh tanggung, ini pun PH tak boleh bantu.

Ini yang belaku sekarang ini. Begitu juga dengan apa ini makanan RMT. Sebagai cikgu, bekas guru saya masih ingat lagi. RMT zaman BN memerintah dulu, cukup mewah, cukup mewah anak-anak kita bersekolah di sekolah rendah. Berebut-rebut, jatuh, luka lutut, terhantuk kepala, melecet lengan kerana pergi ke apa ini… kantin untuk mendapatkan bekalan makanan. Tapi sekarang ini, dahlah dipilih, sedikit pula itu. Kalau dahulunya orang kata 80 orang satu hari dibekalkan dengan makanan RMT, sekarang ini tinggal lebih kurang dalam 20 orang saja. Pilih pula, pilih tak tepat pula, tak betul pula, tak kena. Ini masalahnya sekarang. Ha, itu yang pertama.

Er… yang kedua, yang saya nak nyatakan juga ialah kita Wakil Kerajaan pada hari ini ada 25 orang, orang BN dan kita disokong oleh sahabat-sahabat 8 orang daripada PAS. Masalahnya sekarang, kami tak dibenarkan masuk dalam kawasan sekolah. Nak masuk dalam kawasan sekolah kena tanggalkan plat atau lambang dacing, lambang apa ini ADN, satu. Masuk dalam kawasan sekolah tak boleh pegang *microphone,* tak boleh nak berucap.

Dua, masuk dalam kawasan sekolah hanya kalau dia suruh rasmikan majlis, ambil gunting kerat riben, duduk makan, itu sahaja. Tetapi yang saya nak maklumkan bahawa, ibubapa, PIBG masih lagi menghulur surat, masih lagi menghantar surat kepada YB. masing-masing untuk memohon sumbangan. Nak buat program itu, nak buat program ini. Tapi masalah sekarang, ini yang berlaku dan mungkin saya tak sedih lagi Dato' Yang di-Pertua, tapi bila saya jadi sedih.

Apabila datang jumpa saya memberitahu jemput Timbalan Menteri. Dah beri pengakuan akan hadir, tiba-tiba tak hadir. Hantar wakil. Siapa wakil itu? Kalau wakil itu batang tubuh yang betul-betul pegawai khas yang memang, memang orang kata yang boleh ada kuasa dan sebagainya tak apa. Ini hantar wakil bercakap pegang *microphone* pun tak pandai. Ini tak betul. Tapi tak apalah, orang PH bagi laluan kepada rakyat sedar balik. Insya-Allah, betul Dato' Fadil sebut tadi. Kalau ini cara buatnya, sepenggallah ini dia benda nak beritahu.

Dan satu perkara lagi Dato' Yang di-Pertua, ini yang jadi mangsa kepada…

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Mohon izin, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat er… ADN Pualu Manis ini marah sangat pasal apa? Biarlah, biarlah dia orang tak bagi masuk lagi baik. Maknanya prestasi dia merosot, rakyat tak percaya akhir kita menanglah balik insya-Allah. Jangan marah.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Terima kasih saya kepada er… Dong, yang memang selalu menasihatkan saya begitu tapi saya ini saya sedih. Saya sedih dengan rakyat yang datang mengadu. Dia mengatakan jemput Menteri, siapkan apa ini makanan sedap-sadap macam saya melayan YB. juga dulu-dulu. Tapi bila dah sampai masa tak datang. Ramai orang tunggu. Yang ini yang berlaku.

Okay, itu yang berkaitan dengan jabatan. Ini...

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Pulau Manis nak tanya sikit, Yang di-Pertua. Dia datang itu, wakil yang datang itu, dia datang kosong ke ataupun dia datang dengan sesuatu?

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dia… okay, begini. Dia datang, kemudian dia rasmikan majlis. Dalam majlis adalah kita ini bangun mohonlah sedikit peruntukan. Dia boleh khabar, okay, awak tolong buat surat. Saya ini boleh tolong ambil surat awak itu untuk bawa kepada Menteri saya. Itu saja janji dia yang boleh. Maknanya tolong bawa surat. Itu cerita dia.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Mohon mencelah. Tuan Yang di-Pertua, menurut Timbalan Menteri Pendidikan Teong Yee Ching pada dua… dua hari lepas yang menjawab di Parlimen menegaskan tiada sebarang dasar yang menghalang Wakil Rakyat termasuk pihak pembangkang daripada menghadiri program yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

Yang melarang pembangkang masuk sekolah adalah budaya Barisan Nasional. Kami tak pernah masuk ke sekolah semasa kami jadi pembangkang masa pembangkang tapi sekarang tapi peringkat persekutuan. Oleh itu, saya harap er… Pulau Manis boleh jelas isu ini.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Saya mohon celah sikit. Dato' Yang di-Pertua, baik Menteri ke, Timbalan Menteri ke selagi Timbalan Menteri, Menteri datang dari PH, semua tak boleh pakai. Dalam Dewan, dalam Parlimen boleh dia cakap bohong, ini pula diluar. Lagi kencing meleret, tahu tak.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Tuan Yang di-Pertua,

Er… saya rasa tuduhan ini tidak betul kerana dalam kawasan saya pun, walaupun saya tidak akan sebut nama er… pemimpin tersebutlah. Bekas er… Menteri er… di Ahli Parlimen… bekas Ahli Parlimen di kawasan saya juga. Beliau juga er… dibenarkan masuk ke sekolah lepas Pilihan Raya Ke-14 ini. Jadi ini dah biasa, jadi saya rasa ini mungkin ada er… salah faham tentang sekolah di antara Wakil Rakyat

ke macam mana tetapi ini memang tiada satu peraturan yang melarang sesiapa pun masuk ke sekolah.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Minta laluan pengalaman saya ialah ada pegawai yang memberitahu saya, apabila kami menyampaikan bantuan kepada pelajar sekolah, pegawai berkenaan itu apabila er… program itu dijalankan di bangunan sekolah, pegawai berkenaan diberikan amaran dan surat tunjuk sebab.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Celah. Jika memang ada berlaku er… insiden macam ini. Kami memang tidak setuju, Pakatan Harapan tidak setuju. Semua Wakil Rakyat patut berhak masuk ke sekolah.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Dato' Yang di-Pertua,

Tentulah kamu tak setuju. Pasal kamu mewakili Kerajaan yang memerintah jadi kamu mendapat akses yang luas. Kami… tapi bagi kami, macam daripada Cheka cakap itu betul. Kita ada bukti dan kita dilarang untuk menghadir ke sekolah. Mesyuarat PIBG pun tak boleh datang.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Okay. Tuan Yang di-Pertua, Saya minta se, se, sesiapa yang pegang bukti ataupun pegawai. Sila hantar nama kepada saya. Saya akan terus *complaint* kepada er… pihak Kementerian. Sekian

YB. ENCIK LEE AH WONG

Tuan Speaker,

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB. ENCIK LEE AH WONG

Berkenaan namanya…

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB. ENCIK LEE AH WONG

…tidak berani diumumkan. Terima kasih.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Berhormat Pulau Manis, sila teruskan.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Beri Pulau Manis teruskan ya.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Teruskan.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Terima kasih. Saya… walau bagaimanapun, kalau saya tidak menjawab tentang peristiwa itu mungkin kata saya berbohong di Dewan ini. Saya nak beritahu dua peristiwa, peristiwa yang pertama saya menyampaikan peruntukan biasiswa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Yayasan Pahang kepada 836 pelajar dalam DUN Pulau Manis dalam bulan Februari yang lalu. Saya terpaksa mendapat kebenaran daripada Yang Hormat Dato' Pengarah Pendidikan Pahang melalui panggilan telefon.

Beliau pada masa itu ada di Pulau Pinang, Pejabat Negeri tidak berani nak bagi respon setuju atau tidak. Oleh kerana saya bersahabat dengan Dr. ini tadi, Dato' Pengarah, dia kabor boleh masuk. Jadi saya masuk sebab menyampaikan biasiswa. Tetapi malangnya, malangnya saya nak beritahu tak pernah-pernah berlaku. Datang bil RM2600.00 kena bayar… kena bayar kerusi yang digunakan oleh anak-anak dan ibu bapa, kena bayar sistem siar raya yang saya pegang untuk bercakap. Cuba bayangkan. Ha, itu satu.

Yang kedua, saya telah dijemput melalui panggilan telefon oleh sebuah sekolah menengah yang memang akrab dengan saya. Saya ini cikgu, 33 tahun pernah berkhidmat. Ramai sahabat-sahabat saya, Guru Besar dan Pengetua. Mereka jemput saya, tetapi nak beritahu pejabat beritahu dia, *cancel* kan jemputan. Dia dengan malu alah telefon saya, Dato' minta maaflah tak dapat kami… kita bersama pada pagi sekian sekian haribulan. Cuba bayangkan. Cukup situ. Okay [berdehem]. Seterusnya.

Dato' Yang di-Pertua,

Ha… yang ini ada satu lagi bab. Belum lagi banjir. Ini tak banjir lagi kita ini dan alhamdullilah selepas PRU Yang Ke-14, kita tak banjir-banjir. Syukur kita. Rupanya kalau berlaku banjir, ramai dah orang-orang PH nak tengok YB.-YB. ini merangkak pergi ke kawasan. Mereka beritahu mereka nak tangkap semua kereta-kereta jabatan, nak larang YB. naik kereta tersebut kalau mereka sendiri tak naik. Cuba bayang. Ini ke yang PH ajar. Ajar masyarakat supaya gaduh. Patutlah MPKK, MPKKP lah nak buat, nak suruh beramuk. Tapi bila kita bercakap dalam ini, kita dah bertekak tapi itu yang berlaku. Siapa dia itu? Baru setakat Ketua Ranting. Bukan Ketua Cabang, Ketua Ranting. [Berdehem]. Tapi dah Wakil Sekolah, dah boleh masuk kawasan sekolah, dah pegang *mic*…

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan. Saya boleh merasai kemarahan dari Wakil Pulau Manis. Harap sabar, disebabkan Wakil-wakil dari Barisan Nasional er… *claim* kan bahawa Pakatan Harapan hanya kerajaan sepenggal. Tak apa, selepas Pilihan Raya Umum Yang Ke-15 sekiranya Barisan Nasional mengambil alih semula kuasa Persekutuan. Jadi soalan saya adalah, apakah pandangan dan pendirian Wakil Pulau Manis, pada masa itu adakah Wakil Rakyat Pembangkang boleh masuk sekolah. Boleh tak?

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya pada masa itu… memang kita baru ini dikejutkan. Pada masa itu, kita tak tau pun sama ada maknanya Wakil Rakyat PAS tak boleh masuk, Wakil Rakyat DAP tak boleh masuk. Kita tak tahu. Memang tak tahu tapi rupanya suasananya apabila bertukar pemerintahan kita telah diharamkan. Kalaulah… kalaulah kerajaan di Pahang ini kerajaan Barisan Nasional juga sebagai pembangkang ha… itu mungkin kita akur sangatlah sebab kita pembangkang di Dewan sini juga. Ini tidak, di negeri kita memerintah, tapi itu yang berlaku. Okay, cukuplah itu. Seterusnya…

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Minta laluan, minta laluan.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ha… ini satu lagi perkara.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Boleh ke?

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ni satu lagi, satu lagi perkara Dato' Yang di-Pertua. Er… sahabat saya. Jadi, bolehlah.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Okay. Terima kasih ya. Terima kasih kerana memberi laluan. Okaylah, YB. Pulau Manis belum lagi jawab. Kalau Kerajaan Barisan Nasional ambil alih kuasa semula kerajaan pusat. Bolehkah melayan er… parti pembangkang lebih baik bersama dengan keadaan seperti ini? Saya memang sedih tengok keadaan Pulau Manis macam ini. Sepatutnya *consensus* kita dalam Dewan Yang Mulia ini, sekolah memang tidak patut menjadi medan politik. Sepatutnya tidak. Sepatutnya kita yang bagi kebajikan.

Saya memang sedihlah sebab saya rasanya YB. ataupun pemimpin parti PH yang YB. Pulau Manis katakan, bukannya dari kalangan kita. Saya rasakan bukan, sebab kita tak pernah buat perkara macam itu dan saya rasa memang kita perlu hormat sesiapa yang memberi kebajikan kepada sekolah dan pelajar dan saya jugalah mengharapkan Kerajaan Barisan Nasional. Memang saya yakin dengan pencapaian cukup cemerlang dari Barisan Nasional ambil alih semula kuasa cepat lagi, awal lagi. Mungkin *next term* sudah boleh. So saya haraplah, jadi saya harap Barisan Nasional boleh melayan kita dengan baik sikitlah. Terima kasih.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya nak ucapkan terima kasihlah kerana apabila saya ceritakan peristiwa yang berlaku, maka mendapat simpati daripada sahabat-sahabat daripada pembangkang. Dato' Sri Yang di-Pertua, ha… ni satu perkara lagi, mungkin perkara ini …

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mohon…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Kalau …

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mohon…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Daripada …

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Minta laluan sikit, boleh Pulau Manis. Sikit je.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya nak masuk tajuk baru.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sikit je. Sikit je sebelum dia pindah tajuk baru. Dato' Sri Yang di-Pertua, saya rasa gini apa yang di…dibahaskan di Dewan ini pada petang ini, er… adalah merupakan satu benda yang baik, kerana kita menginsafi perkara-perkara yang kita lakukan, yang tersilap di masa lalu dan kita harap tidak diulangi kesilapan yang sama, kini. Sebab itu saya harap rakan-rakan Pakatan Harapan, pergi *check* sendiri, *go to the down*. *Check* dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Pendidikannya, JKMnya dan semua sekali. Adakah ini benar-benar berlaku atau tidak. Sebenarnya apa yang dinyatakan dalam Dewan ini perkara yang *real*, yang berlaku. Jadi nak *confirm* betul tak betul, *check* dengan agensi-agensi sendiri. Terima kasih.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Adakah Wakil Rakyat Pas juga menemui…

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ya.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

…keadaan yang seperti ini.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ya.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Juga sama. Okay.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Ya, sila teruslah, teruskan. Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Er…

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Saya bagi masa empat minit je.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Terima kasihlah sahabat-sahabat saya terutamanya Tanah Rata ini. Dia memang baik dengan saya. Dua minggu saya di Cameron itu hari, dia memang layan sungguhlah. [Ketawa] Ha… Dato' Yang di-Pertua, satu perkara lagi. Ini pun saya rasa pelik juga tetapi benar. Kita dikejutkan dengan satu arahan, dilarang merokok di warung-warung dan di kedai-kedai makan. Saya er… mengakulah saya seorang perokok dan saya memang patuh kepada peraturan yang tidak benarkan saya merokok di dalam kawasan kedai, warung. Saya patuh. Ha… tapi saya nak maklumkan ialah keluar peraturan ini zaman PH. Dulu-dulu tak keluar cerita-cerita macam ini tetapi yang dahulu-dahulunya kita tak buat, sekarang ini buat pulak. Tadi kita dulu boleh merokok, dia larang kita merokok. Dulu kita kata jangan jual arak di pasaraya-pasaraya sekarang ini ada sudut pulak. Satu sudut khas minuman keras dijual.

Cuba lihat di mana-mana TMG ataupun Tunas Manja ke, yang saya dah nampak. Saya pun itu hari, malu-malu nak mengambil gambar. Bimbang juga takut orang memandang kita ambil gambar. Memang kedai tu jual *Carlsberg,* ialah macam-macam namalah minuman, saya pun tak tahu nama dia tapi berlaku jualan. Sedangkan er… apa ini pasaraya tersebut duduk dalam kelompok dikelilingi oleh pembeli-pembelinya adalah orang-orang Melayu. Ha, ini satu benda. Dulu kita kata merokok tak ada masalah hisaplah gitu gini, dia larang. Dulu kita kata tak boleh jual arak di warung-warung apa ini… pasaraya-pasaraya yang memang dikerumuni oleh bangsa Melayu pembelinya. Dia jual. Ha, ini yang berlaku. Dato' Yang di-Pertua, dan yang satu lagi. Saya ingin er… menyatakan MPKK tadi dah disebut oleh er… Dato' Fadil, mungkin jelas dah. Ini berkenaan dengan beberapa perkara yang berlaku di dalam kawasan sayalah.

Yang pertamanya saya nak maklumkan untuk MUIP ada Wakil Kerajaan ini ya. Di kawasan saya ada satu penempatan lebih kurang 80 buah rumah dibina pada 10 tahun yang lalu. Rumah ini diberikan kepada mereka-mereka yang ditakrifkan sebagai orang miskin ataupun penduduk asnaf dan rumah ini bukanlah diberi terus, tetapi diberi sebagai duduk. Apabila apa ini… penduduk yang berjaya terpilih ataupun yang telah dikenal pasti oleh MUIP sebagai orang asnaf, dapat duduk situ, berlaku berbagai-bagai perkaralah. 10 tahun mestilah berlaku kerosakan dan sebagainya ya. Orang kata siling runtuh, orang kata lantai bobos dan bagai-bagailah. Jadi sekarang ini mereka nak baiki, mereka takut, sebab rumah tu rumah kepunyaan atau milik MUIP.

Jadi saya berharaplah, saya dah hantar dah surat permohonan kepada MUIP untuk membaik pulih. Sampai ke hari ini pihak MUIP tidak lagi memberikan respon sama ada boleh dibaik pulih ataupun tidak. Jadi kita kesian, kita kesian kepada penduduk situ kalau berlaku hujan. Kita ini berlaku hujan di er…jalan kita lari ke tempat teduh. Ini

berlaku hujan di dalam rumah, jadi duduk dekat dinding. Dekat dinding tu yang tak hujan. Ha cuba bayangkan, tak sedih ke? Ha ni perkara yang berlaku.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dah berbaiki tak? Boleh Dato' Sri Yang Di-Pertua, mohon izin. Rumah yang dimaksud itu dah dibaiki ke belum?

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya sebut ni sebab belum baikilah.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Berapa agaknya belanjanya?

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ya… berapa belanja dia? Nanti saya bincang dengan Pegawai Daerah sebab Pegawai Daerah tahu cerita ini ya.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Pegawai Daerah tahu cerita dia. Yang keduanya pula berkenaan dengan ini perkara yang berlaku pada hari Isnin. Pada hari Isnin Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang ajak saya pergi ke Pejabat Dato' Sri SS ataupun Setiausaha Kerajaan Pahang, bagi perbincangan berkaitan dengan er… agropolitan. Untuk makluman Agropolitan Lepar juga 10 tahun yang lalu. Ini semua zaman saya jadi YB. lah ni ya, 10 tahun yang lalu. 10 tahun yang lalu kita menempatkan 100 buah rumah dan kemudian kita tambah lagi 40 buah rumah. Kita letakkan pula 35 buah kandang kambing, kita letak pula 3,500 ekor kambing tambah lagi pula 2,000 ekor dan kita jadikan mereka-mereka yang terpilh sebagai pengusaha yang digajikan dengan bayaran gaji bulanan sebanyak RM1,200.00, tak termasuk dengan elaun-elaun yang mereka kerja lebih masa. Dan apa ini… Pejabat Daerah Pekan pula baik hati pula bagi lagi 300 ekar tanah untuk tanaman rumput semata-mata supaya penduduk-penduduk yang miskin yang dah tak dapat duduk rumah asnaf di Bukit Kenau tu tadi dapat pulak duduk di Agropolitan Lepar ini.

Saya nak maklumkan apabila pihak ECER, baru-baru ni berkunjung berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan, maka keputusan yang diambil ialah pada tahun 2020 tamatlah sudah pembiayaan daripada ECER kepada projek tersebut. Maka berlakulah pembuangan peserta. Cuba bayangkan peserta-peserta di situ diberi milik rumah. 6 tahun duduk situ baik tingkah laku, baik sopan bekerja, taat dan patuh dapat rumah sebuah. Memang betullah, RM140,000.00 buah… sebuah rumah dengan tanah pula Pejabat Daerah pun bagi juga. Cantiklah. Tapi masalahnya sekarang ini, mereka tu dulu kita pilih dia waktu berumur 40 tahun sekarang ni dah umur 50 tahun. Dulu kita pilih umur dia 50 tahun sekarang ini umur dia 60 tahun. Dulu kita pilih dia segar bugar, sekarang ini memanglah terkesot-kesot.

Maka yang berlaku sekarang ini ialah pihak Kerajaan Pakatan Harapan juga, dia lebih mementingkan kepada urus niaga *business* tak ada berlaku pulangan yang memberansangkan kepada projek ekonomi, maka mereka ini kena buang. Saya tanya berapa orang nak buang? (ketawa) Saya tanya berapa orang nak buang? 33 orang akan dibuang pada 2020. Jadi sekarang ini saya tanya berapa semua lagi nak dibuang termasuk Runcang dan juga er… Nenasi? Kawasan sahabat saya daripada Bebar. Dia kata 111 orang.

Maka sekarang ini yang berlaku zaman BN kita dulu, kita ada program dan Projek Bina Insan, kita menolong rakyat-rakyat susah. Kita tampung dia, carikan dia tempat berteduh, bawa keluarga dia tinggal. Tetapi sekarang ini Kerajaan PH nak buat sebagai projek *business* pula. Tak untung 5,000 ekor kambing dijaga oleh 133 orang tadi. Betul memang betul. Kalau nak kira 1 orang jaga 100 ekor maka kalau 1,000 ekor baru 10 orang. Cuba bayang, memang tak betul. Tapi tujuan Kerajaan dahulu, dia nak basmi, basmi kemiskinan. Macam juga JKM bantu bagi RM300.00 bagi apa ni RM350.00 sebulan. Tiap-tiap bulan bagi selagi tak mati. Itulah dipanggil bantuan. Ha yang ini kena fikir. Ya yang nilah perkara-perkara saya rasa sebenarnya kita kena betul. Dato' Speaker boleh bagi masa sikit lagi?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Boleh ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Satu dua minit sebab dah melebihi daripada 20 minit. Dekat setengah jam dah.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Berapa minit?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Untuk Yang Berhormat sahaja setengah jam saya bagi. Lebih dari yang lain.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Berapa minit pula bagi?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dua minit.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dua minit. Ha dua minit saya gulung dah la (ketawa). Jadi Dato'….

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat nak berucap, nak bercakap nak menyanggah sila bangun ya. Jangan bercakap sambil duduk.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Jadi Dato' Yang di-Pertua, ha inilah kelemahan saya. Saya bila Dato' Yang di-Pertua tegur itu dia hilang punca Dato' Yang Di-Pertua. (Ahli Dewan ketawa). Kalau tidak tak ada masalah tadi. Satu-satu boleh bercakap. Tapi sekarang ni bila dah jadi, jadi hilang. Jadi yang ini Dato' Yang Di-Pertua, satu lagilah. Saya minta maaflah, saya terpaksa menyebut perkara ini dalam Dewan sebab saya rasa saya nak buat satu program Ceramah Perpaduan Ummah Peringkat DUN Pulau Manis bersama-sama dengan sahabat saya daripada apa ini Tanjung Lumpur dan beliau telah panggil saya berbincang dan sebagainya. Alhamdulillah beri laluan, beri cara dan kaedah pimpin saya dan kita pun akan buat pada 22haribulan hari Jumaat malam ni.

Tapi masalahnya sekarang ini, masalahnya sekarang ini ialah saya tak dapat kebenaran bertulis daripada MPK. Ini saya nak beritahu. Bila saya tak dapat kebenaran ini tadi pihak polis, tak boleh bagi saya permit. Saya makan tengah hari ini tadi, saya dihubungi oleh polis kalau tak dapat permit dia kata ya, saya kabor dengan dia saya ini ada ni apa ni Exco ni, saya jemput Exco ni untuk sebagai salah seorang penceramah. Ha, dia kabor Exco tu kita akan panggil dia kabor.

Jadi saya kata ah sudah macam mana. Jadi suruh saya buat dekat dewan. Di Jaya Gading dewan ada dua, 1 di Jaya Gading 1 di Seri Damai. Di Jaya Gading dewan saya digunakan oleh orang dah setahun lalu mohon untuk buat kenduri kahwin. Di Seri Damai pula, dewan ada, dewan balai raya. Takkan berapa orang nak muat. Ha… jadi sekarang ini saya serba salah betul sebab saya telah menjemput apa ini sahabat kita Yang Berhormat Tuan Ibrahim Tuan Man, Dato', untuk sama-sama pada malam tersebut. Jadi kalaulah diaorang ini kena panggil dek polis untuk pula ambil er… soal jawab, malu lah saya ya. Jadi saya mintalah, minta tolonglah. Ini kita Kerajaan BN ni yang memerintah Pahang.

YB. ENCIK ABDUL RAHIM BIN MUDA

Saya mohon mencelah Pulau Manis. Boleh buat permohonan pada saya untuk ini...

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ha…, terima kasih sebab saya dah membuat permohonan dua minggu yang lalu, mengikut peraturan dalam semakan saya dengan Ketua Polis Pahang, Dato' mesti mohon sepuluh hari sebelum. Er… sekarang ini polis tu pula nak beri permit tapi nak surat, nak beri sangat tiap-tiap hari telefon [ketawa], bayang la. Jadi saya mohon la MPK bagilah laluan pada saya dan saya pun kalau la ya sahabat saya dari sana PKR ke DAP ke, nak buat majlis kan, tiada masalah kita, buat. Tapi ramai orang datang tempat awak ramai la. Tempat saya ramai. (Ahli Dewan ketawa) Okay Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. DATO' MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

… dekat Dewan DUN Kerdau. Dato' Sri Yang di-Pertua, Zaharuddin Kassim. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat boleh gulung la.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ha, itulah, saya dah gulung yang pertama tadi saya cerita yang terakhir tadi itu. Jadi saya rasa berharap begitulah ya. Kita perlu prihatin dengan suasana dan keadaan sekarang, maka maknanya rakyat-rakyat nak tahu lebih jelas ya. Jadi kita kena beritahu rakyat perkara-perkara yang berlaku. Saya minta maaf saya tiada sebut hal Tanjung Piai ya, dan begitu juga dengan sahabat saya daripada mana tadi… Ketari, saya jua balas pantun awak tadi itu. Saya harap betul la tu, tetapi siapa pula nak mendoakan kita ha...

Jadi Yang Dato' Yang di-Pertua itulah sahaja dari saya terima kasih kerana memberi saya masa yang lebih sedikit. Terima kasih ya, terima kasih daun keladi, kalau saya berucap lagi nanti beri la lagi. Jadi dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya menyokong… macam nak rasmi pula dah (Ahli Dewan ketawa) saya menyokong apa ini pembentangan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Sekian terima kasih. (Ahli Dewan menepuk meja)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Sila Tras.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Terima Kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang bagi saya menyertai perbahasan Bajet 2020 Negeri Pahang. Isu pertama saya nak sentuhkan adalah isu yang membawa gangguan terbesar kepada rakyat Raub, isu krisis air. Seperti yang banyak kali yang saya bangkitkan di Dewan ini, isu krisis air telah melanda kawasan Tras dan Raub sepanjang enam atau tujuh tahun. Kehidupan penduduk turut diganggu dan satu projek nama *Sabo Dam* telah diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan terdahulu pada tahun 2017. Kos bina *Sabo Dam* adalah sebanyak RM5 juta. Namun, *Sabo Dam* yang asalnya bertujuan menapis kekeruhan air di sungai Loji Bilut tidak nampak berkesan. Sekiranya hujan lebat berlaku air sungai akan turut mudah ditutup kerana kekeruhan air.

Penutupan loji bukan berlaku satu kali dalam beberapa bulan, tetapi adalah beberapa kali dalam satu bulan, khususnya pada musim hujan hujung tahun. Hanya bulan November ini, loji Sungai Bilut sudah berhenti lapan kali kerana hujan lebat menyebabkan air keruh mencecah 1,000 NTU. Akaun yang menghadapi gangguan air lebih daripada 7,500 unit. Tambahan pula, Loji Sungai Semantan yang meliputi 7,500 akaun lain di kawasan Raub sekarang pun juga kerap kali berlaku gangguan bekalan air. Dari bulan Oktober ke November, Loji Sungai Semantan sudah tutup sebanyak lima kali.

Saya minta Kerajaan Tempatan dan jabatan-jabatan berkenaan boleh siasat sama ada punca kekeruhan air di Sungai Semantan ini adalah oleh kerana aktiviti-aktiviti pembukaan tanah atau pembalakan di hulu sungai. Jika aktiviti-aktiviti tersebut memang menjejaskan kualiti air, saya harap Kerajaan Tempatan boleh ambil tindakan terhadap syarikat-syarikat penanaman atau pembalakan sekiranya mereka tidak mematuhi SOP atau peraturan.

Untuk mengurangkan keadaan kritikal yang dihadapi oleh penduduk Raub, Kerajaan Persekutuan pun telah salur RM3 juta untuk menaik taraf infra seperti memasang tangki dan *booster pump* di tapak tinggi sesetengah kawasan perumahan di Raub. [batuk] Walau bagaimanapun, projek ini nampak tidak sempat siap sebelum Raya Cina tahun depan dan setiap kali hari perayaan atau cuti awam, penggunaan air akan bertambah beberapa kali ganda kerana semua orang akan balik ke kampung. Berdasarkan pengalaman tahun lepas, krisis air berlaku pada hari perayaan membawa impak negatif yang besar kepada setiap rumah.

Cuba bayangkan tiada air untuk masak, mandi, cuci pada musim perayaan, ini akan menjejaskan keharmonian dan kegembiraan hari raya. Oleh itu, saya memohon PAIP bersedia menghadapi krisis air yang mungkin berlaku pada perayaan Tahun Baru Cina yang akan datang. Saya harap PAIP boleh meminta bantuan dari daerah yang dekat atau negeri lain untuk menambah lori tangki air supaya dapat membekal air ke tangki-tangki statik dan rumah-rumah yang menghadapi krisis air untuk mengurangkan gangguan mereka.

Isu yang kedua, yang saya nak bangkitkan adalah isu letak Jawi di papan tanda perniagaan. Tujuan papan tanda adalah untuk menjelaskan jenis perniagaan premis serta produk-produk yang di jual dalam premis. Sekiranya masyarakat umum tidak faham maksud tulisan atas papan tanda tersebut, papan tanda tidak akan bermakna. Kami menghormati tulisan Jawi sebagai warisan budaya Malaysia dan Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai hak untuk memperkasakan dan memartabatkan tulisan Jawi.

Saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri, sekiranya ingin memperkasakan penggunaan tulisan Jawi, bolehlah menggunakan pendekatan sebagai contoh, seperti contoh memberi diskaun kepada permohonan *license* perniagaan atau *license* papan tanda premis bagi menggalakkan penggunaan tulisan Jawi. Khususnya bagi semua papan tanda perniagaan yang sedia ada, Kerajaan Negeri patut galak mereka tambah tulisan Jawi bukan wajibkan. Berdasarkan surat bantuan, Kerajaan Negeri meminta bahawa saiz tulisan Jawi papan tanda perniagaan hendaklah sebesar ataupun lebih besar daripada Bahasa Melayu. Saya ingat bantuan ini akan membawa sedikit sebanyak kesusahan.

YB. DATO' HAJI FADIL BIN OSMAN

Mohon laluan boleh? Saya nampak ada dua isu dalam kes penggunaan tulisan Jawi ini, yang dikatakan oleh Tras tu, ada dua maksud. Maksud pertamanya tentang penerimaan tulisan Jawi pada keseluruhannya. Yang keduanya minta diskaun. Apabila minta diskaun, bermakna boleh terima tulisan Jawi itu kan? Cumanya minta diskaun atas pasal faktor ekonomi, faktor-faktor kos. Sebenarnya kalau apa yang saya nampak Tuan di-Pertua, di sini bukan isu. Isunya dia tidak kisah pun tulisan Jawi tu, tapi jangan kenakan kos untuk buat. Tapi maknanya Tras nyatakanlah sejelas-jelasnya, Tras setuju ke tidak dengan tulisan Jawi ini. Terima kasih.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Saya memang setuju Kerajaan Negeri menggalakkan penggunaan tapi bukan wajibkan dan saya akan habiskan ini okay. Berdasarkan surat bantuan Kerajaan Negeri meminta bahawa saiz tulisan Jawi papan tanda perniagaan hendaklah sebesar atau lebih besar daripada Bahasa Melayu. Saya ingat bantuan ini akan membawa sedikit sebanyak kesusahan kepada peniaga-peniaga bukan Muslim kerana papan

tanda premis perniagaan bukan sahaja perlu jelas dan tepat, kadang kalanya ia juga perlu berunsur kreatif.

Sekiranya perniagaan premis bukan Muslim tersebut adalah, sebagai contoh kedai peralatan sembahyang Cina dan restoran makan Cina. Papan tanda perniagaan tersebut akan juga termasuk tulisan Cina. Oleh yang demikian, pemilik-pemilik premis terpaksa meletakkan ketiga-tiga tulisan atas papan tanda dalam ruangan yang terhad. Ruang untuk kreativiti atas papan tanda premis akan dikurangkan sekiranya…

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Minta laluan.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

…ianya perlulah memuatkan Bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang sebesar ataupun lebih besar daripada Bahasa Melayu.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Er… saya nak bertanyalah, kalau tiada tulisan Cina itu agak-agak boleh faham tak yang itu ada kedai. Kedai kegunaan? Makna ada tulisan Melayu dan tulisan Jawi. Adakah boleh, boleh faham dekat situ ada kedai untuk kegunaan orang-orang Cina. Terima Kasih.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Ada sesetengah orang memang tak faham kerana yang macam restoran makan Cina bukan guna Bahasa Melayu dan bahasa Jawi boleh membawa itu mesej ada produk apa yang dijual. Oleh itu, kami memang menghormati tulisan Jawi.

YB. DATIN SAMSIAH ARSHAD

Mohon laluan.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Saya nak habiskan.

YB. DATIN SAMSIAH ARSHAD

Mohon laluan.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Ha, okay.

YB. DATIN SAMSIAH ARSHAD

Kalau tak ada tulisan Cina di restoran Cina dan orang-orang Cina tak faham dekat situ, berapa lama dia duduk di negara ini? Dengan Bahasa Melayu sahaja dia dah tak faham, yang dia dah tak faham, er… Dato' Yang di-Pertua. Jadi, apa maknanya sebagai warganegara dengan Bahasa Melayu yang ditulis di situ dan kita tambah

bahasa ini tak ada pula Bahasa Cina tetapi dia tak faham yang itu restoran masak… makanan Cina.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

YB.…

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Warganegara apa?

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

YB., boleh saya celah sikit ke?

Kadang kala iklan ini guna Bahasa Cina, dia bukan untuk tujuan untuk memahamkan sahaja, tetapi kadang kala ni, bahasa ni, tulisan ni adanya juga untuk publisiti, dia macam iklan, macam jugalah… dia sebagai hiasan juga. Sebab orang tengok itu ialah *branding, branding* bukan sahaja untuk memahami tetapi *branding*. Oleh itu, keperluannya guna Bahasa Cina bukan… bukan… bukan mereka tak faham Bahasa Melayu, tetapi cuma itu untuk *branding* sahaja. Terima kasih.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Mohon laluan.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Laluan lagi.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Begini er… mohon laluan. Okay, kalau...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

YB., hah… YB. Ibam, pandang Speaker.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Ya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Jangan pandang sana…

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Ya (gelak)… minta maaf Tuan Yang di-Pertua,

Jadi begini, kalaulah kita anggap juga tulisan Jawi itu sebagai satu *branding*, er… dia satu *branding* dan juga kita dapati bahawa dengan tulisan Jawi itu juga orang-orang yang bukan er… *chinese*, orang Melayu yang di kedai makanan Cina yang dikatakan

halal dengan tulisan Jawi itu, bukankah boleh lagi menambah pelanggan bagi restoran-restoran Cina yang dikirakan halal. Terima kasih.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Yang bagi restoran halal saya rasa memang tak ada masalah, apa yang saya sebutkan disini adalah restoran bukan halal atau restoran makan Cina dan… oleh demikian er… saya rasa yang papan tanda yang letak bahasa… huruf Bahasa Cina adalah pun juga satu hak bagi mereka.

Oleh itu, saya rasa mereka boleh tambah, tambah tulisan Jawi, tulisan Bahasa Melayu, tulisan Jawi tapi bukan diwajibkan, jika digalakkan lebih baik. Oleh itu, saya haraplah Kerajaan Negeri boleh bersikap *inclusive* sikit, tahap ini akan menyebabkan susunan rekaan *design*…

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Minta laluan sikit …

YB. ENCIK CHOW YU HUI

… papan tanda yang amat tidak teratur…

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Minta laluan Tras …

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Ya.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga nak tanya Tras mintak penjelasan. Sekiranya tidak diwajibkan, hanya digalakkan, adakah peniaga-peniaga itu akan mematuhi atau mempromosikan ataupun menyambut er… apa ni seruan untuk nak mempromosikan Jawi ini. Sebab dibimbangi kalau hanya digalakkan tidak ada sambutan. Dia tidak akan… akan menemui kegagalan.

Sebab itu antara langkah yang diambil, yang saya rasa yang… yang perlu kita er… fahami kenapa diwajibkan adalah untuk nak menjayakan er… seruan ini. Kalau setakat menggalakkan, saya yakin ianya hanya sekadar satu er… apa er… hanya satu kempen biasa sahaja bukan merupakan satu seruan.

Saya mohon penjelasan Tras.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Saya rasa memang tidak boleh wajibkan, menggalakkan sudah cukup kerana memang kami menghormati tulisan Jawi tapi bukan semua orang faham tulisan Jawi termasuk kaum-kaum Cina. Oleh itu, jika nak hadkan mereka mesti tulisan itu sebesar

atau lebih besar daripada Bahasa Melayu, saya rasa bagi *design* reka bentuk itu bagi papan tanda memang adalah satu hadkan untuk kreatif.

Oleh itu, saya rasa er… dan juga tukar papan tanda melibatkan kos yang tinggi. Walaupun tambah sebaris tulisan Jawi sahaja tetapi kedai ikan… iklan perlu sewa *skylift* dan lori dan sebagainya. Sebab itu bagi peniaga Cina, jika tukar papan tanda atau turunkan papan tanda, boleh dinampak satu kelakuan yang pandang.

Reaksi dan *sentimen*, ini perlu juga dijaga oleh Kerajaan dan saya rasa Kerajaan Negeri boleh bersikap lebih *inclusive*. Jika nak wajibkan, betul-betul nak wajibkan Kerajaan Negeri boleh hanya meminta penambahan tulisan Jawi atas papan tanda perniagaan di tepi perkataan yang menjelaskan kategori perniagaan premis tersebut.

Sebagai contohnya tulisan Jawi restoran dibahagian atas kiri atau atas kanan papan tanda tersebut. Oleh itu, saya harap Kerajaan Negeri bersikap *inclusive* dalam isu letak tulisan Jawi di papan tanda ini. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila kalau ada. Baik Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diberi peluang mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2020) dan us… 2019 dan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2020.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya hanya ada beberapa isu yang ingin dibawa ke Dewan ini. Daripada jawapan lisan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat pada hari semalam, mengenai tanah tanpa izin yang diusahakan oleh pekebun kecil, bahawa Kerajaan Negeri merancang untuk memberi hakmilik kepada agensi Kerajaan seperti PSK dan kemudiannya dipajak kepada pihak yang berminat.

Ini sememangnya satu berita baik, kepada pekebun kecil kerana dalam enam bulan kebelakangan ini, permohonan tanah di Paya Lang ditolak dalam masa singkat sebagai contoh 2 minggu apabila borang dihantar. Ini amat membimbangkan kerana mereka risau bila-bila masa sahaja tidak akan dibenarkan untuk mengusahakan tanaman lagi. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tanah ini diusahakan sejak 50 tahun dahulu dan menjadi sumber ekonomi utama bagi pekebun kecil untuk menyara hilup… hidup sekeluarga dan mencari rezeki.

Dengan ini, saya ingin merayu kepada Kerajaan Negeri supaya peluang pajakan dibuka dahulu kepada mereka yang mengusahakan lot tanah dengan kadar pajakan yang munasabah. Lepas satu tempoh yang ditetapkan, sekiranya tiada permohonan diterima, barulah peluang pajakan dibuka kepada pihak lain yang berminat.

Ini dapat menunjukkan keikhlasan Kerajaan Negeri yang berhasrat untuk membantu…

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Boleh mencelah sikit...

YB. CIK LEONG YU MAN

Pekebun kecil…

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Dato' Yang di-Pertua… boleh mencelah sikit.

Saya tertarik dengan Triang ini, cumanya dalam pemikiran saya timbul tanda tanya, tanda soal berapakah… berapa ekarkah yang terlibat dan juga berapa orang penerokaan… peneroka yang terlibat? Makna berapa luas dan berapa jumlah peneroka yang terlibat. Berapa ramai yang terlibat?

Pasal apa, saya difahamkan Dato' Yang di-Pertua, satu-satu orang tu lebih daripada 10 ekar, ada 20 ekar, 23 ekar, 30, 50 ekar pun ada, 60 ekar pun ada. Jadi minta kepastian daripada Triang, tolong jelaskan.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Untuk tanah tanpa izin di Paya Lang, saya rasa pega… Pejabat Tanah mempunyai statistik yang lebih er… tepat daripada statistik saya sendiri. Tidak dapat dinafikan bahawa ada sebahagian kecil yang ada tanah seluas lebih daripada 10 ekar tetapi tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan mereka mempunyai tanah bawah daripada 10 ekar dan memang mereka betul-betul mengusahakan tanaman untuk mencari makan. Boleh dapat tak Kemayan? (Ahli ketawa) Okay. Jadi saya harap bahawa Kerajaan Negeri dapat memberi keutamaan kepada mereka. Sekiranya mereka sendiri tidak minat, tidak mohon barulah peluang diberi kepada pihak lain.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Isu padang dan taman rekreasi di Triang telah banyak kali dibangkit di Dewan ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada YDP Majlis Daerah Bera yang kini menjadi D.O Temerloh kerana telah mengambil inisiatif untuk menyelenggara padang walaupun pada masa itu padang belum diserah dari PSK ke Majlis Daerah Bera.

Dan juga saya difahamkan terdapat perancangan untuk menaik taraf padang awam ke… menjadi taman rekreasi dan dijangka mene… menelan kos sebanyak RM800,000.00. Demi lebih merealisasikan hasrat Kerajaan dalam penyediaan kemudahan awam untuk memenuhi permintaan rakyat, saya mencadangkan agar *Town Hall Meeting* dengan izin, boleh dilaksanakan untuk mengumpul pendapat orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat tentang pembinaan taman rekreasi di padang awam.

Ini adalah kerana penduduk tempatanlah yang akan menggunakan kemudahan awam ini. Input-input daripada peng… pengguna mungkin dapat menambah baik lagi rancangan ini. Sebagai alternatif, Majlis Daerah Bera boleh mempamerkan kertas kerja projek untuk dirujuk orang ramai buat satu tempoh supaya mereka boleh mengemukakan cadangan atau maklum balas.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Majlis banj… *sorry*, masalah banjir kilat di kawasan Triang kembali berlaku di Jalan Bongkok, Taman Bera Jaya dan Taman Mawar Jaya. Sekiranya kita meneliti punca masalah, kadang-kadang masalah ini boleh dielakkan sekiranya semua pihak bersikap bertanggungjawab. Sebelum pembangunan baru diluluskan JPS sebagai jabatan teknikal akan dirujuk tentang pembinaan sistem saliran supaya aliran air yang keluar dari kawasan peba… pembangunan baru hendaklah sama ataupun kurang daripada jumlah aliran air sebelum pembangunan baru dilaksanakan.

Sekiranya pemaju bersikap bertanggungjawab, mereka perlu mematuhi segala syarat yang ditetapkan, termasuk pembinaan insfrastruktur, saliran seperti *On-Site Detention*, dengan izin. Sekiranya Kerajaan Tempatan bersikap bertanggungjawab, mereka akan memantau sama ada semua syarat dipatuhi sebelum *CCC* dikeluarkan. Dengan ini masalah banjir kilat yang berlaku pada perumahan yang berdekatan atau bersebelahan dengan kawasan pembangunan baru dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Baru-baru ini berlaku beberapa kes projek pembangunan Persekutuan di kawasan saya yang menimbulkan kekeliruan ataupun masalah di tempatan. Memandangkan er… Barisan Nasional menyatakan bahawa kemungkinan besar mereka akan mengambil alih kuasa Persekutuan, jadi saya ingin… saya harap bahawa kita saling mengingati sesiapa jadi Kerajaan Persekutuan pun, sekiranya ada projek mega yang dilaksanakan di sesuatu tempat, semua *stakeholder* patut dijemput untuk bermesyuarat atau… ataupun berbincang sebelum projek dilaksanakan.

Jangan apabila projek dilaksanakan separuh, nampak ada masalah, terdapat bantahan daripada agensi ataupun penduduk setempat, barulah pelan perlu ditukar, dipindah dan *EOT* dikenakan. Dan pada masa itu dia akan menelan kos yang lebih banyak. Jadi kita harap bahawa, kita menghormati agensi-agensi Kerajaan Tempatan dan er… termasuk sekolah-sekolah, klinik-klinik tempatan yang terlibat apabila ada projek Persekutuan mega yang akan dilaksanakan.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mohon mencelah Triang, ya. Saya fikir sebahagian daripada projek-projek pembangunan ini dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah ya. Jadi dari segi kerajaannya ataupun dari segi Kerajaan Negeri, er… saya fikir Yang Berhormat juga tahu bahawa wakil-Wakil Rakyat Barisan Nasional juga tidak dijemput dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah. Jadi bagaimana boleh kami memberikan pandangan?

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kalau kita jangan bincang tentang isu politik. Apa maksud saya adalah kadang-kadang jabatan di peringkat daerah, mereka sendiri pun tidak tahu. Maknanya mereka pun rasa serba salah apabila mereka dipersoalkan dalam mesyuarat.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya bukan bercakap tentang er… aktiviti parti politik, tetapi ini satu dasar Kerajaan Persekutuan, yang kalau sebelum ini Majlis Tindakan Negeri dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Hari ini Majlis Tindakan Negeri dipengerusikan oleh seorang Menteri Kabinet er…daripada Kerajaan er… Persekutuan dan juga dipengerusikan bersama oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tapi di peringkat daerah ianya dipengerusikan oleh er… melalui punca kuasa Pegawai Pembangunan Negeri dan er… saya rasa dipengerusikan sendirilah oleh Pegawai Pembangunan Negeri di setiap daerah.

Jadi situ kita bagi pihak apa Majlis Mesyuarat Kerajaan mungkin tidak ada saluran-saluran langsung, seperti mana kalau kerajaan kita yang dulu, kita ada saluran untuk Kerajaan Negeri memberikan pandangan tentang cadangan-cadangan dan pendaftaran projek di peringkat daerah.

YB. CIK LEONG YU MAN

Terima kasih atas penjelasan daripada wakil kerajaan. Kita berharap bahawa, saya sendiri pun tidak bersetuju bahawa Wakil Rakyat ataupun agensi kerajaan pembangkang tidak dijemput ke mana-mana Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan sebab bagi saya, selepas pilihanraya peranan kita adalah berkhidmat untuk rakyat dalam tempoh 5 tahun ini dan kita mengetepikan unsur-unsur politik.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua…

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Mohon laluan. Yang di-Pertua, saya nak bertanya kepada Yang Berhormat di sebelah kerajaan. Adakah Yang Berhormat bersetuju jika membenarkan kami daripada ahli pembangkang untuk masuk ke *meeting* Ahli Majlis ataupun er… mesyuarat *Full Council* kerana saya pernah bertanya beberapa kali tapi sehingga kini masih negatif. Kerana bagi saya mesyuarat *Full Council* juga adalah amat penting untuk kami memak… memaklum er… mendapat maklumat semasa keadaan setempat di mana er… keadaan semasa di kawasan masing-masing.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk hadir atau tidak itu, saya fikir ini apa diputuskan oleh Pentadbiran. Sekiranya dia sesuai bolehlah turut hadir. Tetapi selaku Ahli Dewan Undangan Negeri ataupun Ahli Parlimen, kita bukan ahli kepada Majlis dalam erti kata lain. Jadi kalau apa… pihak penganjur ataupun pihak pengelola mesyuarat itu Majlis, di sini dalam konteks ini Majlis merasakan kita tidak apa… diperlukan, jadi tak berapa sesuailah kita hadir ya. Tetapi soal pokoknya hari ini Dato' Sri Yang di-Pertua ini soal bagaimana kita nak menyelaraskan projek-projek pembangunan di sesuatu daerah.

Seperti yang saya katakan tadi, sebahagian besar daripada aktiviti pembangunan dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi kita Kerajaan Negeri sentiasa memberikan kerjasama tapi cuma saya nak maklumkan bahawa secara dasarnya sekarang ini er…

Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Jawatankuasa Tindakan Daerah itu kita ada sikit kurang suara Yang Berhormat ya, terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Beri laluan untuk saya menjawab Ketari. Di bawah Akta Kerajaan Tempatan 171, perlantikan Ahli Majlis adalah seramai 24 orang dan seorang Pengerusi. Dalam perlantikan ini tidak dinyatakan Yang Berhormat adalah sebagai Ahli Majlis.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Yang Berhormat,

Sebab saya pernah menjadi Ahli Majlis jadi setiap hanya *Full Council* sahaja dibenarkan Wakil Rakyat untuk bersama-sama menjadi pemerhati. Kerana apabila kita jadi pemerhati, dari situ kita mendapat maklumat semasa kawasan kita dan er… kerana kami adalah pembangkang jadi kami tidak mendapat maklumat dan juga untuk maklumat Yang Berhormat juga mesyuarat daerah pun kami tak dapat sertai, tak dimaklumkan. Jadi kalua, kalau pihak Kerajaan Negeri boleh masukkan Ahli Yang Berhormat pembangkang bersama dalam mesyuarat daerah, kami sangat mengucapkan terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Yang sebenarnya Yang Berhormat boleh terus berjumpa dengan YDP atau SU untuk mendapatkan beberapa maklumat daripada pihak PBT. Tak perlu dalam mesyuarat pun saya rasa.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Kita nak tanya Ahli daripada Ketari. Dia Ahli Majlis mana itu? Negeri mana? Cuma kita nak beritahu Ahli Majlis mana? Negeri mana?

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Selangor, Yang Berhormat. Cuma saya nak menjawab er… Exco daripada PBT er… sebabnya bila kita… ini masalahnya kerana kita er… pembangkang dan juga berbeza dengan pihak kerajaan. Kadang-kadang kita nak berjumpa pun susah. Jadi saya berharap kalau kita tak suka terima layanan yang tidak baik saya berharap di mana-mana pihak sama ada kerajaan ataupun di peringkat daerah dan sebagainya sudi-sudilah menerima er… pertemuan di antara pihak Wakil Rakyat dan juga pihak er…

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Mohon mencelah sikit.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Perjumpaan ya?

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Untuk pengetahuan Ketari, kami ini dah abang adik dengan UMNO pun tidak dipelawa juga (Ahli Dewan ketawa). Inikan pula tak berapa adik beradik lagi ya, terima kasih.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Biar saya teruskan. Sistem Soalan Dewan Pahang (SSDP) yang diperkenalkan pada mesyuarat kali ini merupakan pembaharuan Dewan yang amat memberansangkan, di mana kita dapat mengakses soalan dan jawapan Dewan bukan sahaja untuk kawasan sendiri mahupun untuk semua kawasan di negeri Pahang. Saya mengucapkan syabas kepada Tuan Yang di-Pertua. Untuk fasa seterusnya saya mencadangkan agar semua soalan dan jawapan Dewan dapat juga serta *handsard,* dapat juga dipamerkan di laman web untuk membolehkan orang awam khususnya warga Pahang mengambil tahu apa dan mengikut apa yang dibincangkan di dalam Dewan Yang Mulia ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Akhir sekali saya juga ingin mengalukan pesanan Yang Berhormat Pelangai yang membantah kempen boikot barangan bukan Muslim sebab saya tetap berasa bahawa pada buat masa kini, buat keadaan Malaysia pada hari ini, kita semua bertanggungawab. Tidak kira Wakil Rakyat, Ketua Pengarah, penjawat awam, kita semua bertanggungjawab, sama-sama kita membina semula negara ataupun negeri…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Hormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin membuat pembetulan. Sebenarnya tidak pernah ada mana-mana *NGO* pun daripada orang Islam yang memboikot mana-mana barang. *BMF*… *Buy Muslim First* terutama sekali barang-barang yang ianya terlibat dari segi barang-barang makanan. Itu sahaja, sebagai contoh. Sebagai contoh ya, biskut ataupun apa namanya… mi ataupun roti dan sebagainyalah, barang-barang makanan sahaja. Kita kereta, kita tak ada pun kita cakap kita boikot. Kita... *Buy Muslim First*, pasal apa? Kita memang tak ada orang... orang mungkin tak ada orang Melayu yang menjadi pengedar kereta sebagai contoh di bandar tersebut. Jadi kita beli je lah.

Yang selama ini pun yang er... di... di... di Kuantan, di Temerloh ya, di bandar-bandar ini, yang menghidupkan peniaga-peniaga orang bukan Melayu ini adalah orang-orang Melayu, kita kena ingat itu. Kita tengok, kita *check* ini kedai-kedai yang ada ni di Kuantan ini. Berapa orang Melayu ada? Berapa orang bukan Melayu ada? Kita tak pernah... kita tak pernah cemburu pun. Cumanya apabila ya, apabila kita dapati bahawa banyak ada di kalangan ya bukan semua ya, di kalangan ya orang bukan Melayu ya, kemungkinan ini *report* yang kita dapat, ini apa yang kita dapat di *social media* dan sebagainya, didapati bahawa mungkin bahan yang digunakan dipertikaikan.

Macam tadi saya dapat ya dia cakap jangan minum lagi *Tea Leaves...* kan *Tea Live... Tea Live* ya, yang dulu nya *chat time* sekarang *Tea Live* kan dia sama. Dia boleh beritahu ada *chemical* ataupun bahan-bahan yang tertentu yang diharamkan, yang tak boleh yang orang Islam tak boleh… itu sahaja dan kita pun tak marah *company* walaupun... walaupun ada orang tidak bersetuju dengan tulisan Jawi, tapi yang produk-produk tertentu yang tulis halal itu dia tulis Jawi juga ha…, itu tak apa pula ha…, itu tak apa yang itu dia boleh terima. Pasal apa? pasal *that is how you want to convince* yang barang itu halal itu sahaja.

Kita tak pernah sekalipun kita bagitahu boikot tetapi jika sekiranya ianya dalam Islam ya, jika ianya sekiranya ia meragukan maka kita jangan beli, kita jangan makan maka kita kena beli lah barang-barang yang tidak meragukan, iaitu barang-barang daripada BMF atau *Buy Muslim First* itu sahaja ya, sekian terima kasih.

YB. CIK LEONG YU MAN

Terima kasih daripada penjelasan. Semalam er... dengar penerangan dari Tanjung Lumpur, sebenarnya saya faham bahawa kempen ini *target* kepada makanan sahaja tapi kita tidak dapat mengawal bagaimana penterjemahannya apabila dia sampai ke masyarakat umum khasnya di *social media*. Jadi kita dapat... tidak dapat mengawal jadi kita harap bahawa, kita akan lebih berhati-hati dengan apa jenis saranan yang…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Jika sekiranya, jika sekiranya pengilang kita, pembuat makanan kita kemudian yang terlibat dengan barang-barang ataupun produk-produk ya seperti kosmetik dan sebagainya yang digunakan, ini mematuhi syariah *compliance,* mematuhi peraturan syariah kita tak ada masalah pun. Tak ada menjadi... tidak menjadi masalah pun kepada orang-orang Melayu. Selama ini tak ada pun orang Melayu… tetapi mungkin ada sebahagiannya yang mempunyai pengalaman ianya telah disalahgunakan. Salah gunakan apa yang kita kata sebagai logo halal dan sebagainya. Itu yang membuatkan keraguan jadi bukan salah kita, kita bukannya pengilang orang Melayu tak pernah jadi pengilang dan orang Melayu tak pernah marah pun orang lain jadi pengilang, asalkan perkara tersebut halal iaitu bersih. Halal tu maknanya bersih. Kalau di Amerika kita ada *Kosher*-K makanan tersebut halal bagi orang Yahudi, bersih pada dia K, pada kita H-Halal itu sahaja.

Jadi, sekarang ni kita harap supaya pengilang-pengilang yang ada ini…

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Nak celah sikit. Mohon celah Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Saya belum habis lagi. Pengilang-pengilang yang ada ni terutama sekali mereka mesti mematuhi sebab terlalu banyak... terlalu banyak bukti-bukti yang diviralkan di dalam *social* media yang kita dapati bahawa mereka tidak mematuhi syariah apa nama patuhan syariah yang ianya sememangnya diperlukan ataupun orang Islam memerlukannya itu sahaja. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak Boleh. Gulung-gulung.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Sikit je Yang di-Pertua.

Kita baca ginilah mudah, orang Islam ni bukan sahaja boikot lama dah tak makan babi tapi perniagaan babi okay je, mewah, tak rugi pun kan. Jadi serupa juga situ ja kita *reverse psychology* begitu ya terima kasih.

YB. CIK LEONG YU MAN

Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tujuan saya membawa isu ini *simple* sahaja. Saya cuma harap bahawa kita semua tak kira Wakil Rakyat, penjawat awam, kita sama-sama membina semula negara dan negeri dan juga kita sama-sama membina semula hubungan antara kaum itu sahaja sebab kita anak Malaysia. Akhir sekali saya menyokong Belanjawan 2020 yang dibentangkan Yang Amat Berhormat. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Triang. Saya jemput kalau ada. Ada yang Ahli Yang Berhormat ada masa lagi. Sila Panching. YB. Panching.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Asalamualaikum WBT dan selamat petang.

Er... Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk mengambil masa sedikit insya-Allah petang ini untuk membahas Perbentangan Bajet daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Apa yang ingin saya bawa pada petang ini ialah yang pertama berkenaan dengan er... Perumahan yang disediakan oleh er... Kerajaan Negeri Pahang iaitu Perumahan PR1MA dan juga Perumahan Makmur yang saya kira di antara projek perumahan yang mesra rakyat, yang menyediakan peluang untuk rakyat memiliki kediaman yang baik bagi kehidupan mereka. Cumanya seandainya kita meneliti fakta antaranya saya baca dalam surat khabar pada bulan Oktober pada hari itu iaitu data yang dikeluarkan oleh *demographic international* berkenaan dengan harga rumah di pasaran Malaysia pada hari ini adalah rumah yang harga tidak mampu milik ya, harga rumah tidak mampu milik terutamanya rumah di bandar-bandar utama dalam negara kita.

Dan er... kebiasaannya pada hari ini, rumah yang ditawarkan rumah baru dibina, ditawarkan pada harga RM350,000.00 ke RM400,000.00 sebuah ya. Sedangkan mampu milik, kategori mampu milik dalam negara kita ialah bila mana satu rumah yang ditawarkan itu harganya tidak lebih daripada 3 kali gaji tahunan isi rumah, dan kita lihat di Kuantan contohnya, kebiasaan rumah yang ditawarkan pada saiz yang kecil... saiz yang sangat kecil tetapi diletakkan bermula harga pada RM300,000.00 dan ke atas.

Dan terutamanya bandar-bandar baru kita lihat contoh KotaSAS dan sebagainya rumah yang ditawarkan sangat tinggi RM400,000.00, RM500,000.00, RM1 juta pun ada. Yang mana kita melihat pendapatan isi rumah di daerah Kuantan terutamanya dan juga di daerah-daerah lain tidak ramai, bukan majoriti yang mempunyai pendapatan isi rumah mampu miliki rumah pada harga RM350,000.00 dan ke atas. Kalau satu rumah RM350,000.00 bererti pendapatan isi rumah mestilah sebulan er... hampir RM10,000.00 pendapatan isi rumah. Setiap isi rumah, campur gaji suami dan isteri mesti lah mencapai RM10,000.00 baru melayakkan meraka untuk miliki rumah RM350,000.00.

Tuan Yang di-Pertua,

Rumah mampu milik yang ditetapkan oleh Bank Negara ialah pada kadar RM280,000.00... RM282,000.00, yang merupakan rumah yang mampu milik oleh

ramai *medium group*... kumpulan *medium* dalam negara kita. Yang saya ingin tekankan pada hari ini ialah pihak kerajaan telah berusaha menyediakan Rumah PR1MA yang saya kira pada kadar harga yang... yang luma... yang.... yang mampu milik dan kita lihat hari ini habis dijual bila mana ditawarkan pada kadar harga RM150,000.00 dan juga begitu Rumah Makmur RM80,000.00.

Saya mengharapkan supaya anak-anak syarikat negeri Pahang ataupun peranan kerajaan negeri dalam mengawal harga yang ditawarkan yang begitu tinggi yang menyebabkan sebahagian besar rumah-rumah ini terbengkalai, tidak mampu dijual dan seandainya boleh, anak-anak syarikat negeri bukan semata-mata anak-anak syarikat negeri yang juga terlibat dalam er... pembangunan perumahan, tidak semata-mata mengikut *trend* harga semasa yang ditawarkan oleh er… pemaju-pemaju. Sebaliknya juga menawarkan harga yang diletak harga sosial er… maknanya harga yang tidak mengikut harga *trend* semasa, tetapi harga yang kita kira boleh dimiliki oleh ramai er… masyarakat di dalam er… negara kita er… dalam, dalam, dalam negeri kita.

Saya sangat-sangat mengharapkan supaya ada juga tanggungjawab sosial. Di samping rumah PR1MA, Rumah Makmur tadi, anak-anak syarikat juga mempunyai tanggungjawab sosial untuk menyediakan rumah yang mampu milik. Bukan semata-mata memikirkan keuntungan, tetapi mampu milik sebahagian besar er… masyarakat dalam, dalam negeri kita. Dan antara kumpulan dalam masyarakat yang tertinggi sebenarnya adalah kumpulan B40. Er… kumpulan yang sangat–sangat berpendapatan rendah. Yang saya kira ada beberapa Ahli er… Yang Berhormat telah pun menyentuh dalam er… ucapan dalam persoalan soal jawab dan juga perbahasan, di mana kita minta pihak kerajaan memikirkan bagaimana nasib mereka ini.

Er… peluang mereka untuk memiliki rumah untuk memiliki rumah yang pada kadar harga RM80,000.00, RM150,000.00 sebahagian mereka tidak memiliki slip gaji dan sebagainya. Tetapi mereka juga sebenarnya adalah golongan yang ingin, ada impian untuk memiliki rumah dan kita melihat rumah ini dalam Islam adalah sebahagian daripada perkara dhoruuri er… perkara yang mesti yang perlu disediakan untuk mengisi keperluan masyarakat pada, pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga pada petang ini ingin mengajak er… semua untuk melihat kembali er… peruntukan yang sediakan kepada YB.-YB. pembangkang antaranya. Er… kalau YB. daripada DAP, daripada Pakatan Harapan mereka mungkin, mungkin mendapat er… peruntukan tambahan daripada kerajaan pusat, ada YB.? Rahsia. Tetapi kami daripada PAS contohnya er… peruntukan yang diberikan oleh kerajaan sebanyak RM30,000.00. RM15,000.00 untuk bantuan dan RM15,000.00 lagi untuk projek. Pada kadar RM15,000.00 ini, projek apa yang kita boleh berikan kepada rakyat sebenarnya? Er… tandas pun lebih ini YB. Er… RM20,000.00. Jadi…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Patutnya kita baru berbaik, janganlah minta dalam dewan, minta belakang-belakang dewan la. (Ahli Dewan ketawa).

YB. ENCIK MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Saja sebut ini kat dalam dewan ini, kurang-kurang mungkin dapat.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

PM tepi, pm tepi.

YB. ENCIK MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Okay, jadi apa yang nak saya sebutkan di sini adalah sebenarnya, walaupun kita dapat jumlah yang kecil, tetapi kita uruskan dengan penuh profesional. Er… kita uruskan dengan penuh profesional. Jadi setiap permohonan yang kita buat, kita ajukan kepada Pejabat Daerah, setiap duit yang kita keluarkan kita buat invois er… penerima. Membuktikan bahawasanya pengurusan duit yang diberi tadi adalah pengurusan… kita cuba sediakan pengurusan kewangan yang penuh integriti, akauntabiliti dan terbaik.

Oleh yang demikian seandainya er… dapat er… di er… daripada apa ya, tambah, ha… senang sebutkan, dapat ditambah kerana duit tadi pengurusannya sama. Pengurusannya kita guna, kita urus, urus dengan sebaik-baiknya. Dan seandainya sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum daripada ini, bahawasanya ada peruntukan dari er… di kawasan pembangkang yang diuruskan oleh penyelaras DUN daripada pihak kerajaan. Saya kira alangkah baiknya kalau ada hubungan yang rasmi juga daripada pihak kerajaan. Contohnya daripada pihak kerajaan yang menyebut DUN Panching siapa yang jaga er… dan yang jaga tadi, dia jumpa pula beritahu pula kepada YB. Panching contohnya.

Okay kita ada peruntukan banyak ini, kalau YB. ada apa-apa projek yang perlukan ini YB. boleh submit kepada penyelaras DUN. Contoh. Saya rasa ini lebih telus er… dan ada beberapa is kes contohnya yang kita dijemput oleh Pejabat Daerah YB. kita ini er… minta projek dan sebagainya, tapi bila kita submit er… pra… projek tadi itu, antaranya tidak mendapat perhatianlah daripada er… pihak kerajaan.

Jadi saya kira kalau sebaik-baiknya er… kalau dapat penyelaras DUN juga memaklumkan berkongsi apakah yang dilakukan di kawasan kami ini. Di kawasan pembangkang ini contohnya er… dan dapat dikongsikan juga supaya, kami sebagai Yang Berhormat di kawasan masing-masing juga sebenarnya ada aduan yang banyak. Dan sebahagian daripada masyarakat dia tak tahu, bahawasanya peruntukan kita kecil. Dan sebahagian besar lagi dijaga oleh penyelaras DUN. Dan inilah yang kita kalau dapat hasil daripada kerjasama yang baik ini supaya kita dapat bersama-sama memanfaatkannya untuk rakyat. Insya-Allah saya kira kira itu sahaja.

Yang terakhirnya, suka juga saya menyentuh beberapa perkara dalam kawasan saya antaranya ialah berkenaan dengan pengurusan er… *monsoon drain*. Er… banjir yang ada setengah tempat yang masih lagi belum selesai diselenggarakan dengan baik. Dan kita kira pihak er… jabatan cuaca telah mengeluarkan amaran awal. Er… pada tahun yang akan berlaku banjir yang besar, banjir besar daripada 2013, 2014 minta elaklah. Sepatutnya dilakukan segera terutamanya di er… laluan air yang menjadi laluan utama. Tidak sepatutnya dibiarkan sehingga datang hujan lebat, tidak mampu diselenggarakan dengan, dengan baik.

Dan yang keduanya saya berkongsi sedikit pengalaman saya bertemu dengan pasangan Orang Asli yang menghantar anak ke hospital besar daripada Rompin. Dan bila saya Tanya dia tidur mana malam tadi? Dia kata tidur kat koridor je. Saya tanya awak makan apa pagi ini? Tak makan apa-apa. Er… jadi adakah kita menyediakan er… tempat tinggal sementara untuk golongan Asli ini, yang sebahagian datang ini memang dia tak ada duit. Er… saya dulu biasa jugalah pergi hospital ini sebabnya dulu

orang rumah selalu pergi ini, beranak dan sebagainya. Sekarang ini melawat orang je lah, melawat orang. Jadi bila kita pergi kita jumpa tanya dia, dah makan pagi? Belum sebab apa belum makan pagi? dia senyum, awak ada duit? Tak ada duit, tak ada duit, semalam tidur mana? Tidur di koridor.

So saya rasa dia Orang Asal ni er… dia boleh je tidur koridor itu. Tetapi kita sebagai kerajaan saya cadangkan mungkin ada tempat sementara dan kita sediakan juga bantuan yang menyebabkan tidak menyusahkan mereka daripada jauh, biasa daripada Rompin yang saya jumpa, daripada jauh untuk datang membawa kadang anak, isteri yang sakit di hospital besar. Tuan Yang di-Pertua, itu saja ucapan saya pada petang ini, saya menyokong bajet pada tahun ini.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Panching. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian seramai 25 orang Wakil Rakyat telah mengambil bahagian di dalam perbahasan untuk kali ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan penuh semangat dan memberikan pandangan-pandangan yang membina, yakin, tertib dan memberikan kerjasama kepada Speaker. Tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Insya-Allah, pada hari esok pihak kerajaan akan memberikan jawapan, pertanyaan-pertanyaan dan pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya bercadang untuk menangguhkan persidangan ini dan persidangan ini akan disambung semula pada hari esok jam 9.30 pagi. Persidangan ditempohkan.

[*Persidangan ditempohkan jam 4.36 petang*]

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14

HARI KE-4
21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

KANDUNGAN

HARI KE-4: 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	1
4	MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2020) 2019	27

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Ke-4 : 21 November 2019 (Khamis)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli.
Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. **Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-BadanBukan Kerajaan**	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli**	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi dan Multimedia**	-	**Bebar**
Yang Berhormat Encik Abd Rahim bin Muda, AMP., PKC. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan**	-	**Lepar**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	-	**Dong**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun, SSAP., DIMP., SMP.	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP., SMP	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN	-	**Bukit Ibam**

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Tras**
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Bilut**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	-	**Ketari**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II
PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff@Ahmat, AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna**	-	**Pulau Tawar**
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Dewan Negeri Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Khamis	:	21 November 2019
Bersamaan	:	24 Rabiulawal 1441 Hijrah
Masa	:	9.30 pagi

Bacaan Doa.

DOA

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan dalam bahasa Arab]. [Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagian meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Pertama: Pertanyaan dan Jawapan

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita lafazkan rasa ketinggian, setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT pada hari ini kita masih lagi dikurniakan dengan pelbagai-bagai nikmat, nikmat sihat, nikmat keamanan, nikmat keselamatan dan nikmat perpaduan negara. Dan pagi ini pula kita berada di Dewan ini bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab serta amanah kita. Baiklah untuk urusan seterusnya soalan dan jawapan, saya dengan ini menjemput Wakil daripada Cheka untuk menanyakan soalan.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Selamat sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan pertama.

[Kerajaan Negeri Pahang telah berusaha untuk menarik pelaburan asing dari Singapura dan negeri China ke negeri Pahang dengan termeterainya MOU.

i) Berapakah jumlah pelaburan yang telah diperoleh dari Singapura dan negeri China?
ii) Sila kategorikan perusahaan yang akan dilaksanakan, di mana dan bila?
iii) Berapakah peluang pekerjaan akan diwujudkan?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi dan salam sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada ADN Cheka yang bertanyakan soalan berkenaan dengan pelaburan serta lawatan perdagangan Kerajaan Negeri Pahang ke Singapura dan ke China dan sehingga tercetusnya MoU. Soalan yang ditanyakan ialah jumlah pelaburan daripada Singapura dan China? Walaupun perkara ini saya telah jelaskan di dalam pembentangan belanjawan tempoh hari, tapi oleh sebab ditanya semula, ingin saya nyatakan di sini bahawa jumlah pelaburan yang dijangka dibawa masuk ke negeri Pahang daripada Singapura ialah sebanyak RM1.134 bilion.

Manakala daripada China sebanyak RM1.386 bilion. Berkenaan dengan soalan kedua, kategori perusahaan dan di manakah dan ianya dilaksanakan dan peluang pekerjaan yang akan diwujudkan? Saya ingin nyatakan di sini bahawa terdapat 11 daripada Singapura yang ditandatangani perusahaan bersama. Yang pertama ialah Cadangan PembangunanTakungan Air dan Rawatan Air Bersih oleh IBN *Corporated Private Limited.* Yang ini bersabit dengan bekalan air, lokasinya di Genting Highlands, Bentong dan peluang pekerjaan yang dijangka akan diwujudkan ialah seramai 1,000 orang. Yang kedua ialah Cadangan Pembangunan Kilang Pengeluaran Alloy Mangan dengan pengeluaran sebanyak 600,000 tan metrik oleh *Golden Prosperous International Private Limited*. Ini dalam bidang industri lokasinya di Gebeng, Kuantan. Peluang pekerjaan seramai 1,000 orang.

Dan untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri akan menandatangani perjanjian dengan syarikat ini dalam masa terdekat dan telah pun diluluskan oleh Ahli-ahli dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang. Yang ketiga ialah Cadangan Projek Tanaman Nenas Oleh Ananas Republic Private Limited. Ini sektor pertanian di Rompin dijangka mewujudkan peluang-peluang pekerjaan seramai 85 orang dan yang ini pun akan dibuat perjanjian dalam masa yang terdekat telah pun diluluskan oleh MMK.

Yang keempat ialah Cadangan Projek Ternakan Ayam oleh Boong Poultry Private Limited di Kampung Mempoon, Rompin juga peluang pekerjaan seramai 50. Yang kelima, Cadangan Projek Pembangunan Eco-Pelancongan oleh South Ocean Development, sektor pelancongan di Kampung Badong, Pekan, dijangka mewujudkan peluang pekerjaan seramai 1,000 orang.

Yang ini pun telah pun akan dibuat perjanjian dalam masa terdekat. Yang keenam, Cadangan Projek Ternakan Udang dan Ikan secara tertutup oleh BAF Private Limited di Rompin peluang pekerjaan 50 orang. Yang ketujuh, Cadangan Projek Pertanian

Tomato Teknologi Tinggi oleh AUM Energy Private Limited di Cameron Highlands seramai 120 orang dijangka peluang pekerjaan akan diwujudkan.

Yang kelapan Cadangan Projek Pembangunan Ladang Solar oleh Zhong Hai Resources Group Private Limited. Ini berkaitan dengan industri solar di Muadzam Shah, Rompin, peluang pekerjaan seramai 200 orang. Yang kesembilan Cadangan Projek Food and Ecotourism oleh Asacess Sdn. Bhd, sektor pelancongan di Indera Mahkota, peluang pekerjaan seramai 200 orang.

Yang kesepuluh Projek Pembangunan Fodder dan Daging di bawah jenama Rompin Beef oleh The Holstein Milk Company Sdn. Bhd. bidang penternakan di Kampung Kundang, Pekan, peluang pekerjaan seramai 50 orang. Yang ini pun akan ditandatangani perjanjian dalam masa terdekat dan yang akhir sekali yang kesebelas ialah Cadangan Pembangunan Kilang Bio Composite dan Bahan Binaan Pembangunan oleh Hercules Technology Sdn.Bhd. Sektor berkenaan di Gebeng Kuantan. Peluang pekerjaan seramai 500 orang.

Daripada 11 projek yang telah ditandatangani secara MoU ataupun perjanjian dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan seramai 4,255 orang secara keseluruhannya. Manakala di China ada enam projek dan keenam-enam projek belum lagi cuma MoU saja belum ada perjanjian lagi. Insya-Allah dalam masa terdekat kita akan usahakan.

Enam projek iaitu Cadangan Pembangunan Penghasilan Kertas, Grey Board, Pulp Board dan Plastic Particles oleh Zhongxin Resources Regeneration Technology Sdn. Bhd. sektor perkilangan di Gebeng, Kuantan dijangka mewujudkan peluang pekerjaan seramai 200 orang. Yang kedua, Cadangan Pembangunan Kilang Penghasilan Tenaga Beri Keperluan di MCKIP oleh TNP Power Sdn. Bhd. di Gebeng, Kuantan juga seramai 60 orang dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan.

Yang ketiga, Cadangan Pembangunan Kilang Kertas oleh ND Paper Sdn. Bhd di Bentong, 250 orang peluang pekerjaan. Yang keempat, Cadangan Pembangunan Kilang Pembuatan Panel Solar Bagi Rumah oleh Power China Construction Group, yang ini di Gebeng dijangka mewujudkan 100 orang peluang pekerjaan.

Yang kelima, Cadangan Pembangunan Eco Tourism oleh China Travel Service Meixian Company Limited sektor pelancongan di Bukit Tinggi, Bentong dijangka mewujudkan 150 peluang pekerjaan. Yang keenam, yang akhir sekali adalah Cadangan Pembinaan Wind Turbine oleh Wuxi Jinxie Industrial Company Limited, tenaga solar dan ianya dibuat di Pulau Tioman dijangka mewujudkan seramai 50 orang peluang pekerjaan. Jadi pelaburan daripada China ini secara keseluruhannya boleh mewujudkan seramai 800 peluang-peluang pekerjaan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Soalan tambahan. Tahniah atas kejayaan Kerajaan Negeri selepas lawatan ke Singapura dan China. Kerajaan Negeri juga pernah membuat misi perdagangan ke Belgium dan Belanda. Bagaimana pula hasilnya? Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh ulang soalan tak? Rakan saya tadi tengah…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ulang lagi sekali, Cheka.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tengah memaklumkan sesuatu yang dikira mustahak juga. Jadi saya ke sana pun dengar, sini pun kena dengar. (Ahli Dewan ketawa)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

YB. Cheka ulang lagi sekali, soalan.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Soalan saya, selain Singapura dan Belan… er… China kami telah er… negeri Pahang pernah melawat ke Belgium dan Belanda, apakah hasil yang kita dapat?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Er… projek ini telah pun diluluskan di Raub dan er… dalam masa terdekat kita akan beritahulah ya dan saya telah nyatakan beberapa kali setiap hasil lawatan ke luar negara terutamanya misi perdagangan mesti mendatangkan hasil kepada Kerajaan Negeri dan sebab itulah selepas ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan selepas ini ke Thailand contohnya insya-Allah pada Januari ini *no more MoU*, kita takkan buat dah *MoU*. *MoU* ini daripada zaman dulu-dulu lagi masa saya kerja dengan Bernas dulu *MoU*… ha… *I owe u* (Ahli Dewan ketawa) *MoU* perjanjian usahasama tetapi perjanjian usahasama ini kalau tak jadi pun takpe maknanya kalau kata dia berjanji dengan Kerajaan Negeri Pahang, Kerajaan Negeri Pahang kata tak perlu dia tak boleh buat apa-apa tetapi kalau sekiranya *agreement,* perjanjian maknanya kalau dia tak buat, boleh diambil tindakan daripada segi perundangannya. Jadi ini adalah satu pendekatan baharu er… daripada Kerajaan Negeri Pahang setiap misi perdagangan mesti diikuti dengan perjanjian bersama dan untuk tujuan itu ianya tidak berlaku begitu sahaja.

Saya telah minta kerjasama daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk pergi meninjau dan buat kerja-kerja awalan sebelum er… perjanjian ini dilaksanakan. Jadi er… Yang Berhormat jangan bimbang cuma yang pergi ke Belgium tempoh hari bawa ke Raub tidak dibawa ke Cheka, mungkin selepas inilah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Er… Dato' Sri, soalan tambahan. Er… saya ini nak bawa soalan yang dikemukakan oleh orang kampunglah. Kejayaan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri Pahang cukup baik kalau kita bandingkan dengan Kerajaan Pusat yang ada jawapan dalam Dewan Rakyat mengatakan 30 misi telah dibuat oleh Kerajaan Pusat dengan belanja er… hampir RM30 juta tapi pulangannya kosong tapi di Kerajaan Negeri Pahang nampak sebagaimana disebutkan tadi.

Soalan saya ialah er… mereka nak minta juga Kerajaan Negeri supaya juga pergi mencari pelabur pembeli-pembeli bagi getah dan kelapa sawit sebab kalau setakat nak bagi suruh tanam apa tanam buluh, minum minyak apa sesudu sehari dan sebagainya itu tak… tak berkesan jadi sebelum itu nak minta Kerajaan Negeri Dato' Sri supaya mereka er… datang sendiri mencari pelaburan menjual, mencari pembeli dan juga mungkin membawa pelabur-pelabur itu datang ke negeri Pahang melabur, memproses bahan-bahan seperti getah dan kelapa sawit di negeri Pahang ini. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

ADN daripada Padang Tengku ini sentiasa saja memberi cadangan, pandangan yang sangat bernas dan cadangan yang dikemukakan tadi pun sangat baik. Maknanya selain daripada kita mencari pelabur untuk membuat perdagangan di negeri Pahang, kita juga pergi mencari pembeli untuk kelapa sawit dan er… dan getah dan perkara ini mungkin kita pergi ke Thailand ini mungkin kita akan masukkan juga apa ni… salah satu agenda untuk mencari pembeli getah dan kelapa sawit dan untuk tujuan itulah sebab itu Kerajaan Negeri telah proaktif telah mewujudkan Unit Antarabangsa tidak pernah berlaku sebelum ini tapi kita… walaupun kita negeri ini tapi kita wujudkan Unit Antarabangsa.

Dan untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bila ADN Padang Tengku menyebut er… peringkat Kerajaan Pusat semalam saya ada Mesyuarat ECER dan er… Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah ada menyatakan dia berasa hairan mengapa ada Projek *Turbine* yang boleh menjana udara yang dibuat di tepi laut sebab dia kata negeri-negeri di Pantai Timur ini memerlukan *turbine* tersebut kerana dia tepi laut, anginnya yang deras tidak diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan dia kata kepada saya dia merasa hairan kenapa Kerajaan Persekutuan tidak meluluskan projek tersebut tetapi saya beritahu kepada Tun Yang Amat Berhormat Pengerusi saya kata Kerajaan Negeri Pahang sama ada Persekutuan lulus atau tidak Kerajaan Negeri Pahang telah pun setuju untuk buat *turbine* di Pulau Tioman jadi maknanya ada benda kita boleh ikut, ada benda kita tak boleh ikut tapi banyak kita tak ikut Kerajaan Persekutuan, kerajaan yang ada pada hari inilah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri. Kita pergi kepada soalan berikut, jemput Wakil dari Muadzam Shah.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kemukakan soalan pertanyaan nombor 2.

> [Hasil lawatan pelaburan oleh YAB MB ke Singapura yang lalu, apakah ada pelaburan baharu di kawasan Muadzam Shah?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Soalan ini pun berkaitan dengan pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pahang tetapi er… ADN daripada Kawasan Muadzam lebih fokus apakah yang diperolehi di kawasan beliau. Sukacita saya mengatakan bahawa pelaburan pada 1 dan 2 Ogos 2019 yang lalu er… ke Singapura, kita telah mendapat 11 er… pelaburan yang berpotensi dan satunya ialah di Muadzam Shah dengan nilai pelaburannya RM400 juta iaitu Projek Pembuatan… Pembangunan Solar dan tapaknya adalah berhampiran dengan Politeknik Muadzam Shah.

Manakala yang berhampiran dengan kawasan Muadzam Shah ialah yang bersempadanan ialah berkenaan dengan Projek Pembangunan *Fodder* dan Pedaging di bawah jenama Rompin Beef yang akan dibangunkan oleh The Holstein Milk Company Sdn. Bhd. dengan nilai pelaburan sebanyak RM10 juta. Projek ini terletak di Kampung Kundang, Mukim Bebar, daerah Pekan. Dan er… saya percaya kedua-dua projek ini akan dapat menjana ekonomi dan akan mewujudkan peluang pekerjaan di kawasan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang berikutnya, jemput Wakil Teruntum bagi mewakili Semambu.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Hormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengemukakan soalan untuk kawan saya soalan nombor 3.

> [Minta pihak Kerajaan Negeri senaraikan destinasi pelancongan di dalam Pahang yang akan dimasukkan ke dalam jadual atau senarai Visit Malaysia 2020?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDDIN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Yang di-Pertua, semua destinasi pelancongan di Pahang dimasukkan di dalam senarai destinasi yang dipromosi untuk Tahun Melawat Malaysia ataupun VM 2020, *Visit Malaysia 2020*. 2 acara utama iaitu er… *Royal Pahang Billfish International Challenge* di Rompin dan juga Pesta Air di Chenor, telah pun dimasukkan dalam 40 acara sebab *Tourism* Malaysia ini dia ada 14 negeri termasuk Wilayah Persekutuan jadi satu negeri dua tiga… dua tiga dan sebagainyalah yang kita pun fahamlah ya kita ini negeri pembangkang, dua pun alhamdullilah. Takde langsung itu yang kita ralat juga.

Dua acara dimasukkan dalam er… dalam kalendar pelancongan negara. Selain daripada itu lebih 40 acara pelancongan lain juga diadakan penganjurannya secara gandingan atau kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Saya juga nak maklumkan bahawa kita juga menerima, masih lagi menerima iaitu permohonan daripada penganjur-penganjur yang kita boleh bagikan kepada tiga. Satunya yang dianjurkan secara terus oleh swasta dan NGO dan yang keduanya er… kerjasama dengan Tourism Pahang dan yang ketiganya dianjurkan oleh jabatan kerajaan ataupun agensi.

Kadang-kadang mungkin sebagai contohnya agensi sebagai contohnya Universiti Islam Malaysia dia menganjurkan larian er… apa namanya larian… larian… er… kesihatan sebagai contoh ataupun pejabat hospital er… Kuala Lipis mereka pun ada er… larian. Begitu juga sebagai contohnya apa namanya er… jabatan-jabatan dan

agensi-agensi sebagai contohnya macam seperti contoh Hari er… Alam Sekitar Sedunia kita mengadakan larian, itu yang dianjurkan dan kita sememangnya mempunyai jawatankuasa teknikal yang er… yang mewakili jabatan-jabatan masing-masing er… termasuklah MPK, MPT, Majlis-Majlis Daerah, Majlis-Majlis er… Daerah dan juga Majlis Perbandaran.
Begitu juga dengan Jabatan Hutan, BPEN er… kemudian er… SFINO ataupun Pejabat Kewangan Negeri er… untuk kita yang membuat permohonan ini kita akan saring dan kita nak pastikan bahawa er… apabila mereka menggunakan logo kita, logo Tourism Pahang ini mereka tidak salah gunakan maknanya kita taknaklah orang dapat surat daripada kita mereka sewenang-wenangnya gunakan memohon er… peruntukan ataupun memohon *sponsorship* tetapi kita tak tahu, ini satu benda sebab perkara ini pernah berlaku dan kita pastikan perkara-perkara seperti ini tidak berlaku. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Silakan Yang Berhormat.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Di Serambi Teruntum, peniaga-peniaga nampaknya semakin lama semakin kurang juga pelawat-pelawat juga tidak pergi ke tempat ini. Saya nak tanya di sini bagaimanakah pihak kerajaan akan mempromosikan tempat ini?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Semamangnya kita pernah ataupun sememangnya Kerajaan Negeri di bawah BPEN mengadakan mesyuarat apa nama tentang masalah yang berlaku di Serambi Teruntum kerana kita dapati bahawa daya tarikan Serambi Teruntum itu ianya agak menurun dan er… dan kita mencari sebab-sebabnya dan er… Majlis Perbandaran Kuantan, er… mereka telah pun ya mereka telah pun mempunyai beberapa er… solusi ataupun beberapa kaedah bagaimana mereka nak mengatasi masalah.

Antara lainnya, antaranya kita cadangkan supaya kita buat *branding* baharu. Bila sebut serambi ni minta maaf la rakan-rakan… baharu kita daripada PAS ni… ya bila sebut serambi ni Serambi Mekah, ha jadi dia… *connotation* tu. Jadi, kita cakap tapi jangan sebut serambi, kita letak *the bazaar*, sebagai contoh. Jadi, sebab *tourism* ni *its all about branding, its all about icon and branding.* Jadi kalau kita letak *branding* yang betul, sebagai contohnya Menara Teruntum, sebagai contohnya ya Menara Teruntum, kita ada Kompleks Teruntum, Menara Teruntum, Serambi Teruntum. Jadi, macam Kompleks Teruntum pun lain macam juga kan.

Maknanya jadi nama tersebut dia mungkin tidak berapa sesuai. Jadi, kalau Menara Teruntum, Menara Teruntum 360 *Degrees*. *So there's a… there's a…* apa yang kita sebut sebagai *the branding* itu yang memperlihatkan bila orang tengok itu. Ha, dia tahu ini adalah merupakan *360 degrees* makna dia boleh bayangkan dia naik atas, dia boleh tengok *360 degrees*. *So,* sememangnya Majlis Perbandaran Kuantan sedang membuat *branding* baharu, kaedah baharu bagaimanakah caranya untuk mereka

menghidupkan kembali atau mempastikan bahawa kemeriahan di Serambi Teruntum itu dapat er… kembali seperti apabila ianya mula dibuka. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, kita pergi kepada soalan berikut. Wakil Teruntum, ya sila.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 4.

[Tanah Pertanian.

Kaedah terbaik untuk membantu mengekang kenaikan harga barang dan keperluan asas adalah dengan menggalakkan rakyat khususnya golongan B40 memanfaatkan tanah atau ruang yang kosong, untuk bercucuk tanam serta menjadikan ianya sebagai punca pendapatan.

a) Sejauh manakah usaha Jabatan Pertanian Negeri boleh membantu golongan B40 ini untuk kembali bercucuk tanam dalam memenuhi keperluan sendiri dan setempat?

b) Adakah kerajaan akan memanfaatkan kawasan yang terbiar seperti di sepanjang jalan Sungai Soi contohnya untuk diberi kepada golongan B40 supaya mereka bercucuk tanam dan menjadikan punca pendapatan?]

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan 4 Wakil Teruntum menanyakan langkah-langkah untuk membantu golongan B40 khususnya dalam er… menaikkan atau meningkatkan punca pendapatan dan juga mengekang kos sara hidup melalui oleh kerana kenaikan harga barang-barang keperluan.

Jadi, untuk menjawab soalan itu, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, golongan B40 ini sebenarnya boleh juga menyertai program-program pembangunan yang dinamakan sebagai tanaman makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, herba dan lain-lain lagi yang berpotensi bagi, bagi yang mempunyai tanah, bagi yang mempunyai tanah.

Dan er… ianya ni boleh dilaksanakan dengan berhubung dengan Pejabat Pertanian dan er… Jabatan Pertanian sentiasa mengadakan program-program termasuk kursus-kursus untuk membimbing golongan-golongan sedemikian khususnya dalam er… menceburkan diri dalam er… aktiviti pertanian dan kita ada pegawai-pegawai yang dinamakan sebagai pegawai-pegawai pengembangan, dia panggil *extension officer*, dengan izin ya untuk memberikan er… tunjuk ajar dan panduan bagi membolehkan golongan-golongan bukan sahaja B40 yang dimaksudkan mana-mana pihak yang berminat untuk er… menjalankan aktiviti pertanian mendapat bimbingan secara yang lebih profesional.

Manakala yang tinggal di kawasan bandar ya, di kawasan-kawasan bandar di perumahan di mana tanah agak terhad boleh juga menyertai program yang dinamakan sebagai pertanian bandar dan ianya adalah menggunakan kaedah termasuk dipanggil

vertical farming, dengan izin, maknanya kita tak cukup ruang yang luas, jadi kita buat tu cara bertingkat-tingkat, ada kaedah dia menggunakan hidroponik ataupun kaedah-kaedah yang tidak memerlukan kawasan yang luas sangat ya dan ianya boleh dilaksanakan khususnya bagi tanaman macam sayur-sayuran er… dan juga keperluan-keperluan termasuk… ini… rempah ratus makna maksud cili, serai dan sebagainya dan ini sebenarnya memang diusahakan oleh pihak jabatan khususnya jabatan pertanian dan juga agensi-agensi yang lain.

Justeru itu, saya mohon juga menyeru kepada rakan-rakan Ahli Dewan Yang Mulia ini untuk sama-sama kita membantu golongan ini dengan er… mendapatkan khidmat nasihat dan juga penyelarasan dengan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan insya-Allah kita akan berikan agensi-agensi ini memang er… mengalu-alukan sangat penyertaan untuk membantu khususnya golongan-golongan yang B40 yang memerlukan bantuan.

Manakala ADN Teruntum membangkitkan tentang kawasan di sepanjang jalan Soi yang nampaknya kosong yang tidak dimanfaatkan. Ada sesetengah menyatakan bahawasanya tanah-tanah mungkin dianggap sebagai tanah terbiar tetapi sebenarnya istilah tanah terbiar ni adalah tanah-tanah milik yang tidak diusahakan. Kalau tanah-tanah kerajaan dia tidak tanah terbiar ya, makna tanah kerajaan yang tidak diusahakan tapi tanah terbiar ni maksudnya ianya mempunyai pemilikan.

Jadi kalau mempunyai pemilikan, kita tidak boleh memaksa tuan punya tanah tu untuk er… mengusahakan tanah-tanah dia, kerana dia bayar cukai tanah tapi kalau dia rasa dia nak tanam lalang sahaja semata-mata misal contohnya, jadi kita tidak boleh memaksa dia. Namun kita menggalakkan supaya pemimpin masyarakat boleh juga bertemu dengan pemilik-pemilik ini dan er… mengusahakan agar tanah ini dapat dijayakan dan mengeluarkan hasil yang lebih produktif. Insya-Allah kalau usaha ini dapat dilaksanakan secara *total* dengan penglibatan daripada semua, pihak kumpulan sasar, pemilik tanah, pemimpin setempat dan juga agensi-agensi yang berkaitan, insya-Allah ianya dapat dilaksanakan.

Untuk makluman er… sebenarnya kita ada juga TKPM ha dia panggil TPKM Inderapura kita berdekatan dengan pusat pertanian di…di jalan Pekan dan di kawasan itu juga kita menggalakkan mana-mana petani atau usahawan-usahawan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, yang berminat makna boleh memohon dengan Jabatan Pertanian dan kita sediakan tempat untuk mereka mengusahakan dan ini telah pun berjaya dibuktikan dengan ada usahawan-usahawan yang menjalankan er… aktiviti pertanian secara fertigasi ya termasuk fertigasi gantung.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Dato' Sri pernah dengar istilah fertigasi gantung?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Belum lagi Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Belum lagi ya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Belum lagi.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Dato' Sri untuk makluman, fertigasi biasanya kita menggunakan medium dia tak semestinya tanah asal, kita gunakan apa nama kaedah di mana mediumnya ialah jenis medium yang terdiri daripada *cocopeat* misal contoh dengan izin ya, dan kita letakkan di atas tanah yang biasa kita buat tetapi oleh kerana setengah-setengah kawasan ni dia rendah, bila musim tengkujuh, kawasan dia banjir. Oleh kerana itu, maka jabatan pertanian menggunakan kaedah yang baharu iaitu menggunakan fertigasi gantung maknanya kita gunakan kaedah supaya er… tanaman ini tidak er… terjejak di muka bumi.

Jadi kalau sekiranya berlaku air atau banjir kilat, jadi tanaman tidak rosak, jadi ini telah pun diperkenalkan di TKPM Inderapura ini dan ianya telah menghasilkan kejayaan yang cukup hebat malahan di kawasan rakan saya daripada Dong, fertigasi gantung ni di tepi jalan dekat dengan Durian Sebatang memang menjadi satu ini tarikanlah. Kita lalu menghala ke Raub, kita akan lihat bahawasanya ianya telah memberikan satu kejayaan yang cukup hebat. Jadi, dalam konteks ini saya menyeru kepada rakan-rakan Ahli Dewan Yang Mulia ini untuk turut serta menggalakkan kumpulan termasuk B40 seperti mana yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Teruntum ni tadi menceburkan diri secara aktif dan produktif dalam sektor pertanian. Terima kasih Dato' Sri.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan. Kenaikan kos sara hidup sudah pasti memberi kesan dan mengakibatkan golongan B40 tidak dapat memenuhi keperluan hidup mereka. Maka bagaimanakah pihak kerajaan memastikan golongan sasaran B40 memanfaatkan kawasan terbiar atau kosong sementara dengan tidak melanggar undang-undang tanah sedia ada? Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebenarnya memang er… ada kaedah penggunaan tanah kerajaan. Ini… ini secara halal ya. Bukan secara haram. Ada setengah pihak tu dia er… tidak er… mengendahkan langsung peraturan dan undang-undang maka dicerobohnya tanah-tanah kerajaan. Jadi apabila pihak kerajaan terpaksa mengambil tindakan maka di sinilah timbul mengatakan seolah-olah pihak kerajaan tidak bertimbang rasa ataupun tidak mengambil kira keprihatinan pihak yang er… menjalankan aktiviti tetapi secara haram.

Jadi kita tidak boleh galakkan sebab itu dalam konteks ini saya er… terima kasih kepada ADN Teruntum membangkitkan soalan ini, boleh iaitu er… pihak Kerajaan Negeri er… melalui Pentadbir Tanah Daerah juga mengalakkan ini, pemohon-pemohon ataupun permohonan er… melalui kaedah yang dipanggil sebagai er… Lesen Pendudukan Sementara (LPS) atau dalam Bahasa Inggerisnya LPS ni biasa orang tak berapa… tak berapa ini apa nama orang kata ini bukan kata faham Dato' Sri ini…Yang di-Pertua tapi bila sebut TOL… TOL dia lebih faham.

Ini dia sebenarnya TOL tu ialah *Temporary Occupation* er… ini… ini *License*. Tapi dia sebut TOL. Ni nak minta tanah TOL ini dia kabo tapi kalau dia sebut LPS… LPS ni apa benda? Jadi… jadi dia tak faham. Tapi maksudnya boleh dibahagikan Lesen er… Pendudukan Sementara ini untuk jalankan aktiviti termasuk tanaman kontan. Dia tak

boleh er… adanya aktiviti tanaman kekal, atau binaan-binaan yang kekal tetapi ini boleh dibuatkan, insya-Allah. Jadi kalau sekiranya tanah tu tanah kerajaan ya, Dato' Sri Yang di-Pertua, boleh mohon. Tetapi kalau tanah milik yang tu kita tidak boleh buat apa-apa. Jadi, itu status tanah di sepanjang ini er… Kampung Soi tu mestilah dikenal pasti sama ada pemilikan ada pemilikan ataupun tanah kerajaan. Kalau tanah kerajaan permohonan boleh dibuat dan akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya, insya-Allah. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sungai Lembing, sila.

YB. DATO' HJ MD SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan tambahan. Kalau masa dulu Tuan Yang di-Pertua er… bagi petani-petani di kampung misalannya kalau di kawasan saya pun ada projek orang kampung er… lebih kurang antara 10, 20 ekar di mana meriah ada bantuan daripada Jabatan Pertanian. Ada sekalinya benih ladanya, benih tembikai, benih terung dan macam-macam lagi. Benih ketum tak ada Tuan Yang di-Pertua, belum lagi.

Jadi er… saya nak tanya mana perginya? Pada masa sekarang ni dah tak ada dah perkara-perkara yang macam itu. Jadi ini antara yang kita nampak dah nampaknya dah tak ceria dah macam dulu. Kalau tidak daripada semasa ke semasa ada sahaja daripada jabatan-jabatan berkaitan datang bagi nasihat, bagi bantuan. Jadi saya nak, saya mintaklah supaya er… perkara-perkara ini er… dapat ada semula bagi memeriahkan tak kiralah golongan B40 ker, golongan veteran ker golongan muda, golongan tua. Er… perkara ini kita kena adakan untuk merancak, menggalakkan rakyat kita bukan sahaja berniaga *car booth sale* tetapi bercucuk tanam bagi menambahkan pertanian itu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih rakan saya er… ADN Sungai Lembing yang membangkitkan perkara ini. Sebenarnya er… ada, masih ada lagi skim-skim yang seumpama itu ya. Kita ada bantuan untuk pemulihan tanah terbiar. Dia peruntukan yang er… sebenarnya di er… peruntukan ialah maksimumnya RM20,000.00 bagi setiap hektar. Namun seperti mana yang kita sedia maklum er… ini… ini tertakluk kepada… pada peruntukan yang diluluskan oleh pihak kerajaan ya. Jadi er… sudah tentu usaha-usaha seumpama ini sebenarnya antara lain ialah untuk menggalakkan para petani dan pekebun-pekebun er… bagi membantu usaha-usaha mereka.

Dan er… untuk itu pihak Kerajaan Negeri juga sebenarnya menyediakan peruntukan melalui Kerajaan Negeri seadanyalah ya. Seadanya er… dan kita cuba untuk er… mengoptimakan ya er… ni memanfaatkan peruntukan-peruntukan seumpama ini. Tetapi yang pentingnya insya-Allah maknanya er… saya lihat selain daripada bantuan-bantuan peruntukan secara input ya, tidak semestinya peruntukan kewangan secara

terus. Tetapi input-input baja, pagar, kemudahan-kemudahan yang lain ini boleh diusahakan dari semasa ke semasa.

Dan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar ya yang sebenarnya er… kesinambungan daripada program-program yang telah dianjurkan oleh er… kepimpinan yang dahulunya meneruskan melalui Wakil-wakil Rakyat misal contohnya er… Wakil-wakil Rakyat juga disediakan sedikit er… ni peruntukan bagi projek-projek kecil yang… yang boleh dimanfaatkan untuk er… untuk ini tujuan-tujuan ini.

Jadi insya-Allah er…kalau sekiranya ada di kawasan rakan-rakan ADN dalam Dewan Yang Mulia ni yang memerlukan er…bantuan seumpama itu er…maka bolehlah kita er…memohon supaya berhubung dengan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian sama ada Jabatan Pertanian, sama ada ni FAMA, LPP ya Lembaga Pertubuhan Peladang dan sebagainya untuk mendapatkan khidmat nasihat dan mungkin juga insya-Allah bantuan-bantuan er…yang bersesuaian. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan. Er…terima kasih Wakil Kerajaan memberi jawapan jika tanah kosong, kita boleh memohon. Soalan saya adalah jika diluluskan berapa lama tempoh akan diberi?

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia sebenarnya Dato' Sri, dia...dia tanah kerajaan ni dia tertakluk kepada er…ni perancangan semasa ya. Kalau misal contoh tanah kerajaan tidak ada er… perancangan er…pembangunan di atasnya dan er…mewajarkan ianya diberikan er… untuk tempoh er…penggunaan melalui LPS ni. Lazimnya lesen ini ialah untuk 1 tahun, 1 tahun. Dia setahun, ni kemudian dia kena diperbaharui ya, kena diperbaharui setiap tahun kerana tujuannya ialah kerana kalau sekira ada pembangunan untuk ha…ni manfaat umum maka lesen itu er…akan ditamatkan. Jadi ini…ini sebenarnya. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah terima kasih Yang Berhormat. Ha…, sila.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua,

Saya mengambil kesempatan di sini untuk turut serta mencelah soalan nombor 4 ni.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya melihat kepada er…bagaimana Pejabat Daerah Pekan menyelesaikan masalah kemiskinan yang berlaku di Perumahan Bukit Kenau. Jadi kita sebenarnya membuat penawaran er…tanah-tanah yang terdapat di sekitar Bukit Kenau tersebut untuk diusahakan. Dan saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Pertanian Daerah yang turun padang bukan sahaja memberikan bantuan seperti yang dinyatakan ni tetapi turut semua…turut serta untuk memberikan nasihat, panduan, cara menanam contohnya er…apa ni cili kulai yang berlaku di er…apa ini Perumahan Bukit Kenau tersebut.

Tetapi masalah yang sekarang ni ialah saya mengambil contoh kawasan tu tanah yang diberikan kita bagi dia 3 ekar atas kejayaan dia kita tambah lagi, Pejabat Daerah tambah lagi 2 ekar, jadi 5 ekar. Dan atas kejayaan tersebut Pejabat Daerah bagi lagi kepada pengusaha lain pulak yang sama-sama ingin memajukan apa ini projek tersebut.

Tetapi malangnya ha…, ini nak sebut malangnya ini. Malangnya ialah pengusaha-pengusaha tersebut hanya berjaya untuk mengeluarkan hasil yang begitu banyak, begitu cantik, lumayan kepada kawasan persekitaran tak ada bantuan daripada pihak agensi untuk memasarkan. Jadi terpaksalah dengan usaha sendiri dengan kebijaksanaan daripada Tok Empat ataupun masa tu Pengerusi JKKK sekarang ini Pengerusi MPKK untuk memasarkan dan mencari tempat. Cuba bayangkan ya kita terpaksa membawa sendiri hasil produk yang kita dapat er… ke negeri Selangor contoh. Jadi yang nilah kalau boleh contohnya macam di negeri Pahang ini kita ada FAMA kan, ini patutnya FAMA boleh membantu untuk memasarkan, tapi kalau kita hanya setakat buat benda tu projek berjaya tapi hanya boleh kita hantarkan ke kedai-kedai ke pasar raya je…hantar dua…tiga kilo ke PDM ya…Pasaraya Darul Makmur er...contoh.

Jadi maknanya kita tak dapat untuk mempastikan bahawa benda yang begitu berjaya akan mendapat pulangan yang juga berjaya. Jadi yang inilah kalau boleh pihak Kerajaan Negeri kita dapat memikirkan bersama-sama, kepada Jabatan Pertanian alhamdulillah begitu membantu tetapi kepada agensi untuk memaju untuk apa memasarkan pula yang ini dia kena seiring, seiring dalam beberapa pihak ini tadi untuk kita membantu. Jadi itulah harapan saya Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih er…Yang Hormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih rakan dari Pulau Manis membangkitkan soal ini. Sebenarnya kita bercakap mengenai *value change*, dia punya *supply change* tu, dengan izin er...di mana kaitan antara satu dengan lain tu amat penting sebab tu dalam konteks ini kita juga sedang er…ada mengusahakan konsep yang dipanggil sebagai *contract farming* iaitu kita buat kemudian kita jual terus dengan satu syarikat ni…induk *incur company*, dengan izin untuk dipasarkan dan salah satu daripada kaedahnya ialah di pasar-pasar raya. Jadi pada dua hari yang lepas er…ada rakan er…di Dewan Yang Mulia ni yang bangkitkan tentang er…kekurangan bahan-bahan yang terdapat di PDM ya.

Jadi ini antara usaha yang boleh kita buat kita laksanakan dengan kerjasama er...oleh er…ni pasar raya-pasar raya PDM mungkin T…TMG dan lain-lain. Er…kita boleh memperkasakan lagi sistem pemasaran. Ini…ini penting saya…saya bersetuju dengan rakan saya dari Pulau Manis iaitu [batuk] setiap satu usaha yang dibuat ni akhir sekali kita nak supaya produk kita dapat dipasarkan yang mengapa yang Musang King ni jadi menggila sangat ni ialah kerana dengan izin maknanya maksud saya bukanlah Musang King itu gila tapi maknanya fenomena Musang King yang cukup menggilakan ini adalah kerana pasaran Musang King di negeri China mencecah ni… er… menjangkau RM300.00, RM400.00 satu kilogram.

Jadi tentulah apabila kita lihat ada *supply and demand,* dengan izin jadi ada *equilibrium* ni…ni harga ya, *price equilibrium* jadi dengan izin dia...dia cukup baik dan sinonim, sebab tu dalam konteks ni terima kasih kepada Pulau Manis. Kita akan teliti apa yang berlaku di Pekan ini er…supaya agensi seperti FAMA dapat memainkan peranan.

Biasanya FAMA akan masuk ya untuk membantu tapi pada masa yang sama kita juga boleh mengusahakan misal contohnya memasarkan ke pejabat-pejabat kerajaan.

Saya pernah juga mengesyorkan supaya kita pergi kepada kompleks-kompleks kerajaan di mana kakitangan kerajaan ini sebenarnya berkehendakkan hasil ataupun produk-produk yang segar terus daripada ladang dan usaha-usaha seumpama inilah insya-Allah maknanya dapat dijayakan dan memang ada program FAMA sendiri iaitu er…pemasaran terus dari ladang ini er…dapat mengatasi permasalahan pemasaran yang bukan sahaja er…mendedahkan ataupun melibatkan petani dan usahawan di Pekan tetapinya di seluruh negeri, negara dan juga rantau er…Asia dan dunia. Terima kasih Dato' Sri.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan yang berikut. Wakil dari Tras.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan Yang di-Pertua soalan saya soalan nombor 5.

> [Sila nyatakan berapa lesen perniagaan jual durian dikeluarkan mengikut daerah negeri Pahang pada tahun 2018 dan 2019?]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebenarnya untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, dia tidak ada lesen khusus untuk durian, ha… ya untuk durian ini memang takde memang kata takde…ada tidak lesen yang dikeluarkan khusus untuk er…menjual durian tidak ada [batuk] tapi er...apa yang adanya ialah lesen yang dikategorikan di bawah lesen buah-buahan bermusim yang dikeluarkan oleh PBT [berdehem] ini apa nama Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis-majlis Daerah, Majlis-majlis Perbandaran er…mengeluarkan lesen-lesen untuk membantu er...peniaga-peniaga yang menjual er…buah-buahan ya secara bermusim la maknanya durian dan buah-buahan yang lain yang bermusim.

Jadi ini dikeluarkan jadi untuk makluman er…saya kira kalau di Raub ya kalau saya boleh maklumkan di Raub dalam tahun 2018 er…terdapat lebih kurang dalam 30 lesen seumpama ini dikeluarkan dan dalam tahun 2019 terdapat 36 lesen yang dikeluarkan dan di Tras sahaja er…YB. Tras ya ada 27, maknanya rancaknya ni aktiviti er… perniagaan yang berasaskan durian dan buah-buahan yang lain ada 27 dan di luar daripada kawasan Tras ni ada 9. Jadi maknanya hub er…buah-buahan bolehlah dikatakan di Tras ini manakala di Bentong kalau kita lihat misal contohnya dalam tahun 2018 ada kurang lebih dalam 29 er…dan juga 2019 dia…dia rancak juga bertambah menjadi 38 dan juga er…terdapat di daerah-daerah lainlah, lebih kurang ya yang saya maksudkan di sini yer. Terima kasih.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Soalan tambahan, ya Tuan Yang di-Pertua bolehkah saya tahu sebenarnya er… Kerajaan Negeri boleh dapat berapa hasil setahun dari durian ini? Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dia nak jawab lagi.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Itu…itu yang satu perkara yang er…apa nama yang menarik. Terima kasih pada ADN Tras yang membangkitkan. Dia sebenarnya dari segi Kerajaan Negeri er…durian ni di…ditanamlah setakat ni saya ingat tak ada lagi durian yang fertigasi yang gantung ni, takde ya tapi durian tu tergantung tapi pokoknya atas tanah. Jadi kita kenakan sebenarnya kita kenakan cukai er…tanah tahunan setakat itu er…dan er…yang lain-lainnya sebenarnya yang lain-lainnya…yang lain-lain tak ada, yang lain-lain tu mana bila dieskportkan misal contoh ke China, pengusaha-pengusaha itu mendapat ni manfaat dari pengeksportan hanya tinggal lagi bila dieksportkan kalau dia dibuat di kawasan PBT ya kita kena ada er…ni fasiliti yang khas yang…yang akan di er… *validate* dengan izin dengan diperiksa oleh Jabatan Kesihatan dan kemudian itu er… baharulah misal contohnya (GACC) G*eneral Administration Custom* er…daripada China ni datang untuk er…memberikan er…lesen ya bagi pengeksportan durian ke negeri China. Itu saja ke negara China er…jadi yang itu kita kenakan mengikut er…ini kadar-kadarlah yang telah ditetapkan oleh PBT yer. Selain daripada itu sebenarnya…

YB. DATO SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat, minta izin…

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

…tidak ada.

YB. DATO SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Minta laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya Dong, sila. Mencelah ya.

YB. DATO SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Tuan Yang di-Pertua,

Adakah pihak kerajaan sedar penerokaan tanah, pencerobohan tanah-tanah kerajaan khususnya di daerah Raub membolehkan pengusaha-pengusahanya membeli rumah *cash*? Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato Sri Yang-Pertua,

Yang sebenarnya kerajaan tak…tak…tak maklum mengenai pencerobohan ini sebenarnya tapi er…apabila diteliti mengikut ni er…ni er…sebenarnya mengikut laporan yang telah disampaikan oleh pihak agensi termasuk Jabatan Pertanian ni Perhutanan er…baharu-baharu ini Dato Sri' er…kita sedia maklum bahawasanya ada berlakunya er…penerokaan secara haram dan pihak kerajaan telah mengambil

langkah-langkah yang sewajarnya er…sepertimana yang telah dibangkitkan oleh er… ini apa nama Wakil daripada Tras tadi iaitu aktiviti itu tidak mendatangkan hasil langsung kepada pihak Kerajaan Negeri.

Jadi kita terpaksa mengambil tindakan secara bersepadu untuk menguatkuasakan kawasan-kawasan yang dicerobohi oleh peneroka-peneroka haram ini dengan penanaman termasuk durian. Jadi sahabat saya daripada Dong menyatakan sebenarnya er…adalah satu ni fenomena yang cukup ni nyata iaitu dengan aktiviti penanaman er…durian dan peng…er…ni penjualan durian ya penjualan durian ini er… pengusaha-pengusaha tersebut telah dapat membeli hartanah-hartanah secara tunai dan ini saya kira adalah tidak adillah ya er…kerana manfaat dapat tapi kerajaan negeri yang mempunyai tanggungjawab untuk mentadbir secara dan juga er… menyalurkan semula hasil pendapatan kepada rakyat jelata tidak mendapat manfaat. Sebab itu dalam konteks ini, kita berterima kasih dengan er…sistem yang telah diwujudkan iaitu untuk mengeksport durian ke luar negara khususnya ke China.

Ianya mesti mempunyai er…permit atau lesen yang sah dan salah satu daripada ciri-ciri atau syarat-syarat tersebut ialah mesti ada Sijil myGAP dan myGAP ini jelas iaitu untuk mendapatkan myGAP pertama sekali antara lain yang mesti dipatuhi ialah status tanah. Kalau tanah itu tanah haram, maknanya hukum akal mengatakan ianya tidak akan dapat Sijil myGAP Dato' Sri.

Dan bila tidak ada Sijil myGAP, ia tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh er…kerajaan ataupun negara pengimport iaitu er…mendapat lesen kebenaran ataupun er… ini permit kebenaran untuk dieksportkan kepada negara yang…yang mengimport tersebut. Sebab itulah salah satu daripada kaedah yang menggalakkan supaya pengusaha-pengusaha ini tadi dapat er…menghalalkan aktiviti mereka ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada dengar er…Wakil dari Dong yang menyatakan bahawa adakah kerajaan sedar bahawa ada golongan petani yang mampu membeli harta milik dengan tunai? Jadi adakah kerajaan sedar bahawa ada juga golongan petani sebelum mereka berjaya mengusahakan tanaman durian, mereka telah menggunakan kos sendiri er…bertahun-tahun gagal, bertahun-tahun rugi lepas itu akhirnya baharulah berjaya. Semua itu atas tanggungan usaha sendiri tanpa bantuan daripada kerajaan.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dah? Pihak kerajaan jawab ke ataupun [ketawa] Dia tuju…

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Tadi sebenarnya soal apa ini saya nak bertanya pada kerajaan sama ada kerajaan *aware* atau tidak dengan penerokaan tanah yang…tanah haram maka pengusahanya boleh beli rumah RM300,000,00 RM400,000.00 tunai. Hasil kerajaan tak dapat, ya. Jadi isunya penerokaan tanah haram dan *income* pulangan kepada pengusahanya lumayan sungguh. Er…itu sajalah. Terima kasih Triang.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Soalan tambahan. Saya tambah sikit kerana kita tahu…sekarang kita tahu harga durian khususnya Musang King dia harga tinggi. Jadi kita hanya nampak hasil sahaja tetapi pengusaha-pengusaha oleh petani-petani er…khususnya di Raub dan Bentong ini mereka berusaha sepanjang masa dari dulu…zaman dulu. Zaman dulu jika kita banding dengan harga dulu mungkin er…1 kilo berapa sen sahaja. Masa tu mereka berusaha kuat, mereka tidak putus asa dan sekarang mereka dapat hasil yang… yang…yang tinggi. Er…ini penjelasan saya daripada saya.

Dan soalan saya adalah er…kita dapat aduan daripada penduduk-penduduk setempat khususnya di Bentong dan Raub bila musim durian mereka mendapat hasil tetapi bila mereka dapat hasil itu mereka er…minat untuk jual kepada pelancong-pelancong yang datang er…dari er…luar kawasan untuk masuk ke Bentong dan Raub untuk makan durian tetapi mereka er…tidak. Bila mereka minta *license* daripada pihak tertentu mungkin mereka dapat er…apa tu er…tidak dapat *license* tersebut.

Adakah kerajaan…pihak kerajaan sedia untuk memberi bantuan ataupun er… ataupun *procedure* yang lebih senang kepada pengusaha-pengusaha tersebut untuk mengadakan *license* tersebut dalam musim tertentu sahaja misalnya dalam satu tahun mungkin bagi license er…*temporary license* dengan izin, 2 bulan 3 bulan pada musim durian sahaja? Itu soalan saya, sekian.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya pun dah jawab tadi maknanya sebab itu kita bagi lesen ini…buah-buahan bermusim maknanya kita bagi termasuk durian ini er…tapi kalau kita sedia maklum, kadang kala tu kita bagi lesen er…buah-buahan bermusim ya Dato' Sri. Dia kadang-kadang tu dia sepatut bermusim ni ada tempoh dia…tapi saya tengok maknanya sekarang ini kadang-kadang itu sepanjang tahun. Dia…dia tak ada musim pulak dah. Maknanya er…sebenarnya saya nak maklumkan bahawasanya pihak Kerajaan Negeri khususnya er…tidak pernah memberikan er…orang kata terlalu tekananlah kepada pengusaha-pengusaha ataupun peniaga-peniaga ini.

Ada sesetengah itu dia meniaga dia tak ada lesen pun YB. er…ada setengah pun tapi er…ini er…yang setahu saya la saya tak pernah dengar lagi maknanya er…Pihak-pihak ini misal contoh Kuasa Tempatan mengambil tindakan merampas ataupun er… mengambil tindakan untuk merobohkan mana-mana er…ini gerai-gerai ataupun pusat er…tempat-tempat perniagaan ini yang sepanjang pengetahuan saya la. Tapi mungkin menasihatkan pada mereka supaya mereka mendapatkan permit yang sah sebab apa bila nak meniaga ini kita kena ada peraturan juga takut nanti kalau dia meniaga misal contoh kawasan tu er… berhampiran dengan jalan raya jadi membahayakan bukan sahaja pengguna tetapi kepada peniaga itu sendiri sebab itu kita ada peraturan-peraturan.

Dalam konteks ini, er…baik Bentong, Raub mahupun daerah-daerah lain lazimnya kita memberikan kelulusan seumpama itu malahan kalau kita lihat misal contoh di sepanjang jalan daripada Bentong ke Raub itu, kalau dahulunya kita lihat er… peniaga-peniaga Dato' Sri Yang di-Pertua, dia jual nangka. Nangka yang di…*cut fruit* er…yang dipotong.

Jadi kereta-kereta banyak menyinggah di tepi-tepi jalan untuk membeli buah-buahan ini. Kadang-kadang itu agak ini berbahaya tapi kita nasihatkan supaya pengguna, pembeli ini tadi berhati-hati dan er…ini sehingga sekarang ini er…gerai-gerai er…

meniaga ini tumbuh bak cendawan begitu juga er…peniaga-peniaga durian termasuk di Bentong saya lihat, di Bukit Tinggi dan sebagainya memang er…kita lesenkan atau kita beri lesen yang dipanggil sebagai lesen er…buah-buahan bermusim tetapi saya lihat er…ianya berterusan sepanjang tahun kerana er…jenis buah-buahan yang diniagakan dijual itu berubah. Hari masa ini durian er…besok tu er…ini rambutan lepas itu manggis dan lain-lain. Jadi insya-Allah kalau ini er…ADN Bilut ya kalau sekiranya ada masalah dari segi itu saya ingat kita boleh berhubung dengan er…pihak PBT dan insya-Allah saya yakin YDP-YDP yang menerajui PBT-PBT ini er…amat prihatin kepada keperluan dan juga mendukung usul-usul yang dibawa oleh peniaga-peniaga er… daripada kawasan operasi masing-masing. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Sila, soalan berikut Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Saya…Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 6.

> [Apakah usaha Kerajaan Negeri Pahang dalam membantu menaik taraf kehidupan golongan B40 dan perancangan untuk membantu golongan B40? Atau adakah kerajaan negeri hanya menumpukan kepada usaha kerajaan persekutuan semata-mata?]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

> Pokok selasih tepi perigi,
> Terima kasih wakil Ketari.

Untuk menjawab er…soalan Ketari ini saya kira soalan yang sangat umum ya sama ada er…negeri Pahang ada membantu menaik taraf kehidupan golongan B40. Sebenarnya negeri Pahang selain daripada er…menyokong usul-usul yang dibawa oleh Kerajaan Persekutuan sejak dari dulu lagi untuk menaik taraf kehidupan mereka golongan B40 ini, negeri Pahang juga mempunyai pelbagai usaha sendiri ya.

Walaupun kita tidak jenamakan sepertimana Kerajaan Persekutuan sekarang ini jenama Bantuan Sara Hidup er…dan sebagainya tetapi kita melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar, melalui Exco-Exco dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sentiasa memberi sokongan ya dan menyalurkan bantuan kepada golongan ini secara langsung dan tidak langsung dan kita juga bersama-sama dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan er…Exco Pertanian di bawah Jabatan Pertanian, Exco Belia di bawah Majlis Belia, Exco Perumahan melalui Pihak-pihak Berkuasa Tempatan ya memberikan sokongan dan bantuan kepada golongan ini apabila mereka memerlukan.

Contohnya, kalau mereka ini memang berpotensi er…sebagai usahawan yang memerlukan tempat berniaga, saya kira pihak-pihak berkuasa tempatan akan menyediakan tempat yang bersesuaian dan memberikan er…insentif yang er…sesuai untuk mereka ini dan menggalakkan mereka ini dalam bidang keusahawanan dan Kerajaan Negeri juga memberikan tapak-tapak er…pertanian melalui Rancangan Tanah Kelompok ya dan sebagainya. Dan er…Projek Rumah Makmur juga di bawah er…Kerajaan Negeri sebenarnya adalah untuk membantu golongan er…B40 ini meningkatkan taraf hidup mereka. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih yang berhormat.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kita pergi kepada soalan berikutnya. Dijemput ADN Tahan.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADRDDIN

Bismillahhirrahmanirrahim. Dato Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 7.

[Projek Empangan Hidroelektrik Tekal, sila nyatakan:

Apakah status terkini projek tersebut?

Berapakah kos keseluruhan projek ini?

Berapakah hasil perolehan daripada penebangan balak yang dibuat bagi membersihkan kawasan ini?]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kerajaan, soalan nombor 7.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Terima kasih Dato Sri Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menjawab soalan 7 yang dibawakan oleh er…Tahan. Tahan bertanyakan berkaitan dengan Projek Empangan Hidroelektrik Tekal yang dibangunkan di dalam daerah Jerantut di Mukim Hulu Tembeling. Jaraknya lebih kurang 68 kilometer daripada bandar Jerantut dan 12 kilometer daripada Kuala Tahan.

Soalan Tahan yang pertama, apakah status terkini projek tersebut? Buat masa sekarang ini… sehingga sekarang ini, Projek Empangan Hidroelektrik Tekal masih lagi di peringkat er… kajian reka bentuk kejuruteraan dan melalui proses *feasibility study*, dengan izin. Setakat ini projek ini masih er… dalam penilaian untuk kelulusan oleh Suruhanjaya Tenaga.

Soalan kedua daripada Tahan adalah berapakah kos keseluruhan perla… perlaksanaan projek ini? Dianggarkan kos bagi keseluruhan projek ini adalah RM2 billion. Soalan ketiga, berapakah hasil perolehan daripada penebangan balak yang dibuat bagi membersihkan kawasan ini? Untuk kerja-kerja penebangan balak bagi projek ini sebanyak 5 lesen pembalakan telah dikeluarkan bagi keseluruhan kawasan projek dengan keluasan keseluruhannya adalah 605.9 hektar.

Hasil kutipan premium dan royalti adalah masing-masing berjumlah RM1.16 juta dan RM619.5 ataupun 600… RM619 ribu. Jumlah kutipan secara keseluruhan sehingga Oktober 2019 adalah berjumlah RM1.78 juta, Dato Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADRDDIN

Dato Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin er…kepastian. Setakat makluman yang saya dapat, Projek Pembinaan Hidro ini er…dimulakan pada tahun 2016 dan dijangka siap pada tahun 2020, maka kalau mengikut kepada jawapan daripada Exco tadi, maka tak er…takkan siaplah 2020 itu. Jadi, apakah punca yang er…menyebabkan perkara itu berlaku?

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Dato Sri Yang di-Pertua,

Saya tidak mendapat laporan secara jelas mengenai kelewatan projek sebab projek *timeline* tidak di…ataupun garisan masa projek tidak dibekalkan kepada saya untuk menjawab soalan itu dan insya-Allah saya akan beri kepada Yang Berhormat secara bertulis. Tapi pada dasarnya Dato Sri Yang di-Pertua, bagi projek-projek berimpak besar seumpama ini beberapa er…kajian perlu dilaksanakan untuk memastikan bahawa projek ini memenuhi piawaian dari segi keselamatan apa…alam sekitar ataupun kita katakan *environmental impact* er…*assessment* dan juga *social impact assessment*, dengan izin.

Maksudnya kita nak pastikan alam sekitar terkawal, manfaat kepada apa… masyarakat secara keseluruhannya juga er…dapat kita optimumkan. Jadi ini mungkin kajian-kajian yang terpaksa dilalui. Sebab itu yang…yang kita…sebab itu yang saya sebutkan tadi er…secara umumnya er…projek ini prosesnya berjalan tapi ada beberapa perkara masih lagi dalam penelitian…penelitian Suruhanjaya Tenaga untuk memastikan ianya dilaksanakan dengan mengikut piawaian terbaik.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan berikutnya, dijemput Wakil dari Bukit Ibam.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Assalamualaikum WBT, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon kemukakan pertanyaan nombor 8. Terima kasih.

> [Apakah bentuk-bentuk bantuan yang disediakan untuk membantu petani-petani dan usahawan-usahawan muda di luar bandar?
>
> a. Berapa ramaikah jumlah mereka ini yang telah menerima bantuan dan boleh dikategorikan telah berjaya?]

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan daripada Ibam adalah mengenai bentuk-bentuk bantuan yang disediakan untuk membantu petani-petani dan usahawan-usahawan muda di luar bandar. Keduanya, berapa ramaikah jumlah mereka ini yang telah menerima bantuan dan boleh dikategori telah berjaya?

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian mempunyai pelbagai program dan projek yang disediakan kepada para petani dan usahawan di luar bandar. Ianya melalui program pembangunan tanaman makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, herba dengan…herba dan rempah ratus, kelapa serta tanaman lain yang…yang berpotensi, Jabatan Pertanian menyediakan bantuan-bantuan dalam bentuk seperti berikut:

Kemudahan infrastruktur seperti pembersihan kawasan, jalan ladang, pagar, sistem pengairan ser…serta stor. Kedua, menyediakan peralatan dan juga jentera kecil. Ketiga, input pertanian seperti baja dan juga benih. Selain itu, khidmat nasihat, lawatan dan latihan yang berterusan diberi bagi meningkatkan ilmu dan kemahiran kepada ni petani. Bermula tahun 2016 hingga 2019, seramai 11,153 orang petani, usahawan serta syarikat dalam dan luar bandar telah menerima bantuan.

Daripada jumlah tersebut, seramai 10,844 penerima bantuan bagi projek tanaman dan 309 menerima bantuan berkaitan dengan projek Industri Asas Tani. Dan bantuan-bantuan ini ianya agak terhad dan bergantunglah kepada peruntukan. Bagi usahawan muda, bentuk bantuan yang diberi adalah dari segi pembiayaan perniagaan, bimbingan latihan dan premis perniagaan. Setakat September 2019 seramai 1,000 usahawan muda yang telah mendapat manfaat. Ini sumber daripada MARA. Sekian, terima kasih Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan berikutnya, saya jemput Wakil dari Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Saya mohon izin kemukakan soalan nombor 9.

> [Apakah usaha Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan untuk meningkatkan tahap pelaksanaan data terbuka dalam sistem Portal Data Terbuka Sektor Awam (DTSA)? Bagaimanakah kerajaan menggalakkan kerjasama antara agensi kerajaan dan rakyat untuk menggunakan data terbuka secara efektif demi meningkatkan ketelusan penyampaian perkhidmatan kerajaan?]

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Bismillahhirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menjawab er… soalan nombor 9 daripada Tanah Rata dan terima kasih kepada ADN kawasan Tanah Rata kerana telah mengemukakan soalan yang amat baik.

Yang pertamanya, apakah… soalannya apakah usaha Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan untuk meningkatkan tahap pelaksanaan data terbuka dalam sistem portal Data Terbuka Sektor Awam (DTSA) dan bagaimanakah kerajaan menggalakkan kerjasama antara agensi kerajaan dan rakyat untuk mengguna data terbuka secara efektif demi meningkatkan ketulusan penyampaian perkhidmatan kerajaan?

Untuk makluman Sidang Dewan, soalan untuk meningkatkan tahap pelaksanaan itu sukacita saya maklumkanlah, portal ini kita boleh… kita layari di bawah portal Data

Terbuka Sektor Awam, www.data.gov.my dan untuk makluman Sidang Dewan, bukan sahaja kita meningkatkan usaha tapi untuk makluman semua bahawa kita telah dapat melebihi daripada apa yang telah ditetapkan, KPI yang telah ditetapkan oleh MAMPU. Untuk makluman, 2018, sebanyak 111 set data daripada 50 set data yang telah ditetapkan KPInya.

Ini bermakna pencapaian sebanyak 222% melebihi daripada KPI yang telah ditetapkan. Pada 2019, 18 set data telah diberikan berbanding 15 set data yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Ini bermakna 150…160% pencapaian KPI…melebihi KPI. Dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri, Pejabat SUK dan seluruh jabatan-jabatan dan penjawat-penjawat awam kerana telah memungkinkan pencapaian yang baik seperti ini.

Merujuk kepada kerjasama antara agensi kerajaan dan rakyat, untuk makluman Sidang Dewan bahawa perkongsian data di portal DTSA ini terbuka kepada semua pihak untuk melihat dan menggunakan data-data tersebut bagi tujuan kajian mahupun penghasilan produk inovasi yang lain. Pengguna juga boleh memohon set-set data ini kepada pemilik data sekiranya terdapat keperluan.

Bagi menggalakkan pengguna data ini, pemakluman juga dibuat melalui portal Kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang terlibat. Penyertaan kerajaan dan rakyat juga dalam pertandingan *Hackathon* 2018 telah juga banyak membantu. Untuk pertambahan dan perkongsian data terbuka di portal-portal berkenaan dan usaha dan kerjasama dari semua agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan dan pemantauan di peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan melalui mesyuarat dan peringatan e-mel yang konsisten telah banyak membantu pencapaian ini. Sekian. Terima kasih.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Soalan tambahan. Yang Berhormat Yang di-Pertua, ya terlebih dahulu saya juga merakamkanlah penghargaan pada Wakil Kerajaan, pihak Kerajaan kerana telah pun dalam tahun ini dan tahun lepas juga telah mewujudkan banyak inisiatif untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan menerusi web portal ini. Namun demikian, saya di sini juga er...mencadangkan bolehkah katanya untuk kerajaan, untuk Pihak Berkuasa Tempatan, untuk Kerajaan Tempatan, pada masa yang akan datang er...mewujudkan penyampaian perkhidmatan dengan lebih terbuka.

Contohnya seperti perolehan, sebut harga, tender ni semua terbuka dalam web portal supaya orang ramai, mereka bukannya nak… nak *bid* ataupun mereka nak sebut harga itu tetapi mereka nak tahu er... status terkini apakah yang telah dilakukan, dilaksanakan oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Oleh itu, bolehkah er... maklumat-maklumat tersebut terbuka kepada orang ramai supaya orang ramai tahu apakah yang telah dilaksanakan dan dilakukan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Er...satu cadangan yang amat baik. Walaupun…walau bagaimanapun kajian yang terperinci perlulah dilaksanakan, dilakukan oleh pihak kerjaan terlebih dahulu. Sama ada yang kita cakap ni data terbuka sektor awam berkaitan dengan data-data dan apa yang kita perkatakan ini ialah berkaitan dengan tender-tender. Jadi mungkin memerlukan *software* ataupun aplikasi yang lain. Jadi sebab itu kajian yang lebih

terperinci akan dilaksanakan sama ada mengikut kesesuaian. Jika didapati sesuai kita, mungkin kita akan laksanakan dan jika tidak sesuai, kita mungkin tidak akan laksanakan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan terakhir kita pagi ini jemput Wakil dari Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Bismillahhirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan yang ke-10.

[Rancangan menaik taraf bandar Kuantan kepada bandar raya, sila nyatakan;

a) Apakah faedah langsung kenaikan taraf tersebut kepada rakyat?

b) Apakah tindakan yang bakal diambil oleh pihak kerajaan bagi mempastikan penduduk pinggir bandar terus sama-sama dapat menikmati faedah tersebut dan tidak terus tercicir?]

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Bismillahhirrahmanirrahim. Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dimuliakan. Sebelum saya nak menjawab soalan ni, saya nak beri sedikit pantun sebab bandar raya ni ada kaitan dengan kesesakan dan lalu lintas.

Pokok hutan jangan ditebang,
Indah cantik tanah Cameron,
Ku ingat-ingat kereta terbang,
Rupa-rupanya *drone.*

Kita dah maklum bahawa berita pagi tadi saya dengar *drone* tak boleh terbang kerana tak ada kelulusan daripada pihak penerbangan ya. Rupa-rupanya *drone* ni, buatan China. Di…di…beri jenama sahaja. Itu saya tengok, inilah kerajaan baharu yang ada lebih cerita daripada isi sebenarnya ya. Jadi salah satu er…masalah pengangkutan di bandar raya saya rasa inilah *drone* ni boleh mengatasi ya masalah sebagaimana yang dicadang oleh kerajaan sekarang.

Untuk makluman er…Ahli-ahli Dewan, kriteria sesebuah bandar raya dia ada kriteria tertentu ya. Yang pertama ialah sebagai pusat pentadbiran sesebuah negeri. Mesti pusat pentadbiran. Contohnya di Kuantanlah ya er...dan mempunyai penduduk melebihi 500,000 orang. Kita dah capai 500,000 ribu ya.

Yang seterusnya berkaitan mempunyai sumber kewangan yang mampan iaitu dengan izin, *facilities sustainable* yang tidak kurang daripada 100 juta. Sekarang MPK saya rasa dah lebih ya. Dan seterusnya mempunyai er…perkhidmatan-perkhidmatan yang terbaik seperti lapangan terbang kita ada, apa ni, ada...ada pelabuhan...pelabuhan ya, pelabuhan laut er...dan juga beberapa kriteria tertentu yang termaktub sebagaimana yang dipanggil bandar mampan ya, iaitu sebuah sistem yang menilai er...*indicator* dia panggil *MURNINets, Malaysian Urban Indicators Network* ataupun *MURNINets s*ebuah yang menilai keperluan bandar-bandar dan saya difahamkan ni, Kuantan mendapat 90 markah ya. 90 markah. Markah yang sangat tinggi, walaupun tidak nombor satu tetapi bersaing dengan bandar-bandar yang lain.

Bandar-bandar raya yang lain ini satu pengiktirafan yang…yang baiklah saya rasa, yang telah diperolehi oleh MPK, ataupun bandar Kuantan dan juga mempunyai pusat-pusat perdagangan, kebudayaan dan sebagainya. Dan baharu-baharu ini er…pihak MPK telah mendapat anugerah daripada Malaysian Institute Of Planner, mendapat *platinum award* ya...*platinum award, MyPlace Award For Excellent in Placemaking.* Ini Padang MPK 1 yang digunakan sebagai padang untuk masa Ramadan berbuka puasa. Mendapat pengiktirafan daripada *Malaysian Institute Of Planner.* Ini satu pengiktirafan, terima kasihlah kepada pihak MPK ya.

Dalam menentukan sebuah bandar raya sebagai satu tarikan kepada pelabur-pelabur terutamanya dari negara luar yang melabur di Kuantan, memandangkan pelabur luar lebih berkeyakinan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berstatus bandar raya berbanding perbandaran atau Majlis Daerah. Kita ada bandar persahabatan.

Baharu-baharu ini saya bersama dengan MPK dan telah pergi ke bandar Qinzhou, Bandar Persahabatan antara Kuantan dan Qinzhou kalau kita tengok berbezalah. Qinzhou ni penduduk dia 4 juta orang ya. Bandar kecil di negeri China. Sedangkan Kuantan baharu 500 ribu orang bandar besarlah di Pahang ya, ibu negeri. Jauhnya beza ya. Pelabuhan dia lebih...lebih...10 kali lebih besar daripada Pelabuhan Kuantan. Itulah bandar Qinzhou, Bandar Persahabatan antara Kuantan dan Qinzhou di China.

Ini akan merangsang ekonomi melalui aktiviti…dengan mengundang kepada kegiatan eksport yang dapat memberi pendapatan ekonomi yang lumayan kepada penduduk Kuantan ya. Ini akan menjadikan Kuantan mengalami perubahan fizikal seperti pertambahan kawasan industri, kita ada Gebeng, MCKIP dan beberapa lagi yang akan datang, meningkatkan perumahan, perniagaan, jalan raya dan seumpamanya hasil daripada kegiatan ekonomi yang giat dijalankan. Ni kawasan Beserahlah ya. MCKIP dalam kawasan Beserah. Pelabuhan pun dalam kawasan Berserah, industri Gebeng pun dalam kawasan Beserah. Termasuklah kawasan industri baharu industri Gebeng.

Ekoran daripada perkembangan ekonomi tersebut juga akan membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat dan pinggir bandar khususnya dapat meningkatkan sumber pendapatan penduduk dalam menjalani kehidupan seharian. Bandar untuk berhijrah dari penduduk luar bandar berhijrah ke bandar. Jadi saya tengok kawasan perumahan terutamanya di sekitar kawasan Gebeng kita ada beberapa projek kerajaan, perumahan kerajaan, PR1MA dan Makmur memang mendapat sambutan yang menggalakkan kerana adanya rangsangan ekonomi di kawasan berkenaan.

Peningkatan bilangan penduduk dan pengunjung akan meningkatkan permintaan kepada perumahan dan pembangunan komersial serta industri seterusnya meningkatkan nilai hartanah di bandar ini. Kesan berganda ini akan merancakkan ekonomi setempat negeri Pahang dan negara Malaysia amnya. Antara faedah-faedah yang boleh kita dapati daripada menaik taraf daripada bandar Kuantan kepada sebuah bandar raya, pertama adalah seperti berikut, tiada kenaikan Cukai Taksiran, saya ulang sekali lagi, tiada kenaikan Cukai Taksiran.

Kadang-kadang persepsi yang negative diberikan bila kita naik taraf bandar raya kita akan naikkan cukai. Setakat ni tak ada ya. Sebab kita dah naik dah tahun lepas ya, sebanyak 1%. Dan takkan ada kenaikan lagi sehingga tempoh-tempoh yang tertentulah. Kakitangan awam yang berkhidmat di bandar yang berstatus bandar raya menikmati elaun Bantuan Sara Hidup Perkhidmatan Awam dipanggil COLA ya, boleh menikmati yang lebih tinggi berbanding keadaan sekarang.

Secara tidak langsung penaiktarafan ini akan membuka peluang pekerjaan dan peluang perniagaan khususnya kepada penduduk-penduduk di bandar Kuantan. Di samping itu, pengiktirafan ini menjadikan bandar Kuantan akan mendapat inisiatif baharu seperti mahkamah bandar raya, polis bantuan dan *warden traffic* bagi meningkatkan tahap keselamatan bandar Kuantan.

Dua, tiga hari ni orang duk *complaint* jer sebab MPK menguatkuasakan er...meletak kenderaan di atas jalan raya depan hospital ya. Ni satu sikaplah. Mungkin dengan adanya bandar raya ni kita akan memperkemaskan lagi perkhidmatan ini dengan membanyakkan lagi tempat-tempat *parking* awam dan bagi meningkatkan sistem jaringan untuk keselamatan penduduk dan sebagainya.

Selepas pengiktirafan juga, peruntukan tahunan yang diterima oleh bandar Kuantan melalui peruntukan BP01 iaitu projek pembangunan, penyelenggaraan dan pencahayaan dari KPKT akan meningkat. Sehubungan dengan itu, dengan peningkatan tersebut terdapat banyak projek-projek pembangunan, penyelenggaraan dan keceriaan dapat dilaksanakan bagi manfaat penduduk. Bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan sosio ekonomi, saya dah terang tadi, tiada sebarang kenaikan cukai baharu yang akan dikenakan.

Tetapi walau bagaimanapun pihak, contohlah MPK akan menstrukturkan semula semua aktivitinya berdasarkan kepada kehendak mesra rakyat ya. Ini adalah satu keutamaan. Mungkin ada sedikit kenaikan dari segi sewaan dan sebagainya yang perlu ditampung oleh pihak MPK tetapi ianya tidak akan membebankan rakyat. Yang penting perkhidmatan yang baik akan diberikan kepada penduduk-penduduk di Kuantan.

Di samping itu, err…pengiktirafan sebagai bandar raya juga akan memberi kesejahteraan penduduk melalui projek pembangunan, kebersihan dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan awam. Jadi kita tak nak tengok kebersihan yang ada sekarang ni boleh dikatakan baik tapi dengan pengiktirafan MPK ataupun Kuantan sebagai bandar raya, jadi perkhidmatan kebersihan, jaringan...apa ni...er… lalu lintasnya, lampu trafiknya akan menjadi lebih baik dari apa yang ada sekarang dan dapat juga meningkatkan er…merancakkan kegiatan-kegiatan ekonomi penduduk setempat sama ada mereka yang berpendapatan rendah sebagaimana dimaklumkan oleh Jempul tadi untuk B40 dan sebagainya akan ditingkatkan.

Sebab kalau kita tengok sekarang di seberang Tanjung Lumpur dengan akan siapnya jalan baharu nanti saya rasa keadaan pembangunan di sana akan lebih rancak dan memberi banyak manfaat kepada penduduk sekitar. Saya ingat itulah saja beberapa kriteria yang saya perlu jawab untuk er… ke arah bandar Kuantan sebagai sebuah bandar raya. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan Yang di-Pertua...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

1 soalan ya?

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Satu soalan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya, terima kasih pihak kerajaan di atas penjelasan yang diberikan. Cuma bila sebut menaik taraf sebagai bandar raya ini, dia memberi, beri satu *excitement* ataupun keterujaan kepada masyarakat sekitar Kuantan itu sendiri. Cuma kita perlu ambil kira pihak kerajaan perlu menilai dan mengambil kira latar sosioekonomi yang ada terkini. Kuantan ini dikelilingi oleh er…gabungan tradisi, masyarakat tradisi dan juga kampung-kampung tradisi di samping masyarakat bandar. Ramai nelayan, ramai petani masih lagi ada di pinggir-pinggir bandar Kuantan ini. Dibimbangi kalau kita tidak tangani situasi ini dengan baik sebelum kita menaik taraf sebagai bandar raya, kelompok ini akan terus terpinggir daripada pembangunan tersebut.

Jadi apakah langkah yang kita perlu ambil supaya kelompok-kelompok yang ada, golongan-golongan asal Kuantan ini, tidak terpinggir dengan pembangunan tersebut? Kita memang suka jadi bandar raya, tapi mereka akan terbeban dengan persaingan dan juga tuntutan kehidupan dan gaya hidup baharu sebagai bandar raya. Jadi kita *engagement* dan juga keterlibatan di dalam membuat keputusan apa sahaja perlu dibuat dan pihak kerajaan perlu bersama-sama melibatkan kelompok-kelompok ini. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Untuk yang maklumat...makluman Beserah, sebenarnya Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sentiasa mengambil berat tentang masalah rakyat sama ada golongan terpinggir atau dan sebagainya. Setakat ini saya difahamkan satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menuju ke arah bandar raya dengan mengkaji segala impak, termasuk impak sosialnya dan impak fizikal. Salah satu impak daripada sosial adalah masalah golongan yang terpinggir. Jadi ini adalah satu isu yang memang diambil berat, diambil kira dalam perancangan sebuah bandar raya dan insya-Allah kalau kita muktamadkan nanti perkara ini akan diberi perhatian oleh…keutamaan oleh pihak Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian, saya mencadang untuk menempohkan sidang kita pada pagi ini dan kita akan mendengar pula Wakil-wakil Kerajaan akan...[berdehem] Wakil-wakil Kerajaan akan menjawab, menggulung selepas kita minum pagi nanti. Saya percaya Wakil-wakil Kerajaan akan boleh memberi jawapan, pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat sesi selepas minum dan seterusnya disambung pada sesi sebelah petang. Persidangan ditempohkan dan disambung semula pada pukul 11.30 pagi. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan pada jam 10.56 pagi]

[Persidangan disambung semula]

MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2020) 2019

SETIAUSAHA

Perkara Kedua: Menimbang Rang Undang-Undang Perbekalan (2020) 2019

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Rang Undang-Undang Perbekalan (2020) 2019 telah dibentang pada 18 November 2019 dan dibahas pada 19-20 November 2019. Seramai 25 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada hari ini pihak Kerajaan akan menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan yang lepas.

Untuk itu saya dengan sukacita menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, silakan.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Bismillahhirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pahang. Pertamanya, saya memanjatkan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan kurnia-Nya, dapat saya menggulung perbahasan pada persidangan kali ini.

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan yang menyentuh port…portfolio saya sebagai di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang.

Di kesempatan ini juga saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang menyokong penuh Pembentangan Bajet 2020 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan terima kasih ke pada Yang Amat Berhormat Dato' Sri di atas penyediaan peruntukan bagi portfolio saya khususnya di Negeri Pahang amnya.

Daripada soalan-soalan yang telah dikemukakan baik secara lisan mahupun soalan bertulis termasuk sesi perbahasan, isu-isu berkaitan dengan kerajaan tempatan dan perumahan dilihat er….menarik minat dan menjadi tumpuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya akan menjawab penggulungan dari segi dua aspek itu. Iaitu dari segi perumahan dan juga kerajaan tempatan.

Yang pertamanya dari segi perumahan. Daripada soalan-soalan yang telah dikemukakan sama ada secara lisan ataupun soalan bertulis semasa sesi perbahasan. Er….dapat dilihat perlaksanaan projek dan inisiatif Perumahan Mampu Milik untuk rakyat telah menarik minat dan menjadi tumpuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tatkala Kerajaan Persekutuan masih tercari-cari cara terbaik untuk merendahkan harga rumah, Kerajaan Pahang telah mempunyai formula tersendiri dalam menyediakan Rumah Mampu Milik ataupun dengan izin, *affordable house*.

Idea mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan diteruskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kini dilihat sebagai satu formula yang amat berkesan. Ini terbukti melalui laporan pusat maklumat er…harta tanah negara. Harga purata rumah di Pahang bagi suku pertama tahun 2019 ialah berjumlah RM222,637.00.

Pada tahun 2018, purata rumah di negeri Pahang telah er…meningkat berbanding pada tahun 208…2018 purata rumah bernilai RM252,711.00. Adanya pengurangan sebanyak hampir RM30,000. Berdasarkan maklumat tersebut didapati bahawa negeri Pahang berjaya menurunkan harga rumah di negeri Pahang.

PR1MA Pahang dijual dengan harga RM150,000.00 lebih rendah daripada harga purata rumah di negeri Pahang. Untuk kakitangan awam ada lagi 10% diskaun jadi RM135,000.00. Tak ada dalam dunia ini, saya rasa rumah berkembar dua, berkeluasan 1,000 kaki persegi, 3 bilik air…3 bilik, 2 bilik air, kawasan yang luas berharga RM150,000.00, tak ada ya.

Beberapa er…rakan-rakan Exco saya daripada negeri-negeri lain telah tanya… datang berkunjung ziarah ke saya. Mengapa Pahang boleh jual harga rumah, berharga rendah RM150,000.00? Itu adalah inisiatif yang telah disediakan oleh pihak Pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan bekas Yang Berhormat Menteri Besar dan Yang Berhormat sekarang untuk memastikan kita ini tidak terbeban dengan kos.

Berbanding dengan kerajaan yang ada pada hari ini. Banyak projek-projek yang telah diluluskan sebelum PRU-14. Sebahagian itu dah ada waran, akhir-akhirnya dibatalkan ya sama ada kerajaan baharu ini tidak mempunyai kemampuan untuk meng… menghayati ataupun menyediakan rumah-rumah untuk keperluan rakyat bawahan ataupun memang sengaja. Ini saya pun rasa amat dukacitalah sebagai Exco yang bertanggungjawab apabila bermesyuarat dengan Menteri, alasan yang diberikan, kita tak ada duit. Ya, menyalahkan kerajaan yang lama. Ini tak betul sebenarnya ya, ini adalah isu yang tidak betul.

Berdasar kepada maklumat er….secara tidak langsung komitmen Kerajaan Negeri untuk melaksanakan PR1MA Pahang telah membuahkan hasil. Sehingga usahanya, usaha ini tidak akan… tidak akan berhenti di sini malah Kerajaan Negeri akan menggiatkan lagi usaha untuk menawarkan Rumah Mampu Milik dengan membanyakkan lagi perumahan PR1MA Pahang dan Rumah Makmur setike… bagi pemaju-pemaju yang telah diluluskan projek namun tidak menunjukkan sebarang kemajuan ya, Kerajaan Negeri amat bertegas dan tidak teragak untuk membatalkan projek-projek.

Kita dah lulus dah berapa tahun tapi masih tak laksanakan dan sebahagian kita pun telah batalkan. Sebanyak 10 projek yang telah kita batal kerana tidak dilaksanakan. Ini tindakan tegas daripada Kerajaan Negeri yang kita tidak memain-mainkan rakyat.

Perlaksanaan Rumah PR1MA Negeri Pahang. Kita ada dua, satu adalah Rumah PR1MA Malaysia. Rumah PR1MA Malaysia ini, rumah teres er…800, 8 er…800 kaki persegi harga dia berapa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian? RM250,000. RM100,000 lebih mahal daripada Rumah PR1MA Pahang kembar dua, 1,000 kaki persegi. Inilah istimewanya Rumah PR1MA Pahang ya.

Projek PR1MA merupakan satu usaha sama antara pemaju dan Kerajaan Negeri. Pemaju-pemaju akan mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk

dibangunkan bagi kategori rakyat berpendapatan rendah, sederhana dan juga komited. Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan Projek PR1MA Pahang seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sehingga November 2019 terkini sebanyak 135 projek PR1MA Pahang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada pemaju swasta di seluruh di negeri Pahang.

Saya ingin menambah sikit ada dibangkitkan oleh Ketari. Ketari tak ada pagi ini, mungkin dia pergi Mesyuarat Ahli Majlis dekat lain, saya tak tahulah. Saya difahamkan Ketari dia Ahli Majlis PJ ya. Mengatakan di Ketari tidak ada projek rumah rakyat ya. Sebenarnya kita ada di Sungai Dua ada satu projek Perumahan PR1MA mungkin Ketari tak melawat kawasan agaknya ya. Dia tidak mengetahui sebenarnya ada Projek Rumah PR1MA dalam kawasan dia. Di Sungai Dua ada ya. Tapi Ketari tak ada, petang ini saya ingat mungkin kawan-kawan boleh maklumkan.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Minta laluan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, er…projek tersebut PR1MA itu telah pun diumum er…sebelum Pilihan Raya er…2018 tapi sampai hari ini dah satu tahun setengah tapi tak ada apa-apa pun di tapak tersebut. Bolehkah saya tahu keadaan sekarang ini?

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Bilut kerana memberi maklumat tapi sebenarnya memang ada ya. Memang ada ya, memang ada cuma dalam proses untuk dokumentasi dan perla… perlaksanaan sahaja dengan er…mungkin urusan daripada pihak PBT untuk mendapatkan kebenaran merancang dan sebagainya. Kita akan laksanakan. Saya minta nanti Ketari akan memantaulah ya projek ini.

Kerajaan Negeri telah membatalkan sebanyak 6 projek dan 4 pemaju telah menarik diri sebagaimana yang telah saya maklumkan bagi atas pelbagai faktor yang tidak dapat mereka laksanakan projek berkenaan. Dengan jumlah projek yang telah diluluskan oleh tersebut Kerajaan Negeri menganggarkan dapat menyediakan sebanyak 34,472 unit Rumah Mampu Milik kepada rakyat negeri ini.

Pada masa ini pelaksanaan 115 projek yang melibatkan 130 fasa dalam pelbagai peningkatan pelaksanaan temasuklah yang di Sungai Dua ya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 projek dengan 3,842 unit rumah telah berjaya disiapkan dengan perakuan, penyiapan dan pematuhan ataupun *CCC* ya.

Sebanyak 18 projek dengan 4,403 unit rumah dalam peringkat kerja-kerja pembinaan di tapak. Sebanyak 39 projek dengan 9,989 unit rumah telah lulus kebenaran merancang. Sebanyak 23 projek dengan 7,540 unit telah dalam peringkat kelulusan kebanaran merancang. Ini yang projek tadilah di Sungai Dua ya. Selebihnya sebanyak 33 projek dengan jumlah 8,724 unit rumah adalah merupakan projek-projek yang baharu diluluskan.

Pelaksanaan Rumah Makmur. Sebagai penambahbaikan kepada PR1MA sedia ada, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Rumah Makmur bagi memenuhi keperluan golongan sasaran yang berpendapatan rendah. Kalau Rumah PR1MA tadi, mereka yang berpendapatan isi rumah RM10 ribu ke bawah. Manakala Rumah Makmur adalah mereka yang berpendapatan rendah RM5 ribu ke bawah, isi rumah ya rumah yang berharga RM80 ribu. Ini pun tak ada dalam dunia. Rumah berharga… 800 kaki berharga RM80 ribu. Kalau ikut pasaran semasa harganya hampir RM150 ribu.

Sehingga kini Kerajaan Negeri telah meluluskan 21 projek dengan jumlah rumah yang bakal dibina sebanyak 7,088 unit rumah. Rumah ini diharapkan memberikan lebih peluang kepada golongan berpendapatan rendah berharga RM5 ribu ke bawah. Pada 2019, dua projek telah memulakan kerja-kerja di tapak iaitu di Kampung Tiram, Kuantan dan Jengka. Insya-Allah pada 24 haribulan ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan merasmikan projek Rumah Makmur di Kampung Tiram tak jauh daripada sini ya yang berjumlah 800 unit dan kita mendapat permohonan yang tinggi daripada penduduk-penduduk sekitarlah ya.

Seterusnya pada tahun 2020, dijangka sebanyak 4 lagi projek akan memulakan kerja iaitu 3 projek di Lipis dan 1 projek di Jerantut. Sebenarnya projek Rumah Makmur dan PR1MA adalah kerjasama pihak kerajaan dan juga pihak swasta. Mana tanah disediakan oleh pihak kerajaan manakala kemajuan pembinaan dibina oleh pihak swasta. Kalau Ketari kata tak ada Rumah Makmur kat dia, dia bolehlah cuba mohon. Cari tanah-tanah di kawasan dia untuk kita bangunkan, kita bersedia ya.

Yang seterusnya berkaitan dengan pelaksanaan Tabung Perumahan Rakyat Pahang. Tabung Perumahan Rakyat Pahang ini adalah inisiatif Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang. Kerajaan Negeri melalui sesi Bajet 2019 telah meluluskan Tabung Perumahan Rakyat Pahang buat… buat permulaan Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip RM216 ribu. Manakala bagi tahun hadapan, seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan bajet baharu-baharu ini Kerajaan Negeri menyasarkan jumlah caruman sebanyak RM6 juta. *So*, insya-Allah RM6 juta ni kita akan dapat, tunggu masa sikit lagi ya.

Wang tabung ini boleh digunakan untuk tujuan penyelenggaraan rumah-rumah uzur, usang, baik pulih rumah-rumah yang ditimpa bencana seperti kebakaran, ribut dan sebagainya. Kerajaan juga menimbangkan untuk digunakan bagi pembinaan rumah golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak meliputi rumah-rumah yang diduduki secara sewa.

Kita tak boleh gunakan tabung ini untuk membayar sewa rumah. Kita dah tertunggak banyak nak bayar tak ada. Kita sama ada membaiki rumah usang ataupun kita membina rumah baharu dengan peruntukan kalau tabung kita lebih banyak kita akan berusaha untuk membina rumah-rumah baharu sebagaimana projek yang…seperti contoh projek yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara buat. Tanah individu dan kita akan bina rumah untuk…tapi untuk golongan yang berpendapatan rendah sahajalah ya. Yang Berhormat-yang berhormat ini tak bolehlah nak mohon, ya.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah er…seterusnya berkaitan dengan pelepasan kuota bumiputera. Dasar semasa Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar menetapkan bahawa setiap pembangunan yang melebihi dua ekar, pemaju perlu memperuntukkan 30% kuota untuk bumiputera. Kalau 100 unit, bermaknanya 30 unit mesti rumah untuk…rumah murah ya rumah murah. Rumah 30% untuk kuota rumah murah. Pihak pemaju dibenarkan untuk memohon pelepasan pembinaan rumah murah ini, setelah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sebelum ini tiada sebarang bayaran dikenakan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk pelepasan kuota ini.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah menetapkan bayaran bagi setiap unit kuota yang hendak dilepaskan adalah pada kadar, bagi rumah kediaman 7% daripada harga jualan. Manakala bagi er…bangunan atau perniagaan, 10% daripada hasil jualan. Bayaran ini akan dimasukkan ke dalam Tabung Perumahan Rakyat Pahang. Melalui

kaedah ini pemaju perlu berusaha untuk menjual unit-unit ini bagi mengelakkan pelepasan kuota berkenaan.

Skim sewa beli untuk golongan bawah 40. Terima kasih Yang Berhormat Ketari dan Tahan atas cadangan untuk mengadakan skim sewa beli bagi golongan bawah 40 atau B40. Untuk makluman skim ini, pernah dilaksanakan untuk Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) seluruh negeri Pahang. Namun negeri menghadapi kesukaran mengutip bayaran sewa bulanan. Sehingga kini terdapat tunggakan sewa beli sebanyak hampir RM8.9 juta yang melibatkan penyewa seramai 1,752 orang. Oleh itu, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk meneruskan skim sewa beli untuk projek-projek yang akan datang. Ini satu bebanan kepada pihak Kerajaan Negeri. Kita memerlukan bayaran ini kerana untuk membaik balik…membaik pulih kembali rumah-rumah yang menghadap…yang perlu kita er…baiki bagi memberi peluang orang lain juga akan dapat memohon rumah yang sama. Untuk er…Bahagian Perumahan, saya beri sedikit pantunlah, ini.

Dayung Perahu Tujuh Haluan,
Mendayung Perlahan Dengan Cik Siti,
Kerajaan Pahang Tiada Tandingan,
Tiada Janji Lihatlah Bukti.

Limau Manis Tiga Serangkai,
Banyak Ditanam Di Kampung Seberang,
Mulut Manis Jangan DiPakai,
Ramai Rakyat Kena Temberang.

Bagi segmen kedua, berkaitan dengan…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dato'…

YB. ENCIK ABD. RAHIM BIN MUDA

Kerajaan Tempatan…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

…Sri Speaker, saya nak minta. Sebelum beralih ke tajuk yang lain. Pasal perumahan. Kita semua tahu bahawa apa nama, masalah perumahan terutamanya kepada golongan er…berpendapatan rendah ini. Dulu Kerajaan Persekutuan dia memperkenalkan Rumah Mesra Rakyat, jadi kita tak tau apa kedudukan Mesra Rakyat. Kalau ikut kawan saya daripada Ta…daripada Semantan nyata memang mende ni dah tak de. Tapi kalau kita buka laman web dia, masih…masih wujud.

Jadi persoalan yang saya nak timbulkan sini er…adakah Kerajaan Negeri Pahang tidak berhasrat untuk melaksanakan satu skim yang hampir sama dengan apa ni, Rumah Mesra Rakyat ni, di mana kumpulan ini menyediakan tanah dan er…yang lain-lain tu ditentukan oleh pihak Kerajaanlah. Itu satu perkaralah yang saya hendak… saya ingat ini boleh dapat menangani masalah permintaan er…rumah di kalangan er… B40 ini. Kemudian dalam jawapan er…dalam sidang yang lepas, saya ada menanyakan tentang Skim Rumah Pekerja Ladang dan dijawab oleh Exco bahawa skim ini pada er… telah berjaya dinikmati, maknanya orang yang berjaya di bawah skim ini seramai 72 orang pekerja di seluruh Malaysia.

Ada… hanya sorang daripada Pahang, iaitu di Ladang Telang. Soalan saya er… kalau ini kedudukannya, kita nampak bahawa skim ini tak berjayalah. Makna seluruh negara 72 orang. Sedangkan di Pahang sorang je. Jadi saya nak dapat kata pasti daripada Exco apa rancangan kita untuk mengatasi permintaan rumah kepada kumpulan-kumpulan yang tinggal di ladang ni terutama di ladang FELDA yang kita semua tau banyak mereka datang ke negeri Pahang ni bekerja akhirnya jadi rakyat di sini kemudian menyebabkan permintaan pada perumahan pada mereka, tinggi.

Ini dua persoalan yang saya nak timbulkan, satu adakah Kerajaan Negeri Pahang berhasrat untuk mengadakan satu skim ala Rumah Mesra Rakyat, yang keduanya skim er… Bantuan Rumah ataupun Pembinaan Rumah kepada peladang? Satu lagi yang ketiga, yang ketiga yang kita persoalannya pada rumah… orang yang rumah terbakar. Saya ingat Kemayan pun ada sebut. Bila mana rumah terbakar ni, dia *total lost*, dia akan miskin er… serta-merta. Serta-merta dia akan miskin dan kita tidak ada satu skim yang khusus untuk membantu kumpulan ini menyebabkan mereka terpaksa menunggu dalam tempoh yang begitu lama, Dato' Speaker.

Ada yang tunggu dua tahun, ada yang tunggu setahun. Tempat saya tu, masih satu lagi rumah tak dapat diselesaikan kerana terpaksa menggunakan kuota rumah PPRT. Jadi saya harapkan mungkin Tabung er... Dana… Tabung apa ni Tabung Perumahan tadi boleh dapat membantu makna kita pastikan kumpulan-kumpulan ini mendapat keutamaan. Kita nak harapkan MUIP er… mungkin itu satu jalanlah tapi kita tak boleh harapkan sepenuhnya dan inilah saya nak minta tiga perkara, perkara-perkara ini. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD. RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Padang Tengku kerana ya mengambil berat tentang Perumahan Rakyat er…sebagaimana yang saya sedia maklum tentang Tabung Perumahan Rakyat ini adalah salah satu kaedah untuk kita membantu rakyat untuk membina rumah. Sebelum er…PRU Ke-14 kita banyak projek-projek perumahan yang menjurus kepada kepentingan rakyat. SPNB, Syarikat Perumahan Negara Berhad. Rumah Mesra Rakyat, *My Beautiful*…*My*…program, dengan izin *"My Beautiful Neighbourhood"* Rumah MyBN dibuat oleh agensi-agensi seperti RISDA, FELCRA dan sebagainya. Tetapi selepas PRU Ke-14, saya setiap tiga bulan saya akan mesyuarat dengan Jawatankuasa Perumahan agensi juga melaporkan sehingga kini orang kata apa ni er…mati tidak, hidup pun tidak. Mati tergantunglah. Agensi tidak…tidak boleh memberi keputusan kerana takde bajet.

Contoh, Rumah Mesra Rakyat kawasan saya sendiri, mungkin kawasan tuan-tuan juga ada saya rasa. 30 geran telah diserahkan kepada pihak SPNB untuk dilaksanakan, tetapi dukacitalah ya sehingga kini tidak ada peruntukan untuk membuat, membina Rumah Mesra Rakyat di bawah seliaan SPNB Sdn. Bhd., kalau dulu er…SPNB ni tertakluk, terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan, MOF kini telah diletakkan oleh di bawah KPKT, unit Bahagian Perumahan.

Saya dah bermesyuarat dengan Menteri pada bulan 8 baharu ni. Apabila ditanyakan tentang projek SPNB ni jawapan diberikan oleh Kementerian tidak ada peruntukan. Dia tidak membatalkan, dia tidak meneruskan, masalahnya tak ada peruntukan tetapi sebagaimana Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang prihatin kepada urat nadi rakyat telah memberikan idea Tabung Perumahan Rakyat Pahang. Tabung ni akan di*collect* daripada pemaju-pemaju yang tidak mahu membina rumah murah ya dan kita meletakkan syarat bagi setiap unit untuk sumbangan kepada tabung bagi kawasan Majlis Perbandaran tetapi termasuk

Cameron Highlands ni dia tertakluk di bawah er… kategori Majlis Perbandaran, pemaju kena menyumbang sebanyak RM35,000.00 kepada tabung seunit. Kalau ada 100 maknanya kali dengan 100. Bagi kawasan…

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Boleh mencelah… Yang Di-Pertua. Saya nak tanya bagaimana kalau orang tua-tua yang umur 70 nak mohon rumah yang disediakan oleh pihak kerajaan ni? Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Saya nak jawab yang Padang Tengku dulu, Luit ya. Manakala untuk apa ni dah lupa dah saya tadi (ketawa). Tabung Perumahan, Tabung Perumahan ini kita akan *collect*, kita akan kutip dan kalau tabung kita banyak, penuh kantung kita insya-Allah kita akan membuatkan rumah sebagaimana Rumah Mesra Rakyat SPNB. Tanah masing-masing dan kita akan menyediakan.

Kaedah-kaedahnya kita akan *detail* kemudianlah sebab setakat ni tabung kita ni mengecil sangat tapi untuk buat sementara waktu ni er…kita boleh gunakan tabung ni untuk baik pulih rumah yang terlibat dengan bencana tapi kita ada tabung terhad, kita tidak berapa nak mencadangkan tapi walau bagaimanapun apabila duit kita dah banyak ni kita akan lihat perkara ini. Banyak rumah yang terbakar, kena bencana dan sebagainya.

Bagi menjawab soalan daripada…oh satu lagi tentang rumah-rumah di ladang adalah tanggungjawab pihak Kerajaan Persekutuan, tidak di bawah…sebab dia melibatkan ladang-ladang swasta dan sebahagiannya melibatkan er…Tanah FELDA, FELCRA dan sebagainya. Er…manakala pertanyaan Luit tadi berkaitan dengan orang yang dah umur 70 ya. Biasanya kalau kita buat *loan* bank, bank tak akan luluslah. Tetapi walaupun dia ada tanah, anak-anaknya boleh memohon bagi pihak ibu bapa dan kita akan kenakan cagaran ni kepada anak-anak untuk membuat bayaran dan sebagainya. Memang boleh ya tetapi dengan syarat tanah ayahlah ya tanah orang lain tak bolehlah ya. Tanah ayah sendiri boleh ya ataupun dia nak bayar *cash* ya boleh. Kita sentiasa mempertimbangkan untuk kemudahan rakyat ya.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Mohon mencelah sikit ya. Saya sebenarnya nak *share* pengalaman. Ada satu pengalaman di negeri lainlah. Bila ada sekumpulan pemohon rumah ni memang orang tua-tua, jadi kita bawa kepada kerajaan dan kerajaan sendiri menjadi *guarantor* kepada sekumpulan orang tua ni. Jadi mereka dapat memiliki er…dapat memohon pinjaman er…bank memberi pinjaman dengan yang apa ni agensi kerajaan menjadi *guarantor* akhirnya mereka dapat rumah kediaman tu dan selebihnya *detail* tu kemudianlah. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Tapi tu saya ingat dia melibatkan kos kewangan dan sebagainya sebab apabila kita mendapat bayaran balik kita akan buat rumah yang lain pula. Jadi kalau kita bagi semua percuma saya rasa tak adalah tabung kita ni untuk membantu golongan yang… tapi tanggungjawab anak-anak penting saya rasa ya untuk menyediakan perumahan untuk ibu bapa dan sebagainya. Orang kata kalau anak, ayah seorang boleh jaga anak

sepuluh orang tapi anak sepuluh orang tak pasti boleh jaga an…ayah yang seorang saya rasa. Jadi tanggungjawab anak-anaklah, saya rasa.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Er… Yang Di-Pertua, minta tanya satu soalan. Saya ada melihat er… ada *sign board* yang menulis tentang projek perumahan ini di bawah tu dia tulis er… Rumah Patuh Syariah. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat apakah memang ada er… Rumah Patuh Syariah ni dan sejauh mana inisiatif kerajaan untuk melaksanakannya? Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Damak. Sebenarnya ada satu projek di Jerantut ya er… sebanyak 30 unit tak silap saya er… telah melaksanakan Rumah Patuh Syariah. Dia mendapat er… apa ni pensijilan dari segi lokasi, kedudukan arah kiblat dalam rumah berkenaan dan reka bentuknya adalah sama je lebih macam er… perumahan yang lain. Dia sekurang-kurangnya 3 bilik. Pertama bilik ibu bapa, dua bilik lagi satu untuk anak lelaki satu anak perempuan ya. Lelaki dan perempuan perlu diasingkan. Itu salah satu kriterialah.

Satu lagi kriterianya adalah er… rumah ni memang ada satu ruang kecil yang kita sediakan untuk ruang solat. Tapi kita orang laki ni digalakkan bersolat di masjid ya solat tapi dia ada sediakan dan pagar dia adalah pagar dia tak tinggi. Pagar dia er… separuh apa ni pinggang untuk memastikan *connect…* apa ni komunikasi antara jiran-jiran. Itu salah satu er… apa ni reka bentuk yang juga di salah satu syarat dalam Rumah Patuh Syariah ya insya-Allah. Saya ingat kalau rumah ni siap kita akan lancar lagilah. Kita minta untuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita akan lancar projek ni. Jerantut yang pertama ya. Saya akan masuk segmen yang kedua berkaitan dengan Kerajaan Tempatan…

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Minta laluan. Yang Berhormat er… Dato' Sri Speaker saya cuma nak tanya kepada penjelasan daripada Wakil Kerajaan, kalau kita melihat er… hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan 37,000 Rumah PR1MA dan juga Rumah Makmur dan kita difahamkan telah er… kelulusan telah diberi banyak ya hampir ratusan kelulusan telah diberi kepada pihak-pihak pemaju. Saya nak er… tahu apakah tindakan pihak Kerajaan er… tempoh bagi yang berjaya itu untuk er… *take off* atau memulakan projek tersebut. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya nak er… saya dah bercakap dalam persidangan lalu saya sentuh soal kelulusan permohonan PR1MA yang saya rasa orang yang memohon tu dia tak tahu di mana kawasan ataupun tanah yang dipohon. Berlaku di kawasan saya di Kampung Padang Lalang… Padang Lalang, Mukim Bangau di mana kelulusan telah diberikan 100 ekar dan er… akses untuk er… jalan masuk untuk ke tapak pembangunan hampir 7 ataupun 8 kilometer.

Jadi ianya melibatkan kos yang begitu tinggi dan sudah pasti saya rasa kalau diteruskan permohonan tersebut ianya tidak… tidak menguntungkan. Kalau melihat kepada infra ataupun keadaan muka bumi tanah tersebut kerana saya nak menyentuh bahawa er… kawasan ini sebenarnya merupakan er… tapak *motorcross* yang dimajukan oleh golongan belia di kawasan setempat dan ianya sebelum pilihan raya merupakan satu isu yang harus er… pihak kami untuk menjawab kepada penduduk kampung. Sekian, terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhomat Timbalan Yang Di-Pertua,

Terima kasih kepada rakan saya kerana memberi laluan. Sebenarnya projek Perumahan PR1MA dan Makmur ni kita dah kaji semula dan kita tambah baik lagilah. Sebagai contohnya er… kita dah ada tempoh, andainya mana-mana pemaju yang diluluskan tidak melaksanakan rumah sepertimana tempoh yang ditetapkan kita akan tarik balik dan er… sebelum ni pun kalau tak silap saya ya er…YB., 10 buah projek PR1MA yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang ditarik balik oleh kerajaan kerana mereka gagal memenuhi dan tidak mampu membuat rumah tersebut dan kita *offer* kepada orang lain dan dalam masa yang sama er… *earnest money* dan sebagainya kita sedang pertingkatkan begitu juga dengan peraturan-peraturan, apa ni syarat-syarat *agreement* semua kita perketatkan. Kita tak nak jadi sepertimana kelulusan untuk… untuk hutan kawasan balak sebagai contohnya diluluskan pada tahun 2010 tetapi sehingga 2011 tidak dikerjakan.

Lepas tu, dalam masa yang sama 2011 dia minta lagi 2012 dia minta lagi. Ini bermakna tidak tercapai matlamat kerajaan untuk mengutip hasil. Bila tidak dikerjakan kawasan tersebut Kerajaan Negeri akan kehilangan hasil, sebab itu la er… sekarang ni er… Pejabat Perhutanan Negeri, kelulusan yang dulu-dulu tu 2010… 2011 kita sedang er…kaji, teliti dan sekiranya syarikat berkenaan tidak melaksanakan akan tarik balik dan kemungkinan kita akan buat secara tender terbuka.

Jadi, pertanyaan daripada YB. daripada Kuala Semantan nanti… tadi saya sangat er… apa nama mengucapkan terima kasih kerana sangat prihatin dan sebenarnya Kerajaan Negeri sangat juga prihatin terhadap isu perumahan ini kerana ini adalah kemudahan asas kepada rakyat selain daripada makan, minum, pakaian, perumahan juga adalah kemudahan asas seperti mana yang terdapat dalam teori *hierarchy of need k*alau tak silap saya *Maslow* kalau tak silap sayalah. Jadi, insya-Allah ya YB. jangan bimbang sangat kita akan ambil perhatian.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhornat Menteri Besar. Sila seterusnya.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Perancangan pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan. Kerajaan Negeri amat serius dalam perancangan pembangunan di semua Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Pahang. Justeru bukan sahaja peruntukan negeri yakni peruntukan MARRIS yang disediakan malah turut membida peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi pembangunan di semua PBT di negeri Pahang.

Di antara projek-projek kemudahan awam untuk rakyat yang difokuskan pada tahun 2019 adalah seperti berikut. Yang pertama berkaitan dengan infrastruktur yang meliputi laluan pejalan kaki, jalan atau lorong, sistem saliran, lampu jalan, longkang dan papan tanda. Yang kedua berkaitan dengan kemudahan awam termasuklah gelanggang sukan, terminal dan perhentian pengangkutan awam, membina dan menaik taraf dewan dan balai raya serta menaik taraf dataran jam dan sebagainya dan seterusnya berkaitan sosioekonomi termasuk ruang niaga, medan selera, pasar malam dan tapak penjaja.

Pada… sehingga 31 Oktober 2019, sebanyak RM30.6 juta telah dibelanjakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang melalui agihan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya atau MARRIS untuk kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Raya Bandaran dan Jalan Kawasan Perumahan bagi tahun 2019 ke arah menjamin kesejahteraan rakyat.

Peruntukan Bajet Baharu BP 1 Tahun 2019, Kerajaan Negeri telah berjaya membina dan mendapat peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM33.133 juta bagi Projek Baharu BP 1 Tahun 2019. Jumlah tersebut adalah untuk pelaksanaan sebanyak 376 buah projek bagi semua 12 PBT di negeri Pahang termasuk Lembaga Pembangunan Tioman.

Program Persekitaran Kehidupan di bawah PBT tahun 2019. Sebanyak RM1.5 juta telah berjaya dibida dan diperuntukkan daripada Jabatan Landskap Negara, Kementerian Wilayah Persekutuan bagi Program Persekitaran Kehidupan di Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Daerah Bera dan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser. Program Kesihatan Persekitaran PBT tahun 2019. Manakala sebanyak RM52 ribu untuk tujuh PBT Negeri Pahang telah berjaya dibida dan diperuntukkan bagi Program Kesihatan Persekitaran PBT.

Kutipan Hasil PBT. Saya ingat tahun ini meningkat hasil ya. Kalau ikut rekod meningkat sebanyak 20% berbanding tahun yang sebelum pada ini. Pihak Berkuasa Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif untuk mewujudkan hasil baharu bagi Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan. Pertama, menaik taraf Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak Kerajaan Negeri sentiasa serius dalam meningkatkan kualiti perbandaran. Sejajar dengan itu, institusi PBT perlu dinaikkan taraf yang secara tidak langsung akan memacu pertumbuhan ekonomi masyarakat setempat serta pemangkin pembangunan fizikal dan infrastruktur di kawasan PBT masing-masing.

Buat masa ini, Majlis Perbandaran Kuantan telah pun diluluskan oleh kabinet menaik taraf kepada Majlis Bandaraya Kuantan. Sidang maklum dalam soalan pagi tadi, manakala Majlis Daerah Pekan dalam proses untuk dinaik taraf kepada Perbandaran. Kertas permohonan naik taraf telah pun diangkat ke KPKT untuk mendapat kelulusan Kabinet. Sehubungan itu juga, terdapat 3 lagi Majlis Daerah yang akan dinaik taraf kepada Perbandaran pada tahun 2020 iaitu Majlis Daerah Jerantut, Majlis Daerah Raub dan Majlis Daerah Cameron Highlands. Ini berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak KPKT ya. Pertamanya dari segi peningkatan hasil hampir mencapai RM20 juta setahun.

Seterusnya berkaitan dengan ini isu yang hangat dibincangkan dalam dewan dua tiga hari lepas. Penggunaan tulisan Jawi pada Papan Tanda Tunjuk Arah, Papan Iklan Premis Perniagaan Dan Papan Tanda Bangunan Dan Papan Tanda Jalan serta Lorong. Beberapa Wakil daripada ADN telah menyuarakan pandangan… daripada Cheka, Tras dan Mentakab er… yang saya rasa mereka bukan mempertikaikan cuma ingin penjelasan ya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, er… penggunaan tulisan Jawi di semua PBT telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Yang Di-Pertuan Agong pada 10 November 2018. Hasil daripada majlis ini Kerajaan Negeri telah menguar-uarkan mulai pada tahun 1 Januari 2019, semua PBT di kawasan masing-masing perlulah melaksanakan penulisan Jawi yang melibatkan Papan Tanda Tunjuk Arah, Papan Iklan Premis Perniagaan dan Papan Tanda Bangunan dan Papan Tanda Jalan mulai satu haribulan satu 2019 ya. Ini dah hampir setahun sebelas bulan berapa hari ini. Sebelas bulan hari ini 20 haribulan ya 21, hampir sebelas bulan.

Patutnya perkara ini kita dah beri masa yang agak panjang kepada er… untuk dilaksanakan penulisan Jawi di kawasan PBT masing-masing.

Kalau kita tengok dari segi sejarah, perjanjian antara British dengan kerajaan dulu menggunakan bahasa Jawi ya. Er… kalau tengok gambar-gambar iklan pada tahun 50an 60an ya, menggunakan bahasa Jawi. Ini bukan perkara baharu yea. (Ahli Dewan ketawa) tulisan Jawi. Kaedah yang digunakan untuk tulisan Jawi ini adalah kaedah *Al-Taibah* iaitu Arabic punya tulisan *style* di mana yang meluluskan bentuk tulisan Jawi ini adalah daripada KUIPSAS ya… KUIPSAS sendiri. Kita telah melantik 28 orang munsyi-munsyi menyemak tulisan Jawi er… dan kita telah mengadakan bengkel ya pada awal tahun ini untuk memastikan satu piawaian *standard* tulisan Jawi, saya ingat Damak ada tanya semalam kalau tak silap sayalah ya.

Memang kita ada pakar rujuk, munsyi-munsyi tulisan Jawi seramai 28 orang. Munsyi, munsyi-munsyi, munsyi ya itu bunyi macam Jepun ya. Musyi… musyi bunyi macam Jepun pula ya. Munsyi-munsyi. Jadi sebenarnya mendapat apa ni er… semakan tulisan Jawi dan kita dah ada garis panduan dan saya dah edarkan kepada semua PBT er… ada kriteria-kriteria dia kalau semalam dibangkitkan oleh Bilut ataupun Tras ya tiada ruang untuk… untuk tak perlunya iklan baharu sebenarnya.

Tak perlu iklan baharu dia boleh tampal sahaja boleh tapi mungkin kos sikit nak sewa kren, kalau yang boleh sewa kren saya ingat tiada masalah. Kita beri masa yang panjang. Kalau tak boleh ada ruang kita boleh ketepikan dia punya tulisan tu ya. Ada saya ingat PBT boleh bantu. Setakat ni di Kuantan saya tengok dah banyak ya dah banyak dan telah mula memperkenalkan bahasa Jawi yang… yang kita ni bukan orang kata kita ingin memartabatkan bahasa Jawi ni sebab sebenarnya dalam syarat-syarat lesen tidak perlu dinyatakan tulisan bahasa lain tapi ada kita tidak pernah mempertikaikan,

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Tuan Yang di-Pertua…

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

contoh…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sungai Lembing minta laluan.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Er… Tuan Yang Di-Pertua,

Saya menyanjung tinggi mengalu-alukan keputusan Kerajaan Negeri bagi menguatkuasakan pelaksanaan tulisan Jawilah di seluruh negeri Pahang ini hanya ialah ada beberapa *pro and con* terutama sekali er… di kalangan beberapa kawan-kawan kita berkaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha ataupun tuan punya kedai bangunan kan apa yang penting sekali Tuan Yang Di-Pertua, masalah restoran ni.

Kalau kita misalnya kalau kat luar negeri nampak je ada tulisan Jawi tu kita kira halal teruslah misalannya kalau sesiapa yang pernah pergi ke China ya, er… itu makanan

halal tapi ada sup beruang, sup kaki beruang dan macam-macam. Jadi er… beruang ni setahu saya kalau orang Islam tak… tak tahulah takut ada mazhab boleh setahu saya tak boleh makan kan walaupun hempedu beruang tu sangat er… apa er… perubat… nilai perubatan tinggi terutama kalau orang kena patah ke apa, makan er… hempedu beruang boleh mengubat penyakit dalam.

Jadi itulah pelaksanaannya, terutama sekali kalau di restoran yang terang-terang tak ada makanan halal tu takut jugalah kita… tulis tulisan Jawi tu sesetengah orang *confuse* terus masuk jer. Jadi, ha… itu lah er… maknanya kerajaan dalam segi pelaksanaanlah terpaksa kita kena er… berhemah tinggi, berwaspada dan saya menyokonglah tadi di mana beberapa premis tu misalannya ada bentuk er… pelaksanaan tulisan Jawi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, nanti salah makan kita.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Sungai Lembing.

Berkaitan dengan er… pe… penulisan papan iklan tulisan di papan-papan iklan, kita tidak mensyaratkan, kita sebenarnya bahasa lain tidak dinyatakan ya tetapi oleh kerana kerajaan yang prihatin tulisan Bahasa Cina pun kita benarkan ya, Bahasa India pun kita benarkan, tiada masalah ya, tapi sepatutnya tulisan Jawi ini tidak menjadi isu sebenarnya ya.

Dia adalah untuk kemudahan ramai dan satu budaya kita, bukanlah maknanya tulisan Jawi ini kita nak mempromosikan Islam, tidak ya. Itu adalah satu tanda yang telah lama dilaksanakan di negara kita sebelum pada… sebelum daripada ini ya.

Perubahan kepada penggunaan tulisan Jawi pada papan iklan, premis perniagaan dan papan tanda bangunan dalam kawasan Majlis…

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Mohon… mohon mencelah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tanjung Lumpur.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Ya, terima kasih kepada Wakil Kerajaan. Er… dalam isu tulisan Jawi, saya tidak melihat bahawa tulisan Jawi ini satu masalah kepada… terutama sekali kepada rakan-rakan yang berniagalah daripada kalangan bangsa Cina. Sebab kita tengok banyak pun produk-produk yang mereka keluarkan pun tulisan Jawi dan sebagai satu strategi pulak untuk melakukan perniagaan mereka dan guna pulak logo-logo yang bercirikan Islam, ada cop masjid. Saya pergi Kedah jumpa apa tu er… biskut cap Ustaz (ketawa) walaupun dia marah kat Ustaz tu, tapi biskut tu cap Ustaz (Ahli Dewan ketawa). Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Tanjung Lumpur. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, pada mulai 1 Januari 2020 kita akan mewajibkan apa ni… penulisan Jawi dan tidak patuhan kepada perkara ini akan diambil tindakanlah ya. Kita dah bagi masa yang agak lama, 1 tahun

sebenarnya untuk pengusaha-pengusaha untuk er… mengubah er… apa ni iklan Jawi di premis masing-masing.

Bandar Lestari dan Bersih. Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Mohon mencelah sekejap.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya ingat…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Mencelah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, nampaknya tulisan Jawi ini er… masih ramai orang tidak er… meng… apa… er… meng… tulis pada papan yang sekarang ni. Mohon kalau boleh bagi lagi 3 bulan ke sampai Mac, kalau boleh. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Teruntum saya bagi sehingga 31 Disember 2019 sahaja. 31 Disember 2019 kita… saya bagi, ada masa sebulan setengah lagi ya, tak ada masalah ya.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Mo… mo… mohon mencelah…

YB. ENCIK LEE AH WONG

Mintak celah…

ENCIK SIM CHON SIANG

Sebab kalau ikut er… papan tanda yang ada di Kuantan ni, er… berpuluh-puluh ribu. Saya ingat kedai iklan pun tak sempat nak buat juga. Satu bulan setengah, kat… katakan… katakan ya, satu hari buat lima atau enam tak sempat jugak. Itu sebab saya mohon, sebab sebelum ini semua teragak-agak, tak pasti, er… kurang faham, *so* dari segi ini saya… kita mohonlah sebagai Wakil Rakyat dekat sini seperti di Kuantan, yang paling ramai kedai terlibat. Saya mohon dilanjutkan kepada bulan Mac. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih. Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa pada 1 Januari 2020 pelaksanaan tulisan Jawi yang akan diwajibkan. Saya rasa keuntungan banyak pihak di pihak kedai-kedai papan iklan ni banyak *non* muslim, keuntungan juga kepada pihak orang bukan *non* muslim saya rasa. Tak ada masalah ya. Saya ingat, saya menamatkan isu tulisan Jawi di sini, saya akan pergi kepada…

YB. ENCIK LEE AH WONG

Minta laluan. Sekiranya ruang pada papan tanda iklan yang sedia ada itu tidak mencukupi, adakah saiz tulisan Jawi itu adakah kelonggaran, tak sama saiz dengan Bahasa Melayu ataupun er… kelonggaran apa yang boleh diberi?

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Jawapan boleh, boleh… boleh.

Bandar Lestari dan Bersih. Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sangat menitikberatkan kepada kelestarian dan kebersihan bandar.

PBT telahpun membuat perancangan mengindahkan bandar dengan tanaman pokok-pokok bunga yang minimum dengan penyelenggaraan yang baik. Manakala bagi kebersihan pula ia akan memberi fokus kepada kebersihan di tempat awam, terminal pengangkutan awam, tandas awam, pusat rekreasi dan premis perniagaan.

Sebagai permulaan, satu pasukan *task force team* ataupun er… *task*… pasukan *task force* di Majlis Perbandaran Kuantan telah diwujudkan bagi melaksana dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan kebersihan yang terdiri daripada agensi SWCorp, JKR, Alam Flora, Roadcare dan sebagainya ya.

Pasukan ini akan bergerak sepanjang masa sehingga perkara ini dipatuhi untuk memastikan bahawa sepanjang laluan-laluan utama bukan sahaja laluan-laluan protokol dan kawasan apa ni… perniagaan untuk memastikan tiadanya sebarang sampah-sarap yang boleh mencemarkan pandangan ya.

Baharu-baharu ini kalau ingat rombongan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pergi ke Nanning, bandarnya memang bersih, pokok bunga sepanjang jalan, tiada sampah-sarap pun kita tengok walaupun sepuntung rokok ya dan kita boleh contohilah bandar-bandar di… di sana yang sangat bersih berbanding 10 tahun yang lalu.

Maka pasukan *task force* ini akan diwujudkan juga di lain-lain PBT pada tahun hadapan bagi memastikan tahap kebersihan dan keindahan bandar mencapai tahap yang dibanggakan. Er... ini meliputi program penguatkuasaan dan kawasan tanah milik yang dipenuhi dengan semak-samun dan menurunkan *billboard* yang telah tamat tempoh.

Ada dibangkitkan oleh er… Mentakab, berkaitan semak samun ya. Perkara ini akan diambil tindakan oleh pihak MPT, memastikan perkara ini perlu diambil tindakan segera walaupun dia kata dah banyak kali dilapor tetapi tidak diambil tindakan ya. Saya akan pastikan er… pasukan *task force* ini dan saya akan turun padang sendiri untuk menyemak dan mengenal pasti masalah-masalah berkaitan dengan kebersihan dan aduan-aduan yang tidak diambil tindakan ni perlu diambil tindakan dengan segera.

Seterusnya berkaitan dengan pembatalan lesen hiburan. Kerajaan Negeri amat peka kepada…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Minta… minta laluan. Er… Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya melihatkan hasrat Kerajaan untuk menjadikan bandar Kuantan sebagai bandar lestari. Memang pernah pun berlaku suatu ketika dahulu ya, ibu negeri Pahang, Kuantan adalah bandar lestari tapi apa yang dijelaskan oleh pihak Kerajaan sebentar tadi untuk mempastikan bandar kita bersih.

Kita kena mewujudkan satu pasukan, pasukan lain pulak yang memantau tentang kebersihan. Pada saya sebenarnya, kita kena menekankan kepada kontrak yang membersih kawasan yang kita beri, sebab saya selalu memerhatikan bahawa akan berlaku 'sakit mata memandang' bagi kawasan persekitaran kita apabila selepas berlakunya pencucian kawasan. Maksudnya berlakunya pemesinan… memesinkan rumput di tepi jalan, maka masa itulah timbul berbagai-bagai perkara timbul daripada dalam rumput tadi.

Jadi kalaulah, sebenarnya perbetulkan dia punya er… *specs-specs* yang mesti dilakukan oleh kontrak itu tadi, maksudnya bukan dia mesin sahaja, tapi dia kena bersih, kena kutip, kena buang hah… baharulah kita rasa tak perlu kita ada pasukan tu, ada pasukan ni, untuk… untuk menyelesaikan masalah yang dilakukan oleh pemesin rumput, mesin, orang lain pulak kena gi pantau pulak tengok, orang lain pulak kena jaga kebersihan, sebenarnya tanggungjawab kepada yang kontrak yang kita lantik itu tadi. Kalau Roadcare, Roadcarelah, kalau sesiapa Alam Flora, Alam Floralah. Hah! Itu maksud saya. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Pulau Manis. Sebelum pada penubuhan Pasukan *Task Force* ini, er… beberapa lokasi di bandar ini di bawah beberapa agensi yang tertentu. Contohnya jalan protokol di bawah JKR dan pelaksananya adalah Roadcare. Jalan negeri, jalan JKR Negeri er… pelaksana adalah er… YP Maintenance dan jalan-jalan perbandaran di bawah Majlis ya.

Jadi kita ada nampak macam dengan izin, *green area* kadang-kadang sampah dia sapu sini dia tolak tempat orang lain ya. Hah! Dia kata biarlah ni… ni kawasan saya, saya tolak kawasan… MPK contohnya, jadi benda ni tak selesai. Contoh saya bagi ya tapi dengan adanya *Task Force Team* ni kita dah satu-satukan, ketiga-tiga, empat agensi ni disatukan di mana kita ada *war room* dengan izin, di Padang MPK 1 dan semua pihak yang berkepentingan ni akan duduk bersama, macam mana nak menyelesai, membantu masalah-masalah yang dinyatakan.

Kita tengok sekarang, kalau dulu dekat sepanjang *divider traffic light* tu penuh dengan puntung rokok, macam-macam ada situ ya, semua dicampakkan di situ tapi dengan ada sekarang ni tuan-tuan boleh tengok er… kita boleh tengok bahawa tidak ada lagi dah sebarang puntung rokok dan sebagainya terutama di persimpangan lampu-lampu isyarat. Saya boleh pastikan. Jika ada boleh lapor pada saya, di Kuantanlah. Kuantan ini kita baharu tubuh dan di PBT lain ini kita akan laksanakan supaya benda ini selaras untuk satu negeri. Saya ingat saya pun dah ambil masa yang panjang cuma saya nak…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato'… Dato' Yang di-Pertua, sikit lagi.

Saya rasa er… pihak yang bertugas mencuci persekitaran bandar Kuantan sebagai fokus utama kitalah. Saya rasa kita kena buat sehingga rakyat yang berada dalam bandar Kuantan ini rasa malu pada diri sendiri. Saya mengambil contoh, saya pernah

ikut rombongan pergi ke Beijing dan memanglah saya ni perokok, memanglah orang menghisap rokok. Keluar daripada hotel, duduk tepi jalan. Lepas merokok, buang puntung rokok. Dalam masa 30 saat sahaja puntung rokok yang saya buang itu tadi tiba-tiba datang orang mengambil. Hah! Itu menimbulkan rasa malu kita. Kita kena buat sampai macam tu, saya rasa.

Tapi kalau…kalau kita lihat yang berlaku sekarang ini, itulah. Sampah-sampah, rokok, puntung rokok ke, kertas tisu ke, kertas coklat ke, budaya itu tadi tak dapat nak kita semaikan kepada masyarakat kita. Jadi kena ada, kena ada datangnya daripada pekerja-pekerja yang kita gajikan, menjaga kebersihan bandar. Tapi kalau pekerja-pekerja yang kita gajikan tadi makan gaji tapi masalahnya dia pun tak ambil peduli, memanglah! Kita yang melakukan kesalahan, tak sedar, tak terasa itu salah. Jadi saya rasa pihak apa ni…PBT kena bertindak lebih agresif lagilah terhadap pekerja-pekerja. Terima kasih.

YB. ENCIK RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Pulau Manis. Tindakan ini bukan sahaja untuk pekerja tetapi untuk masyarakat sebenarnya. Kita ada 2 tumpuan fokus. Di Teluk Chempedak memang kita telah gerakkan untuk aktiviti penguatkuasaan, di mana kebanyakan pengunjung-pengunjung sampai sana lepas minum dia tinggalkan atas tempat duduk. Banyak ya, kita pun mendapat aduan. Saya ingat saya dah maklum kepada SWCorp, MPK dan sebagainya dan kita telah *start* kompaun. Bukan sahaja tugas pembersihan, masyarakat itu sendiri perlu. Kalau di negara-negara maju ini mereka amat akur dengan peraturan. Rakyat pun dah prihatin. Mungkin ke arah bandar raya ini kita akan meningkatkan lagi kesedaran terutamanya kesedaran di kalangan orang ramai. Datang ke Teluk Chempedak, minum air, tinggal dekat bawah ya.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya…saya nak apa namanya…nak mencelah sedikitlah pasal kita ini alang-alang panjang Exco apa nama Pengerusi Jawatankuasa Tempatan tu biarlah panjang betul, kalau boleh sampai petang karanglah (ketawa), pasal dah panjang dah. Kalau kita tengok perbezaan ya, ini satu kajian yang kita boleh buat. Kalau kita tengok negeri-negeri, ibu negeri-ibu negeri, yang mereka mempunyai ibu negeri-ibu negeri yang dulunya diperintah oleh komunis, yang diperintah oleh sosialis ya. Dan ibu… ibu negeri-ibu negeri yang diperintah oleh yang… yang mengamalkan demokrasi ini di negeri-negeri barat ni.

Kalau kita tengok negeri-negeri yang diperintah oleh komunis terutama sekali kalau di Eropah tu dipanggil *Bloc Warsaw* ataupun *Warsaw Block* ataupun *Nato Block*. Kita dapati bahawa bandar raya-bandar raya dia… dia buat tersusun dengan baik. Tapi kalau kita pergi ke London, kita pergi ke Paris, kita pergi ke Dublin, kita pergi ke… apa nama Itali, kita dapati bahawa bandar raya dia tidak seperti apa yang didapati contohnya di Prague, contohnya di Bratislava, contohnya… Exco Pelancongan kena tahu ini. Er… Moscow, begitu juga negeri China.

Bila saya kaji balik, kita dapati bahawa negeri komunis, negeri sosialis ini dia tidak ada Ahli Majlis. Hah, yang kita sibuk sangat nak Exco apa, Wakil Rakyat nak masuk Ahli Majlis. Tak ada Ahli Majlis. Dia nak buat… buat. Kamu tak nak buat, campak dalam sungai.

Sebab itu kalau kita tengok, sistem jalan raya dia. Kita pergi ke China, sistem jalan raya dia. Kita pernah buat *Visit* Pahang 2017. 2016 tu kita pergi daripada…daripada apa? Daripada Kuantan kita pergi London naik jalan darat. Kita dapati bahawa bandar yang tercantik sekali ataupun jalan yang tercantik sekali di Malaysia, di dunia ini saya cakap adalah di China. Kerana apa? Kerana dia tak ada Ahli Majlis. Dia tak ada, semuanya kuasa autokratik buat. Awak tak nak buat maknanya kita ambil tindakan, maknanya dia akan buat benda tu dan sebab itulah sistem, sistematik.

Kita pergi pulak negeri-negeri yang lain-lainnya. Di Eropah sebagainya pun begitu, dia boleh buat *symmetrical* antara satu tempat, satu tempat. Saya pergi ke Kazakhstan baharu ni ya, kita tengok daripada satu tempat, dia buat… dia tiru… dia tiru, apa namanya ini dia tiru Putrajaya tapi dari hujung sana ke hujung sana *symmetrical* satu *boulevard* macam kita nak buatlah di Putrajaya kita buat. Jadi itu kelebihan dia.

Saya pernah pergi ke India. Satu negara demokrasi yang terbesar di dunia. Pasal dia ada 1.2 juta penduduk dan er… kita, saya sekali ada pengalaman berjumpa dengan Ahli Parlimen dia, Patel tetapi dia orang Islam. Dia seorang Ahli Parlimen daripada Parti Kongres. Dia… *so* saya pergi masa tu dengan Yang Berhormat Menteri daripada Terengganu, Dato' Ismail Sabri er… Sabri Chik *so* kita pun sembang dengan dia, dia bagitahu bahawa dia Ahli Parlimen. Kita tanya dia, berapa… berapa dia punya pengundi? Dia tanya saya berapa pengundi saya? Saya cakap agak 22,000. Oh, *very small* cakap dia. Dia punya pengundi, seorang pengundi 1.2 juta, satu Ahli Parlimen… satu Ahli Parlimen.

Saya pergi ke India, antara nak pergi antara Bangalore ke Mysore, siapa yang pergi India tahu. *So* kita pergi satu jalan tu *highway* tiba-tiba masuk dalam kampung biasa. Jalan dalam kampung biasa, kemudian *highway* balik. Tanya kita punya *tour guide* tu kenapa jalan macam ni? Dia cakap Ahli Parlimen situ dia tak bagi buat highway. Kalau buat highway dia kalah pilihan raya. Hah jadi, hah ini beza dia.

Ini satu benda yang kita kena kaji baliklah. Kalau kita tengok pun sistem yang ada ni, di dunia ni, di Amerika sebagai contohnya, demokrasi yang ada er… apa namanya pun sekarang ni Presiden, dia kena buat *impeachment*, disoal jawab kerana Presiden telah melakukan sesuatu yang… yang tidak sepatutnya dilakukan. Kesalahannya sebagai seorang Presiden, sebagai calon yang mempertahankan jawatan. Begitu juga er… di bri… Britain, Brexit. Sampai sekarang tak selesai lagi. Soal British nak keluar daripada EU.

Jadi saya ingat UMNO dengan PAS ini bergabung eloklah. Makna kita kena tengok sistem-sistem yang lebih baik lagi untuk kita *improve*. Tapi itu satu, satu contoh. Sebab itu di China, memang. Ini pada saya China sekarang ni kalau dulunya Yang Berhormat Yang di-Pertua, mereka barat menakluki negeri lain, negara lain dengan kuasa ekonomi tapi China menakluki negara-negara lain dengan infrastruktur, *silk road*. *Silk* apa orang panggil? Er… itu… apa namanya *silk… silk*… *silk belt* kan silk belt, *silk road*… dia buat. Semua dia buat tapi China pandai. Dia datang, dia *propose* tapi kita kena bayar.

Er… kalau dulu Amerika, British… dia datang, dia buat… dia buat je dulu kan. Kemudian sikit-sikit dia buat, kemudian baharulah dia kita bayar sikit. Tapi China dia pandai, dia buat, dia datang semua pekerja dia. Tak, ini kebijaksanaan mereka er… kuasa dunia baharu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Alang-alang lama, biar lama betul ya.

YB. ENCIK RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Lanchang. Sebab Lanchang…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, er… kalau rasa dah panjang tu, bolehlah berhenti.

YB. ENCIK RAHIM BIN MUDA

Saya nak gulung sikit je lagi. Cuma nak *respond* daripada Lanchang, lain kali berjalan luar negara itu, bawalah Exco Kerajaan Tempatan juga. Baharu saya boleh *share* dia punya pengalaman. Ni nak jawab beberapa soalan daripada Ahli-ahli Dewan berkaitan dengan cukai pintu daripada ADN Luit dan Jengka. Kenaikan sebanyak 1% ya pada tahun ini. Sebenarnya cukai tanah bagi kediaman di bawah RM50.00 setahun di Kampung Berkat, Maran er… dan sebanyak RM24.70.

Dengan kenaikan 1% ini melibatkan kenaikan sebanyak RM3.80 yang berjumlah semua sekali RM28.50 setahun. Sedangkan kutipan sampah sahaja untuk sebulan kita bayar kepada SWCorp RM6.00. 6 kali dengan 12 dah RM72.00. Mana tidak sampai tahap kita… itulah masalah PBT ya. Servis kita ini terlalu mahal berbanding dengan bayaran oleh rakyat… cukai. Ini contoh saya bagi di... di… di Luit dan Jengka ya.

Satu lagi pembangunan Bandar Baharu Jerantut dibangkitkan oleh Damak. Pembangunan baharu, bandar baharu merupakan usaha sama antara Kerajaan Negeri dengan pemaju Grandmas Development Sdn. Bhd. Majlis Daerah Jerantut telah menerima dan memproses permohonan pelan-pelan pembangunan di kawasan tersebut seperti KM, pelan insfra dan pelan pembangunan.

Walau bagaimanapun, pembangunan yang dijalankan adalah berfasa dan berperingkat-peringkat menyebabkan ada kawasan-kawasan yang belum dibangunkan dan mencacatkan permandangan. Saya akan memastikan projek ini akan diteruskan dan akan berhubung dengan Damak pada masa akan datanglah. Penyusunan semula Kampung Sungai Jan oleh ADN Damak juga. Keadaan penempatan di Sungai Jan adalah tersusun tetapi keadaan jalan utama Jerantut-Lipis dan jalan-jalan dalam agak… jalan yang kecil menyebabkan kesesakan lalu lintas terutama apabila kereta *parking* di bahu jalan. Situasi ini menampakkan kesesakan di Kampung Sungai Jan dan pelan pembangunan *comprehensive* perlu diwujudkan bagi melebarkan jalan termasuk membina longkang dan kawasan sebagainya. Ini memerlukan peruntukan ya daripada Damak. Cadangan pembinaan taman rekreasi di kawasan Triang, ini saya ingat dibangkitkan oleh Triang mungkin sesi *Town Hall* boleh diaturkan antara pihak PBT, Majlis dengan orang ramai dengan kawasan berkenaan.

Berkaitan dengan mangsa kebakaran di Sungai Lembing dibangkitkan oleh Sungai Lembing, Mesyuarat Majlis Kerajaan Pahang Bilangan 29/2019 bertarikh 17 September 2019 telah membuat keputusan bersetuju tapak tersebut dibangunkan sebagai dataran rekreasi. Pihak MPK dalam proses menyediakan pelan konsep dataran tersebut dan anggaran kos yang terlibat sebanyak RM1.5 juta dan peruntukan akan dipohon dengan KPKT untuk melaksanakan projek ini dalam waktu yang terdekat.

Lokasi perniagaan peniaga kecil Sungai Lembing, pihak Majlis sentiasa memberi kelonggaran dan kelulusan kepada peniaga kecil untuk berniaga di lokasi yang

bersesuaian selagi tidak mengganggu lalu lintas namun begitu aspek kebersihan persekitaran, keselamatan peniaga dan pelanggan lebih diberi keutamaan terutamanya di laluan kenderaan yang sibuk. Peniaga juga mestilah memohon kelulusan terlebih dulu sebelum dia memulakan perniagaan.

Saya ingin mengakhiri apa ni ucapan ni. Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek yang dapat memberikan impak secara langsung kepada rakyat terutamanya penduduk bandar mahu pun luar bandar. Sehubungan dengan itu, pelbagai perancangan dan projek telah dilaksanakan untuk, dilaksanakan bagi mencapai hasrat ini. Kerajaan Negeri telah mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan yang telah meneruskan kelulusan projek selepas penangguhan dibuat seketika. Bagi projek-projek yang dah diluluskan adalah menjadi harapan saya ia dapat dilaksanakan oleh PBT Negeri Pahang dengan berkesan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

PBT Pahang juga telah menyeru supaya menghayati hasrat kerajaan ini adalah menyampaikan semua jenis perkhidmatan kepada rakyat. Saya juga menyeru kepada komuniti dan bersama-sama PBT bergerak secara kolaboratif dan aktif bagi merealisasikan kelestarian dan kebersihan persekitaran di kawasan masing-masing demi kehidupan yang sejahtera dan bebas daripada sebarang penyakit.

Sekali lagi saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan portfolio saya dan er... akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Mana-mana pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diambil tindakan untuk tindakan susulan.

Minum kopi waktu petang,
Cicah biskut air kosong,
Bajet Negeri telah dibentang,
Saya ingin mohon menyokong.

Saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang menyokong RUU Perbekalan (2020/2019) dan Usul Pembangunan dan Perbekalan Air 2020 yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Tanam pisang rapat-rapat,
Banyak ditanam di dalam negeri,
Tok Wan kita orangnya hebat,
Demi rakyat memacu negeri.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang di-Pertua... kepada semua Yang di-Pertua PBT dan Majlis Daerah, Bahagian Kerajaan Tempatan dan Bahagian Perumahan yang telah bertungkus lumus menjayakan aspirasi Kerajaan Negeri tidak dilupakan juga terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Daun selasih...
Daun kalian sebiji selasih,
Sekian terima kasih.

(Ahli Dewan menepuk meja)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terim kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin memaklumkan bahawa Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Pahang sekarang ni sedang menerima rawatan kesihatan. Jadi sama-samalah kita berdoa agar beliau cepat sembuh.

Jadi saya nak teruskan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi Hijau, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang dan saya juga ingin memaklumkan bahawa kalau boleh Ahli Yang Berhormat pihak kerajaan kita beri masa lebih daripada Ahli-ahli Berhormat yang lain pihak kerajaan selama kalau boleh dalam 30 minit. Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal... Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan mengambil masa sehingga 1 jam tadi ya. Silakan, sila.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Bismillahhirrahmanirrahim. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Usul Bajet yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Pahang pada Isnin yang lepas. Alhamdulillah bersyukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah inayah-Nya kita dapat sama-sama hadir ke Mesyuarat Ketiga Penggal Ke-2 Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 pada hari ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua pihak agar kita sama-sama menjaga kemakmuran, perpaduan dan keharmonian negeri yang telah kita bina bersama selama ini.

Ianya bersesuaian dengan Firman Allah SWT boleh ya Yang Berhormat Yang di-Pertua? Nak baca ayah al-Quran?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh, boleh.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Ayat 103 Surah Al-Imran:

> "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah dan janganlah kamu bercerai... bercerai-berai dan kenanglah nikmat yang Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan. Lalu Allah menyatukan di antara hati kamu maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu. Demikanlah Allah menjelaskannya kepada kamu ayat-ayat keterangannya supaya kamu mendapat petunjuk hidayah."

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menyampaikan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana telah membentangkan Belanjawan Negeri Pahang 2020 selari dengan *tagline* dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, 'Maju Terus Pahang', 'Pahang 1st' yang memfokuskan kepada tiga perkara utama. Yang Pertamanya

melonjak ekonomi ke arah negeri berdikari. Kedua memperkasakan perkhidmatan dan modal insan dan ketiga mensejahterakan kehidupan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kerana sehingga 15 November 2019 pencapaian prestasi perbelanjaan adalah memberangsangkan iaitu sebanyak 78% sahaja hanya bagi perbelanjaan mengurus dan 51% digunakan bagi perbelanjaan pembangunan. Penjimatan yang ketara ini menunjukkan ekonomi negeri Pahang berada di dalam keadaan landasan yang baik, tepat dan sihat.

Firman Allah SWT dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua boleh baca?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baca, baca. Boleh, boleh. Sila.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak, saya nak beritahu ni sementara kita ni memerintah minta izinlah boleh baca kalau kita ditakdirkan satu hari jadi pembangkang pula silap-silap tak boleh baca pulak kita ni. Ada terjadi dah. Ada satu negerilah malas nak cerita.

Firman Allah SWT, Ayat 67 Sural al-Furqan:

> "Dan juga mereka yang diredhai Allah itu ialah apabila membelanjakan hartanya tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara."

Seperti juga pesanan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang untuk sama-sama kita fahami iaitu falsafah jika berbelanja janganlah sampai boros, jika berjimat janganlah sampai kedekut.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan Negeri amat prihatin dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dengan memperuntukkan sebanyak RM4.8 juta untuk tahun 2020 bagi meneruskan program pembangunan teknologi maklumat. Menerusi program pembangunan teknologi maklumat ini, tambahan sewaan rangkaian sebanyak RM1.6 juta telah diperuntukkan bagi menghubungkan pejabat-pejabat kerajaan di daerah dan mukim dengan ibu pejabat masing-masing menggunakan sambungan rangkaian *internet* yang lebih baik bagi membolehkan semua penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan baik.

Selain daripada itu, sebanyak RM1.5 juta disediakan bagi pembaharuan lesen-lesen perisian ICT dan sebanyak RM1.7 juta akan disediakan bagi menaik taraf kapasiti simpanan data di pusat data utama negeri. Naik taraf dengan *server*, naik taraf *server* di pusat pemulihan bencana. Penggantian infrastruktur suis rangkaian di 14 Pejabat Agama Islam Daerah dan 18 buah Sekolah Menengah Agama Negeri serta penggantian kemudahan ICT di kaunter-kaunter kutipan hasil yang telah dikenal pasti.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada statistik terkini oleh pihak SKMM sehingga suku kedua tahun 2019. Sukacita saya maklumkan bahawa kadar penembusan jalur lebar di negeri Pahang ialah sebanyak 102.1% yang mana ianya menunjukkan sedikit peningkatan berbanding suku kedua 2018 iaitu sebanyak 90.5%. Bagi kadar liputan perkhidmatan selular di kawasan berpenduduk negeri Pahang, peratusan bagi liputan perkhidmatan 2G adalah sebanyak 98%. Liputan 3G sebanyak 91.8% bagi setiap 100 orang penduduk. Dan manakala bagi liputan 4G pada kadar 66.2%.

Bagi perkhidmatan jalur lebar negeri Pahang sehingga suku kedua tahun 2019, jumlah langganan adalah sebanyak 1.645 juta bagi talian selular perkhidmatan 3G dan 4G. Dan 68,300 bagi talian jalur lebar tetap menjadikan jumlah keseluruhan langganan bagi perkhidmatan jalur lebar di negeri Pahang bagi suku kedua 2019 adalah sebanyak 1.713 juta berbanding dengan suku kedua 2018 iaitu sebanyak 1.541 juta.

Pihak Kerajaan Negeri bersama SKMM sentiasa dari semasa ke semasa mengenal pasti keperluan pembangunan infrastruktur telekomunikasi di negeri Pahang. Dengan memfokuskan kepada penambahbaikan kualiti perkhidmatan dan perluasan kawasan liputan khususnya untuk kawasan penempatan luar bandar, kampung tradisional, penempatan masyarakat Orang Asli, jalan raya pedalaman dan kawasan pelancongan.

Berkaitan dengan perkara ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sedang melaksanakan pelan gantian optik dan kesalinghubungan negara atau *National Fiberisation and Connectivity Plan* (NFCP). Ianya merupakan satu pelan yang bertujuan untuk menyediakan kesalinghubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik bagi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara. Pelaksanaannya telah bermula pada suku keempat 2019 selama 4 tahun sehingga tahun 2023. Pelan NFCP ini kita rangka dengan mengenal pasti tujuh sasaran.

Yang pertamanya, pakej permulaan jalur lebar talian tetap dengan penawaran harga yang mampu milik dengan berkelajuan tinggi menjelang tahun 2020. Yang kedua, ketersediaan kelajuan *gigabyte* di kawasan perindustrian terpilih menjelang tahun 2020 dan kesemua ibu negeri menjelang tahun 2023. 100% premis di ibu negeri dan kawasan berimpak tinggi terpilih tersedia dengan capaian minima 500 *megabyte persecond* (Mbps) menjelang tahun 2021, 20% premis di kawasan pinggir bandar dan luar bandar tersedia dengan capaian sehingga 500 *megabyte persecond* (Mbps) menjelang tahun 2022. Yang kelima, rangkaian gantian optik meliputi 70% sekolah, hospital, perpustakaan, balai polis dan pejabat pos menjelang tahun 2022. Dan keenam, kelajuan purata 30 *megabyte persecond* di 98% kawasan berpenduduk menjelang tahun 2023.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Menyentuh soalan YB. Teruntum dan juga makluman Sidang Dewan sehingga hari ini sebanyak 341 struktur telekomunikasi telah dibina. Dan pecahan jumlah pembinaan struktur telekomunikasi ini mengikut daerah adalah seperti berikut. Yang pertama, daerah Kuantan sebanyak 87, daerah Pekan 31, daerah Rompin 22, Maran 27, Bera 28, Temerloh 24, Bentong 45, Raub 17, Cameron Highlands 3, Lipis 28, Jerantut 29. Jumlah ini tidak termasuk sembilan buah menara selular baharu di laluan sepanjang 80 kilometer dari FELDA Sungai Koyan, Lipis ke Lembah Bertam, Cameron Highlands

yang telah pun siap dan akan mula beroperasi penghujung November 2019. Pada masa ini perkhidmatan selular hanya disedia oleh syarikat Digi.

Manakala perkhidmatan daripda syarikat telekomunikasi lain akan menyusul secara berperingkat. Oleh yang demikian Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, diharapkan perkhidmatan selular ini dapat memberikan kemudahan telekomunikasi kepada seluruh pengguna di sepanjang laluan jalan raya dari FELDA Sungai Koyan ke Lembah Bertam, Cameron Highlands yang selama ini tidak dapat diakses dengan baik. Dan juga penduduk di kawasan berhampiran khususnya kepada masyarakat Orang Asli. Untuk makluman Sidang Dewan akan ada lebih banyak lagi menara-menara telekomunikasi akan dibina melalui NFCP ini… pelan ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Di samping kepesatan dalam pembangunan infrastruktur telekomunikasi ini kerajaan juga mendapati bahawa terdapat setengah pihak dalam masyarakat kita masih berasa takut dan sangsi terhadap tahap keselamatan berkaitan dengan pancaran radiasi yang di… di sekitar kawasan menara telekomunikasi yang sedang dibina dan telah siap dibina dan yang akan dibina.

Untuk makluman Sidang Dewan, menara telekomunikasi tidak menimbulkan sebarang ancaman kepada kesihatan dan keselamatan awam melalui pelepasan dan pancaran radiasi yang dikatakan berbahaya. Kadar pancaran radio… frekuensi radio medan *electromagnet,* RFEMS dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, dari menara telekumunikasi di negara ini adalah terkawal dan mengikut garis-garis panduan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Antarabangsa terhadap perlindungan radiasi bukan pengayunan, ICNIRP.

Teknologi komunikasi mudah alih yang menggunakan frekuensi radio dan teknologi ini berada dalam katagori sinaran tidak mengaion, *non ionize radiation* dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, NIR. Frekuensi radio ini tidak mempunyai tenaga yang mencukupi untuk mengganggu struktur molekul-molekul atau sel-sel tubuh dalam badan manusia. Pendedahan jangka panjang juga tidak akan mengakibatkan kerosakan kepada tisu badan manusia.

Sebanyak 24,000 ribu kajian mengenai kesan ini telah dibuat sepanjang 30 tahun oleh para saintis di seluruh dunia. Pertubuhan Kesihatan Dunia… Sedunia, WHO telah merumuskan bahawa kajian-kajian yang telah dilaksanakan terbukti bahawa pendedahan RFEMS oleh struktur pemancar telekomunikasi terhadap sistem biologi tidak menjejaskan kesihatan. Fakta ini turut disokong oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang menyatakan bahawa tiada bukti saintifik yang menyakinkan untuk mengaitkan dakwaan risiko radiasi terhadap kesihatan daripada struktur pemancar telekomunikasi.

Justeru itu, saya meminta semua pihak yang mempunyai kemusykilan berhubung dengan kadar pelepasan radiasi agar segera merujuk kepada maklumat yang sahih atau nasihat dari agensi-agensi yang bertauliah seperti SKMM dan Agensi Nuklear Malaysia atau pakar yang diiktiraf kerajaan bagi mengelakkan salah faham berkenaan dengan isu berkaitan RFEMS ini. Isu ini telah dibawa oleh rakan saya daripada Teruntum yang tak ada kat sini dan mengaitkan tentang isu keselamatan di menara-menara telekomunikasi. Dan jika ada isu-isu berkaitan berkenaan bolehlah merujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini kita juga sering mendengar ungkapan ekonomi digital dan mengikut definisi ekonomi digital merupakan aktiviti ekonomi yang terhasil daripada ribuan perhubungan atas talian. Ribuan perhubungan atas talian setiap hari di antara manusia, perniagaan, peralatan, data dan proses dan ekonomi digital kini telah membentuk dan mengubah gaya hidup rakyat dan perniagaan. Pelanggan mendapatkan maklumat, produk atau perkhidmatan. Dan perniagaan pula berinteraksi bagi memahami dan memenuhi keperluan pelanggan dalam tempoh masa yang singkat.

Pelan Ekonomi Digital Negeri Pahang adalah sebuah perancangan yang menumpukan kepada strategi dan inisiatif yang akan dilaksanakan untuk manfaatkan peluang digital serta meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat. Ianya terbahagi kepada tiga agenda utama. Yang pertamanya, industri digital. Yang keduanya infrastruktur digital dan yang ketiganya, penglibatan digital. Bagi menjayakan pelaksanaan Pelan Ekonomi Digital ini, satu bengkel atau dengan izin, *Digital Economy Lab* akan diadakan bagi membincangkan perincian strategi dan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan untuk tempoh lima tahun yang akan datang.

Berdasarkan laporan dari Statistita …*Statistita Digital Market Outlook* 2019, rakyat Malaysia telah membelanjakan sebanyak RM25 billion dalam sektor *e-commerce* bagi pembelian dalam talian berupa barangan elektronik, pelancongan, penjagaan diri, muzik digital, permainan video dan lain-lain. Baharu-baharu ini untuk makluman sidang Dewan, *Shopee* sebuah syarikat *e-commerce* telah mencatatkan rekod jualan sebanyak RM70 juta barangan terjual dalam tempoh satu hari, pada festival jualan 11.11 dia panggil. Manakala syarikat Grab menjangkakan kutipan hasil berjumlah USD2.0 billion pada tahun ini. Dan Lazada mengunjurkan pendapatan berjumlah USD4.5 billion daripada pendapatan melalui ekonomi digital.

Inilah ledakan digital ekonomi yang kini telah menjadi gaya hidup baharu untuk kita membeli-belah. Di kesempatan ini Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas cetusan idea yang bernas yang beliau telah cadangkan iaitu penubuhan sebuah syarikat milik kerajaan iaitu PahangGo Sdn. Bhd. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri.

Visi dan mandat penubuhan PahangGo Sdn. Bhd. adalah untuk memaju dan memanfaatkan ekonomi digital seluruh negeri Pahang bagi menerokai sumber pendapatan baharu untuk Kerajaan Negeri. Inisiatif pertama yang dilaksanakan oleh PahangGo adalah aplikasi pembayaran setempat.

Saya nak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerana PahangGo adalah merupakan aplikasi yang pertama di dalam Malaysia yang telah berjaya menyatukan seluruh perkhidmatan untuk kesemua Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri dalam satu sahaja aplikasi.

Sehinga kini PahangGo telah mempunyai kira-kira 6,300 orang pengguna berdaftar. Aplikasi PahangGo telah dilancarkan dengan secara izin *soft launch* pada 23 Oktober, 2019 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Majlis Daerah Bentong. Jadi saya nak tunjuk sikitlah Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, logo PahangGo ni (menunjuk gambar). Maknanya inilah logo PahangGo kita.

Pada semua Ahli Dewan, maknanya inilah logo PahangGo yang kita perlu muat turun. Boleh? Oh… belakang. Ni logo ni macam gajah… gajah bulatlah ni. Jadi saya nak tunjuk semua… semua oranglah. Jadi PahangGo ini kita boleh muat turun melalui aplikasi *App Store* kalau siapa yang menggunakan *handphone* jenis Apple dan juga *Play Store* dalam aplikasi *handphone* yang menggunakan android. Jadi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, dah muat turun ke belum?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baharu nak mula.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Baharu nak mula, okay tak apa Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya nak tanya sikitlah, saya nak tanya soalan secara cepumas ni dalam Dewan kita yang mulia ini. Boleh Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua? Izinkan saya ni Muafakat Nasional… pembangkang. Jadi saya nak tanya rakan saya daripada Tahan, rakan saya daripada Tahan dah muat turun aplikasi PahangGo kita?

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Alhamdulillah pagi tadi muat turun (Ahli Dewan ketawa).

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Pagi tadi (ketawa). Itupun dah lepas kena amaran. Saya nak tanya rakan saya, rakan saya daripada Beserah yang mempunyai pandangan yang bernas tentang digital ekonomi ni baharu ni, dia cakap trilion, billion. Saya nak tanya dah hari ini dah muat turun PahangGo ke belum?

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Alhamdulillah sudah. Saya dah *check* saya kena enam saman *parking* ni dengan MPK ni. Masya-Allah. (Ahli Dewan ketawa)

YB. DATO' MOHD. FADIL BIN OSMAN

Menyesal dia.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tapi saman tu boleh bincang dengan rakan sayalah untuk mendapat diskaun. Saya nak tanya ni daripada pembangkang pulalah. Eh lari dah dua orang. Saya nak tanya daripada Sabai. ADN Sabai dah muat turun PahangGo*?*

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Maaf belum lagi.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak apa.

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Akan buat segera.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Ok, terima kasih Sabai. Saya nak tanya daripada Bilut. YB. Bilut dah muat turun?

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Baharu saja dah muat turun ni dan (Ahli Dewan ketawa) dapat er… empat star, agak baguslah ni... *rates*.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Akhir sekali saya nak tanya dua yang terakhir Yang Berhormat. Sebab ni penting ni Dewan ni. Saya nak tanya daripada rakan saya yang baik saya ni daripada Teruntum. Dah muat turun ni Gajah ni?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Belum lagi, tapi *PA* saya sedang buat (Ahli Dewan ketawa).

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Kita nak tanya wakil daripada kerajaan, daripada kita… daripada ADN… daripada Bukit Ibam, nanti kita ingat kita nak tanya Ketari je. Jadi kita tanya Bukit Ibam pulak hari ini. Dah muat turun ke belum?

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Inilah Tuan di-Pertua dah ada dah, tapi saman dia banyak sangat pulak, takut nak jumpa nak minta diskaun, terima kasih. (ketawa)

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya tadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, masa saya duduk-duduk tadi saya *check* semua orang punya kenderaan. Jadi saya dapati bahawa YB. Muadzam Shah ada tiga saman. YB. daripada Bukit Ibam ada 18 saman.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

YB. daripada Luit tahniah saya ucapkan, *congratulation* tak ada saman. (Ahli Dewan ketawa)

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Mohon mencelah. Saya pun nak tanya juga kepada Wakil Kerajaan ni. Saya suka pada lambang gajah tu, ada nama tak gajah tu? (ketawa)

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tapi satu soalan yang sangat baik. Mungkin satu masa kita akan buat peraduanlah nak namakan gajah ni… PahangGo ke benda ya, jadi sekurang-kurangnya besok orang akan berinteraksi dengan PahangGo kita. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya nak bagi tahu…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, peraduan mengangkat kaki gajah.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Itu peraduan tu boleh juga, ekor gajah boleh turun, macam mana nak naik ekor gajah, turun ekor gajah. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya baharu-baharu ini saya pergi ke Muadzam Shah dan saya berjumpa orang daripada Keratong dan bila saya tanyakan dia, dah muat turun PahangGo? Dia kata dah guna pun YB. dia kata. Dan dia kata tahniahlah pada Kerajaan Negeri kerana saya tak perlu lagi dah nak pergi ke Muadzam, dia kata. Saya duduk rumah sambil baring, saya boleh bayar bil PAIP saya, saya boleh bayar tanpa saya perlu turun ke bandar Muadzam kerana kalau saya turun ke bandar Muadzam, saya kena bayar duit minyak, saya kena belanja orang makan dan berbagai-bagai lagi, masa saya pun terbuang.

Bila sa… kita pergi Tioman, *group* kita pergi Tioman, orang Tioman pun berterima kasih kerana tak perlu lagi dah nak naik bot, pergi ke Tanah Besar untuk menjelaskan bayaran. Makna duduk kat Tioman Unifi semua dah ada dan dia boleh gunakan daripada Tioman untuk membuat pembayaran dan begitu jugalah di tempat-tempat lain, Luit dan sebagainya. Tak perlulah turun ke Kuantan dah. Jadi kalau turun Kuantan nanti, saman MPK lagi, kompaun MPK lagi nak kena bayar.

Jadi saya menyeru semua pihaklah daripada sidang Dewan Yang Mulia ini dan seluruh penjawat-penjawat awam agar segera kita memuatturunkan PahangGo dan sama-samalah kita menggunakan aplikasi yang telah kerajaan kita tubuh pada hari ini. Kalau Lazada tu boleh pergi dengan 4 billion, satu hari nanti insya-Allah juga PahangGo kita sama-sama menongkah untuk maju terus ke depan.

Jadi tuan-tuan dan puan-puan, jadi Sidang Dewan yang saya hormati, saya… saya nak… bukan nak rasmi ni (ketawa). Jadi saya nak mengambil kesempatan ini, saya nak ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua seluruh penjawat awam, kakitangan PahangGo di negeri Pahang yang telah berusaha bertungkus- lumus dan terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan inisiatif ini dan mengambil masa yang begitu lama setahun lebih untuk kita bangunkan aplikasi PahangGo ni dan sokongan semua pihak khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam kita menjayakan inisiatif mewujudkan PahangGo.

Antara manfaat-manfaat dan kemudahan yang disediakan untuk pengguna bagi perkhidmatan kerajaan PahangGo ini adalah yang pertama, *parking* digital di Cameron Highlands dan seterusnya akan diadakan di Kuantan, Bentong, Raub dan Lipis. Dan yang kedua, semak dan bayar cukai tanah PTG. Tiga, semak dan bayar cukai pintu. Keempat, semak dan bayar kompaun kenderaan dan pelbagai. Semak dan bayar bil air PAIP. Pembayaran pinjaman pendidikan Yayasan Pahang. Pembayaran yuran pengajian institusi pengajian tinggi seperti UCYP, KUIPSAS dan Pahang Skill.

Saya nak tunjuk satu contoh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau kita *download* PahangGo hah… macam inilah keluar dia dalam ni PahangGo. Jadi saya nak tanya sikit Yang Behormat Tuan Yang di-Pertua kepada rakan saya daripada Beserah, tadi mungkin saya tak perasan maknanya kalau kita nak tengok dalam ni kita nak semak kita kena kompaun ke tidak MPK, saya ambil Beserah kerana dia duduk kawasan Kuantan, dia selalu berurusan di Kuantan jadi senang nak semak.

Jadi kalau kita pergi kat PahangGo, kita pergi kat servis yang diberikan perkhidmatan yang disediakan kita tekan *beep*, kita tekan Kuantan, MPK kita semak *vechicle compound* kita tanya berapa nombor YB.? Berapa nombor kompaun kereta? Nombor kereta?

YB. ANDASURA BIN RABU

4306.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD.ARIFF

Ok, saya pun masuk. Jadi bukanlah saya nak kena YB. tapi kalau ada masalah boleh datang jumpa dengan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan ataupun Exco berkaitan untuk kita sama-sama menyelesaikan masalah kompaun ini. Hari ini pun dia ada buat promosi menjelaskan dengan kadar harga yang sangat rendah, takde masalah tu. Kerajaan… kita kerajaan yang berhemah, kerajaan yang mengambil kira tentang untung nasib rakyat.

Tuan Yang di-Pertua…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Beri laluan… beri laluan. Terima kasih ya. Kalau boleh ya *parking* untuk YB.-YB. kalau boleh dikecualikan semua. Terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD.ARIFF

Yang Hormat Tuan Yang di-Pertua…

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Yang di-Pertua, mohon er… kalau gitu YB. er… Ibam lagi menyokonglah sebab paling banyak saman (ketawa).

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD.ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kita mengambilkiralah mende kegelisahan rakyat ini termasuklah ADN-ADN Kawasan ini tetapi yang saman yang dah dikompaun tetap dikompaun mana yang akan datang tu, mungkin saya akan rujuk kepada pihak berkaitan untuk macam mana untuk kita memberikan sedikit cadangan ataupun pertimbangan terhadap rayuan-rayuan daripada Yang Berhormat ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan kerajaan lain yang akan ditambah dalam fasa seterusnya adalah pembayaran zakat. Yang kedua, *myGov* saluran untuk sebarang cadangan dan penambahbaikan pada agensi kerajaan dan ketiga permohonan perumahan awam dan perumahan mampu milik. PahangGo juga menjalinkan kolaborasi dengan sektor swasta bagi menawarkan perkhidmatan swasta seperti pembayaran bil telefon, pembayaran tambah nilai er… tambah nilai kredit telefon, pembayaran bil langganan seperti ASTRO, pembayaran tiket bas, pembayaran cukai dan insurans kerajaan.

Sukacita juga saya ingatkan kepada Ahli Sidang Dewan untuk makluman bahawa PahangGo pada hari itu adalah peringkat kita pengenalan 2 bulan ini *soft launch* dan kita nak mengenal pasti masalah-masalah jika ada untuk kita perbaiki dan kita perhalusi dan jika ada apa-apa maklumat-maklumat yang perlu dipanjangkan kepada saya… saya sangatlah mengalu-alukan sebarang cadangan dan yang… isu-isu yang berkaitan.

PahangGo juga dalam fasa seterusnya perkhidmatan PahangGo akan ditambahkan lagi perkhidmatan seperti perkhidmatan penggantian bateri dan penjagaan kenderaan, perkhidmatan *courier* dan penghantaran barangan, pembelian tiket rekreasi, pakej umrah, pakej pelancongan dalam dan luar negara. Selama ini kita sering mendengar atau menggunakan perkhidmatan *mobile* seperti Grab, Foodpanda, Shoppee dan lain-lain.

Kini telah tibalah negeri Pahang boleh berbangga dengan adanya aplikasi *mobile* PahangGo yang turut sama menyertai ledakan dan transformasi ekonomi digital seiring dengan gaya hidup digital yang semakin mendapat sambutan di kalangan masyarakat. Menyentuh soalan YB. Beserah, cadangan dalam Fasa 2 pembangunan aplikasi PahangGo ini yang dijangkakan pada Januari 2020, PahangGo akan mewujudkan pasaran e-dagang, *e-commerce marketplace* iaitu platform yang dikhususkan untuk pemasaran produk negeri Pahang termasuklah produk IKS. Sasaran sebanyak 1,000 usahawan akan di… memasarkan produk mereka menggunakan *marketplace* yang akan kita bangunkan ini.

Pada tahun hadapan, selain daripada pembangunan aplikasi *mobile* PahangGo, PahangGo Sdn. Bhd. telah merangka beberapa inisiatif lain untuk dilaksanakan bagi memanfaatkan peluang digital antaranya adalah satu, perkhidmatan kelas tambahan, tuisyen percuma kepada pelajar sekolah menengah terutamanya yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajar Malaysia. Keduanya, sistem *e-Bidding* atau lelongan atas talian bagi melelong aset-aset dengan lebih telus, mudah dan cepat. Ketiga, sistem *Smart Docket* bagi pengurusan bahan galian seperti pasir, batuan, mineral agarnya ia lebih sistematik, telus dan berpusat. Yang keempat sistem e-PBT bagi pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan yang lebih teratur, berpusat, diintegrasi penuh dengan sistem aplikasi PahangGo.

Inisiatif digital ini adalah usaha cara berterusan untuk fasa pembangunan akan datang pelbagai lagi perkhidmatan dan inisiatif akan dibangunkan dan disediakan untuk kemudahan rakyat bagi menggalakkan ekonomi digital negeri Pahang. Semoga inisiatif ini akan terus mendapatkan sokongan… mendapat sokongan daripada semua pihak agar Kerajaan Negeri Pahang berupaya menerokai sumber pendapatan baharu pada masa akan datang dan kerjasama seluruh semua pihak sangatlah dialu-alukan supaya PahangGo satu hari nanti akan berupaya menjadi salah satu punca pendapatan utama bagi negeri Pahang.

Jadi kalau kita Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau kita telah berjaya memajukan PahangGo dan menjadi punca pendapatan utama pada negeri, salah satu punca pendapatan utama saya… ditakdirkanlah kita jadi pembangkang janganlah PahangGo ni pula kita jual pula esok ya. Saya mengingatkan kita semualah.

Unit Komunikasi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP), Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP) diwujudkan untuk membawa tanggungjawab bagi melaksanakan pelan tindakan dan komunikasi media yang strategik… strategik, tepat dan berkesan. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh UKOMP adalah seperti Portal Pahang Media iaitu www.pahangmedia.my, media sosial seperti *facebook* iaitu Facebook Pahang Media, Facebook Kerajaan Negeri Pahang, *instagram, twitter* dan Pahang Media TV.

Menerusi saluran *facebook*, *page* Kerajaan Negeri Pahang sehingga kini terdapat hampir 1.6 juta penonton telah melihat *posting* yang dibuat menerusi saluran *facebook page* ini. *YouTube* Pahang *Media TV* merupakan antara inisiatif yang akan disediakan untuk rakyat Pahang melihat rencana atau berita secara *live* yang mula disiarkan pada 25 September 2019 dan telah mencecah sebanyak 3,500 penonton yang mengikuti berita ataupun program terkini Kerajaan Negeri Pahang. Sejajar dengan pertumbuhan semasa, kaedah penyampaian menggunakan era teknologi masa kini adalah menjadi *trend* penyampaian maklumat bagi menarik perhatian semua golongan masyarakat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Akhir kalam saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam perbahasan pada kali ini terutamanya ADN-ADN yang telah mengemukakan soalan dewan yang berkaitan portfolio saya iaitu ADN Teruntum, ADN Tras, ADN Tanah Rata dan ADN-ADN yang turut sama memberikan soalan tambahan, pandangan dan idea terhadap pembangunan teknologi komunikasi dan multimedia negeri Pahang.

Dengan segala perancangan-perancangan yang telah dan akan dilaksanakan nanti sudah tentu akan lebih memaju dan mensejahterakan negeri Pahang dan rakyat seluruhnya insya-Allah. Dengan ini saya mohon menyokong. (Ahli Dewan menepuk meja)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya masa amat mencemburui kita. Walau bagaimanapun, saya nak minta seorang lagi pihak kerajaan untuk berucap. Saya jemput Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang, silakan.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat tengah hari. Terima kasih kepada Yang di-Pertua memberi laluan kepada saya untuk turut sama bagi membahaskan ini Bajet Negeri Pahang pada Tahun 2020. Alhamdulillah terlebih dahulu marilah kita bersama memanjatkan rasa kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama dalam Sidang Dewan Negeri Pahang pada kali ini.

Kerajaan Negeri Pahang dengan kerjasama erat pihak kementerian, agensi, jabatan dan juga syarikat berkaitan kerajaan… Kerajaan Negeri iaitu State GLC sedang giat

merencana dan melaksanakan perancangan pembangunan kawasan luar bandar. Ianya mencakupi pelbagai aspek kehidupan seperti infrastruktur, sosial, ekonomi, budaya termasuk persekitaran. Kita akan pastikan ini adalah pembangunan yang mampan iaitu satu pembangunan berimbang yang saling melengkapi antara aspek sosial, ekonomi dan alam semula jadi. Nikmat pembangunan ini nanti sedang dan akan dinikmati serta dikongsi bersama oleh semua rakyat luar bandar di seluruh negeri Pahang. Ianya tanpa mengira latar belakang, bangsa, agama, status sosial dan juga peringkat umur.

Sehubungan dengan itu, untuk tahun 2020, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bakal menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM190 juta bagi melaksanakan projek dan program pembangunan kawasan luar bandar di 11 daerah seluruh Negeri Pahang. Peruntukan untuk tahun 2020 ini adalah peningkatan sebanyak RM19.4 juta ataupun 11.4% berbanding yang telah diluluskan pada tahun 2019 iaitu RM170.6 juta.

Pelaksanaan pembangunan ini bakal merangkumi pelbagai jenis projek seperti Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Lampu Jalan Kampung (LJK), membina serta menaik taraf Jaringan Jalan Luar Bandar (JALB), Jalan Perhubungan Desa (JPD), pembinaan jambatan, pembinaan cerun, pembinaan ruang niaga, Program Ameniti Sosial (PAMS), bantuan baik pulih rumah, Projek Pemajuan Kawasan Pembinaan Pusat Pendidikan dan juga kerja-kerja pemeliharaan bangunan. Sumber-sumber ini adalah dari Kementerian ataupun Jabatan Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Negeri Pahang.

Kerajaan Negeri juga amat memahami kepentingan dan suara hati rakyat di kawasan luar bandar. Justeru itu, seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada sesi Ucapan Belanjawan hari Isnin lepas, bahawa sejumlah RM23 juta telah diperuntuk bagi pelbagai projek pembangunan antaranya adalah projek-projek kecil, projek khas kampung serta projek yang berupaya meneruskan momentum pembangunan luar bandar dalam memastikan pencapaian pentadbiran daerah yang berkesan. Kerajaan Negeri berharap agar peruntukan yang telah diumumkan ini akan dapat merancakkan pembangunan kawasan luar bandar dan mendatangkan faedah kepada semua rakyat luar bandar di seluruh negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua,

(DARA), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dan (LKWJ), Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka telah dibubarkan secara rasmi bermula pada 1 November tahun 2000. Kawasan tinggalan DARA dan LKWJ adalah masing-masing melibatkan 4 buah daerah iaitu Rompin, Pekan, Maran dan Bera bagi DARA… bagi DARA. Manakala daerah Maran, Temerloh, Bera dan Jerantut adalah bagi kawasan tinggalan LKWJ. Sebelum pembubaran DARA dan LKWJ, yang berfungsi sebagai agensi pembangunan wilayah di negeri Pahang menerima peruntukan tetap setiap tahun bagi meracangkan pembangunan sosial infrastruktur serta lain-lain kawasan-kawasan di bawah pentadbiran DARA dan LKWJ.

Selepas pembubaran, berlaku peruntukan tahunan yang berjumlah kira-kira RM50 juta telah disalurkan melalui East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) iaitu agensi bertanggungjawab bagi pembangunan wilayah di 3 negeri pantai timur Pahang, Terengganu dan Kelantan. Namun jumlah peruntukan itu semakin tahun semakin berkurangan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri berharap agar penubuhan semula kedua-dua agensi dapat direalisasikan bagi memastikan peruntukan tahun ini dapat disalurkan untuk memastikan perancangan dan pembangunan di kawasan terlibat tidak terjejas. Ianya memastikan kesejahteraan hidup penduduk terutama di kawasan luar bandar. Saya difahamkan pihak KPLB sedang dalam fasa membincang terma rujukan perunding bagi melaksanakan kajian menyeluruh terhadap cadangan menubuhkan semula DARA dan LKWJ. Ianya telah memanggil mesyuarat penyelarasan di peringkat kementerian yang akan diadakan pada 28 November 2019 di KPLB Putrajaya, bermaknanya minggu depan, minggu depanlah lebih kurang. Insya-Allah program IADP turut juga kita perjuangkan untuk dihidupkan semula.

Pada 7 dan 8 Oktober 2019, Pejabat Menteri Besar dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri telah mengadakan Seminar Pemantapan Organisasi kepada Semua MPKK Negeri Pahang bertempat di Bukit Gambang Resort City. Jemputan adalah seramai 542 orang Pengerusi MPKK dan 94 orang Penghulu. Objektif seminar ini adalah bertujuan untuk memperkasakan organisasi MPKK bagi mempastikan pentadbiran di peringkat kampung berjalan lancar seterusnya menjamin kesejahteraan rakyat. Maklum balas yang diterima daripada semua peserta adalah positif dan insya-Allah pada masa akan datang, Kerajaan Negeri akan menganjurkan lagi seminar ataupun kursus seumpama ini.

Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan cadangan Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan (MPKKP) di negeri Pahang. Kita sedia maklum bahawa MPKK sedia ada telah terbukti berjaya menguruskan pentadbiran peringkat kampung dengan baik bagi menjaga kebajikan rakyat keseluruhan. Kita khuatir dengan pengwujudan MPKKP ini akan mewujudkan sikap berpuak-puak dan membawa masalah serta perpecahan di kalangan penduduk seterusnya meruntuhkan institusi masyarakat.

Justeru itu, saya sekali lagi ingin menekankan di sini apa yang telah diingatkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa Kerajaan Negeri Pahang tidak akan teragak-agak untuk mewujudkan semula Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung. Ha…, dulu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. *Rebranding* baharu oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung.

Bermula tahun hadapan iaitu 2020, seandainya Kerajaan Persekutuan masih berkeras untuk meneruskan cadangan menubuhkan MPKPP… MPKKP ini, saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang bersetuju memperuntukkan sebanyak RM7 juta untuk pembayaran ataupun bajet JKKK bagi tahun hadapan.

Kerajaan Negeri sedia maklum bahawa terdapat kawasan-kawasan luar bandar yang terletak jauh dari lokasi Pejabat Daerah dan Tanah. Perkara ini mendatangkan keresahan dan kerumitan kepada penduduk untuk menjelaskan cukai tanah masing-masing. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah telah mula menjalankan pungutan cukai tanah di Pejabat-pejabat penghulu dan terpilih, yang terpilih melalui kutipan… kaedah kutipan luar.

Bermula tahun hadapan kaedah kutipan luar ini akan diperluaskan ke kawasan-kawasan yang difikirkan sesuai dan memerlukan khidmat ini seperti Merapoh, Pulau Tioman dan juga Kuala Tahan. Ini mengikut permintaan tetapi setelah diterangkan oleh pengerusi media tadi ianya mungkin boleh agak mudahlah cuma bagi kawasan-kawasan yang tiada akses ni dia… dia payah juga Yang Berhormat Pengerusi kan…

dia benda tu berpusing… berpusing… berpusing kalau tak dapat. Makna tak ada akses tetapi yang ada akses tu insya-Allahlah kita akan guna PahangGo.

YB. DATO' MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat, untuk makluman Sidang Dewan dalam Pelan Gantian Optik (NFCP) pada masa akan datang er... pihak SKMM akan mengenal pasti kawasan-kawasan yang mempunyai akses ya yang kurang ye untuk kita tambah baik, insya-Allah kerana kiranya ada kawasan-kawasan yang terbabit bolehlah menghantarkan maklumat-maklumat tersebut kepada pihak SKMM.

YB. DATO' ABD AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih. Kerajaan Negeri mengambil berat juga akan isu yang telah dibangkitkan berkaitan konflik antara penduduk dengan gajah, gajah liar ni. Pihak PERHILITAN telah mengenal pasti kawasan-kawasan laluan gajah liar dan bagi mengurangkan gangguan serta konflik ini Kerajaan Negeri akan membina papan tanda di kawasan-kawasan konflik tersebut sebagai peringatan. Ni papan tanda ni kepada manusialah bukan kepada gajah. Selain itu, untuk merancang masa hadapan semua pembangunan di kawasan yang berpotensi untuk berlakunya konflik ini akan dikurangkan.

Walau bagaimanapun sebenarnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita ni dia… dia banyak cerita hal gajah. Salah satunya ialah er... pertandingan mengangkat kaki gajah. Hah itu mungkin gajah pun suka mendengar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, kalau boleh cerita lain kalilah.

YB. DATO' ABD AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Lain kali? (Ahli Dewan ketawa)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Lain kali. Kita teruskan.

YB. DATO' ABD AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Kerajaan Negeri turut memberi perhatian serius terhadap pembangunan Orang Asli negeri Pahang melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang merupakan agen pembangunan yang khusus bagi pembangunan Orang Asli di negeri Pahang. JAKOA secara langsung akan melaksanakan dasar-dasar kerajaan berkaitan masyarakat Orang Asli secara menyeluruh.

Ini termasuk kerjasama berterusan JAKOA… berterusan JAKOA Negeri Pahang bersama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi mengesan, mengenal pasti dan menyelesaikan isu pendaftaran Orang Asli yang tidak mempunyai pengenalan diri. Termasuk di 11 buah kampung dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Tahan bagi tahun 2020. Pihak JAKOA merancang untuk turun padang pada setiap bulan bersama dengan pihak JPN bagi menyelesaikan isu ini. Insya-Allah.

Bagi mengatasi masalah bekalan air bersih di kawasan-kawasan Orang Asli terutamanya di kawasan pendalaman untuk tahun 2019, pihak JAKOA Pahang telah memperuntukkan sebanyak RM1.04 juta bagi Projek Bekalan Air Bersih di perkampungan Orang Asli seluruh negeri Pahang.

Seterusnya isu pewartaan tanah Orang Asli juga mendapat perhatian yang serius daripada kerajaan. Dan dimaklumkan sehingga kini sebanyak 141 buah perkampungan Orang Asli daripada 10 buah daerah di negeri Pahang kecuali daerah Maran telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk diwartakan di bawah Seksyen 6 (1) Akta Orang Asli 1954.

Aspek sosioekonomi juga amat dititik berat oleh pihak JAKOA. Oleh itu, Unit Pembangunan Sosioekonomi JAKOA Negeri Pahang bertanggungjawab dalam mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli negeri Pahang melalui Program Pengupayaan Ekonomi dan Keusahawanan. Peruntukan terbesar bagi Unit Pembangunan Sosioekonomi adalah Program Pembangunan Ekonomi (PPE) iaitu sebanyak RM2.06 juta.

Item-item yang telah dilaksanakan di bawah peruntukan pembangunan ekonomi meliputi projek masyarakat dan pemberian bantuan input ni pertanian. Dan di peringkat negeri pada bajet yang lepas Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita telah pun bersetuju supaya rezab-rezab Orang Asli ni dapat kita sesuaikan dengan tanaman durian. Ini mungkin di sebelah barat Pahang. Di sebelah Rompin, Pekan dan sebagainya mungkinlah tak sesuai.

Di samping itu, sebanyak RM226,500 telah diperuntuk kepada Program Pembangunan Usahawan Orang Asli. Melalui program ini peruntukan disalurkan kepada golongan usahawan berdaya maju di kalangan Orang Asli dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan ekonomi mereka. Antara bantuan yang telah disalurkan termasuk bantuan premis niaga dan peralatan keperluan perniagaan. Kerajaan Negeri dan JAKOA akan terus membantu pelajar orang Asli dengan program pembangunan pendidikan yang telah dirangka oleh Kementerian dan JAKOA. Bantuan seperti pengangkutan pelajar sekolah rendah dan menengah, wang saku pelajar, bantuan tuntutan yuran pelbagai dan bantuan catuan makanan akan diteruskan.

Walaupun pada peringkat awal sehingga Jun duit ini kurang tetapi di *adjustable* balik semula dapat dibayarlah. Peruntukan ini telah dibangkitkan oleh Pulau Manis. Tapi Pulau Manis tak ada dah. Peruntukan sebanyak RM8 juta bagi tahun 2019 untuk pembangunan modal insan dan kebajikan disalurkan demi memastikan kelancaran pengurusan dan bantuan kepada masyarakat Orang Asli untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sekian sahajalah ucapan penggulungan saya dan saya mengucapkan berbanyak terima kasihlah kepada semua Ahli Dewan yang telah pun menyentuh mengenai hal luar bandar dan juga Orang Asli. Dan sebahagiannya telah saya maklum dan insya-Allah dan sebahagiannya akan diberilah secara bertulis ataupun lisan. Dan akhirnya saya menyokong Bajet 2020 yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya bercadang untuk menempohkan persidangan kita dan persidangan kita akan disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Persidangan ditempohkan pada jam 1.32 tengah hari]

[Persidangan disambung semula]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Sambungan menimbang Rang Undang-undang Perbekalan (2020) 2019

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan kita disambung semula. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih lagi di atas perkara menimbang Rang Undang-undang perbekalan (2020) 2019 dan pada petang ini pihak kerajaan akan menyambung menjawab pandangan-pandangan, hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan yang lepas.

Suka saya memaklumkan seramai enam orang lagi Wakil Kerajaan akan menjawab pada waktu petang ini. Saya bercadang untuk menamatkan er… jawapan daripada Wakil-wakil Kerajaan pada sebelah petang juga sehingga kepada Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan Negeri Pahang. Saya berharap [berdehem] Wakil-wakil Kerajaan dapat menggunakan masa dengan sepenuh-penuhnya dan saya juga berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sebaik-baiknya janganlah mencelah supaya kita memberi peluang dan ruang yang secukupnya kepada Wakil-wakil Kerajaan menjawab dengan sebaik-baiknya.

Baiklah untuk meneruskan acara ini saya mempersilakan Pengerusi Jawatankuasa... Pengerusi Jawatankuasa… Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan Dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang untuk menyampaikan penggulungannya. Terima kasih. Silakan YB.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Bismillahhirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, terima kasih er… Dato Sri' Yang di-Pertua kerana pada kali ini memberi ruang kepada saya untuk sama-sama membahaskan pembentangan Bajet 2020 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam Dewan Yang Mulia ini. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana memberi kesempatan kepada kita untuk berada dalam Dewan Yang Mulia ini. Saya menyokong penuh pembentangan Belanjawan 2020 Kerajaan Negeri Pahang yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada 18 haribulan November 2019.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan dan para pegawai serta kakitangan kerajaan di atas komitmen mengikuti perbahasan Belanjawan 2020 Pahang Darul Makmur pada kali ini dalam Dewan Yang Mulia. Saya juga berharap dengan iltizam, sikap positif dan komitmen akan menjadi pendorong kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dalam meneruskan usaha-usaha melaksanakan pembangunan secara mampan bagi negeri Pahang supaya terus maju ke hadapan dengan *tagline* 'Maju Terus Pahang' dan Pahang *1st'*.

Saya juga ingin mengingatkan diri sendiri bahawa sokongan padu rakyat Pahang kepada Barisan Nasional merupakan satu amanah dan tanggungjawab besar yang memerlukan keazaman dan pengorbanan di samping kejujuran, ketelusan, komitmen,

keadilan, displin serta dedikasi yang tinggi dalam memenuhi tuntutan ke arah membina masa depan rakyat negeri Pahang yang lebih berdaya saing dan maju.

Yang dihormati Tuan Yang di-Pertua,

Di sebalik cabaran sosial politik dan ekonomi yang semakin melebar dan mencabar Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur telah membentangkan belanjawan yang berbeza teras sekaligus memulihkan keyakinan rakyat dan pelabur dalam dan luar negeri. Belanjawan 2020 Pahang Darul Makmur yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada masa yang lalu yang bertemakan 'Tiada Janji, Lihat Bukti'.

Menjurus kepada penjanaan pertumbuhan inklusif secara berkualiti ke arah ekonomi berpendapatan tinggi serta memberi fokus kepada strategik penyediaan peluang pekerjaan bagi menjana pendapatan selain menangani peningkatan kos sara hidup khususnya juga bagi golongan B40.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Strategi pertama yang memfokus dan melonjakkan ekonomi ke arah negeri berdikari turut memberi tumpuan kepada usaha menambahkan kos kepada rakyat dan mengurangkan kos sara hidup serta merapatkan jurang pendapatan di negeri Pahang secara inklusif.

Tuan Yang di-Pertua,

Hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi digital di peringkat negeri Pahang dari aspek sosioekonomi Belanjawan 2020 tepat pada masa dan ketikanya dan rakyat negeri Pahang harus memuji, hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang memperkenalkan digital ini er… bagi peringkat negeri Pahang.

Kewujudan aplikasi PahangGo sebagaimana rakan saya yang telah menerangkan er… secara panjang lebar amat menarik ramai di kalangan kita untuk memakainya termasuk diri saya sendiri, yang mana menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan yang meliputi perkhidmatan kerajaan dan pihak swasta yang mampu meningkatkan hasil negeri melalui kemudahan pembayaran berkaitan perkhidmatan seperti semak dan bayar untuk cukai taksiran, cukai tanah dan pembayaran kompaun, pembayaran bil utiliti dan telefon, pembelian tiket bas, pembayaran yuran pengajian, pembaharuan cukai jalan serta insuran kenderaan.

Aplikasi ini telah memudahkan rakyat di seluruh negeri membuat segala bayaran yang disenarai secara sebentar tadi tanpa pelbagai… yang disenaraikan sebentar tadi. Usaha kerajaan ini memodenkan dan mendigitalkan sistem pengurusan kerajaan melalui sistem yang lebih terkini dan memudahkan rakyat dan tidak mustahil pada masa akan datang juga pembelian tiket-tiket untuk perlawanan di stadium dan sebagainya turut dikemas kini pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Negeri Pahang merupakan destinasi yang teratas sebagaimana yang di… tercatat dalam Belanjawan Bajet 2020 dikunjungi pelancong iaitu seramai 9.2 juta pelancong. Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM6 juta bagi memperkukuhkan lagi industri ini melalui pembangunan infrastruktur dalam menarik pelaburan swasta

dari dalam dan luar negeri di kawasan-kawasan berpotensi tinggi terutama dalam ekonomi pelancongan, dalam ekopelancongan, maaf Dato' Yang di-Pertua.

Melalui pembangunan terancang akan industri ini mampu menjana peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Pahang terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar seperti Merapoh, Lipis, Endau-Rompin, Ulu Tembeling dan lain-lain kawasan yang diteraju oleh sahabat saya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam pembentangan bajet yang lalu juga, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Pahang turut memperkatakan tentang peruntukan terhadap pembangunan sukan untuk persiapan Sukan Malaysia Ke-20, Johor 2020 peruntukan sebanyak RM2 juta yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pahang baharu-baharu ini amatlah dihargai. Peruntukan ini dapat membantu Majlis Sukan Pahang menyediakan keperluan-keperluan peralatan kepada semua pasukan yang terlibat dalam program persediaan menghadapi SUKMA 2020 di samping menyediakan keperluan-keperluan seperti pemakanan tambahan, insuran, pakaian kontinjen dan sebagainya.

Program Pembangunan Sukan Prestasi Tinggi ini merupakan program jangka panjang yang merangkumi pembangunan sukan dan pembangunan atlet secara khusus yang merupakan keutamaan Majlis Sukan Pahang. Program dan aktiviti ini pada kebiasaannya akan mengambil tempoh jangka masa panjang sehingga empat atau enam tahun untuk melahirkan seorang atlet yang berwibawa.

Untuk tujuan ini, Majlis Sukan Pahang perlu menyediakan peruntukan kewangan yang besar bagi menjalankan program dan aktiviti pembangunan sukan ini dan seterusnya menyediakan atlet-atlet untuk menyertai pelbagai kejohanan dan pertandingan yang merupakan program pendedahan sebagai persiapan atlet untuk menghadapi sukan yang terbesar iaitu Sukan Malaysia (SUKMA).

Pada tahun 2018, sebagai contoh sebanyak RM2.7 juta telah dibelanjakan bagi tujuan persediaan dan penyertaan kontinjen negeri Pahang ke Sukan Malaysia Ke-19, Perak yang lalu. Perbelanjaan yang besar ini adalah disebabkan kos perbelanjaan bagi tujuan pembelian peralatan-peralatan sukan spesifik yang menyumbangkan pingat kepada negeri Pahang. Walau bagaimanapun sukan-sukan lain juga perlu disediakan keperluan peralatan bagi tujuan latihan dan pertandingan.

Keseluruhan perbelanjaan bagi tujuan perolehan sukan ini pada tahun yang lalu adalah sebanyak RM1.2 juta. Antara peralatan yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi adalah seperti sukan menembak, berbasikal, pelayaran dan memanah. Selebihnya kos yang dikeluarkan adalah merupakan kos bagi tujuan persiapan kontinjen termasuklah pakaian, wang saku, insurans, kos pengangkutan, pemakanan tambahan, fisioterapi, penginapan urus setia dan pegawai, pendaftaran penyertaan serta lain-lain lagi.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Program Persediaan Sukan Prestasi Tinggi Negeri Pahang pada masa ini melibatkan 25 pusat latihan dengan penumpuan kepada 8 daerah utama. Antara daerah yang terlibat sebagaimana yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Dewan berhubung dengan er… persiapan Sukan SUKMA ini antara daerah-daerah yang terlibat adalah Kuantan 14 sukan tumpuan, Temerloh 5, Rompin 1, Pekan 2, Maran 2, Cameron Highlands 1, Tioman 1 dan Bera 1. Antara usaha lain adalah berkerjasama dengan Sekolah Sukan

Negeri Pahang di Temerloh dengan penumpuan kepada pembangunan sukan hoki lelaki dan wanita serta olahraga.

Untuk membendung isu penggunaan bahan terlarang *prohibited substance* dengan izin, Majlis Sukan Pahang telah mengambil langkah yang drastik bagi memastikan masalah *doping* di kalangan atlet dapat dibanteras dengan lebih berkesan. Dua orang pegawai dan lima orang atlet angkat berat telah dihantar ke Seminar *Anti-Doping* pada bulan 1 yang lalu anjuran Persatuan Angkat Berat Malaysia dan Agensi *Anti-Doping* Malaysia iaitu ADAMAS. Seminar ini telah dijalankan pada 5 haribulan tiga 2019. Seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta terlibat mengenai keseluruhan maklumat berkaitan *anti-doping*. Majlis Sukan Pahang juga telah mula melaksanaan *Pre-Test Doping* dengan izin, siri pertama pada 17 Ogos 2018 yang melibatkan seramai 14 orang atlet angkat berat negeri Pahang.

Dari segi kawalan ke atas perolehan makanan tambahan, Majlis Sukan Pahang akan mengemukakan cadangan senarai perolehan makanan tambahan untuk dirujuk kepada Unit Pemakanan Sukan, Institut Sukan Negara. Ini adalah bagi memastikan kandungan makanan tambahan yang dibekalkan mematuhi senarai bahan larangan yang dikemas kini oleh Agensi *Anti-Doping* Malaysia atau ADAMAS. Ini bagi mengelakkan atlet-atlet kita mengambil bahan terlarang ini ataupun makanan tambahan ini secara *online* tanpa merujuk terlebih dahulu kepada senarai yang telah dikategorikan ataupun disahkan oleh pihak ADAMAS.

Isu pemakaian patuh syariah yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan dalam sukan bukan sesuatu yang baharu. Majlis Sukan Pahang sentiasa menggalakkan agar setiap atlet yang beragama Islam untuk mengikuti kaedah pemakaian yang bersesuaian dan patuh syariah. Pada ketika era teknologi sukan yang semakin canggih ini, banyak produk pakaian yang lebih menutup aurat diwujudkan dan direka bentuk serta sesuai untuk dipakai bagi aktiviti sukan. Pasukan gimnastik, gimrama, bola jaring dan lain-lain sukan juga telah ada mengenakan pakaian yang lebih muslimah serta menutup aurat berbanding etika pemakaian sebelum ini. Penggunaan seluar *tight* panjang juga digalakkan semasa beraksi sama ada ketika latihan mahupun pertandingan.

Namun, Majlis Sukan Pahang juga tidak menghalang sekiranya ada di kalangan atlet yang masih meneruskan etika pemakaian sedia ada kerana ianya atas keselesaan individu serta mengikuti spesifikasi peraturan pertandingan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Majlis Sukan Pahang juga amat menghargai dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang yang telah memberikan kelulusan peruntukan dalam bajet yang lalu yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang sebanyak RM120,000.00 untuk tujuan pembelian 3 buah perahu layar dan peruntukan RM200,000.00 bagi tujuan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan sukan dan bangunan kepada Majlis Sukan Pahang. Pemberian ini amat membantu Majlis Sukan Pahang khususnya bagi kerja-kerja menyelenggara fasiliti dan aset-aset yang berada di bawah seliaan Majlis Sukan.

Keberkesanan setiap program pembangunan sukan yang dilaksanakan adalah terletak kepada pengukuran pencapaian atlet-atlet negeri ini, kejohanan-kejohanan yang disertai termasuklah Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) yang merupakan sukan terbesar di negara ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Seterusnya atlet-atlet yang menunjukkan kecemerlangan di dalam sukan masing-masing akan dinilai bagi melayakkan diri mewakili negara ke kejohanan-kejohanan yang bertaraf antarabangsa seperti Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

Untuk makluman Sidang Dewan Yang Mulia ini, Sukan SEA Ke-30 Filipina 2019 yang akan berlangsung mulai 30 November hingga 11 Disember 2019 melibatkan seramai 42 orang atlet negeri Pahang telah terpilih untuk mewakili negara pada temasya kali ini. Kita negeri Pahang amat berbangga kerana jumlah atlet yang lahir… yang kelahiran Pahang ini antara negeri yang teramai menghantar ataupun layak untuk er… menyertai Sukan SEA di Filipina pada kali ini. [Ahli Dewan menepuk meja] Tahniah dan syabas.

Atlet-atlet negeri ini keseluruhannya mengambil bahagian di dalam 19 acara sukan. 2 acara sukan yang melibatkan ramai atlet negeri Pahang adalah sukan pencak silat iaitu 7 orang. Untuk makluman semua khususnya kepada ADN Tahan yang membangkitkan ikon-ikon ini di Temerloh er… majoritinya adalah pencak silat, polo 7 pemain, hoki dewan 5 pemain dan sukan *surfing* 5 peluncur. Sementara sukan-sukan lain diwakili oleh 1 atau 2 orang atlet. Kerajaan Negeri berharap mereka dapat menyumbangkan sesuatu yang membanggakan kepada negara.

Dalam masa yang sama, Majlis Sukan Pahang sedang melaksanakan program dan aktiviti persiapan menghadapi Sukan Malaysia Ke-20, Johor 2020. Seramai 422 orang atlet sedang giat menjalani latihan di beberapa pusat kecemerlangan sukan seperti di daerah Temerloh menempatkan 83 orang, Rompin 13 orang, Pekan 20 orang dan Kuantan yang paling ramai 258 orang dan Majlis Sukan Pahang dijangka akan mendaftar seramai 539 orang atlet ke dalam pendaftaran senarai panjang yang akan ditutup pada 9 Januari 2019… 2020.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Sasaran kutipan pingat di SUKMA Johor 2020 dijangka akan dimuktamadkan pada penghujung Januari 2020 ini. Penelitian dan penilaian prestasi semasa atlet sedang dilakukan bersama persatuan sukan dan jurulatih semua sukan yang terlibat bagi memastikan sasaran yang ditetapkan adalah merupakan sasaran yang realistik.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menyebut bahawa dalam bajet yang lalu golongan belia akan terus diperkasakan dengan pelbagai aktiviti dan program yang dapat membentuk jati diri mereka berteraskan kepimpinan dan nilai-nilai murni serta seimbang dari segi rohaniah, akliah dan jasmaniah. Mereka akan dibentuk dengan acuan yang berteraskan pelbagai kemahiran, pengetahuan dengan menampilkan semangat patriotisme tinggi bagi menghadapi cabaran globalisasi sebagai penyumbang utama pembangunan sosial dan ekonomi negara yang berkualiti bagi memperkukuhkan integrasi nasional dan identiti bangsa Malaysia.

Antara program di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang bagi tahun 2019, Bahagian Pembangunan Belia telah melaksanakan pelbagai program-program yang dirancang di peringkat Kementerian Belia dan Sukan. Program-program ini disusun bagi penglibatan pelbagai pihak terutama golongan belia yang merupakan *stakeholder* dengan izin, kepada Jabatan Belia dan Sukan. Beberapa program juga turut

dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri bagi mencapai pelan strategi pembangunan belia ke peringkat akar umbi.

Antara program yang telah dilaksanakan adalah sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Pahang 2019. Program yang telah berlangsung pada setiap bulan Mei pada tanggal 15 Mei bagi setiap tahun merupakan satu program pengiktirafan tertinggi terhadap sumbangan golongan muda kepada kerajaan dan negara. Sambutan program ini akan memberi impak yang positif dan mencapai objektifnya iaitu mendekati golongan belia melalui aktiviti santai dan memenuhi kehendak belia masa kini. Program ini melibatkan peserta seramai 2,000 hingga 5,000 orang. Program ini berjaya menarik minat para belia sekitar negeri Pahang dengan menyertai pelbagai program dan aktiviti menarik sepanjang pelaksanaan yang dirancangkan oleh Jabatan Belia Dan Sukan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Selain itu, Jabatan Belia Dan Sukan di bawah program pembangunan belia turut melaksanakan satu program berbentuk persidangan yang melibatkan Ahli-ahli Majlis Belia Negeri iaitu Majlis Perundingan Belia Peringkat Daerah dan Negeri Pahang. Penglibatan secara langsung daripada badan-badan lantikan Kerajaan Negeri di dalam persidangan ini juga merupakan satu platform untuk mengupas isu semasa berkaitan memperkasakan pertubuhan-pertubuhan belia negeri Pahang, menggalakkan sektor pertumbuhan ekonomi setempat, peluang-peluang pekerjaan serta isu dan permasalahan sosial demi mengenengahkan isu-isu pembangunan belia setempat. Dan baharu-baharu ini, satu perkumpulan, perjumpaan di kalangan er… Belia 4B peringkat kebangsaan juga telah diadakan di Kuantan, negeri Pahang.

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Isu-isu yang dikupas dan dibahas ini telah dipanjangkan kepada pihak kerajaan di peringkat daerah, negeri dan persekutuan. Dianggarkan seramai 120 orang yang terlibat di dalam persidangan ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Selain itu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang juga melaksanakan program untuk menjana ekonomi belia. Antara program terlibat adalah *Youth Business Expo* 2019 dan *Youth Career* 2019. Program *Youth Business* 2019 akan menyediakan platform jaringan perniagaan yang efektif dalam kalangan usahawan belia. Seramai 100 orang usahawan belia telah terlibat dalam program ini.

Manakala Program *Youth Career* 2019 merupakan salah satu inisiatif dalam membantu golongan belia dan memberi tumpuan kepada latihan insentif jangka pendek. Golongan sasaran adalah belia yang dibelenggu masalah. Masalah seperti kemiskinan terutama di luar bandar bagi memenuhi keperluan industri dengan jaminan pekerjaan selepas tamat latihan. Pelaksanaan program ini telah melibatkan penyertaan seramai 30 orang belia di negeri Pahang.

Saya mengharapkan mudah-mudahan dengan penarikan pelabur-pelabur, *trip-trip* pelaburan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri akan memberi khabar gembira kepada B40 ini ataupun para belia pada masa akan datang. Mudah-mudahan dengan jangkaan peluang pekerjaan 5 ribu hingga 6 er… 5,065 orang, mudah-mudahan perkara ini tercapai dan memberi er… khabar yang baik kepada para belia.

Pengiktirafan persatuan juga adalah salah satu program yang dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan. Bagi tahun 2019, program Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Negeri Pahang telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri. Objektif utama adalah untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada individu dan organisasi serta memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan belia di Malaysia, khususnya di negeri Pahang. Dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang semasa Program Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Yang Amat Berhormat Dato' s… Yang Amat Berhormat Menteri Be… Besar Pahang juga turut mengumumkan sumbangan dana pengurusan dan pentadbiran sebanyak RM 120,000.00 kepada Majlis Negeri… Majlis Belia Negeri dan RM 20,000.00 kepada Majlis Belia Daerah, bagi pengurusan dan pentadbiran Majlis Belia Daerah-daerah. Pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Pahang semasa majlis ini telah mendapat sambutan yang baik daripada belia-belia negeri Pahang. Ini termasuklah RM150,000.00 kepada badan-badan gabungan lantikan kerajaan.

Manakala istilah sukan elektronik, e-Sukan ataupun *e-Sport* ialah sejenis bentuk pertandingan dengan permainan video. Penjelasan permainan video sebagai sukan merupakan hal yang berkontroversi. Beberapa permainan sangat diminati antara pesaing profesional. Walau bagaimanapun, permainan video biasanya direka dengan pengalaman pemain dalam permainan sebagai satu-satunya ciri utama, banyak permainan *e-Sport* yang berjaya direka untuk dimainkan secara profesional dari awalnya.

Kebanyakan pertandingan *e-Sport* ataupun e-Sukan manampilkan acara fizikal yang berlangsung di hadapan penon… hadapan penonton secara langsung. Latihan yang perlu dijalankan pemain bagi bersedi… bagi persediaan untuk pertandingan berbeza tetapi masih mengambil masa yang lama. Pemain profesional atau 'pemain pro' sering dikaitkan dengan kumpulan permainan dan pertubuhan permainan am. Pemain pro biasanya diwajibkan berkelakuan secara beretika dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam pertandingan, pertubuhan dan kumpulan, serta mengikuti jangkaan umum iaitu semangat kesukanan yang bagus.

Sehubungan dengan itu, berkaitan solan… soalan yang diajukan berkaitan dengan e-Sukan ataupun *e-Sport* untuk digandingkan bersama dengan PahangGo adalah suatu perkara yang perlu dikaji dengan lebih lanjut dan terperinci memandangkan *e-Sport* adalah sejenis perisian sukan berbentuk pertandingan manakala PahangGo adalah satu platform perisian aplikasi yang memudahkan pengurusan dan berbentuk urusan 2 hala antara pengguna awam dalam menyelesaikan urusan atau transaksi secara maya berkaitan cukai-cukai bayaran dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Saya cuba ringkaskan lagi ucapan saya. Seterusnya, kursus kepimpinan dan organisasi. Kursus yang dilaksanakan di semua daerah di negeri Pahang ini merupakan program yang bertujuan untuk melatih pemimpin pelapis sekurang-kurangnya berstatus eksekutif di dalam organisasi persatuan di peringkat… di pelbagai peringkat. Keseluruhan peserta yang terlibat daripada daerah-daerah ini adalah seramai 440 orang. Selain itu Program Felo Perdana juga memainkan peranan dalam melatih golongan belia dalam kepimpinan.

Program ini merupakan usaha kerajaan untuk melahirkan barisan pelapis kepimpinan negara daripada kalangan pemimpin pelajar di dalam dan di luar negara. Tahun 2019, merupakan tahun ke-7 pelaksanaan Program Felo Perdana sehingga kini, seramai 460 orang peserta Program Felo Perdana dari seluruh negara yang terpilih telah ditempatkan di pejabat Menteri-menteri Kabinet bertujuan untuk melatih dan memberi pendedahan kepada felo mengenai urus tadbir negara. Bagi Program Felo Korporat, peserta akan ditempatkan di pejabat Ketua Pegawai Eksekutif syarikat korporat terpilih untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai urus tadbir korporat di Malaysia.

Belanjawan 2020 Negeri Pahang memberi dan memperuntukkan pelbagai faedah serta manfaat kepada lapisan belia dan beliawanis negeri Pahang yang melangkah ke hadapan dan terus maju dalam bidang sukan. Golongan belia akan terus diperkasakan dengan pelbagai aktiviti dan program yang dapat membentuk jati diri selain membentuk daya saing dengan acuan yang berteraskan pelbagai kemahiran dan pengetahuan. Usaha ini juga diambil bagi menampilkan semangat patriotisme yang tinggi dalam menghadapi cabaran globalisasi di samping menjadi penyumbang utama kepada pembangunan modal insan negara.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Exco, sini…

YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Padang Tengku. Sekejap jer.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Saya nak tanya dalam usaha kita mewujudkan kepimpinan belia, ada tak tokoh-tokoh ataupun ikon-ikon belia daripada Pahang ini yang telah mendapat pengiktirafan di tempat yang tertinggi umpamanya di peringkat dunia ataupun di peringkat Asia, Asian dan sebagainya?

YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, silakan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Dato' Yang Di-Pertua er…atas soalan tambahan ataupun pertanyaan oleh ADN Padang Tengku ya. Kita di peringkat negeri Pahang, setiap tahun kita akan mengadakan Anugerah er…Belia Negara Peringkat Negeri Pahang. Itu memang tiap-tiap tahun kita adakan dan dalam amalan kita sebelum ini, kita tidak pernah juga mengadakan Anugerah Belia Diraja tapi baharu-baharu ini, atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, kita telah mengetengahkan Anugerah Belia Diraja dan alhamdulillah bila kita tengok tokoh ini, beliau pernah menjejak kaki sehingga ke Gunung Everest.

Jadi atas penilaian oleh panel penilai, ini adalah salah satu merupakan ikon kepada belia-belia di negeri Pahang bahkan untuk makluman Sidang Dewan, kalau kita rujuk kepada tokoh-tokoh ataupun anugerah-anugerah belia di seluruh negara, di negeri-negeri, anugerah-anugerah ini kadangkala sehingga 9 sahaja anugerah tetapi kita di negeri Pahang, kita tambah lagi sehingga menjadi 14 dan 16 kategori supaya apa? Supaya penglibatan belia-belia dan anugerah-anugerah ini lebih banyak er…mereka yang menjadi tokoh dalam kategori masing-masing.

Sebagai contoh…sebagai contoh, saya tidak pernah tengok tokoh belia di kalangan PTD tapi kita wujudkan di kalangan PTD. Alhamdulillah bila kita tengok ada tokoh belia di kalangan PTD, maka ramai di kalangan PTD dah mula menjadi idola kepada tokoh ini untuk berkecimpung dalam program-program belia. Begitu juga saya pernah pergi ke HTAA, saya berjumpa dengan seorang pakar jantung, umur 36 orang Bentong. Saya cadangkan dia sebagai er...tokoh yang berwibawa er...di kalangan profesional. Dari situ kita nampak bila dia terlibat dengan pencalonan ketokohan itu, tak disangka-sangka selepas penganugerahan tersebut menawarkan diri untuk er...membuat Program Doktor Pakar Masuk Kampung. Ini merupakan juga tokoh-tokoh yang boleh kita ketengahkan dan banyak lagi tokoh-tokoh yang terlibat yang kita ketengahkan akhirnya menjadi idola kepada anak-anak di negeri Pahang. Berbalik kepada tokoh di peringkat Asia ataupun di peringkat kebangsaan, saya akan beri sekiranya ada senarai tersebut, saya akan bagi secara bertulis kepada ADN Padang Tengku. Terima kasih.

YB. DATO MUSTAFA BIN LONG

Apa… Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebenarnya saya boleh akan bantu sikitlah sebelum dapat apa senarai bertulis tu. Salah seorang yang telah berjaya menerima anugerah kepimpinan peringkat dunia ialah saudara Hisyamudin Abdul Rahman. Saya ingat Dato' Sri MB dah di…bertemu dengan dia. Beliau mendapat hadiah kepimpinan dunia, peringkat dunia di Nepal baharu-baharu ini. Kemudian juga mendapat Anugerah Belia Asia yang diambil di Manila dalam sebulan yang lepas. Saya ingat, mungkin perkara ini sama ada ada dalam pengetahuan Kerajaan Negeri atau tidak, Kerajaan Negeri MB *confirm*lah, Exco Belia saya tak tahu. Jadi, saya nak maklumkan bahawa tokoh daripada Lipis er...telah dinobatkan sebagai kepimpinan, kepimpinan belia, saudara Hisyamudin Abdul Rahman daripada GPMS.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Jadi saya terus menyambungkan ucapan saya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada makluman oleh ADN Padang Tengku saya akan kemas kini data tersebut. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam memperkatakan hal ehwal berkaitan dengan belia dan sukan ya, terutama ADN Beserah yang membangkitkan tentang *e-Sports* dan insya-Allah kita akan rujuk dengan pakar untuk melihat garis-garis panduan, dasar

polisi yang boleh kita manfaatkan untuk masa depan anak-anak kita yang mana tidak tertumpu semata-mata *e-Sports* tetapi di sana ada nilai-nilai ilmiah atau pun akademik yang mereka dapat semai dalam jiwa mereka.

Begitu juga kepada ADN Teruntum yang telah membangkitkan tentang hasil mutu kerja yang berkualiti ya. Ahli Jawatankuasa PAC mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya menambah bilangan pegawai penjawat awam yang berkualiti agar dapat menyelesaikan kerja-kerja yang menjamin kualiti yang dihasilkan ya. Kita menyambut baik usaha ini bahkan er...kita melihat Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Transformasi Perkhidmatan Awam pada 23 Oktober 2018 yang lalu, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju dengan dasar kawalan saiz perkhidmatan awam dalam usaha untuk mengelakkan pembaziran dan meningkatkan kecekapan serta produktiviti perkhidmatan awam.

Namun kita di negeri Pahang, pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang, (SPA) Pahang, sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan perjawatan di setiap jabatan. Pihak SPA Pahang juga bertanggungjawab bagi memastikan kualiti penjawat awam yang terpilih dengan menetapkan kriteria-kriteria tertentu bagi skim jawatan di peringkat pengambilan baharu. Setiap calon juga perlu melepasi proses lapisan bagi memastikan hanya calon-calon yang berkualiti terpilih bagi memasuki perkhidmtan awam negeri. Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang sentiasa memasti pegawai diberi latihan dan pendedahan secara komprehensif dan konsisten, di mana Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah melaksanakan 236 kursus yang melibatkan seramai lebih kurang 10,000 peserta dari Januari hingga November 2019 bagi meningkatkan kualiti pegawai seterusnya menjamin kualiti kerja yang dihasilkan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ADN Tahan yang menyentuh beberapa aspek tentang er...pembangunan belia, termasuklah tentang stadium yang mana Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 80 hingga RM100 ribu untuk mengemaskinikan untuk mendapat sijil layak er...untuk penggunaan stadium, keselamatan kebakaran ya iaitu sebanyak RM80 ribu ke RM100 ribu dan perkara ini telah disahkan oleh pihak bomba untuk jangka masa sepanjang 120 hari ya untuk diambil tindakan segera perkara tersebut. Dan perkara ini dalam proses untuk dikemas kini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada er...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, panjang lagi ke Yang Berhormat?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Sikit lagi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, sikit lagi ya.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

…kepada ADN Tahan juga membangkitkan tentang peruntukan Kerajaan Negeri kepada Majlis Belia yang mana kita saban tahun er...memperuntukkan kepada Majlis Belia ini, ratusan ribu ringgit sebagaimana saya sebutkan RM290 ribu pada 2016 ini, dan untuk keseluruhan jumlah ya...daripada peruntukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Exco Kerajaan Negeri dan juga ADN-ADN Kawasan, saya lihat dari segi peruntukan sangat besar. Ya, lebih 1 juta ringgit ya.

Perkara ini er... sebenarnya dapat dimanfaatkan oleh er... para belia di setiap pelusuk daerah dalam negeri Pahang. Dan untuk akhirnya juga saya ingin membentangkan di sini, untuk makluman ADN Tahan, bahawa kita ada ikon-ikon tertentu di negeri Pahang ini di kalangan atlet-atlet yang mana umum ramai mengetahui dan kita pun telah berbincang beberapa kali di peringkat Majlis Sukan Pahang untuk er... meletakkan poster-poster altet-atlet, jaguh-jaguh kita ini seperti Koi Sie Yan, Koi Sie Yan ni jaguh ape ni… juara gimrama, er... Mohd Al-Jufferi, Muhammad Taqiuddin, Mohamad Hazim, Azrul Hazal Wafi, Norshazlin, Lai Pei Jing, semua ini tokoh-tokoh yang menjuarai dan mengungguli banyak pingat-pingat emas di peringkat er… *national, international* dan banyak lagilah kalau kita tengok rekod-rekod sehingga tiga tahun berturut-turut juara dunia Mohd Al-Jufferi sebagai contoh.

Jadi er... *netball* ya. Nama apa? Ha... Norshikin. Ya, orang dia enam kaki lebih tingginya dan akan bersama menyertai pertandingan di Filipina ya, *SEA Game.* Tahniah kepada pasukan *netball* Pahang. Jadi er... mereka ini kita telah bincang satu panel untuk melihat kerjasama dengan MPK untuk meletak di er… tempat-tempat ataupun lokasi-lokasi tertentu gambar-gambar mereka ini dan dengan kejuaraan-kejuaraan yang mereka telah perolehi.

Mudah-mudahan dengan ikon-ikon ini memberi galakan dan suntikan semangat positif kepada anak bangsa kita di negeri Pahang ini. Jadi, dengan kata-kata itu, sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, rakan-rakan Yang Berhormat, dan juga para pegawai kanan, para pegawai dan semua kakitangan kerajaan dan semua yang berada dalam Dewan Yang Mulia ini kerana dapat mengikuti bersama perbahasan Bajet 2020 pada kali ini, dan saya dengan itu menyokong bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi Negeri Pahang. Sila.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Bismillahhirrahmanirrahim. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk bersama-sama rakan-rakan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang lain menyertai perbahasan usul belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar pada hari Isnin yang lalu.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan Negeri sentiasa memberi tumpuan dan penekanan terhadap kemudahan asas untuk rakyat serta komitmen kerajaan untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi negeri bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui

berbagai projek pembangunan infrastruktur awam seperti jalan raya, bekalan air, bekalan tenaga, pengangkutan dan lain-lain. Sektor pembangunan infrastruktur di negeri Pahang telah memberikan sumbangan yang besar dan amat signifikan dalam memacu ekonomi negeri. Ini kerana pembangunan insfrstruktur tersebut mempunyai faktor atau kesan berganda dan rantaian yang luas di mana ia berperanan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor-sektor ekonomi yang lain.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Belanjawan Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah 56 billion ringgit untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2020. Iaitu peningkatan sebanyak 2.4% berbanding tahun 2019. Manakala Kerajaan Negeri Pahang pula, dalam pada keterbatasan sumber kewangannya telah menyediakan 120.75 juta ringgit peruntukan pembangunan pada tahun 2020 bagi memacu agenda pembangunan negeri dengan nilaian peratusannya iaitu peningkatan sebanyak 23.2% daripada tahun yang lalu.

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memperkukuhkan pembangunan infrastruktur bagi memacu pertumbuhan negeri Pahang dalam mengharungi cabaran pemulihan ekonomi global. Langkah-langkah positif perlu digerakkan bagi mengurangkan kesan langsung atau tidak langsung terhadap rakyat negeri Pahang. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi Negeri Pahang dalam memastikan setiap isu yang berkaitan ditangani secara cekap dan sistematik.

Satu platform bagi semua Ketua-ketua Jabatan untuk memberikan pandangan, idea secara *holistic* untuk memantau dasar dan hala tuju strategik Kerajaan Negeri, telah diwujudkan berasaskan 4 kumpulan fokus yang melibatkan Kumpulan Fokus Jalan, Kumpulan Fokus Bangunan, Kumpulan Fokus Pengurusan Air, Kumpulan Fokus Tenaga, Kumpulan Fokus Komunikasi, Kumpulan Fokus Pengangkutan, Kumpulan Fokus Sistem Penyampaian Awam dan Kumpulan Fokus Inovasi.

Kewujudan kumpulan-kumpulan fokus ini bukan sahaja menyokong inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian dan Inovasi tetapi kumpulan-kumpulan fokus ini juga boleh berfungsi untuk membantu jawatankuasa-jawatankuasa yang lain dalam mengemukakan...menilai dan mengemukakan sebarang cadangan kepada pihak Kerajaan Negeri.

Kumpulan Fokus ditubuhkan oleh Jawatankuasa KASPAIN amat komited dalam memastikan kesejahteraan rakyat melalui tindakan melalui program yang dilaksanakan oleh kumpulan fokus sebagaimana berikut:

Bagi kumpulan asas kumpulan fokus, bagi kemudahan asas Kumpulan Fokus Jalan, pihak kumpulan fokus merakamkan penghargaan yang…merakamkan penghargaan kepada pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang menyelaraskan peruntukan kemudahan asas infrastruktur seperti meningkatkan lagi infrastruktur Pelabuhan Kuantan melalui ECERDC sebanyak RM69.5 juta.

Di samping itu, beberapa projek *high impact* ataupun projek-projek berimpak besar akan terus dilaksanakan pada tahun hadapan seperti Projek *Central Spine Road*, projek FT12 iaitu projek menaik taraf jalan persekutuan Jalan Gambang-Segamat, projek jambatan baharu Kuantan-Bandar Putra, projek FT64, projek Jalan Benta-Jerantut-Maran, projek FT03 iaitu jalan bandar Pekan-Kampung Sungai Miang, Pekan, projek FT03 ataupun *trumpet interchange,* jalan dari persimpangan Jabur-Jerangau ke persimpangan pelabuhan, Jalan Gambang ke Segamat Fasa 1, Jalan FT10 Jalan

Bera-Temerloh ataupun Jalan Gemas ke Temerloh sebenarnya. FT83 iaitu projek naik taraf jalan tol LPT 1 Chenor ke Bandar Tun Razak, Maran. Jalan FT02 iaitu Jambatan Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh, akan terus dilaksanakan.

Selain daripada itu beberapa projek *high impact* tambahan akan dilaksanakan iaitu cadangan pembinaan *fly-over* di persimpangan Kemunting, Kuantan dengan anggaran kos RM50 juta dan projek jalan Kampung Mat Daling, Jerantut, Pahang hingga ke sempadan Pahang-Terengganu Pakej 3B dengan panjang 4.3 km dan kos RM410 juta.

Berkaitan dengan soal kemudahan asas jalan, beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri membangkitkan beberapa isu pandangan dan cadangan, ADN Cheka, meminta agar membina semula jambatan utama yang terlibat dengan banjir di Kampung Binjai, Mukim Cheka. Untuk permohonan Yang Amat Ber... Yang Berhormat ini ianya sebenarnya telah pun diangkat dalam Rancangan Malaysia Ke-11 namun sehingga kini kita masih lagi belum mendapat peruntukan dan permohonan ini akan sekali lagi diangkat dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

ADN Tanjung Lumpur membangkitkan soal pembinaan jejantas di Sungai Derhaka, Tanjung Lumpur, ianya juga telah dipohon dalam Rancangan Malaysia Ke-11 belum diluluskan dan sekali lagi kita masukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Permohonan mengganti lampu isyarat di hadapan bangunan Yayasan Pahang yang telah rosak akibat kemalangan, permohonan telah pun dibuat kepada Ibu Pejabat JKR dan kita menunggu peruntukan untuk segera dilaksanakan.

Seterusnya cadangan ADN Tanjung Lumpur untuk menaik taraf penghadang jalan di Kampung Sungai Isap ke Sungai Isap Murni yang hampir dengan longkang besar, jadi program menaik taraf jalan tersebut akan dimasukkan dalam senarai kerja pada tahun hadapan, tahun 2020. ADN Beserah pula membangkitkan tentang keperluan menaik taraf pembangunan prasarana dan kemudahan asas di kawasan Gebeng dengan segera. Salah satu inisiatif yang telah kita buat sebagai menunjukkan sememangnya komitmen Kerajaan Negeri secara berterusan dalam prasarana di kawasan Gebeng, JKR dalam proses reka bentuk untuk menaik taraf jalan 4 lorong jalan kepada 4 lorong bermula daripada Balai Polis Gebeng ke simpang pelabuhan dengan kos RM200 juta dan dijangka akan ditender pada tahun hadapan pada bulan Februari.

Seterusnya Wakil daripada Muadzam membangkitkan soal kerja-kerja penyelenggaraan jalan Kuantan-Muadzam Shah yang perlu disegerakan. Laluan Kuantan, laluan Kuantan ke sempadan, ke sempadan Pahang-Johor yang melalui Muadzam melibatkan panjang jalan 75 km. Sepanjang 47 km jalan sedang dinaik taraf dan diselenggara oleh kontraktor pembinaan manakala bakinya diselenggara oleh Roadcare Sdn. Bhd..

Kerja penyelenggaraan jalan kita akan cuba buat sebaik mungkin sepanjang masa tetapi sekiranya ada sebarang kekurangan ataupun *non compliance* dengan izin, boleh Yang Berhormat apa, adukan kepada JKR Daerah untuk kita ambil tindakan. Seterusnya ADN Tanah Rata membangkitkan soal faktor-faktor yang menyumbangkan pada keruntuhan cerun dalam pembinaan jalan-jalan sememangnya ini juga sentiasa kita kaji pada masa ke semasa termasuklah mengambil kira cadangan inovasi-inovasi baharu.

Akhir sekali bagi kemudahan asas jalan Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin mengajak Dewan Yang Mulia ini untuk merakamkan penghargaan terima kasih kepada seluruh ahli-ahli kawasan, ahli-ahli Kumpulan Fokus Jalan yang bersama-sama meningkatkan

pendaftaran jalan menyahut cabaran Yang Amat Berhormat Menteri Besar, daripada tahun lepas kita kalau tahun-tahun sebelumnya itu pendaftaran dalam 300, 400 km setahun Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat kata boleh tak 2,000?

Daripada tahun lepas Kumpulan Fokus Jalan telah mendaftar sebanyak 2,000 km untuk tahun lepas sahaja. Dan pada tahun ini Yang… Yang… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, kita merakamkan penghargaan sekali lagi kerana kumpulan fokus ini telah mendaftarkan sebanyak 6,000 km dalam erti kata lain kita akan menaik ataupun kita akan menyelenggara jalan-jalan negeri, jalan-jalan kampung dan jalan-jalan bandaran sebanyak tambahan 6,000 km pada tahun akan datang.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya bagi Kumpulan Fokus Bangunan, beberapa projek *high impact* akan diteruskan iaitu yang paling menarik perhatian kita iaitu projek pembinaan Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS) yang kita jangka akan siap pada tahun 2020. Ini akan menjadi satu mercu tanda kehebatan Kerajaan Negeri kita di samping itulah akan menjadi satu tanda aras kita harapkan dalam *standard* kualiti pembinaan bangunan-bangunan lain di negeri Pahang.

Di samping itu, pembinaan blok wanita dan kanak-kanak, Hospital Tengku Ampuan Afzan di Tanjung Lumpur, Kuantan dijangka akan dilaksanakan juga pada tahun hadapan. Berbalik kepada isu-isu dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan, Wakil daripada Bukit Ibam menggesa supaya kerajaan menaik taraf kuarters polis. Peruntukan pembaikan kuarters polis bagi tahun 2019 secara keseluruhannya adalah RM3.02 juta manakala tahun 2020 adalah RM2.08 juta melibatkan daerah Lipis, Kuantan, Rompin, Raub, Temerloh dan Maran.

Pembaikan ataupun kelulusan projek-projek pembaikan ini sebenarnya tertakluk kepada pengesahan ataupun kelulusan oleh Kementerian Dalam Negeri. Selain daripada itu ADN Tanjung Lumpur juga mengambil bahagian dalam hal bangunan. ADN Tanjung Lumpur bertanyakan bilakah kerja naik taraf ataupun penambahbaikan kuarters-kuarters seperti kuarters guru di… akan dijalankan? Penyelenggaraan kuarters guru adalah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia namun JKR sedia melaksanakannya sekiranya peruntukan diluluskan oleh pihak kementerian. Bagi kuarters negeri, peruntukan sebanyak RM2.8 juta dengan perbelanjaan sehingga kini adalah sebanyak 9.5% untuk tahun ini. Manakala bagi kuarters persekutuan peruntukan telah diterima sebanyak RM795,000 dengan perbelanjaan 98.5%.

Wakil daripada Damak mencadangkan supaya Hospital Jerantut dinaik taraf kerana hospital sedia ada hanya mempunyai 77 katil dan tiada penghawa dingin. Cadangan blok tambahan bagi Hospital Jerantut sebenarnya dalam peringkat reka bentuk oleh JKR Malaysia dan dijangka akan bermula pada 24 Julai tahun 2020 dengan peruntukan sebanyak RM35 juta. Melibatkan pembinaan bahagian kecemasan, klinik pakar yang boleh menempatkan 43 unit katil tambahan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya kemudahan asas bekalan air merujuk kepada ucapan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Kerajaan Negeri meneruskan komitmen untuk mengatasi keluh kesah rakyat berkaitan dengan perkhidmatan bekalan air di negeri ini. Sebagai salah satu langkah mengatasi masalah

ini, Kerajaan Negeri Pahang akan seberapa segera menandatangani perjanjian penstrukturan semula industri dengan Kerajaan Persekutuan.

Ada dakwaan beberapa pihak mengatakan pihak Kerajaan Negeri tidak komited dalam soal menandatangani perjanjian ini tapi kalau kita lihat dari rekod-rekod *chronology of event* ataupun urutan peristiwa. Apa yang telah berlaku lebih kurang 8 tahun yang lalu, sebenarnya Kerajaan Negeri Pahang sentiasa cuba memberikan kerjasama yang terbaik untuk memastikan perjanjian ini boleh ditangani… ditangani segera dan juga boleh memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Antara er… buktinya adalah negeri Pahang antara negeri yang awal menutup Jabatan Bekalan Air dan mewujudkan ataupun mengkorporatkan perkhidmatan air dengan pengwujudan Pengurusan Air Pahang Berhad iaitu pada tahun 2012. Cuma dalam proses daripada tahun 2012 sehingga ke tahun 2018, beberapa rundingan telah dibuat… beberapa di antara kedua-dua Kerajaan.

Apa yang menjadi masalah kepada negeri dan kebimbangan kepada kita adalah pertamanya, soal jumlah RM2.1 billion yang diklasifikasikan sebagai hutang Kerajaan Negeri. Kita sedia maklum bahawa untuk menyampaikan perkhidmatan bekalan air, negeri Pahang ini sebagai sebuah negeri yang besar, kepadatan penduduknya yang agak rendah dan sebahagian besar dari penduduk kita, duduk di luar bandar. Maka kos untuk kita menyampaikan perkhidmatan air itu sangatlah besar dan sebahagiannya sememangnya di… dibantu oleh Persekutuan.

Tapi walau bagaimanapun kita merasakan bahawa jumlah RM2.1 juta yang diletakkan kepada Kerajaan Negeri untuk dipikul ini adalah satu jumlah yang sangat besar. Kerana kita tahu bahawa 1 kilometer yang kita ada hanya 124 akaun. Ini adalah satu jumlah yang sangat kecil untuk PAIP beroperasi, untuk PAIP mendapatkan hasil untuk menampung kos operasi ini tidak kira lagi soal pera… pelaburan modal untuk pembangunan infra kemudahan air Dato' Sri Yang di-Pertua. Jadi kita sebenarnya dalam tempoh itu sentiasa merunding dengan Kerajaan Persekutuan agar jumlah itu boleh dikurangkan.

Dan keduanya, apa yang menjadi kebimbangan kepada kita dalam proses pengstru… pengstrukturan ini apabila er… kita nak melupuskan hutang kita terpaksa menyerahkan aset-aset kita kepada Kerajaan Persekutuan melalui PAAB dan seterusnya untuk kita mendapat balik aset-aset ini kita akan terpaksa melalui PAIP, membayar secara ansuran ya kepada PAAB. Berdasarkan hasil kutipan perniagaan yang dijalankan oleh PAIP. Jadi dalam erti kata lain PAIP akan terpaksa meningkatkan hasil melalui pen… apa pengembangan pasaran dan ini juga mungkin termasuk terpaksa melaksanakan kenaikan tarif.
Jadi kita bimbang kalau saiz kita, negeri kita yang terlalu besar kadar bilangan akaun pengguna yang kecil kita bimbang Dato' Sri Yang di-Pertua, nanti setiap pengguna ini terpaksa menanggung ataupun membayar tarif yang sangat tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain yang mana kepadatan penggunanya tinggi.

Jadi inilah dua perkara yang sentiasa er… menjadi apa ini topik perundingan di antara kedua-dua negeri. Tapi pada hakikatnya kita sentiasa berunding dan insya-Allah er… perundingan di peringkat akhir sedang dijalankan dan pada dasarnya Kerajaan Negeri Pahang, mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dah bersetuju dan antara yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah pengecualian er… hutang sebanyak RM1 billion dengan syarat kita kena tandatangan perjanjian ini dalam tahun ini juga dan apa kita juga mungkin terpaksa menaikkan tarif ya.

Jadi di sinilah saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan untuk kita memahami bahawa kenaikan tarif ini satu perkara tidak dapat dielakkan dan kenaikan tarif ini bukanlah semata-mata er… kita nak menampung kelemahan pengurusan yang lalu tidak sebenarnya kerana secara *natural*nya, secara semulajadinya sebenarnya kita negeri yang besar, negeri yang luas, kepadatan penduduk yang rendah. Bagi setiap 1 kilometer perkhidmatan kita itu sebenarnya hasilnya tidak mencukupi.

Satu perkara yang ingin saya sarankan dalam sidang Dewan Yang Mulia ini mungkin selepas ini kita boleh mengajak Kerajaan Persekutuan untuk memastikan bantuan-bantuan yang ingin disampaikan oleh Persekutuan dalam perkhidmatan bekalan air ini modelnya harus dikaji semula. Pendekatan Kerajaan Persekutuan sebelum ini yang hanya memanjangkan sistem paip retikulasi kita ini atas apa sistem yang sedia ada ini sebenarnya pada kasarnya kita nampak seolah-olah membantu PAIP untuk menjimatkan pelaburan modalnya ataupun kos modalnya.

Tapi untuk jangka masa panjangnya ada banyak sistem apa retikulasi di negeri Pahang ini daripada loji, daripada *intake* lojinya sampai ke hujung apa ni pengguna yang terakhir itu berpuluh-puluh kilometer sebagai contoh yang dekat sekali daripada Kobat nak sampai ke Gebeng itu hampir 50 kilometer. Iaitu nasib baiklah di Kuantan ini kita ada penduduk, kita ada pengguna yang ramai ya. Kalau daerah-daerah lain, ini sangatlah bermasalah.

Untuk makluman Sidang Dewan yang saya hormati sekalian, untuk makluman semua, hanya daerah Kuantanlah sahaja operasi PAIP boleh membuat sedikit keuntungan atas operasi. Operasi sahaja ya, ini tidak termasuk lagi untuk menampung kos-kos modal dan sepuluh daerah lain sebenarnya untuk kos operasi pun kita tidak mampu. Kerana daripada lima belas negeri yang ada di Malaysia ini, negeri Pahang daripada setiap kilometer yang kita ada itu hanya 124 ekar inilah yang sentiasa disebut oleh bekas Menteri Besar kita yang lalu yang susah sangat kita nak faham itu.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Insya-Allah pada hujung tahun ini kita akan menandatangani perjanjian dan kita harap akan ada perubahan yang lebih baik ya. Tapi pada dasarnya mungkin Kerajaan Negeri Pahang ini nampak sudah tidak berhutang tetapi hutang ini kita sandarkan kepada anak syarikat kita PAIP yang akan menandatangani perjanjian dengan Pengurusan Aset Air Berhad.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Di samping itu er… Sungai Lembing ada me… menyebut soal pembelian air daripada Terengganu. Saya dah jawab sedikit pada hari Isnin yang lepas. Sekali lagi ingin saya sebut memang sebenar yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita negeri Pahang ini dikurniakan satu jumlah air yang banyak ya. Tapi 80% kita lepas ke sungai, ke laut tidak digunakan dengan secekapnya.

Satu aspek yang lain yang kita tak perasan sebenarnya er… negeri-negeri pantai timur ini ya. Salah satunya Pahang walaupun jumlah hujan tahunan itu banyak tapi taburannya tidak sekata. Sebagai contoh, sekarang ini bermula daripada bulan Oktober dan September, Oktober sampailah ke bulan Mac. Kita akan menikmati satu jumlah hujan yang sangat banyak tetapi bermula daripada April sehingga ke er… September semula, hujan yang kita terima di negeri Pahang ini akan berkurangan sebab itu pada bulan Ogos yang lalu empat daerah di Negeri Pahang ini berhadapan dengan masalah kekurangan sumber air di… di *intake-intake*.

Ya ini tidak dapat dielakkan akan menyebabkan kelemahan kepada operasi PAIP tapi pada pandangan umumnya orang nampak macam PAIP ini tidak boleh menyampaikan perkhidmatan tapi punca kepada masalah itu bukanlah datangnya daripada kecekapan atau tidak cekapnya pengurusan PAIP.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berkaitan dengan air ini beberapa er… ADN juga membahaskan isu ini. ADN Tanah Rata er… bercakap tentang kebimbangan oleh *NGO* berkaitan dengan kelulusan projek pembangunan Taman Agro Bersepadu Cameron Highlands di Kuala Terla. Jadi kita harap Tanah Rata jangan bimbang, insya-Allah apa sahaja kelulusan kita buat berdasarkan spesifikasi yang… yang sepatutnya mengikut lunas undang-undang dan pemantauan oleh JPS. Apa yang JPS akan buat ia akan mengawal hakisan tanah, tidak menghalang laluan ataupun larian air dan mengeluarkan kawasan rezab sungai daripada sebarang aktiviti dan dikekalkan sebagai tanah kerajaan.

ADN Teruntum pula er… mencadangkan supaya aktiviti mengorek pasir di Sungai Galing. Kali terakhir kita gali pada tahun 2014 ataupun 2015 selepas banjir 2014. Perkara ini juga dalam pe… pemantauan kita dan untuk tahun akan datang kita akan pohon peruntukan untuk mendalamkan Sungai Galing. Peramu Jaya er… membangkitkan soal menda… mendapan pasir di bawah Jambatan Sultan Abu Bakar.

Kewujudan pulau-pulau jadian di Kuala Pahang ini dan pihak Kerajaan Negeri akan berkerjasama dengan pihak Pengurusan Pasir Pahang Berhad untuk er… melaksanakan pengambilan pasir secara terkawal untuk memastikan aras sungai itu pada tahap optimum dan mengurangkan risiko keselamatan ke atas jambatan dan ADN Tahan membangkitkan soal banjir kilat yang berlaku di FELDA Padang Piol, Jerantut.

Banjir yang berlaku baharu-baharu ini mengikut apa maklumat yang kita terima memang berpunca daripada hujan lebat yang luar biasa. Dia bukan sokmo-sokmo ya Yang Berhormat ya. Itu antara… antara sebabnya dan juga ada sikit kesan daripada pembukaan tanah di kawasan hulu sungai.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Panjang lagi ke Yang Berhormat? Terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Panjang juga Yang Berhormat er… Dato' Sri Yang di-Pertua. Jadi...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya bagi dua minit lagi.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Sekiranya masa takde, saya cubalah ringkaskan. Saya disediakan teks 29 muka surat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ringkaslah saya ingat.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Jadi sekiranya mana-mana er… ADN yang merasakan soalan yang…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

…dibangkitkan tidak mendapat respon pada hari ini…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

…bolehlah kita membuat pertemuan-pertemuan lain ya dan boleh juga terus kepada jabatan yang berkaitan untuk merundingkan.

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya terus kepada isu tenaga.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Itu tadi baharu isu air ya?

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

[Ketawa] Baharu air. Letih air, abih air, kita minum air untuk menambah tenaga.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tenaga.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tenaga elektrik memang menjadi satu kemudahan asas untuk menjana pembangunan dan bagi meningkatkan kapasiti bekalan elektrik… bekalan elektrik. Sebelas projek bekalan elektrik luar bandar dilaksanakan merangkumi dua projek di Pekan, empat projek di Bera, dua projek di Cameron Highlands, satu projek masing-masing di Jerantut, Temerloh dan Raub dan empat daripada projek tersebut berlaku sedikit kelewatan kerana ada sedikit isu pengambilan tanah dan juga berkaitan dengan isu-isu pampasan untuk Kerajaan Negeri.

Yang pengambilan tanah ini bukan Kerajaan Negeri tak setuju tapi mungkin cara perolehan itu dibuat tidak *engage* er… yang sepatutnya dengan er… pemilik-pemilik tanah tetapi alhamdulillah boleh diatasi masalah itu. Dan untuk menyelesaikan masalah ini juga sebenarnya pihak Kerajaan Negeri berkorban. Sebenarnya beberapa caj yang sepatutnya kita kenakan kepada TNB untuk menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk-penduduk luar bandar ini ya hasil perbincangan, pandangan Yang

Amat Berhormat Menteri Besar dan rakan-rakan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan, kita kecualikan daripada pembayaran.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya untuk kemudahan asas pengangkutan. Ini satu portfolio yang kita tidak ada secara khusus di negeri Pahang tapi walau bagaimanapun kita wujudkan satu kumpulan fokus di bawah Jawatankuasa Kemudahan Asas serta Penyampaian dan Inovasi. Kita er… selain daripada sistem pengangkutan jalan raya, kita juga er… sedang memikirkan, merancang bagaimana untuk mendapatkan manfaat yang optimum daripada pembangunan ECRL yang melalui negeri Pahang dan kita di samping itu juga untuk pengangkutan udara.

Kerajaan juga sedang menilai dan mengenal pasti tapak yang sesuai untuk kita mencadangkan satu lapangan terbang antarabangsa yang besar, yang baharu di samping kita sekarang ini ingin meningkatkan kecekapan pengurusan, membantu Kementerian Pengangkutan meningkatkan kecekapan pengurusan Pelabuhan Kuantan.

Kumpulan Fokus Sistem Penyampaian Awam, Dato' Sri Yang di-Pertua. Kita di negeri Pahang ini, walaupun Biro Pengaduan Awam itu bukan di bawah Kerajaan Negeri tetapi kita bekerja rapat dengan pihak Biro Pengaduan Awam di samping kita menyelaraskan sistem-sistem aduan yang ada daripada sistem aduan er… kotak-kotak aduan di pejabat-pejabat sehinggalah kepada sistem digital dan lebih hebat lagi, kita di negeri Pahang ini alhamdulillah Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengujudkan aduan sis… apa saluran aduannya yang tersendiri supaya tidak ada pihak yang mengatakan bahawa kita ini tidak terbuka dalam untuk meningkatkan perkhidmatan kita. Kita, Dato' Sri Yang di-Pertua, adalah negeri yang *customer oriented* ataupun kita berorientasikan er… apa ni pelanggan iaitu rakyat.

Akhir sekali Dato' Sri Yang di-Pertua,

Satu jawatankuasa, satu portfolio yang baharu juga diujudkan iaitu inovasi. Untuk inovasi ini, Dato' Sri Yang di-Pertua, *rule*nya ataupun apa dari segi peraturannya sebelum kita melaksanakan inovasi kita kena buat penyelidikan dulu. Jadi teras kepada penyelidikan adalah maklumat dan teras kepada maklumat adalah data.

Jadi inilah yang kita harapkan seluruh jentera kerja kerajaan dan NGO dan masyarakat juga ya kalau boleh kita bersama-sama untuk memastikan budaya kita menguruskan data ini dapat dipertingkatkan supaya apabila kita ada menyimpan data-data dengan betul, data-data ini boleh diproses akan menjadi maklumat yang… yang betul dan sebarang perbincangan, penilaian, cadangan yang berdasarkan yang berasaskan maklumat ini akan kita dapat pastikan dan menjadi satu keputusan yang terbaik untuk kita memajukan negeri kita.

Saya rasa itu sahajalah Dato' Sri Yang di-Pertua yang ingin saya kongsikan di Dewan Yang Mulia ini. Terima kasih di atas masa yang diberikan, minta maaf jugalah di atas apa ni keterlajakan yang terpaksa saya ambil, tak dan nak baca habis. Jadi, saya rasa sama juga sepertimana kawan-kawan kita yang lain dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kita berkeyakinan penuh bahawa bajet yang kita tengok daripada setahun ke setahun ini lebih baik ini akan mampu melonjakkan lagi tahap perkhidmatan kerajaan kita pada satu aras yang lebih baik lagi daripada setahun ke setahun. Saya dengan itu menyokong Usul Belanjawan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan Negeri Pahang. Sila Yang Berhormat Dato' Sri.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Bismillahhirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. [Ayat al-Quran].

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dato' Sri yang telah memberi peluang dan ruang kepada saya juga untuk turut serta bersama rakan-rakan kerajaan bagi menyokong Usul Bajet yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar er… Pahang dan seterusnya menjawab beberapa persoalan yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan Ahli Dewan ketika kita bersidang.

Dalam waktu yang sama juga kita memanjatkan puji syukur kehadrat Ilahi, kita dapat bersidang pada minggu ini, untuk tahun ini yang mudah-mudahan segalanya penuh di dalam keberkatan Allah untuk negeri Pahang Darul Makmur di bawah payung pemerintahan Kebawah Duli Sultan Pahang kita.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Ini adalah amanah sebagaimana yang telah dituntutkan oleh Allah SWT di dalam firman-Nya [Ayat al-Quran]. Dialah Allah yang telah mencipta kita daripada bumi dan meminta kita untuk mengimarahkan bumi ini. Menginsafi daripada apa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada kita untuk beramanah maka kita berhimpun di dalam Dewan Yang Mulia ini untuk kemaslahatan rakyat Negeri Pahang Darul Makmur serta kemakmuran Negeri Pahang sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi memakmurkan ekonomi negeri serta kemajuan pembelajaran, pendidikan, agama, sosial dan se…se… semua, segala yang berkaitan di dalam pembangunan Negeri Pahang Darul Makmur.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Banyak juga persoalan yang dikemukakan kepada saya yang berkaitan dengan portfolio agama, pendidikan dan juga kesihatan. Saya cuba untuk meringkaskan dan menjawab apa yang sempat sesuai dengan waktu kita yang singkat. Dato' Sri Yang di-Pertua, di antara persoalan yang dikemukakan mengenai adanya er… daripada Jengka tentang tarian zumba ataupun tingkah laku yang apa agak mencariki daripada resam keagamaan kita sebagai orang yang bersosial dan berakhlak tinggi.

Perkara ini sebenarnya Kerajaan Negeri er… sudah tentu daripada Jabatan Mufti tidak mengeluarkan sebarang fatwa tetapi Kerajaan Negeri mempunyai Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah mengenai perbuatan ataupun percakapan yang tidak sopan di tempat awam dan ini ada seksyen yang telah ditetapkan untuk diambil tindakan bagi mereka yang salah laku er… sebagaimana yang dibangkitkan oleh rakan kita. Ertinya kita ada kuasa-kuasa yang tertentu yang boleh kita ambilkan dan boleh dibawa ke muka penghakiman.

Namun demikian Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama mengambil langkah-langkah juga bersama dengan rakan-rakan Ahli Dewan untuk menyampaikan irshad,

kaunseling, nasihat, pendidikan, pendekatan, tarbiah menyedarkan betapa pentingnya rakan-rakan kita di… sebagai rakyat ini untuk berakhlak, bernilai murni tinggi dan menjaga peribadi yang sopan agar mereka sentiasa nampak lebih er… baik dan lebih sempurna di dalam kehidupan mereka.

Perkara yang dibangkitkan juga oleh rakan saya daripada Jengka tentang pembangunan pendidikan agama. Kita bersyukur di negeri Pahang ini mempunyai KAFA, Kelas Pendidikan Agama untuk anak-anak kita di peringkat rendah. Di negeri Pahang kita mengambil inisiatif sehingga terbinanya sebanyak 560 buah sekolah KAFA bagi memberi peluang anak-anak kita mengambil pelajaran al-Quran dan Fardhu Ain daripada guru-guru yang terlatih.

Di sini kita mempunyai mata pelajaran yang telah kita tetapkan sama ada Fiqah, Tauhid, Akhlak, Sirah, al-Quran, Tajwid dan sebagainya untuk dididikkan kepada 2,444 orang pelajar yang er… untuk dididikkan kepada 70,880 orang pelajar daripada 2,444 orang guru yang telah kita lantik dan terlatih. Semua ini menelan belanja yang telah disalurkan oleh pihak JAKIM kepada kita pada setiap tahun. Dalam waktu yang sama Kerajaan Negeri juga memberi sokongan er… kepada KAFA dan juga sekolah-sekolah ini untuk mereka meneruskan pendidikan anak-anak kita.

Pada tahun 2019 sahaja kita, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah menyalurkan RM348,000.00 lebih kepada KAFA-KAFA di seluruh Pahang bagi memastikan kelangsungan pendidikan agama anak-anak KAFA dan insya-Allah pada hari Sabtu ini juga saya dengan sahabat saya rakan daripada Jengka akan menyampaikan semua sekolah KAFA di dalam DUN Jengka itu bantuan yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kepada mereka sebanyak RM1,000.00 pada setiap KAFA insya-Allah. [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Tanjung Lumpur mengenai Pasar raya Darul Makmur. Kita bersyukur kehadrat Ilahi di negeri Pahang ini ada agensi kerajaan di bawah Majlis Agama Islam Pahang mengambil inisiatif untuk membuka pusat perniagaan pasar raya bagi memberikan peluang kepada rakyat mengambil pilihan membeli barangan-barangan keperluan hariannya. Walaupun demikian sudah tentulah bukan sahaja dengan usaha yang hanya dalam tempoh yang jangka masa yang pendek ditambah lagi dengan keupayaan-keupayaan yang terhad sudah tentulah banyak kelemahan-kelemahan yang tidak dapat disangkalkan sebagaimana yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Tanjung Lumpur mengenai kekurangan barang. Ini adalah perkara yang disedari oleh Majlis Ugama Islam Pahang melalui Pasar raya Darul Makmur. Justeru itu di antara langkah yang mereka kenal pasti perlunya mengadakan tempat simpanan membeli er… simpanan barang-barang stok untuk disediakan agar dapat dibekalkan dengan segera ke pusat-pusat perniagaan insya-Allah.

Sebagaimana yang disebutkan juga layanan-layanan daripada staf-staf ataupun pekerja-pekerja. Perkara ini telah diambil inisiatif oleh Majlis Ugama mendidik staf-staf dan pekerja-pekerja agar pintar dan mesra pelanggan dan supaya dapat di… apa dilaksanakan tugas-tugas mereka sesuai dengan kehendak pelanggan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh er… rakan saya daripada Jengka mengenai kutipan hasil duti hiburan yang telah mencatatkan peningkatan tinggi.

Dalam waktu yang sama perlulah juga mengambil kira dalam soal sosial dan juga soal akhlak. Hal ini sudah tentu menjadi perkara yang sangat dititik berat oleh Kerajaan Negeri Pahang apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang bersetuju setiap er… Ahli Majlis itu mesti disertakan Pegawai Agama Islam iaitu Kadi kita menyertai dan duduk di dalam mesyuarat bagi memberi nasihat dan pandangan supaya perkara-perkara yang seumpama er… keruntuhan moral dan kejatuhan er… keruntuhan moral ini berlaku di tempat-tempat hiburan sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya daripada Jengka.

Bukit Ibam, sahabat saya daripada Bukit Ibam ada menyentuhkan dalam usaha meningkatkan pendidikan er… agama. Ini sepertimana yang saya sebutkan di awal tadi Kerajaan Negeri Pahang serius dan memberi sokongan yang tinggi untuk memberikan bantuan kewangan kepada guru-guru KAFA dan juga anak-anak yang belajar di sekolah-sekolah agama. Baharu pagi tadi sahaja Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang bersetuju untuk membantu pelajar-pelajar KAFA ni yang nak berkhatan pun boleh kita bantu insya-Allah dan sedikit jumlah peruntukan telah diluluskan untuk anak- anak KAFA kita.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

ADN Damak membangkitkan tentang cadangan supaya perkara-perkara sensitif berkaitan dengan agama dan Institusi Diraja tidak dibincangkan secara terbuka di dalam media sosial. Perkara ini memang benar. Kita tidak sebenarnya agama kita Islam dan mana-mana agama pun tidak membenarkan setiap individu itu mendedahkan keaiban orang lain di tengah kancah masyarakat. Tetapi maklumlah kesedaran rakyat yang semakin apa lemah pada hari ini dan berminat untuk mendedahkan keaiban orang lain sementelah lagi kalau keaiban itu berkaitan dengan pemimpin dan Kebawah Duli tubuh di ra… Raja kita seumpamanya Kebawah Duli Yang di-Pertuan Agong.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Hal ini sebenarnya Jabatan Agama bersedia, agensi Kerajaan Negeri Pahang, Jabatan Agama Islam Pahang bersedia untuk memberikan kerjasama yang bersungguh-sungguh kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) untuk mengambil tindakan. Sebab itulah dalam waktu yang sama sepanjang tahun 2019 sejumlah 195 laporan polis telah dibuat oleh pelbagai lapisan masyarakat terhadap satu laman sosial Facebook er… bagi menyatakan apa yang telah er… apa didedahkan oleh pihak-pihak berkenaan terhadap individu-individu khususnya dalam isu keagamaan dan tubuh badan er… pemimpin ataupun Kebawah Duli Sultan itu sendiri.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sahabat saya daripada Damak membangkitkan tentang er… Kerajaan Negeri digesa untuk terus memartabatkan Islam di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri termasuk memperkasakan tulisan Jawi dan dengan cara melaksanakan dengan apa cara yang betul dan tepat penulisannya. Hal ini telah dijawab oleh sahabat saya er… daripada er… Lepar pagi tadi dan memberikan penjelasan yang er… yang panjang lebar. Saya kira tidak perlu untuk saya mengulangkan lagi.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Damak juga mengemukakan cadangan supaya Sekolah Tahfiz di negeri Pahang diberi perhatian yang penuh oleh pihak Kerajaan Negeri termasuk usaha mendaftar Sekolah Agama. Alhamdulillah kita Kerajaan Negeri memiliki sebuah Maahad Tahfiz yang diiktiraf di peringkat dunia dan mendapat nama hasil daripada kualiti pendidikan yang telah kita bina di Maahad Tahfiz Kerajaan Negeri yang berada di Tanjung Lumpur dan kita sendiri mendengar bagaimana bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada lagi satu Maahad Tahfiz yang bakal ditambah dibuka iaitu di Kuala Lipis dan ini adalah satu rin… apa usaha gigih yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri.

Namun demikian sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya daripada Damak, adanya Tahfiz-tahfiz Persendirian yang perlu diberi perhatian. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Pahang dan Majlis Ugama Islam Pahang telah mengambil inisiatif untuk mengenal pasti bagi memberi nasihat dan peringatan bagi mereka yang ingin membuka Maahad Tahfiz ataupun Pondok-pondok Pengajian mestilah menempuhi dan melalui syarat-syarat dan rukun-rukun yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Ugama Islam Pahang dan Jabatan Agama Islam Pahang.

Dan mereka seharusnya, sewajarnya mengemukakan diri terlebih dahulu dan menyatakan hasrat kepada Jabatan Agama Islam dan Majlis Ugama Islam dan mengambil nasihat apakah syarat-syarat dan rukun-rukun yang perlu mereka penuhi sebelum mereka menubuhkan Pusat-pusat Tahfiz dan Pondok agar mereka tidak terjerumus kepada permasalahan-permasalahan yang akan menyebabkan mereka sendiri terpaksa menanggung dengan beban yang berat.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Damak juga sahabat saya daripada Damak juga mengemukakan permohonan supaya Kerajaan Negeri membentangkan hasil kajian pihak Majlis Agama tentang cuti pada hari Jumaat. Sebenarnya Kerajaan Negeri tidak ada meminta mana-mana agensi tetapi saya difahamkan UMP sendiri ada mengambil inisiatif membuat kajian dan kita belum lagi mendapat sebarang maklumat dan apa pembentangan daripada pihak UMP kepada Kerajaan Negeri apakah sikap-sikap yang telah diberikan oleh orang ramai terhadap jika seandainya kita bercuti pada hari Jumaat.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Yang amat er… yang er… ada persoalan juga yang disarankan oleh ADN Pelangai, iaitu Kerajaan Negeri dicadangkan supaya memainkan peranan menerangkan berkenaan isu halal dan isu minuman keras bagi memberi pemahaman yang tepat dan betul sebagaimana yang telah disyarahkan dan disarankan oleh ADN daripada Tanjung Lumpur.

Kerajaan Negeri sangat mengalu-alukan insya-Allah kita sentiasa menggerakkan melalui Jabatan Agama Islam Pahang iaitu Unit Dakwah, kita ada Ketua Penolong err… Pengarah Bahagian Dakwah dan Pegawai-pegawai dan ada Briged Dakwah dan Guru-guru Tahmid Bergerak dan kita juga mengharap daripada rakan-rakan pendakwah sama-sama memperjelaskan tentang isu-isu ini supaya orang memahami apakah konsep yang sebenarnya nak dibawakan oleh Kerajaan Negeri daripada perintah agama kita Islam itu sendiri.

Rakan saya daripada Tahan mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula pengeluaran lesen jualan arak di Taman Negara, Jerantut. Ini

adalah satu cadangan yang baik. Jabatan Agama Islam Pahang bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Tempatan untuk menguatkuasakan setiap permohonan dan seandainya perkara ini menjadi realiti sudah tentu akan memberikan manfaat yang baik kepada masyarakat setempat.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Juga Chenor sahabat saya daripada Chenor ada mengemukakan cadangan untuk Kerajaan Negeri mengkaji semula serta menaikkan gaji kepada elaun-elaun Guru ASPA yang berkhidmat di Negeri Pahang. Jabatan Agama Islam Pahang akan berusaha sedaya mungkin untuk memastikan kebajikan guru-guru ini sentiasa terpelihara dan terjaga. Sebab itulah, baharu-baharu ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah mengarahkan saya mengadakan satu delegasi ke Mesir bagi memastikan guru-guru agama ini sentiasa diperkasakan dan pelajar-pelajar sentiasa mendapat peluang untuk belajar dengan sebaik mungkin.

Di dalam delegasi itu er… Kerajaan Negeri telah berjaya memastikan anak-anak kita yang nak belajar ke Mesir tidak lagi mengikuti kursus Daurah yang disediakan oleh Al-Azhar dan dia mengiktiraf Daurah yang telah dilaksanakan oleh guru-guru kita yang terlatih sebagaimana yang dicadangkan dan dalam waktu yang sama jika dibangkitkan mengenai elaun insya-Allah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah mendapat cadangan untuk mengusahakan bagaimanakah pendekatannya agar elaun-elaun guru ini dapat kita kaji dan teliti dan dapat dibela hak-hak mereka insya-Allah dengan berkat doa rakan-rakan Ahli Dewan harap-harap perkara ini dapat kita laksanakan sesuai dengan keupayaan kewangan kita Kerajaan Negeri.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sahabat saya daripada Chenor juga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk menambahkan kemudahan asrama di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) memandangkan permintaan daripada masyarakat yang tinggi, insya-Allah jika benar er… kesulitan tempat duduk asrama ini kita akan memberikan cadangan kepada Kerajaan Negeri agar asrama dapat ditambahkan. Sebagaimana yang kita lihat di Maran baharu-baharu ini asrama mengalami kemalangan dan insya-Allah tak lama lagi empat tingkat asrama akan dibina [Ahli Dewan menepuk meja] kelulusan yang telah diberikan sebagaimana yang diuar-uarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan JKR pun telah mengeluarkan apa er… tarikh untuk dibina asrama ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pulau Manis ada membangkitkan tentang larangan merokok di tempat awam telah dikuatkuasakan namun kebenaran menjual minuman keras secara berleluasa telah dibenarkan. Apakah tindakan Kerajaan Negeri? Sesungguhnya sebenarnya kalaulah rokok yang makhruh itu diharamkan sudah tentulah menjual minuman keras lebih-lebih lagi kekerasannya diharamkan… diharamkan cuma mungkin ada kesedaran-kesedaran yang tandus oleh peniaga-peniaga yang rakus di dalam mengutip keuntungan hal ini akan diambil tindakan secara serius oleh Kerajaan Negeri insya-Allah melalui kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang dan juga Kerajaan Tempatan. Pulau Manis juga memohon penjelasan tentang perhubungan pengeluaran peruntukan membaiki rumah golongan asnaf milik MUIP di Bukit Kenau, Mukim Pulau Manis di sini mempunyai rumah sejumlah 80 buah rumah milik penuh Majlis Ugama Islam Pahang yang mempunyai penghuni seramai 58 orang…

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Minta laluan. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya nak bertanya kepada wakil kerajaan, saya rasa satu perkara yang perlu diberi perhatian. Di kawasan saya ada dua sekolah agama iaitu Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah dan Sekolah Menengah Agama Al-Wosto. Saya baharu-baharu ni sempatlah merasmikan Mesyuarat Agung di dua-dua sekolah dan saya di… di… apa ni diminta oleh Pengerusi PIBG dan membawa saya dapat dua bas dan dua-dua sekolah ni ada dua bas dan dua-dua bas ini memanglah tak boleh berjalan dan saya ingin bertanya ada cadangan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk kita menggantikan bas bagi kemudahan pelajar-pelajar di kedua-dua sekolah tersebut? Terima kasih.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih rakan saya daripada Semantan, ini cadangan dan pandangan yang sangat baik. Untuk makluman dewan dan Dato' Sri Yang di-Pertua, pada pertengahan tahun 2019 Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyerahkan empat buah bas kepada sekolah-sekolah agama dan insya-Allah cadangan yang baik ini saya yakin akan mendapat perhatian yang sangat baik daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam masa yang dekat. Mudah-mudahan Sekolah Agama Al-Wosto itu akan memiliki bas yang baharu.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Merujuk kembali kepada persoalan er… Sekolah Agama Pulau er… astaghfirullah rumah asnaf Pulau Manis nii apa er… di Bukit Kenau, Mukim Pulau Manis ada kerosakan insya-Allah di dalam usaha Majlis Ugama Islam Pahang untuk mengenal pasti kos dan benda ini di dalam tindakan insya-Allah.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Rakan saya daripada Damak membangkitkan adakah cadangan supaya tahfiz-tahfiz di negeri Pahang diberi perhatian penuh oleh Pihak Kerajaan Negeri Pahang termasuklah usaha mendaftarkan? Ini… perkara ini telah berulang dah dijawab jadi saya kira terus ke perkara yang seterusnya. Kuala Semantan mencadangkan Kerajaan Negeri memastikan Maahad Tahfiz di negeri Pahang berdaftar pun sama juga dah dijawab. Memang kena daftarlah tak boleh berjalan haram. Itu yang susah yang mati terbunuh baharu ni, nak ditolong payah tak ditolong tak kan tak tolong rupanya sekolah tak berdaftar tanah pula tanah kata ayah wakaf anak tak wakaf jadi itu semua kelam kabut jadinya.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

ADN Tahan memohon Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula pengeluaran lesen jualan arak ini pun dah cerita, kita setuju. Apa pasal pula nak jual arak kat rumah orang Melayu hari rokok tak bagi pula tapi goner gaya nak buat orang tu berjual tak pakat dengan kita.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

ADN Chenor mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula serta menaikkan gaji, ini pun dah berjawab dah tadi, berulang ya insya-Allah kita teliti la. Merujuk kepada portfolio kesihatan saya diminta untuk menjelaskan oleh rakan

mengenai dibangkitkan tentang daripada Cheka tentang menyediakan peralatan MRI di Hospital Kuala Lipis. Tahniah rakan saya daripada Cheka perkara ini telah mendapat perhatian daripada Kementerian kita mengharapkan benda ini dapat dilaksanakan dalam waktu yang terdekat. Begitu juga ADN daripada Luit membangkitkan kata-kata ada ura-ura Klinik Desa di Luit akan ditutup dengan berkat suara dibawa oleh Luit maka saya telah berpakat dengan pihak apa kesihatan tak jadi tutup. [Ahli Dewan menepuk meja]

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Juga dibangkitkan tentang persoalan perkhidmatan hospital di Bandar Tun Razak dengan kemudahan yang lebih selesa dan lengkap sudah tentulah kalau boleh kita ingin mendapatkan segala yang selesa dan sempurna namun demikian Hospital Muadzam Shah adalah hospital tanpa pakar, perkhidmatan kepakaran yang diberi adalah lawatan kepakaran secara berjadual. Terdapat sebelas bidang kepakaran yang membuat lawatan secara berkala iaitu pakar perubatan, pakar pembedahan, pakar mata, pakar tulang, pakar telinga, hidung dan tekak, pakar kanak-kanak, pakar kulit, pakar buah pinggang, pakar perbidanan dan sakit puan, pakar err… rawatan dan… dan juga pesakit akan dirujuk ke hospital jika sekiranya ada perkara-perkara yang er… ke Hospital er… Tengku Ampuan Afzan, jika sekiranya ada perkara-perkara yang ber… yang perlu kepada rawat… rawatan lanjut.

Permohonan naik taraf dan peralatan baharu ataupun penggantian alat setiap tahun permohonan dikemukakan sebenarnya kepada pihak Kementerian Kesihatan. Kita masih lagi menunggu persetujuan dan kelulusan daripada pihak-pihak Kementerian. Pada masa ini, kita dapat seorang pakar perubatan keluarga ditempatkan di Klinik Kesihatan Bandar Tun Razak dan beliau juga sebagai rujukan bagi kes-kes yang memerlukan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga…

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Mohon laluan. Mohon laluan.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Lambatlah balik ni…

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Boleh…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Lekas Yang Berhormat.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Tuan Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, apa isunya?

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Berhubung dengan hospital di bandar, Klinik Kesihatan di Bandar Tun Razak tu er… saya sebenarnya, memohon supaya kalau boleh diada er… disediakan satu pusat hemodialisis er… Tuan Yang di-Pertua di situ. Itu er… antara ucapan saya dalam er… semalam, kelmarin. Terima kasih.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih er… daripada Bukit Ibam. Sebenarnya yang itu dah… dah jawab dah tapi kemen… kemen… pihak Kementerian memang dah ada pusat hemodialisis dia di hospital. Jadi untuk Kerajaan Negeri membantu tu, itu kita kena kaji dan teliti dan mendapat nasihat daripada pihak Jabatan Kesihatan untuk penambahan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tanjung Lumpur ada mencadangkan supaya diwujudkan pusat rawatan alternatif secara Islam. Pihak Majlis Ugama Islam Pahang dan Adat Resam Melayu Pahang ada menawarkan rawatan perubatan secara Islam melalui Hospital Pakar milik Majlis yang dikenal sebagai Pahang Medical Centre di Jalan Gambut, Kuantan yang membuat peralat… yang mempunyai peralatan perubatan khususnya untuk umat Islam di Kuantan dan di Pahang amnya. Kerajaan Negeri, pihak Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang telah membantu pihak DIC Pahang dari segi kewangan dalam membangunkan pusat aktiviti.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga dikemukakan oleh rakan daripada Teruntum mencadangkan satu pusat jantung pantai timur diwujudkan di bandar Kuantan. Kerajaan Negeri telah bersetuju menyediakan tapak sama ada di Tanjung Lumpur ataupun di seb… di sebelah hospital, tinggal lagi kita sedang menunggu kelulusan peruntukan daripada Kementerian Kesihatan atas permohonan perkara ini. Mudah-mudahan dengan suara yang dibangkitkan oleh rakan daripada Teruntum, Kerajaan Pusat dapat menye… menyegerakan peruntukan itu.

Rakan saya daripada Bukit Ibam, penubuhan daerah kecil Muadzam Shah… ini tak ada. Me… menaik taraf Hospital Muadzam Shah tadi saya dah jelaskan, menda yang sama, Bukit Ibam. Bandar Tun Razak merupakan titik tengah di kawasan Muadzam Shah, oleh itu Kerajaan Negeri dimohon untuk mewujudkan kemudahan berikutan di kawasan tersebut memudahkan rakyat setempat yang meliputi dua Dewan… 2 Dewan Undangan Negeri iaitu Bukit Ibam dan Muadzam iaitu perkara yang diperlukan, rawatan hemodialisis yang dibangkitkan tadi timbul dah ni ha.

Jabatan Bomba, ini bomba rakan saya dah jawab. Hemodialisis saya pun dah beri penjelasan. Sebenarnya pihak hemo… pihak apa hospital telah menyediakan perkhidmatan hemodialisis cuma mungkin maksudkan rakan saya daripada Muadzam dan Bukit Ibam ni tak cukup.

Dicadangkan supaya Hospital Jerantut dinaik taraf oleh rakan saya daripada Damak. Hospital yang sedia ada hanya 77 buah katil sahaja dan keadaan wad di hospital tersebut tidak mempunyai penghawa dingin.

Sebenarnya Hospital Jerantut ini telah dilaksanakan perolehan tender bagi projek naik taraf blok tempat tambahan baharu Hospital Jerantut dijangka seawal April 2020. Antara fasilit… fasiliti yang ditambah adalah melibatkan kecemasan, klinik pakar dan wad perubatan. Wad perubatan juga akan mempunyai fasiliti wad kelas 1, 2 dan 3. Insya-Allah berkat doa sahabat saya daripada Damak, cepat.

Rakan saya daripada Panching mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyediakan tempat tinggal sementara bagi Orang Asli yang datang ke hospital untuk tujuan perubatan kerana didapati mereka hanya tidur di kaki lima hospital jika ada urusan.

Sebenarnya hospital-hospital ini dah ada tempat tinggal tapi memang tabiat Orang Asli suka tidur kaki lima [Ahli Dewan ketawa]. Apa nak buat? Bagi daerah yang mempunyai bilangan penduduk Orang Asli yang ramai seperti Lipis, Pekan, Cameron Highlands dan Jerantut terdapat rumah transit untuk menempatkan pesakit Orang Asli dan ahli keluarga yang mengiringi pesakit.

Rumah transit ini menempatkan kes ibu hamil yang berisiko sebelum bersalin atas kes yang memerlukan rawatan dalam masa yang lama seperti pesakit tibi. Kebajikan mereka semasa di rumah transit seperti makan dan keperluan harian disediakan dengan kerjasama pihak JAKOA.

Contoh Klinik Kesihatan yang ada rumah transit adalah…

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Minta laluan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tahan.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya… saya ingatlah apa yang disebut oleh Exco tadi berkenaan dengan Orang Asal. Saya rasa bukan mereka suka tidur di er… kaki lima, kemungkinan mereka tak tahu adanya penempatan yang disediakan untuk er… pelawat-pelawat. Jadi, kita harap kalau selepas daripada ini, kita harap maknanya petugas-petugas yang berada di hospital kalau boleh bila tengok Orang-orang Asal ni mereka kena tunjuklah di mana tempat yang boleh mereka tinggal. Jadi, saya pun, tak setuju YB cakap macam tu, sebab di tempat saya ramai Orang Asli. Terima kasih.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Di Kerdau ini ada dua kampung Orang Asli, kerjanya hari-hari bertengkar dengan orang Asli. Kita kadang-kadang jadi macam Orang Asli, kalau kita tak pandai jadi macam Orang Asli kita kena jual dek Orang Asli. [Ahli Dewan ketawa]

Dato' Sri Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Apa namanya, walau bagaimanapun cadangan sahabat saya daripada Tahan ni adalah baik untuk diambil perhatian oleh rakan-rakan kita daripada Jabatan Kesihatan dan kakitangan kita supaya mengambil langkah mesra pelanggan supaya mereka tidak terbiar dan terabai kebajikan mereka. Terima kasih rakan saya daripada Tahan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada lagi ke Yang Berhormat? Dah akhir…

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Itu bukan akhir, hak yang pelajaran tak bersebut lagi pasal apa surat tak beri masuk ke sekolah tu tak bercerita lagi nih…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sentuh sikit-sikit Yang Berhormat, boleh.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya pindahlah ke hal sekolah pulak. Ada persoalan yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Padang Tengku, UiTM, tanah telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk membina kamp… kampus di er… apa Mukim Gua, Padang Tengku.

Er… perkara ini kononnya telah nak diubah oleh pihak UiTM untuk menjadikan ladang ataupun kebun nak tanam buah-buahan. Perkara ini sebenarnya telah dikemukakan kepada er… Pejabat Tanah Daerah Lipis…

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Mohon, tambahan untuk er… Kerdau, di Gambang pun ada tapak UiTM, sekarang dah jadi tapak solar sepatutnya tapak itu untuk institusi pendidikan.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Rakan saya daripada Lepar mengemukakan soalan yang hampir sama dengan Padang Tengku. Sebenarnya dia tanah ni, dia ada… ada apa er… enakmen dia, dia ada undang-undang dia. Kalau mohon nak buat bilik air, tak boleh buat hotel, kalau mohon nak buat apa pusat pertanian tak bolehlah nak buat pembangunan… bangunan.

Jadi, kalau dia ada melakukan kesalahan, kita sebagai tuan tanah berhak menguatkuasakan kepada orang yang memohon tu tetapi merujuk kepada persoalan saya, persoalan rakan saya daripada Padang Tengku, UiTM memang memohon untuk membuat kampus tetapi dia mula je niat masa meminang tu nak nikah, tapi dah sampai tengah jalan tak jadi nikah, dia nak buat benda lain pulak.

Dato Sri Yang di-Pertua,

Jadi dia nak buat pertanian, pertanian tu telah dipohon semula kepada apa, dia ubah niat tu, dia mohon semula dah dengan er… Pejabat Daerah Lipis dan dalam mesyuarat tanah katanya telah dibincangkan yang dat… rakan saya daripada Padang Tengku juga ada dalam mesyuarat tanah tu.

Jadi kita akan mengikut keputusan yang diperakui oleh rakan kita daripada Padang Tengku untuk dibawa ke dalam MMK. Kalau rakan kita Padang Tengku setuju, kita setuju. Kalau rakan kita daripada Padang Tengku kata tak setuju dalam mesyuarat tanah tu kerana tuntutan orang ramai begitu, maka Kerajaan Negeri sudah tentu di bawah ke… Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan menyuarakan suara rakyat untuk er… apa yang sepatutnya dikemukakan kepada Kerajaan Pusat.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Begitu jugalah apa yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Lepar. Cuma janganlah sampai dalam rumah kita, orang betina kita beli dek orang. Jadi jaga-jaga.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tak apa kot, Dato' Mus faham tu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, teruskanlah.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er… saya pergi kepada persoalan yang dikemukakan oleh rakan saya daripada apa… daripada Pulau Manis mengatakan betul ke tak boleh masuk sekolah? Pakat-pakatlah, pandai-pandai. Saya orang tak beri juga masuk sebenarnya walaupun saya Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran. Saya palau kan aje Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya panggil orang tu ke rumah… datang. Dia nak duit cek kita. Datang PIBG… datang, Guru Besar datang.

Ada satu kali tu Dato' Sri Yang di-Pertua, dia minta nak mengadakan sukan. Nak ke barang-barang, nak ke peruntukan. Kita nak gi hantar, saya serah depan pintu sekolah aje. Dah orang tak bagi masuk. Memang ada surat ini. Surat daripada Kementerian tak bagi masuk. Jadi kita nak kelahi buat guana? Orang tak bagi masuk rumah dia. Esok dia nak minta tanah, kita pakat cara lain pulak, [Ahli Dewan ketawa dan menepuk meja] Dato' Sri Yang di-Pertua.

Jadi saya rasa itu sajalah jawapan, mungkin ada lagi yang tak terjawab. Masa pendek, jadi kita akan jawabkan secara bertulis ataupun mengada pertemuan dari semasa ke semasa dengan rakan-rakan. Saya minta maaf di atas kesuntukan masa dan juga

apa waktu untuk saya perjelaskan. Saya juga mohon menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang peruntukan Bajet 2020. Terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat juga boleh dikatakan menepati masa jugalah, walaupun panjang tapi tepat jugalah. Saya jemput Pengerusi seterusnya Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Jemput, Yang Berhormat Dato' Sri.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Insya-Allah saya tidak akan mengambil masa yang lama kerana keadaan kesihatan yang tidak berapa mengizinkan tapi saya akan cuba juga menjawab beberapa perkara yang telah er… dikemukakan oleh rakan-rakan Ahli Dewan.

Sebelum itu Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, satu pantunlah. Rasa petang ini mengantuk dah semua ini.

Dari Ibam pergi ke Ketari,
Singgah di Maran membeli duku,
Negeri Pahang negeri berdikari,
Bersama memaju Pahang terus maju.

[Ahli Dewan menepuk meja]

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menyertai rakan-rakan lain mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan Belanjawan 2020 yang saya kira banyak mempunyai *wow factor,* dengan izin yang telah mengembirakan hati rakyat dan lebih-lebih lagi ada beberapa pengumuman yang er… telah membuatkan rakyat negeri Pahang ini begitu seronok sekali terutama pengumuman bantuan khas hujung tahun sebanyak RM750.00 dan rata-rata rakyat negeri Pahang rasa bangga kerana bantuan khas ini diberikan ya, melebihi bantuan khas yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mewakili kaum wanita seluruh negeri Pahang mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi perhatian khusus kepada peranan memperkasakan wanita di negeri Pahang dengan telah mengumumkan penubuhan Unit Hal Ehwal Wanita Negeri Pahang yang mana insya-Allah akan beroperasi mulai 1 Disember yang akan datang ini dan kita telah mengenal pasti lokasi pejabatnya akan berlokasi di Bangunan UTC Kuantan, Tingkat 1, Lot 11.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Yang mana buat permulaan ini, kita akan mempunyai 6 orang kakitangan yang mana ianya juga, pejabat ini juga nanti akan berfungsi sebagai pusat khidmat aduan wanita. Maknanya mereka boleh datang ya pada waktu pejabat, mengemukakan masalah-

masalah untuk kita bantu masalah mereka. Tak kiralah masalah ibu tunggal ke ya, apa saja masalah yang berkaitan dengan wanita di negeri Pahang. Dan kita juga er… berkaitan dengan itu telah mewujudkan Majlis Pembangunan Wanita Negeri Pahang yang mana keahliannya seramai 24 orang yang telah dikenal pasti daripada pelbagai latar belakang.

Jadi nak menjawab, Ketari tak ada pulak petang ini. Semalam Ketari kata dalam ucapan beliau, kalau boleh dia kata janganlah wakil daripada er… parti kerajaan sahaja, naklah letak juga parti pembangkang. Jadi saya nak beritahu, hak dia… hak kita dia nak, hak dia tak boleh. MPKK, kita dah setuju dengan segala syarat, dia nak batalkan buat MPKKP kerana tak puas hati tidak ada wakil daripada parti Pakatan Harapan. Bila kita buat majlis wanita ya, tiba-tiba dia nak pulak. Tapi tak ada masalah. Kita akan bincang ya.

Wanita untuk wanita, jangan bimbang dan keahlian ini berlatarbelakangkan daripada mereka yang profesional dalam bidang pendidikan ya, dalam bidang sukan, ada dalam bidang keusahawanan, ada dalam bidang kesukarelawanan ya dan juga ada ahli daripada parti pembangkang yang parti pembangkang mesra kerajaanlah, ya. Jadi, insya-Allah. Jadi perkara ini kita akan tengok dan yang pasti Majlis Pembangunan Wanita dan juga Pejabat Unit Hal Ehwal Wanita Pahang di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri ini akan memberi manfaat kepada wanita di negeri Pahang ini secara keseluruhannya. Jadi saya harap er… pihak pembangkang khususnya Ketari tidak bimbang dengan kewujudan majlis wanita.

Saya nak maklum kepada Yang di-Pertua sebenarnya kenapa kita wujudkan majlis wanita ini adalah ekoran daripada Jabatan Pembangunan Wanita di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ya tidak lagi memberi kerjasama kepada portfolio saya jadi kita terpaksa menggunakan cara lain dengan mewujudkan Majlis Wanita dan Unit Hal Ehwal Wanita di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan kebajikan juga ada dibangkit. Sebelum itu Dato' Sri di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan untuk tempoh 2018 melalui portfolio wanita juga telah kita keluarkan peruntukan sebanyak RM232,150.00 kepada program-program anjuran pelbagai NGO wanita di seluruh negeri Pahang.

Dato' Sri di-Pertua,

Berkenaan dengan er… portfolio kebajikan pula, er… pelbagai bantuan telah kita berikan juga baik melalui JKM mahupun melalui Kerajaan Negeri. Dan saya ucap terima kasih, ramai sekali Ahli-ahli Dewan yang menyebut tentang masalah kebajikan ini. Contohnya Ahli Padang Tengku, Ahli Chenor, Tahan, Beserah, Ketari, Triang, Bilut ya membangkitkan soal kebajikan.

Untuk makluman tahun 2020, Jabatan Kebajikan Masyarakat memperuntukkan sejumlah RM13.71 juta untuk penerima bantuan am. Seramai 3,808 orang akan terus mendapat manfaat daripada peruntukan tersebut dengan kadar bantuan RM300.00 sebulan. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2019 Dato' Sri di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM93.9 juta kepada 27,109 penerima bantuan di seluruh negeri Pahang. Daripada jumlah itu, RM13.48 juta adalah peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada 2,854 orang di seluruh Pahang.

Melalui pindaan kriteria penerima bantuan am negeri pada Januari 2019, Kerajaan Negeri telah memperluaskan kriteria penerima bantuan dari had umur 18 hingga 59 tahun kepada 18 tahun ke atas serta kriteria pendapatan adalah mengikut paras garis kemiskinan semasa dan tidak hanya mengikut er… PGK RM720.00 sebulan. Sehingga Oktober 2019, seramai 505 orang penerima bantuan JKM telah diberi bantuan geran pelancaran melalui program *2 Years Exit Programme* (2YEP) iaitu bantuan kewangan dengan kadar RM2,700 sekaligus untuk menjalankan perniagaan kecil-kecilan. Ianya adalah bertujuan untuk memperkasakan ekonomi *client* Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dan daripada jumlah itu juga Kerajaan Negeri melalui peruntukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, melalui peruntukan Exco-exco dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Barisan Nasional khususnya telah memberikan pelbagai bantuan kepada pesakit-pesakit kronik, buah pinggang, kanser, jantung, stroke, diabetes dan lain-lain ya. Untuk ini sahaja, bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM7.264 juta - 2019, 2018 - RM6.615 juta, 2017 - RM5.997 juta ya dan selain daripada itu untuk bencana pula ya untuk mangsa rebut, untuk mangsa kebakaran, lain-lain bencana, banjir kilat dan sebagainya rumah kena hempap pokok dan sebagainya Dato' Yang di-Pertua, 2019 sahaja Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM1.327 juta ya. Jadi kita ni tak uar-uar, kita tak ada *branding* ya tetapi kita tidak janji kita lihat sahaja lah bukti Dato' Sri Yang di-Pertua.

Jadi untuk menghadapi bencana, kita ni dah nak masuk musim tengkujuh ya kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi persediaan menghadapi bencana. Ia disalurkan melalui Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka Negeri Pahang dan disalurkan kepada Tabung Bantuan Malapetaka Daerah yang mana ini adalah amalan yang telah dibuat sejak tahun 1990, Dato' Sri Yang di-Pertua. Kerajaan Negeri juga melalui JKM telah mengenal pasti 118 buah pangkalan hadapan bagi menyimpan bekalan makanan seperti beras, gula, teh, kopi dan sebagainya untuk persediaan berlakunya bencana dan JKM juga mengenal pasti 662 pusat pemindahan bencana yang terdiri daripada sekolah, balai raya, dewan orang ramai dan surau.

Ha ni esok bencana ni jangan lah jangan kata tak boleh masuk sekolah tu tak yah bencana, banjir pun tak boleh juga masuk sekolah menghantar bantuan depan pintu pagar juga. Ha…ya jadi kita harap perkara ni dapat dilihat bersama kerana ia adalah untuk kepentingan rakyat secara bersama. Jadi er…untuk meringankan mangsa banjir, kebakaran, ribut ni JKM juga ada menyediakan bantuan seperti barang keperluan asas, makanan, tikar dan sebagainya saya rasa itu *standard* ya. Dalam beberapa kes tertentu saya sebut tadi Kerajaan Negeri juga membuat peruntukan-peruntukan tambahan kepada mangsa-mangsa bencana dan sehingga Oktober 2019 melalui Tabung Malapetaka Daerah sahaja ya sebanyak 712 kes er... telah pun dibantu dengan kos keseluruhan RM256,070 ya.

Jadi untuk OKU pula, untuk OKU…

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua. Mohon laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, sila.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

Saya nak tanya berkenaan dengan pangkalan hadapan. Er... sekarang ni lebih kurang 70% barang di... barang-barang di pangkalan hadapan telah diisi cumanya saya nak tanya berkenaan dengan er... pelupusan barang-barang tersebut. Kalau sebelum daripada ini er... selepas daripada habis tempoh banjir ianya akan diagih-agihkan kepada penduduk kampung yang terlibat dan saya mendapat maklum bahawa pada kali ini ianya… ianya akan dilelong. Kalau betullah saya nak… saya nakkan… nak pengesahan. Adakah benar ianya barang-barang tersebut akan dijual ataupun dilelong kemudian hasilnya akan diberikan sumbangan kepada institusi masyarakat yang berada di sekitar itu? Saya mahu pengesahan.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Er... saya rasa kita belum putuskan. Er... dia sebenarnya sekarang ini di negeri Pahang kita telah membuat satu sistem baharu. Jadi pembelian barang-barang ini kita beli daripada PDM, Pasar raya Darul Makmur dan kalau dulu memang betul dan ya kita ni ada teguran audit ya. Kita pula takkanlah barang makanan tu kita nak pulang balik. Kalau dah tak banjir, tak diagihkan jadi kita agihkan lah ya tapi ada teguran audit kerana er... dan kita juga terpaksa akur er... dengan peraturan-peraturan audit.

Jadi kali ini bila kita bagi... kita beli dari Pasar raya Darul Makmur jadi Pasar raya Darul Makmur telah memberi jaminan bahawa mereka akan membeli kembali barangan tersebut daripada kita ya. Jadi tidak akan ada timbul perkara-perkara yang akhirnya akan menyusahkan kita dengan pihak-pihak audit.

Okay, saya teruskan balik ada juga yang membangkitkan tentang OKU dan sebagainya, NGO-NGO OKU di Negeri Pahang ini banyak juga yang telah diberikan geran ya geran bantuan iaitu Persatuan Orang Pekak Pahang, Persatuan Pemulihan Sinar Suria bagi orang cacat Temerloh ya sebanyak RM20,000.00 setahun. Pertubuhan Pengurusan Pusat Jagaan Orang Istimewa Mentakab mendapat geran RM60,000.00 dan 52 buah pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) telah menerima geran pentadbiran sebanyak RM6.5 juta, itu berkaitan dengan er... kebajikan.

Berkenaan dengan kebudayaan Dato' Sri Yang di-Pertua…Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa banyak juga program-program kebudayaan yang telah kita pantau dan kita buat bersama ya dan saya juga tertarik dengan perbahasan rakan-rakan berkenaan dengan tulisan Jawi. Walaupun tulisan Jawi ini tertakluk di bawah PBT pelaksanaannya ya dan tadi pula disebut oleh rakan saya daripada Kerdau.

Sebenarnya Jawi ini adalah satu warisan budaya kita, warisan negara kita ya sebab itu kita menjadikan ia satu kempen untuk kita mengembalikan kegemilangan tulisan Jawi di negeri Pahang ini dan saya tertarik dengan er... rakan daripada saya tak ingat mana yang mengatakan bahawa Persatuan Khat Negeri Pahang mungkin boleh kita bincang bersama dengan Majlis Kebudayaan Negeri untuk kita mengaturkan lebih banyak lagi kempen-kempen berkenaan dengan tulisan khat, tulisan Jawi supaya ia memberi orang kata *awareness,* kesedaran kepada masyarakat bukan Melayu ya bahawa banyak salah faham tentang tulisan Jawi ini telah berlaku.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Ada juga yang membangkitkan Pekan Budaya, Pekan Warisan ya. Saya akui banyak sekali bangunan-bangunan lama di negeri Pahang ini yang terbiar, uzur dan sebagainya dan insya-Allah kita akan cuba lihat dan mungkin kita akan cadangkan kepada pihak ECER dan juga Tourism Pahang ya untuk bersama-sama kita membaik pulih dan menjadikan ia sebagai salah satu tarikan pelancong di negeri kita.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin menyentuh sedikit tentang Perpustakaan yang mana ianya juga telah diberi perhatian oleh Yang Amat Berhormat er... Menteri Besar dalam Ucapan Belanjawan tempoh hari yang mana saya ingin memaklumkan juga apa yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Luit disebut Klinik Desa nak tutup, Perpustakaan Desa nak tutup, tak ada pun sebenarnya sebarang perancangan untuk menutup sebarang Perpustakaan Desa di negeri Pahang ini lagi-lagilah di Luit ya. Jadi tak ada… tak ada nak tutup.

Jangan bimbang ya yang mana kita memang sentiasa cuba untuk menaik taraf ya kemudahan-kemudahan yang ada di perpustakaan kita dan di… kita di Pahang ni mempunyai 75 buah perpustakaan secara keseluruhannya ya dan kita telah pun membuat pelbagai aktiviti dan statistik pada tahun 2018 Dato' Sri Timbalan Yang di-Pertua, mencatatkan penyertaan komuniti seramai 127,000 orang ya dalam program-program pembudayaan ilmu yang dijalankan oleh pihak perpustakaan dan bagi tahun 2019, daripada Januari hingga Oktober telah mencatatkan penyertaan 85,000 orang untuk 1100 program yang telah dilaksanakan dan kejayaan ya kejayaan bersama Perpustakaan Awam…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dato' Sri Yang di-Pertua, minta laluan sikit.

Saya... Exco, saya nak menyentuh tentang Perpustakaan Desa. Saya nak tanya peranan Jawatankuasa Penasihat yang diletakkan YB. lah saya ingat, saya ada perjawatan tu diberikan tempat lain saya tak tahu tapi di Lipis saya Pengerusi Jawatankuasa Penasihat itu. Er… saya tak tahu apa peranan yang sebenarnya sebab saya nak rujuk satu kes di mana penutupan Perpustakaan Merapoh ya ditutup. Sebenarnya kita tak dapat maklumat pun sebab dalam mesyuarat jawatankuasa di peringkat er… tertinggi dia tak melibatkan apa ni er… apa ni er… Jawatankuasa Penasihat ni jadi kita tak tahu apa peranan sebenarnya.

Sebab bagi saya apabila kes di Lipis apa Perpustakaan Merapoh tu, isu yang pertama ialah dikatakan ditutup kerana pada masa tu *staff* tak ada, *staff* tak ada kerana dia berhenti maka tak diisi perjawatan tu tak diisi walaupun temuduga telah dibuat, telah dilakukan dan kemudian alasan kedua yang diberikan er… saya tanya kerana perpustakaan itu ada kerosakan yang memerlukan pembaikan. Maka atas inisiatif yang saya buat dan dapat kelulusan daripada Yang Amat Berhormat, duit dan er... ada duit dan er... memang dah sampai pun tapi kemudian akhirnya ditutup juga er… dan diagihkanlah barang-barang tak tahu ke mana pun diagihkan tak tahu. Saya dengar ke sekolahlah. Saya dengar ke pusat internetlah. Tapi persoalannya kita nak tahu apa peranan dan kenapa isu-isu yang semacam ni tidak dirujuk dan kenapa pulak kita tidak dipanggil untuk ke mesyuarat itu dia panggil DO sedangkan saya faham er… ialah DO rujuk dengan kita la pulak lepas itu kan. Jadi… jadi… jadi peliklah kan patutnya mungkin kita terus jer DO jadi jawatankuasa penasihat itu, kita ADN ni duduk macam mesyuarat tanah pun tak apa, kedudukan tu dia jadi tak kena di situ.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Teguran daripada Padang Tengku ini akan kita ambil perhatian ya. Peranan ni sebenarnya banyak peranan dan saya ucapkan terima kasih kepada Padang Tengku kerana daerah Lipis antara er… perpustakaan ataupun Lembaga Penasihat yang aktif. Selain daripada yang paling aktif Bentong lepas tu Temerloh, Maran dan Lipis antara yang aktif saya ucap terima kasih. Dan isu dan isu saya rasa isu Perpustakaan Desa Merapoh ini sebenarnya lebih kepada tidak mendapat sambutan ya dan sekiranya perlu saya akan minta pihak perpustakaan untuk membuat penjelasan bertulis kepada ADN Padang Tengku selepas ini.

Jadi kembali kepada perpustakaan ini saya ingin menguar-uarkan juga bahawa Perpustakaan Awam Sultan Ahmad Shah, perpustakaan negeri kita telah bekerjasama dengan Petrosains ya yang mana pengunjung ya untuk Petrosains setakat ini melalui er… pelbagai Program Festival Sains, *play smart* dan sebagainya, kehadiran pengunjung telah mencapai seramai 21,000 ribu orang ya memang mendapat sambutan dan sepertimana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat er… Menteri Besar er… kita juga telah berjaya menganjurkan Program Buat Kerja Sekolah ya. Untuk makluman, Program Buat Kerja Sekolah ini telah kita laksanakan sejak tahun 2013 dan kitalah satu-satu negeri ya di seluruh negara yang melaksanakan Program Buat Kerja Sekolah di perpustakaan sama ada di Perpustakaan Negeri mahupun di Perpustakaan Daerah dan juga Perpustakaan Desa ya.

Yang mana er… untuk tahun 2017 hingga 2019, 71,680 orang pelajar telah mengikuti Program-program Buat Kerja Sekolah di daerah desa. Dan pada 2017, 33 orang pelajar daripada program ini telah mencatatkan keputusan yang cemerlang dalam UPSR, PT3, SPM, STAM dan juga STPM. Dan saya nak mengumumkan juga er… untuk u-Pustaka ya, u-Pustaka ataupun bahan bacaan digital *e-book* yang diakses melalui digital er… telah mendapat ya apa yang telah dilaksanakan di Perpustakaan Awam negeri Pahang telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia melalui Perpustakaan Negara Malaysia dinobatkan sebagai yang mana Perpustakaan Awam Pahang telah dinobatkan sebagai juara Perpustakaan Awam Se-Malaysia dalam Anugerah Tranformasi u-Pustaka 2019. [Ahli Dewan menepuk]

Jadi kita ucapkan syabas kepada kakitangan perpustakaan kita yang telah berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan ya kepada rakyat negeri Pahang melalui perpustakaan. Saya rasa itu sahajalah Dato' Sri Yang di-Pertua untuk portfolio saya er… jadi saya juga mengharapkan agar negeri kita ini akan terus maju di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kita dapat sama-sama tidak mengira latar belakang parti, tidak mengira latar belakang budaya, latar belakang agama kita juga untuk menjaga keharmonian dan perpaduan.

Saya tertarik ya sebab Wakil daripada Triang ada menyebut sebelum dia mengakhiri ucapan tentang menjaga soal perpaduan ini dan saya kira dalam menjaga soal perpaduan ini kita kena kembali untuk melihat sejarah bagaimana kemerdekaan kita dicapai? Bagaimana bangsa-bangsa yang ada di negara kita ini mencapai kemerdekaan secara bersama? Bagaimana kita saling hormat menghormati antara satu sama lain? Bagaimana ya Allahyarham Tunku Abdul Rahman bersama dengan Tun Tan Cheng Lok mendiang bersama dengan mendiang Tun Sambanthan telah mencapai satu kata sepakat dalam kontrak sosial untuk menentukan perpaduan di negara kita itu? Jadi dengan ini saya menyokong penuh ya ucapan usul belanjawan

yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Industri Asas Tani dan Bioteknologi Negeri Pahang. Silakan.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Bismillahhirrahmanirrahim. (Ayat al-Quran)

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pertama sekali saya mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kerana memberi izin kepada saya dan peluang untuk menggulung sesi perbahasan er… berkaitan dengan pembentangan bajet yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar pada 18 November, Isnin yang lalu.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar yang telah membentangkan satu bajet yang cukup baik er… mantap dan juga mencakupi seluruh aspek kehidupan. Dan tambahan pula bajet ini merupakan bajet yang lebihan kepada Kerajaan Negeri Pahang. Alhamdulillah syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri yang mempunyai visi dan juga komitmen yang tinggi untuk terus memajukan negeri Pahang Darul Makmur.

Insya-Allah, saya yakin rakan-rakan dalam barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan serta penyokong-penyokong kerajaan dan rakan-rakan yang bersama-sama dengan Barisan Nasional dan saya kira yakin juga Ahli-ahli Dewan daripada barisan pembangkang turut serta mendokong er… usaha Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan sudah tentunya bajet ini meletakkan er… impian dan juga pengharapan yang tinggi di kalangan rakyat jelata.

Seperti mana yang kita sedia maklum saya ingin er…. menyatakan bahawasanya dalam bajet ini Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar tidak melupai sektor pertanian. Dan apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar ni adalah selaras dengan satu laporan yang telah disediakan oleh Bank Dunia melalui Pengurus Negara Bank Dunia ke Malaysia yang bernama Firas Saad iaitu laporan Bank Dunia yang bertajuk 'Tranformasi Pertanian dan Pertumbuhan Inklusif: Pengalaman Malaysia'.

Malahan dalam laporan yang dikemukakan jelas menyatakan bahawasanya sektor pertanian negara ataupun tiada negara, dengan izin, tiada negara melaksanakan peralihan kepada status penetapan pendapatan tinggi tanpa tranformasi pertanian. Iaitu sektor pertanian negara perlu Pelan Tranformasi Ekonomi dan sudah tentu ekonomi akan menjadi sukar beralih status pendapatan jika tiada perubahan kepada industri ataupun sektor pertanian.

Justeru itu apa yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar ialah selaras dengan hasil laporan ini. Dan insya-Allah kerajaan negeri akan melaksanakan pelan-pelan pembangunan dalam sektor pertanian dan juga akan bekerjasama dengan kerajaan pusat bagi

merealisasikan hasrat ini demi masa depan negara… demi masa depan negeri, negara dan rakyat jelata yang tercinta.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri kerana sektor pertanian telah mendapat peruntukan sejumlah RM9.23 juta dan daripada peruntukan ini, sukacita dimaklumkan bahawasanya kerajaan negeri telah memperuntukkan RM5 juta bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan dan produk industri asas tani. Antara usaha kerajaan negeri ialah untuk meneruskan program pembangunan buah-buahan untuk meningkatkan produktiviti tanaman melalui program pembangunan benih tanaman dan juga menyediakan benih-benih pokok buah-buahan yang berkualiti ya.

Malahan er… di samping er… meneruskan pembangunan buah-buahan dan industri asas tani melalui peningkatan produktiviti tanaman dengan penggunaan benih-benih yang berkualiti. Bekalan benih ini boleh diperolehi melalui pengeluaran benih yang mendapat pengiktirafan menerusi Skim Pengesahan Benih Tanaman yang disahkan oleh Jabatan Pertanian seperti durian D197 Musang King, D145 Beserah, D168 Hajah Hasmah, nangka J33, Tekam Yellow dan sebagainya. Juga pihak kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian mengenal pasti *variety* durian kampung yang berpotensi untuk diketengahkan bagi mempastikan dusun-dusun lama dapat dibangunkan melalui program pembangunan buah-buahan terpilih.

Kerajaan secara berterusan merancakkan lagi usaha untuk mempertingkatkan pengeksportan durian. Sehingga kini di Malaysia terdapat 11 syarikat yang mendapat kelulusan untuk mengeksport buah durian ke negara China dan 4 di kalangan syarikat ini adalah syarikat yang berada di negeri Pahang. Malahan dalam tahun 2018 Pahang telah berjaya mengeksport buah durian sebanyak 148 tan…hasil sebanyak dengan nilaian sebanyak RM35 juta. Dan bagi tahun 2019 sebanyak 828 tan telah dieksport dengan nilaian sebanyak RM35 juta. Peningkatan ketara ini disebabkan kelulusan eksport ke negara China dalam bentuk *whole fruit* yang telah diperolehi dalam tahun 2019.

Untuk menjadikan negeri Pahang sebagai pengeluar utama bahan utama makanan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.3 juta bagi membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang terbesar di negara ini bagi sayur-sayuran dan tanaman kontan seluas 80 hektar di dalam daerah Kuantan.

Setakat ini Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kita dah ada lapan belas er…TKPM, di mana tujuh belasnya merupakan TKPM yang di…er…taja ataupun dibiayai oleh er…Kerajaan Pusat, manakala yang satunya dibiayai oleh kerajaan negeri. Malahan er…bagi menjawab soalan ya rakan saya daripada Muadzam Shah yang menyatakan er…berhubung dengan TKPM Muadzam Shah yang baharu-baharu ini diserang dengan er…atau diserang oleh gajah-gajah liar ya er…di TKPM Muadzam Shah yang mana telah menyebabkan kerugian menjangkau lebih kurang dalam RM7.0 juta kesemuanya kepada pengusaha-pengusaha yang terlibat.

Maka usaha yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri ialah antara lainnya untuk er…pertama sekali memohon dengan Kerajaan Pusat peruntukan er… tak kurang daripada RM500,000.00 bagi memperbaiki er… atau menyelenggara parit er… keliling dan juga membina pagar elektrik bagi mengelakkan serangan gajah yang seterusnya kerana di TKPM Muadzam Shah ini dia tidak ada er… pagar elektrik yang er… dapat er… menghalang musuh-musuh tanaman terutama sekali gajah daripada menyerang di kawasan yang terbabit. Jadi ini adalah hasil daripada pengalaman yang telah kita

perolehi di TKPM Jelai iaitu apabila TKPM Jelai diserang oleh gajah-gajah liar daripada kawasan persekitarannya.

Maka Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar telah bersetuju untuk menyediakan peruntukan sebanyak RM500,000.00 dan kita telah menggunakan sebahagian daripada peruntukan itu lebih RM300 lebih ribu untuk membina pagar-pagar elektrik di sekelilingnya dan sehingga hari ini alhamdulillah setakat ini er… serangan ataupun tidak ada berlakunya serangan gajah liar daripada kawasan sekeliling.

Namun pada masa yang sama kita juga sedang berusaha dengan pihak Jabatan Perhilitan untuk mempastikan supaya dalam perancangan untuk membangunkan kawasan-kawasan yang dikhususkan untuk TKPM. Kita juga mengambil kira senario ataupun keadaan sekitar untuk mempastikan agar kita boleh membuat suatu apa nama langkah-langkah *mitigation,* dengan izin, lebih awal sebelum kita melaksanakan projek-projek yang berkaitan.

Dan untuk itu juga, saya juga ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Padang Tengku ya. Padang Tengku membangkitkan tentang projek yang Taman Herba di er…Kampung Chegah Perah ataupun berdekatan dengan FELDA Chegah Perah. Inisiatif ini sebenarnya adalah di bawah usaha daripada ECERDC dan sebahagian daripada 700 lebih saya ingat ini ekar yang telah pun diperuntukkan untuk er…projek ini er…diperuntukkan kepada ECER. Dan er…setakat ini sebahagian daripada kawasan yang telah diperuntukkan telah dimajukan. Namun sepertimana yang rakan saya daripada Padang Tengku nyatakan bahawasanya er… perkembangannya tidak memberangsangkan.

Insya-Allah pihak Kerajaan Negeri akan campur tangan dan juga bekerjasama dengan pihak ECERDC untuk pastikan agar kawasan yang diperuntukkan ini dapat dioptimakan penggunaannya dan juga mendapatkan penglibatan daripada penduduk-penduduk setempat di kawasan tersebut.

Dan insya-Allah kita akan juga pelawa pemimpin setempat termasuk ADN kawasan Padang Tengku untuk turut serta dalam merangka satu pelan pemulihan insya-Allah yang boleh di er…laksanakan demi untuk kebaikan semua. Ini adalah susulan daripada peruntukan yang telah disediakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sebanyak RM400 ribu bagi pembangunan tanaman industri seperti kelapa, komoditi pelbagai termasuk herba ya, rempah ratus, cendawan dan sebagainya. Jadi sedikit sebanyak insya-Allah kita akan manfaatkan juga ya peruntukan yang disediakan ini.

Bagi er…menjawab soalan daripada ADN Bilut iaitu berkaitan dengan amalan pertanian baik yang diperlukan oleh pemain-pemain industri dengan menggunakan aras yang ditetapkan dalam persijilan myGAP dan myOrganic untuk menghasilkan makanan yang berkualiti dan selamat di samping dapat memelihara kelestarian alam sekitar.

Jadi er… bagi menggalakkan pertanian secara organik, kerajaan melalui Jabatan Pertanian telah menyediakan Program Pembangunan Ladang Organik yang telah menyalurkan beberapa dan telah menyalurkan beberapa inisiatif ataupun insentif kepada pengusaha-pengusaha seperti penyediaan infrastruktur dan bahan-bahan input pertanian termasuk peralatan pertanian, benih, baja dan sebagainya. Sehingga kini sebanyak RM679,400.00 telah disalurkan kepada 58 petani dengan keluasan 86.6 hektar di bawah pembangunan ladang organik dan dari semasa ke semasa Jabatan

Pertanian akan terus memperkasakan program ini agar er… penglibatan petani-petani dalam ladang organik ini dapat dikembangkan dengan lebih pesat.

Di samping itu juga penglibatan pelabur sebagai *anchor company* untuk membantu petani dipertingkatkan khususnya melalui penggunaan teknologi dan pemasaran hasil secara terkini. Keberadaan pihak pelabur ini juga sedikit sebanyak dapat memacu dan juga er… memperkenalkan penggunaan teknologi terkini sebagai contohnya seperti syarikat er… Monolazri Sdn. Bhd di Bukit Tinggi, Bentong ataupun di Genting yang mengeluarkan sayur-sayuran secara automasi iaitu produk salad dan ianya merupakan satu perusahaan yang cukup baik, maju dan berdaya tahan. Insya-Allah inilah pendekatan yang akan kita ambil iaitu memperkenalkan di er… teknologi-teknologi terkini melalui er… Industri Revolusi 4.0, IR 4.0 dan juga er… *Internet Of Things* (IOT), dengan izin.

Tumpuan juga diberikan kepada pemprosesan makanan atau Industri Asas Tani bagi mengelakkan berlakunya lambakan. Sebanyak 300,000 disediakan bagi menambah nilai dan merancakkan lagi pertumbuhan industri di sepanjang rantaian pengeluaran.

Kerajaan juga amat menekankan penghasilan persijilan halal bagi produk IAT di mana setakat ini daripada 638 usahawan di bawah bimbingan Jabatan Pertanian er… sebanyak 92 er… sijil halal telah diperolehi oleh usahawan-usahawan ini maknanya 92 er… ni usahawan ini telah memperolehi sijil halal dan insya-Allah, apa yang dibangkitkan oleh rakan daripada Tanjung Lumpur tentang er… berlakunya kegersangan ya produk-produk ini halal er… untuk ni pelanggan-pelanggan khususnya di PDM ataupun er… Pasar raya Darul Makmur ini akan er… dapat juga er… ditangani insya-Allah.

Satu usaha akan dibuat untuk mempastikan atau usahawan-usahawan yang er… mengusahakan produk-produk IAT ini khususnya yang mempunyai sijil-sijil persijilan halal… halal ini dapat menjadi er… pembekal utama kepada pasar raya-pasar raya yang ada di seluruh negeri termasuk Pasar raya PDM.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin er… menjawab soalan yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Kemayan iaitu tentang er… kacau ganggu er… daripada industri penternakan ayam komersial yang er… menjadi isu kepada penduduk setempat. Kerajaan Negeri insya-Allah akan mencadangkan agar satu usaha untuk memperkasa ya *SOP* er… yang telah ada dalam Enakmen Unggas er… Negeri ini dan er… di mana antara lainnya mungkin cadangan er… dibuat untuk membenarkan er… aktiviti ataupun er… pelaksanaan er… ternakan er… ayam ini dalam radius er… 10 kilometer daripada penempatan awam.

Ini… ini cadangan yang akan di er… dikemukakan, kita sedang menyediakan satu kertas cadangan untuk kelulusan er… Exco dan juga Kerajaan Negeri dan insya-Allah er… setelah adanya garis panduan ini kita mengharapkan er… satu er… perkembangan yang lebih sihat, positif akan berlaku dan juga er… pihak Kerajaan Negeri sedang memikirkan mungkin untuk er… mensyaratkan, mewajibkan semua reban-reban yang baharulah er… akan dikuatkuasakan penggunaan secara tertutup ya tidak lagi secara terbuka sepertimana yang ada di setengah-setengah kawasan.
Dan kita cukup yakin kerana terdapat er… terdapat reban-reban yang seumpama ini ya yang telah dilaksanakan di Raub yang mempunyai er… sistem berteknologi tinggi yang er… terkini ya dan er… ini telah juga memberi pulangan yang baik kepada pihak ni penternak dan juga tidak mendapat ni sebarang er… ni… ni *complaint*, dengan izin

daripada penduduk-penduduk setempat insya-Allah. Dan er… berkaitan dengan er… usaha yang dibuat oleh Jabatan er… Veterinar ataupun usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar, kita juga ingin memperkasa er… industri ternakan ini untuk menjadikan negeri Pahang sebagai salah satu daripada negeri pengeluar sama ada susu ataupun er… daging yang er… utama di negara ini insya-Allah.

Jadi er… melalui pendekatan, pengujudan apa yang dipanggil sebagai *dairy valley* ya iaitu lembah tenusu di Rompin, kita terus er… memperkasa er… industri ini dengan er… memberi peluang kepada er… usahawan-usahawan yang sedia ada untuk mengembangkan lagi er… ni… perusahaan mereka dan er… seluas 500 ekar telah diberikan kelulusan kepada Syarikat Holstein er… untuk er… terus er… merancakkan lagi er… usahawan ataupun er… aktiviti ternakan er… mereka khususnya dalam pengeluaran susu segar melalui jenama *Farm Fresh*.

Dan er… kita juga telah mengenal pasti er… satu kawasan seperti Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sebutkan dalam er… jawapan er… pagi tadi iaitu di er… daerah Raub er… satu kawasan er… yang telah diperuntukkan kepada… awalnya kepada er… Jabatan Veterinar iaitu Pusat Genetik di er… Pembangunan Genetik di Raub itu telah dikenal pasti dan er… pihak kerajaan akan juga bekerjasama dengan pihak swasta untuk mempastikan er… projek *integrated project* iaitu projek bersepadu er… yang melibatkan pengeluaran susu ya susu kerbau er… susu kerbau bagi er… kegunaan er… masyarakat di er… negara ini dan juga er… produk ini boleh juga atau susu kerbau ini boleh juga ditambah baik dengan er… ini membuat apa yang dipanggil sebagai er… keju er… *mozzarella*… *mozzarella cheese* ya yang diperbuat daripada lembu er… ini ataupun susu kerbau.

Insya-Allah akan dilaksanakan dan juga kita kenal pasti bahawasanya syarikat ini juga mampu untuk er… mengembangkan ternakan lembu er… dengan er… jenis *hybrid*lah iaitu…

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Mohon celah, mohon celah Yang di-Pertua. Saya baharu dengar juga susu kerbau ini. Saya nak tahu sama ada pihak kerajaan ini susu kerbau ini baharu R&D ke atau dah *mass production* ke macam mana? Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak ini kerbau ini dia bukan lagi ni R&D dia dah ada er… syarikat ini sedang mengusahakan er… ni ladang mereka di Selangor sebenarnya di Semenyih dan kawasan itu agak kecil maka er… mereka telah diberi peluang untuk meninjau dan mengenal pasti kawasan yang mempunyai potensi yang besar untuk dikembangkan. Dia dah ada er… berapa ratus dah ekor kerbau yang diimport daripada India.

Kerbau ini dia… dia besar kalau kita tengok. Saya dah pergi dah melawat kerbau dia besar bukan macam kerbau kita di kampung ini, kerbau ni kerbau susu makna dia besar dan er… mempunyai potensi yang tinggi er… untuk dimanfaatkan dan er… oleh kerana kekangan kawasan er... di Semenyih itu maka kita telah mempelawa er… usahawan ini usahawan ini untuk er… membesarkan lagi aktiviti ataupun projek mereka dan er… satu kawasan di Bukit Kajang di Raub telah pun dikenal pasti insya-Allah ianya akan juga dapat membantu penternak-penternak tempatan di persekitaran itu untuk turut serta er… dalam projek yang telah pun dirangka.

Dan kita juga mohon supaya er… syarikat ini bekerjasama dengan syarikat er… berkaitan kerajaanlah GLC untuk sama-sama kita manfaatkan sepenuhnya. Jadi ia bukan lagi R&D, dia dah ada dah dia punya projek, *on-going project,* dengan izin. Pada masa yang sama juga ini er… Dato' Sri er… ini… Yang di-Pertua, kita akan terus perkasakan lagi kawasan-kawasan khususnya er… padang-padang ragut yang telah dikenal pasti er… di bawah er… seliaan Jabatan Veterinar untuk dioptimakan secara lebih er… maksimum dan ini juga telah mendapat sambutan bukan sahaja daripada kalangan usahawan-usahawan tetapi penternak-penternak er… yang ada di kawasan-kawasan yang telah pun dikenal pasti tersebut, insya-Allah ya.

Yakin…saya yakin bahawa segala usaha yang er…hasrat murni Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar untuk er…menjadikan Pahang sebagai pengeluar utama juga dalam er…*production* pengeluaran susu, susu segar dan juga produk IAT er… susu ini dan juga daging akan dapat dipertingkatkan. Insya-Allah kita melihat peluang-peluang kerana apa dilihat misal contohnya kita tahu er… dari segi er… jumlah penggunaan ataupun er… pemakanan daging ini cukup tinggi dan kita tahu er… pasaran tempatan ataupun er… ladang-ladang tempatan ini hanya boleh mengeluarkan lebih kurang dalam 22% sahaja er… permintaan daripada keseluruhan yang ada dalam negara ini dan tujuh puluh lebih peratus... 78% semuanya daripada luar… diimport daripada luar. Jadi, bagi mempastikan kita dapat menangani ketidakseimbangan ini, maka Pahang insya-Allah di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, kita akan bergerak ke arah itu dan insya-Allah satu hari harapan ataupun inspirasi yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong er… yang mahu melihat Pahang dijadikan sebagai hub er… agro di negara ini dapat dilaksana dan direalisasikan, insya-Allah.

Menyentuh mengenai perikanan ya, sektor perikanan merupakan antara penyumbang ekonomi Malaysia sejak sekian lama. Menurut laporan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), permintaan terhadap ikan dijangka akan terus meningkat setiap tahun dan dianggarkan pada tahun 2025 ianya akan berjumlah 160 juta metrik tan.

Dan untuk itu, kita di Pahang contohnya pengeluaran sektor akuakultur negeri Pahang sehingga 31 Oktober 2019 telah mencapai sebanyak 11,800 metrik tan dengan nilaian hampir 200 juta dan jabatan pertanian juga mensasarkan lebih ramai lagi usahawan-usahawan muda untuk menceburkan diri dalam bidang ni termasuklah sebahagian merupakan itu ikan hiasan. Pengeluaran ikan hiasan sehingga 31 Oktober 2019 er… mencecah atau sebagai permulaan mencecah sebanyak 213,000 sebenarnya tapi yang lain-lain tu ialah daripada aktiviti akuakultur.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berhubung dengan er… perikanan dari segi er… perikanan juga… perikanan marin ataupun laut sehingga 31 Oktober 2019, jumlah pendapatan ikan marin di negeri Pahang bagi 3 daerah iaitu Pekan, Kuantan, Rompin adalah sebanyak 78,000 metrik tan dengan nilaian 588 juta dan ini merupakan satu jumlah yang cukup memberangsangkan dan insya-Allah kita akan terus perkasakan industri ini dan er… sepertimana yang kita sedia maklum, ada soalan yang telah dibangkitkan oleh rakan daripada Teruntum ya iaitu berkenaan dengan er… pembekalan blok ais bagi nelayan-nelayan dan er… daripada aspek ini terdapat 2 pengeluar air batu blok bagi kegunaan sektor perikanan iaitu Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) di… dan juga Syarikat Armada Sdn. Bhd., ya. NEKMAT ni di Jalan Sri Kemunting, Tanah Putih manakala Syarikat Armada Sdn. Bhd. ini di Tanjung Api.

Kapasiti pengeluaran kilang air batu NEKMAT adalah sebanyak satu… 1,100 - 1,200 blok sehari iaitu 1 blok lebih kurang dalam 130 kilogram 1 blok dan ini sebenarnya kalau di… di… apa nama ditukarkan ke unit *tonnage* antara 143 hingga 156 metrik tan sehari. Manakala bagi Syarikat Air Batu Armada ni ialah antara 500 - 800 blok sehari iaitu antara 65 - 104 metrik tan sehari dan er… Persatuan Nelayan Kawasan Kuantan pula merupakan penjual runcit air batu di kawasan Kompleks Pendaratan Ikan LKIM Kuantan yang mendapatkan bekalan air batu tersebut daripada pihak NEKMAT.

Jadi, keperluan penggunaan air batu bagi aktiviti pembungkusan dan penangkapan ikan di kawasan Kuantan khususnya di Kompleks Pendaratan Ikan Kuantan adalah sekitar antara er… biasanya antara 1,000 blok sehari, namun pada waktu kemuncak bulan September hingga November, penggunaan air batu meningkat 2 kali ganda hingga 2,000 blok sehari dan bagi memenuhi keperluan permintaan tempatan ni, pihak NEKMAT sedang melaksanakan penambahbaikan kepada mesin pembuatan air batu bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran kepada lebih kurang dalam 1,500 blok sehari iaitu peningkatan sebanyak 50% dan er… juga menambah baik bilik sejuk bagi menyimpan stok air batu. Ini adalah usaha dibuat sepertimana yang dibangkitkan oleh Teruntum tadi untuk memenuhi permintaan daripada nelayan-nelayan khususnya ketika waktu puncak.

Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua, itulah di antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan ADN. Terima kasih kepada er… semuanya yang membangkitkan er… isu-isu yang berkaitan dengan portfolio saya dan er… saya mengharapkan ianya telah pun dapat dijawab, sedikit sebanyak memberi penjelasan dan insya-Allah kalau sekiranya ada perkara-perkara yang memerlukan er… penjelasan selanjutnya pihak jabatan ataupun agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian akan secara sukacitanya memberikan maklumat dan membantu bukan sahaja pihak pemimpin setempat tetapi juga semua *players* dengan izin, dalam sektor pertanian ini untuk terus mendokong hasrat dan usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar bagi memastikan insya-Allah satu hari Pahang akan menjadi pengeluar utama bukan sahaja dari segi ruminan, daging dan juga tenusu tetapi juga pengeluar utama makanan di negara Malaysia yang tercinta ini.

Jadi, dengan itu saya dengan ini juga menyokong bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar pada 18 November yang lalu. [Ahli Dewan menepuk meja] Terima kasih. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat dari pihak kerajaan. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan Negeri Pahang. Silakan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Bismillahhirahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih. Saya juga seperti rakan-rakan yang lain ingin mengucapkan tahniah er… kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kerana telah pun membentangkan bajet yang begitu komprehensif yang setiap sektor

disentuh dan dalam masa yang sama juga kesungguhan yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri untuk mencari untuk mempastikan supaya negeri Pahang ini menjadi sebuah negeri dengan izin, *independent* iaitu negeri yang boleh berdiri di atas kaki sendiri walaupun kita tahu kekangan-kekangan yang ada kerana kita bukan lagi negeri yang merupakan negeri *favourite* kerana kita adalah merupakan negeri pembangkang.

Walau bagaimanapun Yang Amat Berhormat Dato' Sri Pengerusi ya apa nama… Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa walaupun kita pembangkang tetapi kita lihat apa yang disebut ya pepatah yang disebut "*thats a light at the end of the tunnel"* "ada cahaya di hujung terowong". Saya nak ucapkan tahniah kepada calon Barisan Nasional kita di Tanjung Piai yang telah menang dengan bergayanya. Apapun telahan yang dibuat kita kena mengakui bahawa rakyat telah berubah arah. Selama 1 tahun 8 bulan rakyat boleh membuat er… perbezaan. Er… rakyat boleh membuat perbandingan di antara kerajaan yang dulu dan kerajaan yang sekarang.

Kita juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan kita terutama sekali parti PAS, Parti Islam Se-Malaysia. PAS ini kalau nak dilihat apa pun orang bagi tahu bahawa PAS ini sebuah, seorang sahabat. Dulunya bukan sahabatlah, dulunya berlawanlah tapi sekarang dah jadi sahabat. Maknanya keikhlasan PAS itu menghulur tangan ketika kami kalah bukannya menghulur tangan ketika kami menang. [Ahli Dewan menepuk meja] Maknanya PAS ini ya PAS benar-benar melihat bahawa mesti ada penyatuan kesatuan terutama sekali kita orang Melayu dan orang Islam.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sebab itulah saya cukup yakin bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kalau kita tengok rambut dia pun dah dia cuba sorok-sorok sikit makin kurang dah, saya tahu… saya dengan dia sejak tahun 2004 lagi… dulu lebat… sekarang, dulu okay lagi, macam saya dulu sebelum jadi Menteri Besar, sekarang tengok… maknanya berfikir pagi, petang, siang, malam macam bagaimana nak mempastikan supaya kita akan menjadi sebuah kerajaan yang apa yang kita katakan *independent* ataupun boleh berdiri di kaki sendiri.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ingin menjawab ya dulu soalan-soalan yang telah diberikan oleh rakan-rakan sebagai soalan tambahan er… kerana er… sebelum itu saya nak ucap terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kerana telah pun memperuntukkan bajet sebanyak RM10.4 juta kepada sektor pelancongan pada… untuk tahun 2020.

Saya hendak menjawab soalan yang mohon izin saya jawab soalan pertanyaan yang dikemukakan oleh rakan-rakan ADN. Ini saya kena sebut. Dulu saya ada sekali tu saya tak sebut, ramai sms kepada saya apa Dato', ini Wakil daripada Lanchang tak sebut kami beria buat *homework* dan sebagainya. Saya hendak sebut sorang-sorang saya nak sebut.

Saya nak ucap terima kasih kepada ADN Bilut, ADN Beserah, ADN Ketari, er… Wakil daripada Ketari, Wakil daripada Padang Tengku, Wakil daripada Sungai Lembing, Cheka, Tanah Rata, Teruntum, Muadzam Shah er… Bukit Ibam, Damak, Tahan, Kemayan dan yang terakhir sekali Teras. 14 ADN er… 14 Wakil yang telah er… yang telah er… terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar camna tak sayang (ketawa). 14 er… Wakil er… apa nama tu ADN yang telah pun menyentuh portfolio

saya secara langsung atau tidak langsung sama ada dari segi pelancongan, perladangan ataupun dari segi alam sekitar. Yang terbanyak adalah ADN er… Wakil daripada Padang Tengku. Dia pun dah balik dah agaknya.

5 soalan, 5 perkara ini saya nak ucap terima kasih. Saya nak puji jugalah ya kerana saya ini er… ini penggulung yang terakhir ya Yang Berhormat… Yang… Yang Berhormat Yang di-Pertua ya? Jadi saya tak akan ambil masa malam er… masa yang lama cuma 2 jam 45 minit sahaja kerana yang terakhir. Jadi tak adalah selepas saya ini. Suka hati sayalah *because the floor is belong to me… it's up to me.*

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

YB… YB… tapi sebelum maghriblah ya.

YB. DATO' HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih. Maknanya, tapi Yang Berhormat Yang di-Pertua saya boleh jamak. Jamak Takhir.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Padang Tengku 5 soalan… 5 perkara disentuh er… Muadzam 3 perkara disentuh, Bilut 1, Beserah, Ketari 2 er… Sungai Lembing 1, Cheka 1, Teruntum 2, Damak 1, Teras 2, Kemayan 1, Tahan 1, Ibam 1 dan Muadzam 1. Terima kasih saya ucapkan. Saya juga nak ucap tahniah la kepada er… ini *secretariat* sebab kali ini agak *detail*. Termasuklah catitan yang diambil sendiri oleh Yang Berhormat Dato' Sri SS ya, Setiausaha Kerajaan Negeri. Ada satu soalan daripada Ibam tak silap yang bukit ape yang… Tasik Biru ya? Daripada Ibam. Itu saya akan jawab.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya hendak mulakan ya. Saya tak akan jawab semua, saya akan cuba jawab lebih kurang dalam 14 soalan atau 13 atau 12 soalan, 12 perkara yang er…duanya telah pun dijawab oleh sahabat saya er…Wakil Kerajaan daripada Kerdau dan satu lagi daripada er…ini Benta. Jadi saya akan jawab kalau Yang Berhormat hendak saya jawablah er…Yang di-Pertua. Kalau Yang di-Pertua jawab takyah jawab saya tak yah jawab. Jawab ya. Ha…jawab. Okay. 2 jam 40 minit.

Wakil daripada Padang Tengku mohon Kerajaan Negeri untuk mewartakan daerah Lipis sebagai Tapak Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan. Saya er… tadi mintak Wakil sahabat saya daripada Maran jawab. Dia cakap takpe lah Dato' jawab la ini… Wakil daripada Lanchang jawab je lah. Kerajaan Negeri memang telah dan sedang mengambil tindakan terhadap er… pembangunan unsur-unsur warisan di negeri ini malah kita telah wartakan 24 er… pada tahun lepas dan er… kini er… Tasik Bera telah pun diiktiraf sebagai er… pelancongan antarabangsa di bawah Ramsar International. Manakala Tasik Chini pula diiktiraf oleh UNISCO sebagai Biosfera Reserved.

Dan seterusnya Lipis, Bukit Fraser dan Sungai Lembing juga telah disenaraikan untuk digazetkan sebagai kawasan warisan. 2 lagi kawasan er… kawasan iaitu Taman Negara dan Mossy Forest, Cameron Highlands dalam proses untuk diwartakan sebagai Tapak Warisan Dunia.

Wakil daripada er… Muadzam ya er… mencadangkan supaya Unit Pelancongan diwujudkan di setiap PBT sebagai tujuan mempromosikan kawasan pelancongan dan seterusnya membantu menjana pendapatan kepada daerah-daerah. Kerajaan Negeri mengalu-alukan cadangan oleh Wakil daripada Muadzam. Usaha ini telah… dan telah… telah pernah dijalankan. Walau bagaimanapun hasilnya tidak begitu berkesan. Pada masa ini setiap daerah er… di negeri Pahang sudah ada Jawatankuasa Pelancongan Daerah bagi membincang isu-isu pelancongan di peringkat daerah.

Seterusnya Wakil daripada Ibam er…cadangan Tasik Biru dijadikan kawasan pelancongan. Ini dicatit oleh Yang Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri. Terima kasihlah. Rupanya dia duduk belakang tu buat kerja jugak. Kerajaan er… Kerajaan Negeri menyedari bahawa keindahan Tasik Biru ini. Walau bagaimanapun kita juga sedar bahawa kawasan ini agak berisiko khususnya dari segi keadaan rupa buminya dan kualiti airnya yang merbahaya kepada manusia. Walau bagaimanapun kajian perlu dibuat sebelum ianya boleh dibangunkan sebagai tarikan pelancong. Jadi kita tahu bahawa kawasan sini sangat indah.

Kemudian Wakil daripada Ketari. Ha, Ketari la pasai soalan dia… dia bercakap awal kena tanyalah. Wakil daripada… dari Ketari bertanya bagaimanakah perancangan pelaksaanan cukai katil di Kerajaan Negeri? Kerajaan Negeri sebenarnya kita tak bercadang untuk membuat cukai katil macam er… kerajaan negeri-negeri yang lain. Kita hanya cukai bilik je. Maknanya kalau dia ada 20 katil dalam tu, 1 bilik aja kita *charge.*

Pihak Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri, BPEN akan membantu pihak Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang dan lain-lainnya dalam menyediakan cadangan bagi mewujudkan enakmen undang-undang baharu atau memindanya jika telah ada bagi merealisasikan hasrat ini.

Wakil daripada Sungai Lembing menyebut, mencadangkan supaya kawasan yang terlibat dengan kebakaran di Sungai Lembing pada 31 Ogos 2019 lalu dibangunkan semula dengan mengekalkan konsep Era Kolonial. Ingat era mana tadi. Majlis Perbandaran Kuantan telah membentangkan perancangan pembangunan semula sebagai Sungai Lembing termasuk kawasan terlibat kebakaran… kebakaran dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 28 er… ke-28/2019.

Wakil daripada Cheka menyatakan, meminta Kerajaan Negeri mempromosi lagi Tanaman Eco Rimba Kenong, Lipis menggunakan peruntukan cukai pelancongan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan agar penduduk tempatan dapat melibatkan diri secara aktif dalam sektor pelancongan. Betul, Wakil daripada Cheka?

Projek menaik taraf er… infrastruktur Eco Kem Pelancongan Kampung Dusun, Kuala Kenong, Lipis berjumlah RM200 ribu telah pun diluluskan pada tahun 2019 dengan menggunakan peruntukan Pembangunan Projek Penyediaan Infrastruktur dan Fasiliti er… pelancongan. Di samping itu sebanyak RM170,000 telah diluluskan kepada daerah Lipis. Dengan menggunakan peruntukan cukai pelancongan projek-projek ini dijangka dapat dirancakkan er… merancakkan lagi industri pelancongan daerah Lipis dengan er… penglibatan penduduk setempat.

Wakil daripada Beserah, rakan baharu, sahabat lama, rakan baharu. Er… walaupun ada rakan-rakan yang bertanya 3, 4 soalan, 5 soalan tetapi saya hanya jawab 1 soalan sahajalah. Yang lain tu saya akan jawab secara bertulis. Sebab kita nak raikan pertanyaan yang bersungguh-sungguh tu.

Wakil daripada Beserah, kedudukan negeri Pahang mempunyai muka bumi dan geografi yang menarik merupakan satu kelebihan kepada negeri Pahang dalam sektor pelancongan. Kerajaan Negeri disarankan supaya lebih bergiat dan agresif dalam perkara berikut, menyediakan prasarana yang baik untuk menarik pelancong hadir ke negeri ini dan meningkatkan promosi pelancongan. Kerajaan Negeri akan memohon bajet pembangunan mengikut *rolling plan* yang ke-12. Dia berbeza ya. Maknanya projek pembangunan ini yang berskala besar. Yang berskala besar ke-12, mengikut *priority* yang disediakan RMK… RMK, *Royal Rolling Plan* dalam RMK Ke-12, minta maaflah petang, apa nak buat, lain kali bagi saya nombor satu. Okey … er … mengikut *priority* yang disediakan oleh pihak daerah dan ditapis oleh BPEN dan Kementerian Pelancongan sebelum diangkat kepada Unit Perancangan Ekonomi JPN.

Wakil daripada Damak yang ini dia agak teknikal sikit. Jadi saya memohon izin untuk saya menjawab secara bertulis yer boleh yer wakil Damak, kalau wakil Damak cakap okey, saya okeylah kalau tidak kita berhenti di sinilah. Okey Wakil daripada Damak saya akan jawab secara bertulis ya sebab dia agak teknikal sedikit banyak… banyak sangat nama lot dan sebagainya bagi saya jawab secara bertulis.

Wakil daripada Tahan, oh… yang ini tentang… yang ini telah dijawab Wakil daripada… sahabat saya daripada Kerdau ya, wakil daripada Tahan tentang apa Kerajaan Negeri mengkaji untuk pengeluaran lesen arak tu. Wakil daripada Kemayan telah dijawab oleh Exco Pertanian, oh…tak banyak dah.

Dan yang terakhir sekali Wakil daripada Tras. Memohon penjelasan adakah krisis air di kawasan Tras berpunca daripada aktiviti pembalakan, pertanian, perladangan kerana kadar kekeruhan air yang teruk di Sungai Bilut menyebabkan Loji Air Sungai Bilut ditutup lapan kali dan loji di Sungai Semantan ditutup sebanyak lima kali sepanjang tahun, betul? Telah dijawab yer, telah dijawab Dato' ni wakil daripada dah jawab dah, daripada apa Guai, dah jawab dah yang ini? Ha…dah jawab, jadi takda la habis dah, sikit lagi.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ingat sikit la saya nak sentuh dalam portfolio saya, baharu…baharu dua belas minit.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya nak maklumkan bahawa kerana ada wakil daripada rakan-rakan kita tanya tentang perbelanjaan kita duit yang kita terima daripada Kerajaan Pusat iaitu cukai pelancongan yang kita terima separuh. Kita dapat 16 juta separuh diberi kepada Kerajaan Negeri dan separuh disimpan oleh Kerajaan Pusat. Saya nak beritahu bahawa peruntukan yang diterima adalah RM7,861,080.00 kita buat penyelenggaraan dan penyediaan kemudahan pelancongan RM2 juta, promosi dan pemasaran destinasi pelancongan RM2.7 juta, kemudian yang lain-lainnya er …yang lain-lainnya aktiviti-aktiviti lain contohnya kita buat contohnya er…sebagai contohnya Pesta Durian Antarabangsa Raub, Sambutan 100 tahun er…apa namanya Fraser's Hills dan lain-lain. Jadi semuanya kerana kita telah diarahkan oleh Kementerian Pelancongan supaya mempastikan bahawa antara lainnya ianya mesti dibelanjakan untuk mempromosi.

Negeri-negeri yang mempromosi negeri Pahang kerana apa kerana Kementerian mungkin hanya boleh mempromosi dua atau tiga sahaja produk yang kita ada yang lainnya kita terpaksa mempromosi sendiri.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Walau bagaimanapun ada lebihan lagi Yang Hormat Yang di-Pertua. Tahun depan akan dapat lagi. Ini kita belum lagi buat cukai…cukai apa? Cukai bilik apabila kita dapat cukai bilik nanti kita akan dapat lagi.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya juga nak maklumkan bahawa Kerajaan Negeri yer, Kerajaan Negeri tentang *carbon credit* tentang nak sebut sikit tentang, tadi kita susun elok jer, sekarang dia dah jadi kelam kabut sikit…okey.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya nak sebut bahawa tahun depan adalah Tahun Melawat Malaysia yang dipelopori ataupun yang di…yang *champion*nya adalah Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun orang datang ke Malaysia dia akan pergi ke negeri-negeri. Dia tak akan pergi melawat Malaysia kerana data tersebut akan digunakan oleh Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri, okay. Mensasarkan bahawa pada tahun depan kita akan menerima pelancong ke seluruh Malaysia ini sebanyak 30 juta orang pelancong daripada luar negara dengan nilaian yer nilaian sebanyak RM100 bilion. Saya nak maklumkan bahawa yer er …kita di negeri Pahang ini, di negeri Pahang ini saya nak maklumkan bahawa kehadiran pelancong, kedatangan pelancong kita sehingga September, sehingga September tahun ini kita telah er apa namanya meningkat iaitu sebanyak 3.6% yer, 3.6% iaitu kalau tahun 2018 pada bulan September kita terima 9.7 juta.

Pada tahun ini sekarang ini 10.05 juta, yang er…Kuantan, Cameron Highlands kemudian Tioman, Temerloh dan juga er…ini Genting Highlands antara tempat yang… yang banyak dikunjungi dan dari segi pelancong luar negara ianya yang terbesar adalah Singapura, China. China setakat ni kita dah terima 640,873 orang. Ini semuanya datang makan durian kemudian daripada Singapura 876,584. Kemudian Indonesia, India dan negeri-negeri Eropah seperti negeri-negeri lain er… termasuklah Belanda, Perancis, Germany dan juga UK yang merupakan pasaran utama.

Saya juga nak maklumkan bahawa lima puluh acara yer kita yang kita telah pun telah masuk dalam seperti yang saya nyatakan lima puluh acara er… lima puluh acara sepanjang tahun oleh Tourism Malaysia. Tadi saya cakap dua tetapi jawapan yang diberi kepada saya untuk petang ini tambah tujuh lagi kita ada sembilan, kalau tadi saya sebut dua sahaja tapi kita ada sembilan yang telah masuk di dalam er… kalendar Tourism Malaysia.

Jadi saya juga nak maklumkan bahawa yer kita mengetahui bahawa *this is the future economy* kerana *the generating, generating* apa ni *income for the state* dengan izin kerana apa pada tahun 1.4 bilion pelancong telah melancong di seluruh dunia pada tahun 2018, 1.4 bilion pelancong peningkatan di Asia Pasifik sebanyak 6% dan pada tahun 2019 ini, *United Nation World Tourism Organization* dijangka berkembang mereka berkembang 3 hingga ke 4%.

Makna kita 3.6 makna kita lebih kurang dalam anggaran…dijangka tahun 2020 pelancong di seluruh dunia menjangkau 1.8 bilion. Cuba kita bayangkan, satu perpuluhan seluruh dunia tetapi *of course* ianya termasuk di Malaysia dan saya nak bagitau bahawa di Asia ini, kita di Asia ini perkembangan yang penting untuk pelancongan adalah dengan menggunakan apa yang kita katakan *super apps*, jadi kita ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri, kepada sahabat saya er wakil daripada er

Peramu …eh Peramu …Bebar, wakil daripada minta maaf, Yang Berhormat Yang di-Pertua, Wakil daripada Bebar, yang merupakan *Chairman* PahangGo.

Dan ini adalah di antara platform yang sedang dibangunkan walaupun peringkat awal ini pelancaran telah pun dibuat, ianya kita tertumpukan kepada pembayaran dahulu tetapi saya lihat sendiri apabila pembentangan dibuat, kerana saya pernah menjadi Exco er…IT kerana ketika itu kita nak buat terlalu awal makna kita mendahului zaman orang tak kerana ketika itu dari segi wifi dari segi pencapaian internetnya masih lagi terlalu…*infant* ketika itu.

Dan kita orang tidak faham lagi apa itu *high speed broadband* dan sebagainya tetapi sekarang ini dengan platform yang ada ini bukan sahaja untuk kita membuat pembayaran tetapi juga untuk ya untuk digunakan juga untuk sektor pelancongan kemudian digunakan juga untuk sektor er… jual beli ini sebagai contoh seperti Lazada dan lain-lain lagi digunakan juga untuk *booking* untuk kita membuat tempahan dan sebagainya.

Jadi kita ada PahangGo *and actually go to* Pahang juga, so ini adalah satu *platform* yang perlu kita er…terus bangunkan dari masa ke semasa. Saya juga nak menyebut yer Yang Berhormat Yang di-Pertua bahawa…hilang pulak Yang Berhormat Yang di-Pertua…mana la perginya er …dia nak suruh balik la Yang Berhormat Yang di-Pertua. Takpe…saya nak menyebut juga tentang portfolio yang kedualah ya…alam sekitar. Saya nak maklumkan bahawa alam sekitar kita telah pun menubuhkan iaitu Jawatankuasa Pemantauan…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Er…Dato' Sri Speaker, ni sebelum pergi portfolio lain. Saya bukan nak buat soalan apa ini, saya nak ucapkan tahniah kepada Exco Pelancongan dan Kerajaan Negeri kerana telah berjaya dapat *award* apa ini… *Understandings State…*

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Outstanding…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Upstanding? *Outstanding* tulisan kecil tak nampak dah tua rupanya. *Outstanding State Tourism Personality* dan juga tiga lagi *award* yang lain. Jadi saya nak ucapkan tahniah la. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih Wakil daripada Padang Tengku. Insya-Allah, untuk kali yang akan datang ini saya akan bawa Padang Tengku la pergi. Jadi kalau nak, pujilah [ketawa].

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Tiga lagi *award* yang kita menang adalah itu *Outstanding* itu er… *Personality* itu… itu dia menghargailah kerana saya pernah menjadi Presiden Malaysian *Tourism Council* dan kemudian dalam masa yang sama, dalam banyak-banyak Exco Pelancongan itu termasuklah Menteri Pelancongan itu saya yang paling senior sekali. Saya kebetulan la yang lain itu semuanya *first term*. Sayalah yang paling… paling… paling senior sekali er… jadi maknanya kita mengenali *the industry players*.

Saya nak maklumkan tadi yang saya terlupa ya. Kalau kita… kalau kita tengok menjelang tahun 5 tahun daripada sekarang ya, *inbound arrival* maknanya orang datang ke negeri ini 1.8 trillion *trips*. *Trips* ya maknanya cuba kita bayangkan dan kemudiannya duit dia *trips* ini… bukan *tricks* [ketawa] dan duit yang akan dibelanjakan USD2.5 billion. Jadi sebab itulah er… USD5 trillion maknanya… maknanya dan kemudiannya untuk domestik ya ini… ini apa yang telah di… di apa dikaji 19 billion *trips* ataupun 19 billion er… pelancong dan kemudiannya duitnya sebanyak USD3.5 billion er… dan lebih daripada separuh daripadanya menggunakan *online* ataupun menggunakan *apps* sebab itulah apa yang kita buat ini adalah betul, adalah benar.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sebab itulah Yang Berhormat Yang di-Pertua dalam kita nak merancang ya er… *tourism* ini untuk membangunkan tempat-tempat er…peranginan ini. Jadi sebab itulah orang tanya saya kenapa Cherating ini. Cherating ini dibangun *by chance* bukan *by design*. *By chance* itu maksudnya ketika itu terbinanya er…ini…ini ClubMed maka kawasan tersebut ketika itu sesuai dengan zaman itu.

Tetapi kita tidak bangunkan mengikut bagaimana Bali membangun, bagaimana Genting Highlands membangun, bagaimana er…ini…ini Gold Coast membangun, bagaimana Anaheim, Disneyland membangun. Mereka merancang betul-betul pembangunan tersebut er…jadi yang ini ada dalam kepala Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa insya-Allah kita akan sedang merancang untuk buat pembangunan yang dia *integrated* seperti apa yang berlaku di Singapura.

Singapura satu ketika dulu sebuah negara yang sangat rigid ya sebagai contoh saya nak sebut ini bagaimana kita kena fleksibel. Berjudi tak boleh, hisap rokok tak boleh semua tak boleh. Akhirnya mereka ada kasino di Singapura dan dia ada Universal Studio dan negeri yang kecil macam itu kita boleh tengok sendiri berapa pelancong yang datang.

Bukan la semua orang pergi kasino tetapi *the attraction, the integrated*, er…resort yang dia ada tu. Er…yang ini yang kita kena tengok supaya kita jangan buat lah yang judi itu tetapi kita buat yang lain-lainnya kerana kalau kita tengok Bali dibangunkan dengan yang lebih…dengan harga bilik yang tinggi yang mahal. Di Bali, kalau siapa pergi Bali semua bilik harga dia mahal. Kenapa Yang Hormat Yang di-Pertua ya? Kasturi ya nama yang baharu itu, *resort* yang baharu.

Kasturi itu satu malam RM1,000.00. Satu malam RM1,000.00, RM800.00, RM1,200.00 di Cherating. Royal Chulan satu malam RM900.00, er…RM1,000.00, RM1,200.00 Royal Chulan. Kenapa Royal Chulan 3 bulan apa namanya maknanya kalau macam Kasturi itu terpaksa 5 bulan ke 6 bulan nak kena buat *reservation* sebab orang dah *book*… buat *booking*. Mahal tapi kenapa Legend daripada RM300.00 turun RM200.00 akhirnya tutup? Maknanya orang nakkan yang berkualiti. *This is the reality*.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Orang nak yang mahal.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang mahal. Orang nak yang mahal. Bukan yang kualiti, yang kualiti itu mahal la. Yang mahal Yang Berhormat Yang di-Pertua, di Maldives…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya… yang banyak *facilities*?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Er… saya 2 jam setengah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang banyak *facilities* lah.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Er…okey. Jadi er…kita nak tunjukkan bagaimana dunia berubah. Yang Berhormat Yang di-Pertua ya, kita…saya pernah sebut tentang kita punya apa nama…apa yang kita sebut sebagai jawatankuasa. Saya nak memaklumkan bahawa kita pernah buat *press statement* sekali Yang Berhormat Dato' Sri tentang 225 kawasan yang disyaki, yang di…bukan disyaki yang ianya telah *remote sensing*, Agensi *Remote Sensing* mensyaki…mensyaki bahawa kawasan tersebut ada pencemaran. Ada pencemaran tetapi setelah er…kita bawak pada jawatankuasa Yang Berhormat Dato' Sri er…apa nama SS pun ada sekali dan kita telah *check* semua premis, alhamdulillah semua premis tidak ada satu pun pencemaran yang ada sebab itu kita guna, gunanya jawatankuasa kita bertindak terus.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Tentang karbon kredit ini saya nak maklumkan bahawa kita telah pun menandatangan MoU. Sekarang ini oksigen pun kita jual Yang Berhormat…Yang Berhormat Yang di-Pertua. So er…hebat kita negeri Pahang ini. Ini alam sekitar la ini. Kita oksigen pun kita jual dan kita telah menandatangani dengan syarikat The Royal Dutch iaitu satu kajian yang sedang dibuat enam bulan mengambil masa iaitu seluas 500…56,656 hektar lebih kurang 200,000 kawasan iaitu di Endau, Rompin.

Dan kawasan tersebut akan dijaga jika ianya menepati spesifikasi yang mereka nak, mereka akan jaga dan kemudian mereka akan ada er…dia panggil *offset*. Dia akan buat pembayaran dan sedia…Kerajaan Negeri juga telah mengambil keputusan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar telah menyatakan bahawa jika sekiranya di sana okey, di sana kita *sign agreement* dengan er…Royal Dutch kita akan buat satu lagi iaitu di Cameron Highlands seluas 38,780 hektar.

Kita akan buat, mereka akan jaga dan kita jaga hutan kita tapi kita tak payah buat apa kita akan dapat duit kerana mereka ada apa yang mereka katakan ini er…ini CSR kerana mereka pengeluar minyak yang banyak ya, yang banyak merosakkan *greenhouse effect* ini dan sebab itu mereka terpaksa bayar balik.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Dah habis dah Yang Berhormat Yang di-Pertua tentang perladangan kita telah pun meluluskan ya. Kita telah meluluskan hala tuju kita, hala tuju perladangan antaranya mewujudkan Tabung Amanah Perladangan kemudian menggalakkan pemain-pemain industri perladangan di negeri Pahang untuk mempelbagaikan integrasi ladang.

Yang ketiga…yang ketiga, mewujudkan *seed culture* atau *tissue culture* eksplorasi tenaga baharu, sumber tenaga diperbaharui dan kemudiannya memperkasakan pekerja-pekerja ladang. Ada *problem* ini pekerja ladang melaksanakan program pemutihan ladang-ladang haram jadi bagilah kita kepercayaan dan cadangan ini telah dibawa ke MMK dan telah pun diluluskan pada 4 September 2019 dan er… kemudiannya akhirnya Yang Berhormat Yang di-Pertua, dah habis dah Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Akhir sekali, saya juga nak sebut bahawa kita…minta maaf Yang Berhormat Yang di-Pertua. Saya sedang mencari kertas akhir. Er…akhirnya saya er…nak ucap terima kasih la kepada semua yang telah pun er…berucap kepada semua ADN yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang ada kaitan dalam portfolio saya.

Minta maaf saya tak dapat jawab semua walau bagaimanapun saya juga nak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan Exco serta Ahli-ahli Berhormat yang lain, ketua-ketua jabatan dan er…semua yang terlibat terutama sekali Yang Berhormat Yang di-Pertua dan Timbalan yang menjalankan tugas dengan baik, begitu juga dengan yang pihak-pihak sokongan ya portfolio saya begitu juga yang lain yang telah diberikan amanah untuk melaksanakan.

Cuma satu perkara sahaja Yang Berhormat Yang di-Pertua, pada tahun 1989 Perdana Menteri Keempat telah mengilhamkan Wawasan 2020. Kita semua ingat, nak jadi sebuah negara maju ya dan tahun depan adalah tahun wawasan er…tahun depan adalah tahun 2020. Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Amat berhormat Menteri Besar kita telah membentangkan bajet untuk tahun 2020 dan kalau kita tengok gambaran yang…yang er…Perdana Menteri Keempat dulu membayangkan kepada kita Yang Berhormat Yang di-Pertua tak ada lalulah gayanya.

Gagal betullah Wawasan 2020 yang nak dibawak dulu. Yang nak dibawak dulu jadi cuba kita bayangkan kita berada di dalam kedudukan beliau apa perasaan beliau. Dasar yang beliau buat dulu pun gagal. Yang seme…yang sebenarnya jika ianya diteruskan dengan baik akan berjaya tetapi apabila pertukaran tupuk…pucuk pimpinan, walaupun beliau menjadi ketuanya dan kita lihat sendirilah apa yang sedang berlaku, saya tak nak…saya tak nak komen, kalau kalau saya komen maknanya nanti sejam setengah lagi er…tapi kita tengok sajalah er…keputusan di Tanjung Piai. Itu adalah aspirasi ataupun cita rasa rakyat.

Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sekali lagi saya minta maaf kalau ada salah silap. Er…Saya mohon menyokong RUU Perbekalan 2020 er…tahun er…2019 dan Usul Pembangunan dan Perbekalan Air 2020 yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat dari pihak kerajaan. Ahli…Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 10 orang Ahli Yang Berhormat daripada pihak kerajaan yang telah memberikan jawapan-jawapan dan penjelasan-penjelasan di atas permasalahan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan mahupun penjelasan semasa pihak kerajaan menjawab. Insya-Allah pada hari besok, Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membuat penggulungan. Saya bercadang untuk

menempohkan persidangan kita pada petang ini dan persidangan akan disambung semula pada hari esok, Jumaat jam 9.30 pagi. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan pada jam 6.00 petang]

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14

HARI KE-5
22 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

KANDUNGAN

HARI KE-5: 22 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	1
4	SAMBUNGAN MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2020) 2019	28
	DALAM JAWATANKUASA	37
	BACAAN KALI KETIGA	50
5	RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2/2019) 2019. KERTAS DEWAN NEGERI 29/2019	52
	BACAAN KALI PERTAMA	52
	BACAAN KALI KEDUA	53
	DALAM JAWATANKUASA	55
	BACAAN KALI KETIGA	57
6	RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN) (NO.2) 2019 KERTAS DN 30/2019	58
	BACAAN KALI PERTAMA	58
	BACAAN KALI KEDUA	59
	DALAM JAWATANKUASA	60
	BACAAN KALI KETIGA	61
7	RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN JUMAAH PANGKUAN NEGERI (ELAUN DAN KEISTIMEWAAN) (PINDAAN) 2019 KERTAS DN 31/2019	62
	BACAAN KALI PERTAMA	62
	BACAAN KALI KEDUA	62
	DALAM JAWATANKUASA	63
	BACAAN KALI KETIGA	64

8	**RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEMAJUAN CAMERON HIGHLANDS 2019 KERTAS DN 32/2019**	
	BACAAN KALI PERTAMA	**65**
	BACAAN KALI KEDUA	**66**
	DALAM JAWATANKUASA	**67**
	BACAAN KALI KETIGA	**69**
9	**USUL PENUBUHAN KUMPULAN WANG AMANAH SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI (SMAN) PAHANG**	**70**
10	**LAPORAN**	**72**
11	**PENANGGUHAN**	**73**

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Ke-5 : 22 November 2019 (Jumaat)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli.
Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. **Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-BadanBukan Kerajaan**	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli**	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi dan Multimedia**	-	**Bebar**
Yang Berhormat Encik Abd Rahim bin Muda, AMP., PKC. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan**	-	**Lepar**
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	-	**Dong**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun, SSAP., DIMP., SMP.	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP., SMP	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN	-	**Bukit Ibam**

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Bilut**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	-	**Ketari**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman, AAP.

Encik Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff@Ahmat, AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna**	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Tras**

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Jumaat	:	22 November 2019
Bersamaan	:	25 Rabiulawal 1441 Hijrah
Masa	:	9.30 pagi

Bacaan doa.

DOA

YANG DI-PERTUA DEWAN

[Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah yang Maha pemurah, yang Maha mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan. Mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini.

Ya Allah, kami sekalian hambamu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah berkat-Mu ke atas kami berhimpun, dipohon anugerahkan taufikmu, dipohonkan menyuluh, memandu pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara pertama: Pertanyaan dan Jawapan.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Asssalamualaikum WBT, salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhomat sekalian. Alhamdulillah, kita bersyukur kehadrat Allah SWT pada pagi ini kita masih lagi dikurniakan kesihatan, akal yang sihat, waras dan dapat sekali lagi bersama-sama meneruskan amanah kita di persidangan kita pada pagi yang mulia ini. Baiklah, untuk kita meneruskan aturan urusan mesyuarat pada kali ini, seperti biasa soalan dan jawapan. Saya dengan ini menjemput Wakil dari Mentakab untuk membuat pertanyaan. Sila Yang Berhormat.

YB. ENCIK WOO CHEE WAN

Salam sejahtera dan selamat pagi, Yang Ber… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 1.

> [Sila kerajaan nyatakan:
>
> Berapakah tanah milik kerajaan telah dijual.
>
> Berapakah bidang tanah milik kerajaan negeri telah dimohon dan diluluskan dari tahun 2011-2019 di daerah Temerloh.]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT, selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ADN kawasan Mentakab yang bertanyakan dua soalan iaitu berapakah tanah milik kerajaan yang telah dijual dan juga berapa bidang tanah milik kerajaan yang telah dimohon dan diluluskan daripada tahun 2011 hingga 2019 di daerah Temerloh.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin nyatakan di Dewan Yang Mulia ini bahawa, tiada tanah kerajaan yang dijual. Tanah kerajaan hanya boleh dilupuskan secara… dilupuskan kepada orang-orang, kepada individu-individu, badan-badan tertentu secara pemberimilikan, Lesen Pendudukan Sementara ataupun secara permit.

Manakala bagi soalan B, untuk makluman yang berhormat daripada tahun 2011 hingga 2019, Pentadbir Tanah Temerloh telah menerima 15,976 permohonan pemberimilikan tanah mengikut Seksyen 76 Kanun Tanah Negara. 2,257 permohonan telah diluluskan, manakala 6,650 ditolak dan baki 7,069 permohonan belum ada keputusan lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. ENCIK WOO CHEE WAN

Soalan tambahan.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Sungai Lembing. Lepas ini…

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Soalan tambahan. Terima kasih er… terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar di atas er… jawapan tadi. Hanya saya di sini ingin menyampaikan permohonan daripada rakyatlah. Berkaitan dengan tanah ini, tanah TOL, tanah LPS, ada yang gerannya, geran kekal HD dan tanah PSK dan lain-lain.

Apa yang saya nak kemukakan disini, permohonan tanah untuk bangunan. Kalau di kampung-kampung, Tuan Yang di-Pertua, nama permohonan tanah itu, tanah er… untuk bangunan untuk buat rumah dan lain-lain lagi. Jadi, kalau ikut Akta Ordinan Tanah, er… mungkin pihak Kerajaan Negeri mengenakan bayaran-bayaran yang orang kampung tak mampu nak bayar. Walaupun kita sekarang ini memang er… mengekalkan, pastikan mana-mana sesiapa yang bayar cukai, kena bayar cukai.

Tetapi permohonan orang kampung ini, tak mampu nak bayar. Kalau dah berpuluh ribu, 15 ribu, 20 ribu. Jadi dalam hal inilah, saya mencadangkan di mana yang perlu, satu pertimbangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Yang keduanya, kalau perlu dipinda, Ordinan ataupun Akta itu, pindakan, bagi memberi ruang kepada rakyat buat rayuan. Terima kasih Yang di-Pertua.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih ADN Sungai Lembing. Saya ingin nyatakan di sini bahawa apabila Kerajaan Negeri memberi… di melupuskan tanah sama ada secara LPS ataupun pemberimilikan dan sebagainya er… Kerajaan Negeri terpaksa mengenakan sedikit bayaran dan ini er… kalau sekiranya kita mengecualikan sesuatu kawasan tidak mengenakan bayaran, dia akan jadi… dia akan menjadi presiden kepada tempat-tempat lain. Sedangkan hasil Kerajaan Negeri adalah daripada tanah salah satu daripada hasil Kerajaan Negeri.

Dan er… perkara ini saya fikir tidak mungkin berlakulah. Tidak ada mana-mana negeri lagi yang saya dengar di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan sebagainya yang memberikan tanah secara percuma kepada individu-individu. Sekurang-kurangnya kalau diberi pun, ada sedikit bayaran yang dikenakan. Sebab itu dalam semasa saya membentangkan bajet, 10 ekar ke bawah tidak terlibat, 10 ekar ke bawah… untuk kebun-kebun kecil.

Dan apa yang boleh dilakukan ialah apabila mereka dikehendaki membayar premium tanah, disitu mereka boleh membuat rayuan pengu… pengurangan premium dan biasanya tidak pernah lagi Kerajaan Negeri tidak bagilah rayuan pengurangan premium ini. Maknanya Yang Berhormat daripada Sungai Lembing, kalau sekira ada mana-mana daripada kawasan yang minta supaya er… dikurangkan, saya fikir boleh membuat er… perkara ini dikurangkan.

Dan ini ada termaktub di dalam er… perkara 21 Pihak Berkuasa Negeri boleh mempertimbangkan apa-apa rayuan premium. Dan ini memang saya banyak terima dan tidak pernah pun setakat ini yang kita tolak, rayuan pengurangan premium daripada mana-mana individu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Mentakab.

YB. ENCIK WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua [berdehem],

Terima kasih jawapan daripada Pihak Kerajaan. Er… saya nak satu pengesahan iaitu tanah di sekitar Terminal Bas Mentakab. Adakah dia telah dijual?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya tidak mendapat maklumat berkenaan dengan tapak tersebut dan saya akan er… lihat selepas inilah dan kita akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan berikutnya saya jemput Wakil dari Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 2.

> [Pengambilan tanah TOL pekebun-pekebun yang telah mengusahakan tanah sejak tahun 2008 melibatkan 207 ekar di kawasan Bukit Tinggi.
>
> Apakah usaha kerajaan negeri untuk mencapai kata sepakatan di antara pihak pekebun dan pihak kerajaan negeri?
>
> Adakah pihak kerajaan negeri dapat menyelesaikan perkara ini dengan baik supaya isu seperti ini tidak berulang seperti apa yang terjadi kepada pekebun Cameron Highlands.]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada YB. Ketari. Semasa saya tiada dalam dewan tempoh hari, saya bermesyuarat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya dimaklumkan Ketari ada membalas pantun saya. Jadi sebelum saya mulakan jawapan, saya nak bagi pantun jugalah kepada YB. Ketari.

> *Kalau menari janganlah terjengket-jengket,*
> *Sambil menari bersiul-siulan,*
> *YB. Ketari sangat setia dengan roket,*
> *Bagi saya tujuannya ialah untuk pergi ke bulan.*
>
> [Ahli dewan menepuk meja]

Tak apalah kalau dia tak nak masuk sini, dia pergi ke bulan, PAS pun sama juga, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, senyumlah sikit.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Senyumlah ni.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dia ada satu kampung, kampung ini nama Kampung Terang Bulan. Boleh la ke situ. [ketawa]

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

ADN Ketari ada bertanyakan berkenaan dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mencapai kata sepakat antara pihak pekebun dengan pihak Kerajaan Negeri, dan juga bertanyakan soalan apakah kaedah untuk menyelesaikan perkara ini supaya ianya

tidak berulang seperti apa yang terjadi kepada pekebun Cameron Highlands. Sebelum saya jawab soalan ini Yang di-Pertua, saya nak tanya YB. Ketari, apa yang dimaksudkan dengan supaya isu ini tidak berulang seperti apa yang terjadi kepada pekebun Cameron Highlands?

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, er... sebelum tu saya nak jawab pantun.

Bunga Melur di tepi jalan,
Anak itik tepi perigi,
Tak mahu saya pergi ke bulan,
Masuk UMNO apatah lagi.

Er... Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Er... yang saya maksudkan er... tidak mahu perkara berulang seperti di Cameron Highlands kerana kita faham di Bukit Tinggi ada yang er… penggunaan tanahnya melalui TOL, permit, atau pun *illegal.* Jadi saya berharap er... jika ada pengambilan tanah di Bukit Tinggi untuk sesuatu pembangunan di kawasan er… pertanian tersebut, er… biarlah berlaku perbincangan terdahulu dan *win-win situation,* dengan izin, terhadap pekebun-pekebun dan juga dengan pihak Kerajaan Negeri.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Oleh sebab YB. Ketari nampak gayanya dia bab pantun ini mahir sangat, jadi saya akan jawab dalam ucapan penangguhan. Lepas itu dia tak boleh nak jawab dah. Dia kena tunggu bulan empat tahun depan pula.

Jadi untuk menjawab soalan ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat daripada semakan yang dibuat oleh Pejabat Daerah dan Tanah Bentong, er… kita mendapati aktiviti pekebun di kawasan Bukit Tinggi ini merupakan di dalam Hutan Simpan Bukit Tinggi, dan bukan di atas tanah kerajaan. Yang itu, YB. kena, daripada Ketari kena faham betul-betul ya. Hutan di kawasan Hutan Simpan, Bukit Tinggi dan bukan di atas tanah kerajaan.

Dan untuk makluman juga, fakta yang diberikan oleh YB. Ketari kurang tepat kerana jika soalan ini adalah berkaitan dengan isu terkini pekebun halia di Bukit Tinggi, ianya adalah merujuk kepada permit penggunaan tanaman halia di dalam kawasan Hutan Simpan Bukit Tinggi berhampiran Janda Baik. Permit penggunaan ini telah diberikan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2007 kepada 231 orang pekebun dengan melibatkan kawasan seluas 709 ekar di kompartmen 104,105 dan 106 Hutan Simpan Bukit Tinggi.

Permit Penggunaan Penanaman Halia ini sebenarnya adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan pencerobohan oleh pekebun-pekebun haram di dalam kawasan Hutan Simpan Lentang berhampiran Janda Baik dapat dibanteras. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan telah mengenal pasti tindakan pencegahan dengan menyediakan satu kawasan hutan simpan yang sesuai untuk dijadikan pusat bagi pekebun haram ini melaksanakan aktiviti penanaman halia secara sah melalui pemberian permit penggunaan. Permit Penggunaan ini perlu diperbaharui setiap tahun mengikut peruntukan di bawah Akta Perhutanan Negara dan tidak boleh dipindah milik.

Kerajaan Negeri telah meluluskan pembangunan projek eko-pelancongan kepada Syarikat Tegap Dinamik seluas 500 ekar di kawasan terbabit pada tahun 2019. Kerajaan Negeri prihatin dengan pendapatan pemegang permit yang terjejas akibat keputusan ini, dan oleh itulah Kerajaan Negeri telah meluluskan kawasan ganti seluas 809 ekar di lokasi yang baharu iaitu di Kompartmen 99,101,102 dan 103 Hutan Simpan Bukit Tinggi.

Kerajaan Negeri juga mensyaratkan pihak Tegap Dinamik menanggung kos penyediaan pelaksanaan Kajian Impak Alam Sekitar, menguruskan kerja-kerja ukur sempadan lot, membina jalan untuk ke tapak lot dan memasang sistem perpaipan di kawasan baharu. Tapak gantian ini juga mempunyai kelebihan berbanding kawasan lama iaitu yang mempunyai sungai, berdekatan dengan tempat tinggal pekebun dan mempunyai muka bumi serta suhu yang sesuai untuk penanaman halia.

Kerajaan Negeri juga telah mengadakan sesi penerangan kepada pemegang-pemegang permit penggunaan halia pada 16 Mei 2019 bagi memberi penjelasan lanjut tentang pemindahan lokasi kawasan permit penggunaan tanaman halia di kawasan baharu. Proses pemindahan dijangka bermula pada tahun 2020 dan Kerajaan Negeri diharap ianya dapat berlangsung dengan cara yang baik dan diterima oleh semua pemegang permit. Nanti dulu YB. YB. ini gopoh sikit rupanya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tenang sikit YB.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Manakala yang kedua, iaitu soalan (b) Berapakah bilangan tanah milik kerajaan? eh *sorry*... Soalan (b) Adakah pihak keraji… Kerajaan Negeri dapat menyelesaikan perkara ini dengan baik supaya isu seperti ini tidak berulang lagi sepertimana di Cameron Highlands?

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri berharap agar dengan pemberian kawasan ganti dengan komitmen Syarikat Tegap Dinamik untuk membantu pemegangan permit halia dalam proses pemindahan di tempat baharu, perkara ini dapat diselesaikan dengan baik dan memberi kelebihan baik kepada Kerajaan Negeri dan juga pemegang permit.

Penglibatan pelbagai agensi seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian, MARDI diharap dapat membantu pemegang permit dari segi nasihat teknikal bagi memastikan usaha dan hasil halia di kawasan baharu ini, mampu mencapai tahap yang sama atau lebih lagi berbanding di kawasan lama. Sebarang isu berbangkit juga akan cuba diselesaikan oleh Kerajaan Negeri dan jika perlu, akan diadakan lagi sesi perjumpaan bersama pemegang permit penggunaan halia bagi mencapai kata sepakat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya jelas dah jawab panjang lebar dah. Saya rasa cukup jelas dah jawapan saya itu.
YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat dah terang dah jawapannya. YB. Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Boleh soalan tambahan, sikit jer.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sikit jer... satu soalan.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Okey... okey. Saya ucapkan kepada pihak Kerajaan Negeri kerana telah memberikan maklumat terkini kerana sebab kita tak dapat makluman. Jadi terima kasih banyak-banyak dengan maklumat terkini tersebut. Tetapi saya ingin bertanya kerana saya dimaklumkan untuk kita suburkan tanah untuk tanaman halia, ia mengambil masa dua hingga tiga tahun.

Jadi bolehkah kalau sebelum pindahkan er... pekebun-pekebun ke tempat baharu biar mereka suburkan tanah tersebut dahulu, dalam masa yang sama mereka masih jalankan tempat yang lama kerana kalau kita terus pindahkan dan mereka perlu mengambil masa dua hingga tiga tahun, jadi tidak ada *income* kepada mereka dengan izin, jadi er... saya mohon jawapan balas. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kalau Yang Berhormat. Ketari memahami jawapan saya yang akhir tadi, sebarang isu berbangkit akan cuba diselesaikan oleh Kerajaan Negeri dan jika perlu diadakan sesi perjumpaan. Maknanya Kerajaan Negeri ini tidak membuat sesuatu tindakan dengan cara drastik ataupun menzalami mana-mana pihak. Dan apa yang saya ketahui setakat ini ialah perpindahan mereka ni buat secara *stagger,* secara beransur-ansur bukan secara sekali gus.

Jadi Yang Berhormat Ketari jangan bimbanglah ya, sebab kerajaan yang ada pada hari ini, tidak pernah lagi kita menzalimi mana-mana petani. Malahan er… mereka ini, pekebun yang secara haram ini, telah pun menerokai kawasan ini begitu lama sekali dan tidak ada apa-apa tindakan. Kerajaan kehilangan hasil. Hasil daripada penerokaan apa ini, daripada penanaman halia ini.

Jadi bila kita, bila ada er... projek yang dilaksanakan di kawasan tersebut, kita pindahkan mereka ke kawasan yang lain. Kita bagi kawasan yang lebih baik. Walhal Kerajaan Negeri, kalau Kerajaan Negeri tidak pindahkan mereka pun boleh, Tuan Yang di-Pertua. Itu hak Kerajaan Negeri. Tetapi kita tidak berbuat demikian kerana kita sangat prihatin kepada rakyat di negeri Pahang ini. Terima kasih Yang Berhormat Ketari.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat cukuplah YB. YB dah.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Last... last. Satu je.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat…

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Saya mohon jika ada perbincangan yang tadi, pihak Kerajaan Negeri…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

YB. dah…

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

mohon libatkan er... Ketari bersama dengan rakyat setempat.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Itu, saya pun tak terlibat dalam perbincangan kerana kita serahkan kepada pejabat er... Pejabat Tanah Daerah, kepada PTG dan tidak ada *interference* politik dalam itu. Jadi sama ada YB. Ketari akan dipanggil atau tidak terpulang kepada PTG lah. Tapi yang pentingnya penduduk yang terlibat kita panggil. Yang YB. nak datang sangat tu pasal apa? [Ahli Dewan ketawa]

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Kerana saya Wakil Rakyat tempat tersebut. Jadi saya perlu maklumat terkini. Kalau kita tak ada maklumat terkini, kita… macam mana kita nak menjawab persoalan masyarakat di kawasan tersebut.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Maklumat terkini Yang Berhormat ya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bagi. Tak ada masalah. Selepas mesyuarat tu, katalah, contohnya katalah PTG, DO panggil perbincangan pukul 3.00 petang, saya akan beritahu DO, selesai mesyuarat pukul 5, YB. tunggu kat kedai mana-mana, beritahu kepada YB. [Ahli Dewan ketawa] Tak ada masalah. Sambil-sambil minum air.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Okey. Terima kasih. Saya harap jangan jumpa kat kedailah. Kita boleh jumpa di pejabat dan sebagainya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

YB. Yang Berhormat Dato' Sri, sebenarnya YB. ini, kita kena jawab dengan pantun juga baharu dia tahu. Pergi ke pasar beli tahu…

Pergi ke pasar beli tahu,
Pergi dengan naik perahu,
YB. Ketari tak masuk tak tahu,
Dah masuk baharu tahu.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh ulang tak?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh... boleh.

Pergi ke pasar beli tahu,
Pergi dengan naik perahu,
YB. Ketari tak masuk tak tahu,
Dah masuk baharu tahu.

(Ahli Dewan ketawa)

Itu faham sendirilah Yang Berhormat. Pagi-pagi Jumaat ini ya. Kita pergi kepada soalan berikut, saya jemput Wakil dari Tanjung Lumpur.

YB. HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Saya memohon jawapan dengan mengemukakan soalan nombor 3.

> [Adakah pihak kerajaan ingin berhasrat membangunkan kembali Tanjung Lumpur sebagai perkampungan nelayan moden yang bukan sahaja dapat kekalkan Tanjung Lumpur sebagai perkampungan nelayan terkenal, juga dapat meningkatkan penjanaan pendapatan nelayan, menjadi tarikan pelancong seiring dengan pembangunan Kuantan Water Front Resort City.]

YB. DATO' DRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Wakil daripada Tanjung Lumpur. Sebelum saya menjawab soalan ini, saya nak maklumkan bahawa pada malam ini er... pada malam ini, Kerajaan Negeri akan melancarkan Pahang Fest di Publika. Orang tanya Publika ini kat mana? Google la. Publika kat mana. Kan kita dah ada PahangGo, kita dah ada *smart phone*, Publika ni di Mont Kiara, Kuala Lumpur. Ya, pada malam ni insya-Allah, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar akan melancarkan, dia cakap dia cuba hadir [ketawa kecil]. Tak apalah, apapun kita bermula daripada hari ini er... bermula pada hari semalam er... hari ni, besok dan lusa. Jadi inilah adalah pra, pra pelancaran untuk Tahun Melawat Malaysia 2020.

Jadi maknanya negeri Pahang ini *advance* daripada negeri-negeri yang lain. Kita buat pra pelancaran kerana kita tahu bahawa *market* ataupun tempat untuk pra pelancaran ini kita buat di Publika, yang tempatnya di belakang Masjid Wilayah, berhampiran dengan Istana Negara. Jadi saya harap siapa yang berkesempatan, datang. Kalau tidak, *infographic* itu *share* dengan kawan-kawan kita yang ada di Kuala Lumpur sebab kita mempunyai lebih daripada 30, 40 *booth* daripada semua pengusaha-pengusaha er... pelancongan. Begitu juga dengan produk-produk pelancongan termasuklah nangka madu er… daripada er… TKPM. Terima kasih pada Wakil daripada Benta ya, yang beritahu pada saya pastikan buah-buahan ini kita akan er… ini pamerkan juga.

Mengenai soalan daripada er rakan kita daripada Tanjung Lumpur, Kerajaan Negeri insya-Allah, akan me…akan meneliti dan kita tahu bahawa di Tanjung Lumpur itu kalau kita tengok, pembangunannya agak pesat tetapi insya-Allah Kerajaan Negeri akan er... memastikan bahawa kita mempunyai apa yang kita katakan sebagai *the masterplan* lah. Dan untuk kita mempunyai apa yang kita katakan sebagai er... apa nama kampung nelayan moden ini, ini satu cadangan yang baik.

Insya-Allah kita akan teliti dan insya-Allah, kalau sekiranya ada perbincangan apa-apa kita akan libatkan Wakil Rakyat daripada Tanjung Lumpur kerana dia dah kawan kita hah...tak apa kita libatkan insya-Allah. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita beralih kepada soalan berikutnya, dijemput Wakil dari Bilut.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 4.

[Tahun Melawat Malaysia 2020 (*Visit* Malaysia 2020).

(a) Sila nyatakan jumlah pelancong pada tahun 2017, 2018 dan 2019 (sehingga September) yang mengunjungi setiap daerah di Pahang.

(b) Berapakah bilangan pelancong yang disasarkan akan mengunjungi Pahang sempena Tahun Melawat Malaysia 2020?

(c) Apakah langkah-langkah dan/atau kemudahan yang akan disediakan oleh kerajaan negeri seiring Tahun Melawat Malaysia 2020 supaya negeri Pahang bersedia untuk pelancong asing serta tempatan?]

YB. DATO' DRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Tuan Yang di-Pertua,

Kita tahu seperti yang telah saya katakan bahawa pelancongan adalah merupakan pendapatan masa depan dan pendapatan ini ataupun pendapatan ini ianya terus kepada pemain-pemain industri. Kerajaan Negeri sebagai contohnya kita, kita *promote* dan *facilitate*. Kita memasarkan dan kemudian kita memberikan apa-apa kemudahan pertolongan yang diperlukan. Saya nak maklumkan bahawa er… ahun 2017, 2018, tahun 2019, saya nak nyatakan bahawa kalau mengikut daerah, ya, daerah Kuantan 2.7 juta, daerah ini er…pada tahun 2017, 2018, 2.4 juta dan pada tahun ini hanya 1.2 juta. Kemudian daerah Pekan, saya nak baca semua ke? Ha... tak payah ya. Tapi keseluruhannya, keseluruhannya, er…ini, dua…dua...2.4 juta 2018 ini sehingga bulan Disember.

Tetapi ini maknanya kita bulan 6 kita telah pun mendapat lebih kurang *half of it.* Saya juga nak bacakan data yang kita dapat untuk bulan, untuk…untuk…untuk bulan September, ya, er…September sebagai contoh, ya, September…ataupun saya baca keseluruhannya? Keseluruhannya September 2018, 9.7 juta tapi September 2019 10.048 juta. Maknanya kita, orang lain itu, negeri-negeri lain mungkin dia sibukkan,

stability tak ada, kita Pahang ini insya-Allah. *Stability*nya penting kerana antara perkara yang menyebabkan orang melabur dan orang melawat tu, orang datang adalah kerana *stability* dari segi politik. Kita Alhamdulillah, *stable*.

Yang keduanya, soalan yang kedua, sasaran kita pada tahun 2020 adalah 15 juta. Tahun lepas, kita mendapat 13.4 juta, tahun 2017 kerana kita menganjurkan Tahun Melawat Pahang, kita dapat 14.8 juta dan kita harapkan pada tahun depan kita akan mencapai 15 juta dan kerana itulah kita juga perlu meneroka pasaran-pasaran baharu dan saya ucap terima kasih kepada rakan-rakan saya daripada *portfolio-portfolio* yang lain kerana walaupun mereka bukan di dalam pelancongan tetapi apabila mereka keluar negara, begitu juga dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, apabila pergi saja ke luar negara atau ke mana sahaja, mereka akan apa namanya, memasarkan Pahang ini kerana kita mempunyai produk yang baik.

Yang ketiganya, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM2.6 juta khusus bagi infrastruktur dan fasiliti pelancongan. Dari jumlah tersebut, RM1.5 juta adalah peruntukan cukai pelancongan. Kerajaan Negeri dengan peruntukan daripada cukai pelancongan telah dan sedang menaikkan taraf pembaik… memperbaiki kemudahan-kemudahan pelancongan di kawasan-kawasan pelancong di negeri Pahang bagi memastikan kemudahan yang sedia ada dibaiki bagi kita, persediaan kita untuk menyambut Tahun Melawat Pahang Tahun 2020. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bilut.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Dalam Bentong ni kita tahu kebanyakan pelancong melawat ke… ke Bentong adalah pergi Genting Highlands tetapi mereka pergi Genting Highlands lepas tu mereka balik terus. Er.. soalan saya tapi sebenarnya di Bentong, di kawasan Bentong ni mempunyai banyak kawasan er… pelancongan juga. Soalan saya adalah, adakah Kerajaan Negeri sedia mempromosikan kawasan pelancongan yang lain dalam Bentong untuk mengekalkan pelancong-pelancong di Genting Highlands supaya mereka tidak pergi balik Genting sahaja, mereka boleh per… pergi, selepas pergi ke Genting Highlands boleh mereka boleh mengekal dalam kawasan-kawasan pelancong di Bentong? Sekian.

YB. DATO' DRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih Wakil daripada Bilut. Sememangnya itu adalah merupakan sebahagian daripada usaha kita, iaitu kita menyediakan pakej-pakej tambahan. Sebagai contoh, mereka pergi ke Genting Highlands tetapi mereka akan duduk 2 hari, 3 hari di Genting Highlands. Kemudian salah satu daripada harinya mereka akan pergi ke Raub kerana ianya tidak jauh. Mereka akan pergi ke, sebagai contohnya ke Fraser's Hill mungkin akan pergi ke Kuala Gandah. Ataupun tempat-tempat yang hanya memerlukan sejam atau sejam setengah. Ini perjalanan. Mereka akan pergi ke, ini, makan apa, rendang Tok Ki dan sebagainya. Dan ini adalah sebahagian daripada… sebab itu kalau kita tengok *trend*nya, dulunya kita ada 9 juta sahaja kehadiran pelancong. Tetapi Genting Highlands 7 juta. Kita hanya *split* 2 juta sahaja untuk tempat-tempat yang lain.

Sekarang ni kita ada 13 juta, 13.4 juta. Maksudnya apa? Maksudnya Genting Highlands ada 8 juta kemudian yang lebihnya 6 juta lagi, *we share with the rest of it*.

Kita, Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan bahawa daya tarikan Genting Highlands itu memang hebat. Mereka mempunyai *branding* yang sangat hebat dan juga penglibatan syarikat Genting Highlands yang bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia ini. Sememangnya ianya sedikit sebanyak ya, ianya sedikit sebanyak memberikan *advantage* dengan izin, kepada Kerajaan Negeri.

Hah… hah... sebab itulah sebahagian daripadanya, terima kasih Wakil, er… sahabat saya, bahawa nanti ini, bagi Wakil daripada Ketari, halia ini besok, ini adalah sebahagian daripada *ecotourism.* Maknanya produk halia, produk halia Bukit Tinggi. Hah *branding* dia. Kalau kita pergi ke… ke… California sebagai contohnya, jadi bolehlah ikut esok pergi er... sebagai contoh, ada satu tempat tu, apa nama saya lupa dah. Dulunya orang tanam *ginger* tapi alhamdulilah sekarang tetapi dia… halia, halia, kemudian tetapi tempat tersebut kalau kita pergi, bau halia.

Tetapi sekarang ini dia ada *the mixed.* Antara tempat yang suka orang kunjungi dia saja, jadi kita hendak macam tu sebab di Genting Highlands tersebut kalau kita mempunyai produk yang sebegini rupa *equal* ini, orang akan datang. Pakej-pakej yang kita sediakan. Terima kasih.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya cuma ingin pengesahan angka yang dinyatakan oleh Wakil Kerajaan tadi er... September 2018 jumlah pelancong 9 juta, er…. September 2019, 10 juta. Betul angka 10 juta ataupun 10 ribu? Sebab 10 juta ini, angka yang besar Yang Berhormat. Er… saya rasa angka yang diberikan itu er… tepat atau tidak. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD.SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Sememangnya angka itu tepatlah. Kalau kita setahun datang 13 juta, bulan 9, 9, 10, 12. Kita ada berapa… itu kita ada keseluruhan Negeri Pahang bukannya di Bentong, keseluruhan Negeri Pahang. 10 juta Yang Berhormat macam tak percaya tak apa tahun depan Yang Ber, penggal depan Yang Berhormat duduk Exco Pelancongan (Ahli Dewan Ketawa). Jadi Yang Berhormat boleh tengok sendiri. Kita…

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sekejap ya, saya rasa sila sep… sep bulan September sahaja 10 juta ataupun daripada Januari sampai September.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD.SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Dia selalunya kita akan sebut itu antara bulan Januari ke Septemberlah. Jadi mungkin sa… jadi kalau macam itu maknanya Yang Berhormat betul, maknanya saya kekal lagilah (Ahli Dewan Ketawa).

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Soalan tambahan.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Sungai Lembing ya, Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Terima kasih er… kepada Wakil Kerajaan sebab menjawab tentang isu pelancongan ini. Jadi er… kita berharaplah mudah-mudahan program pada malam ini, promosi untuk Tahun Melawat Pahang itu akan dijalan dengan lancar dan sempurna. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya semalam kepada Wakil Kerajaan berkenaan dengan nama Publika itu. Saya dah beritahu dia awal-awal nasib baik saya tak terima pelawaan pagi ini. Jadi er… Publika ini, kalaunya benda itu memang dah masuk dalam *WhatsApp.* Orang kampung tanya dekat Gebeng ke dekat Cherating, nasib baik dia jawab dekat Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Kemudian er... beritahu melawat… Melawat Malaysia bagi menggalakkan sektor pelancongan, er… Kawasan sayalah Sungai Lembing, salah satu daripada er… Kawasan yang nak er… pihak Kerajaan *promote*kan bagi menambahkan lagi bilangan pelancong-pelancong. Kalau tak silap saya tahun lepas lebih kurang 100 ribu orang ya, er… pelancong yang datang bermalam di Sungai Lembing. Jadi untuk kita menambahkan lagi tarikan, meramaikan lagi pelancong-pelancong yang datang.

Pertamanya, saya pun dah kemukakan kepada pihak jabatan-jabatan yang berkaitan. Rumah Terbalik Tuan Yang di-Pertua, kita adakan di Sungai Lembing. Dulu masa Rumah Terbalik di Sabah saya pergi tengok, harga dia RM1.4 juta. Sekarang ini harga dah RM4 juta dah. Kita buat Rumah Terbalik. Bukan orang terbalik, Rumah Terbalik. Yang Tuan Yang di-Pertua, keduanya er… *Memorial Park.* Kalau misalnya di luar negara dimana di Perth, kalau tak silap. Saya dengan Tuan Yang di-Pertua, hari itu kita pergi tengok ada *Memorial Park*. Jadi bagus kita er… kita adakan di Sungai Lembing nak ramaikan lagi orang.

Yang ketiganya, er… Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong dah mengiktiraf mee bandung Sungai Lembing *number 1.* Kalah Mee Muar lagi Tuan Yang di-Pertua, tapi inilah antara tarikan-tarikan yang itu… tak campur lagi er… restoran-restoran cina yang jual makanan eksotik. Jadi masa tulisan Jawi… itu sebabnya kena berhati-hati. Er… nanti apa jadi isu pelaksanaannya kita mesti meyokong tulisan Jawi. Itu khazanah kita, warisan kita. Tetapi restoran-restoran cina misalannya yang kita tak pasti halal ke apa. Kita kena jaga juga nanti orang tengok tulisan Jawi saja, terus masuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat terima kasih.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ini soalan ke pandangan tadi (Ahli Dewan ketawa).

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Er… soalan saya itulah yang cadangan itu. Rumah Terbalik, *Memorial Park*. *Promote*kan lagi mee bandung Sungai Lembing, iaitu pelancongan punya kerja.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD.SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang di-Pertua,

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Yang Berhormat EXCO.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD.SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, sahabat saya dari Sungai Lembing ini. Kita di Sungai Lembing ini kita tak ada Rumah Terbalik tapi kita ada rumah terbakar. (Ahli Dewan Ketawa).

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Insya-Allah satu cadangan yang baik kerana itu adalah merupakan salah satu daripada tarikan Rumah Terbalik. Jadi orang dalam dunia ini memang suka benda-benda terbaliklah kan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya nak maklumkan bahawa dari segi kehadiran pelancong, ya. Dari Januari hingga September er… yang ini nak sahabat saya daripada Beserah, dia ingatkan saya jangan sebut September saja. Dari Januari hingga September. 2018, 134,700 orang. 2018 ya, sahabat. Tetapi pada tahun 2019 catitan yang kita terima adalah 157,800 orang. Maknanya peningkatan, bulan er… bagi Sungai Lembing jadi insya-Allah cadangan tersebut yang baik itu. Cuma tambahan, ya untuk Pahang Fest, saya baharu sahaja dapat daripada urus setia. Bagi *hotels* keseluruhannya, kita ada hampir 100, 100 lebih ini, ini *booth* er… *hotels*, hotel-hotel dan resort dan sebagainya daripada Pahang ini ada 55 yang mengambil bahagian.

Kemudian *agents*, agen ini pakej-pakej yang disebut tadi termasuklah Wakil dari Bilut beritahu bahawa jangan hanya orang datang saja ke Genting Highland sahaja. Yang itu yang nak kita buat Eco Park itu, yang *ginger* itu. Iaitu sebahagian daripada orang maknanya pelancong boleh datang untuk melawat sebahagian daripada pakej.

Kemudian buah-buahan tempatan 10. Tadi 35, 10 dan kraf 10. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, Yang Berhormat saya…

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Soalan tambahan.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat cukup ya untuk soalan tambahan pagi ini untuk soalan 4. Kita beralih kepada soalan berikutnya kita jemput Wakil dari Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan. Saya er…ingat Dewan ini mengalu-alukan kehadiran Penghulu-penghulu daripada Lipis sebagai pemerhati er… [Ahli Dewan tepuk meja]. Hari ini hari kelima, soalan saya nombor 5.

> [Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pahang, menyatakan seluas 29,390.59 hektar tanah yang meliputi 11,292 lot tanah dikenal pasti sebagai tanah terbiar di seluruh negeri Pahang pada tahun 2019. Apakah perancangan kerajaan negeri bagi memanfaatkan tanah-tanah terbiar tersebut sebagai salah satu sumber pendapatan baharu negeri Pahang.]

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

(Ahli Dewan Ketawa). Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat dan saudara saya daripada Padang Tengku yang mengemukakan soalan nombor 5. Dia sebenarnya er…. Wakil Padang Tengku ini mempamerkan satu sikap kepimpinan yang ikhlas. Apabila ingin menyelesaikan permasalahan, masyarakat bukan sahaja di Kawasan Padang Tengku, tetapi juga yang melibatkan seluruh Negeri Pahang. Sebab itu, saya ingin merekodkan di sini, iaitu penghargaan yang tidak terhingga dari segi pihak Kerajaan Negeri khususnya er… yang berkaitan dengan portfolio saya. Kerana keprihatinan ADN Padang Tengku ini menyuarakan pandangan-pandangan dan juga melontarkan er… persoalan-persoalan demi untuk kepentingan masyarakat.

Sebelum ini ADN Padang Tengku ada membangkitkan soal projek herba di Chegar Perah dan hari ini ADN Padang Tengku menanyakan tentang er… bagaimana kita ingin bangunkan atau majukan tanah-tanah terbiar ada dia seluruh Negeri Pahang. Saya nyatakan ini kerana saya dapati ada rakan-rakan dalam Dewan yang Mulia ini yang menzahirkan, menanya beberapa soalan. Tapi hakikatnya sebenarnya kadang kalanya dia memainkan watak yang berbeza. Saya bagi contoh pada projek-projek Kerajaan yang nak dilaksanakan disatu-satu kawasan dengan er… penglibatan daripada petani-petani yang telah pun kita berikan peluang untuk bertani. Malahan Kerajaan tidak merampas tanah di kawasan tersebut.

Setiap inci tanah yang telah diberikan permit kepada petani untuk diusahakan, diganti semula. Umpamanya kalau petani itu ada satu ekar, kita gantikan satu ekar. Kalau petani itu ada dua ekar, kita gantikan dua ekar. Kalau petani itu ada tiga ekar, kita akan gantikan dengan tiga ekar. Kalau dahulunya petani-petani, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terpaksa mengusahakan tanah yang diberikan itu dengan kos ataupun perbelanjaan sendiri. Tapi kali ini pihak Kerajaan menetapkan syarat supaya kawasan yang nak digantikan ini diukur, dibersihkan, disediakan dengan sistem er… pengairannya, dibinakannya dengan jalan. Apa lagi yang sebenarnya yang kita hendak?

Saya bagi analogi seolah-olah macam ini. Kita ada rumah yang kita sewakan kepada penyewa kita dan apabila rumah yang hendak… yang telah pun disewakan tak kira berapa lama sekalipun. Sebagai tuan rumah apabila kita nak baik pulih rumah kita, mungkin kita nak jadikan sebagai pusat yang bukannya mana kita nak menyewa rumah tapi kita jadikan pusat dialisis, pusat-pusat yang jauh mempunyai nilai tambah kepada premis kita dan pada masa yang sama kita minta penyewa rumah kita ini tadi berpindah ke sebuah rumah yang lain, yang kita bagi. Duduklah di situ. Tetapi bagaimana Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kalau penyewa menyatakan tidak boleh, saya kekal mahu duduk di rumah ini dan tidak mahu berpindah kepada rumah yang telah kita cadangkan. Tentu pelik Dato' Sri, sebab apa kita sebagai tuan rumah, tentu mempunyai hak untuk menentukan apa yang terbaik demi untuk kepentingan kita.

Beginilah keadaan Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini. Kita bagi pilihan, namun oleh kerana taklimat yang telah kita laksanakan ini, kita bagi penjelasan kepada pemilik-pemilik atau pun petani-petani tetapi yang menjadi dukacita di sini ialah, ada terdapat pemimpin-pemimpin yang mengelirukan petani-petani ini. Yang menyediakan misal contohnya taklimat sebelum berjumpa dengan pihak kerajaan. Kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar mengamalkan dasar terbuka. Panggil, kita boleh bincang tapi tidak dilaksanakan.

Seharusnya pihak yang pertama, yang mesti ditemui oleh mana-mana pemimpin, di mana-mana peringkat ialah pihak kerajaan. Bertanyakan apakah perancangan kita, apakah maklumat yang perlu kita sampaikan kepada kumpulan sasar? Bukan kita mengapi-apikan dan menggagalkan usaha murni yang ingin dilaksanakan oleh pihak kerajaan, Dato' Sri. Sebab itu saya merakamkan tahniah. Terima kasih kepada rakan-rakan yang ada dalam Dewan Yang Mulia ini, baik dari barisan kerajaan mahupun pimpinan rakan sahabat daripada PAS mahupun rakan-rakan daripada pembangkang yang bersedia dengan tulus ikhlas, untuk bertanyakan apakah perancangan kerajaan dan kita selesaikan cara yang terbaik dan kita mengamalkan dasar-dasar yang terbuka.

Saya merakamkan tahniah juga, terima kasih kepada rakan daripada Teruntum yang menghadapi masalah dan berjumpa dengan pihak kerajaan, termasuk diri saya sendiri dan kita cuba selesaikan dan kita sama-sama kongsi bahawasa yang betul, yang benar itu tetap benar tapi yang tidak betul dan tidak sesuai tu tetap tidak sesuai dan tidak boleh diteruskan.

Jadi dalam konteks ini, saya menyeru pada rakan-rakan Ahli Dewan Yang Mulia ini, insya-Allah marilah kita letakkan keutamaan negeri, keutamaan masyarakat, rakyat dan keutamaan negara ini mengatasi kepentingan dan keutamaan kita. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Jadi, saya menjawab pertanyaan daripada Wakil daripada Padang Tengku iaitu yang pertama sekali saya ingin perjelaskan di sini…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Er… YB. Pulau Manis…

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Iaitu …

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Belum.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Istilah tanah terbiar ni adalah tanah milik atau tanah yang mempunyai hakmilik yang tidak diusahakan oleh pemilik yang berkaitan. Itu namanya tanah terbiar itu istilah yang saya nak er… perjelaskan di sini. Bukannya tanah kerajaan ataupun tanah di bawah *reserve* apa ini… Jabatan Hutan. Jadi persoalannya timbul bila Wakil Padang Tengku menanyakan apakah perancangan, usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk menjadikan tanah-tanah terbiar ini sebagai satu er… tapak yang produktif?

Jadi dalam konteks ini kita tidak ada paksaan. Kalau pemilik tanah itu sendiri misal contohnya dia membayar cukai tanah tahunan, kemudian dia ingin berdiam diri misal contohnya, nak menengok supaya suasana alam sekitar semulajadi ini akan terus apa dapat ini…ini…apa tumbuh subur tanpa menanam apa-apa er… ini tanaman yang boleh memberikan pulangan kepada beliau.

Kalau itulah pilihan dia, pihak kerajaan sebagai sebuah kerajaan yang sentiasa er… terbuka kepada kepelbagaianlah, keperbezaan ini, kita tidak boleh buat apa-apa kecuali kalau dia menjadi kacau ganggu kepada kawasan persekitaran. Kalau kita zon kawasan ini sebagai kawasan pembangunan, maka itu kita akan laksana mengikut pelan-pelan yang telah pun ditetapkan.

Namun pihak Kerajaan melalui sama ada er… Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat, sudah tentu ingin menggalakkan kawasan-kawasan ini dimajukan. Maka di bawah Kementerian Pertanian, khususnya Jabatan Pertanian, pihak kerajaan menyediakan peruntukan ataupun dana di bawah program yang dinamakan sebagai Program er... Pembangunan Tanah-tanah Terbiar ya, dan apakah langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi membantu tuan-tuan pemilik tanah untuk membangunkan kawasan-kawasan tanah terbiar ini ialah dengan menyediakan inisiatif ya, dalam bentuk-bentuk input seperti infrastruktur er… termasuk pembersihan kawasan, jalan ladang, pagar kawasan, sistem pengairan serta input-input pertanian termasuk benih ya. Yang sepertimana yang saya jelaskan pada waktu semalam iaitu peruntukan maksimanya ialah RM20 ribu per hektar ya, per hektar.

Pada masa yang sama juga kita dapati bahawasanya terdapat di kampung-kampung tradisi yang tanah-tanah terbiar ini terdiri daripada dusun-dusun, dusun-dusun yang tidak di er… diusahakan atau pun terbiar begitu sahaja kerana pemilikan tanah dalam er… kampung-kampung ini terdiri daripada waris-waris yang memiliki penama yang banyak. Jadi kadang jadi masalah.

Namun er… perkara ini, sepertimana yang diperuntukan di bawah er… Seksyen 221 ya. 221 ini, Kanun Tanah Negara iaitu memberi kuasa kepada tuan punya memajak kepada mana-mana pihak, mana-mana pihak Dato' Sri Yang Di-Pertua, untuk mengusahakan tanah tersebut. Bagi tempoh pajakan melebihi tiga tahun. Jadi kalau begitu, pemajak ini tadi maknanya pemajak tuan punya ya, ini kalau dia pajak itu yang… yang pemajak ya pemajak. Pemajak ini, penerima pajak. Ini saya kena minta ini nasihat daripada Yang Berhormat Dato' Sri Penasihat Undang-undang. Penerima pajak ini tadi, juga layak untuk mendapat bantuan seumpama itu dengan syarat ada

perjanjian jelas antara tuan punya tanah dengan er… pemajak ya. Jadi insya-Allah, maknanya ini akan kita laksanakan

Mudah-mudahan er… Yang Berhormat ADN Padang Tengku dapat juga menjelaskan kepada masyarakat di sekitar bukan hanya di Padang Tengku, malahan kepada semua yang berminat untuk memulihkan semula tanah-tanah terbiar dan insya-Allah. Sebenarnya ada juga er… KPI yang telah pun kita tetapkan insya-Allah kita akan cuba ikhtiarkan untuk mengurangkan er… jumlah tanah-tanah terbiar ini. Ha… ini sasarannya lebih kurang dalam 10% tiap-tiap tahun insya-Allah bagi seluruh negeri Pahang. Jadi tiap-tiap daerah tu kita target 10%... 10 %...10% dapat kita ini er… bangunkan, mudah-mudahan satu hari nanti, sebahagian besar daripada tanah-tanah terbiar ini dapat dijadikan sebagai kawasan yang lebih produktif. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pulau Manis. Ya, Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Soal tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ini…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Bagi tuan punya soalan dulu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Padang Tengku nak soal dulu?

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ha…Tuan punya soalanlahkan. [Ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha… Duduklah Pulau Manis. Saya nampak dia tadi, Yang Berhormat tak nampak.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya faham bahawa isu tanah terbiar ini merupakan isu lama malah dalam Dewan ini kita dah bincang dulu. Pernah dicadangkan supaya diwujudkan satu perbadanan tanah-tanah terbiar, kalau kita masih ingatlah dan sewajarnya tanah terbiar ini menjadi satu… bila masalah dia tukar kepada peluang.

Justeru itu kita ada peluang dan kita melihat bahawa er… daerah Lipis merupakan daerah yang… yang banyak tanah terbiar. Nombor dua, kalau ikut senarai yang saya ada ni, nombor dua. Nombor satu Bentong, nombor dua Lipis, nombor tiga Raub, nombor empat Temerloh. Maknanya belah Pahang Barat ini memang terkenal dengan tanah terbiar.

Jadi soalan saya sebelum daripada er… Skim Tanah Terbiar yang disebut oleh Exco tadi, yang apa 20 ribu itu, sebelum itu ada satu Program yang nama dia Program Bantuan Tanam Semula Buah-buahan Terpilih. Ini yang seingat sayalah, di mana tiap-tiap daerah ini diklusterkan dengan tanaman-tanaman tertentu umpamanya daerah Lipis er… diklasterkan sebagai tanaman durian. Tapi persoalan yang saya nak kemukakan er… kita tak begitu nampak er… apa nama er… kejayaannya er… kepada program ini. Jadi persoalanya saya nak timbulkan, apakah status er… program ini dan er… apa ni penye… sebagai satu penyelesaian kepada tanah terbiar? Itu satu soalan.

Yang kedua ialah er… tanah-tanah terbiar ni terdiri daripada tanah darat, tanah sawah dan sekarang ini mungkin er… tanah-tanah terbiar pun diusahakan secara tak langsung melalui perlombongan-perlombongan. Kalau di Lipis ini orang-orang jumpa emas. Jadi masing-masing er… duk usahakan tanah terbiar mereka dengan mengusahakan er… dengan lombong emas dan er… di situ tinggal akhirnya er… lombong-lombong yang sebenarnya boleh kita manfaatkan er… mungkin sebagai er… satu satu sumber pendapatan baharulah.

Mungkin sebagai kolam, kolam ikan ke ataupun er… pusat rekreasi baharu ke. Jadi persoalan yang saya nak timbulkan adakah er… kerajaan mempunyai satu perancangan untuk kita membangunkan semula tanah-tanah terbiar termasuk sawah yang saya sebutkan tadi. Pulihkan semula sawah ini dengan tanaman-tanaman lain dan juga lombong-lombong er… yang er… didirikan secara tidak lansung oleh er… pelombong-pelombong tanah-tanah hakmilik mereka ini? Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih er… Padang Tengku. Dato' Sri Yang di-Pertua, sebenarnya rancangan yang disebutkan oleh Padang Tengku tadi memang terus berjalan kerana saya maklumkan tadi er… sebahagian daripada tanah terbiar ini merupakan kebun-kebun lama. Jadi kebun-kebun lama ini dia ada durian, ada buah-buahan dan sebagainya. Dan apa yang kita buat er… oleh kerana spesis durian, terutama sekali 197 ini Musang King ini menjadi satu er… kegilaanlah. Bukanlah maknanya kegilaan dalam bentuk yang negatif, maknanya jadi sa… fenomena baharu maka er… Jabatan Pertanian telah mengusahakan kita menbuat konsep cantuman, Dato' Sri Yang di-Pertua.

Maknanya durian itu Dato' Sri ya, dia durian lama, durian apa nama Kampung. Jadi kalau buahnya er… tidak begitu menarik misal contohnya tapi batangnya memang er… kuatlah ya, maknanya kita durian dulunya dia gunakan er… apa nama benih daripada biji kan. Jadi ini adalah merupakan beberapa kriteria yang baik untuk kita buat konsep cantuman, iaitu Musang King punya benih ini kita cantumkan dengan er… pokok induk Durian Kampung dan akhirnya dia boleh mengeluarkan er… buah er… Musang King. Jadi perkara ini telah pun diusahakan, sedang diusahakan dan telah dan sedang dan akan diusahakan oleh Jabatan Pertanian.

Maknanya kita memperkasa dusun-dusun dan er… ada setengah-setengah tempat itu, memang kita sulamkan dengan buah-buahan yang terpilih, ya. Tak kira nangka, mungkin ada kelapa dan sebagainya. Program ini berjalan ini… ini er… Yang Berhormat ini ADN Padang Tengku jadi er… apa nama er… ini konsep Yang Amat

Berhormat Dato' Sri Menteri Besarlah. Maknanya kita tak heboh tapi kita buat kerja. Er… jadi maknanya ini perkara ni berjalan insya-Allah kalau sekira er… Yang Berhormat berhubung dengan Jabatan Pertanian, kita boleh mengenal pasti dan ini tertakluk kepada peruntukan ya. Sebab kita bila kita buka ini tawaran ini memang ini hangat dan popular. Tuan-tuan punya tanah tampil kedepan.

Bagaimana caranya dia nak pulihkan tanah-tanah dia yang terbiar ini. Jadi dalam konteks ini saya nak er… beri jaminan kepada Dewan Yang Mulia ni insya-Allah kita akan menggunakan setiap usaha yang boleh untuk kita er… rancakkanlah sektor agro ini er… dan er… memberikan pemerkasaan program pemerkasaan khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan insya-Allah ini YB. ya, kalau ada pandangan-pandangan lain kita akan ambil maklum tentang perkara ni.

Yang keduanya, tentang lombong-lombong. Sebenarnya er… memang menjadi syarat perlombongan sepatutnya kawasan yang dilombong ini, mesti di *reinstate lah* Bahasa Inggeris di apa nama er… baik pulih, dipulihkan semula ya. Kalau ikut dipulihkan semula supaya ianya tidak menjadi er… ancaman kepada er… persekitaranlah. Jadi ini kita dulunya kita ada er… sedikit peruntukan, tetapi kini kita telah meminda er… Enakmen Mineral er… negeri dan er… jumlah ini er… dinaikkan kepada satu jumlah yang munasabah, bagi membolehkan pihak yang terbabit ni tadi memulihkan dan kalau gagal maka Pihak Kerajaan boleh menggunakan dana tersebut untuk memulihkan.

Namun er… cadangan daripada Padang Tengku tadi baik, kalau sekiranya kawasan itu er… boleh dijadikan sebagai kawasan rekreasi ya, bekas-bekas lombong ini dan mem… membe… memberikan nilai tambah yang lebih insya-Allah kita akan laksanakan, dan ini telah pun terbukti Dato' Sri di Sunway er… Lagoon yang ada di er… di… di apa di Selangor ini adalah merupakan er… bekas-bekas lombong yang telah pun di er… pulihkan semula. The Mines, bekas-bekas lombong yang telah dipulihkan di merata tempat. Tasik ini… ini apa er… Bukit Merah er… Tasik Bukit Merah di Perak. Ini semua bekas-bekas lombong ya dan ini insya-Allah ya Dato' Sri Yang Di-Pertua, ianya boleh juga menarik er… pelancong dan mudah-mudahan usaha ini akan memberikan nilai tambah kepada pemilik-pemilik er… tanah yang terbabit. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Nampak Pulau Manis nak tanya soalan. Soalan terakhir.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Ya. Yang pertama sekali minta maaflah dengan Padang Tengku, saya sebenarnya tidak berhasrat untuk mengganggu kalau soalan itu soalan berkaitan dengan Lipis ataupun Padang Tengku. Tapi kebetulan soalan tu soalan nampak menyeluruh untuk negeri Pahang. Jadi sebab itulah saya mohon mencelah.

Dato' Yang di-Pertua,

Sebenarnya apa yang dijelaskan oleh pihak kerajaan sebentar tadi, berkaitan dengan tanah terbiar yang dimaksudkan ialah tanah yang mempunyai pemilik, tetapi tidak diusahakan. Dalam keadaan begini kita melihat di kawasan-kawasan kita terdapat dua kategori. Yang pertama, tanah yang telah ataupun pernah diusahakan tetapi sekarang ini dah jadi tanah pusaka, nenek moyangnya dah tak ada terus terbiar tinggal dengan

batang kelapa sawit er… batang pokok kelapa je ataupun kebun-kebun yang dah mula patah dahan runtuh dan sebagainya tapi menjadi semak samun.

Yang kedua tanah terbiar. Tanah yang dipohon berebut-rebut mohon tapi bila dah lulus, bila kita dah beri dia sebagai hak milik, di mana pihak kita Pejabat Daerah dan Tanah dah tak ada hak dah. Dah serah kepada dia, betul tadi itu penjelasan. Tapi masalahnya sekarang ialah kita mesti sebenarnya mengambil sesuatu ataupun membuat satu undang-undanglah kerana saya melihat tanah-tanah terbiar ini berlakunya tempat kita meletakkan musuh-musuh tanaman kepada orang lain. Maksud saya, kalau dalam satu kawasan itu ada begitu luas kawasan yang tidak diusahakan, semua musuh-musuh tinggal menetap di dalam kawasan tersebut dan mengacau ganggu kawasan orang yang mengusahakan. Ha…itu yang berlaku.

Kemudian yang keduanya, memang saya pernah bangkit perkara ni er… lima enam tahun yang lalu, tetapi kita mendapati bahawa tanah-tanah ini telah pun sebahagiannya contoh macam sawah. Sawah memang banyak yang terbiar, tapi sebahagiannya kita tak dapat nak kesan. Waris warahnya tak tahu siapa lagi dan sehingga ada pihak menyatakan gerannya pun dah tak tahu di mana lagi. Jadi saya berharaplah supaya perkara ini Pejabat Daerah dan Tanah melalui Kerajaan Negeri er… mungkin ada sesuatu perkara yang kita boleh ambil tindakan.

Contohnya tunggakan cukai. Bila tunggakan cukai tidak berbayar sehinggakan lima enam tahun yang kita dapati tunggak tunggak tertunggak tertunggak itu tadi, maka sepatutnya diambil tahu di manakah tanah tersebut, di manakah pemilik tersebut. Jadi kemudian baharulah kita dapat kesan dan menyelesaikan dengan peraturan yang kita kena gubal satu peraturan. Ha…tu pandangan sayalah. Jadi saya berharap er… soalan yang dikemukakan oleh Padang Tengku ini merupakan satu soalan yang sangat baik dan mudah-mudahan akan berlaku sesuatu perkara supaya semua tanah-tanah yang ada di dalam kampung di dalam kawasan-kawasan kita dapat diusahakan oleh er… keluarga masing-masing melalui, kalau tak tak mampu nak usahakan sendiri melalui sistem yang kita cadangkan dipajak dan sebagainya. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sepertimana yang telah saya sebutkan tadi bahawasanya kita ini mentadbir berlandaskan undang-undang ya. Jadi kalau er… isu berkaitan dengan tanah maka ada satu kanun dipanggil Tanu… Kanun Tanah Negara KTN disebut. Dia ada seksyen-seksyen dia ataupun er… bahagian-bahagian dia yang menetapkan apa yang boleh kita laksanakan. Jadi dalam konteks ini, memang betul seperti mana yang telah diperjelaskan oleh rakan saya daripada Pulau Manis tentang er… iaitu tanah-tanah terbiar yang ada hak milik dan memang yang sebenarnya kalau di bawah ini Kanun Tanah Negara kalau sekiranya dia ada pemilikan ya, bila ada pemilikan dan err… dia membayar, membayar cukai tanah kepada Kerajaan Negeri. Ha…ni yang masalah. Tanah tu pemilik tapi tidak dijayakan dan er…cukai tahunan dia bayar.

Jadi, kalau Pulau Manis kata tadi kalau tanah itu er…tidak diusahakan kemudian dia tidak bayar, itu lain. Makna dia pelanggaran dari segi itu kita ada juga er…peruntukan-peruntukan yang memboleh Pihak Berkuasa Negeri err…merampas tanah itu. Jadi kita sekarang ini dah buat kita hantar notis ya, notis Pejabat Tanah er…telah menghantar notis kepada pemilik-pemilik yang tidak membayar cukai tanah iaitu

dipanggil Borang 6 ya, Borang 6A. Borang 6A dan apabila kita hantar tu kita bagi *warning* maknanya yang tak bayar kita akan mengambil tindakan termasuk merampas.

Akhirnya kita akan membuat susulan mengeluarkan Borang 8A, 8A ini kita rampas dan ada tanah-tanah yang telah kita buat sedemikian rupa. Itu jelas ya. Ini…namun kalau sekiranya er…tanah ada pemilikan, dia bayar cukai tapi tidak diusahakan tetapi kalau dia, seperti mana yang saya kata kan tadi Dato' Sri yang di-Pertua, kalau dia menjadi mengwujudkan *nuisance* atau kacau ganggu kepada kawasan sekelilling dia ada juga er…ni sebenarnya di panggil sebagai *absence land lord.* Maknanya tuan pemilik tanah yang err…ghaib lah macam ghaib tiada jadi dia ada peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara tu.

Err…kita Pihak Berkuasa Negeri boleh mengambil tindakan tetapi yang ni belum lagi kita buatlah. Namun er…saya tahu insya-Allah kalau perkara ini perlu kita buat kalau ada nya aduan, adanya komplen, kita lihat justifikasinya ada, mungkin pihak Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah er...tertentu untuk merampas tanah ini. Tetapi seperti mana yang kita sedia maklum Yang Berhormat Dato' Sri er… Setiausaha Kerajaan Negeri kita, adalah merupakan bekas KPTG iaitu Ketua Pesuruhanjaya Tanah Persekutuan. Dia memang mahir dari segi bab-bab tanah ini mungkin selepas ini er…Yang Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri boleh er…juga mengwujudkan satu jawatankuasa meneliti perkara ini dan kalau ada rasional, iaitu wujud kacau ganggu seperti mana kawasan paya ya, yang tidak diusahakan dan ini menjadi tapak musuh-musuh tanaman, tikus dan sebagainya mengancam pengusaha pesawah-pesawah lain mungkin tindakan ini boleh kita laksanakan.

Saya mohon kalau boleh Dato', rakan-rakan Ahli-ahli Dewan ha mungkin kalau ada terlibat dengan kawasan-kawasan situ, beri sokongan dan jangan pula nanti menghalang unsur-unsur murni ini, ya dan menganggu penyelesaian kepada masalah masyarakat yang terpaksa ditangani. Terima Kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

DATO' SRI YANG DI-PERTUA

Terima Kasih Yang Berhormat.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

DATO' SRI YANG DI-PERTUA

Cukup saya ingat kita dah lebih tiga soalan tadi. Kita pergi pada soalan berikutnya saya jemput Wakil dari Luit.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

[Ayat al-Quran], Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 6.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dato' Sri yang memberi ruang kepada saya untuk menjawab soalan daripada sahabat saya Luit dan juga saya menghargai kepada sahabat saya Luit yang bijak untuk menampakkan DUN Luit apabila menanyakan tentang hospital di daerah Maran bagaimanakah statusnya, tanahnya dan peruntukannya.

Memanglah pada asalnya iaitu hospital ini nak didirikan di satu tempat kalau tak silap saya di apa er…tempat yang berbeza, tetapi kita pindahkan ke DUN Luit pula Dato' Sri Yang di-Pertua, dan telah mendapat persetujuan daripada Pihak Berkuasa Tanah dan peruntukan pun pada asalnya Kerajaan Persekutuan telah menariknya balik. Tetapi apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang mengadakan satu Mesyuarat Tindakan Negeri, yang dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Ekonomi *Federal,* pada ketika itu dinyatakan oleh menteri kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar peruntukan itu sudah tiada, tetapi atas alasan kerana tanah.

Tetapi apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama dengan kami dalam mesyuarat itu menyatakan tanah tiada masalah. Kita di Negeri Pahang betullah kita *control* dalam pengurusan kelus… kelulusan tanah, tetapi untuk kepentingan rakyat kita sentiasa mengambil berat dan memberikan kelulusan untuk apa membina hospital di daerah Maran. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. [Ahli Dewan tepuk meja]

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Soalan tambahan Dato' Sri Yang di-Pertua. Err… saya mengucap terima kasih sekali lagilah. Hari semalam terima kasih dah kepada Kerajaan Negeri, hari ini terima kasih lagi. Walau macamanapun terima kasih terima kasih juga tetapi kita nak sedikit jaminanlah. Sebab perkara mohon hospital ini lama sangat. Saya ingat dari tahun 80an lagi dah, yang mohon pun dah meninggal dah pun. Tak sempat masuk hospital. Jadi kita nak jaminan sebab kita percaya kita yakin Kerajaan yang ada sekarang ini, Kerajaan Negeri Pahang ini dia profesional dia ada SOP lah ada KPI lah macam-macam yang kita tak pernah dulu dengar dulu ya. Jadi insya-Allah ada jaminan untuk saya buat modal untuk bawa balik kampung nak bercerita dekat orang kampung. Terima kasih.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Benda yang akan datang ni [Bacaan ayat al-Quran] "jangan kamu buat "[Bacaan ayat al-Quran] "jangan kamu kata benda yang kamu nak buat hari esok, mesti aku buat melainkan insya-Allah". Insya-Allah DUN Luit. [Ahli Dewan ketawa].

DATO' SRI YANG DI-PERTUA

Okey Yang Berhormat, Wakil Luit saya ingat itu jawapan yang paling tepat itu. Baiklah, er… Yang Berhormat sekalian, oleh kerana Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Felda Koperasi Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna sudah pun beransur pulih tetapi dinasihatkan oleh doktor untuk berehat beberapa ketika. Jadi soalan daripada ADN Chini dan ADN Jengka, pihak urus setia akan memberi jawapan secara bertulis. Baiklah kepada urusan seterusnya saya jemput Wakil dari Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Saya mohon izin kemukakan soalan nombor 9.

> [Nyatakan usaha-usaha yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan bagi menambah bilangan rumah mampu milik di negeri Pahang khususnya kawasan Cameron Highlands.]

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum Yang di-Pertua.

Terima kasih daripada Tanah Rata kerana menanyakan soalan berkaitan dengan rumah mampu milik di Cameron Highlands khususnya. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak er… tujuh Projek Pembangunan Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) di Cameron Highlands khususnya dan ianya melibatkan anggaran unit sebanyak 3115 unit rumah yang telah disediakan untuk pemohon, terutamanya di yang tinggal di Cameron Highlands.

Terdapat dua projek PR1MA Pahang yang telah siap manakala satu projek telah siap dan selebihnya dalam proses dokumentasi untuk diluluskan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan tapak untuk Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) oleh KPKT di negeri ini dan sehingga kini ada satu projek dibawah Syarikat Perumahan Negara Berhad, Mentigi yang telah lama telah diluluskan tapaknya telah disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri er… tapi pelaksaannya oleh KPKT tertangguh selepas PRU yang ke-14 ya. Saya difahamkan er… projek ini ditangguh kerana sedang menunggu peruntukan daripada KPKT, dah hampir setahun lebih. Perkara ini akan saya bawa lagi kepada pihak KPKT untuk mendapatkan peruntukan untuk melaksanakan projek Rumah SPNB Mentigi di… di Cameron Highlands. Sekarang ini… dulu SPNB ni di bawah Kementerian er… apa ini… Kewangan tetapi kini telah diletakkan di bawah apa ini… Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya dah maklumkan perkara ini kepada KSU apa ini… KPKT untuk diambil tindakan perkara inilah dan kita juga ada terdapat satu lagi projek rumah di yang di bawah KPKT juga iaitu er… PPR di Batu Tiga, Tanah Rata, Cameron Highlands dan kita pun masih menunggu peruntukan sebenarnya daripada daripada pihak KPKT untuk er… melaksanakan projek ini. Saya rasa ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri, kita menyediakan tapak manak… manakala er… peruntukan daripada KPKT kita perlukan untuk melaksanakan program untuk kebaikan rakyat yang seterusnya. Saya rasa ini adalah satu tindakan antara kedua pihak, yang peringkat negeri kita sedang laksanakan, manakala peringkat persekutuan menunggu peruntukan ini. Ini adalah kawasan ini apa ini… di bawah [batuk] Yang Amat Berhormat Menteri besar kita sendiri yang perlu memberi prihatin kepada penduduk-penduduk di sekitar Cameron Highlands. Er… ada sedikit pantun:

Anak ikan dimakan ikan,
Tulang ikan jangan dilonggok,
Jiwa Tok Wan jiwa wawasan,
Tiada janji lihat bukti ditunjukkan.

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Yang Berhormat.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Boleh soalan tambahan?

YB. ENCIK CHONG YOKE KONG

Soalan tambahan...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Agak, ringkaskan sedikit Yang Berhormat soalan dia…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Sikit je…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terus kepada soalan.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ya. Soalan saya ialah, sebab Wakil Kerajaan menyebut tadi perkataan SPNB. Jadi saya nak tanya di zaman Kerajaan Pakatan Harapan ini, dah pergi kepada hampir satu tahun setengah, usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional zaman dahulu, SPNB merupakan salah satu agensi untuk memajukan rumah-rumah yang mampu dibayar bulanan oleh er… apa ini… penduduk-penduduk setempat berdasarkan kepada peraturan-peraturan misal kata ada tanah dan sebagainya.

Tapi sekarang ini, tunggakan terhadap permohonan yang dahulu pun belum selesai dan apa yang berlaku untuk mutakhir ini, saya mendapat tahu bahawa tak tahu apa yang berlaku pada SPNB. CEO nya pun sampai sekarang pun tak lantik er… tak ada jawatan dan begitu juga dengan aktivitinya.

Jadi, dia ada ibu pejabat dekat Rompin sana untuk negeri Pahang, tapi apakah status dia sekarang? Ha, itu, saya nak tahu. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Statusnya sekarang… silakan.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Untuk makluman Pulau Manis, er… SPNB ni baharu distrukturkan di bawah KPKT yang Pengerusinya dipengerusikan oleh er… KSU KPKT. Saya dah bawa perkara ini, mungkin makan sedikit tindakanlah untuk laksanakan, saya rasa. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya…

YB. ENCIK CHONG YOKE KONG

Soalan tambahan. Ya, terima kasih bukti yang ditunjukkan oleh pihak kerajaan. Saya amat terima kasih sebab agak terperinci. Sebenarnya soalan yang tambahan saya adalah; "Bolehkah kerajaan… pihak kerajaan senaraikan tanah-tanah yang sedia ditawarkan untuk pembinaan Rumah Mampu Milik ini?" Tapi nampaknya pihak kerajaan pun sudah tunjukkan bahawa ada tiga tapak di Cameron Highlands kan, tapi bolehkah saya tahu dalam tulisan jawapan ke lokasi sebenarnya. Sama-sama kita fikirkan solusi untuk selesaikan masalah dan ini yang pentingnya ya.

Soalan tambahan yang kedua, iaitu di Cameron Highlands sebelum ini ada satu rumah… Perumahan Mampu Milik er… iaitu PR1MA Tanah Rata, yang agak terkenal sebab er… dia di tempat yang agak strategik. Namun demikian, perumahan itu nampaknya, separuhnya telah dijadikan *homestay, business homestay* dan menyebabkan er… penduduk setempat tidak selesa, lepas itu yang mereka yang betul-betul nak minta Rumah Mampu Milik itu, mereka tak dapat Rumah Mampu Milik.

Oleh itu, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menangani er… masalah sedemikian daripada masa depan untuk mengelakkan daripada berlaku. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya Yang Berhormat.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih kepada rakan saya daripada Kerajaan Exco Perumahan, bagi laluan. Saya tidak menafikan apa yang, yang dikatakan oleh ADN Tanah Rata kerana saya ada mendapat juga aduan tetapi dikemukakan secara lisan. Saya telah menerima aduan ini tetapi saya telah minta [berdehem] pihak yang mengadu kepada saya untuk mengemukakan secara bertulis. Jadi senang untuk saya mengambil perhatian dan tindakan selanjutnya dan hari ini dibangkitkan semula, saya fikir perkara ini mungkin benarlah.

Jadi kalau sekiranya perkara ini benar, ianya tidak sepatutnya berlaku kerana tujuan Kerajaan Negeri membina rumah PR1MA adalah untuk diberikan kepada mereka-mereka yang er… tidak mampu membeli rumah yang mahal sebab harganya kita fikirkan mampu dibeli oleh er… individu-individu yang berpendapatan sederhana atau lebih dan saya berharap er… Yang Berhormat daripada Tanah Rata dapat mengemukakan secara *detail*, lengkap, sebab rumah PR1MA di Cameron Highlands ini banyak. Lokasinya banyak, kita tidak tahu mana satu [berdehem] dan selepas itu Kerajaan Negeri akan buat tindakan susulan. Sebabnya, kalau sekiranya perkara ini benar-benar berlaku dengan izin Tuan Yang di-Pertua, makna dia *beat the purpose* maknanya matlamat Kerajaan untuk membantu mereka yang tiada rumah tidak tercapai.

Jadi saya harap Yang Berhormat boleh kemukakan kepada Kerajaan Negeri, kepada Exco Perumahan pun boleh, lokasinya di mana, di Tanah Rata ke, di Brinchang ke, di Kampung Raja ke, di Ringlet ke, di Bertam ke, jadi Kerajaan Negeri boleh er… fokus dan boleh memulakan siasatan dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan terakhir pagi ini. Saya jemput Wakil dari Damak.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 10.

> Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pahang dalam menyusun penempatan penduduk yang padat di Kampung Sungai Jan, Jerantut kerana kawasan tersebut merupakan laluan utama Jerantut-Kuala Lipis?

Er… namun demikian semalam telah dijelaskan jawapannya. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak perlu jawab lagi, okey. Terima kasihlah.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai sepuluh er… soalan dan jawapan. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Wakil-Wakil Kerajaan yang telah menjawab.

Saya bercadang untuk menempohkan Persidangan kita pada pagi ini dan saya menghargai kemasukan semula kita ke dalam Dewan pada pukul 11.30 pagi. Oleh kerana hari ini hari Jumaat, kita akan bersama-sama menunaikan solat Jumaat dan selepas dari minum nanti, kita akan mendengar pula ucapan jawapan dan penggulungan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Oleh demikian, saya amat berharap kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk masuk semula ke dalam Dewan dan jangan lambat, dan jangan lari, pada jam 11.30 pagi ini. Mesyuarat ditangguhkan. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan pada pukul 10.53 pagi]

[Persidangan disambung semula]

SAMBUNGAN MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2020) 2019

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Sambungan Menimbang Rang Undang-undang Perbekalan (2020) 2019.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Perbekalan (2020) 2019 telah dibentang pada 18 November 2019 dan telah pun dibuka untuk dibahaskan pada 19 dan 20 November yang lalu. Pada 21 November pula seramai 9 orang Wakil Kerajaan telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Majlis akan menimbang Rang Undang-undang tersebut pada pagi ini.

Kini tibalah masanya kita mendengar Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli Negeri Pahang, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi Negeri Pahang menyampaikan hujah-hujah dan penggulungan pada pagi ini. Dengan segala hormatnya saya persilakan Yang Amat Berhormat Dato' Sri membuat penggulungan. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menggulung perbahasan bagi pihak kerajaan serta jawatankuasa-jawatankuasa di bawah saya sempena dengan Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Keempat Belas pada hari ini. Penggulungan ini memberi peluang kepada saya untuk menjawab pelbagai persoalan yang ditimbulkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian semasa sesi perbahasan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (2020) 2019 dan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2020 yang berlangsung selama 3 hari pada 19, 20 dan 21 November yang lepas.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan Ahli-ahli Dewan yang bertanyakan soalan sama ada lisan ataupun bertulis yang telah dikemukakan kepada saya dan begitu juga semasa er… perbahasan membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan portfolio di bawah saya.

Pada kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan kerjasama kepada semua yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Dewan sempena perjalanan persidangan Dewan Negeri Yang Mulia ini bermula pada hari Isnin, 18 November yang lalu. Dan saya sangat sukacita kerana amalan ini telah kita amalkan sejak dulu kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengutarakan pandangan secara saksama, mendahulukan hal yang lebih penting. Semuanya mengikut aturan dan peraturan sehinggalah segala… segala

yang telah mencapai maksud yang diinginkan dan hasrat dan objektif… objektifnya tercapai.

Saya berdoa semoga Allah SWT memudahkan segala urusan kita. Segalanya diberi jalan keluar sepertimana yang kita saksikan sekarang. Begitu jugalah hendaknya doa kita agar Allah SWT mengurniakan rahmat-Nya kepada kita semua serta memberkati Dewan Yang Mulia ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua para pegawai yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Yang telah merangka, menyemak, menyemak semula seterusnya menyiapkan ucapan Belanjawan Negeri 2020 seperti mana yang telah saya bentangkan selama 1 jam 10 minit.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, penyediaan ucapan belanjawan ini telah saya semak sebanyak 4 kali sebelum ianya dibentang di Dewan Yang Mulia ini. Dan er… saya sangat berharap sepanjang pembentangan tersebut tidak ada apa-apa yang tertinggal ataupun yang tercicir dan alhamdulillah nampaknya mendapat sambutan yang begitu baik dan perbahasan daripada rakan-rakan Ahli-ahli Dewan telah banyak menjurus kepada apa yang telah saya bentangkan semasa pembentangan belanjawan pada hari Isnin yang lalu.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengucapkan terima kasih terutama sekali kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dan pegawai serta kakitangannya kerana telah bertungkus lumus menyiapkan ucapan belanjawan negeri tersebut, dibantu oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan sedikit sebanyak daripada Pejabat Menteri Besar. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua juga, belanjawan ini telah dimulakan awal semenjak bulan… semenjak bulan Mei yang lepas. Maknanya dia buat sedikit demi sedikit sehinggalah er… ianya siap dibentangkan pada 18 Mei yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan saranan Kerajaan Negeri supaya rakyat membayar cukai dan untuk itu mengambil kesempatan di sini, saya ingin menyebutkan bahawa keperluan yang berterusan Kerajaan Negeri untuk menambahkan hasil tahunannya. Ini adalah satu aspek yang hendak saya sentuh kerana kutipan hasil ini sangat penting, kerana sehingga 18 November 2019 jumlah tunggakan… tunggakan kutipan hasil ialah sebanyak RM86.82 juta. Daripada RM86 juta tersebut, tunggakan cukai tanah ialah sebanyak RM72.1 juta, perumahan RM8.89 juta, bayaran pinjaman ternakan RM4.7 juta, tabung penjaja dan peniaga kecil RM441,000.00, sewaan tanaman kekal pengeluaran makanan RM372,000.00, sewaan kedai RM231,000.00 manakala sewaan gerai PLB sebanyak RM3,110.00.

Untuk makluman er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, baki er… bagi tunggakan cukai tanah yang paling tinggi direkodkan ialah di Kuantan kira-kira RM38 juta dan paling rendah di Cameron Highlands kira-kira RM123,000.00. Tapi ini tidaklah bermakna Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan tidak er… berusaha untuk mengutipkan cukai dan tidak juga bermakna Pejabat Tanah dan Daerah Cameron Highlands cekap mengutip cukai. Ini sebab kalau dibandingkan Cameron Highlands dan Kuantan tidak sama daripada segi *handicap*nya kerana Cameron Highlands kecil dan Kuantan sangat besar daerahnya.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua juga, Kerajaan Negeri terpaksa walaupun Kerajaan Negeri tidak suka untuk mengeluarkan notis 6A dan 8A ini, tapi tidak ada pilihan kerana tunggakan yang begitu tinggi dan pengeluaran notis 6A dan 8A ini adalah… pengeluaran notis 6A adalah untuk tujuan menuntut tunggakan manakala notis 8A adalah bagi tujuan perampasan berdasarkan Seksyen 97 Kanun Tanah Negara. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan juga, sehingga 18 November 2019, sebanyak 2,967 notis 6A dan 246 notis 8A telah dikeluarkan. Bagi pihak Kerajaan Negeri, sebenarnya kita mengharapkan supaya rakyat sedar dan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat supaya mereka membayar cukai.

Jadi Kerajaan Negeri apabila ada kesedaran, bermakna Kerajaan Negeri tidaklah perlu mengeluarkan notis 6A ataupun 8A. Tetapi buat pada masa ini Kerajaan Negeri tidak ada pilihan kerana tunggakannya yang begitu tinggi dan hasilnya selepas 6A dikeluarkan dan 8A dikeluarkan, kita dapati ramai daripada rakyat negeri Pahang telah mula membayar cukai, malah ramai di antara mereka terutamanya yang dikenakan er… yang mendapat notis 8A telah pun datang ke pejabat membuat pertimbangan, membuat rayuan dan sebagainya. Kerana notis 8A ini adalah tujuan untuk merampaskan harta tanah yang tidak dibayar.

Untuk makluman juga, tunggakan hasil ini adalah merupakan hak kerajaan dan oleh itu rakyat perlu mempunyai kesedaran dan tanggungjawab membayar cukai dan kerajaan pula hanya menuntut hak yang sepatutnya. Dengan hasil kutipan ini juga kerajaan insya-Allah akan pulangkan semula kepada rakyat dalam bentuk pembangunan ekonomi ataupun dalam bentuk lain yang akhirnya akan memberi manfaat dan kesejahteraan kepada rakyat termasuklah pemberian bonus baharu ini kepada penjawat-penjawat awam. Jadi saya berharap supaya rakyat negeri Pahang mempunyai kesedaran supaya tidak menunggu notis 6A atau 8A dikeluarkan kerana ini adalah menjadi kewajipan er… mereka yang memiliki tanah untuk membayar cukai kepada kerajaan.

Pada kesempatan ini juga saya menyeru kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya turut sama memainkan peranan, memberi kesedaran kepada rakyat ataupun menjadi penghubung antara Kerajaan Negeri dan rakyat dan turut juga berusaha untuk membangkitkan kesedaran kepada rakyat tentang kewajipan membayar cukai pada setiap program yang diadakan di dalam kawasan Dewan Negeri masing-masing.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin juga mengambil…

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya menanya Yang Amat Berhormat tentang pengeluaran Notis 8A. Sebelum Notis 8A dikeluarkan er... adakah SOP bahawa tanah yang hutang cukai berapa tahun baharu dikeluarkan Notis 8A? 5 tahun ke atas ke? Ataupun 1-2... 1 tahun 2 tahun kalau Notis 6A dikeluarkan dia tak bayar lagi terus 8A?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum Notis 8A dikeluarkan, Pejabat Tanah dan Daerah akan mengeluarkan Notis 6A. Tetapi amalan biasanya Notis 8A ini sebelum ini, sangat-sangat jarang dikeluarkan kerana Notis 8A dikeluarkan ialah apabila tidak dibayar apa ni tanah tersebut akan dirampas oleh Kerajaan Negeri. Tetapi walau bagaimanapun walaupun telah keluar tetapi kalau sekiranya pemilik tanah tersebut ingin er… memiliki semula tanah tersebut mereka terpaksa membuat permohonan yang baharu. Sebab itulah sebelum 8A dikeluarkan, kita keluarkan Notis 6A, di mana kita dah bagi... bagi apa ni makluman awal kepada pemilik-pemilik tanah. Kita tidak akan keluar terus 8A mesti keluar 6A diikuti dengan 8A.

YB. CIK LEONG YU MAN

Terima kasih penjelasan daripada Yang Amat Berhormat.

Er... soalan saya adalah, er… untuk tanah yang hutang cukai berapa tahun selep... er... 5 tahun ke? ataupun 1 tahun, 2 tahun selepas Notis 6A dikeluarkan kalau dia tetap tidak bayar Notis 8A akan dikeluarkan.

Soalan kedua, adakah kerajaan boleh memastikan bahawa Notis 6A betul-betul boleh sampai tuan tanah dengan *register post* ataupun *by hand*? Sebab kita takut kadang-kadang alamat yang ada di rekod Pejabat Tanah mungkin bukan yang terbaharu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, okey Yang Berhormat.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebenarnya tidak ada tempoh. Seperti mana yang saya katakan tadi, 8A sebelum ini sangat jarang dikeluarkan. Tetapi bila dah tunggakan semakin meningkat, Kerajaan Negeri pun tak boleh tahan. Sampai bila lagi kita nak ambil apa ini… tindakan? Dia tak... *by right* selepas setahun kalau tak bayar, boleh, boleh keluar 8A selepas borang 6A dikeluarkan tetapi kita tidak mengeluarkan. Biasanya kita banyak mengeluarkan 6A.

Saya ingat Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kita tak pernah dengar pun Notis 8A, tak pernah cakap di Dalam Dewan ni bersabit dengan Notis 8A. Baharu hari ini sahaja. Jadi sebab peningkatan hutang semakin meningkat. Kita keluar 6A pun pemilik tanah masih tidak ambil peduli, tunggakan semakin meningkat dan itu adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengambil tindakan. Yang kedua, sama ada notis tersebut sampai atau tidak? Sudah tentulah pihak Pejabat Tanah ataupun PTG memastikan bahawa notis tersebut sampai kepada tuan punya tanah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan pada 19 haribulan yang lalu. Yang Berhormat Sungai Lembing membangkitkan soal saguhati petroleum seperti mana yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan pimpinan BN sebelum ini. Untuk makluman Yang Berhormat Yang di-Pertua, kalau kita mendengar kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi Dato' Sri Azmin baharu-baharu ini, ada menyatakan bahawa er… duit petroleum ini, saguhati petroleum ini akan dibayarkan

kepada Kelantan... dan Kelantan, Terengganu dan Pahang apabila isu persempadanan semula dikeluarkan. Sebelum ini tak pernah sebut pun pasal Pahang. Cuma Kelantan, Terengganu, tapi kali ini disebut Pahang. Memang ada sedikit masalah persempadanan di antara Terengganu dengan Pahang tetapi perkara ini sedang dalam tindakan kedua-dua kerajaan negeri iaitu Pahang dan Terengganu.

Dan bersabit dengan er… petroleum ini, saya ingin er... memaklumkan bahawa saya telah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya bawa dua perkara. Pertama sekali saya bawa isu petroleum ini... Petronas duit Petronas yang kedua sekali, saya bawa isu berkenaan dengan duit SUKMA dan er... saya dimaklumkan bahawa surat bersabit dengan permohonan petroleum, wang saguhati Petronas ini telah pun dipanjangkan ke pejabat CEO Petronas dan sebab itulah saya yakin, kenyataan Dato' Sri Azmin, Menteri Hal Ekonomi ada kaitan dengan surat tersebut.

Saya telah berjumpa dengan Tun. Saya beritahu Yang Amat Berhormat Tun. Kelantan, Terengganu mendapat duit Petronas sedangkan mereka ini adalah di luar kawasan perairan minyak, iaitu lebih daripada 3 batu nautika. Kelantan dan Terengganu. Dan Pahang pun begitu juga. Kalau Kelantan, Terengganu dapat saya beritahu pada Tun, Pahang pun seharusnya dapat kerana sebelum ini saya ingat Terengganu kawasan tersebut adalah berada dalam kawasan perairan Terengganu tetapi sebenarnya di luar juga daripada kawasan perairan Terengganu dan ekoran daripada itu, Tun tidak menjanjikan apa-apa, cuma dia kata dia akan tengok kedudukan kewangan dan sebagainya. Kalau keadaan mengizinkan, Perdana Menteri mengatakan insya-Allah. Jadi kita sama-sama berdoa lah ya, itu kedudukan dia sehingga hari ini.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Bila Yang Berhormat mengatakan akan tengok itu, biasanya kalau akan tengok ni terutamanya kalau orang politiklah tunggulah, nantilah, saya tengoklah biasanya harapan itu kecil. Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri Besar menggunakan kaedah yang lain untuk berbaik dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita kena kaji apa kesukaan dia, buah yang dia suka, makanan dia suka dan itu sebab saya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, dia dua kali panggil saya dah. 7 bulan dulu, bulan lepas dan saya bawalah Tenun Pahang saya bawa ke dia ini pun saya ingat elok juga Yang Berhormat Perdana Menteri... Menteri Besar mencuba kaedah-kaedah tersendiri ya, supaya perkara dapat dipermudahkan lagi.

Minta maaflah mencelah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih Tuan Speaker.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Pelangai. Saya dah amalkan sikit perkara tersebut dan sekarang ini saya sedang fikir apa lagi Yang Amat Berhormat Tun, saya ingat yang paling suka.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, tak apa saya ingat...

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya fikir Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun suka kalau saya masuk BERSATU agaknya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Habis Yang Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat... Yang Berhormat Pelangai boleh *pm* tepilah. Banyak lagi tu saya ingat. Boleh *pm* tepi.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh. Seterusnya ialah berhubungan dengan duit SUKMA tetapi yang ini saya tidak dapat melihat perkembangannya. Tetapi baharu-baharu ini selepas Mesyuarat Wilayah Ekonomi Pantai Timur kebetulan Yang Berhormat Menteri Kewangan duduk di sebelah saya. Saya sedang berfikir bagaimana nak mencari akal untuk bercakap perkara ini. Sebab saya nampak memang tidak ada jalan walaupun saya dah kata sebelum ini jangan *double standard* SUKMA Johor bayar dan sebagainya.

Lepas itu saya beritahu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Saya kata Yang Berhormat, Dewan Undangan Negeri Pahang sekarang ni sedang bersidang dan saya dapati rata-rata rakyat Negeri Pahang sekarang ini sedang menyumpah Menteri Kewangan. Dia tanya saya, sumpah apa? Saya dengar mereka sumpah bagi *you* susah, bagi *you* sakit apa semua sebab itu duit SUKMA, RM240 juta, kalau tak silap saya, betul kan? Ha…, RM240 juta adalah duit rakyat Negeri Pahang, hasil cukai Negeri Pahang tetapi Pahang bayar sepatutnya yang Federal bayar dan y*ou* boleh bayar sebab Johor *you* bayar. Kemudian dia kata, ada buat surat? Saya kata ada. Nanti saya *check* balik dia cakap. Rupanya saya kata sumpah dia takut juga rupanya. Jadi kita tunggu lah ya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Rakan saya daripada Padang Tengku ada membangkitkan tentang Lipis sebagai daerah yang termiskin dan menduduki tangga ke-21 di seluruh negara. Sukacita saya merujuk kepada statistik terkini status e-kasih menurut daerah-daerah dalam Pahang yang mencatatkan Lipis ialah daerah yang ketiga daripada segi jumlah tertinggi bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar. Jumlah ketua isi rumah miskin dan miskin tegar di daerah ini ialah 525 ketua isi rumah atau 10.2% daripada jumlah 5,164 ketua isi rumah miskin dan miskin tegar di seluruh Negeri Pahang.

Ke arah membantu bagi memajukan lagi daerah Lipis, Kerajaan Negeri telah pun mengwujudkan daerah kecil Jelai dengan peruntukan RM5 juta disediakan. Tujuannya ialah supaya banyak perkara-perkara yang boleh diatasi, disampaikan dengan cepat, *delivery system* nya mungkin lagi cepat dengan adanya daerah kecil ini dan saya juga menyarankan agar pelabur daripada negara lain turut ditarik melabur di... dan mendirikan kilang mereka di daerah Lipis termasuklah di Kawasan Perindustrian Kecau Tui.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Padang Tengku, saya pun telah mengulas lebih lanjut berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Padang Tengku. Saya juga ingin mencadangkan supaya satu kajian perlu dibuat bagi menukarkan Kawasan Perindustrian Kechau Tui ini kepada nama yang lebih menarik.

Sebab Kechau Tui… jadi, tak ada *commercial value.* Yang Berhormat setuju tak? Yang Berhormat ada cadangan tak? Yang Berhormat setuju tak?

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Tinggal lagi nama nanti kita bincang kemudianlah.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya cadangkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Kawasan Perindustrian Padang Tengku, boleh? Atau nak bincang semula lepas ini?

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Bincanglah.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Okey, bincang semula. Kalau Kawasan Perindustrian Padang Tengku, mengambil sempena ADN Kawasan Padang Tengku. Kalau setujulah tapi terpulang kepada Yang Berhormat ya. Kemudian saya ingin sentuh juga berkenaan dengan jajaran *Central Spine Road,* khususnya antara Merapoh dan Kechau Tui. Yang Berhormat daripada Padang Tengku juga meminta supaya hentian rehat turut diadakan demi kemudahan dan keselesaan pengguna jalan raya tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya telah memaklum kepada Jabatan Kerja Raya sememangnya sedang ada menyediakan tapak dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang sedang mengenal pasti secara terperinci serta juga mengkaji kewajaran membinanya. Sahabat saya Yang Berhormat daripada Beserah membangkitkan mengenai *preferred share* ataupun *preference share* saham keutamaan dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang akan mengenakan sebanyak 5% ke atas pelabur luar negara untuk diberikan kepada syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mengenakan saham utama ini kerana ianya akan… kerana Kerajaan Negeri akan mendapat beberapa keutamaan apabila pelabur atau syarikat mengisytiharkan dividen nanti. Kerajaan Negeri juga akan mendapat keutamaan membeli saham tambahan apabila pelabur atau syarikat berkenaan menambahkan sahamnya dalam bentuk *right issue* dan sememangnya ini terkandung dalam Akta Syarikat 1965.

Mengenai *golden share* pula, sungguhpun Kerajaan Negeri menetapkan 1% sahaja yang akan Kerajaan Negeri sendiri perolehi daripada pelabur ataupun syarikat berkaitan tetapi dengan 1% *golden share* ini, Kerajaan Negeri memiliki seolah-olah kuasa veto ke atas apa juga keputusan yang dibuat oleh pelabur atau syarikat yang berkaitan. Dengan ini juga, kepentingan Kerajaan Negeri serta negeri Pahang secara amnya akan sentiasa terpelihara.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Yang Berhormat daripada Kuala Semantan membangkitkan tentang MPKK. Begitu juga Yang Berhormat daripada Ketari, Yang Berhormat daripada Kemayan dan juga Yang Berhormat daripada Pulau Manis. Sukacita saya menarik perhatian Ahli-ahli

Yang Berhormat kepada kenyataan yang pernah saya buat sebelum ini termasuk dalam Ucapan Belanjawan Negeri pada, pada Isnin yang lepas.

Kerajaan Negeri memang tidak bersetuju dan membantah sekeras-kerasnya sekiranya MPKKP diwujudkan kerana MPKK yang sedia ada ini pun telah berjalan dengan elok, keadaannya harmoni, aman dan tidak ada masalah dan ianya telah diluluskan oleh Jemaah Menteri di peringkat persekutuan. Dan er… bermakna … kalau sekiranya MPKKP ini diwujudkan, bermakna Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini lagi sekali membuat pusingan U ataupun *U-turn* dan mengikut *statement* yang saya terima pada hari ini, Timbalan Menteri Perpaduan… Timbalan Menteri Luar Bandar telah pun er… menegaskan menyatakan bahawa MPKKP tetap diwujudkan di 5 negeri yang berstatus pembangkang di kalangan… pada kaca mata Kerajaan Pakatan Harapan termasuklah Pahang.

Jadi, pada hari ini saya ingin tegaskan lagi sekali bahawa Kerajaan Negeri akan tetap mewujudkan JKKK pada 1 hari bulan Januari ini sekiranya MPKKP ditubuhkan pada 1 Januari. [Ahli Dewan menepuk meja] dan Kerajaan Negeri telah pun memperuntukkan sebanyak RM6 juta bagi tujuan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Ahli Yang Berhormat daripada Teruntum membangkitkan keperluan bagi Kerajaan Negeri menambahkan lagi kakitangan terutamanya yang berkaitan dengan sektor-sektor bagi mencegah ketirisan hasil negeri. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Teruntum, 94 jawatan baharu termasuklah di Jabatan Veterinar yang akan diisi sepenuhnya berkuatkuasa pada 1 Januari 2020 ini. Dan begitu juga er… penubuhan unit UE ataupun Unit Kuatkuasa, *Special Task* di bawah Pejabat SUK telah pun kita tubuhkan dengan melibatkan beberapa jawatan baharu.

Yang Berhormat daripada Peramu Jaya telah membangkitkan keperluan Kerajaan Negeri menggunakan *drone* berperimeter tinggi bagi mengatasi masalah pencerobohan dan pembalakan haram di negeri ini. Selain *drone* sedia ada yang dimiliki oleh jabatan-jabatan berkenaan, termasuklah Jabatan Perhutanan Negeri yang terbaharu, Kerajaan Negeri telah membeli 12 buah *drone* untuk Pejabat Pengarah Tanah dan Galian bagi kegunaan bersama. Dengan ini, adalah diarahkan aktiviti pencerobohan dan pembalakan haram bukan sahaja dapat ditangani, malah dibanteras sama sekali.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Pelangai, bekas Menteri Besar. YB daripada Pelangai beritahu saya jangan sebut mantan, sebab mantan ini membawa maksud mundar-mandir tanpa kerja… tanpa jawatan. Kemudian, lebih… lebih suka sekiranya disebut bekas tapi saya pula lebih suka saya sebut kalau saya *address* Yang Berhormat daripada Pelangai, Yang Berhormat Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Besar Yang Ke-14. Sebab saya Menteri Besar Yang Ke-15. [Ahli Dewan menepuk meja]

Lepas tu, Dato'… Yang Berhormat daripada Pelangai kata mana-mana pun bolehlah asalkan jangan mantan, mundar-mandir tanpa kerja. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kerana telah memberi nasihat yang baik apabila meminta agar dalam masa Kerajaan Negeri berusaha untuk menambahkan hasil, Yang Berhormat daripada Pelangai telah meminta supaya

jangan menyusahkan rakyat jelata termasuklah pelabur di kawasan perindustrian Gebeng.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Pelangai, setiap kali Mesyuarat Exco, kalau sekiranya ada keputusan yang penting, saya bersama-sama dengan rakan-rakan akan bertanya, adakah keputusannya menguntungkan rakyat Pahang, adakah menguntungkan Kerajaan Negeri dan kalau sekiranya tidak menguntungkan Kerajaan Negeri ataupun rakyat, kita akan tangguh dulu ataupun kita akan tolak apa jua keputusan yang telah dibawa.

Itulah keutamaan er… apa ni Exco dan juga saya pada hari ini dan lagi sekali saya ucapkan terima kasih atas nasihat ikhlas kerana Yang Berhormat daripada Pelangai bukan sahaja di dalam Dewan malah di luar Dewan ataupun di tempat-tempat yang bersesuaian, Yang Berhormat sentiasa memberi pandangan dan nasihat yang membina kepada saya dan juga kepada rakan-rakan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan saya percaya, nasihat ini juga diberi kepada rakan-rakan yang lain termasuklah rakan-rakan daripada PAS dan juga daripada Pakatan Harapan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Ahli Yang Berhormat daripada Luit menyebut perkara yang hampir sama dengan turut mencadangkan agar Kerajaan Negeri mengenakan kadar cukai yang fleksibel. Begitu juga Yang Berhormat daripada Ketari yang menanyakan perkara hampir sama khususnya mengenakan kadar yang dikenakan ke atas pemain industri. Sukacita saya nyatakan bahawa pengenaan cukai tanah tidak akan membebankan rakyat kerana cukai bagi kediaman dan yang melibatkan pekebun kecil masih menggunakan kadar cukai yang sama sejak tahun 2007.

Bagi kawasan perindustrian pula, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa kadar industri baharu di kawasan perindustrian Gebeng yang bakal berkuat kuasa 1 Januari 2020 adalah masih berpatutan. Kadarnya ialah RM5 bagi semeter persegi berbanding hanya RM0.25 semeter persegi. Kadar yang dikenakan sejak 2007 atau selama tempoh 12 tahun yang lepas.

Dan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi contohnya di sini, saya tidak akan menyebut nama syarikat yang berkaitan. Tetapi inilah yang telah dimaklumkan kepada saya. Sebagai contohnya syarikat A, ini yang betul-betul berlaku di Gebeng ini. Memperolehi keuntungan kira-kira RM4.4 bilion pada tahun 2017. Syarikat A berkenaan ini di Gebeng memperolehi keuntungan RM4.4 bilion. Kalau kita ikutkan cukai tahun 2007, nilai yang syarikat ini bayar kepada pejabat tanah ialah sebanyak RM189,800.00 sahaja.

Walau bagaimanapun, pada kadar cukai tanah baharu yang Kerajaan Negeri perkenalkan, syarikat… perlu membayar lebih kurang tiga ribu... tiga… bukan RM3.7 juta atau lebih kurang 0.09% daripada keuntungan syarikat. Itu beza dia. Dia untung RM4.4 bilion, kita syarikat ini kena bayar RM189,000.00… bagi Kerajaan Negeri *its not fair for the state* lah ya, sebab dia untung banyak sangat tetapi dengan yang baharu ni dia cuma kena tambah RM3.7 juta sahaja daripada keuntungan RM4.4 bilion dan lagi satu syarikat, Syarikat B, saya tidak akan sebut nama syarikat yang berkenaan, yang memperoleh keuntungan bersih pada tahun 2018 sebanyak RM1.08 bilion.

Jadi kalau ikutkan cukai tanah pada tahun 2007, dia cuma kena bayar RM87,000.00 dia untung 1.08 billion, dia cuma kena bayar RM87,000.00 sahaja dengan kadar cukai

tanah yang baharu, syarikat B berkenaan hanya kena bayar RM1.7 juta atau hanya 0.16% daripada keuntungan bersih syarikat itu.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Mohon izin untuk mencelah. Kalau begitulah fakta yang ada, saya yakin dan percaya keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri adalah tepat. Cuma saya minta supaya ada *engagement* dengan syarikat-syarikat ini sebelum kadar itu dikuatkuasakan, elok kita berbincang dengan mereka dan er… segala *point* fakta yang ada pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu dibentang kepada mereka. Tetapi pembentangan ini jangan dibentang terus. Kita dengar cerita mereka dulu kemudian baharu kita boleh *argue* dengan menggunakan fakta-fakta yang sedia ada.

Kalau begitulah keadaannya, situasi sebenar berdasar kepada fakta-fakta yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya tidak bimbanglah, saya takut kalau mereka lari dan sebagainya. Tetapi kalau itulah kadarnya dibandingkan keuntungan yang dibuat, itu keuntungan yang diistyihar tu, keuntungan itu untuk *audited financial report* tu. Yang luar yang belum audit tu tak tahu lagi. Kalau itulah keadaannya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya menyokong penuhlah apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar setelah berbincang dengan Ahli-ahli daripada kerajaan dan menggunakan kadar yang baharu. Tahniah, terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL'

Terima kasih Yang Berhormat daripada Pelangai. Insya-Allah kita akan ambil ingatan dan kita akan ambil tindakan supaya syarikat-syarikat berkaitan kita akan er… buat engage… *engagement* tu sebelum ianya dikuatkuasakan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya rasa itu sajalah yang dapat saya er… sempat jawab pada pagi ini dan sekiranya ada lagi soalan-soalan ataupun yang tidak sempat saya jawab, insya-Allah saya akan jawab secara bertulis dan saya akan lebih terperincikan er… semasa saya memberi jawapan nanti, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah wasalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Majlis Mesyuarat dalam jawatankuasa.

Dewan Negeri bermesyuarat dalam jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA

Jadual B.01-Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.01–Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,698,987.00 untuk kepala B.01–Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.01–Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.02–Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.02–Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM 99,744,035.00 untuk kepala B.02–Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.02-Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.03–Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.03–Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM111,928,736.00 untuk kepala B.03–Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.03-Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.04-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.04–Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM876,825.00 untuk kepala B.04–Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.05–Dewan Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.05–Dewan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM12,215,520.00 untuk kepala B.05–Dewan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.05-Dewan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.06–Jabatan Kerja Raya Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala B.06–Jabatan Kerja Raya Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah

RM65,132,815.00 untuk kepala B.06–Jabatan Kerja Raya Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju". Lagi sekali Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli yang "Setuju". Sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan" Tidak". Tiada. Kepala B.06-Jabatan Kerja Raya Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.07–Jabatan Perhutanan Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala B.07–Jabatan Perhutanan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. RM36,252,270.00 untuk kepala B.07–Jabatan Perhutanan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.07-Jabatan Perhutanan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.08–Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.08–Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM11,901,627.00 untuk kepala B.08–Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.08-Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.09–Jabatan Pertanian Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala B.09–Jabatan Pertanian Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM26,461,327.00 untuk kepala B.09–Jabatan Pertanian Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.09-Jabatan Pertanian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.10–Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.10–Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM23,631,873.00 untuk kepala B.10–Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Terima kasih. Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.10-Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.11–Pejabat Daerah dan Tanah Bentong.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.11– Pejabat Daerah dan Tanah Bentong dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM6,495,815.00 untuk Kepala B.11–Pejabat Daerah dan Tanah Bentong menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.11–Pejabat Daerah dan Tanah Bentong menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.12–Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM5,773,426.00 untuk Kepala Bekalan B.12–Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.12 – Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.13–Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.13–Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM7,413,987.00 untuk Kepala B.13–Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.13–Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.14-Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.14–Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM9,518,775.00 untuk Kepala B.14–Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.14–Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.15–Pejabat Daerah dan Tanah Lipis.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.15–Pejabat Daerah dan Tanah Lipis dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM7,472,858.00 untuk Kepala B.15–Pejabat Daerah dan Tanah Lipis menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.15–Pejabat Daerah dan Tanah Lipis menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.16-Pejabat Daerah dan Tanah Pekan.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.16–Pejabat Daerah dan Tanah Pekan dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,356,305.00 untuk Kepala B.16–Pejabat Daerah dan Tanah Pekan menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.16–Pejabat Daerah dan Tanah Pekan menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.17-Pejabat Daerah dan Tanah Raub.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.17–Pejabat Daerah dan Tanah Raub dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM6,609,321.00 untuk Kepala B.17–Pejabat Daerah dan Tanah Raub menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.17–Pejabat Daerah dan Tanah Raub menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.18–Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.18–Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM9,401,681.00 untuk Kepala B.18–Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.18–Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.19– Pejabat Daerah dan Tanah Rompin.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.19–Pejabat Daerah dan Tanah Rompin dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM6,393,767.00 untuk Kepala B.19–Pejabat Daerah dan Tanah Rompin menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.19–Pejabat Daerah dan Tanah Rompin menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.20-Pejabat Daerah dan Tanah Maran.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.20–Pejabat Daerah dan Tanah Maran dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM7,030,827.00 untuk Kepala B.20–Pejabat Daerah dan Tanah Maran menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.20–Pejabat Daerah dan Tanah Maran menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.21-Pejabat Daerah dan Tanah Bera.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.21–Pejabat Daerah dan Tanah Bera dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM5,547,284.00 untuk Kepala B.21–Pejabat Daerah dan Tanah Bera menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.21–Pejabat Daerah dan Tanah Bera menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.22–Pejabat Tanah dan Galian Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.22–Pejabat Tanah dan Galian Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM11,177,607.00 untuk Kepala B.22–Pejabat Tanah dan Galian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.22–Pejabat Tanah dan Galian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.23–Jabatan Mineral dan Geosains Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.23–Jabatan Mineral dan Geosains Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM338,677.00 untuk Kepala Bekalan B.23–Jabatan Mineral dan Geosains Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.23–Jabatan Mineral dan Geosains Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.24–Jabatan Agama Islam Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.24–Jabatan Agama Islam Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM117,820,189.00 untuk Kepala B.24–Jabatan Agama Islam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.24–Jabatan Agama Islam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.25–Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.25–Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM4,391,472.00 untuk Kepala B.25–Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B.25–Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.26–Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.26–Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM18,199,856.00 untuk Kepala Bekalan B.26–Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.26–Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.28–Jabatan Mufti Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.28–Jabatan Mufti Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM3,197,797.00 untuk Kepala B.28–Jabatan Mufti Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.28 – Jabatan Mufti Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.29–Jabatan Kehakiman Syariah Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.29– Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM6,655,208.00 untuk Kepala B.29–Jabatan Kehakiman Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.29 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.31-Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.31–Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah

RM1,788,116.00. Untuk Kepala B.31-Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan ”Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Terima kasih. Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B.31 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Fasal 1(1);
Fasal 1(2);
Fasal 2(1);
dan Fasal 2(2).

YB. PENGERUSI

Fasal 1(1);
Fasal 1(2);
Fasal 2(1);
dan Fasal 2(2); menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

Sila pencadang.

YAB. DATO’ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO’ HJ MD SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (2020) 2019 dimaklum kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan ”Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Terima kasih. Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

BACAAN KALI KETIGA

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa,

> **"Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu", telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang."**

YB. DATO' HJ MD SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (2020) 2019 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2020) 2019, disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020 bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

Perkara Ketiga: Menimbang Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Dan Perbekalan Air Tahun 2020.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2020 telah dibentang, disokong dan dibahas pada 18, 19 dan 20 November 2019. Seramai 25 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Soalannya sekarang ialah usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapatkan kelulusan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Usul tersebut diluluskan.

Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama yang baik pada sidang kita pada pagi ini. Sekarang saya bercadang untuk menempohkan persidangan ini di sebelah petang dan persidangan kita disambung semula pada jam 3.00 petang. Persidangan ditempohkan. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan pada jam 12.31 tengah hari]

[Persidangan disambung semula]

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2/2019) 2019.
KERTAS DEWAN NEGERI 29/2019

SETIAUSAHA

Perkara Keenam (1). Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2/2019) 2019. Kertas Dewan Negeri 29/2019**.**

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2/2019) 2019.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong usul itu.

SETIAUSAHA

"Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu."

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2/2019) 2019, dibaca bagi kali yang kedua.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama:

> **"Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan dalam untuk perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu",**

dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Perkara 44 Bahagian Dua Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang menyatakan bahawa jika wang diperuntukkan oleh Undang-undang Perbekalan tidak mencukupi atau terdapat lebih perbelanjaan bagi apa-apa maksud di mana-mana tahun kewangan, ianya hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Negeri dan kepala-kepala perbelanjaan tersebut hendaklah dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan.

Di samping itu, Seksyen 11(3) Akta Prosedur Kewangan membolehkan Menteri Besar membuat pendahuluan dari Kumpulan Wang Disatukan untuk menampung keperluan tersebut.

Jumlah wang yang dipohon untuk Anggaran Tambahan Kedua beritahun kewangan 2019 ialah sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Juta Empat Ratus Dua Puluh Satu Ribu Sembilan Ratus Sembilan Sahaja) bagi Maksud Bekalan (B). Manakala sebanyak Ringgit Malaysia Satu Juta Dua Puluh Empat Ribu Empat Ratus Enam Belas) adalah bagi Maksud Tanggungan dalam *kurungan* (T).

Tambahan ini adalah untuk maksud-maksud perbelanjaan seperti berikut:

a)	Emolumen	-	Sembilan Ratus Empat Puluh Empat Ribu Tujuh Puluh Lapan Ringgit
b)	Perkhidmatan dan Bekalan	-	Dua Juta Empat Ratus Lima Puluh Enam Ribu Lima Ratus Enam Puluh Tujuh Ringgit
c)	Pemberian Dalam Negeri	-	Satu Juta Empat Puluh Lima Ribu Enam Ratus Lapan Puluh Ringgit

Jumlah keseluruhannya ialah Empat Juta Empat Ratus Empat Puluh Enam Tiga Ratus Dua Puluh Lima Ribu Ringgit.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua ,

Maklumat penuh bagi tujuan tambahan ini adalah dinyatakan di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan di dalam Persidangan Dewan ini, Kertas DN 33/2019.

Peruntukan Tambahan diperlukan bagi menampung kekurangan gaji dan elaun kepada bagi kakitangan yang bertugas, perkhidmatan dan bekalan, perhubungan dan utiliti sewaan dan menampung bayaran pencen Siasah Kerabat Diraja Pahang dan Bantuan Pengurusan Jenazah serta Bayaran Ganjaran.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sekian sahaja penerangan ringkas saya berhubung Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2/2019) 2019 ini dan berharap Rang Undang-undang yang saya bentangkan ini mendapat sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan seterusnya diluluskan. Saya mohon mencadang.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalah di hadapan Majlis ialah

> **"Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu",**

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Tiada. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Dan yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA

Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA

Jadual B01. Pejabat Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Kepala Bekalan B01. Pejabat Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah Ringgit Malaysia Satu Juta Dua Puluh Lima Ribu Tiga Ratus Enam Puluh Sembilan. Untuk Kepala B01 Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B01. Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang jadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B02. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Kepala Bekalan B02. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah Ringgit Malaysia Dua Juta Empat Puluh Lapan Ribu Empat Puluh. Untuk Kepala B02 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju. Terima kasih.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Kepala B02 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B22. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Pahang.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Kepala Bekalan B22. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah Ringgit Malaysia Tiga Ratus Empat Puluh Lapan Ribu Lima Ratus. Untuk Kepala B22. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Kepala B22 Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang jadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Fasal 1;
Fasal 2(1);
Dan Fasal 2(2)

YB. PENGERUSI

Fasal 1;
Fasal 2(1);
Dan Fasal 2(2)
Dibuka untuk perbahasan sekarang. Tiada. Masalahnya bahawa;

Fasal 1;
Fasal 2(1);
Dan Fasal 2(2); menjadi sebahagian daripada Undang-undang hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada.

Fasal 1;
Fasal 2(1);
Dan Fasal 2 (2); menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi,

Saya mohon menyokong Usul itu.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2/2019) 2019 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

BACAAN KALI KETIGA

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa

> **"Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan"**

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2/2019) 2019 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2/2019) 2019, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keenam (ii): Rang Undang-Undang
Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan) (No.2) 2019 Kertas DN 30/2019.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan) (No.2) 2019.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1981.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Di Raja (Pindaan) (No.2) 2019, dibaca bagi kali yang kedua.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama:

"Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1981"

dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Masalah di hadapan Majlis ialah

"Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Di Raja 1981"

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas.

Tiada. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1981.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1 dan Fasal 2.

YB. PENGERUSI

Fasal 1 dan Fasal 2, dibuka untuk perbahasan sekarang.

Masalahnya bahawa Fasal 1 dan Fasal 2; menjadi sebahagian daripada Undang-undang hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan) (No.2) 2019 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli- ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

BACAAN KALI KETIGA

YAB. DATO’ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon memaklumkan bahawa,

“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1981”

telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. DATO’ KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan) (No.2) 2019 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli- ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) (No.2) 2019, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keenam (iii): Rang Undang-Undang

Rang Undang-undang Enakmen Jumaah Pangkuan Negeri (Elaun dan Keistimewaan) (Pindaan) 2019 Kertas DN 31/2019

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Jumaah Pangkuan Negeri (Elaun dan Keistimewaan) (Pindaan) 2019.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Jumaah Pangkuan Negeri (Elaun dan Keistimewaan) 1960.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadang...menyokong cadangan tersebut.

BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Jumaah Pangkuan Negeri (Elaun dan Keistimewaan) (Pindaan) 2019, dibaca bagi kali yang kedua.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama:

"Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Jumaah Pangkuan Negeri (Elaun dan Keistimewaan) 1960"

dibacakan bagi kali kedua sekarang.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Masalah di hadapan Majlis ialah

"Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Jumaah Pangkuan Negeri (Elaun dan Keistimewaan) 1960"

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Tiada. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

"Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Jumaah Pangkuan Negeri (Elaun dan Keistimewaan) 1960."

YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA

Fasal 1 dan Fasal 2.

YB. PENGERUSI

Fasal 1 dan Fasal 2. Dibuka untuk perbahasan sekarang.Tiada Perbahasan.

Fasal 1 dan Fasal 2; menjadi sebahagian daripada Undang-undang hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada.

Fasal 1 dan Fasal 2; menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YB. DATO‘ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO’ SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Jumaah Pangkuan Negeri (Elaun dan Keistimewaan) (Pindaan) 2019 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

BACAAN KALI KETIGA

YB. DATO‘ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa:

> **“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Jumaah Pangkuan Negeri (Elaun dan Keistimewaan) 1960**” **telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan**.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang Jumaah Pangkuan Negeri (Elaun dan Keistimewaan) (Pindaan) 2019 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

> **"Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Jumaah Pangkuan Negeri (Elaun dan Keistimewaan) (Pindaan) 2019, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang."**

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keenam: (iv)
Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands 2019 Kertas DN 32/2019

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands 2019.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

> **"Suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya".**

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands 2019, dibaca bagi kali yang kedua.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

> **"Suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya"**

dibacakan bagi kali kedua sekarang.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis ialah:

> **"Suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan berkesampingan dengannya"**,

dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Tiada. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA

Fasal 1 hingga Fasal 35.

YB. PENGERUSI

Fasal 1 hingga Fasal 35. Dibuka untuk perbahasan sekarang. Tiada Perbahasan.

YB. TUAN ANDANSURA BIN RABU

Tuan Pengerusi,

Boleh saya minta penjelasan dari perkara Fasal 4 Perkara (i), keanggotaan perbadanan. Di dalam ini dinyatakan bahawa perbadanan ini hendaklah terdiri daripada anggota berikut, ada beberapa senarai dan yang terakhir sekali senarai (i). Dinyatakan disini, 3 orang Wakil Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Menteri. Saya ingin penjelasan apakah rasional kita meletakkan Wakil Kerajaan Persekutuan di dalam Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands yang mempunyai kepentingan secara langsung kepada negeri er... dan implikasi yang bakal diterima sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak melantik 3 Wakil mereka atau tidak memainkan peranan sepertimana yang dikehendaki, ataupun menghalang menyekat sebarang usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Adakah ianya juga bakal memberi kesan kepada Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands ini. Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

YB. PENGERUSI

Pihak kerajaan.

YB. DATO‘ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada ADN Beserah kerana yang bertanyakan berkenaan dengan Fasal 4. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Beserah, apabila kita menubuhkan perbadanan, lazimnya kita ada Wakil daripada Kerajaan Pusat. Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang, ada Wakil daripada Kerajaan Pusat, 3 Wakil daripada kementerian, PKNP pun ada dan er... perlantikan ini adalah er... amalan biasa, di mana lazimnya kementerian akan menghantar Wakil untuk membantu, menyelia dan memberi pandangan dan nasihat kepada perbadanan dan perkara yang sama juga dibuat ketika untuk kita mencadangkan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands ini, kita mencadangkan lantikan daripada kementerian.

Tujuannya ialah apabila ada Wakil daripada kementerian, kementerian ataupun Kerajaan Pusat akan er... menetapkan peruntukan kepada perbadanan untuk membantu supaya perbadanan ini dapat dikembangkan dan kalau sekiranya pihak kementerian tidak menghantar Wakil pun, tidak ada masalah sebab kita ada kuorum-kuorum tertentu... minima kuorum yang perlu, yang boleh kita mengadakan mesyuarat dan andainya mereka tidak ada Wakil, perbadanan tersebut masih diteruskan. Dan ini adalah menjadi amalan biasa. Sebab itulah kita masukkan juga Wakil daripada kementerian. Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. PENGERUSI

Yang Berhormat, saya ingat jelas penerangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi. Baiklah Yang Berhormat sekalian, Fasal 1 hingga Fasal 35; menjadi sebahagian daripada Undang-undang hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Fasal 1 hingga Fasal 35; menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YAB. DATO‘ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO’ SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands 2019 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI DEWAN

Setuju

PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

BACAAN KALI KETIGA

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon memaklumkan bahawa "Suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya" telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands 2019 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands 2019, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

USUL

Perkara Ketujuh: Usul

Usul Penubuhan Kumpulan Wang Amanah Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) Pahang. YB. Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan Negeri Pahang akan membawa cadangan.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi

> **"Bahawa dengan ini, bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61), bersetuju menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) Pahang, Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang"**.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Ke-22/2019 pada 23 Julai 2019 telah menimbang Kertas Cadangan daripada Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan Negeri Pahang dan bersetuju supaya Jabatan Agama Islam Pahang menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) Pahang Kerajaan Negeri.

Kumpulan Wang itu, Kumpulan Wang ini ditubuhkan bagi memudahkan penyaluran peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Anak-anak Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri, dan orang ramai. Ia juga bertujuan memastikan rekod-rekod kewangan diperakaunkan dengan teratur dan mematuhi semua prosedur kewangan bagi semua lapan belas (18) buah Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang.

Penubuhan Kumpulan Wang Amanah Sekolah Menengah Agama Islam Negeri (SMAN) Pahang akan membolehkan Jabatan Agama Islam Pahang:

i) Memperakaunkan penerimaan bantuan atau pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, sumbangan dan lain-lain pendapatan yang diluluskan; dan

ii) Merekodkan perbelanjaan pengurusan semua Sekolah Menengah Agama Negeri.

Kumpulan Wang ini akan ditadbirkan oleh satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam dan dua puluh tiga (23) orang ahli yang terdiri daripada Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam, Ketua Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Ketua Penolong Bahagian Pendidikan, semua Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Agama Negeri, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan dan Penolong Pegawai Tadbir (Kewangan).

Yang Berhormat Dato‘ Sri Yang di-Pertua,

Penubuhan Kumpulan Wang ini akan memberi gambaran sebenar berkaitan penyaluran daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri, Anak-anak Syarikat Kerajaan Persekutuan/Negeri dan orang ramai. Ia juga bertujuan memastikan rekod-rekod kewangan diperakaunkan dengan teratur dan mematuhi semua prosedur kewangan bagi semua lapan belas (18) buah Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato‘ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61), menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) Pahang. Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) Pahang.

Yang Berhormat Dato‘ Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

YB. DATO‘ SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Usul ini dibuka untuk perbahasan. Tiada. Masalahnya ialah Usul ini telah dicadang dan disokong. Soalannya sekarang ialah usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini, sila nyatakan “SETUJU”,

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan “TIDAK”. Tiada. Usul tersebut diluluskan.

LAPORAN

SETIAUSAHA

Perkara: Laporan

Penyata Kewangan Negeri Pahang Tahun 2018 Kertas DN 35/2019

Penyata Kewangan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang (PSK) Berakhir 31 Disember 2018 kertas DN 36/2019

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 37/2019

Penyata Kewangan Perbadanan Muzium Negeri Pahang Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 38/2019

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF) Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 39/2019

Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Darul Makmur Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 40/2019

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 41/2019

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kuantan Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 42/2019

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Temerloh Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 43/2019

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Bentong Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 44/2019

Penyata Kewangan Majlis Daerah Pekan Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 45/2019

Penyata Kewangan Majlis Daerah Lipis Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 46/2019

Penyata Kewangan Majlis Daerah Jerantut Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 47/2019

Penyata Kewangan Majlis Daerah Cameron Highlands Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 48/2019

Penyata Kewangan Majlis Daerah Maran Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 49/2019

Penyata Kewangan Majlis Daerah Rompin Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 50/2019

Penyata Kewangan Majlis Daerah Bera Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 51/2019.

Penyata Kewangan Majlis Daerah Raub Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 52/2019.

Penyata Kewangan Yayasan Pahang Berakhir 31 Disember 2018 Kertas DN 53/2019.

Laporan Ketua Audit Negara:
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Pahang Tahun 2018.
Kertas DN 54/2019.

PENANGGUHAN

SETIAUSAHA

Perkara: Penangguhan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YB. DATO' DRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon membawa cadangan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang. Sebelum itu Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk berucap sebelum cadangan saya ini disokong.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pertama sekali saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita sekarang berada di penghujung Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Keempat Belas pada hari ini. Tempoh persidangan kita selama lima hari juga bermula pada hari Isnin dan berakhir pada hari ini, yang antara lainnya ialah Pembentangan Ucapan Belanjawan Negeri 2020 disusuli perbahasan dan berakhir pada hari ini Jumaat 22 November.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Selama tempoh lima hari kita bersidang, saya lagi sekali melahirkan rasa syukur saya dan gembira kerana setelah lima mesyuarat Dewan Negeri sebelum ini, dalam tempoh saya dengan takdir AllahNya sebagai Menteri Besar telah berjalan dengan lancar, licin dan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah menunjukkan penghormatan yang tinggi terhadap Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, dan sentiasa akur kepada apa jua yang telah ditetapkan oleh Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua.

Dan yang saya dapati sedikit kelainan pada sidang Dewan pada hari ini ialah terdapat banyak pantun, sama ada daripada pihak kerajaan, pembangkang dan seperti mana yang telah saya janjikan, saya akan jawab pantun daripada ADN Ketari. Lepas ni YB. Ketari boleh jawab pantun di luar dewan sebab Yang Berhormat Ketari tak sempat nak

jawab dah. Harap Yang di-Pertua jangan bagi keizinan pulak selepas ditangguhkan, ya. [ketawa]

Butang baju melayu paknye,
Maknya sembunyi tak letak merata,
Biarlah Ketari dengan roketnya,
BN dan PAS teguh dengan muafakat kita.

(Ahli Dewan menepuk meja)

Main gasing pusingnya ligat,
Mula bermain selepas subuh,
Ketari tak masuk UMNO tidak tergugat,
Muafakat Nasional semakin teguh.

(Ahli Dewan menepuk meja)

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga mendapati bahawa amalan hormat-menghormati ini telah diamalkan sejak daripada dulu lagi dan saya berharap supaya amalan ini akan diteruskan untuk di masa-masa yang akan datang. Dan ini juga boleh saya simpulkan bahawa wujud satu keadaan suasana kekeluargaan yang besar sesama kita dan boleh dikatakan sudah merentasi sempadan fahaman politik. Dan ini juga dapat saya nyatakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telah mempamerkan kematangan berhujah, kebijaksanaan memberi pendapat bernas dan bijak, selain itu juga mempunyai disiplin dalam menjaga masa yang amat berharga.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya percaya suasana menyenangkan seperti mana dalam tempoh lima hari pada persidangan kita kali ini tidaklah terhenti setakat ini saja. Ianya hendaklah diteruskan daripada persidangan-persidangan yang akan datang dan dengan ini sahajalah akan dapat terus menjamin natijah dan kesan yang baik selama kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat berada di dalam Dewan Yang Mulia ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pada kesempatan ini saya ingin mengambil peluang untuk saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sehinggalah kepada Yang Hormat Setiausaha Dewan serta kakitangan dibawah seliaannya. Komitmen yang tinggi dan kerja keras inilah, maka persidangan dewan ini dapat berjalan lancar dan mungkin juga ada kedengaran sungutan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang ketegasan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pada kali ini mengenai pematuhan masa. Namun ini pada amnya disambut baik oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak kerana ketegasan Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan mesyuarat kita ini, persidangan kita ini akan disambung pada hari Isnin. Jadi dengan ketegasan itu, hari Sabtu dan hari Ahad kita bolehlah balik ke kawasan masing-masing dan boleh buat kerja-kerja kita berjumpa dengan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya harus juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang telah membuat persiapan rapi dalam berhujah, memberikan jawapan ketika sesi soal jawab malah dalam menggulung perbahasan bagi pihak portfolio masing-masing. Sudah tentulah ianya dibantu oleh ketua-ketua jabatan kerajaan serta agensi kerajaan yang telah hadir setiap hari serta menyediakan butiran yang diperlukan bagi pihak kerajaan yang diWakili oleh Yang Berhormat Ahli-ahli MMK untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya juga turut terima kasih kepada semua anggota-anggota Polis Diraja Malaysia yang telah memberikan khidmat keselamatan serta kru kesihatan dengan ambulan *standby* demi menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada yang memerlukan. (Ahli Dewan menepuk meja) Dan saya juga lagi sekali mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga, saya juruskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang secara berhemah dan budiman berbahas dan terlebih… terlibat aktif dalam sesi soal jawab serta perbahasan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengucapkan kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian, supaya pulanglah ke kawasan masing-masing dan berkhidmatlah sebaik-baiknya demi memastikan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat yang kita masing-masing wakili. Dan kita semua sedia tahu bahawa sekarang ini adalah bulan November, yang akan memasuki bulan Disember, yang mana pada setiap hujung tahun kita akan berdepan dengan musim tengkujuh yang boleh membawa kepada kejadian bencana banjir.

Bukanlah kita mendoakan agar bencana banjir ini berlaku tetapi hakikatnya kita berada pada musim tengkujuh yang mana kita semua perlulah bersiap sedia untuk membantu rakyat yang terjejas dengan bencana itu kelak. Semoga kita dapat berjumpa lagi dalam suasana yang serupa sepertimana tempoh persidangan 5 hari ini pada persidangan yang akan datang pula, insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kalau ada sumur di ladang,
Boleh hamba menumpang mandi,
Kalau ada umur yang panjang,
Boleh kita berjumpa lagi.

Sekianlah sahaja ucapan penghargaan dan terima kasih saya kepada semua yang telah menjayakan persidangan ini. Dengan ini saya mencadangkan supaya Persidangan Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua ini ditangguhkan. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Ahli Dewan menepuk meja)

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI HAJI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bakul kelubi tersangka dokong,
Usul MB saya sokong.

(Ahli dewan menepuk meja)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh juga Yang Berhormat ya. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat Menteri besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Alhamdulillah saya juga turut bersyukur ke hadrat Allah SWT persidangan kita Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Keempat Belas bagi menutup tirai tahun 2019 telah berlangsung dengan lancar dan selamat.

Saya bersama-sama dengan Timbalan Yang di-Pertua mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama, sokongan dan komitmen yang amat baik kepada saya dan lebih penting lagi dan lebih mustahak, menghormati, menghargai, memahami dan meletakkan Dewan Yang Mulia ini di atas landasan yang betul dan penuh integriti. Syabas dan tahniah.

Kita semua tidak penting tetapi ada yang lebih penting iaitu Dewan Yang Mulia ini. Kita perlu pertahankan kesuciannya. Ianya bukan gelanggang untuk menunjukkan kekuatan, bukan pentas untuk kita bertaki, bertengkar dan bukan berbicara ikut emosi dan persepsi. Di sinilah perlambangan demokrasi ditegakkan. Di sinilah ketamADNan bangsa diangkat dan di sinilah kesejahteraan dan kemakmuran rakyat direncanakan dan diperjuangkan.

Saya, anda dan Ahli-ahli Dewan boleh datang dan pergi tetapi Dewan Yang Mulia ini tetap utuh, unggul dan memastikan institusi kesultanan, rakyat dan kerajaan dipertahankan. Hormatilah setiap peraturan yang telah ditetapkan, tunjuk kehebatan diri yang bertatasusila tinggi sebagai seorang Wakil yang terbaik.

Saya ucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada penyokong kerajaan dan pembangkang pada sidang ini, menyampaikan perbahasan yang sungguh bernas, lontaran idea yang baik, banyak hujah-hujah yang membina untuk rakyat dan negeri. Lebih penting dan sangat teruja lagi, Ahli-ahli Dewan penuh berakhlak mulia, menepati masa, amat berminat dan komited menghadiri tiap-tiap persidangan pada waktu dan saat yang telah ditetapkan. Terima kasih kepada Ahli-ahli Berhormat semua.

Di zaman yang serba canggih ini, apa yang berlaku di sini rakyat akan melihat dengan jelas dan cepat. Semoga semua perbahasan, perdebatan dan perancangan Kerajaan Negeri yang dibawa oleh setiap hujah Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi keberkatan oleh Allah SWT.

Saya juga tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di pelbagai bahagian/agensi di belakang tabir, yang telah bertungkus-lumus dan menjalankan tugas dengan baik sejak awal hingga akhir persidangan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, pegawai-pegawai Hansard, UKOMP, Bahagian Teknologi Maklumat yang sentiasa memberi kerjasama dalam menjayakan persidangan ini.

Terima kasih juga kepada Jabatan JKR Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Bomba, TNB dan Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Pegawai-pegawai Daerah yang membantu persidangan secara langsung dan tidak

langsung. Semoga hubungan baik dan kerjasama ini dapat diteruskan di masa-masa akan datang.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mendoakan selamat pulang ke kawasan masing-masing. Jalankan amanah dan tugas yang suci ini dengan ikhlas dan dedikasi. Rakyat telah menghantar Yang Berhormat ke Dewan Yang Mulia ini. Utamakan rakyat, binalah kehidupan mereka yang sempurna dan terbaik. Marilah kita berdoa semoga di ambang 2020, Negeri Pahang Darul Makmur akan memperlihatkan wajah baharu yang dinamik, pertumbuhan ekonomi yang melonjak, hasil negeri yang lumayan, kemudahan asas yang baik, perumahan rakyat yang tersusun, keharmonian, kesejahteraan, perpaduan dan kehidupan rakyat yang bahagia dan makmur.

Inilah ilham, inspirasi dan cetusan idea seorang pemimpin yang wibawa, yang wibawa berjiwa besar, berpandangan jauh, berani dan dedikasi yang telah ditakdir… ditakdirkan oleh Allah SWT menerajui dan memimpin Pahang Darul Makmur iaitu tidak lain dan tidak bukan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar (Ahli Dewan tepuk meja) yang dikasihi. Yang dikasihi dan disukai oleh pelbagai kaum, peringkat, lapisan dan golongan masyarakat samaada kawan atau lawan. Berpewatakan sederhana, lemah-lembut, mudah berbicara, bekerja tanpa had dan waktu dan berazam membawa Pahang maju terus, rakyat bahagia dan sejahtera. Syabas dan tahniah Yang Amat Berhormat Dato' Sri dibantu oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan semua Ahli-ahli Dewan Negeri yang saya kasihi.

Sebagai akhirnya marilah kita bersama membaca Surah Al-Asr semoga Allah SWT merahmati kita semua. [Ayat al-Quran] [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Mesyuarat ditangguhkan. Semoga kita bertemu lagi dimesyuarat yang akan datang dan dimaklumkan kemudian. Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum WBT.

[Persidangan ditangguhkan pada jam 3.58 petang]